JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

KAJIAN PERSEPSI AWAM TERHADAP CADANGAN PENGGUBALAN RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK

LAPORAN AKHIR

FEBRUARI 2026

UNIVERSITI MALAYA
Universiti Kebangsaan Malaysia
National University of Malaysia
Universiti Malaysia Sarawak UNIMAS
International Islamic University Malaysia
Garden of Knowledge and Virtue
C4 THE CENTER TO COMBAT CORRUPTION AND CRONYISM
IDEAS INSTITUTE FOR DEMOCRACY AND ECONOMIC AFFAIRS

JADUAL KANDUNGAN

1 | BAB 1 16

1.1 PENDAHULUAN 17

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN 18

1.3 OBJEKTIF KAJIAN 20

1.4 SKOP, METODOLOGI DAN BIDANG TUGAS KAJIAN 21
1.4.1 Skop Kajian 22
1.4.2 Bidang Tugas Kajian & Metodologi Kajian 23
1.4.3 Output Kajian 25

1.5 PASUKAN KAJIAN 26

1.6 CADANGAN PARAMETER 27

1.7 KESIMPULAN 28

2 | BAB 2 29

2.1 PENDAHULUAN 30

2.2 PARAMETER 1: KEPERLUAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PENDANAAN POLITIK 31

2.3 PARAMETER 2: RANGKUMAN PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG 37

2.4 PARAMETER 3: PENGWUJUDAN BADAN KAWAL SELIA DANA POLITIK 39

2.5 PARAMETER 4: KEPERLUAN LEMBAGA PENASIHAT 44

2.6 PARAMETER 5: PENDANAAN POLITIK 47
2.6.1 Sub-Aspek 1: Kawal Selia terhadap Sumber Pembiayaan Calon dan Parti 48
2.6.2 Sub-Aspek 2: Perbelanjaan Politik 62
2.6.3 Sub-Aspek 3: Peruntukan Dana Awam/Kerajaan (*Public Funding*) 67
2.6.4 Sub-Aspek 4: Pendanaan Swasta (*Private Funding*) 79
2.6.5 Sub-Aspek 5: Pendanaan Tanpa Nama (*Anonymous Donation*) 81
2.6.6 Sub-Aspek 6: Pendanaan Asing (*Foreign Donation*) 82

2.7 PARAMETER 7: MEKANISME PELAPORAN 86

2.8 PARAMETER 8: PENDEDAHAN LAPORAN KEPADA UMUM 92

2.9 PARAMETER 9: KESALAHAN DI BAWAH AKTA 97

2.10 PERTIMBANGAN DAN SKOP LAIN YANG RELEVAN 100

2.11 RUMUSAN KAJIAN LITERATUR 107
2.11.1 Rumusan Literatur Parameter 1: Keperluan Undang-Undang Pendanaan Politik di Malaysia 107
2.11.2 Rumusan Literatur Bagi Parameter 2: Rangkuman Pemakaian Undang-Undang 109
2.11.3 Rumusan Literatur Bagi Parameter 3: Kewujudan Badan Kawal Selia 110
2.11.4 Rumusan Literatur Bagi Parameter 4: Kewujudan Lembaga Penasihat 112
2.11.5 Rumusan Literatur Bagi Parameter 5: Pendanaan Politik 113
2.11.6 Rumusan Literatur Bagi Parameter 6: Mekanisme Penerimaan Sumbangan 115
2.11.7 Rumusan Literatur Bagi Parameter 7: Mekanisme Pelaporan 116
2.11.8 Rumusan Literatur bagi Parameter 8: Pendedahan Kepada Awam 119
2.11.9 Rumusan Literatur Bagi Parameter 9: Kesalahan di Bawah Akta 123

2.12 ANALISIS TRIANGULASI LITERATUR 125

3 | BAB 3 130

3.1 PENDAHULUAN 131

3.2 LATAR BELAKANG KERANGKA PERUNDANGAN DI MALAYSIA 132

3.3 RANGKA KERJA PERUNDANGAN UTAMA 132
3.3.1 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA 132
3.3.2 AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957 (AKTA 31) 136
3.3.3 AKTA PILIHAN RAYA 1958 (AKTA 19) 137
3.3.4 AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954 (AKTA 5) 140
3.3.5 AKTA PERTUBUHAN 1966 (SEMAKAN 2021) (AKTA 832) 146
3.3.6 AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694) 149
3.3.7 AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (AMLATFPUAA) [AKTA 613] 151

3.4 RANGKA KERJA PERUNDANGAN SUBSIDIARI 153
3.4.1 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 (PU(A) 386/1981) 153
3.4.2 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 (PU(A) 293/2002) 153
3.4.3 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 (PU(A) 185/2004) 154

3.5 UNDANG-UNDANG LAIN YANG SERING TERPAKAI SEMASA KEMPEN/PENGUATKUASAAN 154
3.5.1 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) 154
3.5.2 Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) 155
3.5.3 Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) 156

3.6 ANALISIS KERANGKA PERUNDANGAN & JURANG PERUNDANGAN (*LOOPHOLE*) 156

4 | BAB 4 161

4.1 PENDAHULUAN 162

4.2 KANADA (*CANADA*) 163
4.2.1 Keperluan Undang-Undang 163
4.2.2 Rangkuman pemakaian undang-undang pendanaan politik di Canada 166

4.2.3 Pewujudan badan kawal selia pendanaan politik di Canada 169
4.2.4 Penubuhan lembaga penasihat bagi pendanaan politik di Canada 171
4.2.5 Konsep Pendanaan Politik di bawah Undang-undang Pendanaan Politik di Canada 172
4.2.6 Mekanisme Penerimaan Sumbangan di bawah Undang-undang Pendanaan Politik di Canada 178
4.2.7 Mekanisme Pelaporan di bawah Undang-undang Pendanaan Politik di Canada 180
4.2.8 Pendedahan Laporan kepada Umum di bawah Undang-undang Pendanaan Politik di Canada 182
4.2.9 Kesalahan di bawah Undang-undang Pendanaan Politik di Canada 184

4.3 SWEDEN 191
4.3.1 Keperluan Undang-Undang 191
4.3.2 Rangkuman pemakaian undang-undang pendanaan politik di Sweden 194
4.3.3 Kewujudan badan kawal selia bagi pendanaan politik di Sweden 196
4.3.4 Keperluan Lembaga Penasihat bagi memantau badan kawal selia di Sweden 198
4.3.5 Kerangka umum pendanaan politik di Sweden 199
4.3.6 Mekanisme penerimaan dana politik 203
4.3.7 Mekanisme pelaporan pendanaan politik 203
4.3.8 Kewajipan pendedahan umum di bawah Akta 206
4.3.9 Kesalahan berkaitan pendanaan politik 207

4.4 JERMAN (*GERMANY*) 209
4.4.1 Keperluan Undang-Undang 209
4.4.2 Rangkuman pemakaian undang-undang pendanaan politik di Germany 211
4.4.3 Pewujudan badan kawal selia dana politik di Germany 213
4.4.4 Keperluan Lembaga Penasihat bagi memantau badan kawal selia di Germany 215
4.4.5 Konsep pendanaan politik di bawah Political Parties Act 216
4.4.5.1 Pendanaan separa awam (partial public funding) 217
4.4.5.2 Pendanaan persendirian 220
4.4.6 Mekanisme penerimaan sumbangan di bawah Political Parties Act 222
4.4.7 Mekanisme pelaporan di bawah Political Parties Act 223
4.4.8 Pendedahan laporan kepada umum di bawah Political Parties Act 228
4.4.9 Kesalahan berkaitan di bawah Political Parties Act 229

4.5 NEW ZEALAND 232
4.5.1 Keperluan Undang-Undang 234
4.5.2 Rangkuman Pemakaian Undang-Undang 242
4.5.3 Pengwujudan Badan Kawal Selia Dana Politik 244
4.5.4 Keperluan Lembaga Penasihat 245
4.5.5 Pendanaan Politik 246
4.5.5.1 Kawal Selia terhadap Sumber Pembiayaan Calon dan Parti 249
4.5.5.2 Perbelanjaan Politik 253
4.5.5.3 Peruntukan Dana Awam (Public Funding) 257
4.5.5.4 Pendanaan Swasta (Private Funding) 262
4.5.5.5 Pendanaan Tanpa Nama (Anonymous Donation) 263
4.5.5.6 Pendanaan Asing (Foreign Donation) 266
4.5.6 Mekanisme Penerimaan Sumbangan 266
4.5.7 Mekanisme Pelaporan 267
4.5.8 Pendedahan Laporan Kepada Umum 274
4.5.9 Kesalahan Di Bawah Akta 275

4.6 KOREA SELATAN (*SOUTH KOREA*) 276
4.6.1 Keperluan Undang-Undang 276
4.6.2 Rangkuman pemakaian undang-undang pendanaan politik di Korea Selatan 278
4.6.3 Kewujudan badan kawal selia bagi pendanaan politik di Korea Selatan 280
4.6.4 Keperluan Lembaga Penasihat bagi memantau badan kawal selia di Korea Selatan 281
4.6.5 Kerangka umum pendanaan politik di bawah Akta 281
4.6.6 Mekanisme penerimaan dana politik di bawah Akta 285

4.6.7 Mekanisme pelaporan di bawah Akta 286
4.6.8 Kewajipan pendedahan umum di bawah Akta 288
4.6.9 Kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta 289

4.7 SINGAPURA (*SINGAPORE*) 304
4.7.1 Keperluan Undang-Undang 304
4.7.2 Rangkuman Pemakaian Undang-Undang 305
4.7.3 Pengwujudan Badan Kawal Selia Dana Politik 306
4.7.4 Keperluan Lembaga Penasihat 306
4.7.5 Pendanaan Politik 307
4.7.5.1 Kawal Selia terhadap Sumber Pembiayaan Calon dan Parti 307
4.7.5.2 Perbelanjaan Politik 308
4.7.5.3 Peruntukan Dana Awam (Public Funding) 309
4.7.5.4 Pendanaan Swasta (Private Funding) 310
4.7.5.5 Pendanaan Tanpa Nama (Anonymous Donation) 310
4.7.5.6 Pendanaan Asing (Foreign Donation) 311
4.7.6 Mekanisme Penerimaan Sumbangan 312
4.7.7 Mekanisme Pelaporan 313
4.7.8 Pendedahan Laporan Kepada Umum 314
4.7.9 Kesalahan Di Bawah Akta 315

4.8 UNITED KINGDOM 316
4.8.1 Keperluan Undang-Undang 316
4.8.2 Rangkuman Pemakaian Undang-Undang 318
4.8.3 Pengwujudan Badan Kawal Selia Dana Politik 319
4.8.4 Keperluan Lembaga Penasihat 320
4.8.5 Pendanaan Politik 320
4.8.5.1 Kawal Selia terhadap Sumber Pembiayaan Calon dan Parti 321
4.8.5.2 Perbelanjaan Politik 323
4.8.5.3 Peruntukan Dana Awam (Public Funding) 325
4.8.5.4 Pendanaan Swasta (Private Funding) 328
4.8.5.5 Pendanaan Tanpa Nama (Anonymous Donation) 329
4.8.5.6 Pendanaan Asing (Foreign Donation) 329
4.8.6 Mekanisme Penerimaan Sumbangan 330
4.8.7 Mekanisme Pelaporan 332
4.8.8 Pendedahan Laporan Kepada Umum 333
4.8.9 Kesalahan Di Bawah Akta 334

4.9 AFRIKA SELATAN (*SOUTH AFRICA*) 335
4.9.1 Keperluan Undang-Undang 335
4.9.2 Rangkuman pemakaian undang-undang pendanaan politik 338
4.9.3 Kewujudan badan kawal selia bagi pendanaan politik 340
4.9.4 Keperluan Lembaga Penasihat bagi memantau badan kawal selia 343
4.9.5 Kerangka umum pendanaan politik 344
4.9.6 Mekanisme penerimaan dana politik di bawah Akta 349
4.9.7 Mekanisme pelaporan di bawah Akta 350
4.9.8 Kewajipan pendedahan umum di bawah Akta 353
4.9.9 Kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta 354

4.10 JADUAL PERBANDINGAN ANTARA NEGARA-NEGARA PENANDAARAS 363

5 | BAB 5 398

5.1 PENDAHULUAN 399

5.2 PELAKSANAAN TINJAUAN UMUM / SOAL SELIDIK (*SURVEY*) 400

5.3 LAPORAN ANALISIS DESKRIPTIF: PERSEPSI AWAM TERHADAP CADANGAN PENGGUBALAN RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK DI MALAYSIA... 401
5.3.1 Pendahuluan 401
5.3.2 Metodologi Kajian dan Kredibiliti Data 401
5.3.3 Profil Demografi Responden 403
5.3.4 Kesedaran dan Pandangan Orang Ramai Terhadap Undang-Undang Dana Politik 407
5.3.5 Skop Undang-Undang..... 410
5.3.6 Badan Kawal Selia Undang-Undang..... 413
5.3.7 Sumber Dana Politik..... 416
5.3.8 Penerimaan dan Penggunaan Dana 420
5.3.9 Pelaporan dan Ketelusan 422
5.3.10 Kesalahan dan Hukuman..... 424
5.3.11 Kepercayaan dan Keyakinan 426

5.4 Kesimpulan dan Rumusan 428

6 | BAB 6 430

6.1 PENDAHULUAN..... 432

6.2 MODUS OPERANDI FGD..... 433

6.3 GAMBAR PROGRAM..... 434
6.3.1 Gambar Sepanjang FGD 434
6.3.2 Gambar Sepanjang Temu Bual Separa Berstruktur 435

6.4 LAPORAN SESI TEMU BUAL BERSTRUKTUR 435
6.4.1 P1: Keperluan Undang-Undang berkaitan Pendanaan Politik..... 438
6.4.2 P2: Rangkuman Pemakaian Undang-Undang 440
6.4.3 P3: Pengwujudan Badan Kawal Selia Dana Politik..... 442
6.4.3.1 Model Suruhanjaya Bebas vs Jabatan Persekutuan 442
6.4.3.2 Pemerkasaan SPR dan SPRM 442
6.4.3.3 Tugas dan Kuasa Badan Kawal Selia 443
6.4.4 P4: Keperluan Lembaga Penasihat 444
6.4.5 P5: Pendanaan Politik (Sumber dan Had Sumbangan) 445
6.4.5.1 Kelayakan Sumber Dana 446
6.4.5.2 Isu Penderma Tanpa Nama (Anonymous Donors) 446
6.4.5.3 Peranan Kerajaan dan Dana Awam (Public Funding) 447
6.4.5.4 Had Maksimum Sumbangan dan Isu Perolehan Kerajaan 447
6.4.6 P6: Mekanisme/Pelaksanaan Penerimaan Sumbangan..... 448
6.4.7 P7: Mekanisme Pelaporan..... 449
6.4.7.1 Skop Pelaporan 449
6.4.7.2 Kekerapan Pelaporan..... 450
6.4.7.3 Kepentingan Audit Profesional..... 450
6.4.8 P8: Pendedahan Laporan kepada Umum 450
6.4.8.1 Pendedahan Penuh 451
6.4.8.2 Pendedahan Terhad/Berhati-hati 451
6.4.8.3 Pendedahan "Dua Lapis" 452
6.4.9 P9: Kesalahan di Bawah Akta 452
6.4.9.1 Kategori Kesalahan..... 453
6.4.9.2 Liabiliti dan Pertanggungjawaban 453
6.4.9.3 Bentuk Hukuman yang Dicadangkan 453

6.4.10 Evolusi Budaya Politik Malaysia 454
6.4.11 Keadilan Geografi dan Sosio-Ekonomi 455
6.4.12 Ancaman Digital dan Teknologi Baharu 455
6.4.13 Isu Keyakinan terhadap Agensi Penguatkuasa 455
6.4.14 Kesimpulan dan Cadangan Masa Hadapan 455

6.5 LAPORAN DAPATAN PERBINCANGAN KUMPULAN BERFOKUS (FGD)..... 456
6.5.1 PARAMETER 1: KEPERLUAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PENDANAAN POLITIK..... 459
6.5.1.1 Soalan 1: Adakah terdapat keperluan untuk Kerajaan mewujudkan undang- undang berkaitan pendanaan politik? 460
6.5.1.2 Soalan 2: Jika kerajaan bercadang untuk mewujudkan undang-undang pendanaan politik, apakah implikasinya? 465
6.5.2 PARAMETER 2: RANGKUMAN PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG 468
6.5.2.1 Soalan 3: Pada pendapat anda, apakah peringkat kesesuaian peringkat pemakaian akta ini? 468
6.5.3 PARAMETER 3: PENGWUJUDAN BADAN KAWAL SELIA DANA POLITIK..... 471
6.5.3.1 Soalan 4: Berikan pendapat anda tentang keperluan untuk mewujudkan badan bagi mengawal selia perihal dana politik di Malaysia? 471
6.5.3.2 Soalan 6: Sekiranya fungsi kawal selia dana politik dilaksanakan oleh badan yang baharu: a) apakah jenis badan yang sesuai ditubuhkan? 474
6.5.3.3 Soalan 6: Sekiranya fungsi kawal selia dana politik dilaksanakan oleh badan yang baharu: b):Apakah cadangan struktur yang sesuai bagi badan kawal selia yang baharu?..... 478
6.5.3.4 Soalan 8: Pada pandangan anda, setakat manakah kuasa yang wajar diberikan kepada adakah badan kawal selia dana politik wajar diberi kuasa penguatkuasaan atau penguatkuasaan dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan sedia ada? 481
6.5.4 PARAMETER 4: KEPERLUAN LEMBAGA PENASIHAT..... 484
6.5.4.1 Soalan 9: Jelaskan secara terperinci keperluan untuk diwujudkan satu entiti yang akan bertanggungjawab untuk menjadi Lembaga Penasihat kepada badan kawal selia dana politik? . 484
6.5.5 PARAMETER 5: PENDANAAN POLITIK 487
6.5.5.1 Soalan 11: Apakah pandangan anda tentang peranan kerajaan dalam menyediakan dana kepada parti politik? 487
6.5.5.2 Soalan 14: berapakah kadar yang sesuai untuk kerajaan salurkan dana kepada parti politik? 490
6.5.5.3 Soalan 15: Bagi dana swasta, apakah bentuk sumbangan yang dibenarkan?..... 493
6.5.5.4 Soalan 16: Adakah terdapat sumber-sumber dana yang tidak boleh diterima? 496
6.5.5.5 Soalan 17: Apakah keperluan untuk menyenaraikan sumber kewangan yang tidak sepatutnya diterima oleh parti politik daripada mana-mana entiti?..... 499
6.5.5.6 Soalan 18: Apakah pandangan anda tentang amalan parti politik yang menerima sumbangan daripada penyumbang yang tidak diketahui identiti (anonymous donor)? 502
6.5.5.7 Soalan 19: apakah pandangan anda bagi keperluan menetapkan had untuk terima sumbangan dari anonymous donor dan berapakah had tersebut? 504
6.5.5.8 Soalan 21: Pada pandangan anda, sejauh mana wajar parti politik dibenarkan menerima dana melalui aktiviti kutipan dana (fundraising) termasuk kaedah crowdfunding, dan apakah bentuk kawalan atau garis panduan yang sesuai dikenakan? 507
6.5.5.9 Soalan 22: Sekiranya parti politik dibenarkan menerima sumbangan, pada pandangan anda adakah wajar ditetapkan had maksimum sumbangan yang boleh diterima? Jika ya, berapakah had yang sesuai dan apakah faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menetapkannya? 510
6.5.5.10 Soalan 23: Pada pandangan anda, sejauh mana parti politik wajar dibenarkan menerima sumbangan daripada syarikat, dan apakah bentuk kawalan, syarat, atau ketelusan yang perlu ditetapkan bagi mengelakkan konflik kepentingan? 513
6.5.5.11 Soalan 24: Sekiranya parti politik dibenarkan menerima sumbangan daripada syarikat, pada pandangan anda, kategori syarikat manakah yang wajar dibenarkan menyumbang , dan adakah terdapat kategori syarikat yang perlu dikecualikan?..... 515
6.5.5.12 Soalan 25: Apakah pandangan anda tentang sumbangan politik daripada syarikat milikan asing yang beroperasi di Malaysia? 518

6.5.5.13 Soalan 26: Apakah pandangan anda mengenai sumbangan politik daripada syarikat yang mendapat projek perolehan kerajaan? 520
6.5.5.14 Soalan 27: Apakah pandangan anda tentang cadangan untuk memberikan pelepasan cukai kepada individu dan syarikat yang menyumbang kepada parti politik? 523
6.5.6 PARAMETER 6: MEKANISME/ PELAKSANAAN PENERIMAAN SUMBANGAN 526
6.5.6.1 Soalan 28: Apakah pandangan anda tentang keperluan menetapkan jumlah minimum sumbangan yang mesti direkodkan oleh parti politik? 526
6.5.6.2 Soalan 29: Pada pandangan anda, siapakah yang sepatutnya diberi tanggungjawab untuk menerima sumbangan kepada parti politik? 528
6.5.6.3 Soalan 30: Pada pandangan anda, apakah bentuk perbelanjaan yang patut dibenarkan daripada dana sumbangan parti politik? 531
6.5.6.4 Soalan 31: Bagaimanakah sumbangan politik sepatutnya disalurkan? 534
6.5.6.5 Soalan 32: Apakah mekanisme yang paling sesuai untuk memastikan dana sumbangan politik disimpan dengan selamat dan telus? 536
6.5.7 PARAMETER 7: MEKANISME PELAPORAN 539
6.5.7.1 Soalan 33: Pada pendapat anda, apakah skop hal perkara yang perlu dilaporkan? ... 539
6.5.7.2 Soalan 36: Berapa kerap laporan tersebut wajar dikemukakan? 542
6.5.7.3 Soalan 37: Pada pandangan anda, sejauh mana kepentingan laporan pendapatan dan perbelanjaan parti politik diaudit terlebih dahulu? 545
6.5.7.4 Soalan 38: Siapakah yang akan mengaudit laporan tersebut? 547
6.5.8 PARAMETER 8: PENDEDAHAN LAPORAN KEPADA UMUM 550
6.5.8.1 Soalan 39: Sejauh mana pentingnya laporan pendapatan dan perbelanjaan parti politik didedahkan kepada orang ramai, dan dalam bentuk apakah pendedahan itu wajar dibuat? 550
6.5.9 PARAMETER 9: KESALAHAN DI BAWAH AKTA 553
6.5.9.1 Soalan 41:Apakah pandangan anda tentang keperluan mewujudkan kesalahan undang-undang khusus berkaitan pengurusan dan penggunaan dana politik? Berikan cadangan. 553
6.5.9.2 Soalan 42: Sekiranya mana-mana parti politik didapati melakukan kesalahan di bawah peruntukan ini, siapakah yang akan dipertuduhkan atau dipertanggungjawabkan? 556
6.5.9.3 Soalan 43:Sekiranya didapati kesalahan berlaku di peringkat parti komponen, siapakah yang akan dipertuduhkan? 559
6.5.10 LAIN-LAIN 562
6.5.10.1 Soalan 44: Selain daripada cadangan yang telah dibincangkan, apakah lagi dasar atau langkah tambahan yang wajar dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk dimasukkan dalam RUU ini? 562
6.5.11 RUMUSAN KAJIAN 564

6.6 RUMUSAN BAB 566

7 | BAB 7 570

7.1 PENDAHULUAN 571

7.2 PARAMETER 1: KEPERLUAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PENDANAAN POLITIK 573

7.3 PARAMETER 2: RANGKUMAN PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG 575

7.4 PARAMETER 3: PENGWUJUDAN BADAN KAWAL SELIA DANA POLITIK 577

7.5 PARAMETER 4: KEPERLUAN LEMBAGA PENASIHAT 578

7.6 PARAMETER 5: PENDANAAN POLITIK 580

7.7 PARAMETER 6: MEKANISME/ PELAKSANAAN PENERIMAAN SUMBANGAN 582

7.8 PARAMETER 7: MEKANISME PELAPORAN 584

7.9 PARAMETER 8: PENDEDAHAN LAPORAN KEPADA UMUM 585

7.10 PARAMETER 9: KESALAHAN DI BAWAH AKTA 587

7.11 RUMUSAN DAN KESIMPULAN 589

8 | BAB 8 591

8.1 PENDAHULUAN 592

8.2 SYOR DASAR TERPERINCI RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK 593

8.2.1 SYOR DASAR 1: KEWAJIPAN MENGGUBAL UNDANG-UNDANG KHUSUS 595
8.2.1.1 Syor Dasar 595
8.2.1.2 Rasional Dasar 595
8.2.1.3 Cadangan Perundangan 599
8.2.2 SYOR DASAR 2: RANGKUMAN SKOP PEMAKAIAN YANG MENYELURUH & BERTERUSAN 599
8.2.2.1 Syor Dasar 599
8.2.2.2 Rasional Dasar 599
8.2.2.3 Cadangan Perundangan RUU 601
8.2.3 SYOR DASAR 3: PENUBUHAN BADAN KAWAL SELIA YANG BEBAS & KUASA BADAN KAWAL SELIA 601
8.2.3.1 Syor Dasar 602
8.2.3.2 Rasional Dasar 602
8.2.3.3 Cadangan Perundangan 605
8.2.4 SYOR DASAR 4: PENUBUHAN LEMBAGA PENASIHAT 606
8.2.4.1 Syor Dasar 606
8.2.4.2 Rasional Dasar 606
8.2.4.3 Cadangan Perundangan 607
8.2.5 SYOR DASAR 5: PENDANAAN POLITIK 608
8.2.5.1 Dana Kerajaan 608
8.2.5.2 Sumber Dana 614
8.2.5.2 Had Sumbangan & Derma Tanpa Nama 616
8.2.6 SYOR DASAR 6: MEKANISME PENERIMAAN DANA 618
8.2.6.1 Syor Dasar 618
8.2.6.2 Rasional Dasar 619
8.2.6.3 Cadangan Perundangan 621
8.2.7 SYOR DASAR 7: PELAPORAN, AUDIT & AKSES AWAM 622
8.2.7.1 Syor Dasar 622
8.2.7.2 Rasional Dasar 623
8.2.7.3 Cadangan Perundangan 624
8.2.8 SYOR DASAR 8: KESALAHAN & HUKUMAN 624
8.2.8.1 Syor Dasar 624
8.2.8.2 Rasional Dasar 624
8.2.8.3 Cadangan Perundangan 626
8.2.9 PENUTUP DASAR 626

8.3 JADUAL PERBANDINGAN ANTARA RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN, CADANGAN DASAR KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN, SESI LIBAT URUS BHEUU, DAPATAN TRIANGULASI DAN CADANGAN SERTA SYOR DASAR 633

8.4 *FREQUENTLY ASKED QUESTIONS* (FAQs) 689

8.4.1 SOALAN MENGENAI KAJIAN 689

8.4.1.1 Apakah reka bentuk metodologi kajian pendanaan politik ini, dan mengapa pendekatan tersebut dipilih? 689

8.4.1.2 Apakah justifikasi metodologi pemilihan negara-negara perbandingan dalam kajian ini, dan apakah kriteria yang digunakan bagi memastikan negara tersebut relevan dengan konteks politik, perundangan dan institusi Malaysia? 690

8.4.1.3 Bagaimanakah responden kajian dipilih, dan sejauh mana sampel kajian ini mewakili demografi Malaysia? 692

8.4.1.4 Apakah langkah yang diambil untuk memastikan soal selidik dan panduan temu bual adalah neutral serta tidak mempengaruhi jawapan responden? 693

8.4.1.5 Bagaimanakah dapatan kuantitatif dan kualitatif disahkan antara satu sama lain bagi memastikan kebolehpercayaan hasil kajian? 694

8.4.1.6 Apakah batasan utama kajian ini, dan bagaimana batasan tersebut diambil kira dalam merangka syor dasar? 694

8.4.2 SOALAN DASAR & JUSTIFIKASI RUU 695

8.4.2.1 Apakah keperluan mendesak untuk menggubal Rang Undang-Undang Pendanaan Politik sedangkan telah wujud undang-undang berkaitan pilihan raya, rasuah dan pertubuhan? . 695

8.4.2.2 Bagaimanakah kajian ini membuktikan bahawa undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk mengawal pendanaan politik secara berkesan? 695

8.4.2.3 Adakah dapatan kajian ini menunjukkan sokongan jelas daripada rakyat terhadap penggubalan undang-undang pendanaan politik? Jika ya, apakah peratusan sokongan tersebut? 695

8.4.2.4 Adakah kajian ini mengambil kira risiko bahawa undang-undang pendanaan politik boleh disalah guna untuk menekan pihak tertentu atau pembangkang? 696

8.4.3 SOALAN SKOP PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG 696

8.4.3.1 Siapakah pihak yang akan tertakluk di bawah Rang Undang-Undang Pendanaan Politik ini—adakah ia hanya terpakai kepada parti politik atau juga kepada calon individu dan calon bebas? 696

8.4.3.2 Adakah Rang Undang-Undang ini akan terpakai kepada semua peringkat pilihan raya termasuk PRU, PRN dan PRK? 696

8.4.3.3 Mengapa undang-undang ini dicadangkan untuk berkuat kuasa sebelum, semasa dan selepas pilihan raya, dan bukan terhad kepada tempoh kempen sahaja? 697

8.4.3.4 Bagaimanakah Rang Undang-Undang ini akan mengelakkan pemintasan (circumvention) kawalan melalui pihak ketiga seperti NGO atau entiti proksi yang berkait dengan parti politik dan ahli politik? 697

8.4.4 SOALAN BADAN KAWAL SELIA & KEBEBASAN INSTITUSI 697

8.4.4.1 Adakah kajian menyokong penubuhan satu badan kawal selia baharu bagi pendanaan politik, atau sekadar memperkasa agensi sedia ada? 697

8.4.4.2 Apakah justifikasi kajian terhadap keperluan badan kawal selia yang bebas dan tidak diletakkan sepenuhnya di bawah kawalan eksekutif? 698

8.4.5 SOALAN KUASA PENYIASATAN & PENGUATKUASAAN 698

8.4.5.1 Adakah badan kawal selia pendanaan politik akan diberikan kuasa penyiasatan? ... 698

8.4.5.2 Adakah kajian mengenal pasti risiko bahawa ketiadaan kuasa penguatkuasaan boleh menyebabkan Rang Undang-Undang ini tidak berfungsi secara efektif? 698

8.4.6 SOALAN SUMBER DANA & LARANGAN 699

8.4.6.1 Apakah jenis sumber dana yang dicadangkan untuk dilarang di bawah Rang Undang-Undang ini? 699

8.4.6.2 Adakah syarikat yang mempunyai kontrak atau perolehan kerajaan akan dibenarkan untuk menyumbang dana politik, dan apakah justifikasi dasar di sebalik keputusan tersebut? ... 699

8.4.6.3 Bagaimanakah sumbangan bukan kewangan (in-kind) akan ditaksir dan dikawal di bawah Rang Undang-Undang ini? 699

8.4.7 SOALAN HAD SUMBANGAN & ANONYMOUS DONATIONS 699
8.4.7.1 Apakah rasional penetapan had maksimum sumbangan politik, dan bagaimana amaun had tersebut akan ditentukan? 699
8.4.7.2 Mengapa kajian mencadangkan supaya had sumbangan ditetapkan secara berhati-hati atau konservatif pada peringkat awal? 700
8.4.7.3 Adakah sumbangan tanpa nama akan dilarang sepenuhnya atau dibenarkan dalam keadaan tertentu? 700
8.4.7.4 Bagaimanakah kerajaan akan mengimbangi keperluan ketelusan dengan hak privasi penderma kecil? 700
8.4.8 SOALAN PELAPORAN, AUDIT & PENDEDAHAN AWAM 700
8.4.8.1 Berdasarkan kajian, patutkah semua parti politik diwajibkan mengemukakan laporan kewangan, dan siapakah yang bertanggungjawab ke atas pelaporan tersebut? 700
8.4.8.2 Berdasarkan kajian, adakah laporan kewangan perlu diodit? 701
8.4.8.3 Berdasarkan kajian, adakah laporan pendanaan politik akan didedahkan kepada orang awam sepenuhnya? 701
8.4.9 SOALAN PEMBIAYAAN KERAJAAN KEPADA PARTI POLITIK 701
8.4.9.1 Berdasarkan kajian, adakah terdapat sokongan untuk kerajaan membiayai parti politik? 701
8.4.9.2 Berdasarkan kajian, sekiranya pembiayaan kerajaan diperkenalkan, apakah mekanisme kawalan yang dicadangkan bagi memastikan penggunaan dana tersebut telus dan adil? 701
8.4.10 SOALAN KESALAHAN & HUKUMAN 702
8.4.10.1 Berdasarkan kajian, adakah terdapat sokongan terhadap pewujudan kesalahan khusus di bawah Rang Undang-Undang Pendanaan Politik ini? 702
8.4.10.2 Berdasarkan kajian, adakah terdapat pemertanggungjawaban ke atas parti politik, calon, atau pegawai tertentu seperti bendahari sekiranya berlaku pelanggaran? 702

9. | RUJUKAN 704

RINGKASAN EKSEKUTIF

Ringkasan Eksekutif ini menghimpunkan dapatan Kajian Persepsi Awam terhadap Cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Pendanaan Politik, yang bertujuan menyokong pembinaan kerangka perundangan pendanaan politik yang lebih telus, berintegriti dan diyakini rakyat. Laporan Akhir ini disusun bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang rasional kajian, asas literatur, penilaian jurang kerangka undang-undang sedia ada, dapatan penandaarasan amalan terbaik antarabangsa, serta dapatan kajian lapangan melalui tinjauan awam, temu bual separa berstruktur dan perbincangan kumpulan fokus (FGD).

Bab 1 menerangkan latar belakang kajian dengan menekankan bahawa pendanaan politik merupakan komponen kritikal dalam ekosistem demokrasi kerana ia mempengaruhi persaingan pilihan raya, kebebasan proses politik, serta risiko salah guna pengaruh dan konflik kepentingan jika tiada kawal selia yang memadai. Kepentingan kajian ini terletak pada keperluan membina satu RUU yang bukan sahaja kukuh dari sudut perundangan, tetapi juga sah dari perspektif awam, yakni sejauh mana rakyat memahami, menerima dan mempercayai mekanisme yang dicadangkan. Dari sudut metodologi, kajian ini menggabungkan pendekatan pelbagai kaedah (*multi-method*) yang meliputi analisis literatur berparameter, penelitian doktrinal dan semakan kerangka undang-undang sedia ada, kajian penandaarasan lima negara, serta pengumpulan data empirik melalui tinjauan awam dan FGD; kesemua komponen ini digabungkan melalui triangulasi untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan ketepatan dapatan.

Bab 2 memfokuskan kajian dan analisis literatur berdasarkan sembilan parameter yang menjadi tulang belakang reka bentuk kerangka RUU. Parameter 1 (Keperluan Undang-Undang) menghuraikan rasional kawal selia, termasuk pencegahan rasuah, perdagangan pengaruh, ketidaksamarataan akses politik, dan pemulihan kepercayaan awam serta justifikasi mengapa peraturan khusus diperlukan berbanding bergantung pada undang-undang umum semata-mata. Parameter 2 (Rangkuman Pemakaian Undang-Undang) menilai skop siapa dan apa yang perlu tertakluk contohnya parti, calon, pihak berkaitan, pihak ketiga, serta bentuk sumbangan (tunai dan bukan tunai) dan aktiviti (kempen, pengiklanan, perbelanjaan). Parameter 3 (Kewujudan Badan Kawal Selia) menekankan keperluan institusi yang jelas mandatnya, bebas, dan berkeupayaan mentadbir pendaftaran, pelaporan, audit, penguatkuasaan serta pendidikan pematuhan. Parameter 4 (Keperluan Lembaga Penasihat) meneliti nilai tambah mekanisme semak dan imbang, khususnya bagi memastikan ketelusan operasi badan kawal selia, integriti garis panduan, dan akauntabiliti keputusan.

Seterusnya, Parameter 5 (Pendanaan Politik) memperincikan konsep teras seperti takrif "sumbangan/derma", had dan larangan sumber berisiko tinggi, pinjaman dan instrumen kewangan, sumbangan melalui orang tengah, serta isu pemindahan nilai seperti diskaun, perkhidmatan, tajaan dan manfaat lain. Parameter 6 (Mekanisme Penerimaan Dana) menilai keperluan saluran penerimaan yang terkawal, misalnya keperluan akaun khusus, rekod transaksi, tatacara penerimaan, serta kawalan pematuhan bagi mengelakkan penyamaran identiti penyumbang atau pecahan transaksi.

Parameter 7 (Mekanisme Pelaporan) menggariskan prinsip pelaporan yang seragam, tepat masa dan boleh diaudit, termasuk standard rekod, tempoh pelaporan, format laporan, dan peranan audit dalaman/luaran. Parameter 8 (Kewajipan Pendedahan Umum) menekankan kepentingan akses maklumat kepada rakyat sekurang-kurangnya pada tahap yang membolehkan semakan awam yang bermakna tanpa menjejaskan keselamatan dan privasi secara tidak seimbang serta menetapkan parameter pendedahan yang praktikal dari sudut pentadbiran. Parameter 9 (Kesalahan di bawah Akta) mengumpulkan prinsip penguatkuasaan yang menyeimbangkan pencegahan, pematuhan dan hukuman, termasuk kesalahan kegagalan melapor, laporan palsu, penerimaan dana terlarang, penyamaran penderma, pelanggaran had, dan ketidakpatuhan audit, di samping menilai model penalti yang berperingkat dan berkesan.

Secara keseluruhan, Bab 2 merumuskan bahawa literatur yang dikenal pasti menyediakan prinsip dan pandangan berguna untuk memperhalus kandungan setiap parameter agar RUU yang dicadangkan jelas, konsisten dan boleh dikuatkuasakan.

Bab 3 mengkaji kerangka perundangan sedia ada yang bersentuhan dengan pembiayaan politik dan mengemukakan analisis jurang untuk "way forward". Penilaian ini menumpukan kepada hakikat bahawa pengawalseliaan berkaitan dana politik lazimnya tersebar dalam beberapa instrumen undang-undang dan peraturan yang ada kalanya memberi kesan pengawalseliaan secara tidak langsung, namun tidak semestinya membentuk satu kerangka pendanaan politik yang menyeluruh. Analisis jurang dalam bab ini menilai isu seperti ketidakseragaman takrif, ketidakselarasan skop subjek (parti/calon/pihak ketiga), perbezaan tahap obligasi pelaporan dan pendedahan, keterbatasan mekanisme audit dan pengesanan, serta cabaran penguatkuasaan dan penyelarasan antara agensi. Hasil analisis ini menjadi asas kepada cadangan hala tuju bagi membina RUU yang lebih koheren, mengurangkan "kebocoran kawal selia", dan memudahkan pematuhan melalui garis panduan yang jelas serta struktur institusi yang mantap.

Bab 4 membentangkan dapatan kajian penandaarasan terhadap lapan negara, iaitu Kanada, Sweden, Jerman, New Zealand, Korea Selatan, Singapura, United Kingdom, dan Afrika Selatan bagi mengekstrak rangka kerja undang-undang serta amalan terbaik mengikut sembilan parameter yang sama. Penandaarasan ini memberi tumpuan kepada bagaimana negara-negara rujukan membina definisi dan skop pemakaian yang jelas, mewujudkan institusi kawal selia yang sesuai, memperkenalkan mekanisme pelaporan dan pendedahan yang boleh diaudit, serta mengoperasikan rejim kesalahan dan penalti yang berkesan. Bab ini turut menilai bagaimana amalan terbaik di negara rujukan boleh diterjemahkan secara realistik dalam konteks tempatan, termasuk pertimbangan keupayaan pentadbiran, kesediaan kerangka undang-undang, struktur politik, serta keseimbangan antara ketelusan dan kebolehlaksanaan.

Bab 5 menghuraikan analisis dan dapatan tinjauan awam, iaitu komponen utama untuk menilai penerimaan rakyat terhadap prinsip, mekanisme dan pilihan reka bentuk RUU pendanaan politik. Bab ini menyusun dapatan awal mengikut tema dan indikator yang selari dengan sembilan parameter, bagi mengenal pasti corak kefahaman, tahap sokongan, kebimbangan terhadap risiko penyalahgunaan, serta jangkaan awam tentang ketelusan, akauntabiliti dan penguatkuasaan.

Bab 6 pula mengemukakan analisis dan dapatan kedua-dua temu bual separa berstruktur (*semi-structured interview*) dan perbincangan kumpulan berfokus (FGD), yang berfungsi untuk memperincikan dapatan tinjauan melalui konteks, rasional dan nuansa pandangan peserta. Melalui temu bual separa berstruktur dan FGD, kajian menilai bagaimana peserta mentafsir konsep pendanaan politik, isu yang dianggap paling berisiko, serta bentuk mekanisme yang dianggap adil dan praktikal.

Bab 7 pula membentangkan laporan triangulasi di mana laporan ini merumuskan bahawa terdapat sokongan yang amat kukuh daripada rakyat, pakar, dan pemegang taruh terhadap penggubalan Akta Pendanaan Politik di Malaysia sebagai suatu reformasi institusi yang mendesak bagi meningkatkan ketelusan, akauntabiliti, dan integriti sistem demokrasi negara. Berdasarkan gabungan dapatan tinjauan awam melibatkan 3,422 responden, FGD bersama 103 informan, dan temu bual mendalam dengan 14 tokoh utama, kajian ini menunjukkan keperluan kepada satu kerangka undang-undang yang menyeluruh, meliputi parti politik, calon individu, ejen pilihan raya, entiti proksi, serta semua peringkat pilihan raya dan tempoh politik sebelum, semasa, dan selepas pilihan raya. Kajian turut menegaskan kepentingan menubuhkan badan kawal selia bebas yang disokong oleh lembaga penasihat, memperkenalkan peraturan jelas tentang sumber dana yang dibenarkan dan dilarang, mewajibkan penerimaan dana melalui saluran rasmi yang boleh diaudit, menetapkan kewajipan pelaporan berkala dan pendedahan awam yang seimbang, serta memperuntukkan kesalahan dan penalti yang tegas terhadap pelanggaran undang-undang. Secara keseluruhannya, laporan ini menegaskan bahawa

Akta Pendanaan Politik bukan sahaja penting untuk membendung rasuah politik dan pengaruh kewangan yang tidak wajar, tetapi juga untuk mengubah budaya politik negara ke arah sistem yang lebih berinstitusi, profesional, dan berteraskan kepercayaan awam.

Bab 8 ini merumuskan syor dasar komprehensif bagi penggubalan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik di Malaysia dengan menterjemah dapatan kajian empirikal kepada reka bentuk dasar dan implikasi perundangan yang praktikal. Berdasarkan triangulasi data daripada tinjauan awam, FGD, temu bual separa berstruktur, sambil dibandingkan dengan RUU Persendirian dan sesi libat urus BHEUU, bab ini mencadangkan agar RUU digubal sebagai akta khusus yang berdiri sendiri dengan skop pemakaian menyeluruh merangkumi parti politik, calon individu, calon bebas dan pihak ketiga sepanjang kitaran politik. Syor utama termasuk penubuhan badan kawal selia bebas, mekanisme semak imbang melalui lembaga penasihat, larangan sumber dana berisiko seperti dana asing dan konflik kepentingan, penetapan had sumbangan termasuk sekatan derma tanpa nama, mekanisme penerimaan dana melalui akaun rasmi yang boleh dijejaki dan diaudit, kewajipan pelaporan berkala serta pendedahan awam, dan pengenalan kesalahan serta hukuman berperingkat bagi memastikan pematuhan. Secara keseluruhannya, bab ini menegaskan bahawa kerangka undang-undang pendanaan politik perlu dibina secara seimbang antara ketelusan, kebebasan institusi dan kebolehlaksanaan pelaksanaan supaya reformasi ini mampu meningkatkan integriti sistem politik, mengurangkan pengaruh kewangan yang tidak wajar dan mengukuhkan kepercayaan awam terhadap demokrasi negara.

Secara keseluruhannya, Laporan Akhir ini meletakkan asas konseptual dan empirik bagi cadangan RUU Pendanaan Politik yang berteraskan sembilan parameter utama, disokong oleh literatur yang relevan, analisis kerangka sedia ada, penandaarasan amalan terbaik antarabangsa, serta dapatan persepsi awam.

1 | BAB 1

PENGENALAN

KLCC | Kredit New7Wonders Cities

1.1 PENDAHULUAN

Bab 1 memperincikan asas kepada Kajian Persepsi Awam terhadap Cadangan RUU Pendanaan Politik dengan menghuraikan latar belakang isu, rasional kajian, serta hala tuju penyelidikan yang membimbing keseluruhan laporan. Bab ini bermula dengan menjelaskan bahawa pendanaan politik ialah elemen teras dalam proses demokrasi kerana ia mempengaruhi keupayaan parti dan calon untuk berkempen, membina sokongan, dan menyertai persaingan politik secara bermakna. Seterusnya, Bab 1 menghuraikan kepentingan kajian dari sudut dasar dan perundangan, khususnya bagi menyediakan bukti empirik dan asas analitikal yang boleh menyokong penggubalan RUU yang praktikal, boleh dikuatkuasakan, serta selari dengan prinsip tadbir urus baik.

Kepentingan utama kajian ini ialah untuk memahami sejauh mana rakyat menilai isu pendanaan politik sebagai masalah tadbir urus, apakah bentuk perlindungan yang mereka jangkakan (misalnya had sumbangan, pendedahan identiti, larangan sumber tertentu, audit, dan penalti), serta apakah kebimbangan yang wujud terhadap pelaksanaan (seperti beban pematuhan, ketidakadilan penguatkuasaan, atau ketelusan yang tidak bermakna). Bab ini juga menetapkan metodologi kajian yang menggabungkan analisis literatur dan doktrin perundangan dengan kajian lapangan melalui tinjauan awam dan perbincangan kumpulan fokus (FGD), di samping penggunaan triangulasi untuk mengesahkan dapatan merentas sumber data. Akhirnya, Bab 1 memperincikan objektif kajian yang menumpukan kepada pembinaan asas prinsip bagi setiap komponen kerangka RUU, penilaian jurang undang-undang sedia ada, penghasilan dapatan awal persepsi awam, serta penyediaan hala tuju (“way forward”) bagi cadangan undang-undang pendanaan politik yang lebih telus, adil dan diyakini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kerajaan Malaysia melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji kewajaran dan keperluan penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Pendanaan Politik di Malaysia. Inisiatif ini dilihat sebagai salah satu langkah pembaharuan institusi dan pengukuhan tatakelola negara, khususnya dalam memperkemas ruang-ruang yang berpotensi menimbulkan persepsi negatif terhadap integriti sistem politik serta mekanisme pengurusan dana yang berkaitan aktiviti politik.

Inisiatif kajian ini juga merupakan susulan langsung daripada agenda pengukuhan akauntabiliti dan integriti yang telah digariskan di bawah Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024–2028 (NACS). Secara khusus, ia selari dengan Perkara 3 Strategi Teras 4: Penguatkuasaan, yang menekankan keperluan memperkenalkan sebuah RUU baharu berkaitan pendanaan politik. Justeru, TOR ini memberi asas kepada pelaksanaan kajian yang tersusun, menyeluruh dan berpaksikan keperluan dasar semasa negara.

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), yang kini telah diserap di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), sebelum ini telah melaksanakan kajian awal mengenai pewujudan RUU pendanaan politik. Kajian tersebut telah menjadi landasan penting kepada kefahaman awal terhadap kerangka dasar dan isu-isu utama yang memerlukan perhatian, termasuk pendekatan kawal selia, keperluan institusi, serta penerimaan pihak berkepentingan.

Bagi memastikan proses ini bergerak daripada peringkat kajian kepada peringkat penggubalan yang lebih tersusun, usaha tersebut seterusnya telah diteruskan oleh BHEUU, JPM sejak 2023. Dalam tempoh ini, BHEUU memberi tumpuan kepada proses penggubalan akta berkaitan pendanaan politik serta menjalinkan

kerjasama strategik dengan JKPK bagi meneliti perkara-perkara dasar yang memerlukan penelitian lanjut. Kesinambungan ini menandakan komitmen Kerajaan untuk memastikan cadangan RUU dibangunkan melalui proses yang rapi, bertahap, dan melibatkan semakan pelbagai pihak.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2023, semasa menimbangkan Memorandum daripada Perdana Menteri, antara lain telah bersetuju secara prinsip dengan penggubalan RUU berkaitan Sumbangan Politik. Pada masa yang sama, Mesyuarat tersebut turut menetapkan bahawa skop dasar bagi RUU Sumbangan Politik hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi di Dewan Rakyat.

Walau bagaimanapun, perkembangan perbincangan di peringkat JKPK dan agensi Kerajaan menunjukkan masih terdapat beberapa perkara dasar yang belum mendapat persetujuan sebulat suara. Antara perkara yang dikenal pasti ialah isu keperluan pendanaan awam kepada parti politik, had sumbangan kepada ahli atau parti politik, dan entiti yang akan mengawal selia dana politik, termasuk aspek-aspek berkaitan peranan, kuasa, dan bentuk pemantauan. Ketidakseragaman pandangan ini menunjukkan perlunya sokongan data dan input yang lebih luas, khususnya daripada sudut persepsi rakyat dan pihak berkepentingan di luar lingkungan politik kepartian.

Sehubungan dengan isu dasar yang masih memerlukan pemantapan, dicadangkan agar sebuah Pasukan Petugas Khas Kajian Persepsi Awam ditubuhkan untuk menjalankan kajian yang lebih menyeluruh bagi mendapatkan pandangan dan persepsi orang awam mengenai cadangan penggubalan RUU Pendanaan Politik. Penubuhan pasukan khas ini penting untuk memastikan kajian dilakukan secara fokus, terancang, serta mampu menghimpunkan data yang mencerminkan realiti dan keperluan masyarakat.

Kajian persepsi awam ini wajar dilaksanakan bagi memastikan keputusan dasar yang bakal diambil adalah inklusif, bersifat partisipatif, dan mengambil kira pelbagai sudut pandang—bukan hanya daripada parti politik semata-mata. Dalam konteks ini, kajian turut perlu melibatkan pihak berkepentingan seperti tokoh korporat, kepimpinan Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, pakar perundangan, ahli akademik, NGO, serta orang awam sebagai pemegang taruh utama kepada kestabilan dan integriti tadbir urus. Pendekatan ini penting supaya dasar-dasar yang digubal benar-benar menggambarkan kehendak rakyat, selari dengan aspirasi reformasi institusi dan keyakinan awam terhadap sistem demokrasi negara.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

a) Mendapatkan pandangan awam secara menyeluruh melalui pelbagai metodologi termasuk tinjauan umum (*public poll*)

Kajian yang akan dilaksanakan adalah berkaitan pandangan awam terhadap cadangan penggubalan RUU Pendanaan Politik melalui pelbagai pendekatan metodologi. Antara kaedah utama yang ditetapkan ialah tinjauan umum (*public poll*) secara menyeluruh melalui kaedah soal selidik (*survey*), yang bertujuan mengumpul gambaran umum tentang tahap penerimaan, kebimbangan, dan jangkaan masyarakat terhadap kerangka undang-undang yang dicadangkan. Melalui pendekatan pelbagai metodologi, kajian ini juga dapat memastikan hasil dapatan tidak bersifat satu dimensi, sebaliknya merangkumi pandangan akar umbi, suara kumpulan berkepentingan, dan perspektif pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan ekosistem politik dan tadbir urus dana politik.

b) Menghasilkan input, dapatan dan cadangan yang signifikan untuk menyokong penggubalan RUU

Objektif kedua kajian ini ialah untuk menghasilkan input, dapatan serta cadangan yang benar-benar signifikan dan bernilai kepada proses penggubalan RUU Pendanaan Politik. Ini merangkumi penemuan yang boleh menyokong pembentukan dasar, membantu mengenal pasti isu utama yang dibangkitkan oleh rakyat dan stakeholder, serta memberi gambaran yang lebih jelas tentang keutamaan awam terhadap komponen-komponen tertentu dalam RUU tersebut. Hasil kajian dijangka dapat menjadi bahan rujukan yang kukuh untuk memperhalusi kandungan dasar, menetapkan pendekatan kawal selia, dan merangka mekanisme yang lebih praktikal, boleh dilaksana, serta diterima masyarakat.

c) Mengemukakan dapatan kepada YB Menteri melalui Ketua Pengarah BHEUU

Kajian ini juga bertujuan untuk mengemukakan dapatan dan cadangan yang terhasil untuk pertimbangan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) melalui Ketua Pengarah BHEUU. Saluran pelaporan ini memastikan hasil kajian dibawa ke peringkat pembuat keputusan tertinggi secara teratur, rasmi dan berpandukan struktur tadbir urus yang ditetapkan. Dengan adanya pelaporan melalui Ketua Pengarah BHEUU, proses penilaian dapatan kajian dapat dibuat secara menyeluruh dan selaras dengan hala tuju penggubalan RUU yang sedang dirancang oleh Kerajaan.

1.4 SKOP, METODOLOGI DAN BIDANG TUGAS KAJIAN

1.4.1 Skop Kajian

Skop kajian sedia ada merangkumi perkara berikut:

(a) Mengenal pasti dan melaksanakan libat urus *stakeholder* melalui kaedah Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) mengikut zon

Skop kajian bagi tempoh empat (4) bulan merangkumi usaha mengenal pasti serta mengadakan Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) dengan pihak berkepentingan yang luas dan berlapis. FGD ini penting bagi memastikan kajian menampilkan suara pelbagai pihak yang mempunyai pengalaman, kepakaran, dan kepentingan terhadap isu pendanaan politik. Golongan *stakeholder* yang dikenal pasti termasuk wakil ahli parlimen (kerajaan dan pembangkang), ahli-ahli politik termasuk kepimpinan di peringkat Persekutuan dan Negeri, tokoh korporat atau ahli perniagaan, NGO, CSO, pakar perundangan, ahli akademik, serta orang awam.

Bagi memastikan liputan dan keterwakilan yang seimbang, kajian ini akan dilaksanakan mengikut **enam (6) zon utama**, iaitu:

1. Zon Utara: Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak.
2. Zon Tengah: Selangor, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya.
3. Zon Timur: Pahang, Kelantan, Terengganu.
4. Zon Selatan: Negeri Sembilan, Melaka, Johor.
5. Zon Sabah & W.P. Labuan.
6. Zon Sarawak.

Pembahagian zon ini membolehkan kajian memetakan perbezaan keutamaan dan kebimbangan mengikut wilayah, di samping memastikan penyertaan awam tidak tertumpu kepada lokasi-lokasi tertentu sahaja.

(b) Menyediakan laporan lengkap dapatan kajian dan syor

Skop kajian juga merangkumi penyediaan laporan lengkap yang menghimpunkan keseluruhan hasil kajian, termasuk dapatan utama, analisis, dan syor, untuk disalurkan kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) melalui Ketua Pengarah BHEUU. Laporan ini berfungsi sebagai dokumen utama yang menyatukan input empirikal (tinjauan, FGD, analisis) dan memberi rumusan yang boleh membantu proses pertimbangan dasar serta penggubalan undang-undang.

1.4.2 Bidang Tugas Kajian & Metodologi Kajian

Sepanjang tempoh penyelidikan ini, pasukan penyelidik menjalankan bidang tugas seperti berikut:

(i) Tinjauan umum di peringkat akar umbi

Pasukan penyelidik melaksanakan tinjauan umum bagi mendapatkan pandangan awam secara lebih luas dan langsung di peringkat akar umbi. Kaedah ini berperanan mengumpul persepsi masyarakat mengenai cadangan RUU Pendanaan Politik, termasuk tahap kefahaman, kebimbangan, penerimaan, serta jangkaan terhadap mekanisme kawal selia yang dicadangkan.

Tinjauan umum juga penting untuk memastikan suara rakyat biasa, yang bukan semestinya terlibat dalam politik kepartian atau wacana elit, diangkat sebagai input utama kepada dasar. Dengan itu, dapatan kajian tidak hanya dipacu oleh pandangan kelompok tertentu, sebaliknya mencerminkan kehendak masyarakat secara menyeluruh.

(ii) Focus Group Discussion (FGD) di enam zon

Pasukan penyelidik melaksanakan Focus Group Discussion (FGD) bersama pihak berkepentingan di enam zon yang telah ditetapkan. FGD ini bertujuan mendapatkan input mendalam (*in-depth*) tentang isu-isu dasar yang masih diperdebatkan, termasuk aspek pendanaan awam, had sumbangan, serta entiti kawal selia yang sesuai.

Pelaksanaan FGD mengikut zon juga membolehkan pengkaji memahami nuansa setempat, prioriti wilayah, serta variasi tahap penerimaan masyarakat dan *stakeholde*r. Zon pelaksanaan FGD adalah:

- Zon Utara (Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak)
- Zon Tengah (Selangor, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya)
- Zon Timur (Pahang, Kelantan, Terengganu)
- Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka, Johor)
- Zon Sabah dan W.P. Labuan
- Zon Sarawak

(iii) Analisis kualitatif dan kuantitatif terhadap dapatan

Pasukan penyelidik melaksanakan analisis kualitatif dan kuantitatif terhadap keseluruhan dapatan kajian. Analisis kuantitatif membantu merumuskan corak umum (trend) hasil tinjauan seperti tahap sokongan atau kebimbangan terhadap isu tertentu. Analisis kualitatif pula memberi kefahaman terhadap rasional, alasan

dan konteks di sebalik sesuatu pendirian, terutama daripada FGD dan input stakeholder.

Gabungan kedua-dua bentuk analisis ini memastikan kajian bukan sekadar melaporkan angka atau pendapat semata-mata, tetapi mampu mengemukakan pemaknaan yang lebih tepat, menyeluruh dan berguna untuk pertimbangan dasar.

(iv) Kajian perbandingan amalan terbaik antarabangsa

Pasukan penyelidik juga melaksanakan kajian perbandingan untuk meneliti amalan terbaik (best practices) berkaitan kawal selia pendanaan politik di peringkat antarabangsa. Negara-negara rujukan yang telah ditetapkan ialah Kanada, Jerman, New Zealand, Sweden dan Korea Selatan.

Kajian perbandingan ini bertujuan menyediakan perspektif luaran yang boleh membantu menilai pilihan dasar yang sesuai untuk Malaysia, termasuk menilai variasi pendekatan pengawalseliaan, mekanisme pelaporan, struktur pemantauan, dan prinsip-prinsip tadbir urus yang boleh dipertimbangkan dalam kerangka tempatan.

1.4.3 Output Kajian

Pasukan penyelidik juga akan menyediakan hasil kajian kepada YB Menteri melalui Ketua Pengarah BHEUU dengan set *deliverables* yang lengkap, iaitu:

i. Laporan Interim: untuk melaporkan kemajuan, dapatan awal, dan arah analisis seterusnya.
ii. Draf Laporan Akhir: sebagai dokumen pra-muktamad untuk semakan kandungan dan penambahbaikan.
iii. Laporan Akhir: yang merangkumi Ringkasan Eksekutif, dapatan kajian, serta syor dasar berkaitan RUU Pendanaan Politik.

iv. Slaid pembentangan berbentuk infografik: bagi menyampaikan dapatan secara ringkas, jelas dan mesra pembaca.

v. Set *Frequently Asked Questions* (FAQ): sebagai bahan komunikasi awam yang membantu penerangan dan kefahaman pihak berkepentingan serta orang ramai terhadap kajian dan dapatan.

Hasil dapatan kajian dan syor akan dibentangkan kepada YB Menteri melalui Ketua Pengarah BHEUU. Pembentangan ini penting sebagai platform untuk memperjelas dapatan, menerangkan rasional syor, serta membantu pihak pembuat dasar memahami implikasi pilihan dasar yang dicadangkan berdasarkan persepsi awam dan input *stakeholder*.

1.5 PASUKAN KAJIAN

Pasukan kajian terdiri daripada gabungan ahli akademik dari pelbagai Universiti Awam (UA) serta wakil daripada NGO dan pihak berkaitan yang relevan. Komposisi ini memastikan kajian mempunyai kekuatan dari segi kepakaran akademik, kefahaman dasar, pengalaman lapangan, serta sudut pandang masyarakat sivil. Selain memastikan kredibiliti kajian, gabungan pelbagai institusi ini juga membantu memudahkan capaian zon, mempelbagaikan rangkaian stakeholder, dan memperkukuh penerimaan dapatan kajian sebagai input dasar yang bersifat seimbang.

Senarai keahlian adalah seperti berikut:

Jawatan	Nama & Institusi
Ketua Penyelidik	**1. Prof. Madya Dr. Zuraidah Haji Ali (UIAM)**
Ahli Pasukan Penyelidik	2. Dr. Zati Ilham Abdul Manaf (UIAM)
Ahli Pasukan Penyelidik	3. Prof Madya Dr Nasarudin Abdul (UIAM)
Ahli Pasukan Penyelidik	4. Prof Madya Dr Nor Hafizah (UIAM)
Ahli Pasukan Penyelidik	5. Prof Madya Dr Haniff Ahamat (UKM)
Ahli Pasukan Penyelidik	6. Dr. Hannuun Eadiela Binti Yaacob (UM)
Ahli Pasukan Penyelidik	7. Puan Sharija Che Shaari (UMS)
Ahli Pasukan Penyelidik	8. Tuan Ahmad Farhan Bin Rosli (UNIMAS)
Ahli Pasukan Penyelidik	9. Dato' Sri M. Ramachelvam (Majlis Peguam Negara)
Ahli Pasukan Penyelidik	10. Tuan Arief Hamizan (*The Centre to Combat Corruption and Cronyism – C4*)
Ahli Pasukan Penyelidik	11. Puan Amalina Annuar (*The Institute for Democracy and Economic Affairs - IDEAS*)
Pegawai Penyelaras BHEUU, JPM	12. Puan Wan Nur Izzati binti Wan Yusoff (BHEUU, JPM)
Penolong Penyelidik	13. En. Muhammad Nabiqul Hakim Bin Azuar (UIAM)
Penolong Penyelidik	14. En. Faiz Naqib Amirul Bin Ramli (UIAM)

1.6 CADANGAN PARAMETER

Parameter yang digunakan sebagai teras kajian sedia ada melibatkan sembilan (9) parameter, selari dengan parameter yang digariskan oleh BHEUU, JPM seperti berikut:

1.7 KESIMPULAN

Pelaksanaan Kajian Persepsi Umum ke atas Cadangan Penggubalan RUU Pendanaan Politik ini mencerminkan keazaman Kerajaan untuk membangunkan dasar awam yang lebih telus, inklusif dan berpaksikan kehendak rakyat. Melalui pendekatan yang menyeluruh, melibatkan tinjauan akar umbi, FGD mengikut zon, analisis kualitatif dan kuantitatif, serta kajian perbandingan antarabangsa—kajian ini berperanan menyediakan asas input yang kukuh untuk pertimbangan dasar dan proses penggubalan undang-undang.

Kajian ini juga memperlihatkan komitmen tinggi Kerajaan MADANI untuk terus memperkukuh reformasi institusi melalui penglibatan masyarakat dan stakeholder secara meluas, agar sebarang dasar berkaitan pendanaan politik yang bakal diperkenalkan bukan sahaja berwibawa dari segi tatakelola, tetapi turut diyakini rakyat dari segi prinsip akauntabiliti, integriti dan kepentingan awam.

2 | BAB 2

KAJIAN DAN ANALISIS LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab 2 membentangkan kajian dan analisis literatur sebagai asas konseptual utama bagi membina kerangka cadangan RUU Pendanaan Politik yang tersusun, konsisten dan boleh dilaksanakan. Bab ini menghimpunkan literatur yang dikenal pasti sebagai paling relevan untuk menerangkan prinsip, rasional dasar, serta pilihan reka bentuk perundangan yang lazim digunakan dalam mengawal selia pendanaan politik. Fokus utama Bab 2 ialah mengupas isi kandungan dan garis panduan normatif daripada sumber-sumber literatur, termasuk perbahasan tentang risiko rasuah, ketidaksamarataan akses politik, isu ketelusan dan akauntabiliti, serta cabaran pematuhan dan penguatkuasaan, agar ia dapat diterjemahkan kepada struktur peruntukan undang-undang yang jelas dan berfungsi dalam konteks tempatan.

Bagi memastikan analisis literatur tidak bersifat umum, Bab 2 disusun secara sistematik menggunakan sembilan parameter sebagai rangka analisis. Parameter 1 menumpukan keperluan undang-undang (rasional kawal selia), Parameter 2 menilai rangkuman pemakaian (skop subjek dan aktiviti), Parameter 3 hingga 4 membincangkan reka bentuk institusi (badan kawal selia dan keperluan lembaga penasihat), manakala Parameter 5 hingga 9 memperincikan komponen operasi peraturan (takrif dan konsep pendanaan politik, mekanisme penerimaan dana, mekanisme pelaporan, pendedahan umum, serta kesalahan dan penalti). Melalui pendekatan berparameter ini, Bab 2 berperanan menghubungkan perbincangan teori dan bukti kajian lepas dengan keperluan praktikal penggubalan RUU, terutamanya dalam membina definisi yang tepat, menetapkan ambang dan kewajipan yang seimbang, memperkukuh mekanisme audit dan pengesanan, serta merangka penguatkuasaan yang efektif tanpa mewujudkan beban pematuhan yang tidak munasabah.

Secara keseluruhan, Bab 2 menjadi *platform* rujukan yang menyokong bab-bab seterusnya: ia menyediakan prinsip dan kerangka pemikiran untuk mengenal pasti jurang dalam undang-undang sedia ada, membimbing analisis penandaarasan negara-negara perbandingan, dan membantu mentafsir dapatan empirik daripada tinjauan awam serta FGD mengikut parameter yang sama. Dengan kata lain, literatur yang dihimpunkan dalam Bab 2 bukan sekadar sorotan penulisan terdahulu, tetapi berfungsi sebagai asas justifikasi dan pembinaan elemen-elemen RUU Pendanaan Politik secara berstruktur dan berorientasikan pelaksanaan.

2.2 PARAMETER 1: KEPERLUAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PENDANAAN POLITIK

Menurut **Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.),** ia menjelaskan bahawa pindaan undang-undang dan penggubalan undang-undang baharu perlu dilaksanakan bagi memperkukuh ketelusan serta akauntabiliti pembiayaan politik, seperti yang berikut: [1]

a) **Perlembagaan Persekutuan**: Semakan perundangan yang dicadangkan menumpukan tiga instrumen utama. Pertama, Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda kerana pada masa ini Perdana Menteri mempunyai pengaruh yang besar dalam pelantikan ahli Suruhanjaya Pilihan Raya sehingga menjejaskan autonomi dan ketidakberpihakan badan tersebut. Pindaan hendaklah secara jelas melindungi kebebasan serta ketidakberpihakan Suruhanjaya Pilihan Raya.

b) **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954:** Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 mempunyai beberapa kekurangan iaitu ketiadaan had jumlah sumbangan yang boleh diterima parti daripada individu, korporat dan penyumbang

[1] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

pihak ketiga berkaitan politik, ketiadaan kewajipan mendedahkan identiti penyumbang tanpa nama, had perbelanjaan yang hanya terpakai kepada calon dalam tempoh kempen rasmi, ketiadaan had perbelanjaan ke atas parti bagi manfaat calonnya sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan tiada sekatan perbelanjaan di luar tempoh pilihan raya. Bagi mengatasinya, perlu digubal undang-undang baharu yang menetapkan peraturan sumbangan kempen, had perbelanjaan untuk parti, kewajipan pendedahan serta pelaporan sumber dana dan perbelanjaan, di samping memperkukuh keupayaan pemantauan dan penguatkuasaan Suruhanjaya Pilihan Raya. Undang-undang tersebut mesti mengehadkan jumlah sumbangan yang boleh diterima parti termasuk sumbangan berbentuk pinjaman, tunai atau dalam bentuk barangan, tempat dan perkhidmatan yang meliputi semua jenis penyumbang serta melarang sumbangan tanpa nama bagi mencegah pembiayaan terselindung.

c) **Akta Pertubuhan 1966:** Isu utama ialah tahap pendedahan yang minimum kerana keperluan pelaporan dan pendedahan awam tentang pembiayaan serta perbelanjaan politik masih lemah, calon hanya perlu melapor untuk tempoh kempen sahaja, dan keperluan pelaporan sedia ada terlalu asas serta kurang pengawasan. Penyelesaiannya termasuk meminda Akta Pertubuhan bagi meningkatkan kebebasan dan ketidakberpihakan Pendaftar Pertubuhan, menggubal undang-undang baharu untuk menyelia tatakelakuan dan pembiayaan parti termasuk pemilihan dalaman, melaksanakan pembaharuan yang menambah baik keperluan pelaporan dan pendedahan awam, mewajibkan pelaporan sumbangan dan perbelanjaan secara terperinci dengan kekerapan lebih tinggi semasa pilihan raya, serta membuka akses awam kepada maklumat terkini mengenai pendapatan dan perbelanjaan parti dan calon semasa pilihan raya umum agar orang ramai boleh mendapatkan maklumat tersebut dengan mudah.

Molomo & Sebudubudu (2005) berpendapat bahawa, mana-mana sistem demokrasi perlu sentiasa menilai semula, merumus semula dan menambah baik prosedurnya dengan tujuan memperluas cakupan demokrasi. Dalam hal ini, pembiayaan parti politik adalah sangat penting, kerana parti merupakan pelaku penting dalam proses pendemokrasian, dan untuk melaksanakan mandat mereka dengan berkesan, mereka perlu mempunyai sumber yang mencukupi. Secara lebih langsung, parti politik membangunkan dasar dan manifesto yang menjadi pelan induk atau kontrak sosial mereka dan, apabila dipilih untuk memerintah, menjadi program tindakan mereka. Parti juga berfungsi sebagai platform untuk pemobilisasian politik, pengambilan ahli dan pendidikan pengundi, serta menyediakan pilihan kepada pengundi tentang siapa yang harus memegang kuasa politik. Sebagai agen pemobilisasian, parti politik merupakan teras kepada keseluruhan usaha penyertaan politik dan kempen pilihan raya. Penulis berhujah bahawa parti yang memiliki sumber lebih baik berada pada kedudukan yang lebih sesuai untuk mempromosikan beberapa rukun utama demokrasi liberal, iaitu ketelusan dan akauntabiliti, serta memastikan kesaksamaan politik dalam pertandingan pilihan raya.[2]

Casas-Zamora (2008) menjelaskan bahawa penggubalan awal perundangan komprehensif di U.K. (*1883 Corrupt and Illegal Practices [Prevention] Act*) dan U.S. (*1907 Tillman Act*) telah pun memperlihatkan hakikat bahawa walaupun wang tidak dapat dipisahkan daripada aktiviti politik, dan justeru kerana sifatnya yang tidak dapat dipisahkan itu, ia boleh membahayakan demokrasi secara asas. Tiga akibat adalah khususnya besar:[3]

[2] Molomo, M., & Sebudubudu, D. (2005). Funding of political parties: Levelling the political playing field. *Maundeni, Forty Years of Democracy in Botswana*, 147-162.
[3] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

1) Aliran dan pengagihan dana politik memberi kesan langsung kepada kesaksamaan pilihan raya, iaitu peluang sebenar yang dinikmati calon dan parti untuk menyampaikan mesej mereka kepada pengundi. Pengagihan dana pilihan raya yang tidak seimbang menghakis, walaupun tidak semestinya menafikan, unsur ketidakpastian keputusan pilihan raya yang merupakan prasyarat asas bagi legitimasi keputusan tersebut. Dalam erti kata lain, apabila ada parti atau calon menerima dana yang jauh lebih besar, mereka boleh berbelanja lebih untuk kempen seperti iklan, program di lapangan dan kerja media. Ini memberi mereka lebih banyak peluang untuk menyampaikan mesej kepada pengundi berbanding pihak lawan yang berbelanja kecil;
2) Wang memberikan kepada individu dan kumpulan peluang yang diagihkan secara tidak saksama untuk turut serta secara langsung dalam pilihan raya dan atau mempengaruhi politik melalui sumbangan mereka kepada calon dan parti. Hal ini amat penting bagi demokrasi. Apabila kuasa politik sekadar mencerminkan kuasa ekonomi, prinsip "seorang satu undi" hilang maknanya dan demokrasi tidak lagi menjadi. Dalam erti kata lain, sumbangan kewangan memberi kelebihan kepada individu atau kumpulan yang berduit untuk terlibat secara langsung dalam politik dan mempengaruhi hala tuju parti atau calon. Jika kuasa politik hanya mencerminkan kuasa ekonomi, prinsip "seorang satu undi" hilang makna. Demokrasi sepatutnya menjadi sistem kuasa alternatif yang boleh mengimbangi kuasa ekonomi. Sebagai contoh, pertubuhan yang kaya menyumbang jumlah besar kepada kempen. Suara mereka lebih didengari berbanding kumpulan masyarakat yang tidak mampu menyumbang, walaupun kumpulan ini ramai; dan
3) Proses pengumpulan dana membuka peluang yang jelas untuk pembentukan *quid pro quo* antara penderma swasta dan pembuat dasar atau, sekurang-kurangnya, bagi kemunculan konflik kepentingan yang

berterusan bagi pihak pembuat dasar. Ia menjejaskan kepentingan awam kerana keputusan mungkin dipengaruhi oleh sumbangan. Dalam keadaan terburuk, ia merosakkan integriti dan kebebasan pembuat dasar sehingga keputusan awam seakan-akan diprivatisasikan untuk memenuhi kehendak penderma tertentu.

Akhirnya, bahaya yang berpunca daripada tiga bidang kritikal ini boleh dengan mudah mengancam legitimasi proses dan amalan demokratik, iaitu persepsi warganegara bahawa kedua-dua pilihan raya demokratik dan pemerintahan demokratik mencerminkan dengan kadar ketepatan yang munasabah kepentingan dan tuntutan mereka. Walaupun jelas penting bagi kualiti demokrasi, pendanaan politik sejak sekian lama kekal sebagai aspek politik yang relatif kurang dikaji dan kurang ditangani secara teoritikal. Penulis menegaskan bahawa undang-undang pendanaan politik adalah sangat mustahak. Hal ini kerana, bahaya ketiadaan kawal selia terhadap pembiayaan politik dalam sistem demokrasi adalah jauh lebih besar berbanding pengwujudan undang-undang kawal selia.

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa penggubalan Akta Pendanaan Politik akan membantu mengawal pengaruh kewangan terhadap proses demokrasi serta membendung politik wang, pembiayaan tidak didedahkan dan sumbangan daripada pihak berkepentingan yang berpotensi membentuk dasar. Akta ini boleh meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dan memastikan ketelusan yang lebih tinggi dalam pembiayaan politik. Salah satu faktor utama yang dinilai dalam CPI ialah ketelusan pembiayaan politik. Dengan menggubal undang-undang ini, Malaysia dapat menunjukkan komitmen terhadap integriti politik dan mengurangkan kebimbangan mengenai sumbangan kewangan yang tidak telus yang mempengaruhi tadbir urus. Negara yang mempunyai peraturan pembiayaan politik yang ketat seperti Jerman dan Canada lazimnya berada pada kedudukan tinggi dalam CPI, manakala negara yang gagal

menguatkuasakan langkah sedemikian sering dikaitkan dengan kleptokrasi dan kronisme. Ketiadaan undang-undang khusus untuk mengawal pembiayaan politik menyukarkan pihak berkuasa menentukan sama ada sumbangan dibuat untuk tujuan yang dinyatakan atau bagi tujuan rasuah. Peraturan dan ketelusan dalam pembiayaan politik merupakan agenda utama antirasuah global. Walaupun Malaysia belum mempunyai Akta Pembiayaan Politik, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 digubal untuk menetapkan terma dan perkara berkaitan pilihan raya serta mencegah amalan rasuah dan menyalahi undang-undang semasa pilihan raya. Namun akta tersebut tidak mempunyai keluasan dan kedalaman setara suatu undang-undang pembiayaan politik yang menyeluruh untuk mengawal sumber pembiayaan, had sumbangan, kewajipan pendedahan dan perisytiharan jumlah pembiayaan, dan lain-lain. [4]

Transparency International – Malaysia ("TI-M") (2011) menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah memulakan program transformasi yang meliputi enam *National Key Results Areas* atau Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRAs), termasuk memerangi rasuah. Salah satu inisiatif kerajaan ialah meneliti semula perundangan semasa berkaitan pembiayaan politik dan mengguna pakai inisiatif baharu untuk menambah baik ketelusan dalam pembiayaan politik. Prinsip seperti "ketelusan", "akauntabiliti" dan "integriti" dimasukkan dalam pelan induk kerajaan iaitu Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Rasuah politik dan politik wang jelas membawa kesan yang memudaratkan kepada negara. Politik wang sering menjadi titik mula kepada kitaran ganas rasuah dalam sesebuah masyarakat. Kerosakan akibat rasuah politik termasuk:

- Menjejaskan kualiti kepimpinan.

[4] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.

- Mewujudkan persaingan tidak adil antara parti dengan memihak kepada calon yang mempunyai lebih banyak sumber. Hak warganegara untuk penyertaan penuh dalam masyarakat dinafikan.
- Mengancam prinsip kesamarataan dengan membenarkan pihak yang memegang kuasa ekonomi menikmati pengaruh politik yang lebih besar.
- Mengalihkan sumber awam ke tangan persendirian.
- Menyebabkan ketirisan dalam dana pembangunan persekutuan sehingga tidak sampai ke peringkat akar umbi, lalu menambah jurang ketidaksamaan pendapatan.
- Mengurangkan keupayaan tadbir urus negara.
- Melemahkan tonggak pembangunan, hak asasi individu serta rangka kerja undang-undang yang bertujuan melindunginya.

Maka, berdasarkan impak negative tersebut, Transparency International – Malaysia ("TI-M") (2011) menegaskan bahawa adalah penting bagi kerajaan bertindak segera untuk menghentikan kerosakan yang boleh dibawa oleh rasuah politik kepada negara.[5]

2.3 PARAMETER 2: RANGKUMAN PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

Menurut **Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.),** keperluan mengawal selia pemilihan dalaman parti adalah mendesak kerana proses ini lazimnya dipacu oleh fahaman berpuak berasaskan wang, pencarian naungan politik, yang seterusnya memburukkan pembelian undi serta menjejaskan integriti parti; memandangkan undang-undang sedia ada tidak menangani isu ini dan parti kebanyakannya ditadbir oleh perlembagaan serta struktur dalaman masing-masing, prinsip peraturan pembiayaan politik di

[5] Transparency International – Malaysia. (2011). *Memorandum on reform of political financing in Malaysia*. Kuala Lumpur: Transparency International – Malaysia. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/11b.-Crinis-Memo-English.pdf

peringkat nasional hendaklah turut terpakai kepada pemilihan dalaman parti, termasuk kewajipan pendedahan awam ke atas laporan kewangan parti politik, calon dan TPA.[6]

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa komponen utama rangka kerja peraturan pembiayaan politik mesti merangkumi kawal selia pembiayaan dan sumbangan swasta, peruntukan pembiayaan awam/kerajaan, peraturan perbelanjaan termasuk hadnya, serta mekanisme pemantauan dan pengawasan.[7]

Ohman (2012) menyatakan bahawa terdapat kebimbangan bahawa ketiadaan peraturan terhadap sama ada parti politik atau calon boleh mewujudkan kelompongan yang mengurangkan nilai peraturan terhadap pihak yang satu lagi. Sebagai contoh, jika sumbangan korporat kepada parti politik dilarang tetapi tiada peraturan sepadan terhadap calon, parti politik mungkin mudah mengelakkan sekatan tersebut dengan meminta pelaku korporat menyalurkan dana terus kepada calon. Merentasi semua bentuk larangan sumbangan, sekatan lebih lazim dikenakan terhadap parti politik berbanding calon. Sebagai perbandingan, sumbangan tanpa nama kepada parti dilarang di 55 peratus negara, manakala larangan yang sepadan terhadap calon hanya wujud di 42 peratus negara. Begitu juga, larangan sumbangan asing kepada parti politik wujud di 68 peratus negara, tetapi hanya 51 peratus negara yang mengenakannya terhadap calon. Sebaliknya, bagi beberapa jenis peraturan, parti politik dan calon lazimnya dilayan sama rata. Misalnya, perbezaan antara parti dan calon berhubung larangan sumbangan korporat dan sumbangan kesatuan sekerja tidak melebihi 2 peratus.[8]

---

[6] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

[7] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.

[8] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

2.4 PARAMETER 3: PENGWUJUDAN BADAN KAWAL SELIA DANA POLITIK

Ohman (2012) mendedahkan data berguna mengenai pengawalseliaan kewangan politik di seluruh dunia termasuklah bahawa di 40 negara (25 peratus negara yang diliputi dalam pangkalan data yang digunakan), tiada institusi yang diberikan peranan rasmi untuk meneliti laporan kewangan yang dikemukakan atau menyiasat kemungkinan pelanggaran peraturan kewangan politik.[9] Dapatan yang paling ketara ialah 40 negara (25 peratus daripada negara yang mempunyai data tersedia) tidak mempunyai peraturan yang mewajibkan mana-mana agensi meneliti laporan kewangan atau menyiasat kemungkinan pelanggaran pembiayaan politik. Hal ini merupakan kelemahan penting dalam mana-mana proses yang bertujuan mempertingkatkan peranan wang dalam politik secara telus dan terkawal. Apabila institusi terlibat, mengenal pasti jenis badan yang mempunyai mandat tertentu amat penting. Sebagai contoh, kementerian kerajaan mungkin mempunyai keupayaan yang ketara tetapi mungkin kekurangan kebebasan yang diperlukan untuk memastikan penyeliaan yang berwibawa, manakala badan pengurusan pilihan raya (EMB) mungkin mempunyai hubungan yang baik dengan parti politik namun enggan melaksanakan tugas yang dilihat di luar bidang tanggungjawab utama mereka. Semakan laporan dan siasatan terhadap potensi pelanggaran lazimnya dijalankan oleh kementerian, agensi audit atau mahkamah. Jika mahkamah tidak terlibat dalam penerimaan atau semakan laporan, mahkamah lazimnya mempunyai peranan rasmi yang lain untuk dimainkan. Dalam kebanyakan kes, ini termasuk pengenaan hukuman.

[9] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa pengawasan dan penguatkuasaan kekal sebagai cabaran utama bagi kedua-dua negara. Rang undang-undang Malaysia mencadangkan penubuhan sebuah badan pengawasan bebas, namun persoalan dan keraguan masih timbul berhubung tahap autonomi dan sumbernya yang sebenar, khususnya memandangkan sejarah pengaruh politik ke atas agensi pengawalselia. Penulis menegaskan bahawa suatu Akta Pendanaan Politik memerlukan pemantauan dan pengawasan yang tegas oleh badan bebas. Penguatkuasaan peraturan pembiayaan politik merupakan cabaran di banyak negara yang sudah mempunyai undang-undang tersebut. Badan pengawasan wajar bekerjasama rapat dengan agensi antirasuah sedia ada yang menangani peraturan lain berkaitan pengubahan wang haram, perolehan awam dan penipuan, supaya kawal selia pembiayaan politik dilaksanakan secara holistik dan menyeluruh. Di samping itu, media yang kritikal, pengundi yang berpendidikan, kedaulatan undang-undang dan perlindungan pendedah salah laku merupakan elemen utama yang membantu memantau serta memastikan parti politik dan calon mematuhi peraturan.[10]

Molomo & Sebudubudu (2005) mencadangkan bahawa salah satu cara untuk mengelakkan pendekatan pembiayaan parti politik yang bersifat memihak, serta memastikan tiada parti politik menikmati kelebihan tidak adil kerana hubungan rapat dengan dunia perniagaan, ialah dengan mempertimbangkan penubuhan sebuah Dana Demokrasi. Dana sedemikian boleh ditampung melalui peruntukan kerajaan, sumbangan individu, syarikat korporat dan kerajaan asing. Dana ini boleh diagihkan kepada parti politik berdasarkan formula yang dipersetujui oleh semua pihak berkepentingan, dan boleh disalurkan oleh badan yang dianggap berkecuali seperti *Independent Electoral Commission* (IEC).[11]

---

[10] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.

[11] Molomo, M., & Sebudubudu, D. (2005). Funding of political parties: Levelling the political playing field. *Maundeni, Forty Years of Democracy in Botswana*, 147-162.

Menurut **Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.),** dalam hal model institusi, ia mencadangkan terdapat tiga bentuk Badan Pengurusan Pilihan Raya. Model bebas menjadikan EMB autonomi dan bebas daripada cabang eksekutif kerajaan dan Malaysia pada masa ini berada dalam model ini. Model kerajaan menempatkan pengurusan pilihan raya di bawah cabang eksekutif melalui kementerian seperti Kementerian Dalam Negeri atau pihak berkuasa tempatan. Model campuran mempunyai dua struktur iaitu sebuah EMB pemantau dasar yang bebas daripada eksekutif dan sebuah EMB pelaksana yang serupa dengan model kerajaan. Hal ini boleh difahami seperti berikut:



Sumber: Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bertindak sebagai pemegang Amanah suatu akta, dicadangkan sebagai Akta Parti-Parti Politik (PPA). Di bawah kerangka ini, sebuah Bahagian Parti-Parti Politik akan ditubuhkan sebagai sekretariat eksekutif, manakala Yang di-Pertuan Agong berperanan sebagai Pelindung dan Parlimen

menjadi badan penyeliaan. Kuasa membuat keputusan terletak pada Pesuruhjaya-pesuruhjaya SPR, dengan Pengerusi SPR berperanan sebagai pemegang amanah. SPR akan mengambil alih fungsi pendaftaran dan pengawalseliaan parti politik yang pada masa ini di bawah Pendaftar Pertubuhan (ROS). Fungsinya merangkumi menyelia dan memudah cara urusan parti, menerima, meneliti serta mengarkib dokumen rasmi yang dikemukakan oleh parti politik, mendedahkan kepada umum maklumat parti yang telah disesuaikan untuk pendedahan awam, serta menguatkuasakan dan memastikan pematuhan terhadap Akta.[12] Hal ini dapat dijelaskan seperti berikut:



Menurut **Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.),** ia menjelaskan keperluan badan selia seperti yang berikut:

[12] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

1) Satu Jawatankuasa Pencalonan Suruhanjaya Pilihan Raya akan dibentuk yang terdiri daripada Perdana Menteri, Ketua Pembangkang, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi Urusan Pilihan Raya, ahli pembangkang paling kanan dalam jawatankuasa tersebut, Ketua Hakim Negara, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Presiden Majlis Peguam Malaysia serta seorang wakil masyarakat sivil tambahan yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam hal-ehwal pilihan raya.
2) . Dari segi larangan undang-undang dan syarat kelayakan, pelantikan hanya terbuka kepada warganegara yang bersifat tidak berpihak, serta seseorang tidak boleh dilantik jika dia merupakan pegawai atau pekerja parti politik yang berdaftar atau mana-mana unit perakaunannya, menjadi ahli mana-mana parti yang berdaftar, memegang jawatan pilihan yang relevan, atau dalam tempoh sepuluh tahun terdahulu pernah memegang mana-mana jawatan tersebut atau dinamakan sebagai penyumbang parti dalam daftar sumbangan.
3) Tempoh pelantikan Pesuruhjaya Pilihan Raya ialah enam tahun dengan pilihan lanjutan untuk penggal kedua. Had umur persaraan ialah 70 tahun dan pelantikan hendaklah dijarakkan bagi memastikan kesinambungan memori institusi. Di samping itu, sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah diwujudkan mengikut komposisi dewan untuk menerima laporan tahunan SPR dan laporan selepas setiap pilihan raya peringkat negeri atau persekutuan, menerima laporan perbelanjaan, menjalankan siasatan berhubung penambahbaikan sistem dan proses pilihan raya dengan input daripada SPR, dan memastikan semua pendengaran serta dapatan dibuka serta didedahkan kepada umum.

Ilham, et. al. (2024) mencadangkan bahawa pengukuhan pengawasan kewangan parti politik juga perlu dilaksanakan pada peringkat institusi melalui penubuhan sebuah institusi khas yang berfungsi untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan kewangan parti politik. Institusi bebas ini akan melengkapi institusi sedia ada dan menumpukan kepada pengurusan sistem pelaporan bagi sumber pembiayaan kempen parti politik. Institusi ini turut diberi kuasa untuk memverifikasi, menyiasat, mendedahkan, mendakwa, serta mengenakan sekatan. Penubuhan institusi tersebut perlu diimbangi dengan sistem penyelarasan bersama institusi lain sedia ada, dan agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain. Apabila sistem penguatkuasaan dan pengawasan undang-undang parti politik kukuh, maka undang-undang yang menyasarkan kedua-dua syarikat dan institusi parti politik sebagai subjek undang-undang jenayah yang selama ini sukar dicapai dapat direalisasikan.[13]

2.5 PARAMETER 4: KEPERLUAN LEMBAGA PENASIHAT

Schiffino & Krieger (2019) menjelaskan bahawa kepakaran etika penting dalam bidang dasar moral. Namun begitu, kepentingannya mungkin kurang, dan hadir dengan cara yang berbeza daripada yang dibimbangkan pengkritik. Salah satu kebimbangan utama yang dikemukakan terhadap penginstitusian nasihat pakar etika ialah persoalan sama ada wajar memberi nasihat yang muktamad oleh pakar yang tidak dipilih secara demokrasi (*unelected experts*) memandangkan dasar moral, secara definisi, melibatkan pertimbangan nilai. Kebimbangan ini berasaskan hakikat bahawa isu yang diteliti dalam dasar moral sering sangat kompleks dan bahawa pakar dalam badan penasihat etika campur tangan

[13] Ilham, T., & Sari, A. G. P. (2024). Political party financing regulation and gaps for corporate donations: Case of the developing country. *Journal of Governance and Regulation*, *13*(1).

berasaskan autoriti kepakaran mereka serta daripada kedudukan yang dekat dengan pembuat keputusan.[14]

Namun begitu, literatur tadbir urus regulatori, seperti **Organisation for Economic Co-operation and Development (2014)** menegaskan bahawa keterlibatan pihak berkepentingan secara terancang ialah unsur asas bagi menambah baik kualiti peraturan, legitimasi institusi, dan akauntabiliti badan kawal selia. Kerangka prinsip antarabangsa oleh OECD menempatkan "engagement" atau libat urus sebagai salah satu prinsip tadbir urus pengawal selia yang baik, termasuk penggunaan badan atau panel penasihat bagi mendapatkan input kepakaran dan perspektif pengguna/pasaran secara berterusan. Prinsip "governance of regulators" OECD menekankan beberapa rasional utama untuk mewujudkan lembaga penasihat termasuklah kualiti dasar melalui nasihat berasaskan bukti dan pengalaman industri/pengguna; legitimasi prosedural melalui penyertaan bermakna; dan akauntabiliti luaran terhadap keputusan regulatori tanpa menjejaskan kebebasan penguatkuasaan.[15]

Secara in verbatim, laporan **Organisation for Economic Co-operation and Development (2014)** menyatakan:[16]

> *"An advisory body may be used to provide insights from industry participants or the community on strategies to influence behaviour, or early warning on developments that may warrant a change in the compliance approach of the regulator. Community or industry engagement may also be*

[14] Schiffino, N., & Krieger, K. (2019). Advisory bodies and morality policies: does ethical expertise matter?. *Policy Sciences*, *52*(2), 191-210.
[15] Organisation for Economic Co-operation and Development. (2014). *The governance of regulators* (OECD Best Practice Principles for Regulatory Policy). Paris, France: OECD Publishing. https://www.oecd.org/content/dam/oecd/en/publications/reports/2014/07/the-governance-of-regulators_g1g3fcdb/9789264209015-en.pdf
[16] Organisation for Economic Co-operation and Development. (2014). *The governance of regulators* (OECD Best Practice Principles for Regulatory Policy). Paris, France: OECD Publishing. https://www.oecd.org/content/dam/oecd/en/publications/reports/2014/07/the-governance-of-regulators_g1g3fcdb/9789264209015-en.pdf

useful to inform the development of the corporate plan. This may canvass the scope of the regulator's activities to build greater understanding of the regulator's operations. Some regulators have formal advisory bodies established in legislation, or an explicit power in legislation enabling the minister or the regulator to create such formal advisory bodies from time to time. In some circumstances, formal and explicit recognition of the important role of effective and structured engagement can be a useful mechanism to build a shared commitment to regulatory objectives (Meloni, 2010). In other cases, the establishment of such bodies has been an important element of a transition to an expertise-based governing board, from a board previously made up largely of representatives of regulated entities. However, mandating an arrangement in legislation may be unnecessarily rigid or prescriptive. Therefore it is important, when establishing a new body, to determine whether there is a strong case to mandate an advisory body in legislation and, if so, whether a sunset clause should be included. If an existing regulator is being reviewed, the need for an existing advisory body should be assessed. If the industry or other important stakeholders have gained confidence in the expertise-based board, its replacement by more flexible mechanisms may now be appropriate. It may be unnecessary to mandate onerous appointment processes for those in purely advisory roles."

Di United Kingdom, dalam konteks industri kewangan, *Financial Conduct Authority* menubuhkan panel-panel berkanun seperti *Smaller Business Practitioner Panel* untuk menasihati mengenai keutamaan peraturan, kesan pasaran, serta pengalaman pengguna, sebagai mekanisme tetap yang melengkapkan proses perundingan formal.[17] Amalan baik antarabangsa menunjukkan ciri-ciri reka bentuk berikut: asas undang-undang atau peraturan

[17] Financial Conduct Authority. (n.d.). *Smaller business practitioner panel*. Retrieved December 31, 2025, from https://www.fca.org.uk/panels/smaller-business-practitioner-panel

yang jelas; keanggotaan pelbagai dengan kriteria merit dan representasi; mekanisme pengurusan konflik; sekretariat bebas yang kecil; kewajipan penerbitan ringkasan minit/syor; saluran formal menghubungkan syor dengan respons pengawal selia; serta penilaian berkala keberkesanan panel.

2.6 PARAMETER 5: PENDANAAN POLITIK

Menurut Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.), pendanaan politik dibahagi seperti berikut:[18]



Sumber: Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

Menurut Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.) juga, di Malaysia, yuran keahlian parti hanya menyumbang sebahagian kecil daripada pendapatan tahunan parti. Hakikatnya, parti dan calon banyak bergantung pada sumbangan—daripada orang ramai dan perniagaan—untuk membiayai aktiviti mereka.[19] Isu pendanaan terletak pada kaedah dana dikumpulkan dan bagaimana

[18] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

[19] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

ia dibelanjakan. Adalah mustahil membicarakan politik tanpa menyentuh soal pembiayaan. Individu berkemampuan dan perniagaan berusaha menjalin hubungan rapat dengan parti untuk mempengaruhi keputusan dasar atau mendapatkan akses kepada projek. Sudah tentu, individu berhak menyokong parti pilihan mereka. Namun sumbangan politik di Malaysia kerap dikaitkan dengan kronisme, layanan istimewa oleh kerajaan dan rasuah.[20]

2.6.1 Sub-Aspek 1: Kawal Selia terhadap Sumber Pembiayaan Calon dan Parti

Molomo & Sebudubudu (2005) memetik National Democratic Institute for International Affairs (1998) yang menyatakan bahawa dalam kebanyakan demokrasi, parti politik menerima pembiayaan daripada sumber swasta dan sumber awam/kerajaan.[21]

Menurut **Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.),** ia mencadangkan bahawa had perbelanjaan akan dikenakan ke atas calon, parti politik dan *third-party actors* ("TPA") bagi tempoh pilihan raya dan di luar musim pilihan raya. Bagi tempoh bukan pilihan raya, perbelanjaan parti politik dihadkan berdasarkan hasil tahunan yang diterima bagi mana-mana tahun, satu tempoh "tanpa kempen" ditetapkan antara tarikh pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dan hari penamaan calon, dan TPA tidak dibenarkan membelanjakan lebih daripada 20 peratus daripada hasil tahunan parti afiliasinya. Bagi tempoh pilihan raya, perbelanjaan parti politik dihadkan berdasarkan bilangan calon yang bertanding, peraturan baharu bagi calon mengambil kira jumlah pengundi serta keluasan geografi kawasan pilihan raya,

[20] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

[21] Molomo, M., & Sebudubudu, D. (2005). Funding of political parties: Levelling the political playing field. *Maundeni, Forty Years of Democracy in Botswana*, 147-162.

dan TPA tidak dibenarkan membelanjakan lebih daripada 20 peratus daripada perbelanjaan yang ditanggung oleh parti afiliasinya bagi tahun berkenaan.[22]

France (2023) mencadangkan bahawa perundangan boleh menumpukan pada sumber dana bagi parti politik dan calon. Ia boleh melarang pemungutan dana daripada kategori penyumbang tertentu yang dilihat amat merosakkan proses demokrasi. Selain itu, peraturan pembiayaan politik juga boleh menetapkan had mengenai jumlah yang boleh disumbangkan oleh penyumbang yang layak kepada kempen dan parti. Penulis juga merujuk kepada *Centre for Civil and Political Rights* (2021) bahawa langkah ini dapat membantu memastikan bahawa pilihan raya sebenarnya merupakan cara untuk menterjemah kehendak bebas pengundi kepada sebuah kerajaan yang mewakili.[23]

Walaupun had ke atas sumbangan politik menjadi fokus jawapan bantuan ini, satu jalan alternatif—dan kadangkala saling melengkapi—untuk membiayai aktiviti politik ialah menyediakan pembiayaan awam, sebagai cara untuk memastikan kempen politik dibiayai dengan mencukupi sambil berpotensi mengurangkan pengaruh kepentingan khas. Selain itu, sementara had ke atas sumbangan politik boleh mengehadkan pengaruh mana-mana penyumbang besar terhadap parti politik tertentu, had ke atas perbelanjaan kempen boleh membantu memastikan padang permainan yang seimbang antara parti. Had perbelanjaan kempen boleh dibenarkan untuk memastikan proses demokrasi tidak diselewengkan oleh perbelanjaan yang tidak seimbang bagi pihak mana-mana calon atau parti. Banyak negara memperkenalkan larangan atau had perbelanjaan, dan peraturan

[22] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

[23] France, G. (2023, November 21). *Limits on political donations: Global practices and its effectiveness on political integrity and equality*. Transparency International Anti-Corruption Helpdesk Answer. Berlin: Transparency International. Retrieved from https://knowledgehub.transparency.org/assets/uploads/helpdesk/Limits-on-political-donations_global-practice-and-effectiveness_final.pdf

boleh menentukan jenis perbelanjaan politik tertentu yang tidak dibenarkan. Sebagai contoh, pembelian undi hampir secara menyeluruh dilarang, dan sesetengah negara juga mengehadkan jenis iklan yang boleh digunakan oleh parti politik dan calon. Had terhadap jumlah yang boleh dibelanjakan oleh parti politik dan calon bukanlah sesuatu yang luar biasa dan, lazimnya, matlamatnya ialah untuk mengurangkan kelebihan pihak yang mempunyai akses kepada sumber kewangan yang besar.[24]

Penulis juga merujuk kepada sekumpulan pakar yang dihimpunkan oleh UNODC (2019) telah mencadangkan satu set Prinsip mengenai Ketelusan dalam Pembiayaan Politik yang merangkumi syor berikut:[25]

- Entiti yang dikawal oleh negara hendaklah dilarang daripada memberi sumbangan kewangan atau dalam bentuk lain kepada parti politik, calon politik dan kempen pilihan raya.
- Sumbangan oleh entiti asing kepada parti politik dan calon hendaklah dilarang.
- Semua sumbangan oleh entiti perundangan kepada parti politik dan calon politik hendaklah dikawal selia, sama ada dengan melarangnya atau meletakkan had serta mewajibkan pendedahan pemilik manfaatnya.

Penulis juga merujuk kepada OECD yang mencadangkan empat matlamat menyeluruh: (i) mempromosikan padang permainan yang seimbang; (ii) memastikan ketelusan dan akauntabiliti; (iii) memupuk budaya integriti; dan (iv)

[24] France, G. (2023, November 21). *Limits on political donations: Global practices and its effectiveness on political integrity and equality*. Transparency International Anti-Corruption Helpdesk Answer. Berlin: Transparency International. Retrieved from https://knowledgehub.transparency.org/assets/uploads/helpdesk/Limits-on-political-donations_global-practice-and-effectiveness_final.pdf

[25] France, G. (2023, November 21). *Limits on political donations: Global practices and its effectiveness on political integrity and equality*. Transparency International Anti-Corruption Helpdesk Answer. Berlin: Transparency International. Retrieved from https://knowledgehub.transparency.org/assets/uploads/helpdesk/Limits-on-political-donations_global-practice-and-effectiveness_final.pdf

memastikan pematuhan dan semakan. Di bawah tonggak pertama, OECD menyatakan bahawa banyak negara melarang jenis sumbangan swasta tertentu, termasuk sumbangan daripada entiti asing, korporat yang mempunyai kontrak kerajaan atau tahap pemilikan kerajaan, serta sumbangan daripada syarikat dan kesatuan sekerja (OECD 2016: 30). Namun begitu, larangan secara pukal ke atas sumber pembiayaan politik swasta bukanlah ideal kerana ia boleh memutuskan hubungan parti dengan pangkalan sokongannya dan menggalakkan penggunaan sumbangan tersembunyi. Ia juga menegaskan bahawa had sumbangan digunakan secara meluas dan boleh menghasilkan hasil yang positif, Oleh itu, ia mencadangkan bahawa Kerajaan memperkenalkan had ke atas sumber dan saiz sumbangan kepada parti politik dan calon, serta menggalakkan pangkalan penyumbang yang luas, bagi mencapai keseimbangan yang sihat antara pembiayaan awam dan swasta." Had ke atas sumbangan politik merupakan kaedah penting untuk menegakkan kesamarataan politik dengan mengehadkan pengaruh individu kaya, kesatuan sekerja dan korporat. Apabila had ditetapkan pada paras yang agak rendah, ia bertujuan memastikan sumbangan kewangan tidak memberikan akses dan pengaruh yang tidak wajar terhadap ahli politik. Matlamatnya ialah untuk mengelakkan keputusan kerajaan dan penggubalan dasar daripada condong memihak kepada mereka yang membuat sumbangan besar kepada parti politik. [26]

France (2023) juga menyenaraikan rasional larangan terhadap beberapa dana seperti berikut: [27]

---

[26] France, G. (2023, November 21). *Limits on political donations: Global practices and its effectiveness on political integrity and equality*. Transparency International Anti-Corruption Helpdesk Answer. Berlin: Transparency International. Retrieved from https://knowledgehub.transparency.org/assets/uploads/helpdesk/Limits-on-political-donations_global-practice-and-effectiveness_final.pdf

[27] France, G. (2023, November 21). *Limits on political donations: Global practices and its effectiveness on political integrity and equality*. Transparency International Anti-Corruption Helpdesk Answer. Berlin: Transparency International. Retrieved from https://knowledgehub.transparency.org/assets/uploads/helpdesk/Limits-on-political-donations_global-practice-and-effectiveness_final.pdf

Types of donation bans	Rationale
Foreign entities	To prevent foreign influence; principle of self-determination.
Corporations	To limit influence on financing from vested interests; ensure independence of candidates and parties from special interests.
Public and semi-public entities	To avoid use of public funds for political purposes
Trade unions	To avoid improper influence from organised interest associations.
Corporations with government contracts	To reduce the risk of quid pro quo donations
Anonymous sources	To ensure transparency of party funding and a greater chance to monitor compliance with political finance regulations.
Indirect donations	To make control of other bans easier to monitor.

Sumber: France, G. (2023, November 21). *Limits on political donations: Global practices and its effectiveness on political integrity and equality*. Transparency International Anti-Corruption Helpdesk Answer. Berlin: Transparency International. Retrieved from https://knowledgehub.transparency.org/assets/uploads/helpdesk/Limits-on-political-donations_global-practice-and-effectiveness_final.pdf

France (2023) menegaskan bahawa tanpa peraturan yang mencukupi berhubung pembiayaan parti politik dan kempen pilihan raya, wang boleh menjadi alat kepada kepentingan khas yang berkuasa untuk melaksanakan pengaruh tidak wajar dan pada asasnya "menawan" proses penggubalan dasar. Sebagai contoh, pegawai yang dipilih pernah dikenal pasti menggunakan kontrak kerajaan yang lumayan sebagai cara membalas syarikat yang membuat sumbangan kempen

yang besar, atau mengecualikan pihak yang menyokong lawan mereka. Walaupun sektor berbelanja tinggi seperti infrastruktur dan perancangan bandar sangat terdedah kepada risiko penawanan dasar, hampir semua proses penggubalan dasar boleh menjadi sasaran kepentingan khas yang berkuasa. Akibatnya mungkin berupa penggubalan dasar yang tidak memadai atau bercanggah dengan kepentingan awam, sekali gus menjejaskan pertumbuhan inklusif dan menghakis kepercayaan terhadap kerajaan Penulis juga meneliti sama ada syarikat menukar sumbangan politik untuk mendapatkan kontrak kerajaan di Lithuania. Dengan menggabungkan data daripada pelbagai tender kerajaan, penyumbang korporat dan atribut syarikat, kajian ini menyiasat bagaimana larangan keseluruhan ke atas sumbangan korporat mempengaruhi agihan kontrak perolehan kepada firma yang sebelum ini membuat sumbangan. Penulis mendapati bahawa kebarangkalian firma penyumbang memenangi kontrak menurun sebanyak lima mata peratusan berbanding firma bukan penyumbang selepas larangan tersebut.

Terdapat dua kemungkinan yang berbeza tentang bagaimana penyumbang korporat boleh mendapat manfaat dalam proses perolehan: (i) saluran reka bentuk kontrak, di mana pegawai merangka tender supaya hanya penyumbang tersebut dapat memenuhi keperluan yang diperlukan; (ii) saluran maklumat, apabila pegawai membocorkan maklumat mengenai bidaan pesaing kepada penyumbang.[28]

[28] France, G. (2023, November 21). *Limits on political donations: Global practices and its effectiveness on political integrity and equality*. Transparency International Anti-Corruption Helpdesk Answer. Berlin: Transparency International. Retrieved from https://knowledgehub.transparency.org/assets/uploads/helpdesk/Limits-on-political-donations_global-practice-and-effectiveness_final.pdf

Transparency International – Malaysia ("TI-M") (2011) menjelaskan Pada masa ini tiada perundangan yang mengawal selia sumbangan politik. Oleh itu, TI-M mencadangkan bahawa:[29]

i. Had hendaklah dikenakan ke atas sumbangan oleh individu warganegara Malaysia serta pertubuhan atau syarikat kepada parti politik. Secara ideal, syarikat hendaklah dilarang daripada membuat sumbangan politik. Langkah ini merupakan kaedah paling berkesan untuk mengehadkan keupayaan pihak yang mempunyai agenda peribadi mempengaruhi keputusan pilihan raya.

ii. Satu senarai penyumbang yang tidak dibenarkan hendaklah disediakan. Senarai ini hendaklah merangkumi syarikat berkaitan kerajaan, bukan warganegara dan organisasi asing.

Dalam konteks kawal selia, **Piccio (2024)** telah melaksanakan penandaarasan terhadap kerangka perundangan negara dan menggariskan secara jelas peraturan kawal selia yang terdapat di beberapa negara di benua Eropah seperti berikut:[30]

[29] Transparency International – Malaysia. (2011). *Memorandum on reform of political financing in Malaysia*. Kuala Lumpur: Transparency International – Malaysia. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/11b.-Crinis-Memo-English.pdf

[30] Piccio, D. R. (2024). Mapping private party funding regulation. Deregulation in sight?. *Italian Political Science Review/Rivista Italiana di Scienza Politica*, 1-13.

Countries	Anonymous donations	Foreign donations	Donations from legal persons	Maximum size donations from single source	Incentives for private donations
Austria	Capped at 150€	Banned	Allowed	7.500€	No
Belgium	Capped at 125€	Allowed	Banned	500€	No
Denmark	Capped at 2700€	Allowed	Allowed	No restrictions	No
Finland	Banned	Banned	Allowed	30.000€	No
France	Capped at 150€	Banned	Banned	7.500€	Tax deduction
Germany	Capped at 500€	Capped at 1000€	Allowed	No restrictions	Tax deduction; Matching funds
Greece	Banned	Banned	Banned	20.000€	No
Ireland	Capped at 100€	Banned	Allowed	2.500€	No
Italy	Capped at 500€	Banned	Allowed	100.000€	Tax deduction
Luxembourg	Banned	Allowed	Banned	No restrictions	No
Malta	Capped at 50€	Banned	Allowed	25.000€	No
The Netherlands	Capped at 1000€	Banned	Allowed	No restrictions	Tax deduction; Matching funds
Portugal	Banned	Banned	Banned	12.000€[a]	Tax deduction
Spain	Banned	Banned	Banned	50.000€	Tax deduction
Sweden	Capped at 225€	Allowed	Allowed	No restrictions	No

[a]Donations from natural persons in Portugal are subject to the annual limit of 25 times the value of the minimum wage per donor (International IDEA Political Finance Database). Currently, this corresponds to 12.000 euros, approximately.
Sources: European Parliament (2021), updated by author for Austria (2022) and the Netherlands (2023).

Sumber: Piccio, D. R. (2024). Mapping private party funding regulation. Deregulation in sight?. *Italian Political Science Review/Rivista Italiana di Scienza Politica*, 1-13.

Melalui jadual tersebut, rangka kerja pembiayaan politik di Eropah Barat secara umum ketat terhadap sumber pembiayaan swasta berskala besar, tetapi hanya menawarkan insentif terhad bagi sumbangan kecil dan sederhana, sementara pembiayaan awam/kerajaan wujud hampir di semua negara. Hal ini boleh rumuskan seperti berikut:[31]

a) Sumbangan tanpa nama tidak dibenarkan tanpa had; sama ada diharamkan terus atau dihadkan pada siling yang rendah (kebanyakannya di bawah 500 euro, kecuali Denmark dan Belanda).
b) Majoriti negara melarang atau menghadkan sumbangan asing; ia kini hanya dibenarkan di Belgium, Denmark, Luxembourg dan Sweden.
c) Sekatan ke atas sumbangan korporat berbeza-beza: 9 daripada 15 negara melarang sepenuhnya sumbangan syarikat/orang perundangan, dan 10 negara mengenakan siling tahunan (sekitar 500 hingga 100,000 euro; purata kira-kira 25,000 euro).

[31] Piccio, D. R. (2024). Mapping private party funding regulation. Deregulation in sight?. *Italian Political Science Review/Rivista Italiana di Scienza Politica*, 1-13.

d) Tiada had atas di Denmark, Jerman, Belanda, Sweden dan Luxembourg (walaupun Luxembourg melarang sumbangan korporat), menandakan tradisi campur tangan minimum dalam urusan dalaman parti.

e) Insentif cukai untuk derma kecil-sederhana wujud di hanya 6 daripada 16 negara dan dinilai kurang berkesan; skim padanan dana di Jerman dan Belanda lebih berjaya serta mengurangkan kebergantungan kepada dana awam.

f) Pembiayaan awam/kerajaan ialah ciri membezakan di Eropah: hampir semua negara menawarkannya, dengan hanya Malta dan Itali tidak menyediakan sokongan langsung pada masa ini (Itali memansuhkan pada 2014).

Ohman (2012) mendedahkan pelbagai data berguna mengenai pengawalseliaan kewangan politik di seluruh dunia seperti berikut:[32]

i. Di seluruh dunia, larangan sumbangan politik yang paling lazim berkaitan dengan penggunaan sumber kerajaan (tidak termasuk peruntukan pembiayaan awam/kerajaan yang dikawal selia). Sebanyak 85 peratus negara yang mempunyai data tersedia, iaitu 94 daripada 110 negara, melarang sumbangan sedemikian bagi membendung penyalahgunaan sumber negara, walaupun keberkesanan larangan ini memerlukan kajian lanjut.

ii. Larangan terhadap sumbangan daripada sumber asing juga biasa: 68 peratus negara melarang sumbangan sedemikian kepada parti, manakala 51 peratus melarang sumbangan asing kepada calon.

iii. Sebaliknya, hanya 22 peratus (36 negara) melarang sumbangan korporat, walaupun calon di benua Amerika dilarang berbuat demikian di 42 peratus negara.

[32] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

iv. Secara global, 55 peratus (74 negara) tidak mengehadkan jumlah yang boleh disumbangkan kepada parti politik atau calon. Di Afrika dan Oceania, had sumbangan hampir tidak wujud, manakala di Eropah ia lebih lazim.

v. Sebanyak 68 peratus (116 negara) mempunyai peruntukan pembiayaan awam/kerajaan secara langsung kepada parti politik, walaupun angka ini berbeza mengikut rantau, daripada 27 peratus negara di Oceania kepada 86 peratus negara Eropah.

vi. Sebanyak 69 peratus daripada semua negara menyediakan kepada parti politik akses media percuma atau bersubsidi, dengan Afrika menonjol sebagai benua yang paling menekankan bentuk bantuan ini.

vii. Hanya 29 peratus (49 negara) mengehadkan jumlah wang yang dibenarkan untuk dibelanjakan oleh parti politik, walaupun 44 peratus mengenakan had tersebut ke atas calon pilihan raya.

viii. Di 40 negara (25 peratus negara yang diliputi dalam pangkalan data), tiada institusi yang diberikan peranan rasmi untuk meneliti laporan kewangan yang dikemukakan atau menyiasat kemungkinan pelanggaran peraturan kewangan politik.

Dalam aspek sumber pembiayaan calon dan parti, Casas-Zamora (2008) menjelaskan bahawa sistem pendanaan politik (*political finance system*) (PFS) perlu mencakupi kawal selia terhadap sumber pembiayaan calon dan parti.[33] Aspek ini merangkumi instrumen yang mengawal selia aliran sumber ekonomi ke arah aktiviti politik, sama ada dengan mengawal atau melarang penggunaan sumber pembiayaan tertentu (“peraturan negatif”) atau dengan menyediakan atau menggalakkan penggunaan sumber lain (“peraturan positif”). Sistem Pendanaan Politik (*Political Finance Systems*, PFS) bukan sekadar mengehadkan kemasukan wang politik, malah boleh turut membentuknya secara

[33] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

aktif. Hal ini boleh dilakukan dengan menyalurkan wang, barangan atau perkhidmatan awam kepada parti dan calon.

Penulis menjelaskan bahawa penggunaan subsidi awam secara langsung, tidak langsung dan khusus merupakan ciri yang paling lazim dalam PFS kontemporari. Sumbangan politik daripada sektor swasta tertakluk kepada kawalan yang paling meluas. Kebanyakan negara demokrasi menghadkan penggunaan sekurang-kurangnya beberapa jenis sumbangan swasta, walaupun tahap kekangannya sangat berbeza.[34]

Dalam penulisan ini, ia juga menyatakan bahawa terdapat beberapa negara seperti Greece yang hanya mengenakan had maksimum jumlah sumbangan, namun lebih lazimnya demokrasi moden melarang terus penggunaan beberapa sumber tertentu. Had sumbangan individu berbeza antara negara, hingga melebihi US$250,000 setahun di Jepun. Larangan paling biasa ialah ke atas sumbangan asing, yang dilarang di lebih 20 negara, serta jenis sumbangan perniagaan tertentu, khususnya daripada syarikat milik negara atau syarikat yang mendapat manfaat melalui kontrak atau lesen kerajaan. [35]

Titl, et. al (2021) menyatakan bahawa pertalian antara firma dan ahli politik wajar dikurangkan. Hal ini sejajar dengan bukti terdahulu yang menunjukkan bahawa rangka kerja undang-undang yang lebih ketat dapat mengurangkan pilih kasih dalam kontrak perolehan awam. Malah, ia mungkin mempunyai implikasi langsung terhadap kecekapan ekonomi memandangkan kualiti tadbir urus dan kecekapan kerajaan merupakan penentu penting pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.[36]

---

[34] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.
[35] Ibid
[36] Titl, V., De Witte, K., & Geys, B. (2021). Political donations, public procurement and government efficiency. *World Development*, *148*, 105666.

Casas-Zamora (2008) seterusnya menjelaskan bahawa sekatan terhadap sumber pembiayaan swasta adalah perlu dengan tujuan untuk menggagalkan pembelian pengaruh politik oleh penderma besar atau yang kontroversial. Penulis juga menyatakan bahawa sekatan melalui ketetapan had sumbangan berpotensi menimbulkan cabaran pelaksanaan yang lebih besar, yang menjurus kepada keperluan memerlukan kewujudan sistem pelaporan dan pengauditan wang politik yang meluas, satu keperluan yang sukar dipenuhi walaupun bagi negara maju. Ia juga menyatakan bahawa had sumbangan yang terlalu ketat boleh membawa kesan negatif. Sebagai contoh, langkah tegas yang melarang terus sumbangan swasta, seperti yang dilaksanakan di France sebelum 1988 dan India sepanjang 1969 hingga 1985, telah menggalakkan amalan pengumpulan dana yang sangat tidak telus. Maka, tidak hairan juga bahawa banyak negara demokrasi, khususnya di Eropah Barat, mengelakkan diri daripada kawal selia sumbangan yang ketat dan menyeluruh, sebaliknya memilih untuk membendung pengaruh kewangan penderma melalui kaedah lain seperti sistem subsidi awam yang luas, tempoh kempen pilihan raya yang singkat dan sekatan ketat ke atas pengiklanan pilihan raya.[37]

Ohman (2012) menjelaskan bahawa sekatan terhadap pendanaan politik dalam tiga bentuk wujud di majoriti negara (berdasarkan purata bagi parti dan calon), iaitu larangan sumbangan daripada (a) kepentingan asing, (b) sumber tanpa nama dan (c) sumber kerajaan (yang terakhir tidak termasuk peruntukan pembiayaan awam/kerajaan yang dikawal selia). Hal ini dijelaskan seperti berikut:[38]

i. Larangan menyediakan sumber kerajaan kepada parti politik atau calon merupakan larangan yang paling lazim, wujud di 85 peratus negara yang mempunyai data. Hal ini menunjukkan bahawa kebimbangan terhadap potensi penyalahgunaan sumber kerajaan merupakan pertimbangan paling

[37] Ibid
[38] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

biasa dalam pembentukan larangan sumbangan. Walau bagaimanapun, penulis menyatakan bahawa larangan sedemikian tidak semestinya bermakna pengharaman itu berkesan dalam membendung amalan tersebut.

ii. Banyak negara juga melarang sumbangan daripada syarikat yang mempunyai pemilikan sebahagian oleh kerajaan atau yang mempunyai kontrak kerajaan (46 peratus bagi parti politik dan 38 peratus bagi calon). Komponen pertama (syarikat dengan pemilikan sebahagian oleh kerajaan) berkaitan penyalahgunaan sumber kerajaan, manakala komponen kedua (syarikat dengan kontrak kerajaan) berkaitan risiko imbuhan balas (kickbacks) atau sumbangan yang dibuat dengan jangkaan balasan atau pertimbangan lain yang menguntungkan.

iii. Sumbangan asing umumnya dianggap tidak diingini, dengan 68 peratus negara melarang sumbangan sedemikian kepada parti politik dan 51 peratus melarang sumbangan sedemikian kepada calon.

iv. Larangan terhadap sumbangan tanpa nama kepada parti politik dan calon juga lazim (masing-masing 55 peratus dan 42 peratus). Penulis memerhatikan bahawa kebanyakan negara yang tidak mempunyai larangan terhadap sumbangan tanpa nama juga tidak mempunyai larangan sumbangan lain. Tambahan pula, sekitar 15 peratus negara tidak mengharamkan sepenuhnya sumbangan tanpa nama, tetapi membenarkannya hanya sehingga had tertentu. Hujah yang sering dikemukakan ialah ia menyediakan ketelusan bagi sumbangan yang lebih besar, sambil melindungi penyumbang kecil yang mungkin berdepan gangguan jika kecenderungan politik mereka diketahui umum. Sama ada penyelesaian sedemikian benar-benar mencapai keseimbangan antara ketelusan dan hak privasi, atau sebaliknya membuka kelompongan dengan menyembunyikan sumbangan besar melalui pecahan kepada sumbangan kecil, merupakan isu yang wajar dikaji pada peringkat negara.

v. Terdapat juga larangan tambahan yang paling lazim terpakai kepada entiti berkanun, iaitu semua jenis organisasi dan institusi yang mempunyai status perundangan. Contoh lain termasuk Croatia, Kyrgyzstan dan Mongolia yang melarang syarikat dan individu dengan tunggakan cukai yang belum diselesaikan daripada membuat sumbangan, manakala organisasi amal dan keagamaan dilarang membuat sumbangan politik di beberapa negara termasuk Armenia, Belgium, Timor-Leste, Ecuador dan Rusia.

vi. Larangan lain berkemungkinan diperkenalkan untuk menghentikan sumbangan tidak langsung atau tersembunyi. Sebagai contoh, sesetengah negara melarang sumbangan daripada entiti yang belum wujud sekurang-kurangnya bagi tempoh yang ditetapkan, bagi menghalang penubuhan entiti sejurus sebelum pilihan raya untuk menyalurkan dana.

vii. Larangan terhadap warganegara bawah umur membuat sumbangan juga lebih berkemungkinan diwujudkan untuk menghalang orang dewasa menyalurkan sumbangan melalui anak-anak mereka, berbanding kebimbangan tentang dana kanak-kanak.

viii. Terdapat juga beberapa larangan yang lebih luar biasa. Sebagai contoh, lima negara — Argentina, Bulgaria, Colombia, Honduras dan Paraguay — melarang organisasi perjudian daripada membuat sumbangan politik, mungkin bagi menghalang mereka “bertaruh” atas keputusan pilihan raya. Kelab sukan tidak dibenarkan membuat sumbangan di Brazil, manakala militia tidak boleh berbuat demikian di Iraq. Bank di Liberia serta kumpulan pengganas di Madagascar dan Uganda juga dilarang membuat sumbangan. Jerman secara jelas melarang sumbangan yang dibuat dengan jangkaan kelebihan politik atau kewangan. Larangan di beberapa negara terhadap sumbangan daripada dana haram mungkin amat sukar dikuatkuasakan, begitu juga peraturan di Indonesia bahawa sumbangan mestilah berasaskan prinsip kejujuran, kesukarelaan, keadilan, ketelusan, akauntabiliti serta kedaulatan dan kebebasan parti politik.

ix. Di Sierra Leone, hanya mereka yang layak didaftarkan sebagai pengundi dibenarkan memberi sumbangan, manakala di Guinea-Bissau dan Bhutan hanya ahli parti yang boleh berbuat demikian. Jadual 2 merumuskan data global mengenai larangan ke atas sumbangan politik.[39]

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa bahawa di peringkat global 46 negara melarang sumbangan korporat bagi mengehadkan pengaruh pembiayaan daripada kepentingan korporat. Selain itu, 88 negara mengharamkan ahli politik dan parti daripada menerima sumbangan politik daripada syarikat dengan pemilikan sebahagian oleh kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi mengelakkan kelebihan tidak seimbang yang timbul apabila parti pemerintah boleh mengakses dana tersebut. Secara global, 67.8 peratus daripada 122 negara mengharamkan sumber tanpa nama, manakala 68.3 peratus mengharamkan sumber asing. Selain larangan sumbangan, sesetengah negara meletakkan had ke atas jumlah yang boleh disumbangkan oleh penderma kepada parti atau calon bagi mengurangkan pengaruh segelintir penderma besar terhadap politik dan pembuatan keputusan negara. Secara global, 46.1 peratus daripada 83 negara mengenakan had sumbangan kepada parti politik.[40]

2.6.2 Sub-Aspek 2: Perbelanjaan Politik

Menurut **Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.),** dana diperlukan untuk menampung kos mengurus parti, termasuk:[41]

- Menyelenggara pejabat tetap
- Melaksanakan penyelidikan dasar dan tinjauan pendapat

[39] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.
[40] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.
[41] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

- Pendidikan politik dan kempen
- Menjalankan kempen pengiklanan mengenai dasar
- Menggerakkan pengundi
- Membayar gaji/pampasan petugas parti

***National Consultative Committee on Political Financing* (2016)** menyatakan parti politik dan calon bukan sahaja berbelanja semasa tempoh kempen. Mereka perlu secara berterusan menggaji kakitangan, menjalankan aktiviti dan menganjurkan acara, melaksanakan latihan, menerbitkan bahan, dan banyak lagi. Semua ini melibatkan perbelanjaan Namun perbelanjaan ini tidak dikawal selia dengan jelas dan penguatkuasaan terhadap peraturan sedia ada yang terhad adalah lemah. Satu-satunya kewajipan pada masa ini ialah parti politik mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS). Penyata kewangan tersebut sepatutnya merangkumi maklumat tentang perbelanjaan. Walau bagaimanapun, pematuhan adalah lemah dan peraturan jarang dikuatkuasakan, tanpa penalti dikenakan ke atas pihak yang gagal mematuhi. Tiada peraturan atau mekanisme ketelusan dan akauntabiliti berhubung perbelanjaan oleh ahli politik secara individu:[42]

Dalam aspek perbelanjaan politik (*political expenditure*), Casas-Zamora (2008) membahaskan tentang peraturan yang menetapkan had umum (*general ceilings*) ke atas perbelanjaan pilihan raya parti atau calon, serta had atau larangan yang dikenakan terhadap penggunaan item perbelanjaan tertentu, khususnya pengiklanan pilihan raya. Ia juga merangkumi had yang dikenakan ke atas tempoh kempen. Dalam penulisan tersebut, penulis menyatakan secara jelas bahawa had perbelanjaan umum sebenarnya agak jarang dalam kalangan negara demokrasi. Sebagai contoh, seperti di Britain dan Canada, di mana had

[42] National Consultative Committee on Political Financing. (2016, August 29). *Political financing in Malaysia: Reinforcing integrity* [Report]. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/LAPORAN-JKNMPP-ENGLISH.pdf

dilaksanakan dengan tegas, tetap menunjukkan persoalan praktikal yang sukar akibat pelaksanaannya. Di Britain, kepentingan had berasaskan kawasan pilihan raya semakin terhakis oleh peningkatan berterusan perbelanjaan nasional parti, yang disekat melalui perundangan. Sementara itu di Canada, pengawalseliaan perbelanjaan pihak ketiga, iaitu perbelanjaan oleh kumpulan bukan parti yang bertujuan mempengaruhi keputusan pilihan raya, terbukti sukar ditangani walaupun peranan perbelanjaan sedemikian sering kali jelas. Dalam kebanyakan keadaan lain, ketidakjelasan takrifan perbelanjaan pilihan raya, had yang terlalu rendah untuk dilaksanakan secara realistik, mekanisme penguatkuasaan yang lemah, serta insentif kuat untuk berbelanja yang berpunca daripada ciri institusi lain telah menggugat keberkesanan had perbelanjaan. Justeru, penulis menegaskan bahawa di beberapa negara seperti Australia, Colombia, India, Israel, Jepun, Russia, Korea Selatan, Ukraine dan Amerika Syarikat bagi tempoh 1925–1974), para pemain bidang politik pada amnya tidak mematuhi had tersebut — sama ada mengabaikannya, mencari jalan memintas, atau kelemahan penguatkuasaan menjadikan had itu tidak berkesan. [43]

Coghill (2022) menerangkan bahawa bentuk had perbelanjaan bertujuan meratakan padang permainan bagi calon di setiap kawasan dan memberi "ruang yang jelas" kepada pengundi sepanjang tempoh kempen untuk menilai calon yang terbaik mewakili mereka atau kawasan mereka, yang memetik keputusan Mahkamah Rayuan UK: dalam kes *Attorney General v Jones*, mahkamah menjelaskan bahawa tujuan had perbelanjaan ialah untuk mempromosikan "padang permainan kewangan yang setara antara calon yang bersaing, bagi mengelakkan penyelewengan terhadap pilihan demokratik pengundi dalam kalangan calon yang bersaing dalam kawasan pilihan raya akibat jurang besar perbelanjaan tempatan." (*a level financial playing field between competing*

[43] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

candidates, so as to prevent perversion of the voters' democratic choice between competing candidates within constituencies by significant disparities of local expenditure). Ia membolehkan pengundi menumpukan perhatian kepada cara calon mengemukakan dasar dan bagaimana mereka akan mewakili kawasan di Parlimen. Had perbelanjaan juga berfungsi seperti proses prapemilihan dengan mengembalikan kuasa memilih wakil kepada pengundi, dan bukannya membataskan pilihan pengundi kepada calon yang dipilih oleh struktur kuasa parti yang kemudiannya hanya setia kepada parti.[44]

Molomo & Sebudubudu (2005) memetik petikan *National Democratic Institute for International Affairs* (1998) menyatakan bahawa "*in order to carry out their democratic functions effectively, political parties must be supported by financial and other resources. Such resources include funds to operate the basic infrastructure of political party institutions, as well as a wide variety of resources that support the ability of parties to communicate with the population*." Fungsi-fungsi yang diharapkan daripada parti politik memerlukan pembiayaan, yang merangkumi tiga fungsi kritikal parti politik dalam proses pilihan raya, iaitu organisasi, perwakilan dan tadbir urus. Pertama, berkaitan organisasi, faktor-faktor ini merangkumi karisma, ketajaman akal politik, disiplin parti dan kecekapan organisasi, pertimbangan yang baik bagi pendirian dasar yang tampak meyakinkan kepada pengundi. Kesemua aktiviti tersebut digerakkan oleh wang. Kedua, pemerintahan berwakil menuntut penyertaan rakyat yang bermakna dan setara, dengan parti politik sebagai tonggak utama yang perlu dibiayai secukupnya agar dapat melaksanakan mandat rakyat dengan berkesan. Selain itu, tadbir urus demokratik dinilai menurut amalan antarabangsa yang menekankan perlindungan

[44] Coghill, K. (2022, March 23). *Political donations: A problem for our democracy? Counter-measures*. Victorian Branch of the Australian Fabians online event. Accountability Round Table. Retrieved from https://www.accountabilityrt.org/wp-content/uploads/2022/04/Coghill-K-2022-Political-Donations-Counter-Measures.pdf

perlembagaan terhadap kebebasan sivil, pilihan raya berkala, dan kedaulatan undang-undang.[45]

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa di Malaysia, had perbelanjaan hanya dikenakan kepada calon, bukan kepada parti politik. Menurut Akta Kesalahan Pilihan Raya, calon Dewan Undangan Negeri boleh berbelanja sehingga RM100,000 dan calon Parlimen sehingga RM200,000. Ambang ini dianggap terlalu rendah oleh ramai ahli politik, dan penyelidikan menunjukkan calon cenderung melaporkan perbelanjaan lebih rendah daripada sebenar semasa kempen (Marpang, 2024). Secara global, 49.2 peratus negara mengehadkan jumlah yang boleh dibelanjakan oleh calon, manakala 35 peratus mengehadkannya kepada parti politik. Rasional meletakkan had perbelanjaan ialah untuk mengurangkan kelebihan tidak adil bagi parti atau calon dengan akses kepada dana besar, serta mencegah 'perlumbaan perbelanjaan' antara parti yang boleh menyuburkan amalan rasuah.[46]

Dalam konteks larangan perbelanjaan, **Casas-Zamora (2008)** juga membahaskan tentang sekatan pada item yang sangat ketara dan mahal (*singularly visible and expensive items*), seperti pengiklanan pilihan raya. Penulis menjelaskan bahawa di kebanyakan negara demokrasi Eropah Barat, undang-undang melarang iklan politik berbayar di televisyen. Sebagai gantinya, kerajaan melalui stesen TV milik negara memperuntukkan slot siaran khas (percuma atau dikawal) untuk semua parti bertanding supaya setiap parti mendapat peluang yang lebih seimbang untuk berkempen di TV. Dalam analisis penulis, walaupun amalan ini umumnya dianggap berkesan untuk mengurangkan kos aktiviti pilihan raya dan mengurangkan tekanan ekonomi ke atas parti, kebolehgunaan model Eropah

[45] Molomo, M., & Sebudubudu, D. (2005). Funding of political parties: Levelling the political playing field. *Maundeni, Forty Years of Democracy in Botswana*, 147-162.
[46] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.

Barat secara umum adalah dipersoalkan. Ia memerlukan kewujudan sistem penyiaran milik negara yang berpengaruh, yang agak jarang di luar Eropah Barat. Lebih penting, kesan model ini dalam melindungi kesaksamaan politik adalah tidak jelas. Seperti juga had perbelanjaan umum, sekatan pengiklanan yang ketat boleh menjadi perlindungan yang tidak adil kepada parti pemerintah dan menjadi halangan besar kepada pemain baharu politik, terutama jika pihak pemerintah terus menikmati akses tanpa had kepada saluran maklumat rasmi.[47]

2.6.3 Sub-Aspek 3: Peruntukan Dana Awam/Kerajaan (*Public Funding*)

Menurut **Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.),** ia mencadangkan bagi pembiayaan awam/kerajaan, kelayakan tahunan hendaklah diasaskan kepada jumlah undi popular yang diperoleh dalam pilihan raya paling baharu, di mana parti akan menerima RM4 setahun bagi setiap undi yang diperoleh. Pengagihan hendaklah dibuat dua kali setahun dan dana dibayar kepada parti politik atau terus kepada calon bebas. Penerima pembiayaan awam/kerajaan wajib mengemukakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) suatu akaun tahunan yang diaudit, termasuk penyata imbangan yang memperincikan penerimaan dan perbelanjaan. Kegagalan membuat pelaporan tepat pada masanya akan menyebabkan kehilangan kelayakan. SPR akan menzahirkan laporan kewangan berhubung pembiayaan awam/kerajaan untuk diakses oleh orang ramai. [48] Pembiayaan awam/kerajaan dihujahkan sebagai kos semula jadi dan perlu bagi demokrasi kerana ia dapat mengehadkan pengaruh wang berkepentingan serta membantu membendung rasuah, membolehkan kerajaan menggalakkan atau mewajibkan perubahan seperti meningkatkan

[47] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.
[48] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

bilangan calon wanita, dan meningkatkan ketelusan pembiayaan parti serta calon. Ia juga dilihat mengelakkan terjemahan ketidaksamarataan ekonomi kepada ketidaksamarataan politik apabila pembiayaan hanya bersumberkan dana swasta, menyediakan sokongan untuk menampung kos berkempen yang semakin meningkat, dan relevan dalam masyarakat berpendapatan rendah yang mana rakyat biasa tidak mampu menyumbang banyak. Namun, terdapat hujah yang menentang pembiayaan awam/kerajaan kerana ia dikatakan menjauhkan elit politik daripada rakyat biasa, mengekalkan status quo yang menguntungkan parti serta calon sedia ada, memaksa pembayar cukai menyokong parti atau calon yang mereka tidak setujui, dan berpotensi menyaingi keutamaan perbelanjaan awam seperti sekolah dan hospital. Tambahan pula, wujud kebimbangan bahawa parti serta calon membuat keputusan sambil mengutip dana dan bahawa parti politik berisiko menjadi organ kerajaan bukannya sebahagian daripada masyarakat sivil. [49]

Transparency International – Malaysia ("TI-M") (2011) menyatakan pembiayaan awam/kerajaan amat penting untuk meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan keadilan dalam pembiayaan politik, serta memastikan parti politik dan calon mempunyai sumber yang mencukupi untuk melaksanakan kempen yang berdaya maju. Penggunaan wang awam mewajarkan tuntutan terhadap tahap ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi oleh parti dan calon, di samping memperkukuh pendedahan serta pemantauan terhadap rasuah politik. Sehubungan itu, pembiayaan awam/kerajaan hendaklah berasaskan prinsip keseimbangan yang munasabah antara pembiayaan awam/kerajaan dan swasta, kriteria pengagihan yang adil kepada parti, peraturan ketat mengenai sumbangan swasta, had ke atas perbelanjaan pilihan raya parti, ketelusan akaun yang lengkap dengan pendedahan penuh kepada umum, penubuhan pihak berkuasa audit bebas untuk

[49] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

memantau penggunaan dana, serta penalti yang berat terhadap parti dan calon yang melanggar peraturan. Jumlah pembiayaan wajar ditetapkan secara berkadar dengan keputusan pilihan raya terdahulu seperti undi popular yang diperoleh, bilangan kerusi Parlimen dan kerusi dewan undangan negeri. Dana hendaklah dibayar kepada parti politik dan bukan kepada individu, namun ia boleh dibayar secara langsung kepada calon bebas penyandang.[50]

Van Biezen (2008) memperlihatkan beberapa rasional utama pembiayaan awam: mengurangkan pengaruh penderma swasta, menampung kos politik yang meningkat (kempen bermedia, profesionalisasi), dan meratakan padang persaingan untuk parti kecil/baru.[51] **Phillips (2012)** berhujah subsidi awam terhad boleh mengimbangi kehilangan hasil besar apabila had sumbangan dilaksana, dan—kerana bersandar pada duit pembayar cukai—mendorong disiplin serta penelitian lebih teliti.[52]

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa undang-undang pembiayaan politik berbeza dengan ketara antara negara, dibentuk oleh konteks politik, budaya dan sejarah yang unik. Meskipun terdapat perbezaan, tema umum muncul dalam matlamat serta cabaran pengawalseliaan. Banyak negara berhasrat mengurangkan kebergantungan kepada sumbangan swasta dengan menyediakan pembiayaan awam/kerajaan kepada parti politik. Pembiayaan ini boleh hadir dalam pelbagai bentuk seperti subsidi awam/kerajaan secara langsung, insentif cukai, atau pembiayaan aktiviti kempen. Sebagai contoh, Germany memperuntukkan pembiayaan kerajaan berdasarkan prestasi pilihan raya, manakala Canada menggunakan subsidi awam/kerajaan yang diikat kepada

[50] Transparency International – Malaysia. (2011). *Memorandum on reform of political financing in Malaysia*. Kuala Lumpur: Transparency International – Malaysia. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/11b.-Crinis-Memo-English.pdf
[51] Van Biezen, I. (2008). State intervention in party politics: The public funding and regulation of political parties. *European Review*, *16*(3), 337-353.
[52] Phillips, H. (2012). The funding of political parties. *The Political Quarterly*, *83*(2), 318-324.

jumlah undi yang diterima. Penulis juga menyatakan bahawa peruntukan pembiayaan awam/kerajaan boleh juga ditetapkan berdasarkan peratusan wanita atau minoriti dalam kerusi terpilih juga boleh membuka ruang penyertaan yang lebih luas kepada wanita dan kumpulan terpinggir dalam politik. Di banyak negara, pembiayaan awam diagihkan mengikut peratus undi yang diterima atau kerusi yang dimenangi parti. Di samping itu, pembiayaan awam boleh diberi secara tidak langsung dalam bentuk akses media, pelepasan cukai, premis percuma atau diskaun untuk pertemuan kempen, serta kos pos yang disubsidi.[53]

Ohman (2012) menyatakan dua tujuan utama pembiayaan awam/kerajaan ialah membantu parti politik berfungsi sebagai institusi dan membantu mereka menjalankan kempen pilihan raya yang berkesan. Selaras dengan pertimbangan tersebut, pembiayaan awam/kerajaan secara langsung boleh diagihkan secara berkala (lazimnya tahunan atau bulanan) atau khusus semasa kempen pilihan raya. Data menunjukkan bahawa dalam kalangan negara yang mempunyai peruntukan pembiayaan awam/kerajaan, agihan berkala ialah yang paling lazim (direkodkan di 60 negara), manakala 19 negara hanya menyediakan pembiayaan berkaitan kempen pilihan raya, dan 37 negara memperuntukkan kedua-dua bentuk agihan (berkala dan khusus pilihan raya).[54]

Dalam konteks dana awam, **Casas-Zamora (2008)** membahaskan dengan panjang dan terperinci mengenai pembiayaan kerajaan/ awam (*state funding*), di mana ia menjelaskan bahawa subsidi awam/kerajaan untuk parti dan calon merupakan bentuk campur tangan yang paling lazim dalam pembiayaan politik di

[53] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.
[54] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

seluruh dunia. Istilah pembiayaan awam/kerajaan (State funding) merangkumi tiga kategori asas subsidi:[55]

- **Pembiayaan awam/kerajaan secara langsung (*Direct State Funding*, DSF)**, iaitu geran tunai yang disalurkan kepada parti dan atau calon menurut tatacara awam yang ditetapkan dalam undang-undang. Penulis mencadangkan bahawa setiap sistem subsidi politik secara langsung mesti mentakrifkan dengan jelas empat isu teras:
    1) Aktor politik (*political actor*) manakah yang akan menerima subsidi?
    2) Seberapa kerap geran/ subsidi akan dibayar?
    3) Peraturan kelayakan dan pengagihan apakah yang akan diikut?
    4) Siapakah yang akan menentukan jumlah subsidi dan bagaimana caranya?
- **Pembiayaan awam/kerajaan tidak langsung (*Indirect State Funding*)**, iaitu sebarang subsidi berasaskan undang-undang yang diberikan dalam bentuk barangan atau kemudahan kepada aktor politik — seperti akses kepada penyiar milik kerajaan, bangunan awam atau bahan cetakan awam — serta kehilangan hasil kerajaan yang berpunca daripada insentif cukai kepada penyumbang politik swasta, parti atau calon. Di beberapa negara, khususnya Canada, France, Germany, Belanda dan Taiwan, serta di negara membangun seperti Guatemala, Nicaragua dan Panama, pengecualian cukai telah dilaksanakan untuk menggalakkan sumbangan politik dan ketelusannya. Dalam sesetengah negara, pengecualian cukai ini tidak bergantung pada jumlah sumbangan, namun faedah cukai yang diberikan di Canada dan Germany, misalnya, disasarkan secara khusus untuk merangsang sumbangan kecil. Akhir sekali, pemberian masa iklan percuma di saluran yang dikendalikan kerajaan merupakan amalan yang meluas di

[55] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

Eropah Barat dan, semakin meningkat, di tempat lain. Di Amerika Latin, ia terdapat di Argentina, Bolivia, Brazil, Chile, Colombia, Mexico, Paraguay, Peru dan Uruguay.[56] Namun, di banyak negara, pengecualian tersebut tidak memadai untuk mengatasi keinginan ramai penderma korporat untuk kekal tanpa nama, yang sering berasaskan alasan yang sah seperti mengelakkan kemungkinan pembalasan politik.[57]

- **Subsidi politik khusus (*specific political subsidies*)**, contohnya geran tunai yang diperuntukkan khas kepada organisasi berkaitan parti atau di bawah kawalan parti, seperti kumpulan sokongan (terutamanya wanita dan belia), akhbar dan institut penyelidikan.[21]

Penulis menyatakan bahawa penularan DSF boleh dikatakan merupakan trend terpenting dalam pembiayaan politik kontemporari dan salah satu yang kesannya telah mendominasi perbahasan akademik dan politik dalam bidang ini, khususnya di Eropah Barat. Selepas pengenalannya yang awal di Uruguay pada tahun 1928, dan khususnya sepanjang empat dekad yang lalu, DSF telah diterima pakai di hampir 50 negara. Penggubalan dan pemantapan DSF sebagai alat pengawalseliaan pembiayaan politik telah terpalit oleh kontroversi ketara, daripada kos fiskalnya kepada pembayar cukai sehinggalah kepada persoalan legitimasi menuntut sumber awam untuk membiayai parti politik. Yang lebih penting bagi sains politik, perbahasan juga menyentuh kesan praktikal DSF terhadap sistem demokrasi dalam tiga bidang:

(a) autonomi aktor politik (*political actor*) dan pencegahan rasuah;

(b) kesaksamaan politik dan persaingan pilihan raya;

(c) pengorganisasian dan penginstitusian parti politik.

Ringkasnya, penulis telah menganalisis kebaikan dan keburukan DSF di mana penyokong DSF berhujah bahawa subsidi awam/kerajaan kepada parti dan calon

[56] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.
[57] Ibid

dapat: (1) mengurangkan kebergantungan kepada penderma kaya, sekali gus mengekang rasuah dan meningkatkan ketelusan kerana duit datang daripada sumber awam; (2) meratakan padang permainan pilihan raya supaya parti dan calon dengan penyokong kurang berkemampuan pun boleh bersaing adil; dan (3) memberi sumber tetap untuk kerja demokrasi dan kos kempen yang semakin mahal, tanpa perlu bergantung kuat pada kutipan derma besar. Namun pengkritik menegaskan bahawa: (1) DSF tidak benar-benar menggantikan derma swasta dan kurang berkesan melawan rasuah, malah cenderung menggantikan "duit sihat" seperti yuran ahli (yang tidak melibatkan ahli luar parti); (2) DSF mengukuhkan pihak pemerintah sedia ada dan menyukarkan parti baharu masuk bertanding; dan (3) DSF boleh melemahkan hubungan parti dengan akar umbi, mengurangkan demokrasi dalaman, serta menjadikan parti terlalu bergantung kepada kerajaan. Badan bebas di UK iaitu *Committee on Standards in Public Life* menyimpulkan hujah pro dan kontra ini sama-sama ada merit, dan kesannya banyak bergantung pada butiran peraturan lain dan konteks institusi. Oleh itu, tidak wajar membuat kesimpulan umum tentang DSF tanpa menilai reka bentuk subsidi dan ekosistem peraturannya.[58]

Selanjutnya, **Casas-Zamora (2008)** mencadangkan bahawa subsidi kerajaan/dana awam ini kebiasaannya kekal lazimnya dibayar secara tahunan, hanya kepada parti politik, dan ditujukan kepada pelbagai aktiviti di luar kempen, khususnya pembinaan dan pengoperasian harian organisasi parti. Penulis mengamati bahawa masa penyaluran subsidi pilihan raya juga membawa kesan. Di sesetengah negara (contohnya Australia, Costa Rica) subsidi kerajaan berfungsi sebagai bayaran balik perbelanjaan selepas pilihan raya, manakala sistem lain (contohnya Republik Dominica, Amerika Syarikat) menetapkan peraturan yang menjamin parti atau calon yang layak mendapat akses penuh

[58] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

kepada subsidi sebelum pilihan raya. Di beberapa negara (contohnya Sepanyol, Uruguay) kedua-dua pilihan digabungkan dengan kadar berbeza, menggabungkan bayaran balik selepas pilihan raya dengan pendahuluan sebelum pilihan raya. Ketersediaan subsidi sebelum pilihan raya, atau alternatifnya sebagai bayaran balik selepas pilihan raya, boleh mempengaruhi halangan kewangan yang dihadapi pemain baharu politik serta kebergantungan aktor politik kepada sumber pendapatan swasta.[59]

Secara ringkas, Casas-Zamora (2008) mengamati bahawa hampir semua sistem DSF mewujudkan ambang kelayakan untuk menyaring parti atau calon remeh, dengan kriteria yang berbeza seperti memiliki kerusi Parlimen, mencapai jumlah atau peratus undi tertentu, atau gabungan keduanya; ada juga negara menggunakan ambang berlapis mengikut jenis subsidi. Ambang kelayakan selalunya ditakrifkan melalui pencapaian kerusi Parlimen dalam pilihan raya terdahulu (contohnya Bolivia, Finland), tetapi ia juga boleh berbentuk bilangan undi mutlak (contohnya Denmark, Portugal), peratusan undi tertentu (contohnya Germany, Nicaragua) atau melalui perkiraan khusus melalui gabungan wakil rakyat dan undi (*combination of representation and votes*) (contohnya Costa Rica, Sweden). Sesetengah negara melaksanakan pelbagai ambang bagi subsidi yang berbeza (contohnya Austria, Colombia). Ketiadaan ambang sepenuhnya adalah kurang lazim dan biasanya terhad kepada jenis pembiayaan awam tertentu (contohnya El Salvador, Uruguay).[60]

Setelah melepasi ambang, Casas-Zamora (2008) menjelaskan bahawa subsidi kerajaan/ dana awam lazimnya diagih secara berkadar berasaskan bahagian undi atau kerusi pilihan raya lalu (e.g. Belgium, Greece [*per share of votes*]; Finland,

[59] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.
[60] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

Sweden [*per share of parliamentary seats*]), namun banyak sistem menambah komponen geran sama rata bagi semua penerima untuk meningkatkan kesaksamaan (maksudnya, kesemua parti mendapat duit asas yang sama terlebih dahulu, kemudian ditambah dengan peratusan undian, contohnya di Mexico). Beberapa negara pula didapati menetapkan kadar bayaran balik rata yang dikaitkan kepada had perbelanjaan kempen (Contohnya, bagi Calon parlimen: subsidi = 50% daripada had perbelanjaan (Kanada & Perancis), bagi Calon presiden (Perancis): subsidi = 1/3 daripada had perbelanjaan, bagi Parti (Kanada): subsidi = 22.5% daripada had perbelanjaan nasional parti),[61] manakala skim padanan (matching) seperti di Jerman dan Amerika Syarikat memberi insentif kepada sumbangan kecil masyarakat, contohnya padanan peratus tertentu atau amaun tetap bagi setiap sumbangan kecil (maksudnya, diibaratkan seperti kerajaan "tambah" duit untuk setiap derma kecil yang rakyat beri). Contohnya di Jerman, setiap parti boleh menerima subsidi awam/kerajaan sebanyak 38% daripada jumlah yang dikutip melalui yuran dan derma individu yang bernilai kurang daripada €3,300. Begitu juga, calon presiden di Amerika Syarikat boleh memilih untuk menerima "matching funds" dalam pilihan raya pendahuluan bagi US$250 pertama setiap sumbangan yang diperoleh.[62] Intinya, reka bentuk kelayakan dan pengagihan DSF amat pelbagai, disesuaikan dengan matlamat dasar sama ada untuk menapis parti, meratakan peluang, atau menggalakkan pembiayaan kecil oleh orang ramai.

Dari segi jumlah subsidi dana awam, Casas-Zamora (2008) membincangkan bahawa penentuan jumlah awal subsidi terletak di tangan penggubal undang-undang. Walau bagaimanapun, undang-undang permulaan boleh mengambil beberapa laluan, termasuk memberi kuasa terbuka kepada ahli politik untuk

[61] Maksudnya, di Kanada dan Perancis, jumlah subsidi pilihan raya tidak bergantung pada berapa banyak undi yang diperoleh. Sebaliknya, kerajaan guna kadar bayaran balik tetap berdasarkan had perbelanjaan kempen yang ditetapkan undang-undang.

[62] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

menentukan jumlah subsidi secara ad hoc melalui belanjawan atau undang-undang khas (contohnya Austria, Uruguay).[63] Kebanyakan negara memilih untuk memformalkan kaedah pengiraan subsidi bagi melindunginya daripada manipulasi politik jangka pendek dan mengelakkan kenaikan melampau. Di sesetengah negara, undang-undang pilihan raya mentakrifkan secara terperinci jumlah subsidi yang dibayar bagi setiap kerusi atau undi (contohnya Honduras, Italy). Sebagai alternatif, penggubal undang-undang boleh memilih untuk menetapkan jumlah keseluruhan subsidi atau had perbelanjaan yang kemudiannya menentukan jumlah dana awam yang tersedia (contohnya subsidi pilihan raya di Canada, France). Di negara lain, seperti Mexico, jumlah subsidi ditentukan sepenuhnya oleh badan khas bukan politik, bagi mengasingkan subsidi daripada campur tangan politik.[64]

Secara keseluruhan, bukti tentang kesan pembiayaan awam/kerajaan (*direct state funding*) terhadap integriti politik dan kesaksamaan pilihan raya adalah bercampur serta bergantung kuat pada reka bentuk peraturan secara amnya. Dalam hal ini, Casas-Zamora (2008) membuat analisis seperti berikut:[65]

a) Bagi integriti, DSF tidak semestinya mengurangkan kebergantungan kepada penderma besar atau menghapuskan amalan kutipan dana yang meragukan. Keberkesanannya bergantung pada faktor seperti had perbelanjaan, tempoh kempen, peranan media milik kerajaan dan insentif pertandingan dalaman parti. Di Kanada dan beberapa negara Eropah Barat, mereka berjaya mengurangkan peranan sumbangan korporat kerana DSF digabungkan dengan had perbelanjaan yang ketat, insentif cukai untuk

[63] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.
[64] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.
[65] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

derma kecil dan larangan iklan politik berbayar di TV. Namun, amalan balas budi masih wujud di beberapa negara walaupun DSF menyeluruh.

b) Dari segi kesaksamaan pilihan raya, DSF tidak semestinya menyekat pemain politik baharu. Dalam sesetengah keadaan, seperti geran padanan derma kecil atau geran segera untuk parti baharu, DSF menurunkan halangan masuk dan menambah aktor politik baharu. DSF juga didapati boleh membantu mengimbangi ketidaksamarataan pembiayaan apabila jurang sumber antara parti memang besar, seperti di Uruguay.

Analisis dalam **Power (2025),** menjelaskan kebaikan dan keburukan pendanaan melalui peruntukan dana awam/dana kerajaan seperti berikut:[66]

a. Pembiayaan oleh negara dianggap bermanfaat sebagai respons kepada cabaran kewangan parti politik yang berpunca daripada kemerosotan keahlian parti. Manfaat utama yang sering diketengahkan ialah, pertama, ia dapat mengurangkan kebergantungan parti kepada penderma besar. Hujah ini berasaskan kebimbangan bahawa sumbangan besar daripada pihak swasta boleh mewujudkan pertukaran antara wang dan layanan dasar, atau sekurang-kurangnya menimbulkan persepsi awam bahawa dasar kerajaan boleh dipengaruhi oleh wang. Persepsi sebegini juga boleh menjejaskan keyakinan rakyat terhadap integriti sistem politik. Oleh itu, ada pandangan bahawa pembiayaan negara dapat menyediakan sumber kewangan yang lebih bersih dan mengurangkan risiko rasuah atau tanggapan rasuah dalam pendanaan politik.
b. Kedua, sebahagian sarjana yang berhujah bahawa apabila parti politik menerima pembiayaan negara yang signifikan, parti tersebut boleh dilihat setara dengan institusi awam lain yang dianggap penting kepada

[66] Power, S. (2025, December 17). *Political financing: Donations, loans and state funding* (Commons Library Research Briefing CBP-10441). House of Commons Library. https://researchbriefings.files.parliament.uk/documents/CBP-10441/CBP-10441.pdf#page=19&zoom=100,228,90

masyarakat, seperti pendidikan dan kesihatan. Dalam pengertian ini, parti politik tidak lagi dilihat semata-mata sebagai pertubuhan sukarela, tetapi sebagai institusi yang menjalankan fungsi awam yang penting dalam demokrasi. Atas asas itu, mereka dianggap wajar menerima sokongan kewangan daripada negara.

c. Walau bagaimanapun, pembiayaan negara juga menerima kritikan. Kritikan paling lazim ialah teori parti kartel. Menurut teori ini, pembiayaan negara boleh menjejaskan sifat tradisional parti politik sebagai organisasi sukarela yang berfungsi mewakili dan menggerakkan penyertaan rakyat. Sebaliknya, parti dikhuatiri menjadi semakin bergantung kepada negara, lalu beralih daripada menjadi wakil rakyat kepada menjadi entiti yang lebih dekat dengan struktur negara. Selain itu, teori ini juga menegaskan bahawa pembiayaan negara boleh meminggirkan parti baharu atau pencabar politik kerana syarat kelayakan dan kaedah pengagihan dana lazimnya ditentukan oleh parti yang sudah berkuasa atau pemain utama sedia ada. Akibatnya, peraturan tersebut mungkin lebih menguntungkan parti mapan berbanding parti baharu.
d. Satu lagi kritikan ialah pembiayaan negara tidak semestinya popular dalam kalangan orang awam dan boleh dianggap tidak adil. Terdapat pandangan bahawa tidak wajar pembayar cukai dibebankan dengan perbelanjaan tambahan untuk membiayai parti politik, khususnya ketika negara berdepan tekanan ekonomi atau rakyat sedang menanggung pelbagai pengurangan perbelanjaan awam. Dalam keadaan sebegitu, peningkatan subsidi negara kepada parti politik boleh dilihat sebagai tidak sesuai dari sudut keutamaan perbelanjaan awam.
e. Selain itu, ada juga hujah bahawa pembiayaan negara memaksa rakyat, melalui sistem percukaian, untuk menyokong parti politik yang mungkin mereka sendiri tidak setujui. Kritikan ini menekankan bahawa seseorang warganegara tidak sepatutnya diwajibkan menyumbang kepada pendirian

politik atau parti yang bertentangan dengan kepercayaan dan nilai mereka. Oleh itu, walaupun pembiayaan negara boleh meningkatkan kestabilan kewangan parti dan mengurangkan pengaruh penderma besar, ia tetap menimbulkan persoalan tentang keadilan, kebebasan politik, dan penerimaan awam.

2.6.4 Sub-Aspek 4: Pendanaan Swasta (*Private Funding*)

Menurut **Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.),** ia mencadangkan seperti berikut: [67]

i. Peraturan mengenai pembiayaan swasta menetapkan bahawa parti politik dilarang memiliki perniagaan berorientasikan keuntungan. Wakil rakyat diwajibkan mengisytiharkan aset mereka secara terbuka sebelum memegang jawatan awam dan mesti mengemas kininya secara berkala selepas itu. Selain itu, wakil rakyat tidak dibenarkan terlibat dalam perniagaan yang menjana keuntungan sepanjang tempoh memegang jawatan awam.

ii. Sebuah perniagaan berorientasikan keuntungan ialah organisasi yang bertujuan memperoleh keuntungan melalui operasinya dan memberi keutamaan kepada kepentingannya sendiri. Sebaliknya, organisasi bukan berasaskan keuntungan menumpukan khidmat kepada orang ramai dan mengambil kira aspek kewangan hanya setakat yang diperlukan untuk membiayai aktivitinya.

Menurut **Molomo & Sebudubudu (2005)**, pembiayaan swasta terhadap parti politik membekalkan sumber kritikal yang diperlukan untuk gerak kerja

[67] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

mendapatkan sokongan politik. Pembiaya swasta lazimnya mewakili kepentingan tertentu dengan pandangan dunia tersendiri. Bahaya pembiayaan swasta bagi kempen politik ialah ia sering menjejaskan integriti dan akauntabiliti kerajaan. Apabila pilihan raya dimenangi, para penderma mungkin mengharapkan layanan istimewa hasil sumbangan mereka, lalu kepentingan pengundi biasa boleh terjejas. Berasaskan realiti ini, adalah penting supaya pendedahan kewangan yang ketat terhadap semua sumbangan dibuat sepanjang tempoh kempen. [68]

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa sumbangan swasta pada umumnya dibenarkan di kebanyakan bidang kuasa tetapi lazimnya tertakluk kepada had dan keperluan pendedahan. Di Amerika Syarikat, sumbangan kempen dikawal pada peringkat persekutuan dan negeri, dengan had maksimum bagi sumbangan individu serta kewajipan pelaporan. Begitu juga, negara seperti Australia dan UK mewajibkan ketelusan dengan menghendaki parti politik dan calon mendedahkan sumber pembiayaan serta perbelanjaan mereka. Langkah-langkah ini membantu pengundi meneliti potensi konflik kepentingan atau pengaruh tidak wajar daripada penyumbang kaya. Pembiayaan swasta dalam bentuk sumbangan, sama ada daripada sumber tempatan atau asing, membentuk sebahagian besar pendapatan parti dan kempen di banyak negara. Ketiadaan peraturan yang jelas di Malaysia telah mewujudkan keadaan di mana mana-mana ahli politik atau parti boleh menerima sumbangan tanpa had dan daripada sumber yang tidak didedahkan. Risiko daripada ketiadaan peraturan dan ketelusan ini ialah sumbangan swasta boleh mempengaruhi ahli politik untuk memberi layanan istimewa, misalnya penganugerahan kontrak atau mempengaruhi perumusan dasar memihak kepada kepentingan tertentu.[69]

---

[68] Molomo, M., & Sebudubudu, D. (2005). Funding of political parties: Levelling the political playing field. *Maundeni, Forty Years of Democracy in Botswana*, 147-162.

[69] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.

Berkenaan insentif cukai, **Zainal & Tan (2023)** menjelaskan bahawa insentif cukai boleh menjadi alat yang berguna untuk menggalakkan orang ramai menyumbang kepada parti politik dan calon. Seperti dalam sumbangan amal, orang lebih cenderung menderma kepada parti politik jika mereka mengetahui tentang insentif cukai yang tersedia. Satu tinjauan di Ohio, misalnya, mendapati lapan peratus penyumbang menyatakan bahawa insentif cukai mempengaruhi keputusan mereka untuk menderma kepada parti politik, dengan lima peratus mengatakan bahawa mereka akan menderma jika mereka mengetahui tentang insentif cukai tersebut. Memandangkan insentif cukai menggalakkan penyumbang untuk menyumbang, ia juga memberi insentif kepada parti politik untuk aktif mencari sumbangan dan berinteraksi dengan orang ramai, dan sebaliknya. Hasilnya, insentif cukai boleh digunakan untuk meningkatkan penyertaan politik. Insentif cukai memerlukan parti politik meyakinkan pengundi untuk menderma kepada mereka, yang mendorong parti untuk mengekalkan hubungan yang berterusan dengan pengundi sekiranya mereka mahukan sumbangan daripada orang ramai Akhir sekali, apabila lebih ramai penyumbang kecil turut serta, parti politik mempunyai sumber pendapatan yang pelbagai dan bukan bergantung terutamanya kepada penyumbang besar. Ini membolehkan sokongan kewangan kepada parti politik sepanjang tahun dan antara tempoh pilihan raya. Pada 1980-an, tiga parti politik persekutuan Kanada meningkatkan sumber dan jumlah pembiayaan mereka sebahagiannya kerana insentif cukai yang diperkenalkan melalui *Canada Elections Act*.[70]

2.6.5 Sub-Aspek 5: Pendanaan Tanpa Nama (*Anonymous Donation*)

[70] Zainal, S., & Tan, W. Y. (2023, October). *Tax incentives for political donations: Lessons for Malaysia* (Brief IDEAS No. 39). Kuala Lumpur: Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS). Retrieved from https://ideas.org.my/wp-content/uploads/2023/10/B39_Tax_Incentive_PolFin_V4.pdf

Menurut **Molomo & Sebudubudu (2005)** dalam konteks "penyumbang tanpa nama," penulis menegaskan bahawa amalan ini tidak dibenarkan di beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan Kanada. Sumbangan rahsia bukan sahaja menjejaskan nilai-nilai demokrasi, malah boleh menggalakkan rasuah.[71]

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa untuk membendung risiko rasuah, banyak negara melarang sumbangan tanpa nama atau yang tidak didedahkan. Negara-negara Eropah lazimnya menguatkuasakan peraturan ketat yang mewajibkan pendedahan penuh identiti penyumbang dan jumlah sumbangan. Isu seperti "dark money" (sumbangan yang tidak didedahkan) dan kelompongan dalam peraturan melemahkan ketelusan di rantau seperti Asia dan Amerika Syarikat. Peningkatan pengumpulan dana (*crowdfunding*) dalam talian dan kempen media sosial turut merumitkan penguatkuasaan kerana undang-undang sedia ada bergelut untuk menangani mekanisme pembiayaan digital dengan berkesan.[72]

2.6.6 Sub-Aspek 6: Pendanaan Asing (*Foreign Donation*)

National Consultative Committee on Political Financing **(2016)** membincangkan bahawa pada masa ini tiada sekatan terhadap sumbangan asing. Parti politik dan ahli politik bebas mengutip dana daripada mana-mana sumber, termasuk dari luar negara. Sokongan asing boleh berlaku dalam bentuk pembiayaan langsung atau tidak langsung. Penderma asing boleh menyumbang wang tunai secara langsung kepada parti politik atau ahli politik, atau melalui orang tengah tempatan. Selain itu, mereka juga boleh memberi pembiayaan tidak

[71] Molomo, M., & Sebudubudu, D. (2005). Funding of political parties: Levelling the political playing field. *Maundeni, Forty Years of Democracy in Botswana*, 147-162.
[72] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.

langsung dengan menyediakan sokongan seperti latihan, bayaran perbelanjaan perjalanan atau sara hidup, atau penajaan acara yang mempromosikan parti atau ahli politik tertentu sama ada di dalam atau luar negara. [73]

Terdapat lagi contoh-contoh lain yang boleh termasuk dalam kategori ini. Sokongan asing kepada parti-parti politik di Malaysia agak meluas. Terdapat banyak organisasi antarabangsa yang memberikan sokongan kepada parti-parti politik kita, malah ada yang mempunyai pejabat di Malaysia. Hal ini adalah normal bagi sebuah negara membangun seperti kita. Amalan serupa wujud di hampir semua negara membangun di seluruh dunia. Penyediaan latihan dan aktiviti pembangunan kapasiti oleh badan-badan antarabangsa adalah perkara biasa dan bukan satu kebimbangan besar. Aktivis dan pemimpin parti masih mempunyai kawalan penuh terhadap parti masing-masing selepas penglibatan sedemikian. Keadaan yang membimbangkan ialah apabila sebuah parti atau ahli politik menerima sumbangan tunai asing, khususnya jika ia dilakukan secara terselindung. Ini mewujudkan risiko campur tangan asing dalam hal-hal kedaulatan negara.[74]

Kausch (2013) membincangkan bahawa walaupun pembiayaan asing kepada parti politik adalah menyalahi undang-undang, kerangka normatif semasa di Tunisia menyediakan banyak kelompongan yang membolehkan parti menerima wang dari luar melalui saluran yang sah dan/atau sukar dikesan. Antara caranya ialah penggunaan akaun bank asing, cabang atau perwakilan antarabangsa, ahli atau penyokong yang menetap di luar negara, sumbangan persendirian daripada usahawan Tunisia yang mempunyai kehadiran antarabangsa, atau sumbangan

[73] National Consultative Committee on Political Financing. (2016, August 29). *Political financing in Malaysia: Reinforcing integrity* [Report]. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/LAPORAN-JKNMPP-ENGLISH.pdf
[74] National Consultative Committee on Political Financing. (2016, August 29). *Political financing in Malaysia: Reinforcing integrity* [Report]. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/LAPORAN-JKNMPP-ENGLISH.pdf

kepada badan amal yang dikaitkan dengan parti tertentu, dan lain-lain. Malah penerimaan wang melalui akaun bank biasa jarang membawa implikasi undang-undang disebabkan ketiadaan akauntabiliti kewangan dan siasatan yang sewajarnya pada masa ini.[75] **Fisher (1997)** juga mencadangkan had sumbangan dan peraturan lebih jelas termasuk larangan dana asing,[76]

Molomo & Sebudubudu (2005) menjelaskan bahawa dalam era globalisasi, apabila politik negara-bangsa mempunyai implikasi terhadap perdagangan dan komersial antarabangsa, Pihak-pihak luar mungkin mempunyai kepentingan dalam politik nasional dalam negara. Namun, apabila dana daripada kerajaan atau yayasan asing terlibat untuk menentukan agenda politik, penulis menegaskan bahawa kewaspadaan diperlukan agar kedaulatan negara tidak terkompromi. Dalam penulisan tersebut, penulis menyatakan bahawa undang-undang di Botswana tidak menghalang parti politik mendapatkan pembiayaan luar dan juga tidak mengawal selia pembiayaan tersebut. Pada tahun 1994, parti pembangkang, *Botswana National Front*, memperoleh pembiayaan daripada sumber yang tidak didedahkan, dipercayai daripada sebuah parti politik asing yang bersimpati, dan hal ini barangkali mencerminkan pencapaiannya dalam pilihan raya tahun tersebut.[77]

Begitu juga, *Botswana Democratic Party* (BDP) pada tahun 1999 menerima sumbangan luar sebanyak P2.4 juta daripada penderma asing tanpa nama. Malah, BDP dalam pilihan raya-pilihan raya sebelumnya turut mendapat manfaat daripada pembiayaan luar. Penulis menegaskan bahawa terdapat bahaya tersirat dalam pembiayaan luar. Sebagai contoh, sumbangan sedemikian mungkin disertakan syarat-syarat tertentu. Para penderma cenderung merahsiakan

[75] Kausch, K. (2013). Foreign funding. *post-revolution Tunisia*, *20*, 2013.
[76] Fisher, J. (1997). Donations to political parties.
[77] Molomo, M., & Sebudubudu, D. (2005). Funding of political parties: Levelling the political playing field. *Maundeni, Forty Years of Democracy in Botswana*, 147-162.

sumbangan mereka kerana mereka tidak pernah pasti parti mana yang akan memenangi pilihan raya. Secara umum dipercayai bahawa parti yang mantap dari segi organisasi dan yang "menganjurkan dasar liberal" kebiasaannya menarik pembiayaan daripada penderma luar. Selain itu, susulan keruntuhan negara-negara komunis, liberalisme politik dan ekonomi telah memperoleh pengaruh hegemonic (*hegemonic influence*), dan parti yang menghuraikan dasar sedemikian mempunyai peluang yang lebih baik untuk menerima pembiayaan asing.[78]

Tham (2017) menasihatkan agar larangan automatik terhadap semua dana "asing" adalah tidak wajar hanya kerana sikap takut campur tangna orang luar. Larangan menyeluruh boleh dipacu oleh prasangka. Namun ada larangan yang wajar, contohnya melarang wang daripada kerajaan asing atau dari luar negara yang jelas menimbulkan risiko pengaruh. Larangan terhadap syarikat "asing" seharusnya berdasarkan faktor seperti mereka ialah syarikat besar yang boleh memberi pengaruh tidak seimbang, bukan semata-mata kerana mereka asing. Jadi penyelesaiannya termasuk had sumbangan dan had perbelanjaan, bukan sekadar label "asing".[79]

PARAMETER 6: MEKANISME PENERIMAAN SUMBANGAN

Datuk Paul Low dalam akhbar **Malay Mail (2015)** menegaskan bahawa sumbangan politik hanya boleh dimasukkan ke dalam akaun bank parti dan bukan ke dalam akaun peribadi mana-mana pemimpin. Di tengah-tengah desakan supaya pendanaan politik digubal melalui undang-undang, bekas menteri yang bertanggungjawab terhadap integriti dan tadbir urus itu berkata undang-undang sedemikian diperlukan bagi memastikan ahli politik tidak menerima sumbangan

[78] Ibid
[79] Tham, J. C. (2017). Of Aliens, Money and Politics: Should Foreign Political Donations Be Banned?. *King's Law Journal*, *28*(2), 262-278.

daripada sumber yang kemudian menuntut "imbuhan". Beliau menyarankan bahawa ia mesti masuk ke akaun parti kerana jika ia masuk ke akaun peribadi, sukar untuk dipertanggungjawabkan. Artikel ini juga memetik kenyataan Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata adalah amalan lazim bagi ketua mana-mana entiti politik untuk memegang dana bagi pihak parti, di tengah-tengah kekecohan mengenai sumbangan RM2.6 bilion yang ditemui dalam akaun presiden mereka, Datuk Seri Najib Razak.[80]

Casas-Zamora (2008) menjelaskan bahawa majoriti negara menyalurkan subsidi kerajaan/ pendanaan awam terutamanya kepada parti politik, termasuk cawangan negeri atau wilayah, dan dalam beberapa kes pembiayaan subnasional membentuk bahagian terbesar. Sokongan langsung kepada calon individu lebih jarang, dengan Amerika Syarikat menjadi contoh unik yang turut membiayai kempen pendahuluan presiden dalam parti.[81]

2.7 PARAMETER 7: MEKANISME PELAPORAN

Menurut **Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.),** keperluan pelaporan perlu diperkuatkan melalui Akta sebagai langkah utama mereformasi pembiayaan politik, dengan menetapkan bahawa parti politik dan calon hendaklah melaporkan terus kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Semua entiti tersebut wajib melaporkan aspek pembiayaan masing-masing, dengan kekerapan seperti berikut: dalam tempoh bukan pilihan raya, parti hendaklah membuat pelaporan tahunan (tidak terpakai kepada calon); manakala dalam tempoh pilihan raya, parti dan calon hendaklah mengemukakan laporan ringkas harian serta laporan komprehensif dalam tempoh 14 hari selepas hari

[80] Political donations can only go into party's account, integrity minister says. (2015, August 11). *Malay Mail*. Retrieved November 7, 2025, from https://www.malaymail.com/news/malaysia/2015/08/11/political-donations-can-only-go-into-partys-account-integrity-minister-says/949647

[81] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems.

mengundi. Dari segi kandungan, laporan mesti mendedahkan identiti penyumbang yang memberi RM500 atau lebih, sama ada melalui satu sumbangan atau jumlah terkumpul; dan bagi memastikan ketulenan, semua laporan hendaklah diaudit oleh juruaudit bebas sebelum dihantar kepada SPR. Selain itu, dana gelap (slush funds) adalah dilarang sama sekali..[82]

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa rang Undang-Undang yang dicadangkan di Malaysia mewajibkan pendedahan, namun masih terdapat kekaburan yang berterusan mengenai ambang pelaporan dan takrif tentang perkara yang dianggap sebagai "sumbangan", yang berpotensi membolehkan sejumlah dana yang besar kekal tidak dilaporkan. Perincian operasional dan keupayaan juga masih tidak jelas walaupun terdapat cadangan untuk menubuhkan sebuah agensi penyeliaan pusat yang bertujuan menyeragamkan pelaporan, Keperluan timbul agar pelaporan kewangan parti politik dilaksanakan secara berkala, disediakan berasaskan piawaian dan garis panduan tertentu supaya pengguna dapat memahaminya, serta diterbitkan secara telus. Kesemua gagasan ini sebaiknya menjadi reka bentuk pengaturan pengurusan kewangan parti politik dalam sebuah negara demokrasi. Peraturan baharu juga perlu merangkumi peruntukan yang jelas mengenai perekodan dan pelaporan sumbangan, serta mekanisme pengawasan yang lebih ketat untuk mencegah penyalahgunaan dana. [83]

Transparency International – Malaysia ("TI-M") (2011) mencadangkan bahawa Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 hendaklah dipinda untuk mewajibkan perbelanjaan pilihan raya parti diaudit secara bebas oleh juruaudit bertauliah sebelum dikemukakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Akta Pilihan Raya

---

[82] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

[83] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.

1958 juga hendaklah dipinda untuk memberi kuasa kepada SPR untuk menjalankan siasatan dan mengesahkan laporan kewangan yang dikemukakan oleh parti politik dan calon.[84]

Ohman (2012) mendedahkan data berguna mengenai pengawalseliaan kewangan politik di seluruh dunia termasuklah bahawa secara global, 88 peratus (143 negara) memerlukan beberapa bentuk pelaporan kewangan oleh parti politik atau calon. Namun hanya 53 peratus negara mewajibkan pelaporan oleh kedua-duanya, iaitu parti dan calon, sekali gus menunjukkan potensi kelompongan di mana dana boleh disalurkan melalui pihak berkepentingan yang tidak perlu mengemukakan laporan sedemikian.[85] Keperluan pelaporan adalah khususnya lazim di Eropah, begitu juga peruntukan yang mewajibkan pendedahan identiti penyumbang dan pendedahan maklumat dalam laporan kepada umum. Penerbitan laporan diwajibkan di hampir semua negara Eropah, tetapi hanya di sekitar 60–70 peratus negara di Afrika, benua Amerika dan Asia.

Ohman (2012) menegaskan bahawa pengawasan berkesan terhadap peranan wang dalam politik memerlukan ketelusan. Dalam hal ini, adalah melegakan bahawa 88 peratus daripada semua negara mempunyai sekurang-kurangnya beberapa keperluan pelaporan. Sejauh mana perbandingan dengan pangkalan data International IDEA yang terdahulu menunjukkan perubahan dari semasa ke semasa, tampaknya peraturan pendedahan sedemikian semakin lazim. Namun, terdapat beberapa sebab kebimbangan yang serius. Parti politik dan calon di banyak negara tidak akan bersedia memberikan maklumat yang tepat tentang kewangan mereka jika mereka sedar bahawa ketidaktepatan tidak akan dikesan dan tiada risiko hukuman sekiranya terdapat pelanggaran. Dapatan paling ketara

[84] Transparency International – Malaysia. (2011). *Memorandum on reform of political financing in Malaysia*. Kuala Lumpur: Transparency International – Malaysia. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/11b.-Crinis-Memo-English.pdf

[85] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

dalam kajian ini ialah 40 negara — iaitu satu per empat daripada semua negara dalam set data kajian, dan 29 peratus daripada negara yang mempunyai kewajipan pelaporan formal — tidak mempunyai sebarang peraturan yang mengenal pasti institusi tertentu sebagai bertanggungjawab untuk meneliti laporan kewangan atau menyiasat kemungkinan pelanggaran. Negara-negara ini jauh daripada mematuhi seruan dalam *United Nations Convention Against Corruption* agar negara-negara berusaha untuk meningkatkan ketelusan dalam pembiayaan pencalonan bagi jawatan awam yang dipilih dan, jika berkenaan, pembiayaan parti politik. Dalam kebanyakan kes, adalah sangat sukar untuk memantau pembiayaan politik secara berkesan jika badan kawal selia atau orang ramai tidak mempunyai akses kepada rekod kewangan yang dikemukakan oleh parti politik dan calon. Yang membimbangkan dalam konteks ini ialah di 21 peratus negara, laporan kewangan tidak perlu memberikan maklumat tentang sumber pendapatan bagi parti politik dan kempen pilihan raya. Lebih buruk lagi, di 28 peratus negara, laporan kewangan yang dikemukakan tidak perlu didedahkan kepada umum sama ada oleh parti atau calon sendiri ataupun oleh agensi yang menerimanya. Dalam keadaan sedemikian, ketelusan dalam pembiayaan politik kemungkinan besar sukar dicapai.

Walaupun setiap negara perlu mereka bentuk sistem peraturan pembiayaan politiknya sendiri, **Ohman (2012)** empat komponen berikut perlu wujud: [86]

1. **Penyata kewangan.** Parti politik dan calon pilihan raya hendaklah diwajibkan mengemukakan penyata kewangan, dengan keperluan terperinci yang dirangka agar tidak membebankan pihak berkepentingan penting ini.
2. **Memahami aliran wang.** Penyata kewangan ini mesti merangkumi maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pemahaman tentang

[86] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

bagaimana wang mengalir dalam sistem politik. Walaupun penyumbang kecil mungkin mempunyai kepentingan yang sah untuk menyumbang tanpa identiti mereka didedahkan, bagi sumbangan besar hak pengundi untuk mengetahui sumber wang tersebut mengatasi pertimbangan sedemikian.

3. **Mandat untuk semakan bebas.** Sebuah institusi yang bebas dan berkeupayaan hendaklah mempunyai mandat yang jelas untuk menyemak penyata kewangan dan menyiasat kemungkinan pelanggaran. Sanksi yang berupaya menghalang dan bersifat seimbang perlu tersedia, walaupun matlamat utama ialah menggalakkan ketelusan dan pematuhan.
4. **Pendedahan maklumat kepada umum.** Maklumat dalam penyata kewangan yang dikemukakan hendaklah didedahkan kepada orang ramai dalam bentuk yang semudah mungkin mengikut konteks setempat. Tanpa langkah terakhir ini, ketelusan tidak akan tercapai.

Menggubal empat komponen di atas bukanlah jaminan ketelusan mengenai wang dalam sistem politik. Pihak berkepentingan sering mempunyai kepentingan tersendiri untuk menyembunyikan maklumat tertentu dan akan mencari kelompongan dalam mana-mana sistem. Namun, sistem pendedahan yang direka bentuk dengan baik merupakan langkah yang tidak dapat diketepikan untuk memperkukuh kawalan demokratik terhadap pembiayaan politik.[87]

Dalam aspek ketelusan kewangan, **Casas-Zamora (2008)** menjelaskan kawal selia dana politik yang merangkumi semua peraturan yang mewajibkan parti, calon dan pemain politik lain untuk melaporkan kepada pihak berkuasa awam tentang sumber sumber ekonomi mereka dan atau tentang bagaimana sumber tersebut digunakan. Ia juga merangkumi peraturan yang menentukan sama ada

[87] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

maklumat tersebut diaudit dan didedahkan kepada umum atau tidak.[88] Secara umum, peraturan ini melibatkan laporan kewangan daripada parti politik berbanding calon, laporan bagi aktiviti rutin serta aktiviti pilihan raya, pendedahan kedua-dua jenis maklumat iaitu pendapatan dan perbelanjaan, serta pengauditan maklumat oleh pihak berkuasa yang berkeupayaan.

Penulis menjelaskan bahawa peraturan ketelusan kewangan politik bertujuan memastikan orang ramai mengetahui dari mana sumber dana parti dan calon diperoleh, bagaimana dana tersebut dibelanjakan, serta sejauh mana mereka mematuhi undang-undang pendanaan politik. Ketelusan bukan sekadar bernilai secara intrinsik kepada demokrasi, malah menjadi prasyarat instrumental kepada kejayaan pembaharuan lain seperti had sumbangan dan had perbelanjaan, kerana keberkesanan had-had ini bergantung sepenuhnya pada sistem pelaporan dan pendedahan yang kukuh serta boleh diaudit. Walau bagaimanapun, penulis menjelaskan bahawa peraturan pendedahan menimbulkan dilema normatif dan praktikal: di satu pihak, ia mendedahkan maklumat dalaman organisasi politik kepada umum dan memberi suatu tahap kawalan negara terhadap parti; di pihak lain, ia berasaskan anggapan bahawa parti politik ialah entiti separa awam dan manfaat kolektif mendedahkan sumber sokongan kewangan mengatasi hak privasi penderma. Kedua-dua anggapan ini tidak diterima di sebahagian demokrasi mantap seperti Sweden dan Switzerland. Dalam erti kata lain, dua andaian itu, bahawa parti politik ialah entiti “separa awam” dan bahawa manfaat umum mendedahkan sumber dana mengatasi hak privasi penderma, telah banyak ditolak oleh negara demokrasi, termasuk Sweden dan Switzerland. Negara-negara ini cenderung tidak menerima pendedahan yang terlalu luas atau kawalan negara yang besar ke atas hal ehwal dalaman parti, kerana mereka lebih menekankan autonomi parti dan perlindungan privasi penderma.[89]

---

[88] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.
[89] Ibid

2.8 PARAMETER 8: PENDEDAHAN LAPORAN KEPADA UMUM

Menurut **Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.),** Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hendaklah dipertanggungjawabkan untuk mendedahkan laporan kewangan yang diterima tanpa diusik, dengan kekerapan pendedahan tahunan dalam tempoh 31 hari bulan pertama tahun kalendar bagi tempoh bukan pilihan raya, dan semasa pilihan raya pula mendedahkan laporan ringkas setiap hari serta pendedahan komprehensif dalam tempoh 31 hari selepas hari mengundi, melalui satu daftar atau repositori dalam talian; pada masa yang sama, agensi dan pegawai kerajaan adalah dilarang oleh undang-undang memangsakan penderma parti pembangkang. Selaras dengan itu, parti hendaklah mengemukakan kepada SPR laporan kewangan petanding yang diaudit, tertakluk kepada had sumbangan dan had perbelanjaan bagi pemilihan dalaman yang diselaraskan dengan pilihan raya nasional, manakala keperluan pelaporan dan pendedahan semasa serta selepas pemilihan parti juga hendaklah menyamai piawaian pilihan raya nasional..[90]

Leong, et. al. (2013) menyatakan bahawa pendedahan boleh mengurangkan risiko pengaruh tidak wajar, tetapi tidak dapat menghapuskannya sepenuhnya kerana sukar untuk menetapkan sama ada rasuah telah berlaku. Tambahan pula, walaupun pendedahan pembiayaan politik boleh mewujudkan ketelusan, ia tidak mungkin membawa kepada akauntabiliti sebenar kerana rakyat mempunyai kuasa yang terhad untuk memegang ahli politik atau penderma korporat bertanggungjawab atas amalan sumbangan mereka. Walau begitu, pendedahan mungkin mengurangkan risiko demokrasi dengan mewujudkan kemungkinan

[90] Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

bahawa pihak yang terlibat dalam aktiviti mencurigakan akan didedahkan dan dimalukan di khalayak. Ahli politik dan eksekutif korporat mungkin mengelakkan diri daripada berada dalam situasi konflik kepentingan kewangan yang besar, sekurang-kurangnya untuk mengelakkan terpalit skandal. Pendedahan dalam bentuk pangkalan data yang sistematik mempunyai kelebihan dari segi kebolehaksesan maklumat, ketepatan masa dan kebolehcariaan berbanding pendedahan melalui laporan tahunan korporat. Pendedahan melalui laporan tahunan korporat mungkin memperbaiki pelaporan telus kepada pemegang saham serta membantu mendedahkan sumber akhir sumbangan. Justeru, penggubalan pelaporan tambahan sedemikian wajar digalakkan.[91]

Transparency International – Malaysia ("TI-M") (2011) menjelaskan bahawa parti politik dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966 untuk mengemukakan laporan kewangan tahunan yang diaudit kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS), namun tiada pendedahan atau akses awam kepada laporan tersebut. Ketelusan dalam hal ehwal kewangan menggalakkan pengundi menzahirkan hak mereka, dan masyarakat sivil diperkasa untuk "mengikuti aliran wang" serta menyediakan mekanisme semak dan imbang terhadap rasuah politik. Oleh yang demikian, penulisan mencadangkan bahawa parti politik hendaklah dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat pendedahan penuh kepada umum tentang jumlah dan sumber pembiayaan serta perbelanjaan mereka. Akaun parti politik mesti didedahkan kepada umum dan boleh diakses.[92]

Aggarwal, et. al. (2012) memetik dapatan *Center for Political Accountability* bahawa 73% daripada pemegang saham yang ditinjau bersetuju bahawa perbelanjaan politik korporat sering dilakukan untuk memajukan kepentingan

[91] Leong, S., Hazelton, J., & Townley, C. (2013). Managing the risks of corporate political donations: A utilitarian perspective. *Journal of Business Ethics*, *118*(2), 429-445.
[92] Transparency International – Malaysia. (2011). *Memorandum on reform of political financing in Malaysia*. Kuala Lumpur: Transparency International – Malaysia. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/11b.-Crinis-Memo-English.pdf

politik peribadi eksekutif korporat dan bukannya kepentingan syarikat. Ia menekankan bahawa pelabur berpendapat bahawa pendedahan awam dan penyeliaan lembaga pengarah adalah penting untuk memastikan eksekutif tidak menggunakan wang korporat bagi membantu sekutu politik mereka atau menyalurkan dana kepada ahli politik yang agendanya bercanggah dengan dasar syarikat.[93]

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa Akses orang awam kepada maklumat kewangan parti politik perlu dipertingkatkan. Orang awam berhak mengetahui bagaimana parti politik yang mereka sokong dibiayai. Langkah ini dapat meningkatkan keyakinan orang awam terhadap parti politik dan proses politik secara keseluruhannya. Peraturan baharu hendaklah mewajibkan parti politik mendedahkan laporan kewangan mereka secara terbuka dan telus. Kajian menunjukkan bahawa ketelusan maklumat kewangan parti politik dapat meningkatkan penyertaan politik dan mengukuhkan demokrasi. [94]

Ohman (2012) mendedahkan data berguna mengenai pengawalseliaan kewangan politik di seluruh dunia termasuklah bahawa di lebih daripada 25 peratus negara yang mewajibkan laporan kewangan daripada parti politik atau calon, tiada keperluan untuk maklumat ini didedahkan kepada umum.[95] Sekurang-kurangnya suatu bentuk kewajipan pelaporan wujud dalam 88 peratus negara yang mempunyai data tersedia. Hal ini menggalakkan dari segi ketelusan, namun terdapat beberapa petanda yang membimbangkan. Sering dihujahkan bahawa jika parti politik dan calon mereka tidak kedua-duanya diwajibkan mengemukakan laporan kewangan, akan wujud kelompongan yang membolehkan dana disalurkan

[93] Aggarwal, R. K., Meschke, F., & Wang, T. Y. (2012). Corporate political donations: investment or agency?. *Business and politics*, *14*(1), 1-38.
[94] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.
[95] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

melalui pihak berkepentingan yang tidak perlu melapor. Dalam konteks ini, perkara yang membimbangkan ialah 47 peratus negara tidak mewajibkan laporan daripada kedua-duanya, iaitu parti dan calon. Dalam sesetengah kes, urus niaga kewangan calon dimasukkan ke dalam laporan kewangan parti politik mereka, tetapi pendekatan ini bermasalah di negara yang kekurangan penyimpanan rekod kewangan yang tepat atau komunikasi dalaman parti, atau di mana bilangan calon adalah besar. Pengemukaan laporan kewangan tidak akan membantu ketelusan melainkan laporan tersebut mengandungi maklumat utama yang kemudiannya didedahkan kepada orang ramai.

Oleh itu, pangkalan data ini turut merangkumi soalan tentang sama ada laporan kewangan tersebut didedahkan kepada umum, dan sama ada laporan itu mesti menyatakan maklumat tentang identiti penyumbang. Ada yang berhujah bahawa pendedahan kepada umum tidak perlu, dan memadai jika agensi kerajaan menerima laporan tersebut dan meneliti ketepatannya. Yang lain berhujah bahawa pelaporan kewangan formal tidak mungkin membawa kepada ketelusan tanpa penelitian aktif oleh pihak berkepentingan seperti masyarakat sivil dan media. Penulis juga memetic seruan *United Nations Convention Against Corruption* yang turut menyeru negara-negara memperkenalkan peraturan yang meningkatkan ketelusan dalam pembiayaan pencalonan bagi jawatan awam pilihan raya dan, jika berkenaan, pembiayaan parti politik. Walau begitu, lebih daripada suku daripada negara yang memerlukan suatu bentuk laporan kewangan tidak mempunyai peraturan yang mewajibkan sama ada pihak yang mengemukakan laporan atau agensi penerima untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada umum.

Casas-Zamora (2008) menjelaskan bahawa peraturan ketelusan kewangan politik bertujuan memastikan orang ramai mengetahui dari mana sumber dana parti dan calon diperoleh, bagaimana dana tersebut dibelanjakan, serta sejauh mana mereka mematuhi undang-undang pendanaan politik. Ketelusan bukan

sekadar bernilai secara intrinsik kepada demokrasi, malah menjadi prasyarat instrumental kepada kejayaan pembaharuan lain seperti had sumbangan dan had perbelanjaan, kerana keberkesanan had-had ini bergantung sepenuhnya pada sistem pelaporan dan pendedahan yang kukuh serta boleh diaudit. Walau bagaimanapun, penulis menjelaskan bahawa peraturan pendedahan menimbulkan dilema normatif dan praktikal: di satu pihak, ia mendedahkan maklumat dalaman organisasi politik kepada umum dan memberi suatu tahap kawalan negara terhadap parti; di pihak lain, ia berasaskan anggapan bahawa parti politik ialah entiti separa awam dan manfaat kolektif mendedahkan sumber sokongan kewangan mengatasi hak privasi penderma. Kedua-dua anggapan ini tidak diterima di sebahagian demokrasi mantap seperti Sweden dan Switzerland. Dalam erti kata lain, dua andaian itu, bahawa parti politik ialah entiti "separa awam" dan bahawa manfaat umum mendedahkan sumber dana mengatasi hak privasi penderma, telah banyak ditolak oleh negara demokrasi, termasuk Sweden dan Switzerland. Negara-negara ini cenderung tidak menerima pendedahan yang terlalu luas atau kawalan negara yang besar ke atas hal ehwal dalaman parti, kerana mereka lebih menekankan autonomi parti dan perlindungan privasi penderma. [96]

Molomo & Sebudubudu (2005) memerhatikan bahawa di Botswana, undang-undang mengenai perbelanjaan pilihan raya adalah tidak memadai, di mana terdapat keperluan kepada perundangan yang memperuntukkan pendedahan sumber perbelanjaan pilihan raya serta mengawal selia bagaimana wang tersebut harus dibelanjakan sepanjang kempen. Undang-undang sedemikian juga perlu menetapkan had jumlah yang boleh dibelanjakan oleh parti politik dalam kempen mereka. Akta Pilihan Raya sedia ada hanya menyatakan tahap perbelanjaan pilihan raya bagi setiap calon, namun peruntukan ini juga tidak dipatuhi secara

[96] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

ketat. Terdapat juga keperluan kepada undang-undang yang mewajibkan parti-parti untuk mendedahkan sumber pembiayaan mereka. Jika tidak, isu keselamatan dan kepentingan negara berisiko untuk terjejas. Selain itu, wujud bahaya bahawa parti politik mungkin mampu membeli undi.[97]

2.9 PARAMETER 9: KESALAHAN DI BAWAH AKTA

Kadir, et al. (2025) menjelaskan bahawa tanpa undang-undang pembiayaan politik yang teguh dan jelas, pemberian serta penerimaan dana politik akan berterusan dan pihak yang terlibat tidak mempunyai kewajipan atau minat untuk mendedahkan sumber atau jumlah sumbangan. Pada masa ini, semata-mata membuktikan bahawa sejumlah besar wang diberikan kepada seseorang ahli politik tidak membentuk suatu kesalahan kerana tiada undang-undang yang mentakrifkan dengan jelas apa yang dianggap pembiayaan politik yang sah dan yang bukan. Untuk membuktikan kes, pendakwaan perlu menunjukkan melampaui keraguan munasabah bahawa penerima sumbangan berada pada kedudukan untuk memberi ganjaran atau manfaat tertentu kepada penderma (sehingga membentuk rasuah), ataupun bahawa wang tersebut adalah hasil haram yang tertakluk kepada undang-undang pengubahan wang haram. [98]

Ohman (2012) membincangkan bahawa daripada negara-negara yang mempunyai data tersedia, 96 peratus mempunyai suatu bentuk hukuman, walaupun bagi sesetengah negara satu-satunya pelanggaran kewangan politik yang disertakan hukuman dengannya hanyalah pembelian undi. Denda merupakan sanksi/ hukuman yang paling lazim, dengan 75 peratus negara menggunakannya sebagai hukuman berpotensi terhadap pelanggaran kewangan

[97] Molomo, M., & Sebudubudu, D. (2005). Funding of political parties: Levelling the political playing field. *Maundeni, Forty Years of Democracy in Botswana*, 147-162.
[98] Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.

politik, walaupun hal ini tidak semestinya bermakna sebarang denda benar-benar dikenakan. Hukuman kedua paling lazim ialah hukuman penjara, namun perlu diperhatikan bahawa di kebanyakan negara hukuman sedemikian hanya terpakai bagi kesalahan paling serius seperti pembelian undi atau penipuan yang disengajakan. Adalah ketara bahawa majoriti negara tidak mempunyai peraturan mengenai pelucuthakan, iaitu keperluan supaya parti atau calon memulangkan atau memindahkan dana yang diterima bertentangan dengan peraturan sedia ada. Apabila hukuman pelucuthakan tiada, pihak berkepentingan mungkin sanggup berulang kali menerima denda besar asalkan mereka dibenarkan mengekalkan walaupun melibatkan sumbangan haram yang lebih besar. Contoh tingkah laku sebegini berlaku di Perancis, di mana laporan *Group of States against Corruption* (GRECO) mencatatkan bahawa pihak berkuasa Perancis mengesahkan bahawa pada masa ini tiada kemungkinan undang-undang untuk merampas sumbangan haram kepada parti politik.[99]

Dalam aspek sekatan dan penalti, Casas-Zamora (2008) menjelaskan bahawa sistem pendanaan politik (*political finance system*) (PFS) perlu mencakupi kawal selia semua bentuk hukuman yang dikuatkuasakan apabila berlaku pelanggaran terhadap had, larangan atau kewajipan yang terhasil daripada tiga kategori sebelumnya. Penulis menyatakan bahawa pada peringkat antarabangsa, denda kebiasaannya ialah jenis hukuman yang paling lazim bagi pelanggaran undang-undang pembiayaan politik, dan dalam beberapa kes — khususnya di Mexico — ia telah digunakan dengan ketegasan yang luar biasa.[16] Denda sedemikian selalunya dihubungkaitkan dengan pemberian subsidi awam (contohnya, jika parti melanggar peraturan, kerajaan boleh mengurangkan, menangguhkan, atau menahan subsidi awam yang sepatutnya diterima parti tersebut sebagai bentuk hukuman), dan di banyak negara ia menjadi alat asas untuk memastikan

[99] Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

pematuhan terhadap peraturan pembiayaan parti yang lain. Justeru, pelbagai bentuk ketidakpatuhan kewangan oleh parti — misalnya laporan kewangan lewat atau tidak lengkap — dikenakan hukuman penahanan subsidi awam di Austria, Germany, Spain dan Portugal, antara negara-negara lain.[100] Penjatuhan hukuman penjara merupakan pengecualian pada peringkat antarabangsa, dan lazimnya terbatas kepada negara yang mempunyai sejarah panjang skandal pembiayaan parti. Di Japan, sebagai contoh, beberapa ahli politik telah benar-benar dihukum dan dipenjarakan kerana melanggar peraturan pembiayaan kempen.[101]

Casas-Zamora (2008) walaubagaimanapun mencadangkan agar pelaksanaan secara perundangan dalam konteks penguatkuasaan dan hukuman untuk dilaksanakan secara wajar dan berhati-hati. Ia menyatakan bahawa sekatan yang terlalu berat didapati membawa kesan yang tidak jelas dan dalam sesetengah kes bersifat kontra-produktif (*counterproductive effects*). Jika penalti serius dikenakan walaupun untuk kegagalan kecil mematuhi undang-undang, pihak berkuasa mungkin berasa keberatan untuk menggunakannya secara berkala. Di negara seperti Australia dan Canada, di mana undang-undang tidak menyediakan pilihan selain prosiding jenayah untuk menghukum pelanggaran, laluan ini sering dielakkan dan digantikan dengan pendekatan yang lebih menumpukan kepada membetulkan kesan pelanggaran berbanding menghukumnya (*remedying the effects of infringements rather than punishing them*). Seiring dengan itu, pelaksanaan sekatan pilihan raya yang memusnahkan (*devastating electoral sanctions*) seperti membatalkan kemenangan pilihan raya ahli politik yang melanggar undang-undang (contohnya di France dan India) atau serta-merta membatalkan pendaftaran parti yang melanggar peraturan pembiayaan politik (contohnya Senegal) — hampir selalu dielakkan kerana berpotensi membawa akibat politik yang serius. Pengalaman negara-negara Amerika Tengah, di mana

[100] Ibid
[101] Ibid

tiada rekod hukuman jenayah atau pilihan raya didapati bagi isu berkaitan pembiayaan parti, walaupun terdapat kes ketidakpatuhan undang-undang yang terkenal dan diketahui umum, hanya mengesahkan fenomena serta cadangan ini. Pengalaman perbandingan negara ini menunjukkan bahawa kewujudan rejim sekatan yang beransur-ansur, pelbagai dan boleh dipercayai menambah kekuatan yang ketara kepada peraturan sedia ada. [102]

2.10 PERTIMBANGAN DAN SKOP LAIN YANG RELEVAN

***National Consultative Committee on Political Financing* (2016) menggariskan** beberapa prinsip yang perlu dipertimbangkan dalam undang-undang pendanaan politik seperti berikut:[103]

i. **Prinsip 1: Kedaulatan undang-undang:** Semua peraturan dan undang-undang mengenai pembiayaan politik mesti terpakai secara sama rata kepada semua pihak yang terlibat dalam persaingan politik. Peraturan tidak boleh mendiskriminasi atau memihak kepada mana-mana parti, ahli politik, ideologi, kumpulan, kaum, agama atau jantina. Semua aktor tertakluk kepada set undang-undang yang sama yang mesti diperuntukkan dengan jelas dan dikuatkuasakan secara konsisten oleh badan bebas yang berwibawa tanpa rasa takut atau pilih kasih. Tiada sesiapa yang mengatasi undang-undang dan pihak yang menang tertakluk kepada undang-undang yang sama seperti pihak yang kalah. Peraturan juga mesti mudah difahami agar tiada kekeliruan tentang maksudnya, dengan teks undang-undang sebenar mudah diakses oleh semua.

ii. **Prinsip 2: Pemerkasaan penyertaan sivik:** Pengawalseliaan pembiayaan politik hendaklah direka bentuk untuk menggalakkan dan meningkatkan penyertaan sivik, termasuk sumbangan kepada tujuan politik. Peraturan

[102] Ibid
[103] National Consultative Committee on Political Financing. (2016, August 29). *Political financing in Malaysia: Reinforcing integrity* [Report]. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/LAPORAN-JKNMPP-ENGLISH.pdf

tidak seharusnya menyukarkan orang ramai untuk menyumbang kepada tujuan politik yang mereka sokong, sebaliknya memudah cara pembentukan persekitaran yang mendorong lebih ramai orang menyertai proses politik. Langkah juga perlu diwujudkan bagi mencegah diskriminasi atau pemangsaan terhadap penyumbang apabila sumbangan mereka didedahkan kepada umum.

iii. **Prinsip 3: Perlindungan hak sivil:** Kebebasan bersuara, berhimpun, media dan berpersatuan merupakan komponen teras demokrasi yang sihat. Tiada sesiapa wajar dipersalahkan atau dipinggirkan kerana melaksanakan hak sivil mereka, termasuk apabila mereka menyumbang kepada tujuan politik yang disokong. Tiada sesiapa juga boleh dipaksa untuk menyokong atau menolak sesuatu tujuan politik. Peraturan dan pelaksanaannya mestilah menjamin bahawa setiap orang boleh menggunakan kebebasan individu untuk memilih dan menyokong mana-mana pihak yang dikehendaki tanpa takut akan tindak balas.

iv. **Prinsip 4: Ketelusan:** Pengundi berhak mengetahui pihak yang berpotensi mempengaruhi ahli politik agar mereka dapat membuat pilihan termaklum di peti undi. Untuk itu, mesti ada pendedahan penuh mengenai pendapatan dan perbelanjaan politik parti serta ahli politik yang bertanding dalam pilihan raya. Maklumat hendaklah disediakan sebelum pengundian, dengan cara yang mudah diakses dan difahami oleh semua pengundi. Penyampaian maklumat perlu dalam format yang membolehkan data dianalisis oleh orang awam dan masyarakat sivil, dengan penggunaan teknologi moden untuk membantu penyebaran. Maklumat itu mesti disahkan secara bebas bagi menjamin kredibiliti.

v. **Prinsip 5: Kebertanggungjawaban dan integriti:** Mereka yang bertanding jawatan awam hendaklah membuka diri kepada penelitian yang wajar oleh orang ramai. Peraturan perlu memastikan aktor politik mengambil semua langkah yang perlu untuk bertanggungjawab atas pembiayaan kerja

mereka, termasuk menyimpan rekod dan dokumentasi pendapatan serta perbelanjaan yang tepat dan boleh dipercayai. Tiada cubaan menyembunyikan maklumat atau mengelakkan kebertanggungjawaban; sebarang percubaan sedemikian hendaklah dianggap sebagai amalan rasuah dan dihukum setimpal. Penguatkuasaan peraturan mestilah berkesan.

vi. **Prinsip 6: Persaingan politik yang sihat:** Peraturan hendaklah direka bentuk untuk menggalakkan persaingan yang sihat dan rancak antara parti serta ahli politik pada semua peringkat supaya individu dapat menggunakan kebebasan memilih. Peraturan perlu kukuh namun tidak membebankan atau terlalu birokratik sehingga mengekang persaingan. Persaingan politik yang sihat adalah prasyarat kepada demokrasi yang berfungsi. Peraturan harus mewujudkan padang permainan yang seimbang, dengan halangan memasuki arena politik tidak terlalu tinggi, sambil membenarkan kumpulan yang gagal memperoleh sokongan politik untuk berundur secara semula jadi.

Casas-Zamora (2008) menjelaskan beberapa "*golden rules*" dalam reformasi undang-undang pendanaan politik. Ia menegaskan bahawa pengawalseliaan peranan wang dalam politik ialah usaha penting untuk kesihatan demokrasi negara membangun dan negara maju. Memandangkan ia sangat penting, pengenalan serta pembaharuan peraturan pembiayaan politik perlu dilaksanakan dengan berhati-hati. Penulis mencadangkan keperluan mematuhi beberapa *golden rules* ketika mereka bentuk atau memperbaharui sistem pembiayaan politik:[104]

i. **Pertimbangan terhadap faktor-faktor berkaitan secara kolektif:** Pertimbangan terhadap faktor seperti jenis rejim pentadbiran dan

[104] Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

perundangan, sistem pilihan raya, struktur kerajaan, fragmentasi sistem parti, kekuatan identiti parti, keluasan dan kedalaman campur tangan kerajaan, antara lain, membentuk hala tuju bagi keperluan kewangan bagi pemain politik, mengenal pasti halangan untuk memantau aliran wang politik, dan akhirnya memahami kesan mana-mana sistem pembiayaan politik. Keperluan ekonomi parti dan isu reformasi pembiayaan politik dalam sistem berparlimen sememangnya berbeza daripada rejim presiden. Dalam sistem parlimen, pengukuhan parti merupakan keperluan sistemik tertinggi, manakala dalam rejim presiden bertempoh tetap, organisasi parti secara kekal kurang penting dan orientasi pilihan raya parti lebih menonjol. Dalam sistem parlimen (contoh: UK, Malaysia): Kerajaan dibentuk oleh parti atau gabungan parti di Parlimen. Jadi parti mesti kukuh sebagai organisasi tetap — ada struktur, disiplin ahli, dan keupayaan mengurus kerajaan sepanjang masa. Kekuatan parti jadi "tulang belakang" kestabilan kerajaan. Rejim presiden bertempoh tetap (contoh: AS, Indonesia): Presiden dipilih terus untuk tempoh tertentu dan tidak bergantung pada undi percaya Parlimen untuk terus memerintah. Maka, fokus parti lebih kepada menang kempen pilihan raya (menjual calon dan mesej), manakala keperluan memelihara organisasi parti yang beroperasi kuat sepanjang masa adalah kurang mendesak berbanding sistem parlimen. Oleh itu, reformasi yang berjaya memerlukan pemahaman tentang hubungan antara peraturan pembiayaan politik dengan persekitaran institusi dan politiknya.

ii. **Undang-Undang Perlu Bersifat Sederhana (*Moderate*):** Menurut kajian, Sejarah kawal selia yang bersifat terlalu ketat atau *draconian* kebiasaannya menghasilkan dapatan yang tidak memuaskan. Contohnya, penetapan tegas terhadap had perbelanjaan secara umumnya sukar dikuatkuasakan dan mempunyai rekod kegagalan yang panjang di pelbagai negara dari Amerika Syarikat hingga Jepun. Begitu juga dengan percubaan mengharamkan sumbangan politik swasta secara menyeluruh. Dalam

beberapa kes seperti India dan Perancis, sumbangan swasta terus mengalir melalui cara yang sangat tidak telus sehingga memaksa penggubal dasar untuk menghalalkan semula amalan tersebut. Pengajaran penting di sini ialah semakin sukar proses kutipan dana yang sah bagi parti dan calon, semakin tinggi kemungkinan mereka beralih kepada sistem yang tidak telus dan kabur.

iii. **Sanggup menanggung kos reformasi:** Mana-mana sistem pengawalseliaan pembiayaan politik mesti disertakan sumber untuk melaksanakannya. Senarai reformasi yang canggih tetapi gagal kerana ketiadaan sumber kewangan, tenaga manusia atau kuasa undang-undang untuk pihak berkuasa pelaksana amat panjang. Pengalaman Costa Rica pasca 1997 menunjukkan perkara ini dengan jelas. Begitu juga di Argentina, sebuah negara besar berstruktur persekutuan dengan pilihan raya pada banyak peringkat, selepas menggubal rangka kerja undang-undang yang ketat, penguatkuasaan diserahkan kepada kurang daripada 20 orang hakim di seluruh negara. Akibatnya jumlah hakim terlalu sedikit, mereka terlalu terbeban dan tidak mampu mengendalikan semua kes serta tugas penguatkuasaan dalam setiap pilihan raya selepas itu. Dalam jangka panjang, kegagalan seperti ini, yang lazimnya didahului oleh harapan tinggi, lebih memudaratkan demokrasi berbanding ketiadaan pengawalseliaan pembiayaan politik.

iv. **Keperluan Semakan Semula:** Penggubal dasar perlu sedar akan keperluan menyemak semula secara berterusan. Sumber dan amalan pembiayaan baharu akan menggantikan yang lama, dan cara tidak dijangka untuk memanfaatkan undang-undang sedia ada akan terus dicipta dari semasa ke semasa oleh aktor politik.

v. **Undang-Undang Perlu Bersifat Realistik:** Peraturan pembiayaan politik yang dirangka dengan baik dan dikuatkuasakan dengan berkesan boleh mengurangkan amalan yang paling bermasalah, tetapi tidak mampu

menghapuskannya sepenuhnya. Harapan melampau akan memakan diri. Bukti juga menunjukkan bahawa penggubalan dan pelaksanaan peraturan jarang sekali melonjakkan legitimasi sistem politik atau menaikkan imej pelaksana reformasi. Usaha mewajarkan pendanaan politik sentiasa sukar: tanpa kawal selia, timbul syak wasangka; dengan kawal selia yang lemah, wujud kekecewaan dan keraguan; dengan kawal selia yang tegas, muncul skandal pembiayaan haram dan sinisme baharu. Pembaharu boleh kelihatan gagal walaupun ketika mencapai kejayaan teknikal. Justeru, matlamat realistik reformasi ialah meminimumkan mudarat terhadap nilai teras demokrasi yang berpunca daripada peranan wang dalam politik, bukan menghapuskannya sama sekali (*political finance reform is no more than an attempt to limit the damage inflicted on pivotal democratic values by the inescapable role of money in politics*).

Transparency International – Malaysia ("TI-M") (2011) mengesyorkan beberapa saranan termasuklah:[105]

i. Kaji semula Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang mengawal selia Suruhanjaya Pilihan Raya bagi meningkatkan autonomi dan kebebasannya.

ii. Perkenalkan mekanisme yang sesuai untuk memperkukuh fungsi bebas Suruhanjaya Pilihan Raya.

iii. Jadikan mandatori supaya perbelanjaan pilihan raya parti politik dan calon diaudit secara bebas oleh juruaudit bertauliah sebelum dikemukakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya.

iv. Bina keupayaan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mengesahkan pelaporan pembiayaan kempen.

[105] Transparency International – Malaysia. (2011). *Memorandum on reform of political financing in Malaysia*. Kuala Lumpur: Transparency International – Malaysia. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/11b.-Crinis-Memo-English.pdf

v. Tetapkan had perbelanjaan calon dan parti politik berdasarkan keluasan geografi kawasan pilihan raya serta saiz pemilih berdaftar.
vi. Perkenalkan mekanisme bagi mewujudkan kerajaan sementara yang neutral selepas pilihan raya diumumkan.
vii. Gubal Akta Parti-Parti Politik yang baharu untuk mengawal selia parti politik.
viii. Daftarkan parti politik dengan Suruhanjaya Pilihan Raya dan bukannya dengan Pendaftar Pertubuhan.
ix. Kawal selia pemilihan dalaman parti di bawah Akta Parti-Parti Politik.
x. Jadikan pendedahan semua sumber pembiayaan dan perbelanjaan oleh parti politik sebagai mandatori.
xi. Pinda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, yang kini hanya mengawal selia perbelanjaan antara hari penamaan dan hari mengundi, supaya turut merangkumi semua perbelanjaan yang ditanggung bagi pilihan raya umum.
xii. Larang pembiayaan terselindung seperti dana gelap.
xiii. Cegah organisasi yang berkaitan dengan parti politik daripada digunakan sebagai saluran pembiayaan politik.
xiv. Kenakan had sumbangan individu kepada parti politik.
xv. Larang parti politik daripada menerima sumbangan asing.
xvi. Kenakan had perbelanjaan ke atas aktiviti pilihan raya parti politik.
xvii. Larang parti daripada secara langsung atau tidak langsung memiliki atau terlibat dalam perniagaan.
xviii. Libatkan semua pemegang saham dalam keputusan syarikat mengenai sumbangan politik.
xix. Perkenalkan pembiayaan awam/kerajaan kepada parti politik untuk membiayai aktiviti pilihan raya dan bukan pilihan raya.
xx. Larang pemilikan media oleh parti politik.
xxi. Mansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (PPPA).

xxii. Benarkan akses yang sama rata dan bebas kepada media awam untuk semua kumpulan berkepentingan di bawah Akta Parti-Parti Politik

TI-M juga mencadangkan bahawa terdapat keperluan untuk menyediakan liputan yang adil dan sama rata kepada semua parti politik yang berkempen sepanjang tempoh kempen pilihan raya. Parti politik dan calon hendaklah diberikan akses kepada semua media awam yang dibiayai oleh pembayar cukai, termasuk televisyen, radio, agensi berita nasional dan laman sesawang.

2.11 RUMUSAN KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan dapatan dan sorotan literatur yang telah dijalankan dengan terperinci seperti di perenggan-perenggan sebelum ini, rumusan kajian literatur adalah seperti berikut:

2.11.1 Rumusan Literatur Parameter 1: Keperluan Undang-Undang Pendanaan Politik di Malaysia

Pertama, keperluan undang-undang berkaitan pendanaan politik di Malaysia timbul daripada jurang struktur dan operasional yang membenarkan pengaruh kewangan melemahkan ketelusan, akauntabiliti dan kesaksamaan politik, justeru menuntut pindaan peringkat Perlembagaan untuk menjamin kebebasan serta ketidakberpihakan Suruhanjaya Pilihan Raya, penambahbaikan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang kini sempit skopnya, serta reformasi Akta Pertubuhan 1966 bagi menaik taraf keperluan pelaporan dan pendedahan awam yang masih minimum **(C4 Center, n.d.).**

Kekurangan utama merangkumi ketiadaan had sumbangan daripada individu, korporat dan pihak ketiga, ketiadaan larangan efektif terhadap sumbangan tanpa nama, had perbelanjaan yang hanya menjerat calon dalam tempoh kempen rasmi, ketiadaan had ke atas perbelanjaan parti bagi manfaat calon, serta tiadanya kawalan perbelanjaan di luar musim pilihan raya, yang keseluruhannya menjustifikasi penggubalan undang-undang baharu dengan definisi “sumbangan”

yang menyeluruh merentas tunai, pinjaman dan sumbangan dalam bentuk barangan, tempat dan perkhidmatan **(C4 Center, n.d.).**

Dari sudut normatif, parti politik berperanan sebagai infrastruktur demokrasi untuk membentuk dasar, memobilisasi warga, merekrut ahli dan mendidik pengundi, maka kecukupan sumber yang telus dan terkawal ialah prasyarat bagi melaksanakan mandat rakyat tanpa menjerumus kepada asimetri kuasa kewangan yang menafikan penyertaan setara **(Molomo & Sebudubudu, 2005).** Secara perbandingan, sejarah pengawalseliaan awal di United Kingdom dan Amerika Syarikat menunjukkan bahawa wang, walaupun tidak terpisah daripada politik, menimbulkan tiga risiko asas iaitu ketidaksaksamaan akses komunikasi politik, pemusatan pengaruh di tangan pemodal yang menenggelamkan prinsip seorang satu undi, dan kewujudan quid pro quo atau konflik kepentingan yang menjejaskan keputusan awam **(Casas-Zamora, 2008).**

Dalam konteks ini, **ketiadaan kawal selia menyeluruh lebih berbahaya daripada kewujudan undang-undang,** kerana ia menginstitusikan ketidaktentuan dan memindahkan kos sosial kepada pengundi melalui penyelewengan matlamat dasar **(Casas-Zamora, 2008)**. Atas asas keberkesanan tadbir urus, penggubalan Akta Pendanaan Politik yang komprehensif diperlukan untuk mengekang politik wang, menutup ruang pembiayaan tidak didedahkan dan menghadkan sumbangan berkepentingan yang boleh menawan proses dasar **(Kadir et al., 2025).**

Secara instrumental, akta sedemikian berpotensi memperbaiki kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah kerana ketelusan pembiayaan politik merupakan dimensi yang diberi penekanan dalam penilaian integriti sektor awam, sebagaimana ditunjukkan oleh prestasi negara yang menerapkan peraturan ketat seperti Jerman dan Kanada **(Kadir et al., 2025).** Walaupun Akta Kesalahan Pilihan

Raya 1954 wujud untuk mengekang salah laku kempen, skopnya tidak setara dengan suatu akta pendanaan politik moden yang merangkumi sumber, had sumbangan, kewajipan pendedahan dan standard pelaporan yang boleh diaudit **(Kadir et al., 2025).**

Sejajar dengan agenda transformasi negara dan NKRA memerangi rasuah, reformasi undang-undang pembiayaan politik perlu memperkukuh prinsip ketelusan, akauntabiliti dan integriti bagi memutuskan kitaran mudarat politik wang terhadap kualiti kepimpinan, kesaksamaan politik, kecekapan tadbir urus dan keadilan pengagihan sumber awam **(TI-M, 2011).** Oleh itu, pelan reformasi yang menyeluruh perlu menggabungkan pindaan Perlembagaan untuk menjamin kebebasan institusi pengawas, penstrukturan semula kewajipan dan larangan di bawah undang-undang pilihan raya, penguatan rangka pendaftaran dan pelaporan parti, serta pewujudan rejim pelaporan dan pendedahan berasaskan audit yang dapat dikuatkuasakan secara konsisten oleh pengawal selia yang benar-benar autonomi **(C4 Center, n.d.; Casas-Zamora, 2008; Kadir et al., 2025; TI-M, 2011; Molomo & Sebudubudu, 2005).**

2.11.2 Rumusan Literatur Bagi Parameter 2: Rangkuman Pemakaian Undang-Undang

Kedua, Rangkuman pemakaian undang-undang yang dicadangkan menegaskan bahawa skop kawal selia mesti **melampaui pilihan raya umum** dan boleh merangkumi pemilihan dalaman parti, dengan penerapan seragam prinsip keterbukaan seperti pendedahan awam dan pelaporan kewangan kepada parti, calon dan aktor pihak ketiga agar tidak wujud ruang kelabu dalam tadbir urus intra-parti **(C4 Center, n.d.).**

Kerangka ini perlu berasaskan empat komponen teras yang saling bergantung iaitu kawal selia pembiayaan dan sumbangan swasta, peruntukan pembiayaan awam

atau kerajaan, peraturan perbelanjaan termasuk had yang realistik, serta mekanisme pemantauan dan pengawasan yang berkeupayaan merentasi keseluruhan kitaran politik, bukan hanya tempoh kempen **(Kadir et al., 2025).**

Pengalaman perbandingan menunjukkan ketidaksimetrikan peraturan antara parti dan calon menimbulkan kepincangan kawal selia apabila larangan pada satu entiti dicantas dan dialihkan melalui entiti lain, justeru **undang-undang perlu diseragamkan merentas parti, calon dan pihak ketiga, diperkukuh dengan klausa anti-pengelakan serta peraturan agregasi sumbangan yang mengira aliran dana sebenar secara menyeluruh** **(Ohman, 2012).**

Sehubungan itu, teks undang-undang hendaklah mentakrifkan "sumbangan" secara luas meliputi wang tunai, pinjaman, barangan, tempat dan perkhidmatan, mewajibkan pendedahan awam yang boleh diaudit sepanjang tahun bagi semua entiti politik, serta menutup jurang antara peraturan parti, calon dan pihak ketiga supaya integriti ekosistem pembiayaan politik dipulihkan secara menyeluruh **(C4 Center, n.d.; Kadir et al., 2025; Ohman, 2012).**

2.11.3 Rumusan Literatur Bagi Parameter 3: Kewujudan Badan Kawal Selia

Ketiga, Kewujudan badan kawal selia khusus pembiayaan politik ialah prasyarat untuk memastikan pelaporan, semakan dan penguatkuasaan yang berwibawa, memandangkan kira-kira satu per empat negara tidak menamakan institusi bagi menyemak penyata kewangan atau menyiasat pelanggaran, sekali gus mewujudkan lompong ketelusan sistemik dan melemahkan kesan peraturan bertulis **(Ohman, 2012).**

Dalam konteks Malaysia, kekangan utama meliputi autonomi, kapasiti teknikal dan penyelarasan rentas agensi; keberhasilan badan bebas memerlukan perlindungan undang-undang yang jelas, pembiayaan stabil jangka panjang, keupayaan analitik forensik, sistem e-pelaporan yang mantap serta kerjasama formal dengan agensi antirasuah, pengawal selia kewangan dan rejim pencegahan pengubahan wang haram, disokong ekosistem pemantau masyarakat seperti media bebas, pengundi berpendidikan dan perlindungan pendedah salah laku (Kadir et al., 2025).

Model institusi yang dicadangkan C4 menyatukan pendaftaran, pengawasan pembiayaan dan pendedahan data di bawah SPR dengan Parlimen sebagai penyelia, namun penyatuan ini menuntut pemisahan fungsi secara statutori, struktur organisasi yang jelas dan peruntukan sumber berasingan agar pentadbiran pilihan raya tidak menenggelamkan penguatkuasaan pembiayaan, di samping repositori data terbuka, semakan bebas dan kuasa sanksi bertahap yang boleh dilaksanakan tanpa campur tangan eksekutif **(C4 Center, n.d.).**

Mekanisme pelantikan berbilang pihak untuk Pesuruhjaya, larangan konflik kepentingan, penggal enam tahun yang dijarakkan serta pengawasan berterusan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ialah pelindung kebebasan yang perlu dilengkapkan dengan peruntukan sebagai caj terus ke Kumpulan Wang Disatukan, kod etika berfungsi, hak rayuan dan kewajipan penerbitan metrik penguatkuasaan secara berkala **(C4 Center, n.d.).** Penubuhan Dana Demokrasi boleh meratakan padang persaingan dan mengurangkan kebergantungan kepada penyumbang besar, tertakluk kepada formula agihan objektif, audit bebas dan pemisahan institusi antara pengagihan dana dan penguatkuasaan agar konflik peranan dapat dielakkan **(Molomo & Sebudubudu, 2005).**

Secara keseluruhan, pilihan reka bentuk sama ada memperkukuh SPR dengan mandat baharu atau menubuhkan institusi baharu hendaklah dinilai pada kejelasan perimeter kuasa, keupayaan penyiasatan, hak akses data dan rantaian sanksi yang merangkumi pengesahan, siasatan, pendedahan, pendakwaan serta hukuman seperti pelucuthakan, penggantungan kelayakan dan penalti berkadar, dengan pendekatan penyeliaan berasaskan risiko serta protokol data dan operasi bersama yang mengintegrasikan peraturan pembiayaan politik ke dalam ekosistem integriti negara (Ilham et al., 2024; Kadir et al., 2025).

2.11.4 Rumusan Literatur Bagi Parameter 4: Kewujudan Lembaga Penasihat

Keempat, Lembaga Penasihat wajar diwujudkan untuk meningkatkan kualiti peraturan, legitimasi prosedural, dan akauntabiliti dalam pengawalseliaan pembiayaan politik, dengan menetapkan peranan terhad kepada pemberian nasihat serta kewajipan pengawal selia untuk memberi respons terhadap syor yang dikemukakan **[OECD, 2014].** Kebimbangan tentang pengaruh pakar yang tidak dipilih dapat diurus melalui garis demarkasi yang jelas antara fungsi nasihat dan kuasa membuat keputusan, ketelusan minit serta syor, dan peraturan konflik kepentingan yang ketat **[Schiffino & Krieger, 2019].**

Reka bentuk institusi yang disyorkan meliputi asas undang-undang yang jelas dengan pilihan klausa luput dan semakan berkala, komposisi berasaskan merit yang pelbagai, sekretariat kecil yang bebas, penerbitan ringkasan minit dan indikator prestasi, serta saluran formal yang menghubungkan syor kepada tindakan pengawal selia **[OECD, 2014].**

Pendekatan hibrid yang memandatkan prinsip utama dalam Akta dan memperincikan operasi melalui peraturan memberikan keseimbangan antara kepastian undang-undang dan kebolehsuaian; hasilnya ialah keupayaan lebih

baik untuk amaran awal risiko, penetapan standard pelaporan, dan pemantauan tanpa menjejaskan kebebasan **penguatkuasaan [OECD, 2014; Schiffino & Krieger, 2019].**

2.11.5 Rumusan Literatur Bagi Parameter 5: Pendanaan Politik

Kelima, dalam konteks pendanaan politik, landskap pendanaan politik memerlukan kerangka menyeluruh yang menutup ruang kelabu sumber, perbelanjaan dan pengawasan sepanjang tahun dengan memadankan peraturan negatif yang melarang sumber berisiko dengan peraturan positif seperti pembiayaan awam atau kerajaan, kerana di Malaysia yuran ahli hanyalah sebahagian kecil pendapatan dan pergantungan kepada derma awam serta korporat mengundang risiko kronisme dan pengaruh tidak wajar terhadap dasar serta perolehan awam **(C4 Center, n.d.; Casas-Zamora, 2008; Titl et al., 2021).**

Reka bentuk yang mantap perlu menyeragamkan pemakaian terhadap parti, calon dan aktor pihak ketiga, mentakrifkan sumbangan secara menyeluruh termasuk wang tunai, pinjaman, barangan, tempat dan perkhidmatan, mewajibkan pendedahan identiti pemilik manfaat, memperkenalkan klausa anti-pengelakan dan peraturan agregasi aliran dana sebenar, serta melarang sumbangan daripada entiti dikawal kerajaan dan sumber asing sambil mengehadkan sumbangan entiti perundangan tertentu, kerana bukti global menunjukkan asimetri peraturan mudah mencetus kebocoran kawal selia dan hampir separuh negara masih tiada had sumbangan yang berkesan **(UNODC, 2019; OECD, 2016; Ohman, 2012; France, 2023).**

Pada dimensi perbelanjaan, parti dan calon berbelanja sepanjang tahun tetapi kawal selia dan pematuhan pelaporan kepada Pendaftar Pertubuhan masih lemah, manakala had perbelanjaan umum sering gagal tanpa takrif yang jelas, siling realistik, pengaturan pihak ketiga dan penguatkuasaan yang tegas,

walaupun secara normatif had bertujuan meratakan padang permainan dan memelihara pilihan pengundi pada peringkat kawasan seperti dihuraikan mahkamah di United Kingdom, dan di Malaysia sendiri had hanya dikenakan kepada calon pada paras yang dipertikai rendah manakala parti tidak tertakluk, dengan bukti kecenderungan lapor kurang oleh calon **(NCCPF, 2016; Casas-Zamora, 2008; Coghill, 2022; Kadir et al., 2025; Marpang, 2024).**

Bagi mengimbangi pengaruh penderma besar, pembiayaan awam atau kerajaan yang direka telus dan bersyarat, seperti cadangan RM4 setahun setiap undi popular dengan akaun diaudit dan pendedahan awam, boleh meningkatkan ketelusan, kesaksamaan dan kelangsungan operasi parti, namun kesannya bergantung pada butiran reka bentuk seperti ambang kelayakan, kaedah agihan berkadar undi atau kerusi, skim padanan derma kecil, akses media bersubsidi, masa bayaran sebelum atau selepas pilihan raya dan integrasi dengan had perbelanjaan serta insentif cukai, dengan bukti perbandingan menunjukkan hasilnya bercampur dan kontekstual serta memerlukan keseimbangan antara pembiayaan awam dan swasta **(C4 Center, n.d.; Van Biezen, 2008; Phillips, 2012; Casas-Zamora, 2008; Ohman, 2012; Kadir et al., 2025).**

Pada sisi pembiayaan swasta, langkah seperti larangan parti memiliki perniagaan berorientasikan keuntungan, kewajipan isytihar aset secara terbuka dan larangan penglibatan perniagaan bagi penyandang jawatan mengurangkan konflik kepentingan, sementara pendedahan ketat dan insentif cukai yang menyokong derma kecil dapat mempelbagaikan pangkalan penyumbang dan mengukuhkan hubungan parti dengan pengundi, seperti ditunjukkan pengalaman Kanada **(C4 Center, n.d.; Molomo & Sebudubudu, 2005; Zainal & Tan, 2023).**

Sumbangan tanpa nama melemahkan ketelusan dan meningkatkan risiko rasuah, justeru banyak bidang kuasa mengharamkan atau mengehadkannya walaupun

penguatkuasaan semakin mencabar dalam ekosistem pembiayaan digital dan pengumpulan dana dalam talian yang pesat berubah **(Molomo & Sebudubudu, 2005; Kadir et al., 2025).**

Pada dimensi sumbangan asing, ketiadaan larangan di Malaysia menimbulkan risiko campur tangan dan penangkapan dasar, dengan bukti antarabangsa menunjukkan pelbagai saluran mengelak kawal selia, namun pendekatan yang wajar bukan larangan pukal semata-mata sebaliknya larangan sumbangan berisiko tinggi seperti dana kerajaan asing serta penetapan had dan keperluan pendedahan yang ketat untuk kategori lain, diganding dengan had perbelanjaan yang efektif bagi mengekang distorsi pengaruh dalam proses demokrasi **(NCCPF, 2016; Kausch, 2013; Fisher, 1997; Molomo & Sebudubudu, 2005; Tham, 2017; France, 2023).**

2.11.6 Rumusan Literatur Bagi Parameter 6: Mekanisme Penerimaan Sumbangan

Keenam, intipati mekanisme penerimaan sumbangan yang wajar ialah pemusatan aliran dana ke akaun bank rasmi parti yang didaftarkan dan diaudit, bukan ke akaun peribadi mana-mana pemimpin, kerana penyaluran ke akaun individu mewujudkan jurang akauntabiliti, mengaburi jejak audit dan meningkatkan risiko imbuhan balas serta konflik kepentingan; penegasan Datuk Paul Low menzahirkan prinsip ini, manakala amalan seorang ketua memegang dana “bagi pihak parti” menandakan kelemahan kawal selia dalaman yang membuka ruang penyalahgunaan serta normalisasi struktur tidak berkanun dalam pengurusan kewangan politik **(Malay Mail, 2015).**

Dari perspektif perbandingan, bukti menunjukkan kebanyakan bidang kuasa menyalurkan subsidi kerajaan dan pembiayaan awam terutamanya kepada parti dan cabang subnasionalnya, manakala sokongan langsung kepada calon individu

adalah jarang, yang menyokong reka bentuk mekanisme di mana penerimaan sumbangan dihadkan pada entiti parti dan perbelanjaan calon disalurkan melalui pindahan yang direkodkan secara telus daripada parti; model ini memudahkan penggabungan akaun, audit forensik, pengesanan pemilik manfaat sumbangan, serta penguatkuasaan had sumbangan dan perbelanjaan pada keseluruhan kitaran politik, dengan pengecualian yang terhad dan direka rapi jika calon dibenarkan menyelenggara akaun kempen khas dengan syarat kawal selia tinggi, takrif sumbangan yang inklusif termasuk barangan, perkhidmatan dan pinjaman, larangan aliran ke akaun peribadi, prosedur penerimaan seperti pengesahan identiti dan rekod resit, serta kewajipan pelaporan masa nyata atau berkala yang boleh diaudit oleh awam dan pengawal selia **(Casas-Zamora, 2008).**

2.11.7 Rumusan Literatur Bagi Parameter 7: Mekanisme Pelaporan

Ketujuh, dalam konteks mekanisme pelaporan, cadangan C4 Center membentuk kerangka pelaporan berasaskan undang-undang yang jelas tentang siapa melapor, bila, apa yang perlu didedahkan, serta bagaimana pengesahan dilakukan: parti melapor tahunan di luar musim pilihan raya, sementara dalam musim pilihan raya parti dan calon menghantar laporan ringkas harian serta laporan komprehensif dalam masa 14 hari selepas mengundi; identiti penyumbang yang memberi RM500 ke atas mesti didedahkan sama ada secara sekali gus atau terkumpul; semua laporan diaudit juruaudit bebas dan dana gelap diharamkan **(C4 Center, n.d.).**

Reka bentuk ini menangani tiga jurang lazim iaitu kekurangan kekerapan, ambang pendedahan yang terlalu longgar, dan audit yang lemah. Namun Kadir et al. menegaskan masih wujud kekaburan definisi “sumbangan” dan ambang pelaporan yang membuka ruang pengelakan, selain ketidakjelasan kapasiti agensi penyeliaan pusat yang dicadangkan untuk menyeragamkan format,

piawaian dan penerbitan data yang mudah difahami pengguna **(Kadir et al., 2025).**

TI-M menyarankan pemerkasaan SPR melalui pindaan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan Akta Pilihan Raya 1958 bagi mewajibkan audit bebas serta memberi kuasa penyiasatan dan pengesahan kepada SPR, yang akan memautkan pelaporan dengan penguatkuasaan sebenar, bukan sekadar pemfailan formal **(TI-M, 2011).**

Bukti perbandingan Ohman menunjukkan 88 peratus negara mewajibkan sekurang-kurangnya beberapa bentuk pelaporan, tetapi hanya 53 peratus mewajibkan kedua-dua pihak iaitu parti dan calon, manakala satu per empat negara langsung tidak menamakan institusi untuk menyemak laporan atau menyiasat pelanggaran; tambahan pula 21 peratus tidak mewajibkan perincian sumber pendapatan dan 28 peratus tidak mewajibkan pendedahan awam, yang menggagalkan ketelusan dan pembetulan salah laku melalui pemantauan masyarakat **(Ohman, 2012).**

Sehubungan itu, empat komponen minimum yang dicadangkan Ohman perlu diwajibkan, iaitu kewajipan penyata kewangan, butiran aliran masuk dan keluar yang boleh menjejak pemilik manfaat bagi sumbangan besar, mandat semakan bebas dengan sanksi yang setimpal, dan pendedahan awam dalam format mudah dicapai, kerana ketelusan ialah prasyarat keberkesanan had sumbangan dan perbelanjaan **(Ohman, 2012).**

Casas-Zamora menambah bahawa ketelusan mesti meliputi kedua-dua pendapatan dan perbelanjaan, aktiviti rutin dan kempen, serta diaudit pihak berkeupayaan; namun terdapat dilema normatif antara tanggapan parti sebagai entiti separa awam yang wajar didedahkan dan perlindungan privasi penderma,

yang di beberapa demokrasi seperti Sweden dan Switzerland cenderung memihak kepada autonomi parti dan privasi, justeru reka bentuk Malaysia perlu mengimbangi hak privasi penyumbang kecil dengan hak awam mengetahui sumbangan besar yang berisiko mempengaruhi keputusan **(Casas-Zamora, 2008).**

Secara operasional, mekanisme pelaporan yang kukuh untuk Malaysia wajar memasukkan takrif menyeluruh "sumbangan" termasuk tunai, barangan, perkhidmatan, pinjaman dan penajaan acara; kewajipan konsolidasi laporan di peringkat parti pusat, cabang dan calon serta *third-party actors*; ambang pendedahan rendah yang digabung dengan klausa anti-pengelakan dan pengagregatan sumbangan berkaitan; piawaian pelaporan berasaskan pelan akaun seragam; e-pelaporan masa hampir nyata dengan data boleh baca mesin; pengesahan pemilik manfaat sumbangan entiti perundangan; audit berasaskan risiko yang bersepadu, perolehan dan cukai; serta tangga sanksi yang bermula dengan pembetulan terarah sehingga penalti kewangan, pelucuthakan dana haram dan hilang kelayakan, supaya pelaporan menjadi alat kawal selia yang hidup, bukan ritual pemfailan semata-mata **(C4 Center, n.d.; Kadir et al., 2025; TI-M, 2011; Ohman, 2012; Casas-Zamora, 2008).** Secara keseluruhan, mekanisme pelaporan yang berkesan perlu menetapkan kekerapan dan kandungan yang jelas, merangkumi pendedahan identiti penderma bernilai material, audit bebas yang berkeupayaan, mandat semakan oleh institusi yang benar-benar bebas, serta pendedahan awam dalam format mudah dicapai; tanpa komponen ini, pelaporan menjadi simbolik dan tidak menyokong penguatkuasaan had sumbangan serta perbelanjaan, sementara reka bentuk Malaysia yang dicadangkan patut menutup jurang definisi, menyeragamkan piawaian, memanfaatkan e-pelaporan dan pengesahan pemilik manfaat, serta mengimbangi hak privasi penderma kecil dengan hak awam mengetahui sumber

dana besar yang berisiko mempengaruhi dasar. (C4 Center, n.d.; Kadir et al., 2025; TI-M, 2011; Ohman, 2012; Casas-Zamora, 2008)

2.11.8 Rumusan Literatur bagi Parameter 8: Pendedahan Kepada Awam

Kelapan, dalam konteks pendedahan kepada awam, Cadangan C4 Center meletakkan kewajipan pendedahan awam yang jelas, berjadual dan terpusat di bawah Suruhanjaya Pilihan Raya, termasuk penerbitan tanpa suntingan melalui repositori dalam talian pada sela tahunan dalam 31 hari bulan pertama bagi tempoh bukan pilihan raya, serta semasa pilihan raya melalui laporan ringkas harian dan laporan komprehensif dalam 31 hari selepas mengundi; cadangan ini turut menuntut larangan pemangsaan terhadap penderma parti pembangkang serta penyelarasan piawaian pendedahan bagi pemilihan dalaman parti dengan piawaian pilihan raya nasional, sekali gus menutup jurang ketelusan intra-parti yang sering diabaikan oleh undang-undang sedia ada **(C4 Center, n.d.).**

Literatur menegaskan bahawa:

a) pendedahan ialah syarat perlu tetapi tidak mencukupi: ia mengurangkan risiko pengaruh tidak wajar terutamanya melalui kesan pengawalan reputasi, bermakna penderma atau pihak yang menerima derma akan lebih berhati-hati kerana takut dikritik, dipersoal, atau hilang reputasi bila nama/amaun derma diketahui umum.
b) namun pendedahan tidak secara automatik mewujudkan akauntabiliti kerana kuasa langsung pengundi terhadap penderma terhad (pengundi tak boleh “hukum” penderma seperti mana pengundi boleh hukum ahli politik melalui undi). Walaupun maklumat derma dibuka, ia tidak automatik menyebabkan pihak terlibat bertanggungjawab atau berhenti berbuat salah—lebih-lebih lagi kalau maklumat sukar difahami/diakses.

c) justeru, pendedahan yang berkesan memerlukan bentuk pangkalan data yang sistematik, boleh dicari dan tepat masa (*real-time*), di samping memanfaatkan pelaporan tahunan korporat untuk menjejak sumber akhir sumbangan **(Leong et al., 2013).**

Dalam konteks Malaysia, kekangan asas ialah ketiadaan akses awam kepada akaun parti yang difailkan di bawah Akta Pertubuhan 1966; oleh itu, kewajipan pendedahan penuh kepada umum tentang jumlah, sumber dan perbelanjaan parti serta akses akaun yang mudah dicapai disaran bagi mengukuhkan semak-imbang masyarakat sivil dan keyakinan awam **(TI-M, 2011; Kadir et al., 2025).**

Dari sudut tadbir urus korporat, ada bukti daripada kajian tinjauan (survey) yang menunjukkan pemegang saham bimbang bahawa bila syarikat berbelanja untuk aktiviti politik (contoh: sumbangan kepada parti/calon, tajaan program politik, bayaran kepada pihak berkaitan kempen), keputusan itu selalu dipengaruhi oleh "keutamaan peribadi" eksekutif (CEO/pengurusan atasan) — bukan semestinya untuk kepentingan syarikat. Oleh itu, terdapat keperluan bagi pendedahan yang sangat terperinci, bukan sekadar jumlah besar secara umum. **(Aggarwal et al., 2012).**

Perbandingan rentas negara menunjukkan jurang ketara antara kewajipan melapor dan pendedahan awam: walaupun 88 peratus negara mewajibkan beberapa bentuk pelaporan, lebih 25 peratus tidak memerlukan pendedahan kepada umum, dan hampir separuh tidak mewajibkan pelaporan oleh kedua-dua entiti parti serta calon, yang membuka ruang pengalihan dana melalui pihak yang kurang tertakluk kepada semakan **(Ohman, 2012).**

Pada masa yang sama, wujud dilema normatif antara melihat parti sebagai entiti separa awam yang wajar didedahkan dengan meluas dan perlindungan privasi

penderma, khususnya bagi sumbangan kecil. Beberapa demokrasi seperti Sweden dan Switzerland lebih menekankan autonomi parti serta privasi, maka reka bentuk Malaysia perlu menimbang ambang pendedahan yang rendah tetapi munasabah, pengesahan pemilik manfaat bagi entiti perundangan, dan kelegaan privasi terhad bagi penderma kecil tanpa menjejaskan hak awam mengetahui sumbangan material **(Casas-Zamora, 2008).**

Menggabungkan dapatan ini, seni bina pendedahan yang kukuh bagi Malaysia perlu memasukkan:

a) mandat statutori penerbitan tanpa suntingan oleh SPR mengikut jadual C4;
b) skop pendedahan yang meliputi parti, calon dan aktor pihak ketiga untuk aktiviti rutin serta kempen;
c) format data terbuka yang boleh dibaca sistem dengan pengecam unik penderma serta pautan silang kepada daftar syarikat;
d) audit bebas berasaskan risiko dengan penerbitan pendapat audit;
e) klausa anti-pengelakan termasuk pengagregatan sumbangan berkaitan. Hal ini bermaksud terpadat keperluan peruntukan undang-undang yang dibuat untuk **halang orang** memintas peraturan (contohnya had sumbangan, larangan penderma tertentu, atau kewajipan pendedahan) yang termasuk aturan yang menggabungkan sumbangan-sumbangan yang berkaitan supaya orang tidak boleh “pecahkan” atau “salur ikut pintu belakang” untuk elak had dan pendedahan;
f) perlindungan undang-undang terhadap pemangsaan politik ke atas penderma; serta
g) Hukuman berperingkat yang tegas agar pendedahan menjadi instrumen kawal selia yang berfungsi, bukan sekadar rutin pemfailan. Maksudnya, keperluan untuk mewujudkan hukuman yang kuat dan berperingkat supaya orang ramai serius untuk membuat pendedahan dengan sebenarnya. **(C4 Center, n.d.; TI-M, 2011; Ohman, 2012; Aggarwal et al., 2012; Casas-**

Zamora, 2008; Kadir et al., 2025; Leong et al., 2013; Molomo & Sebudubudu, 2005).

Secara ringkas, pendedahan awam mesti diwajibkan melalui mandat jelas kepada SPR untuk menerbitkan laporan tanpa suntingan secara tepat masa dan dalam format data terbuka, meliputi parti, calon dan aktor pihak ketiga bagi aktiviti rutin serta kempen. Keberkesanan sistem pendedahan dana politik bergantung pada beberapa perkara penting:

a) Maklumat yang didedahkan mesti terperinci, termasuk siapa penderma yang jumlahnya besar/bermakna (material) dan siapa "pemilik sebenar"/beneficial owner di sebalik sumbangan itu (bukan sekadar nama orang tengah atau syarikat).
b) Perlu ada audit bebas untuk semak sama ada laporan itu betul dan tidak dimanipulasi.
c) Perlu ada perlindungan supaya orang yang melapor atau pihak yang patuh tidak dibuli, diugut, atau "dibalas" (anti-pemangsaan).
d) Perlu ada hukuman yang tegas supaya orang takut untuk melanggar atau tidak patuh (hukuman yang benar-benar "menggerunkan" dan menghalang).

Pada masa yang sama, cara sistem ini direka mesti seimbang:

a) Penderma kecil patut ada hak privasi (contoh: sumbangan kecil tidak semestinya perlu didedahkan secara terperinci).
b) Tetapi masyarakat juga ada hak untuk tahu aliran dana yang besar atau mencurigakan, kerana duit itu boleh mempengaruhi dasar kerajaan dan keputusan pilihan raya.

(C4 Center, n.d.; Leong et al., 2013; TI-M, 2011; Aggarwal et al., 2012; Ohman, 2012; Casas-Zamora, 2008; Kadir et al., 2025; Molomo & Sebudubudu, 2005).

2.11.9 Rumusan Literatur Bagi Parameter 9: Kesalahan di Bawah Akta

Kesembilan, dalam konteks kesalahan, inti masalah yang ditunjukkan literatur ialah tanpa undang-undang pembiayaan politik yang jelas, pemberian dan penerimaan dana sukar dikategorikan sebagai kesalahan melainkan boleh dibuktikan sebagai rasuah atau hasil haram di bawah undang-undang lain; ini menimbulkan jurang pematuhan kerana tiada definisi statutori tentang apa yang sah dan apa yang ditegah, tiada perimeter subjek undang-undang yang tuntas, serta tiada peruntukan kesalahan khusus yang boleh dikuatkuasakan secara konsisten **(Kadir et al., 2025).**

Bukti perbandingan menunjukkan hampir semua negara memiliki sekurang-kurangnya satu bentuk hukuman, dengan denda sebagai sanksi paling lazim dan pemenjaraan dikhususkan untuk kesalahan serius seperti pembelian undi atau penipuan; namun ketiadaan mekanisme pelucuthakan di banyak bidang kuasa melemahkan kesan cegahannya kerana pelaku masih berupaya mengekalkan manfaat sumbangan haram walaupun selepas membayar denda, seperti yang diperhatikan di Perancis **(Ohman, 2012).**

Amalan baik antarabangsa menyokong seni bina hukuman yang berperingkat dan berimbang meliputi tiga lapis iaitu pentadbiran, sivil dan jenayah, dengan tuas pematuhan tambahan melalui pengkaitan kepada subsidi awam seperti penggantungan, pengurangan atau penahanan dana apabila berlaku pelanggaran pelaporan, pengauditan atau had sumbangan dan perbelanjaan; pendekatan ini telah digunakan dengan ketegasan di beberapa negara seperti Austria, Jerman, Sepanyol, Portugal dan Mexico **(Casas-Zamora, 2008).**

Dari sudut reka bentuk kesalahan, rang undang-undang wajar memperincikan: menerima sumbangan terlarang termasuk sumber asing, tanpa nama, entiti

berkaitan kerajaan atau kontraktor kerajaan; mengelak peraturan melalui orang tengah, pemecahan sumbangan atau entiti perantara; melebihi had sumbangan atau perbelanjaan oleh parti, calon dan pihak ketiga; penyalahgunaan sumber kerajaan; pembelian undi; pengendalian dana melalui akaun peribadi; kegagalan memfail, kelewatan, atau pernyataan palsu dalam pelaporan; penghalangan siasatan dan audit; serta pengendalian dana gelap.

Model liabiliti perlu meliputi liabiliti parti dan liabiliti peribadi pegawai utama seperti bendahari dan calon, termasuk liabiliti korporat terhadap penyumbang dan pengarahnya, dengan piawaian mens rea dan kesalahan ketat yang terhad untuk pelanggaran pelaporan yang bersifat administratif **(Casas-Zamora, 2008; Ohman, 2012).**

Prinsip penguatkuasaan hendaklah menekankan kepastian dan keterjangkauan pelaksanaan: sanksi yang terlalu berat bagi pelanggaran kecil cenderung tidak digunakan dan mendorong penggubal kuasa memilih laluan bukan jenayah; oleh itu undang-undang perlu menyediakan remedi yang memulihkan keadaan seperti pelucuthakan, arahan pembetulan, perintah injunksi, perintah menamakan pihak yang ingkar, selain penalti kewangan yang berskala kepada jumlah yang menyalahi undang-undang, dan pemenjaraan hanya bagi kesalahan integriti yang serius **(Casas-Zamora, 2008; Ohman, 2012).**

Keseluruhannya, seni bina kesalahan yang berkesan memerlukan definisi yang jelas, liputan subjek yang simetri terhadap parti, calon dan aktor pihak ketiga, kuasa siasatan bebas dengan akses kepada rekod, mekanisme pelucuthakan yang tegas, pengaitan kepada subsidi awam, serta rejim sanksi bertahap yang seimbang agar penguatkuasaan menjadi boleh laksana dan benar-benar mencegah ketidakpatuhan berulang (Kadir et al., 2025; Ohman, 2012; Casas-Zamora, 2008). Malaysia perlu membina rangka kesalahan yang menyeluruh dan

beroperasi melalui tiga paksi utama iaitu pendefinisian jelas tingkah laku terlarang, liabiliti yang merangkumi parti, calon dan pihak ketiga, serta rejim sanksi bertangga yang menggabungkan denda berkadar, pelucuthakan manfaat haram, tuas subsidi awam, dan pemenjaraan untuk kesalahan berat; pendekatan ini menangani jurang semasa yang menjadikan pembuktian hanya bergantung pada undang-undang rasuah atau pengubahan wang haram, sambil memastikan penguatkuasaan yang konsisten, seiimbang dan berkesan mencegah pengulangan pelanggaran (Kadir et al., 2025; Ohman, 2012; Casas-Zamora, 2008).

2.12 ANALISIS TRIANGULASI LITERATUR

Berpandukan sembilan parameter, triangulasi literatur menunjukkan konsensus kukuh bahawa penambahbaikan kerangka undang-undang pendanaan politik di Malaysia mesti bersifat menyeluruh, simetri merentas parti–calon–aktor Pihak (*political actor*) atau Pihak ketiga, dan diperkasa dengan institusi pengawasan yang benar-benar bebas serta berkeupayaan.

Pertama, **keperluan normatif dan praktikal pembentukan Akta Pendanaan Politik yang komprehensif** adalah jelas untuk menutup jurang struktur dan operasi sedia ada, termasuk pindaan Perlembagaan bagi menjamin kebebasan SPR, peluasan skop Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, dan reformasi Akta Pertubuhan 1966, di samping takrif "sumbangan" yang luas meliputi tunai, pinjaman, barangan, tempat dan perkhidmatan serta peraturan anti-pengelakan yang berfungsi sepanjang tahun, bukan semata-mata musim kempen **(C4 Center, n.d.; Molomo & Sebudubudu, 2005; Casas-Zamora, 2008; TI-M, 2011; Kadir et al., 2025).**

Kedua, **pemakaian peraturan perlu bersifat komprehensif** dan mungkin boleh meliputi pemilihan dalaman parti dengan piawaian pendedahan dan pelaporan

yang diseragamkan merentas semua entiti, kerana asimetri parti–calon/ ketidakseimbangan peraturan antara parti dan calon terbukti mencetuskan kebocoran kawal selia (membuka peluang untuk memintas peraturan), khususnya bagi sumbangan tanpa nama dan asing; oleh itu undang-undang harus menyatukan had sumbangan, larangan kategori berisiko tinggi, peraturan agregasi sumbangan berkaitan, serta pengawalseliaan pihak ketiga **(Ohman, 2012; C4 Center, n.d.; Kadir et al., 2025; UNODC, 2019; OECD, 2016; France, 2023).**

Ketiga, **kewujudan badan kawal selia khusus ialah prasyarat keberkesanan pelaporan, semakan dan penguatkuasaan**. Pilihan reka bentuk sama ada memperkukuh SPR atau menubuhkan institusi baharu, kedua-duanya perlu memastikan kedaulatan undang-undang, pembiayaan mapan, kapasiti forensik data/ penguatkuasaan, sistem e-pelaporan, akses data tanpa halangan, repositori data terbuka, kuasa sanksi bertahap termasuk pelucuthakan, dan penyelarasan formal dengan ekosistem integriti negara; model pelantikan berbilang pihak, larangan konflik kepentingan, serta penyeliaan Parlimen memperkukuh legitimasi, manakala Dana Demokrasi yang diaudit secara bebas berpotensi meratakan padang persaingan jika dipisahkan tatakelola agihan dan fungsi penguatkuasaan **(Ohman, 2012; C4 Center, n.d.; Ilham et al., 2024; Kadir et al., 2025; Molomo & Sebudubudu, 2005).**

Keempat, **Lembaga Penasihat yang berasaskan undang-undang** dengan mandat nasihat sahaja, komposisi merit yang pelbagai, peraturan konflik kepentingan, minit dan syor yang diterbitkan serta semakan berkala dapat meningkatkan kualiti peraturan, amaran awal risiko dan legitimasi prosedural tanpa menjejaskan kebebasan penguatkuasaan (OECD, 2014; Schiffino & Krieger, 2019).

Kelima, **kerangka pendanaan perlu menggabungkan peraturan bersifat negatif seperti sekatan dan larangan terhadap sumber berisiko tinggi dengan peraturan bersifat positif** seperti pemberian subsidi kerajaan langsung, akses media dan insentif cukai yang menggalakkan penyumbang, sambil mengelakkan kesan sampingan seperti penggantian yuran (seperti tidak mengaktifkan yuran ahli sebab sudah ada duit subsidi) dan pengukuhan status quo (parti besar terus semakin kuat kerana terdapat subsidi/akses, dan parti kecil terdapat kekangan). Keberkesanan adalah kontekstual. Maknanya, ia tidak ada satu formula yang sesuai untuk semua negara. **(Van Biezen, 2008; Phillips, 2012; Casas-Zamora, 2008; Ohman, 2012; C4 Center, n.d.; Kadir et al., 2025; Zainal & Tan, 2023).**

Keenam, **pada dimensi sumber dan perbelanjaan, larangan terhadap dana kerajaan dan entiti berkaitan kerajaan, penguatkuasaan had sumbangan dan perbelanjaan yang realistik, serta pengawalseliaan pihak ketiga adalah teras keadilan pertandingan**. Perbelanjaan berlaku sepanjang tahun dan di Malaysia had hanya mengikat calon serta dinilai terlalu rendah dengan bukti pelaporan bawah ambang, justeru diperlukan definisi perbelanjaan yang jelas, pengaturan pihak ketiga dan penguatkuasaan tegas demi "padang permainan kewangan yang setara" (*level playing field*) di peringkat kawasan **(NCCPF, 2016; Casas-Zamora, 2008; Coghill, 2022; Kadir et al., 2025; Marpang, 2024; Ohman, 2012; Titl et al., 2021).**

Ketujuh, **mekanisme penerimaan sumbangan mesti dipusatkan pada akaun bank parti yang didaftarkan serta diaudit**, melarang aliran ke akaun peribadi, dengan pengecualian terhad melalui akaun kempen calon yang dikawal rapi dan telus; amalan antarabangsa juga menumpukan subsidi kepada parti, yang menyokong penggabungan akaun dan audit rantaian wang yang lebih berkesan **(Malay Mail, 2015; Casas-Zamora, 2008).**

Kelapan, **mekanisme pelaporan dan pendedahan awam perlu mematuhi empat komponen minimum** iaitu penyata kewangan terperinci, pendedahan aliran masuk dan keluar yang menjejak pemilik manfaat bagi sumbangan bernilai material, mandat semakan bebas dengan tuas sanksi berimbang, serta penerbitan data terbuka yang boleh dibaca mesin pada sela yang ditetapkan; reka bentuk Malaysia wajar menurunkan ambang pendedahan secara munasabah, memformalkan piawaian pelaporan, mengintegrasi data berkaitan, perolehan dan cukai, serta melindungi privasi penderma kecil tanpa menjejaskan hak awam untuk mengetahui sumbangan besar **(C4 Center, n.d.; TI-M, 2011; Ohman, 2012; Casas-Zamora, 2008; Kadir et al., 2025; Leong et al., 2013; Aggarwal et al., 2012).**

Kesembilan, **rangka kesalahan dan hukuman yang efektif** perlu jelas mendefinisikan tingkah laku dilarang, meliputi liabiliti parti, calon, pegawai utama dan entiti pemberi, mengutamakan kepastian dan keterlaksanaan melalui rejim bertahap pentadbiran–sivil–jenayah, mengaitkan kepatuhan dengan subsidi awam, mewajibkan pelucuthakan manfaat haram, dan mengehadkan pemenjaraan kepada kesalahan integriti serius supaya penguatkuasaan menjadi konsisten dan benar-benar mencegah ketidakpatuhan berulang **(Casas-Zamora, 2008; Ohman, 2012; Kadir et al., 2025).**

Keseluruhannya, berdasarkan analisis dan triangulasi literatur, trajektori reformasi yang boleh dipertimbangkan ialah:

i. meminda Perlembagaan dan/atau undang-undang teras untuk memperkukuh kebebasan badan kawal selia;
ii. mewujudkan atau menstruktur semula badan kawal selia dengan mandat, sumber dan kuasa siasatan yang jelas;
iii. melancarkan mekanisme pelaporan data terbuka yang menyeragamkan piawaian;

iv. memperkenalkan kerangka sumbangan dan perbelanjaan yang seimbang dengan subsidi awam bersyarat (sekiranya perlu); serta

v. melaksanakan rejim kesalahan dan hukuman berperingkat/bertahap yang disokong proses audit risiko dan penyelarasan rentas agensi, agar integriti pembiayaan politik menjadi realiti yang boleh dikesan, diaudit dan dikuatkuasakan.

(C4 Center, n.d.; Molomo & Sebudubudu, 2005; Casas-Zamora, 2008; TI-M, 2011; OECD, 2014; Schiffino & Krieger, 2019; UNODC, 2019; OECD, 2016; France, 2023; NCCPF, 2016; Coghill, 2022; Marpang, 2024; Ohman, 2012; Van Biezen, 2008; Phillips, 2012; Zainal & Tan, 2023; Titl et al., 2021; Fisher, 1997; Kausch, 2013; Tham, 2017; Aggarwal et al., 2012; Malay Mail, 2015; Leong et al., 2013; Ilham et al., 2024; Kadir et al., 2025).

3 | BAB 3

KERANGKA PERUNDANGAN SEDIA ADA DI MALAYSIA

Putrajaya | Kredit gambar: Harian Metro

3.1 PENDAHULUAN

Bab 3 menumpukan kepada kerangka perundangan sedia ada yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan pendanaan politik, bagi menilai tahap kecukupan kawal selia semasa serta mengenal pasti jurang (*gap/ loopholes*) yang perlu ditangani melalui cadangan RUU Pendanaan Politik. Bab ini dibangunkan atas premis bahawa walaupun terdapat undang-undang dan peraturan tertentu yang boleh menyentuh isu kewangan, tadbir urus, salah laku, pelaporan atau ketelusan, kerangka tersebut lazimnya bersifat berpecah-pecah (*fragmented*) dan tidak semestinya membentuk satu rejim pendanaan politik yang komprehensif. Justeru, Bab 3 berperanan memetakan landskap perundangan semasa, menjelaskan bidang kuasa dan fungsi peruntukan berkaitan, serta menilai sama ada instrumen yang wujud mampu menangani risiko utama seperti penyamaran penderma, sumber dana berisiko tinggi, ketidakseimbangan obligasi antara entiti, serta kelemahan penguatkuasaan.

Dalam bab ini, analisis dilakukan secara berstruktur dengan menilai keselarasan kerangka sedia ada terhadap keperluan pengawalseliaan yang lazim bagi pendanaan politik, termasuk isu takrif dan skop pemakaian, standard penerimaan dana, mekanisme rekod dan audit, kewajipan pelaporan, tahap pendedahan kepada umum, serta keberkesanan rejim kesalahan dan penalti. Penilaian jurang perundangan turut memberi tumpuan kepada implikasi praktikal pelaksanaan, misalnya kekangan institusi, ketidakseragaman mandat antara agensi, ketiadaan piawaian (*standard*) yang seragam, serta risiko “kebocoran kawal selia” apabila terdapat ketidakseimbangan peraturan antara parti, calon dan pihak ketiga. Hasil analisis Bab 3 seterusnya menyediakan asas kepada hala tuju (*way forward*), iaitu penentuan komponen peruntukan yang perlu dimasukkan dalam RUU baharu atau diperkukuh melalui penyelarasan undang-undang sedia ada, agar cadangan reformasi dapat bersifat menyeluruh, koheren dan boleh dikuatkuasakan.

3.2 LATAR BELAKANG KERANGKA PERUNDANGAN DI MALAYSIA

Secara asasnya, Malaysia belum mempunyai satu undang-undang khusus yang menyeluruh untuk mengawal selia pendanaan politik, khususnya dari segi sumbangan dana dan perbelanjaan dana politik, sebagai satu ekosistem perundangan yang lengkap. Sebaliknya, kawal selia sedia ada wujud secara serpihan (*fragmented*), seperti berikut:

- sebahagian tertumpu pada tatacara pilihan raya (oleh SPR dan ditadbir oleh undang-undang pilihan raya),
- sebahagian lagi pada kesalahan rasuah/jenayah (oleh SPRM di bawah undang-undang yang berkenaan), dan
- sebahagian pada tadbir urus parti (pendaftaran serta pelaporan tahunan melalui Pendaftar Pertubuhan).

Struktur ini menyebabkan pendanaan politik dikawal secara tidak simetri: hanya sebahagian aspek yang dikawal ketat (contohnya perbelanjaan calon Ketika pilihanraya), manakala aspek lain (contohnya dana dan perbelanjaan parti secara keseluruhan, sumber penderma, pihak ketiga) kekal longgar atau tidak tersentuh secara langsung.

3.3 RANGKA KERJA PERUNDANGAN UTAMA

3.3.1 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang tertinggi dan menjadi asas kuasa institusi pilihan raya, termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Walau bagaimanapun, Perlembagaan tidak memperuntukkan rangka khusus pendanaan politik (misalnya: definisi derma politik, larangan sumber dana tertentu, had sumbangan, kewajipan pendedahan, atau audit awam). Ketiadaan "*constitutional anchor*" khusus ini menjadikan pendanaan politik bergantung pada undang-

undang biasa yang diwujudkan kemudian, yang pada masa ini masih terhad skopnya.

Perkara 114 memperuntukkan penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) sebagai institusi yang mentadbir pilihan raya.[106] Dalam kerangka semasa, mandat SPR lebih jelas pada pengurusan dan pentadbiran pilihan raya berbanding kawal selia pendanaan politik secara menyeluruh.[107] Reka bentuk ini penting kerana, apabila pendanaan politik ingin diinstitusikan melalui cadangan RUU ini, persoalan utama akan timbul: siapakah badan kawal selia utama (*primary regulator*), dan sejauh mana SPR patut diberi kuasa tambahan, atau adakah perlu badan khusus baharu.

[106] Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, dan keanggotaannya terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi serta lima orang ahli lain (Perkara 114(1)). Dalam pelantikan ahli SPR, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengambil kira kepentingan memastikan SPR yang menikmati keyakinan awam (Perkara 114(2)). Ahli SPR akan tamat tempoh jawatan apabila mencapai umur 66 tahun atau apabila hilang kelayakan, boleh meletak jawatan pada bila-bila masa melalui surat kepada Yang di-Pertuan Agong, dan tidak boleh dipecat kecuali atas alasan serta mengikut tatacara yang sama seperti pemecatan hakim Mahkamah Persekutuan (Perkara 114(3)). Walau bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menyingkirkan mana-mana ahli SPR melalui perintah jika ahli tersebut ialah bankrap yang belum dilepaskan, memegang jawatan/pekerjaan bergaji di luar tugas jawatan SPR, atau menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (Perkara 114(4)(a)–(c)). Selain itu, pengerusi SPR mempunyai larangan tambahan: selepas tiga bulan dilantik atau pada bila-bila masa selepas itu, pengerusi tidak boleh menjadi ahli lembaga pengarah/pengurusan, pegawai atau pekerja, atau terlibat dalam urusan mana-mana organisasi/badan atau perusahaan komersial/industri/apa-apa usaha niaga, sama ada menerima imbuhan atau tidak; pengecualian hanya terpakai jika penglibatan itu melibatkan kerja kebajikan/sukarela/amal atau sosial yang bermanfaat kepada masyarakat dan pengerusi tidak menerima sebarang ganjaran (Perkara 114(4A)). Perkara 114 juga menetapkan bahawa Parlimen hendaklah menggubal undang-undang mengenai saraan ahli SPR dan saraan itu hendaklah dicajkan kepada Kumpulan Wang Disatukan (Perkara 114(5)); serta Parlimen boleh, tertakluk kepada Perkara 114, menetapkan terma jawatan lain bagi ahli SPR selain saraan (Perkara 114(5A)). Saraan dan terma jawatan seseorang ahli SPR tidak boleh diubah sehingga memudaratkannya selepas pelantikan (Perkara 114(6)). Akhir sekali, jika pengerusi SPR diberi cuti atau tidak dapat menjalankan fungsinya kerana ketiadaan di Persekutuan, sakit atau sebab lain, timbalan pengerusi akan menjalankan fungsi pengerusi; dan jika timbalan pengerusi juga tidak dapat menjalankan fungsi tersebut, Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang ahli SPR untuk menjalankan fungsi pengerusi bagi tempoh berkenaan (Perkara 114(7)).

[107] Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (n.d.). *Sejarah penubuhan Suruhan Jaya Pilihan Raya*. Retrieved December 30, 2025, from https://spr.gov.my/sejarah-penubuhan-suruhan-jaya-pilihan-raya/

Peruntukan kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan (yang lazimnya menjadi latar normatif kepada aktiviti parti dan kempen melalui **Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan**) perlu dibaca bersama sekatan yang dibenarkan oleh undang-undang.[108] Ini bermakna, RUU pendanaan politik yang memperkenalkan had derma/perbelanjaan atau kewajipan pendedahan perlu dirangka secara berkadar (*proportionate*) dan menyasar objektif sah seperti pencegahan rasuah dan ketelusan, tanpa bersifat "*overbreadth*" yang menekan hak demokratik yang dijamin Perlembagaan Persekutuan.

Pertimbangan terhadap prinsip "*proportionality*" dalam suatu undang-undang berkenaan hak demokrasi ini ditegaskan oleh Mahkamah Persekutuan baru-baru ini dalam kes ***Amir Hariri Abd Hadi v PP*** **[2025] 7 CLJ 353 (Mahkamah Persekutuan, 1 Julai 2025)**, di mana dalam kes ini, pemohon telah menganjurkan satu perhimpunan aman bagi membantah satu kontrak Kementerian Pertahanan yang didakwa skandal kerana tidak dilaksanakan. Perhimpunan tersebut berakhir secara aman, namun pemohon kemudian didakwa di Mahkamah Majistret di bawah s. 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA 2012) kerana menganjurkan perhimpunan tanpa notis awal seperti yang dikehendaki oleh s. 9(1). Tiada peserta

[108] Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tiga kebebasan asas warganegara, iaitu kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat (Perkara 10(1)(a)), hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata (Perkara 10(1)(b)), serta hak untuk menubuhkan persatuan (Perkara 10(1)(c)), tertakluk kepada beberapa pengecualian yang dinyatakan. Perlembagaan memberi kuasa kepada Parlimen untuk mengenakan sekatan melalui undang-undang terhadap kebebasan bersuara demi keselamatan Persekutuan, hubungan baik dengan negara lain, ketenteraman awam atau moral, serta bagi melindungi keistimewaan Parlimen/DUN, mencegah penghinaan mahkamah, fitnah atau hasutan kepada apa-apa kesalahan (Perkara 10(2)(a)). Bagi hak berhimpun, Parlimen juga boleh mengenakan sekatan yang dianggap perlu atau suai manfaat demi keselamatan dan ketenteraman awam (Perkara 10(2)(b)). Bagi hak berpersatuan, sekatan boleh dikenakan demi keselamatan, ketenteraman awam atau moral (Perkara 10(2)(c)), dan sekatan tambahan terhadap hak berpersatuan juga boleh dibuat melalui undang-undang yang berkaitan dengan buruh atau pendidikan (Perkara 10(3)). Selain itu, bagi ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, hak berpersatuan tertakluk kepada sekatan khusus di bawah Perkara 49A dan Seksyen 7A Jadual Kelapan (Perkara 10(3A)). Perkara 10 turut membenarkan Parlimen, ketika mengenakan sekatan atas alasan keselamatan atau ketenteraman awam, menggubal undang-undang yang melarang persoalan terhadap perkara tertentu yang telah ditetapkan atau dilindungi oleh Peruntukan Bahagian III, Perkara 152, 153 atau 181, kecuali setakat yang berkaitan dengan pelaksanaannya sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang tersebut (Perkara 10(4)).

lain didakwa, hanya pemohon sebagai penganjur. Pemohon memohon rujukan perlembagaan, dan akhirnya persoalan perlembagaan dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan: sama ada s. 9(5) bercanggah dengan Perkara 10(1)(b) (hak berhimpun secara aman) dibaca bersama Perkara 10(2)(b) (kuasa Parlimen mengenakan sekatan demi keselamatan/ketenteraman awam) serta Perkara 8(1) (kesamarataan), dan seterusnya terbatal di bawah Perkara 4(1).

Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa s. 9(5) adalah tidak berperlembagaan dan terbatal serta tidak sah, kerana ia merupakan sekatan yang mendiskriminasi dan tidak seimbang (*disproportionate*) terhadap hak berhimpun secara aman. Hal ini dinyatakan seperti berikut:

> *"[52] Proportionality as espoused in the overriding provisions on equality and equal protection of the law in art. 8(1)* ***advocates for a substantive limit against the power of Parliament to legislate as it pleases under the guise of valid legislative restrictions of fundamental liberties****.*
> ...
> *[56] In other words, the doctrine of proportionality that* ***ensures that legislation or executive action must not only be objectively fair but must also be proportionate to the object sought to be achieved*** *was adopted by the Federal Court (Azmi Sharom, at [42]). And hence, the emphatic articulation of proportionality in Alma Nudo though made in relation to arts. 5(1) and 8(1) applies with equal force to and in the same way for art. 10(2) read with art. 8(1).*
>
> *[57] Therefore, based on the state of the law as it presently stands, any laws passed by Parliament are not simply rendered valid because they are passed for the reasons stated in art. 10(2) but that* ***they must also be objectively fair and proportionate to the aim and reasons for those restrictions****."*

Mahkamah menegaskan bahawa walaupun niat APA 2012 ialah memelihara hak berhimpun, penguatkuasaan melalui s. 9(5) (hukuman jenayah kerana gagal beri notis) tidak selari dengan niat tersebut, kerana penganjur boleh dihukum walaupun perhimpunan berlangsung dan berakhir secara aman. Mahkamah juga menyatakan s. 9(5) lebih menyerupai "larangan menyeluruh" (*blanket prohibition*) berbanding "sekatan" (*restriction*). Mahkamah menegaskan bahawa walaupun

Perkara 10(2)(b) memberi ruang kepada Parlimen mengenakan sekatan, sekatan itu tidak boleh melampau; ia mesti lulus *proportionality test* (dibaca bersama Perkara 8(1)). Sekatan yang terlalu keras sehingga memadam atau melemahkan inti hak dianggap tidak sah.

Kes *Amir Hariri* memberi amaran perlembagaan bahawa undang-undang yang mengawal aktiviti politik tidak boleh menggunakan larangan, sekatan atau penalti yang bersifat "menghukum secara menyeluruh" sehingga mewujudkan kesan menakutkan dan menekan penggunaan hak demokratik. Sebaliknya, **sekatan mesti dirangka sebagai pengawalseliaan yang berkadar munasabah, jelas, dan adil.** Dalam konteks RUU pendanaan politik, prinsip ini memandu bagaimana kewajipan pendedahan, had sumbangan, pengauditan, dan rejim kesalahan perlu dibina, dengan membezakan pelanggaran teknikal atau salah laku berniat jahat, serta memilih mekanisme penguatkuasaan berperingkat yang mencapai ketelusan tanpa "membekukan" penyertaan politik yang sah.

Rumusannya, Perlembagaan menyediakan asas institusi pilihan raya, namun ketiadaan rangka pendanaan politik di peringkat perlembagaan menyebabkan kawal selia semasa bersifat "*patchwork*", dan membuka ruang pertikaian dasar tentang lokasi kuasa, mekanisme semak imbang, dan piawaian (*standard*) kebertanggungjawaban.

3.3.2 AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957 (AKTA 31)

Akta 31 pada asasnya memberi peruntukan tentang saraan, keistimewaan dan perlindungan anggota SPR serta kesalahan yang berkait langsung dengan SPR. Ini dapat dilihat melalui susunan peruntukan atau seksyen yang memberi tumpuan pada integriti hubungan dengan SPR, misalnya kesalahan memberi maklumat palsu, larangan penzahiran maklumat tanpa kebenaran, dan larangan mempengaruhi keputusan SPR.

Peruntukan yang relevan secara tidak langsung kepada pembiayaan politik adalah seperti berikut:

a) Seksyen 8 mewujudkan kesalahan memberi maklumat palsu/mengelirukan kepada SPR ketika SPR menjalankan fungsinya.
b) Seksyen 9 mengehadkan penyiaran/penzahiran maklumat berkaitan fungsi-fungsi SPR tanpa kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong.
c) Seksyen 10 menjadikan perbuatan mempengaruhi atau cuba mempengaruhi keputusan SPR sebagai kesalahan.
d) Seksyen 11 meletakkan syarat keizinan Pendakwa Raya untuk pendakwaan di bawah Akta 31.

Akta 31 melindungi SPR daripada pengaruh dan salah guna maklumat, tetapi ia bukan akta pendanaan politik. Malah, sekatan penzahiran tertentu (sekiranya dibaca luas) boleh menguatkan budaya kerahsiaan, sedangkan pendanaan politik moden lazimnya memerlukan ketelusan proaktif. Ini menimbulkan isyarat penting iaitu jika RUU pendanaan politik menugaskan SPR sebagai badan kawal selia, maka mekanisme pendedahan awam perlu diperjelas agar tidak disekat oleh orientasi kerahsiaan institusi.

3.3.3 AKTA PILIHAN RAYA 1958 (AKTA 19)

Akta 19 ialah "tulang belakang" pentadbiran pilihan raya. Ia memperuntukkan pelantikan pegawai-pegawai pilihan raya dan meletakkan fungsi kawalan/penyeliaan pilihan raya pada SPR. Contohnya, seksyen 3 bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) boleh melantik pegawai-pegawai bagi memastikan fungsi dan operasi pilihan raya dapat dilaksanakan dengan teratur, tertakluk kepada Perkara 115(1) Perlembagaan Persekutuan. Kuasa pelantikan tersebut merangkumi pelantikan Setiausaha serta pegawai sekretariat seperti Timbalan Setiausaha, Penolong Setiausaha Kanan dan Penolong Setiausaha (Seksyen 3(a)); pelantikan Pegawai Pilihan Raya Negeri serta Timbalan Pegawai Pilihan Raya Negeri bagi setiap negeri (Seksyen 3(b)); pelantikan Pegawai

Pengurus (returning officer) dan Penolong Pegawai Pengurus bagi setiap kawasan pilihan raya (Seksyen 3(c)); serta pelantikan Pegawai Penguat Kuasa dan Penolong Pegawai Penguat Kuasa bagi setiap kawasan pilihan raya (Seksyen 3(d)).

Akta 19 memperincikan tugas SPR (melalui seksyen 5) untuk menjalankan kawalan dan penyeliaan pilihan raya serta pendaftaran pemilih, dan memastikan pegawai pilihan raya bertindak adil dan tidak berat sebelah. Ini menunjukkan bahawa mandat teras SPR adalah "*electoral administration integrity*", bukan "*political finance integrity*".[109]

Bahagian peraturan (melalui seksyen 16) di bawah Akta 19 penting kerana SPR boleh membuat peraturan bagi penjalanan pilihan raya (dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong).[110] Antara yang sangat signifikan ialah peruntukan yang

[109] Peruntukan Seksyen 5 Akta 19 ini menetapkan bahawa SPR mempunyai kuasa dan tanggungjawab utama untuk mengawal serta menyelia perjalanan pilihan raya dan pendaftaran pemilih, termasuk memastikan semua pegawai pilihan raya bertindak secara adil, tidak berat sebelah dan mematuhi Bahagian VIII Perlembagaan Persekutuan, Akta ini serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya (Seksyen 5(1)(a)). Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan, SPR juga diberi kuasa mengeluarkan apa-apa arahan kepada pegawai pilihan raya yang dianggap perlu bagi menjayakan pelaksanaan Bahagian VIII Perlembagaan, Akta ini dan peraturan-peraturan berkaitan (Seksyen 5(1)(b)). Selain itu, SPR mempunyai kuasa mentadbir sumpah yang dikehendaki di bawah Akta atau peraturan-peraturan tersebut (Seksyen 5(1)(c)), serta melaksanakan semua kuasa dan menjalankan apa-apa tugas lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Akta dan peraturan-peraturan berkenaan (Seksyen 5(1)(d)). Di samping itu, SPR boleh mewakilkan (delegate) mana-mana kuasa dan tugas yang diberikan oleh Akta atau peraturan-peraturan kepada mana-mana orang atau pegawai yang difikirkan sesuai, tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan oleh SPR (Seksyen 5(2)). Walau bagaimanapun, kuasa mewakilkan ini tidak meliputi kuasa membuat peraturan di bawah Akta (Seksyen 5(2)(a)), dan apa-apa perwakilan tidak menjejaskan kuasa SPR untuk terus melaksanakan sendiri kuasa atau tugas tersebut (Seksyen 5(2)(b)).

[110] Peruntukan Seksyen 16 ini memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, untuk menggubal peraturan-peraturan berkaitan penjalanan pilihan raya ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri serta segala perkara yang berkaitan secara sampingan (Seksyen 16(1)). Kuasa ini dihuraikan dengan memperincikan skop peraturan yang boleh dibuat, termasuk menetapkan cara notis pilihan raya dikeluarkan (Seksyen 16(2)(a)); tatacara penamaan calon serta kaedah membuat dan memutuskan bantahan terhadap penamaan (Seksyen 16(2)(b)); dan prosedur kelulusan simbol pilihan raya oleh SPR, dengan larangan bahawa SPR tidak boleh meluluskan simbol yang berkaitan dengan mana-mana agama atau mazhab, atau yang bercanggah dengan ketenteraman dan moral (Seksyen 16(2)(bb)). Peraturan juga boleh mengurus penerbitan notis tarikh pengundian bagi pilihan raya yang dipertandingkan (Seksyen 16(2)(c)), menetapkan jumlah deposit calon (tidak melebihi RM20,000) serta keadaan deposit boleh dilucutkan (Seksyen 16(2)(d)), dan menetapkan kemudahan di pusat mengundi, pihak yang boleh masuk ke pusat mengundi pada hari pengundian, serta pelantikan ketua tempat mengundi (presiding officer) dan pegawai/staf lain bagi setiap pusat mengundi (Seksyen 16(2)(e)).
Selain itu, peraturan boleh menetapkan tempat dan cara undi dibuang, termasuk pembinaan serta langkah memastikan peti undi selamat dan tatacara pengeluaran kertas undi kepada pemilih (Seksyen 16(2)(f));

membolehkan peraturan menentukan bahawa perbuatan tertentu disifatkan sebagai perbuatan menyalahi undang-undang bagi maksud Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Seksyen 16(2)(o)).

Ini bermakna, dari sudut reka bentuk sistem, terdapat mekanisme hubung kait antara Akta 19 (pentadbiran) dan Akta Kesalahan Pilihan Raya (Akta 5) (berkenaan kesalahan, termasuk perbelanjaan). Namun, tanpa akta pendanaan politik khusus, kuasa peraturan ini cenderung digunakan untuk tatacara pilihan raya, bukan mewujudkan rejim pendanaan parti yang menyeluruh pada semua keadaan dan masa.

Akta 19 juga memperuntukkan penyediaan, penyiaran dan semakan daftar pemilih (contohnya seksyen 9). Bahagian peraturan (melalui seksyen 15) di bawah Akta 19 penting kerana SPR boleh membuat peraturan bagi pendaftaran pengndi (dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong).[111] Hal ini penting bagi integriti pilihan

---

tatacara menentukan identiti seseorang yang mendakwa mahu mengundi serta siapa yang berkuasa membuat penentuan tersebut (Seksyen 16(2)(g)); bentuk kertas undi dan keratan kawalan (counterfoils) (Seksyen 16(2)(h)); serta cara mengurus peti undi, kertas undi tidak digunakan atau rosak, salinan daftar pemilih yang ditanda, keratan kawalan, dan dokumen lain selepas pengundian ditutup (Seksyen 16(2)(i)). Peraturan juga boleh menetapkan prosedur pengiraan undi dan keadaan undi boleh ditolak sebagai tidak sah oleh pegawai pengurus (returning officer) atau ketua tempat mengundi (Seksyen 16(2)(j)), serta tatacara penyediaan dan penerbitan keputusan/penyata pengundian oleh pegawai pengurus (Seksyen 16(2)(k)). Di samping itu, peraturan boleh menetapkan borang-borang yang perlu atau wajar digunakan (Seksyen 16(2)(l)), syarat penggunaan kenderaan persendirian semasa pilihan raya (Seksyen 16(2)(m)), serta kemudahan undi pos dan kategori pemilih yang layak mengundi melalui pos (Seksyen 16(2)(n)). Pentingnya, peruntukan ini juga membolehkan peraturan menetapkan bahawa perbuatan tertentu dianggap sebagai "amalan menyalahi undang-undang (illegal practices)" bagi tujuan penguatkuasaan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Seksyen 16(2)(o)).
Akhir sekali, jika mana-mana peraturan di bawah seksyen ini mensyaratkan seseorang membuat akuan berkanun berkaitan penamaan dirinya sebagai calon, maka Pegawai Pilihan Raya Negeri bagi negeri berkenaan atau Pegawai Pengurus bagi kawasan pilihan raya tersebut boleh mengambil dan menerima akuan berkanun itu, dan akuan tersebut dianggap sebagai akuan yang dibuat di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 (Seksyen 16(3)(a)–(b)).

[111] Peruntukan Seksyen 15 ini memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, untuk menggubal peraturan-peraturan berkaitan pendaftaran pemilih serta segala perkara yang berkaitan secara sampingan (Seksyen 15(1)). Kuasa ini kemudiannya dihuraikan secara lebih terperinci dengan menyatakan bahawa peraturan yang dibuat boleh meliputi, antara lain, penetapan cara penyimpanan dan penyelenggaraan daftar pemilih mengikut mana-mana kawasan pilihan raya termasuk jenis serta bentuk daftar tersebut (Seksyen 15(2)(a)); penetapan tatacara penyediaan dan penerbitan daftar pemilih (Seksyen 15(2)(b)); penetapan masa daftar disediakan atau disemak semula serta prosedur semakan itu (Seksyen 15(2)(c)); serta tatacara menyediakan dan menerbitkan daftar baharu bagi kawasan

raya, tetapi hanya menyentuh pendanaan politik secara tidak langsung (misalnya, isu dana kempen yang mempengaruhi akses dan mobilisasi pengundi).

Secara amnya, Akta 19 menyediakan struktur institusi dan kuasa peraturan yang boleh menjadi "platform" atau batu loncatan kepada reformasi pendanaan politik, tetapi ia tidak memadai untuk menggantikan sebuah RUU pendanaan politik kerana ia tidak menetapkan prinsip dan obligasi teras (termasuk derma, pendedahan, audit, penguatkuasaan kewangan).

3.3.4 AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954 (AKTA 5)

Akta 5 ialah antara undang-undang teras apabila menyentuh konteks pendanaan kempen. Namun, struktur Akta 5 menampakkan fokus utama: mengawal salah laku semasa tempoh berkempen dalam pilihan raya dan berpusatkan perbelanjaan calon (*candidate-centred*), serta bukan mengawal selia sistem kewangan parti secara menyeluruh. Istilah "campaign period" pula merujuk tempoh sah kempen pilihan raya bagi seseorang calon atau ejen pilihan rayanya

---

pilihan raya jika sempadan kawasan itu ditetapkan atau diubah selepas daftar sedia ada disediakan (Seksyen 15(2)(d)).

Peruntukan ini juga membolehkan SPR menetapkan prosedur bagi tuntutan untuk memasukkan nama dalam daftar pemilih (termasuk daftar baharu atau daftar yang disemak), serta prosedur bantahan terhadap kemasukan nama tersebut (Seksyen 15(2)(e)). Bagi melindungi individu daripada bantahan yang tidak munasabah, peraturan boleh memperuntukkan bayaran pampasan (tidak melebihi RM1,000) kepada mana-mana orang yang terkilan akibat bantahan tanpa sebab munasabah terhadap kemasukan namanya dalam daftar, yang perlu dibayar oleh pihak yang membuat bantahan itu (Seksyen 15(2)(f)). Di samping itu, peraturan boleh menetapkan borang permohonan, notis atau dokumen lain yang perlu atau wajar digunakan bagi perkara-perkara di bawah seksyen ini (Seksyen 15(2)(g)).

Selanjutnya, peraturan boleh memberi kuasa kepada Pendaftar atau Pegawai Pengadil, bagi tujuan mempertimbangkan atau memutuskan permohonan, tuntutan, bantahan atau rayuan di bawah peraturan tersebut, untuk memanggil mana-mana orang hadir memberi keterangan atas sumpah/akuan berkanun, mentadbir sumpah/akuan berkanun itu, serta mengarahkan pengemukaan dokumen yang relevan (Seksyen 15(2)(h)). Peraturan juga boleh menetapkan fi yang perlu dibayar bagi mana-mana permohonan, notis, tuntutan atau bantahan serta kaedah pelupusan fi tersebut (Seksyen 15(2)(i)); menetapkan cara sesuatu daftar pemilih (termasuk daftar baharu atau disemak) diperakui (Seksyen 15(2)(j)); memperuntukkan pembetulan kesilapan kerani dalam daftar (Seksyen 15(2)(k)); serta membenarkan atau mewajibkan Pendaftar membekalkan salinan daftar pemilih atau sebahagiannya kepada pihak-pihak tertentu sama ada secara percuma atau dengan bayaran fi yang ditetapkan (Seksyen 15(2)(l)). Akhir sekali, peraturan boleh memperuntukkan pembahagian kawasan pilihan raya kepada unit-unit pendaftaran (Seksyen 15(2)(n)).

di kawasan pilihan raya tersebut, iaitu bermula apabila Pegawai Pengurus mengisytiharkan bahawa pengundian akan diadakan di kawasan itu, dan berakhir pada tamat hari sebelum hari mengundi (Seksyen 2(1), “campaign period”).

Akta 5 memperuntukkan kesalahan seperti:

i. Seksyen 7 – Penyamar (*Personation*): Seksyen ini meletakkan perbuatan menyamar sebagai pengundi lain untuk mendapatkan kertas undi, sama ada menggunakan nama orang yang masih hidup, telah meninggal dunia, atau nama rekaan sebagai satu kesalah jenayah (Seksyen 7). Ia juga meliputi situasi seseorang yang telah mengundi sekali, kemudian memohon kertas undi sekali lagi dalam pilihan raya yang sama atas namanya sendiri (Seksyen 7). Kesalahan ini menumpu pada penipuan identiti dalam proses pengundian.

ii. Seksyen 8 – Jamuan (Treating): Seksyen ini mentakrif dan menjadikan sebagai kesalahan amalan memberi jamuan/imbuhan untuk mempengaruhi undi secara rasuah. Kesalahan berlaku apabila seseorang, dengan niat rasuah, sama ada sebelum, semasa atau selepas pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, memberi/menyediakan makanan, minuman, jamuan, bekalan, atau memberi wang/tiket/apa-apa cara untuk membolehkan seseorang memperoleh jamuan tersebut, bagi tujuan mempengaruhi seseorang itu (atau orang lain) supaya mengundi atau tidak mengundi, atau sebagai “ganjaran” kerana telah mengundi/tidak mengundi (Seksyen 8). Seksyen ini turut memerangkap pihak penerima: pengundi yang secara rasuah menerima jamuan/wang/kemudahan tersebut juga bersalah (Seksyen 8).

iii. Seksyen 9 – Pengaruh Tidak Wajar (Undue Influence): Seksyen ini melarang apa-apa bentuk paksaan, ancaman atau helah untuk menjejaskan kebebasan pengundi. Seseorang melakukan kesalahan jika, sebelum, semasa atau selepas pilihan raya, menggunakan atau mengancam

menggunakan kekerasan, keganasan, sekatan, atau mengancam/mengenakan mudarat (termasuk mudarat "temporal atau spiritual") untuk memaksa atau mendorong seseorang mengundi atau tidak mengundi, atau sebagai tindak balas terhadap cara seseorang mengundi (Seksyen 9(1)). Ia juga meliputi perbuatan menghalang kebebasan mengundi melalui penculikan, paksaan (duress), atau tipu daya, serta apa-apa cubaan mengganggu kebebasan pelaksanaan hak pilihan raya (Seksyen 9(1)). Tambahan pula, seseorang dianggap mengganggu kebebasan hak pilihan raya jika dia mendorong seseorang percaya bahawa dirinya (atau orang yang berkepentingan baginya) akan ditimpa kemurkaan Tuhan atau "spiritual censure" jika mengundi dengan cara tertentu (Seksyen 9(2)).

iv. Seksyen 10 – Rasuah (Bribery): Seksyen ini memperincikan kategori-kategori perbuatan yang dianggap sebagai rasuah pilihan raya. Antara bentuk utama ialah: memberi/menawarkan/berjanji memberikan wang atau balasan bernilai untuk mendorong pengundi mengundi atau tidak mengundi, atau sebagai ganjaran kerana telah mengundi/tidak mengundi (Seksyen 10(a)); menawarkan jawatan/pekerjaan untuk tujuan yang sama (Seksyen 10(b)); memberi apa-apa suapan untuk mendorong seseorang mendapatkan undi bagi pihak calon (Seksyen 10(c)) atau bertindak mendapatkan undi sebagai balasan suapan (Seksyen 10(d)); menyalurkan dana dengan niat ia dibelanjakan untuk rasuah, atau membayar balik perbelanjaan rasuah yang telah dibuat (Seksyen 10(e)); pengundi yang menerima/bersetuju menerima suapan sebagai balasan mengundi atau tidak mengundi juga melakukan kesalahan (Seksyen 10(f)); menerima wang selepas pilihan raya sebagai ganjaran kerana seseorang telah mengundi/tidak mengundi atau mempengaruhi orang lain mengundi/tidak mengundi (Seksyen 10(g)); meminta suapan/ganjaran daripada calon/ejen sebagai bayaran kerana mengundi atau membantu kempen (Seksyen

10(h)); serta memberi suapan untuk mempengaruhi seseorang supaya bersetuju dicalonkan, enggan menjadi calon, atau menarik diri sebagai calon (Seksyen 10(i)).

Selain kesalahan, Seksyen 11 memperuntukkan tentang Hukuman dan Ketidaklayakan bagi "Corrupt Practice" seperti berikut:

i. Seksyen ini mengklasifikasikan beberapa perbuatan sebagai "corrupt practice" dan menetapkan hukuman serta akibat kelayakan pilihan raya. Seseorang bersalah melakukan "corrupt practice" jika melakukan personation atau bersubahat dengannya (Seksyen 11(1)(a)); melakukan penyogokan (*treating),* pengaruh tidak wajar (*undue influence*) atau pemberian rasuah (*bribery*) (Seksyen 11(1)(b)); menerbit/edar bahan kempen (iklan/*handbill/placard/poster*) tanpa menyatakan nama dan alamat pencetak serta penerbit (Seksyen 11(1)(c)); membuat/menyiarkan kenyataan fakta palsu tentang karakter/perlakuan peribadi calon untuk mempengaruhi keputusan (Seksyen 11(1)(d)); membuat/menyiarkan kenyataan palsu tentang penarikan diri calon lain (Seksyen 11(1)(e)); atau calon/ejen pilihan raya yang dengan sengaja membuat perisytiharan perbelanjaan pilihan raya di bawah s.23 secara palsu (Seksyen 11(1)(f)). Bagi kes di bawah (a) dan (b), hukuman ialah penjara sehingga 2 tahun serta denda minimum RM1,000 dan maksimum RM5,000 (Seksyen 11(1)); manakala bagi kategori lain, penjara sehingga 1 tahun dan denda sehingga RM2,000 (Seksyen 11(1)). Kesalahan di bawah (a) dan (b) juga ialah kesalahan boleh tangkap (seizable) di bawah Kanun Tatacara Jenayah (Seksyen 11(1)).

ii. Dari segi implikasi kelayakan, sabitan "corrupt practice" menyebabkan seseorang menjadi tidak layak untuk didaftarkan sebagai pemilih/ mengundi/ dipilih dalam pilihan raya; dan jika ketika sabitan itu dia memegang kerusi, kerusinya akan terlucut mulai tarikh sabitan (Seksyen

11(2)). Ketidaklayakan ini tamat selepas 5 tahun dari tarikh sabitan (Seksyen 11(2), proviso). Akhir sekali, pendakwaan bagi "corrupt practice" (kecuali yang ditakrifkan di bawah Seksyen 11(1)(d) dan 11(1)(e)) tidak boleh dimulakan tanpa keizinan Pendakwa Raya (Seksyen 11(3)).

Akta 5, dalam Bahagian IV, menstrukturkan perbelanjaan kempen melalui konsep ejen pilihan raya, misalnya perlantikan ejen (seksyen 12), dan peruntukan bahawa urusan kontrak/perbelanjaan tertentu perlu melalui ejen (seksyen 14). Ini satu bentuk kawalan, tetapi ia masih berorientasikan calon.

Akta 5 mengenal pasti perbelanjaan/tingkah laku tertentu sebagai menyalahi undang-undang dalam konteks kempen, termasuk larangan tertentu semasa tempoh kempen.[112] Namun, tanpa definisi dan rejim pelaporan yang mengikat

[112] Seksyen 15A memperuntukkan prinsip asas bahawa sepanjang tempoh kempen, perbelanjaan yang bertujuan mempromosi atau mendapatkan kemenangan seseorang calon tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya oleh orang luar, sebaliknya hanya boleh ditanggung oleh pihak yang "diiktiraf" di bawah rangka undang-undang pilihan raya. Secara khusus, larangan utama menetapkan bahawa tiada perbelanjaan boleh ditanggung oleh mana-mana orang selain (i) calon itu sendiri, (ii) ejen pilihan rayanya, atau (iii) individu yang diberi kuasa secara bertulis oleh ejen pilihan raya, bagi tujuan-tujuan tertentu yang lazimnya merupakan aktiviti kempen utama (Seksyen 15A(1)). Ini menunjukkan matlamat kawal selia untuk mengekang perbelanjaan pihak ketiga yang boleh mempengaruhi pilihan raya tanpa kawalan dan tanpa akauntabiliti kepada sistem pelaporan calon.
Dari segi skop, perbelanjaan yang dilarang bagi pihak selain pihak yang dibenarkan itu merangkumi perbelanjaan berkaitan penganjuran atau pengendalian apa-apa mesyuarat awam terbuka, rapat umum terbuka, pameran terbuka, hiburan terbuka, atau pemberian ucapan/ceramah terbuka (Seksyen 15A(1)(a)); perbelanjaan mencetak atau mengeluarkan iklan, pekeliling atau penerbitan (Seksyen 15A(1)(b)); serta apa-apa perbelanjaan lain yang bertujuan "membentangkan" calon kepada pengundi—sama ada menonjolkan calon atau pandangannya, menunjukkan tahap sokongan terhadap calon, atau memburukkan calon lain (Seksyen 15A(1)(c)). Walau bagaimanapun, perenggan (c) ini mempunyai pengecualian penting: ia tidak menyekat penerbitan oleh surat khabar atau terbitan berkala mengenai apa-apa perkara berkaitan pilihan raya (Seksyen 15A(1)(c)(i)), dan ia juga tidak terpakai kepada perbelanjaan peribadi seperti kos perjalanan atau kos tinggal jauh dari rumah, atau perbelanjaan peribadi yang seumpamanya (Seksyen 15A(1)(c)(ii)). Pengecualian ini menunjukkan cubaan undang-undang untuk membezakan antara kempen "berbayar/terancang" dan aktiviti penerbitan media/komentar umum serta kos peribadi biasa yang tidak semestinya bersifat pembiayaan kempen tersusun.
Seksyen ini juga mewujudkan mekanisme pelaporan bagi pihak ketiga yang dibenarkan berbelanja melalui kuasa bertulis ejen pilihan raya. Jika seseorang menanggung perbelanjaan yang memerlukan kebenaran ejen pilihan raya di bawah Seksyen 15A(1), orang itu mesti, dalam tempoh 14 hari selepas tarikh keputusan pilihan raya disiarkan dalam Warta, menghantar kepada ejen pilihan raya suatu penyata (return) yang disertakan dengan deklarasi mengesahkan penyata tersebut dan memperincikan perkara-perkara yang dibelanjakan (Seksyen 15A(2)). Jika perbelanjaan itu dibuat oleh suatu pertubuhan atau badan orang-orang, deklarasi itu boleh dibuat oleh pegawai utama seperti pengarah, pengurus besar, setiausaha atau pegawai seumpamanya (Seksyen 15A(2)). Namun, kewajipan ini tidak terpakai kepada individu yang

parti, larangan ini boleh dipintas melalui perbelanjaan parti, proksi, atau pihak ketiga.

Seksyen 19 menjadikan perbelanjaan yang melebihi maksimum sebagai amalan salah ("illegal practice") dan menetapkan had:

a) RM200,000 (Parlimen),
b) RM100,000 (DUN),
c) RM10,000 (PBT selain majlis tempatan),
d) RM3,000 (majlis tempatan).

Dalam hemat kajian ini, kajian mendapati bahawa:

1. Had di bawah Akta ini hanya mengikat calon, sedangkan realiti kempen moden melibatkan jentera parti (pusat, negeri, kawasan), rangkaian penyokong dan kempen digital yang tidak semestinya direkod sebagai perbelanjaan calon.
2. Had berangka seperti ini mudah menjadi "angka undang-undang" yang terpisah daripada kos sebenar kempen, terutama apabila bentuk kempen berubah (media sosial, *microtargeting, influencer*, pengiklanan digital).

Akta 5 mewajibkan calon menyerahkan penyata perbelanjaan dan deklarasi (return and declaration) (Seksyen 23). Pada masa yang sama, Seksyen 24 memberi

---

diupah atau diambil bekerja dengan bayaran/ janji bayaran oleh calon atau ejen pilihan raya—yakni mereka yang pada asasnya merupakan pekerja/kontraktor kempen yang berada dalam hubungan pekerjaan berbayar (Seksyen 15A(2), proviso).
Seterusnya, undang-undang memastikan semua perbelanjaan pihak ketiga yang dibenarkan itu "ditarik masuk" ke dalam akaun rasmi calon melalui ejen pilihan raya. Perbelanjaan yang ditunjukkan dalam penyata pihak ketiga tadi hendaklah dimasukkan dalam penyata perbelanjaan yang dibuat oleh ejen pilihan raya di bawah Seksyen 23(1), dan surat kuasa (authority) yang diterima daripada ejen pilihan raya hendaklah dilampirkan serta dianggap sebagai sebahagian daripada penyata ejen tersebut (Seksyen 15A(3)). Akhirnya, Seksyen 15A menetapkan dua bentuk salah laku yang diklasifikasikan sebagai "illegal practice": (i) menanggung perbelanjaan yang bercanggah dengan Seksyen 15A, dan/atau (ii) membuat deklarasi di bawah Seksyen 15A(2) yang palsu—iaitu deklarasi yang diketahui palsu, dipercayai palsu, atau dibuat tanpa mempercayai kebenarannya (Seksyen 15A(4)).

ruang pemeriksaan awam, tetapi bersifat terhad dari segi masa dan bentuk: penyata yang didepositkan boleh diperiksa dalam tempoh tertentu (contohnya enam bulan) dan tertakluk kepada fi/aturan pemeriksaan. Mekanisme *"public inspection"* ini tidak sama dengan rejim ketelusan moden yang menuntut pendedahan proaktif (contohnya pangkalan data dalam talian, format seragam, laporan penderma, dan akses masa nyata/berjangka pendek selepas penerimaan dana).

Akta 5 turut memperuntukkan struktur penguatkuasaan (termasuk pasukan penguatkuasa) dan menghubungkan pelantikan pegawai penguat kuasa di bawah Akta 19 (Bahagian IVA). Namun dalam amalan, penyiasatan kesalahan pilihan raya juga bergantung pada agensi lain mengikut jenis kesalahan (polis, SPRM, dll.). Penguatkuasaan berbilang agensi boleh menjadi kekuatan, tetapi juga menghasilkan kekaburan bidang kuasa dan pemilikan (*jurisdiction and ownership*) iaitu agensi manakah yang akan menjadi agensi utama untuk kes-kes berkaitan pendanaan politik? Dalam konteks RUU, kekaburan ini biasanya membawa kepada masalah "*accountability gap*", pertindihan, atau jurang tindakan.

3.3.5 AKTA PERTUBUHAN 1966 (SEMAKAN 2021) (AKTA 832)

Parti politik lazimnya didaftarkan sebagai pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 832). Di bawah Akta ini, istilah "*political party*" ditakrifkan sebagai mana-mana pertubuhan yang, melalui objektif atau peraturannya, memperuntukkan penyertaan dalam pilihan raya melalui calon-calonnya, sama ada untuk pilihan raya Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri, atau pihak berkuasa tempatan, atau yang memperuntukkan usaha untuk mendapatkan pelantikan atau pemilihan seseorang yang dicadangkan atau disokongnya ke Dewan Negara (Seksyen 2, "political party"(a)). Takrif ini penting kerana ia menegaskan bahawa sesuatu pertubuhan boleh dianggap parti politik walaupun peruntukan berkaitan penyertaan pilihan raya itu bukan objektif utama,

sebaliknya hanya objektif/peraturan sampingan kepada objektif utama (Seksyen 2, "political party"(a)). Selain itu, sesuatu pertubuhan juga dikira sebagai parti politik jika, meskipun tiada apa-apa dalam objektif atau peraturannya yang menyatakan demikian, ia secara amalan menjalankan aktiviti atau mengejar tujuan yang melibatkan penyertaan dalam pilihan raya melalui calon-calonnya, atau melibatkan usaha mendapatkan pelantikan/pemilihan ke Dewan Negara bagi individu yang dicadang atau disokongnya (Seksyen 2, "political party"(b)). Secara ringkas, takrif "political party" merangkumi dua keadaan: (i) parti "berdasarkan dokumen" (objects/rules), dan (ii) parti "berdasarkan tingkah laku sebenar" (aktiviti/objektif yang dilaksanakan) (Seksyen 2, "political party"(a)–(b)).

Akta 832 meletakkan parti politik dalam kerangka tadbir urus pendaftaran pertubuhan,[113] pematuhan perlembagaan/aturan pertubuhan,[114] dan pengawasan oleh Pendaftar Pertubuhan.[115] Dalam konteks kewangan, Akta ini

[113] Seksyen 6 & Seksyen 7 Akta 832

[114] Peruntukan Seksyen 2A ini menetapkan suatu kewajipan asas kepada semua pertubuhan berdaftar (termasuk parti politik yang ditakrif sebagai "society") supaya dalam menjalankan aktiviti dan hal ehwalnya, pertubuhan tersebut memastikan tindakannya selaras dengan, serta mendorong pemenuhan dan pematuhan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri (Seksyen 2A(1)). Jika mana-mana aktiviti atau urusan pertubuhan didapati, dalam apa-apa cara, melanggar, mengurangkan martabat, bercanggah secara langsung, atau menunjukkan ketidakpedulian terhadap perkara-perkara teras yang dinyatakan oleh peruntukan ini—iaitu sistem kerajaan demokrasi yang dipimpin oleh Raja Berperlembagaan di Malaysia dan di negeri-negeri oleh Raja/Yang di-Pertua Negeri (Seksyen 2A(1)(a)); kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dengan agama lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni (Seksyen 2A(1)(b)); penggunaan bahasa kebangsaan bagi tujuan rasmi (Seksyen 2A(1)(c)); kedudukan orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak (Seksyen 2A(1)(d)); serta kepentingan sah komuniti lain (Seksyen 2A(1)(e))—maka RoS mempunyai kuasa untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan tersebut. Walau bagaimanapun, kuasa pembatalan ini tertakluk kepada keperluan prosedur minimum iaitu RoS mesti terlebih dahulu memberi pertubuhan peluang untuk mengemukakan representasi kepadanya sebelum keputusan pembatalan dibuat (Seksyen 2A(1)).

[115] Seksyen 18A – Pemakaian Tambahan dan Keutamaan Peruntukan Bahagian Ini: Peruntukan ini menetapkan bahawa semua peruntukan dalam Bahagian ini terpakai sebagai tambahan kepada peruntukan dalam Bahagian I dan Bahagian III bagi parti politik yang berdaftar di bawah Akta ini (Seksyen 18A). Jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan dalam Bahagian ini dengan mana-mana peruntukan dalam bahagian lain Akta, maka peruntukan Bahagian ini mengatasi setakat mana wujudnya percanggahan tersebut (Seksyen 18A).
Seksyen 18B – Keadaan yang Tidak Menjadikan Pemilihan Parti Tidak Sah: Seksyen ini memperuntukkan bahawa sesuatu pemilihan dalam parti politik tidak terbatal hanya kerana berlaku kegagalan mematuhi peruntukan perlembagaan parti atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau kerana seorang individu yang hilang kelayakan untuk menjadi ahli atau pemegang jawatan (di bawah Akta atau perlembagaan parti) turut mengambil bahagian dalam pemilihan tersebut, jika pada penilaian parti atau pihak yang diberi kuasa oleh parti/perlembagaannya, keputusan pemilihan itu akan kekal sama walaupun

penting kerana mewujudkan kewajipan mengemukakan pulangan tahunan dan dokumen tertentu. [116]

---

kegagalan itu tidak berlaku atau individu hilang kelayakan itu tidak turut serta (Seksyen 18B(1)). Walau bagaimanapun, jika seorang yang hilang kelayakan itu terpilih memegang jawatan, parti politik tersebut wajib, apabila menyedari hilang kelayakan itu, melaksanakan hilang kelayakan tersebut dan menjalankan pemilihan semula bagi jawatan itu secepat yang praktikal mengikut perlembagaan serta peraturan parti, meskipun pemilihan asal dianggap sah di bawah Seksyen 18B(1) (Seksyen 18B(2)).

Seksyen 18C – Keputusan Parti Muktamad dan Tidak Boleh Dicabar di Mahkamah: Peruntukan ini menetapkan bahawa keputusan parti politik atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh parti/perlembagaannya berhubung tafsiran perlembagaan parti, peraturan parti, atau apa-apa perkara berkaitan hal ehwal parti, adalah muktamad dan konklusif (Seksyen 18C). Keputusan tersebut tidak boleh dicabar, dirayu, disemak, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan, dan mahkamah juga tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau memutuskan apa-apa tindakan/prosiding mengenai kesahan keputusan itu atas apa-apa alasan (Seksyen 18C).

[116] Peruntukan seksyen 14 ini menetapkan kewajipan pelaporan dan penyerahan maklumat oleh pertubuhan berdaftar kepada Pendaftar Pertubuhan (RoS), termasuk kuasa RoS untuk menuntut dokumen tambahan pada bila-bila masa serta tindakan pentadbiran yang keras jika pertubuhan ingkar. Secara asasnya, setiap pertubuhan berdaftar hendaklah, dalam tempoh 60 hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, atau jika tiada Mesyuarat Agung Tahunan, dalam tempoh 60 hari selepas tamat setiap tahun kalendar, mengemukakan kepada RoS: salinan benar dan lengkap apa-apa pindaan peraturan pertubuhan sejak pendaftaran atau pulangan terakhir (Seksyen 14(1)(a)); senarai benar dan lengkap pemegang jawatan serta bilangan ahli yang bermastautin atau berada di Malaysia pada tarikh pulangan, atau jika tiada pemegang jawatan di Malaysia, maklumat individu yang diberi kuasa bertindak bagi pihak pertubuhan di Malaysia, termasuk senarai pemegang jawatan semua cawangan (jika ada) (Seksyen 14(1)(b)); alamat atau tempat urusan pertubuhan (Seksyen 14(1)(c)); akaun tahun kewangan terakhir bersama kunci kira-kira yang menunjukkan kedudukan kewangan pada penutupan tahun kewangan tersebut (Seksyen 14(1)(d)); nama dan alamat mana-mana pertubuhan/ kesatuan sekerja/ badan orang lain di luar Malaysia yang mempunyai hubungan atau afiliasi dengan pertubuhan itu (Seksyen 14(1)(da)); perihalan wang/harta atau apa-apa faedah kewangan/kelebihan yang diterima pertubuhan daripada individu yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau mana-mana organisasi/autoriti/kerajaan/agensi kerajaan luar (Seksyen 14(1)(db)); serta apa-apa maklumat lain yang RoS minta dari semasa ke semasa (Seksyen 14(1)(e)). Di samping pelaporan berkala ini, RoS juga diberi kuasa pada bila-bila masa melalui notis bertulis untuk mengarahkan pertubuhan mengemukakan secara bertulis dokumen dan maklumat tertentu, termasuk salinan peraturan yang berkuat kuasa (Seksyen 14(2)(a)); senarai pemegang jawatan dan ahli (termasuk cawangan) yang bermastautin atau berada di Malaysia (Seksyen 14(2)(b)); pulangan jumlah mesyuarat yang diadakan di Malaysia dalam tempoh enam bulan terdahulu beserta tempat mesyuarat tersebut (Seksyen 14(2)(c)); akaun yang diaudit dengan sewajarnya (Seksyen 14(2)(d)); butiran afiliasi luar negara serta butiran tambahan berkaitan (Seksyen 14(2)(da)); perihalan penerimaan wang/harta atau faedah dari sumber luar negara serta butiran tambahan berkaitan (Seksyen 14(2)(db)); dan apa-apa maklumat lain yang RoS kehendaki (Seksyen 14(2)(e)). Sesuatu arahan di bawah kuasa ini mesti menyatakan tempoh pematuhan yang tidak kurang daripada 7 hari, namun RoS boleh, atas permohonan dan alasan munasabah, memberi lanjutan masa (Seksyen 14(3)). Bagi maksud audit, istilah “duly audited” bermaksud audit dilakukan oleh juruaudit yang diluluskan oleh RoS, sama ada kelulusan umum atau bagi audit tertentu, dan juruaudit itu perlu menyediakan laporan dalam bentuk yang RoS kehendaki (Seksyen 14(4)). Jika pertubuhan gagal mengemukakan butiran yang diarahkan dalam tempoh ditetapkan atau dalam tempoh lanjutan, RoS boleh mengeluarkan perintah sementara pembubaran (Seksyen 14(5)); namun jika butiran tersebut dikemukakan sebelum tamat 30 hari daripada tarikh perintah sementara, RoS boleh membatalkan perintah itu (Seksyen 14(6)). Setelah tamat 30 hari daripada tarikh perintah sementara, atau jika ada rayuan dan rayuan itu ditolak, perintah tersebut menjadi muktamad, pertubuhan disifatkan sebagai pertubuhan menyalahi undang-undang, dan pendaftarannya dibatalkan (Seksyen 14(7)). Akhir sekali, pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan kerana gagal mematuhi arahan di bawah peruntukan ini tidak berhak memohon pendaftaran semula sehingga arahan tersebut dipatuhi, atau melainkan dibuktikan kepada kepuasan RoS bahawa pematuhan adalah mustahil (Seksyen 14(8)).

Akta 832 memperuntukkan aspek pelaporan/kemaskinian maklumat pertubuhan serta kuasa Pendaftar untuk penelitian dokumen dan tindakan pentadbiran tertentu.[117] Namun, dari sudut pendanaan politik, terdapat jurang struktur:

1. Pelaporan bersifat tahunan, bukan "*campaign-centric*" (*pre/post election reporting*);
2. Pelaporan kepada ROS tidak semestinya menuntut pendedahan penderma, sumber dana, atau transaksi tertentu secara terperinci; dan
3. Rejim ini lebih dekat kepada kepatuhan pertubuhan berbanding ketelusan pendanaan politik.

Menjadikan ROS sebagai satu-satunya pintu pelaporan kewangan parti mewujudkan situasi di mana kewangan parti dikawal sebagai "akaun pertubuhan", bukan sebagai komponen integriti demokrasi. RUU pembiayaan politik lazimnya memerlukan standard khas: definisi sumbangan politik, derma asing, pihak berkaitan, rangkuman sumbangan "*in-kind*", pelaporan ambang, audit bebas, penerbitan awam, dan penguatkuasaan sivil/jenayah yang khusus, di mana semua ini tidak terbina secara penuh dalam Akta 832.

3.3.6 AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694)

Akta 694 menyediakan kesalahan rasuah seperti meminta/menerima/menawar/memberi suapan (dan kesalahan berkaitan ejen), serta rejim penalti. Dalam konteks pembiayaan politik, undang-undang rasuah sering bertindak sebagai "jaring keselamatan" (*safety net*) apabila dana politik bertukar menjadi suapan atau pertukaran faedah.

Seksyen 16 memperuntukkan kesalahan rasuah yang bersifat umum dan luas, iaitu apabila mana-mana orang, sama ada secara sendiri atau bersama orang lain,

[117] Rujuk Seksyen 14

secara rasuah memohon, menerima atau bersetuju menerima suapan untuk dirinya atau orang lain (Seksyen 16(a)), atau **secara rasuah** memberi, berjanji atau menawarkan suapan kepada mana-mana orang sama ada untuk manfaat orang itu atau pihak lain (Seksyen 16(b)), apabila suapan itu diberi sebagai dorongan, balasan atau berkaitan dengan perbuatan seseorang sama ada melakukan atau tidak melakukan sesuatu berhubung apa-apa perkara atau transaksi yang sebenar, dicadangkan atau berkemungkinan berlaku (Seksyen 16(A)), atau melibatkan perbuatan seorang pegawai badan awam yang melakukan atau tidak melakukan sesuatu berhubung apa-apa perkara/transaksi yang sebenar, dicadangkan atau berkemungkinan berlaku yang melibatkan badan awam tersebut (Seksyen 16(B)). Dengan kata lain, peruntukan ini menangkap kedua-dua sisi rasuah—penerima dan pemberi—serta meliputi situasi "urusan belum berlaku" atau "urusan bakal berlaku", dan tidak terhad kepada kes yang melibatkan pegawai awam sahaja kerana ia turut merangkumi transaksi umum di bawah Seksyen 16(A), di samping transaksi yang melibatkan badan awam di bawah Seksyen 16(B).

Seksyen 17A[118] memperkenalkan liabiliti korporat organisasi komersial. Hal ini signifikan untuk pembiayaan politik kerana ia mengubah landskap risiko

[118] Seksyen 17A pula memperkenalkan liabiliti jenayah korporat dengan menetapkan bahawa sesuatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang "dikaitkan" dengannya secara rasuah memberi, bersetuju memberi, berjanji atau menawarkan suapan kepada mana-mana orang (untuk manfaat orang itu atau pihak lain) dengan niat untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi tersebut (Seksyen 17A(1)(a)) atau untuk mendapatkan atau mengekalkan kelebihan dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi tersebut (Seksyen 17A(1)(b)). Jika sabit, organisasi komersial boleh dihukum denda sekurang-kurangnya 10 kali ganda nilai suapan (jika boleh dinilai/berbentuk kewangan) atau RM1,000,000 (mana lebih tinggi), atau penjara sehingga 20 tahun, atau kedua-duanya (Seksyen 17A(2)). Selain itu, apabila kesalahan dilakukan oleh organisasi komersial, pengarah, "controller", pegawai, rakan kongsi, atau individu yang terlibat dalam pengurusan hal ehwalnya pada masa kesalahan itu berlaku adalah disifatkan turut melakukan kesalahan tersebut, melainkan mereka membuktikan bahawa ia berlaku tanpa persetujuan atau pembiaran mereka dan bahawa mereka telah menjalankan usaha wajar (due diligence) untuk mencegah kesalahan itu sebagaimana sepatutnya, mengambil kira fungsi mereka dan keadaan kes (Seksyen 17A(3)). Seksyen ini juga menyediakan pembelaan khusus untuk organisasi: jika organisasi didakwa, ia boleh mempertahankan diri dengan membuktikan bahawa organisasi mempunyai prosedur mencukupi (adequate procedures) untuk mencegah orang yang dikaitkan dengannya daripada melakukan perbuatan rasuah tersebut (Seksyen 17A(4)), dan Menteri hendaklah mengeluarkan garis panduan mengenai prosedur tersebut (Seksyen

pematuhan bagi syarikat yang menyalurkan dana/benefit yang boleh ditafsir sebagai rasuah.

Didapati bahawa Akta 694 penting, tetapi ia masih undang-undang rasuah, bukan undang-undang pendanaan politik. Ia tidak menetapkan keperluan pendedahan penderma, had sumbangan, atau audit dana politik. Justeru, bergantung semata-mata pada Akta 694 bermaksud sistem hanya "bertindak selepas salah laku" (*ex post*), bukan mencegah melalui ketelusan dan kawal selia kewangan (*ex ante*).

3.3.7 AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (AMLATFPUAA) [AKTA 613]

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) memainkan peranan penting dalam ekosistem pembiayaan politik secara tidak langsung. Fungsinya bukan untuk mentadbir sumbangan politik, tetapi untuk mengesan dan menghalang wang haram/hasil aktiviti menyalahi undang-undang daripada memasuki sistem kewangan.

Antaranya, akta ini:

- memperuntukkan larangan dan kesalahan pengubahan wang haram (termasuk rujukan kepada kesalahan di bawah peruntukan utama akta),[119]

17A(5)). Bagi takrif "orang yang dikaitkan", ia merangkumi pengarah, rakan kongsi, pekerja, atau mana-mana orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial (Seksyen 17A(6)), dan penentuan sama ada seseorang melaksanakan perkhidmatan itu dibuat berdasarkan semua keadaan relevan, bukan semata-mata jenis hubungan formal (Seksyen 17A(7)). Akhir sekali, "organisasi komersial" ditakrif meliputi syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 yang menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain (Seksyen 17A(8)(a)), syarikat di mana-mana tempat diperbadankan yang menjalankan perniagaan atau sebahagian perniagaan di Malaysia (Seksyen 17A(8)(b)), perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961 atau perkongsian liabiliti terhad berdaftar di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain (Seksyen 17A(8)(c)(i)–(ii)), serta perkongsian di mana-mana tempat dibentuk yang menjalankan perniagaan atau sebahagian perniagaan di Malaysia (Seksyen 17A(8)(d)).

[119] Seksyen 4 Akta 613 ini memperuntukkan bahawa seseorang melakukan kesalahan pengubahan wang haram apabila dia melakukan mana-mana perbuatan yang melibatkan hasil daripada aktiviti menyalahi undang-undang ("proceeds of an unlawful activity") atau instrumentaliti sesuatu kesalahan ("instrumentalities of an offence"). Kesalahan itu merangkumi situasi apabila seseorang terlibat, sama ada

- menubuhkan kerangka *financial intelligence* serta peranan *competent authority* (dan fungsi analisis serta penyaluran maklumat kepada agensi penguatkuasaan),[120]
- mewujudkan mekanisme penerimaan dan analisis laporan daripada institusi pelapor serta saluran kepada agensi penguat kuasa apabila terdapat syak munasabah transaksi berkaitan hasil aktiviti haram atau kesalahan berat.[121]

Namun, dari sudut pendanaan politik, Akta 613 mempunyai batas semula jadi: ia hanya akan berkuatkuasa apabila dana politik itu boleh dipautkan kepada unsur pengubahan wang haram/hasil aktiviti haram/struktur transaksi untuk mengelak pelaporan dan bukannya kerana dana itu tidak telus atau tidak seimbang dari segi demokrasi. Maka, akta ini berguna sebagai jaring keselamatan (*safety net*) untuk wang jenayah, tetapi bukan sebagai "sistem peraturan" pendanaan politik.

secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil aktiviti haram atau instrumentaliti kesalahan (Subseksyen 4(1)(a)); atau apabila dia memperoleh, menerima, memiliki, menyamarkan, memindahkan, menukar bentuk, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil aktiviti haram atau instrumentaliti kesalahan (Subseksyen 4(1)(b)); atau membawa keluar dari Malaysia atau membawa masuk ke Malaysia hasil aktiviti haram atau instrumentaliti kesalahan (Subseksyen 4(1)(c)); atau menyembunyikan, menyamarkan atau menghalang penentuan sifat sebenar, asal-usul, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik, hak berkaitan atau pemunyaannya terhadap hasil aktiviti haram atau instrumentaliti kesalahan (Subseksyen 4(1)(d)). Jika disabitkan, pesalah boleh dihukum penjara sehingga lima belas tahun dan juga dikenakan denda minimum sama ada lima kali ganda nilai hasil/instrumentaliti pada masa kesalahan dilakukan atau lima juta ringgit, yang mana lebih tinggi (Subseksyen 4(1)). Bagi tujuan pembuktian, undang-undang membenarkan mahkamah membuat inferens daripada fakta objektif bahawa seseorang itu tahu, ada sebab untuk percaya atau mempunyai syak munasabah bahawa harta tersebut ialah hasil aktiviti haram atau instrumentaliti kesalahan (Subseksyen 4(2)(a)), atau bahawa dia tanpa alasan munasabah telah gagal mengambil langkah munasabah untuk menyemak sama ada harta itu hasil aktiviti haram atau tidak (Subseksyen 4(2)(b)). Di samping itu, jika hasil aktiviti haram itu datang daripada satu atau lebih aktiviti menyalahi undang-undang, hasil tersebut tidak perlu dibuktikan berasal daripada aktiviti haram yang spesifik (Subseksyen 4(3)). Akhir sekali, seseorang masih boleh disabitkan atas kesalahan pengubahan wang haram walaupun tiada sabitan bagi kesalahan serius atau kesalahan serius asing, dan walaupun pendakwaan bagi kesalahan asas belum dimulakan (Subseksyen 4(4)).

[120] Bahagian II Akta 613

[121] Bahagian IV Akta 613

3.4 RANGKA KERJA PERUNDANGAN SUBSIDIARI

Rangka kerja perundangan utama disokong oleh rangka kerja perundangan seperti berikut:

3.4.1 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 (PU(A) 386/1981)

Peraturan ini dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui kuasa perundangan yang diberikan oleh seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958 [Akta 19], dan penggubalan tersebut dibuat dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong (*Preamble* PU(A) 386/1981). Peraturan ini memperincikan tatacara operasi pilihan raya—daripada penamaan calon (Peraturan 4 – Peraturan 9), pengendalian pengundian, prosedur pengiraan undi, sehingga hal-hal pentadbiran di pusat/tempat mengundi.

Peraturan ini biasanya menyentuh “infrastruktur proses” yang menjadi medan kempen, tetapi bukan sumber utama kawal selia kewangan politik. Namun ia relevan kerana pembiayaan kempen sering “masuk” melalui aspek prosedural seperti bahan kempen, pergerakan, operasi hari mengundi, dan peranan ejen. Selagi tiada rejim kewangan khusus, pembiayaan kempen cenderung dikawal melalui aturan tingkah laku (*conduct*) bukannya aturan wang (*money rules*). Peraturan penjalanan pilihan raya memadai untuk prosedur, tetapi tidak menyediakan alat bagi menilai *asal-usul dana*, *had sumbangan*, *perbelanjaan parti*, atau *pihak ketiga*.

3.4.2 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 (PU(A) 293/2002)

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menggubal peraturan ini dengan bersandarkan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Pilihan Raya 1958 [Akta 19]. Peraturan

ini menjelaskan kawasan/unit pendaftaran dan hak mengundi, [122] serta bagaimana daftar pemilih disusun dan ditadbir.[123] Kaitan langsung adalah minimum. Namun, dari sudut penyelidikan pembiayaan politik, peraturan pendaftaran pemilih memberi konteks kepada isu yang sering mempengaruhi perbelanjaan kempen: sasaran daerah, mobilisasi, dan strategi berasaskan demografi pengundi.

3.4.3 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 (PU(A) 185/2004)

Peraturan ini mengawal pengeluaran kertas undi pos,[124] notis, siapa yang boleh hadir semasa proses, dan prosedur penghantaran/pengendalian undi pos. Kaitan langsung ialah pada aspek integriti proses (yang boleh dipengaruhi oleh sumber). Namun, peraturan ini juga menunjukkan tradisi kerangka pilihan raya Malaysia: menumpu kepada prosedur, bukannya menstrukturkan pendanaan politik sebagai isu ketelusan kewangan.

3.5 UNDANG-UNDANG LAIN YANG SERING TERPAKAI SEMASA KEMPEN/PENGUATKUASAAN

3.5.1 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301)

Akta ini mengawal selia penerbitan dan mengandungi kesalahan tertentu seperti penerbitan berita tidak benar dengan niat jahat (contohnya Seksyen 8A).[125] Dalam

[122] Bahagian II Peraturan ini.
[123] Bahagian II, III & IV Peraturan ini
[124] Bahagian III Peraturan
[125] Peruntukan Seksyen 7 ini memberi kuasa yang sangat luas kepada Menteri untuk melarang sesuatu penerbitan apabila Menteri "berpuas hati" bahawa kandungan penerbitan itu (artikel, karikatur, foto, laporan, nota, tulisan, bunyi, muzik, kenyataan atau apa-apa bahan lain) adalah memudaratkan atau berkemungkinan memudaratkan ketenteraman awam, moral, keselamatan; atau berpotensi menggemparkan/meresahkan pandangan awam; atau bertentangan atau berkemungkinan bertentangan dengan mana-mana undang-undang; atau "selainnya" memudaratkan/berkemungkinan memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara. Larangan itu boleh dibuat melalui perintah dalam Warta, sama ada secara mutlak atau bersyarat, dan skop larangan sangat luas kerana boleh meliputi mencetak, mengimport, menghasilkan, mengulang hasil, menerbit, menjual, mengeluarkan, mengedar,

kempen pilihan raya, kawalan bahan penerbitan mempengaruhi strategi komunikasi dan perbelanjaan media, tetapi masih tidak menyelesaikan isu teras: dari mana wang kempen datang dan bagaimana ia dibelanjakan oleh parti.

3.5.2 Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)

Akta 88 mengawal pendedahan maklumat rasmi/terperingkat. Dalam konteks pendanaan politik, ia boleh menjejaskan ekosistem ketelusan, contohnya apabila maklumat tertentu berkaitan urus tadbir kerajaan/kontrak/keputusan rasmi yang mungkin relevan kepada siasatan awam berada di bawah rejim kerahsiaan.

---

menyebarkan atau memiliki penerbitan tersebut—malah boleh diperluas kepada penerbitan masa hadapan penerbit yang sama (Seksyen 7(1)).

Bagi penerbitan yang berasal dari luar Malaysia, perintah Menteri di bawah Seksyen 7(1) boleh dirangka dengan beberapa bentuk kawalan tambahan. Pertama, ia boleh melarang import mana-mana atau semua penerbitan (sebelum atau selepas tarikh perintah) tertakluk kepada syarat tertentu (Seksyen 7(2)(a)). Kedua, jika penerbitan itu berkala (periodical), perintah boleh melarang import isu lampau atau isu masa hadapan (Seksyen 7(2)(b)). Ketiga, Menteri boleh melarang import penerbitan lain yang dikeluarkan (atau kelihatan dikeluarkan) daripada rumah penerbitan/agensi/sumber yang dinyatakan dalam perintah (Seksyen 7(2)(c)). Keempat, Menteri juga boleh mewajibkan penerbit membuat deposit sejumlah tertentu dan dengan cara tertentu sebagai syarat sebelum sesuatu penerbitan boleh diimport (Seksyen 7(2)(d)).

Jika Menteri berpuas hati bahawa penerbit telah melanggar Akta, mana-mana peraturan atau perintah di bawahnya, atau mana-mana syarat lesen/permit, atau mana-mana undang-undang berkaitan hasutan (sedition) atau fitnah (defamation), Menteri boleh—selepas memberi peluang kepada penerbit untuk menunjukkan sebab—mengarahkan supaya deposit yang dibuat di bawah Seksyen 7(2)(d) itu dilucuthakkan sama ada sepenuhnya atau sebahagian (Seksyen 7(3)). Ini menunjukkan deposit berfungsi sebagai “jaminan” pematuhan: jika penerbit gagal patuh, deposit boleh menjadi sasaran tindakan pentadbiran.

Walaupun perintah pelucuthakan Menteri di bawah Seksyen 7(3) tidak dibuat, mahkamah masih mempunyai kuasa untuk mengarahkan deposit (atau baki deposit) itu sama ada dilucuthakkan jika penerbit tidak hadir ke mahkamah untuk menjawab pertuduhan jenayah atau tindakan sivil berkaitan penerbitan (Seksyen 7(4)(a)), atau dibayar keluar bagi menyelesaikan penghakiman yang diperoleh terhadap penerbit berhubung prosiding berkaitan penerbitan (Seksyen 7(4)(b)). Ini menjadikan deposit juga sebagai mekanisme “pemulihan” (recovery) bagi liabiliti undang-undang yang lahir daripada penerbitan.

Sekiranya deposit yang dibuat di bawah Seksyen 7(2)(d) telah dilucuthakkan atau digunakan untuk membayar ganti rugi di bawah Seksyen 7(3) atau Seksyen 7(4), maka perintah larangan di bawah Seksyen 7(1) akan menjadi muktamad (absolute) kecuali penerbit membuat deposit tambahan sebagaimana yang dikehendaki Menteri (Seksyen 7(5)). Secara praktikal, ini mewujudkan “kitaran pematuhan”: tanpa deposit baharu, larangan kekal mengikat dan sukar dipulihkan.

Subseksyen ini meletakkan prinsip liabiliti penerbit: sama ada penerbit tempatan atau asing, penerbit bertanggungjawab dan menanggung liabiliti terhadap apa-apa tindakan undang-undang yang berkaitan dengan bahan yang disiarkan dalam penerbitannya (Seksyen 7(6)). Ini mengukuhkan konsep “publisher responsibility” — penerbit tidak boleh mudah melepaskan diri dengan alasan bahan datang daripada penulis/pihak ketiga.

Namun, ia bukan akta pendanaan n politik dan tidak menggantikan keperluan pendedahan dana parti yang sepatutnya datang daripada rejim khusus.

3.5.3 Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736)

Akta ini berkait rapat dengan realiti kempen, perhimpunan (*rally*), dan ceramah. Ia meletakkan kerangka notifikasi/pengawalan oleh pihak polis. Perkembangan semasa juga penting: pada 1 Julai 2025 dalam kes ***Amir Hariri Abd Hadi v PP*** **[2025] CLJ 353**, terdapat pelaporan dan analisis bahawa Seksyen 9(5) (yang meletakkan kegagalan memberi notis lima hari sebagai kesalahan jenayah) telah diputuskan tidak sah/tidak berpelembagaan, walaupun keperluan notis asas masih menjadi perdebatan undang-undang dan pentadbiran. Ini relevan kerana perubahan undang-undang perhimpunan akan mengubah kos dan reka bentuk kempen, tetapi sekali lagi, ia tidak menyentuh isu sumber dana dan pelaporan kewangan politik.

3.6 ANALISIS KERANGKA PERUNDANGAN & JURANG PERUNDANGAN (*LOOPHOLE*)

Secara keseluruhan, Malaysia ketika ini mempunyai kerangka undang-undang yang boleh dianggap “cukup untuk mengurus pilihan raya sebagai proses” tetapi belum cukup untuk mengurus pilihan raya sebagai ekosistem wang dan pengaruh. Akta 31 dan Akta 19 menguatkan struktur SPR dan tatacara. Peraturan-peraturan subsidiari memastikan perjalanan pilihan raya berjalan teratur. Akta 5 pula menyediakan kawalan paling langsung, namun agak terhad kerana *candidate-centric*. Akta Pertubuhan mewujudkan disiplin organisasi parti, tetapi bukan ketelusan pendanaan politik. Akta 613 dan undang-undang anti-rasuah pula berfungsi sebagai jaring untuk jenayah kewangan/rasuah, tetapi tidak membina rejim pendanaan politik yang telus dan adil.

Berdasarkan keseluruhan kerangka undang-undang semasa di atas, kelemahan sistemik yang paling ketara ialah:

1. Fokus terhad pada calon (*candidate-centred*), dan tidak termasuk parti. Akta 5 meletakkan had dan pelaporan perbelanjaan pada calon, sedangkan realiti kempen digerakkan oleh parti dan rangkaian yang lebih luas.
2. Tiada rejim khusus bagi pendanaan politik: undang-undang sedia ada tidak membina definisi menyeluruh tentang derma politik (tunai, *in-kind*, diskaun, perkhidmatan), tiada had sumber/ambang seragam, dan tiada mekanisme pendedahan penderma yang setara dengan standard ketelusan moden.
3. Ketelusan awam yang terhad dan tidak proaktif. Walaupun Akta 5 membenarkan pemeriksaan penyata perbelanjaan, aksesnya terhad dari segi masa, kaedah dan kebolehgunaan.
4. Penguatkuasaan berbilang agensi tanpa "*single point of accountability*". SPR mengurus pilihan raya melalui Akta 19 dan peraturan, tetapi penguatkuasaan kewangan/rasuah melibatkan agensi lain (SPRM, polis). Ini mencipta risiko jurang tindakan, pertindihan, dan ketidakjelasan mandat, terutama untuk kes yang bersifat "*grey zone*" (bukan suapan terang-terangan, tetapi pembiayaan yang mempengaruhi).
5. Pelaporan kewangan parti melalui RoS tidak direka sebagai rejim integriti demokrasi. Pelaporan tahunan kepada RoS membantu tadbir urus asas, tetapi tidak menepati keperluan kawal selia pendanaan politik, dan tiada perincian transaksi, pendedahan penderma, audit dan penerbitan awam yang menyeluruh.

Implikasi langsung kepada penggubalan RUU pendanaan politik: RUU perlu menutup jurang struktur ini dengan membina satu rejim khusus yang meliputi (i) sumber dana (donations), (ii) perbelanjaan (spending), (iii) pelaporan dan audit (reporting & audit), (iv) pendedahan awam (public disclosure), (v) penguatkuasaan

dan penalti (enforcement), dan (vi) reka bentuk institusi pengawal selia (regulator design)—sama ada menempatkannya pada SPR dengan mandat baharu, atau mewujudkan mekanisme institusi khusus dengan semak imbang yang jelas.

Dalam penyelidikan penggubalan RUU pendanaan politik, analisis ini membawa kepada satu kesimpulan kritikal iaitu kerangka sedia ada bukan "tiada langsung", tetapi tidak bersepadu, tidak setara skop, dan tidak direka untuk ketelusan awam. Ini mewujudkan jurang yang nyata antara objektif RUU (pencegahan pengaruh tidak wajar, ketelusan, akauntabiliti, kesaksamaan persaingan) dengan keupayaan undang-undang semasa. Oleh yang demikian, Jurang Perundangan Utama (*Legal Gaps*) yang perlu ditangani oleh RUU Pendanaan Politik termasuklah seperti berikut:

1. Jurang skop subjek kawal selia (parti & calon): Akta 5 meletakkan fokus pada calon (had perbelanjaan dan pelaporan calon), sedangkan realiti kempen moden sangat dipacu oleh jentera parti dan perbelanjaan terpusat. Ini mewujudkan ruang "pemindahan perbelanjaan" daripada calon kepada entiti parti/sekutu yang tidak tertangkap oleh had calon.
2. Tiada definisi komprehensif "sumbangan politik": Kerangka semasa tidak merumuskan sumbangan politik secara menyeluruh (tunai, bukan tunai, diskaun, perkhidmatan, penggunaan aset, pengiklanan ditaja, perbelanjaan pihak ketiga yang "memihak"). Tanpa definisi, penguatkuasaan menjadi mudah dipintas melalui bentuk manfaat yang tidak dilabel sebagai "sumbangan".
3. Ketiadaan kewajipan pendedahan penderma kepada umum (public disclosure): Akta Pertubuhan mewajibkan pulangan tahunan dan akaun/audit kepada RoS, tetapi ia tidak berfungsi sebagai rejim pendedahan awam pembiayaan politik yang seragam dan bermakna untuk pengundi.

4. Ketiadaan had sumbangan dan larangan sumber berisiko tinggi (negative regulation): Undang-undang semasa lebih bersifat menghukum "rasuah/jenayah" berbanding menyusun larangan sumber tertentu (contoh: penderma asing, kontraktor berkepentingan, entiti proksi, sumbangan tanpa identiti). Ini membenarkan wang yang "sah dari segi teknikal" tetapi berisiko tinggi dari segi pengaruh politik terus mengalir.
5. Ketiadaan rejim pelaporan masa kempen yang cepat dan boleh diaudit: Had perbelanjaan calon wujud, tetapi keperluan pelaporan yang benar-benar mendedahkan aliran dana semasa pilihan raya (sebelum pengundian) tidak dibina sebagai satu standard nasional yang seragam.
6. Tiada kerangka khusus untuk pihak ketiga (third-party) dan kempen selari: Kerangka semasa tidak secara jelas mengawal perbelanjaan pihak ketiga yang berkempen untuk memihak/menentang parti/calon (termasuk kempen digital), yang lazim menjadi pintu belakang untuk "shadow spending".
7. Had perbelanjaan yang statik dan berisiko tidak realistik: Had di bawah Akta 5 adalah angka tetap mengikut jenis kerusi. Dalam analisis dasar, angka statik tanpa mekanisme semakan berkala boleh menyebabkan sama ada (i) had menjadi terlalu rendah hingga menggalakkan pelanggaran/pelaporan kreatif, atau (ii) had tidak lagi mencerminkan realiti kos kempen moden (terutama kempen digital).
8. Fragmentasi institusi dan mandat: banyak agensi, tiada "*single coherent regulator*": SPR mengurus proses, RoS memantau pertubuhan, agensi anti-rasuah/AML menyiasat jenayah, tetapi tiada satu agensi bersepadu atau khusus yang menyatukan pelaporan, audit, pendedahan awam, pemantauan pematuhan, dan penalti pentadbiran khusus pendanaan politik dalam satu kerangka.
9. Rejim sedia ada cenderung untuk bersifat reaktif, bukan preventif Akta 613 dan undang-undang anti-rasuah akan digunapakai apabila wujud

unsur jenayah. Tetapi pendanaan politik memerlukan mekanisme preventif: ketelusan, pendedahan, piawaian audit, pengesahan identiti penderma, serta pengurusan konflik kepentingan yang belum wujud sebagai satu sistem.

4 | BAB 4

KAJIAN PENANDAARASAN AMALAN TERBAIK NEGARA LAIN

4.1 PENDAHULUAN

Kajian melaksanakan kajian penandaarasan kepada 5 negara utama iaitu Canada, Sweden, Germany, New Zealand dan South Korea. Bab 4 membentangkan **kajian penandaarasan (benchmarking)** dan rumusan **amalan terbaik (best practices)** bagi menyokong pembinaan cadangan RUU Pendanaan Politik yang lebih mantap dari segi reka bentuk perundangan, institusi, dan pelaksanaan. Bab ini berfungsi sebagai rujukan perbandingan untuk menilai bagaimana negara lain membangunkan kerangka kawal selia pendanaan politik yang berkesan dalam menangani risiko utama seperti perdagangan pengaruh, penyamaran identiti penderma, ketidaksamarataan akses politik, serta kelemahan pelaporan dan penguatkuasaan. Melalui penandaarasan, bab ini membantu mengenal pasti pilihan model peraturan (*regulatory options*) yang telah diuji dalam amalan, termasuk mekanisme yang terbukti praktikal dan mekanisme yang berisiko menimbulkan kesan sampingan dari sudut pematuhan atau tadbir urus.

Penandaarasan dalam Bab 4 memfokuskan **lima negara rujukan, Kanada, Sweden, Jerman, New Zealand dan Korea Selatan,** dengan tujuan mengekstrak elemen rangka kerja undang-undang dan amalan pentadbiran yang boleh dijadikan panduan dalam konteks tempatan. Analisis dibuat secara sistematik menggunakan **sembilan parameter** yang sama seperti Bab 2, supaya perbandingan dapat dilakukan secara setara dan terarah. Ini merangkumi rasional kawal selia (Parameter 1), skop pemakaian (Parameter 2), reka bentuk institusi dan semak imbang (Parameter 3–4), serta mekanisme operasi seperti takrif dan sumber dana (Parameter 5), tatacara penerimaan (Parameter 6), pelaporan (Parameter 7), pendedahan umum (Parameter 8), dan kesalahan serta penalti (Parameter 9). Pendekatan berparameter ini memastikan dapatan penandaarasan tidak bersifat deskriptif semata-mata, tetapi dapat diterjemahkan kepada komponen konkrit yang relevan untuk penggubalan RUU.

Secara keseluruhan, Bab 4 menilai sejauh mana model dan amalan di negara rujukan boleh diadaptasi dengan mengambil kira realiti institusi dan konteks setempat, termasuk keupayaan pentadbiran, budaya pematuhan, struktur politik, serta keperluan menyeimbangkan ketelusan dengan kebolehlaksanaan. Dapatan dalam bab ini seterusnya menjadi input penting untuk merumuskan pilihan dasar dan peruntukan undang-undang yang lebih praktikal, berkesan, dan diyakini rakyat, selaras dengan objektif kajian dan hala tuju reformasi pendanaan politik yang dicadangkan.

4.2 KANADA (*CANADA*)

4.2.1 Keperluan Undang-Undang

Penggubalan undang-undang pendanaan politik di Canada merupakan salah satu usaha kerajaan bagi mengekang pengaruh kewangan terhadap sistem demokrasi negara. Usaha pengawalseliaan pendanaan politik ini bermula seawal tahun 1874 apabila kerajaan Liberal di bawah pimpinan Alexander Mackenzie menggubal *Dominion Elections Act 1874*. Undang-undang ini berasaskan kepada *British Corrupt Practices Act 1854* dan bertujuan untuk mengawal perbelanjaan calon pilihan raya. Antara peraturan baharu yang diperkenalkan ialah keperluan bagi calon untuk melantik ejen pilihan raya yang bertanggungjawab menguruskan dan melaporkan segala perbelanjaan yang dibuat sepanjang kempen. Walaupun peraturan ini masih terhad kepada aspek perbelanjaan, langkah tersebut merupakan titik mula kepada pembentukan kerangka kawal selia kewangan politik di peringkat persekutuan di Canada.[126]

Pada awal abad ke-20, terdapat kerisauan berkenaan penglibatan pihak-pihak seperti perniagaan dan kesatuan pekerja yang memberi sokongan kewangan kepada parti dan calon pilihan raya. Hal ini telah mendorong kerajaan Canada

[126] Feasby, Colin. "Constitutional Questions about Canada's New Political Finance Regime." Osgoode Hall Law Journal 45.3 (2007) : 519–520.

untuk menambah baik undang-undang sedia ada.[127] Melalui pindaan di bawah *Dominion Elections Act 1908,* sumbangan daripada syarikat korporat kepada calon pilihan raya telah diharamkan buat pertama kali. Larangan ini kemudiannya diperluas melalui *Dominion Elections Act 1920 (S.C. 1920, c. 46)* untuk turut merangkumi sumbangan daripada kesatuan sekerja dan persatuan tidak berdaftar.[128] Walau bagaimanapun, larangan tersebut sukar dikuatkuasakan kerana masih wujud kelompongan yang dimanfaatkan pihak yang tidak bertanggungjawab, seperti dengan memberikan wang sebagai bonus kepada pekerja yang kemudiannya disalurkan kepada parti politik. Laporan *Barbeau Committee* pada tahun 1966 menyifatkan peraturan ini sebagai sesuatu yang hanya kelihatan di atas kertas kerana ia gagal untuk mengekang penyalahgunaan dan tidak mempunyai mekanisme penguatkuasaan yang berkesan.[129] Akibat kelemahan tersebut, larangan terhadap sumbangan oleh syarikat korporat dan kesatuan sekerja telah dimansuhkan pada tahun 1930.

Cadangan penambahbaikan yang lebih menyeluruh kemudiannya dikemukakan oleh *Barbeau Committee* (1966) dan *Chappell Committee* (1970–1971) yang menekankan keperluan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pembiayaan politik. Cadangan ini menjadi asas kepada penggubalan *Election Expenses Act 1974 (S.C. 1974, c. 51)*, yang dianggap sebagai perundangan utama sistem pendanaan politik moden di Canada. Akta ini memperkenalkan beberapa perkara penting seperti had perbelanjaan untuk calon pilihan raya dan parti politik, kewajipan mendedahkan sumber sumbangan dan identiti penyumbang, pemberian insentif cukai kepada penderma, serta pembiayaan awam (*public funding*) melalui bayaran balik sebahagian perbelanjaan kempen. Namun begitu, undang-undang ini lebih tertumpu kepada kawalan perbelanjaan parti dan calon

[127] Royal Commission on Electoral Reform and Party Financing. (1991). Reforming electoral democracy: Final report (Vol. 1). Canada Communication Group—Publishing.
[128] Ibid.
[129] Feasby, 2007, 520–521

berbanding kawalan terhadap sumber dana. Hal ini kerana Akta ini tidak menetapkan sebarang had terhadap jumlah sumbangan individu atau korporat. Sungguhpun begitu, struktur asas yang diperkenalkan pada tahun 1974 kekal menjadi asas sistem pembiayaan politik Canada hingga kini, meskipun telah melalui pelbagai pindaan dan penambahbaikan hasil semakan oleh *Lortie Commission* pada tahun 1991.

Menjelang dekad 1990-an, perubahan dalam landskap politik Canada memperlihatkan tren berbeza di antara parti-parti politik dari segi sumber pembiayaan. Parti Liberal dan Parti Konservatif pada umumnya banyak bergantung kepada sumbangan korporat, manakala Parti Demokratik Baru (NDP) memperoleh sebahagian besar dana daripada kesatuan sekerja. Ketidakseimbangan sumber dana ini menimbulkan kebimbangan terhadap pengaruh pihak berkepentingan ke atas dasar dan keputusan politik.

Keadaan ini menjadi lebih mendesak apabila skandal kewangan kerajaan yang dikenali sebagai *Sponsorship Scandal*[130] tercetus pada awal tahun 2000-an. Skandal tersebut mendedahkan wujudnya penyelewengan dalam penggunaan dana awam bagi tujuan politik, sekali gus menggugat keyakinan rakyat terhadap sistem demokrasi. Berikutan skandal ini, kerajaan telah memperkenalkan pindaan besar kepada *Canada Elections Act*, melalui *Federal Accountability Act*. Melalui dua undang-undang ini, Canada telah memperkenalkan had sumbangan

[130] *Sponsorship scandal* merupakan salah satu skandal politik terbesar dalam sejarah Canada yang melibatkan sebuah program kerajaan persekutuan yang dilaksanakan antara tahun 1996 dan 2003. Berikutan referendum kemerdekaan Quebec pada tahun 1995, program ini telah dilancarkan sebagai tindak balas dengan matlamat untuk mempromosikan federalisme dan meningkatkan imej kenegaraan Canada di wilayah tersebut. Walau bagaimanapun, siasatan oleh Ketua Juruaudit pada tahun 2004 mendedahkan bahawa sejumlah besar dana awam yang disalurkan ke program tersebut telah disalahuruskan secara teruk dan disalurkan kepada agensi komunikasi dan pengiklanan (kebanyakannya mempunyai kaitan dengan Parti Liberal yang memerintah) untuk kerja minimum atau kerja yang tidak wujud. Pendedahan ini membawa kepada penubuhan Suruhanjaya Siasatan Gomery, yang mendedahkan sejauh mana campur tangan politik ini telah mempengaruhi pengurusan kewangan yang salah. Akibat daripada skandal ini, Parti Liberal telah kehilangan sokongan daripada orang awam dan juga menjurus kepada penggubalan *Federal Accountability Act*. https://carleton.ca/profbrouard/wp-content/uploads/2014ArticleIJCSMcaseCanadianSponsorshipCase2014June91002014002.pdf

individu dan melarang sepenuhnya sumbangan daripada syarikat dan kesatuan sekerja. Akta ini turut memperkukuh sistem pembiayaan awam untuk parti politik bagi memastikan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti dalam sistem politik negara.[131]

4.2.2 Rangkuman pemakaian undang-undang pendanaan politik di Canada

Undang-undang utama yang mentadbir pendanaan politik di peringkat persekutuan ialah *Canada Elections Act (S.C. 2000, c. 9)* (CEA). Akta ini menggariskan keseluruhan kerangka pendanaan politik yang meliputi pembiayaan untuk parti, calon, dan pihak ketiga. Ia mengawal proses pendaftaran, sumbangan kewangan, perbelanjaan, pelaporan kewangan dan mekanisme penguatkuasaan bagi memastikan ketelusan serta kebertanggungjawaban dalam pembiayaan politik. Akta ini secara umumnya terpakai untuk aktiviti pilihan raya bagi *House of Commons* dan terhadap semua aktiviti kewangan politik yang dijalankan di bawah bidang kuasa persekutuan.

Di bawah seksyen 2 dan 349, pihak-pihak yang terlibat seperti "parti politik berdaftar", "calon pilihan raya", "calon kepimpinan" dan "calon penamaan" dan "pihak ketiga" telah diberi takrifan seperti berikut: -

PIHAK	**TAKRIFAN**
candidate	a person whose nomination as a candidate at an election has been confirmed under subsection 71(1) and who, or whose official agent, has not yet complied with sections 477.59 to 477.72 and 477.8 to 477.84 in respect of that election.
electoral district association	an association of members of a political party in an electoral district.

[131] Feasby, 2007, 523–526

eligible party	a political party that satisfies the criteria for registration set out in section 387.
leadership contestant	person who has been registered in the registry of leadership contestants referred to in section 478.4 in respect of a leadership contest and who, or whose financial agent, has not yet complied with sections 478.8 to 478.97 in respect of that leadership contest.
nomination contestant	a person who is named as a nomination contestant under paragraph 476.1(1)(c) in a report filed in accordance with subsection 476.1(1) in respect of a nomination contest and who, or whose financial agent, has not yet complied with sections 476.75 to 476.94 in respect of that nomination contest.
Third party	(a) in Division 0.1, a person or a group other than (i) during an election period, a candidate, a registered party or an electoral district association of a registered party, and (ii) outside of an election period, (A) a registered party or eligible party or a registered association, (B) a potential candidate within the meaning of paragraph (a), (b) or (d) of the definition *potential candidate* in subsection 2(1), or (C) a nomination contestant; (a.1) in Division 1, a person or a group other than (i) a registered party or eligible party or a registered association, (ii) a potential candidate within the meaning of paragraph (a), (b) or (d) of the definition *potential candidate* in subsection 2(1), or (iii) a nomination contestant; and (b) in Division 2, a person or a group other than a candidate, a registered party or an electoral district association of a registered party.

Setiap pihak ini tertakluk kepada kewajipan pendaftaran, pelaporan dan lain-lain sebagaimana yang diperincikan dalam bahagian-bahagian tertentu di bawah CEA. Chief Electoral Officer, melalui kuasa yang diberikan di bawah seksyen 16, bertanggungjawab untuk melaksanakan dan memastikan pematuhan terhadap semua peruntukan dalam Akta ini, termasuk kawalan terhadap pembiayaan, perbelanjaan dan pelaporan.

Bahagian 17 CEA pula memperuntukkan mengenai pihak ketiga yang terlibat dalam pengiklanan pilihan raya, aktiviti partisan[132] dan tinjauan pilihan raya terutamanya yang dijalankan semasa tempoh pra-pilihan raya yang ditakrifkan sebagai berikut: -

pre-election period means the period beginning on the June 30 before the day set in accordance with subsection 56.1(2) for the holding of a general election and ending on the day before the earlier of

(a) the first day of an election period for a general election, and

(b) the 37th day before the Monday referred to in subsection 56.1(2) or, if the Governor in Council makes an order under subsection 56.2(3), the 37th day before the alternate day referred to in that order.

Menurut seksyen 353, mana-mana pihak ketiga yang berhasrat membelanjakan dana bagi tujuan pengiklanan atau aktiviti kempen perlu berdaftar dengan Chief Electoral Officer apabila jumlah perbelanjaan mereka telah mencapai jumlah sebanyak $500 CAD.

Seksyen 354 pula menetapkan keperluan pelantikan ejen kewangan oleh pihak ketiga, manakala seksyen 355 memperuntukkan pelantikan juruaudit bagi

[132] *partisan activity* means an activity, including canvassing door-to-door, making telephone calls to electors and organizing rallies, that is carried out by a third party — a person or group other than a political party that is registered under an Act of a province — and that promotes or opposes a registered party or eligible party or the election of a potential candidate, nomination contestant, candidate or leader of a registered party or eligible party, otherwise than by taking a position on an issue with which any such party or person is associated. It does not include election advertising, partisan advertising or a fundraising activity.

mengesahkan akaun perbelanjaan kempen pihak ketiga. Akta ini juga mewajibkan pihak ketiga untuk mengemukakan laporan perbelanjaan kempen kepada Chief Electoral Officer dan laporan tersebut hendaklah disemak serta diterbitkan kepada umum sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 362. Di samping itu, seksyen 351.1 melarang penerimaan atau penggunaan dana daripada sumber asing bagi aktiviti kempen, manakala seksyen 350 menetapkan had maksimum bagi perbelanjaan pihak ketiga semasa pilihan raya.

4.2.3 Pewujudan badan kawal selia pendanaan politik di Canada

Pengawalseliaan pendanaan politik di peringkat persekutuan ditadbir melalui pejabat Chief Electoral Officer, turut dikenali sebagai Elections Canada, di bawah kerangka CEA. Perlantikan dan tempoh perkhidmatan Chief Electoral Officer ditetapkan dalam seksyen 13 seperti berikut:

> **Appointment and term of office**
>
> 13 (1) There shall be a Chief Electoral Officer who shall be appointed by resolution of the House of Commons to hold office during good behaviour **for a term of 10 years**. He or she may be removed for cause by the Governor General on address of the Senate and House of Commons.

Seksyen 15 pula memperincikan kedudukan Chief Electoral Officer dalam struktur perundangan perkhidmatan awam, manakala seksyen 16 menghuraikan kuasa dan tugas teras pegawai tersebut dalam mentadbir serta melaksanakan peruntukan Akta, termasuk langkah yang perlu bagi memastikan perjalanan pilihan raya yang teratur dan pematuhan kepada kehendak undang-undang berkaitan kewangan politik:

> ***Powers and duties of Chief Electoral Officer***
>
> *16 The Chief Electoral Officer shall*
>
> *(a) exercise general direction and supervision over the conduct of elections;*

(b) ensure that all election officers act with fairness and impartiality and in compliance with this Act;

(c) issue to election officers the instructions that the Chief Electoral Officer considers necessary for the administration of this Act; and

(d) exercise the powers and perform the duties and functions that are necessary for the administration of this Act, other than Division 1.1 of Part 16.1.

Keupayaan pentadbiran Elections Canada turut disokong melalui peruntukan mengenai kakitangan dan bantuan teknikal, seperti seksyen 19 yang membenarkan pelantikan pegawai dan kakitangan bagi melaksanakan fungsi Akta dan seksyen 21 yang membenarkan pewakilan fungsi tertentu Chief Electoral Officer bagi memastikan pelaksanaan CEA secara cekap dan berkesan.

Dari segi penguatkuasaan pematuhan kewangan politik, CEA juga mewujudkan jawatan Commissioner of Canada Elections yang dilantik oleh Chief Electoral Officer, selepas konsultasi dengan Director of Public Prosecutions, melalui seksyen 509. Seksyen 509.1 memperuntukkan kedudukan Pesuruhjaya dalam Pejabat Chief Electoral Officer, dan seksyen 509.2 menyatakan tugas utama Pesuruhjaya untuk memastikan pematuhan kepada Akta. Seksyen 509.22 pula memperuntukkan kuasa mengambil langkah yang perlu bagi memastikan pematuhan, termasuk tindakan siasatan yang sesuai. Walaupun Pesuruhjaya ini dilantik oleh Chief Electoral Officer, beliau menjalankan tugasnya secara bebas seperti yang dinyatakan dalam laman sesawang Elections Canada[133]:

[133] Elections Canada. (2025, October 7). Relationship between the Chief Electoral Officer and the Commissioner of Canada Elections: Key Guiding Principles. https://www.elections.ca/content.aspx?section=abo&dir=cce&document=princip&lang=e

Although the Commissioner is located within the OCEO, the CEA expressly states that, in the performance of his compliance and enforcement mandate, the Commissioner is to act independently of the CEO. Consequently, the CEO may not interfere with the conduct of any investigation or with the decisions of the Commissioner as they relate to the exercise of the Commissioner's mandate. The Act specifies, however, that this does not preclude the Commissioner from consulting with the CEO in respect of any matter, if the Commissioner considers it appropriate.



Sumber: Commissioner of Canada Elections[134]

4.2.4 Penubuhan lembaga penasihat bagi pendanaan politik di Canada

Melalui seksyen 21.1(1), Canada Elections Act menubuhkan secara khusus suatu badan penasihat yang dinamakan sebagai Advisory Committee of Political Parties (ACPP). Keanggotaan ACPP ini terdiri daripada Chief Electoral Officer sebagai pengerusi bersama dua wakil daripada setiap parti politik berdaftar yang dilantik

[134] Canadian Election Foundation. (2024, June 25). *The CCE and Elections Canada: Two distinct organizations*. Retrieved December 31, 2025, from https://www.cef-cce.ca/content.asp?section=abo&dir=tdo&document=index&lang=e

oleh ketua parti masing-masing. Tujuan penubuhan ACPP dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 21.1(2), iaitu untuk memberi nasihat dan syor kepada Chief Electoral Officer berhubung hal ehwal pilihan raya dan pendanaan politik. Walau bagaimanapun, nasihat dan syor ACPP tidak mengikat Chief Electoral Officer, seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 21.1(3):

> ***Advice and recommendations not binding***
>
> *(3) The committee's advice and recommendations are not binding on the Chief Electoral Officer.*

Dari segi tadbir urus, ACPP hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun, dan mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Chief Electoral Officer, sebagaimana ditetapkan dalam seksyen 21.1(4).

Peranan penasihat ACPP dapat diperhatikan dalam penjalanan kuasa oleh Chief Electoral Officer. Sebagai contoh, seksyen 16.2(1) memperuntukkan bahawa Chief Electoral Officer boleh mengeluarkan pendapat bertulis mengenai pemakaian mana-mana peruntukan Akta terhadap aktiviti atau amalan yang dicadangkan oleh pelaku politik yang relevan. Sebelum pendapat Chief Electoral Officer itu dikeluarkan, seksyen 16.2(2) mewajibkan beliau untuk mengemukakan draf pendapat tersebut kepada Commissioner of Canada Elections dan kepada para anggota ACPP untuk tujuan ulasan. Commissioner dan anggota ACPP boleh mengemukakan ulasan bertulis dalam tempoh 30 hari daripada tarikh draf dihantar, dan seksyen 16.2(3) seterusnya mewajibkan Chief Electoral Officer untuk mengambil kira ulasan yang diterima sebelum beliau boleh memuktamadkan pendapat tersebut.

4.2.5 Konsep Pendanaan Politik di bawah Undang-undang Pendanaan Politik di Canada

Canada Elections Act menetapkan kaedah, had dan prosedur yang mengawal sumbangan serta perbelanjaan parti politik, calon, pihak ketiga dan aktor berkaitan, di samping menetapkan kewajipan pelaporan serta mekanisme

bayaran balik yang tersusun. Pendekatan ini bertujuan memastikan sumber kewangan yang digunakan bagi tujuan politik dapat dijejaki, diaudit dan didedahkan kepada umum dengan tahap ketelusan yang memadai, serta mengurangkan risiko pengaruh kewangan yang berlebihan terhadap keputusan politik.

CEA mentakrif "contribution" untuk merangkumi sumbangan berbentuk wang dan sumbangan bukan wang. Menurut seksyen 2, sumbangan bukan wang ini membawa maksud seperti berikut:

> ***non-monetary contribution*** means the commercial value of a service, other than volunteer labour, or of property or of the use of property or money to the extent that they are provided without charge or at less than their commercial value.

Melalui takrifan ini, sumbangan pendanaan politik yang sah bukan sahaja boleh diberikan dalam bentuk derma kewangan, tetapi juga dalam bentuk barangan, perkhidmatan, atau penggunaan aset dengan konsesi. Kesemua sumbangan ini perlu direkod serta dilaporkan mengikut kehendak Akta. Namun begitu, terdapat pengecualian bagi sesetengah sumbangan wang, barang atau perkhidmatan. Pengecualian ini diutarakan di bawah seksyen 364 (2) dan (3) seperti berikut: -

> **Exclusion for goods and services — registered parties, registered associations and candidates**
>
> (2) A provision of goods or services is permitted and is not a contribution for the purposes of this Act if it is
>
> (a) from a registered party to an electoral district association of the party or a candidate endorsed by the party;
>
> (b) from a registered association to the registered party with which it is affiliated, another registered association of the party or a candidate endorsed by the party;

(c) from a registered party or registered association to a nomination contestant or a leadership contestant in compliance with subsection 365(1);

(d) from a candidate endorsed by a registered party to the party or a registered association of the party;

(e) from a candidate to themselves in their capacity as a nomination contestant in respect of the same election; or

(f) in the case where a writ is deemed to be withdrawn under subsection 31(3) of the Parliament of Canada Act, from a candidate in an election that is cancelled to themselves in their capacity as a candidate in respect of the general election resulting from the dissolution of Parliament.

Exclusion for funds — registered parties, registered associations and candidates

(3) A transfer of funds is permitted and is not a contribution for the purposes of this Act if it is

(a) from a registered party to an electoral district association of the party;

(b) from a registered association to the registered party with which it is affiliated or another registered association of the party;

(c) from a candidate endorsed by a registered party to the party or a registered association of the party;

(d) from a candidate to themselves in their capacity as a nomination contestant in respect of the same election; or

(e) in the case where a writ is deemed to be withdrawn under subsection 31(3) of the *Parliament of Canada Act*, from a candidate in an election that is cancelled to themselves in their capacity as a candidate in respect of the general election resulting from the dissolution of Parliament.

Bagi sumber pendanaan, menurut seksyen 363 (1), hanya individu warganegara Canada atau penduduk tetap, seperti yang ditakrif di bawah Immigration and

Refugee Protection Act, sahaja yang dibenarkan memberi sumbangan. Sekiranya ada pihak yang menerima sumbangan daripada mana-mana pihak selain pihak yang dibenarkan, mereka dikehendaki untuk memulangkan sumbangan tersebut kepada pihak yang memberi sumbangan atau, bagi sumbangan yang bukan dalam bentuk kewangan, mereka perlu membayar jumlah yang setara dengan nilai komersial sumbangan tersebut kepada Chief Electoral Officer yang akan memberikan bayaran tersebut kepada Receiver General. Hal ini secara tidak langsung bermaksud yang sumbangan daripada syarikat, kesatuan sekerja atau mana-mana entiti bukan individu adalah dilarang sama sekali.

Seksyen 367 pula memperuntukkan had sumbangan individu kepada parti berdaftar, gabungan entiti parti di peringkat kawasan, calon tertentu tanpa parti, serta calon kepimpinan:

> **Contribution limits**
>
> 367 (1) Subject to subsection 373(4), no individual shall make contributions that exceed
>
> (a) $1,500 in total in any calendar year to a particular registered party;
>
> (b) $1,500 in total in any calendar year to the registered associations, nomination contestants and candidates of a particular registered party;
>
> (c) $1,500 in total to a candidate for a particular election who is not the candidate of a registered party; and
>
> (d) $1,500 in total in any calendar year to the leadership contestants in a particular leadership contest.

Had di bawah seksyen 367 (1) ini akan meningkat sebanyak $25 CAD pada 1 Januari setiap tahun. Selain itu, bagi setiap sumbangan yang berjumlah melebihi $20 CAD, orang yang berkaitan sumbangan juga merangkumi keperluan merekod butiran sumbangan yang diperoleh melalui acara kutipan dana, termasuk tarikh, sifat acara dan anggaran bilangan hadirin, seperti yang ditetapkan dalam seksyen 366. Namun, sebarang sumbangan secara tunai yang melebihi $20 CAD adalah tidak dibenarkan menurut seksyen 371.

Bagi sumbangan yang dibuat secara tanpa nama (*anonymous*), CEA membenarkan sumbangan tersebut tidak melebihi $20 CAD. Menurut seksyen 366 (2), orang yang berkuasa menerima sumbangan tersebut hendaklah mencatatkan lokasi, tarikh, jumlah orang di mana sumbangan tersebut diterima serta jumlah keseluruhan sumbangan tanpa nama yang diterima. Menurut seksyen 434, 475.5, 476.76, 477.61, 478.82, mana-mana pihak yang menerima:

a) sumbangan yang melebihi $20 CAD dan nama penyumbang tersebut tidak dikenali; atau
b) sumbangan yang melebihi $200 CAD dan nama dan alamat penyumbang tersebut tidak diketahui,

sumbangan tersebut mencjadi tidak sah dan jumlah sumbangan itu perlu diberikan kepada Elections Canada, yang akan dibayar kepada *Receiver General*.

Sistem pendanaan politik di bawah CEA turut mengandungi instrumen pembiayaan awam melalui mekanisme bayaran balik yang tertakluk kepada pematuhan pelaporan serta piawaian pengauditan. Bagi parti politik, seksyen 444 memperuntukkan bayaran balik berdasarkan peratusan tertentu daripada perbelanjaan pilihan raya yang layak, termasuk peruntukan khusus bagi perbelanjaan aksesibiliti, sehingga jumlah maksimum $250,000 CAD. Namun begitu, sekiranya perbelanjaan politik parti tersebut melebihi had yang ditetapkan di bawah Seksyen 430, jumlah bayaran balik yang dibayar kepada parti politik akan dikurangkan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 444 (2) yang berikut: -

> *(2) If the election expenses, as set out in the election expenses return, exceed the maximum amount that is allowed under section 430, the amount that is provided for in subsection (1) is reduced as follows, without at any time being less than zero:*

a) by one dollar for every dollar that exceeds the maximum amount by less than 5%;

(b) by two dollars for every dollar that exceeds the maximum amount by 5% or more but by less than 10%;

(c) by three dollars for every dollar that exceeds the maximum amount by 10% or more but by less than 12.5%; and

(d) by four dollars for every dollar that exceeds the maximum amount by 12.5% or more.

Sementara itu, bagi calon pilihan raya, mekanisme bayaran balik ini diperincikan di bawah Subseksyen 477.73 dan 477.74, yang memperuntukkan kadar peratusan bayaran balik yang berbeza bagi kategori perbelanjaan tertentu seperti perbelanjaan kempen, perjalanan, sara diri semasa tempoh pilihan raya, perbelanjaan penjagaan kanak-kanak, serta perbelanjaan aksesibiliti. Bayaran balik ini hanya dibuat selepas penerimaan dan semakan penyata serta dokumen yang diperlukan di bawah Seksyen 477.59.

Selain mekanisme ini, CEA turut memperuntukkan pemberian elaun suku tahunan kepada parti politik. Seksyen 445 (1) menetapkan bahawa elaun suku tahunan ini hanya diperuntukkan kepada parti yang mana calonnya dalam pilihan raya terdekat selepas suku tahun itu telah menerima jumlah undi yang berikut: -

(a) 2% of the number of valid votes cast; or

(b) 5% of the number of valid votes cast in the electoral districts in which the registered party endorsed a candidate.

Peruntukan elaun suku tahunan ini akan ditentukan oleh Chief Electoral Officer mengikut pengiraan yang ditetapkan di bawah Seksyen 445 (2) yang memperuntukkan seperti yang berikut: -

(2) An allowance fund for a quarter is the product of the number of valid votes cast in the election referred to in subsection (1) multiplied by the applicable following
number:

(a) $0.255, for the quarter that begins on April 1, 2013 and the three following quarters; and
(b) $0.1275, for the quarter that begins on April 1, 2014 and the three following quarters.

Pembayaran elaun suku tahunan ini mengikut prosedur pembayaran yang sama dengan mekanisme bayaran balik, iaitu dibayar oleh Receiver General setelah mendapat dokumen yang diperlukan daripada parti politik. Sekiranya parti politik bergabung antara satu sama lain, gabungan baharu tersebut akan menerima jumlah elaun suku tahunan seolah-olah parti politik tersebut tidak pernah bergabung sebelumnya.

4.2.6 Mekanisme Penerimaan Sumbangan di bawah Undang-undang Pendanaan Politik di Canada

Canada Elections Act menetapkan bahawa hanya ejen rasmi calon sahaja yang boleh menerima sumbangan atau meminjam wang bagi pihak calon, mengeluarkan resit rasmi untuk tujuan cukai pendapatan dan lain-lain perkara berkaitan kewangan seperti yang diperuntukkan dalam Subseksyen 477.47(1) hingga (6). Pengaturan ini selari dengan tugas utama ejen rasmi calon untuk menguruskan setiap transaksi kewangan calon seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 477.45: -

Duty of official agent

477.45 A candidate's official agent is responsible for administering the candidate's financial transactions for their electoral campaign and for reporting on those transactions in accordance with this Act.

Selain itu, menurut Seksyen 477.46, ejen rasmi calon juga perlu membuka akaun bank bagi tujuan menguruskan kewangan untuk kempen pilihan raya calon, sama ada di institusi kewangan Canada atau di bank asing yang dibenarkan. Akaun ini hendaklah digunakan bagi setiap penerimaan wang melainkan transaksi itu melibatkan penerimaan dana daripada calon itu sendiri dan dana tersebut digunakan untuk tujan perundangan atau pembayaran peribadi: -

Deposits into account

(3) All of a candidate's financial transactions in relation to the candidate's electoral campaign that involve the receipt of money are to be deposited to the account unless the transaction involves the receipt of the candidate's own funds and those funds are used to pay a litigation expense or a personal expense.

Bagi persatuan berdaftar dan pihak-pihak yang lain, CEA turut menetapkan kewajipan serupa kepada ejen kewangan dan ketua ejen untuk mengurus penerimaan, penyimpanan rekod, pelaporan dan tindakan pembetulan, termasuk kewajipan membuat bayaran kepada Chief Electoral Officer jika butiran penderma yang diperlukan tidak lengkap seperti nama penderma. Conotohnya seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 475.5: -

When contributions forwarded to Receiver General Contributions

475.5 If the name of the contributor of a contribution of more than $20 to a registered association, or the name or address of a contributor who has made contributions of a total amount of more than $200 to a registered association, is not known, the registered association's financial agent shall, without delay, pay an amount of money equal to the value of the

contribution to the Chief Electoral Officer, who shall forward it to the Receiver General.

Ringkasan bagi orang yang bertanggungjawab menguruskan kewangan bagi pihak-pihak di bawah CEA adalah seperti berikut: -

Entiti	Siapa yang boleh menerima sumbangan	Seksyen utama
Registered party	Hanya ejen berdaftar parti yang boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi pihak parti.	426(3)
Registered association	Hanya ejen kewangan persatuan yang boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi pihak persatuan. Untuk penerimaan barangan/perkhidmatan atau pemindahan dana yang dibenarkan, hanya ejen kewangan persatuan boleh bertindak.	475(3), 475(4)
Candidate	Hanya ejen rasmi calon yang boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi pihak calon.	477.47(1); 477.46(1)
Leadership contestant	Hanya ejen kewangan calon ketua yang boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi pihak calon ketua.	478.73(1); 478.72(1)
Nomination contestant	Hanya ejen kewangan calon pencalonan yang boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi pihak calon pencalonan.	476.66(1); 476.65(1)

4.2.7 Mekanisme Pelaporan di bawah Undang-undang Pendanaan Politik di Canada

Bagi parti berdaftar, seksyen 432 mewajibkan Ketua Ejen parti yang berdaftar untuk mengemukakan penyata pulangan transaksi kewangan (*financial*

transactions return) kepada Chief Electoral Officer pada setiap tempoh kewangan. Kandungan penyata ini meliputi butiran komprehensif mengenai sumbangan, pinjaman, jaminan, pemindahan dana, nilai komersial bagi barangan atau perkhidmatan yang diterima, serta pelaporan mengenai sumbangan yang dipulangkan atau diuruskan menurut Akta.

Bagi persatuan berdaftar, seksyen 475.6 mewajibkan juruaudit untuk melaporkan pulangan transaksi kewangan kepada ejen kewangan persatuan sekiranya persatuan menerima sumbangan atau menanggung perbelanjaan melebihi $10,000 dalam sesuatu tempoh fiskal. Bagi calon penamaan dan calon pilihan raya, CEA menetapkan rejim pelaporan selepas pilihan raya yang meliputi butiran sumbangan, perbelanjaan dan baki dana. Sebagai contoh, seksyen 477.59 menetapkan prosedur semakan dan permintaan dokumen tambahan oleh Chief Electoral Officer bagi penyata kempen calon. Bagi calon kepimpinan, CEA menuntut laporan berkala apabila jumlah sumbangan atau perbelanjaan melebihi ambang tertentu, seperti di bawah seksyen 478.81 yang mana ejen kewangan diwajibkan untuk menyediakan pulangan kepada Chief Electoral Officer jika jumlah yang diterima atau dibelanjakan melebihi 10,000 dolar.

> ***Return on contributions Rapports sur les contributions***
>
> *478.81 (1) A leadership contestant's financial agent shall, for the period beginning on the first day of the leadership contest and ending on the day that is four weeks before the end of the leadership contest, provide the Chief Electoral Officer with a return that includes the information required under paragraphs 478.8(2)(d) to (k) if the leadership contestant has, during that period, accepted contributions of more than $10,000 in total or incurred leadership campaign expenses of more than $10,000 in total. The financial agent shall provide the return within one week after the end of that period.*

Berdasarkan CEA, antara kandungan yang konsisten dalam semua keperluan pelaporan adalah berkenaan mana-mana sumbangan yang melebihi $200 CAD,

yang mana laporan kewangan perlu menyatakan nama dan alamat penyumbang. Kegagalan untuk mengenal pasti kedua-dua nama dan alamat ini boleh menyebabkan sumbangan tersebut tidak sah dan menjadi kesalahan bagi pihak yang menerima untuk menggunakan sumbangan tersebut.

Di samping itu, sekiranya mana-mana pihak hendak mengadakan suatu acara menaikkan dana (*fundraising*), seksyen 384.2 menetapkan keperluan untuk menerbitkan maklumat berkaitan acara tersebut di laman sesawangnya dalam tempoh sekurang-kurangnya 5 hari sebelum acara tersebut berlangsung.

> ***Regulated fundraising event organized by registered party***
>
> *384.2 (1) If a registered party organizes all or part of a regulated fundraising event for its own financial benefit or for the financial benefit of one of its registered associations, nomination contestants, candidates or leadership contestants, the registered party shall publish the information set out in subsection (2) in a prominent location on its Internet site for the period beginning five days before the day the regulated fundraising event takes place and ending at the time the event starts.*

Pada masa yang sama, pihak yang mengadakan acara turut perlu memberi notifikasi kepada Chief Electoral Officer berkaitan acara *fundraising* dalam tempoh yang sama dengan keperluan penerbitan.

4.2.8 Pendedahan Laporan kepada Umum di bawah Undang-undang Pendanaan Politik di Canada

CEA menetapkan bahawa penyata dan laporan kewangan yang diterima oleh Chief Electoral Officer hendaklah dikemukakan dalam bentuk yang ditetapkan, disemak, dan didedahkan kepada orang ramai melalui saluran rasmi. Bagi parti berdaftar, seksyen 432(1) mewajibkan Ketua Ejen parti untuk mengemukakan penyata pulangan transaksi kewangan, laporan juruaudit dan perisytiharan bahawa pulangan itu adalah lengkap dan tepat kepada Chief Electoral Officer. Kandungan yang wajib didedahkan dalam pulangan tersebut termasuk butiran

sumbangan melebihi dua ratus dolar, iaitu nama dan alamat penyumbang, jumlah keseluruhan sumbangan melebihi ambang tersebut, jumlah setiap sumbangan dan tarikh penerimaan, seperti yang diperuntukkan secara jelas dalam seksyen 432(1)(c).

Bagi entiti lain, CEA menyediakan kewajipan pelaporan dan pendedahan yang setara. Persatuan kawasan pilihan raya berdaftar tertakluk kepada kewajipan pelaporan dan audit apabila ambang tertentu dicapai, termasuk kewajipan pelunasan kepada Chief Electoral Officer sekiranya butiran penyumbang tidak lengkap bagi sumbangan yang melepasi ambang kecil, seperti yang dihuraikan dalam seksyen 475.5 dan seksyen 475.6. Bagi calon, rejim pelaporan kempen diperincikan dalam subbahagian khusus yang antara lainnya mewajibkan pengemukaan "electoral campaign return", laporan juruaudit apabila berkenaan, serta menyediakan mekanisme semakan, pembetulan dan lanjutan masa oleh Chief Electoral Officer, yang digariskan dalam seksyen 477.59, seksyen 477.62, seksyen 477.65, seksyen 477.66, dan seksyen 477.67. Peruntukan ini berfungsi sebagai asas pendedahan kerana setiap laporan yang diterima diproses mengikut bentuk yang ditetapkan sebelum disiarkan.

Selain daripada pulangan transaksi kewangan, Seksyen 384.3 mewajibkan parti diwajibkan untuk membuat laporan kepada Chief Electoral Officer sekiranya mereka mengadakan sebarang acara untuk mengutip dana bagi manfaat sendiri atau manfaat persatuan berdaftar, calon pencalonan, calon pilihan raya atau calon kepimpinan mereka. Laporan ini kemudiannya akan diterbitkan oleh Chief Electoral Officer mengikut apa-apa kaedah yang beliau merasakan patut:

> **Publication of reports**
>
> (13) The Chief Electoral Officer shall publish reports provided under subsections (1), (6) and (8), and any corrected or revised versions of those reports, as soon as feasible after receiving them, in the manner that he or she considers appropriate.

Secara amalannya, setiap laporan yang diberikan kepada Chief Electoral Officer di bawah Canada Elections Act, melainkan dilarang secara nyata dalam CEA, akan disemak oleh Elections Canada bagi memastikan ia lengkap, sebelum diterbitkan dalam laman sesawang Elections Canada dan boleh diakses secara terbuka. Hal ini membolehkan orang ramai untuk turut menyemak laporan-laporan berkaitan kewangan, sekali gus meningkatkan ketelusan dan keyakinan awam.



Sumber: Elections Canada. (n.d.). *Political financing: Search for financial returns*. Retrieved December 31, 2025, from https://www.elections.ca/wpapps/WPF/EN/Home/Index?returntype=1

4.2.9 Kesalahan di bawah Undang-undang Pendanaan Politik di Canada

Canada Elections Act memperuntukkan pelbagai jenis kesalahan berkenaan pendanaan politik. Kesalahan-kesalahan umum berkaitan kewangan politik boleh dibahagikan seperti yang berikut: -

A. Kesalahan Am Kewangan

Seksyen kesalahan	Huraian kesalahan	Peruntukan yang dilanggar
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan apabila melanggar syarat asas berkenaan siapa yang boleh membuat sumbangan politik.	363(1)
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan apabila menerima atau mengurus sumbangan tanpa nama di luar had serta cara yang dibenarkan oleh undang-undang.	364(9)
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan apabila membuat atau menerima pindahan dana yang dilarang antara entiti politik.	365(1)
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan kerana tidak mematuhi kewajipan resit rasmi atau rekod berkaitan sumbangan.	366
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan kerana cuba memintas atau mengelakkan peraturan had dan larangan sumbangan.	368(1)
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan kerana menyembunyikan asal usul sumbangan atau melakukan tindakan bagi menutup pelanggaran peraturan sumbangan.	368(2)
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan kerana membuat sumbangan secara tidak langsung melalui orang tengah atau kenderaan lain.	370

Seksyen kesalahan	Huraian kesalahan	Peruntukan yang dilanggar
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan kerana gagal memulangkan atau membayar amaun sumbangan yang tidak sah mengikut cara dan tempoh yang diwajibkan.	372(1) atau 372
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan kerana melanggar peraturan pinjaman dan jaminan kepada entiti politik.	373(1) atau 373(2)
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan kerana mengatur pinjaman secara tidak langsung yang dilarang.	374(1) atau 374(2)
497(1)	Seseorang melakukan kesalahan kerana gagal mendokumenkan bayaran atau perbelanjaan mengikut keperluan.	380(1) atau 380(2)
497(2)	Seseorang melakukan kesalahan jika dengan pengetahuan melanggar mana-mana larangan atau kewajipan yang dinyatakan di atas (contohnya membuat sumbangan tidak sah, memintas peraturan, atau gagal memulangkan sumbangan tidak sah).	363, 364(9), 365(1), 366, 368, 370, 372, 373, 374, 380 (sebagaimana berkenaan)

B. Kesalahan berkaitan acara pengumpulan dana

Seksyen kesalahan	Huraian kesalahan	Peruntukan yang dilanggar
497.01	Seseorang melakukan kesalahan kerana tidak mematuhi kewajipan pemberitahuan atau butiran berkaitan penganjuran acara pengumpulan dana terkawal.	384.1 dan/atau 384.2
497.01	Seseorang melakukan kesalahan kerana gagal mengemukakan laporan acara pengumpulan dana terkawal, menyerahkan laporan tidak lengkap, atau tidak membetulkan laporan yang dikehendaki.	384.3(1), 384.3(2), 384.3(5), 384.3(6), 384.3(7)
497.01	Seseorang melakukan kesalahan kerana tidak memulangkan sumbangan yang diwajibkan selepas acara pengumpulan dana terkawal mengikut tempoh yang ditetapkan.	384.4
497.01	Seseorang melakukan kesalahan kerana gagal memberikan dokumen sokongan atau maklumat lanjut kepada Ketua Pegawai Pilihan Raya sebagaimana dikehendaki.	384.7(3)

C. Kesalahan oleh parti berdaftar

Seksyen kesalahan	Huraian kesalahan	Peruntukan yang dilanggar
497.1(1)	Sesuatu pihak melakukan kesalahan kerana gagal mematuhi kewajipan pelaporan dan tadbir urus parti berdaftar, termasuk pelantikan ejen utama dan juruaudit yang layak serta penyerahan penyata dan rekod.	392, 396(2), 400(1)-(2), 401(1), 405(1), 405(4), 424(1), 424(3), 424(5)-(6), 426, 427, 428, 429, 431, 432, 433, 436, 437, 439, 440, 442 (sebagaimana berkenaan)
497.1(2)	Pihak yang sama melakukan kesalahan jika dengan pengetahuan melanggar mana-mana kewajipan pendanaan atau pelaporan parti berdaftar yang dinyatakan.	Peruntukan yang sama seperti di atas, bergantung kepada pelanggaran sebenar

D. Kesalahan oleh persatuan berdaftar

Seksyen kesalahan	Huraian kesalahan	Peruntukan yang dilanggar
497.2(1)	Sesuatu pihak melakukan kesalahan kerana menjalankan aktiviti kewangan tanpa pendaftaran, salah meletakkan autoriti pada bahan iklan partisan, menanggung perbelanjaan terlarang, gagal melantik ejen kewangan atau juruaudit yang layak, atau gagal	447, 449.1, 449.2, 450, 451(2)-(4), 452(2)-(3), 452(5), 452(7), 453(1)-(2), 453(4)-(5), 456(1), 456(3), 457(1)-(3)

Seksyen kesalahan	Huraian kesalahan	Peruntukan yang dilanggar
	mematuhi keperluan akaun bank, rekod dan laporan.	
497.2(2)	Kesalahan yang sama dilakukan jika pelanggaran itu dilakukan dengan pengetahuan.	Peruntukan yang sama seperti di atas, bergantung kepada pelanggaran sebenar

E. Kesalahan oleh calon pencalonan

Seksyen kesalahan	Huraian kesalahan	Peruntukan yang dilanggar
497.3(1)	Sesuatu pihak melakukan kesalahan kerana gagal mematuhi peraturan pendanaan dan pelaporan pertandingan pencalonan, termasuk had dan bentuk sumbangan, pembukaan akaun, pelantikan ejen/penyimpan rekod, dan penyerahan penyata serta resit.	468, 469, 470(1)-(5), 471(1), 471(3)-(4), 472(1), 472(5), 473(1), 473(3), 475(1), 475(4), 476(1)-(3), 476.65, 476.66 (sebagaimana berkenaan)
497.3(2)	Kesalahan yang sama jika dilakukan dengan pengetahuan.	Peruntukan yang sama seperti di atas, bergantung kepada pelanggaran sebenar

F. Kesalahan oleh calon pilihan raya

Seksyen kesalahan	**Huraian kesalahan**	**Peruntukan yang dilanggar**
497.4(1)	Seseorang melakukan kesalahan kerana gagal mematuhi peraturan kewangan calon, termasuk pelantikan ejen rasmi dan juruaudit, pembukaan akaun bank kempen, penerimaan sumbangan dan pinjaman mengikut undang-undang, pengurusan resit dan baucar, had perbelanjaan, serta penyerahan penyata dengan dokumen sokongan.	477.21, 477.23(1), 477.23(3)-(4), 477.24, 477.26(1)-(2), 477.29(1), 477.29(3), 477.32, 477.36(1)-(3), 477.37(1), 477.42(1), 477.43, 477.44, 477.46(1)-(2), 477.47(3) (sebagaimana berkenaan)
497.4(2)	Kesalahan yang sama jika dilakukan dengan pengetahuan.	Peruntukan yang sama seperti di atas, bergantung kepada pelanggaran sebenar

G. Kesalahan oleh calon kepimpinan

Seksyen kesalahan	**Huraian kesalahan**	**Peruntukan yang dilanggar**
497.5(1)	Seseorang melakukan kesalahan kerana gagal mematuhi peraturan kewangan pertandingan Ketua Parti, termasuk pelantikan ejen/penyimpan rekod,	478.2 dan peruntukan bersiri 478 (termasuk 478.41, 478.52, 478.72, 478.73,

Seksyen kesalahan	Huraian kesalahan	Peruntukan yang dilanggar
	pembukaan akaun bank, penerimaan sumbangan dan pinjaman yang sah, serta penyediaan dan penyerahan penyata, resit serta dokumen berkaitan.	sebagaimana berkenaan)
497.5(2)	Kesalahan yang sama jika dilakukan dengan pengetahuan.	Peruntukan yang sama seperti di atas, bergantung kepada pelanggaran sebenar

Seperti yang telah dinyatakan, sebarang aktiviti penguatkuasaan dan penyiasatan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Canada Elections Act ini akan dijalankan oleh Commissioner of Canada Elections. Kuasa dan kedudukan Commissioner of Canada Elections sebagai pihak berkuasa penyiasatan dan penguatkuasaan ini telah diperincikan dalam seksyen 509 hingga seksyen 521.5, termasuk kuasa menjalankan siasatan, mendapatkan maklumat, dan menggunakan instrumen penguatkuasaan seperti perjanjian pematuhan serta notis pelanggaran pentadbiran, di samping rujukan kepada pendakwaan jenayah melalui Pengarah Pendakwaan Persekutuan apabila perlu.

4.3 SWEDEN

4.3.1 Keperluan Undang-Undang

Sebelum tahun 2014, kawal selia pendanaan politik di Sweden adalah sangat minima, dengan perundangan rasmi yang berkaitan kewangan parti politik yang wujud sebelum tahun tersebut adalah berkenaan pemberian bantuan kewangan

kepada parti politik sebagai suatu bentuk sokongan daripada kerajaan melalui penggubalan *Lag (1972:625) om statligt stöd till politiska partier* atau *Act (1972:625) on State Financial Support to Political Parties* yang digubal pada tahun 1972. Walaupun *Act on State Financial Support to Political Parties* ini membuka ruang bagi parti politik untuk mendapat sokongan kewangan daripada kerajaan dalam penjalanan aktiviti politiknya (dan seterusnya kepada penggubalan pemberian dana awam lain yang serupa tetapi untuk kumpulan sasar yang berbeza seperti *Act (2010:473) on State aid to women's organisations of the parliamentary parties*), undang-undang tersebut tidak memperuntukkan sebarang kewajipan untuk melaporkan status kewangan parti atau mendedahkan sumber kewangan parti. Sebaliknya, pendedahan maklumat kewangan ini dilakukan secara *self-regulatory* oleh parti politik sendiri. Sebagai contoh, sejak tahun 1980-an, *Joint Agreement Concerning Openness about the Parties' Income* telah dibangunkan yang mana parti di Parlimen Sweden (*Riksdag)* bersetuju untuk menyediakan maklumat ringkas tentang sumber kewangan utama parti secara terbuka kepada umum dalam bentuk laporan akhir.[135] Perjanjian ini, walau bagaimanapun, tidak menetapkan sebarang keperluan supaya penderma dinamakan dalam laporan tersebut. Selain itu, perjanjian ini tidak mengikat parti-parti tersebut, sekaligus tidak menjadi sebarang kesalahan bagi parti untuk melanggar terma perjanjian tersebut. Justeru, sehingga tahun 2014, tiada perundangan di Sweden yang mengutarakan berkenaan aktiviti pendanaan bagi parti politik daripada sumber swasta mahupun sumber luar negara.

Pada tahun 2014, Sweden akhirnya menyertai negara-negara Eropah yang lain dalam menggubal perundangan berkaitan dengan ketelusan dalam pendanaan politik melalui *Act (2014:105) on Transparency of Party Financing*. Menariknya, penggubalan ini tidak didorong oleh sebarang kontroversi atau skandal politik,

[135] Casas-Zamora, K., & Falguera, E. (2016). Checkbook elections: Political finance in comparative perspective [Policy brief]. International Institute for Democracy and Electoral Assistance (International IDEA). https://arpi.unipi.it/retrieve/e0d6c928-df8d-fcf8-e053-d805fe0aa794/Checkbook_Elections_brief.pdf

mahupun desakan yang kuat daripada rakyat. Sebaliknya, ia digubal berikutan laporan *Evaluation Report on Sweden Transparency of Party Funding* yang dikeluarkan oleh badan anti-rasuah Council of Europe iaitu Group of States against Corruption (GRECO).[136] Laporan tersebut mendapati bahawa sistem kewangan politik di Sweden tidak memenuhi standard yang diperuntukkan dalam *Recommendation Rec(2003)4 of the Committee of Ministers of the Council of Europe on common rules against corruption in the funding of political parties and electoral campaigns*. Walaupun amalan rasuah tidak dianggap sebagai suatu masalah yang besar bagi Sweden, ketiadaan elemen ketelusan berkenaan sumber kewangan politik dan jenis perbelanjaan dilihat tidak seimbang berbanding dengan elemen ketelusan yang tinggi yang terdapat dalam sektor awam yang lain. Sehubungan itu, laporan tersebut mencadangkan kepada kerajaan Sweden: -

ii. to consider introducing reporting on income and expenditure relating to election campaigns at appropriate intervals and to make sure that relevant information is disclosed in a way that provides for easy access by the public (paragraph 71);

iii. to introduce a general ban on donations from donors whose identity is not known to the party/candidate and to introduce a general requirement for parties/election candidates to report individual donations above a certain value together with the identity of the donor (paragraph 72);

iv. to consider elaborating a co-ordinated approach for the publication of political financing reports (including party and election campaign financing) in order to facilitate the public's access to such documents (paragraph 73);

[136] Group of States against Corruption. (2009). Third evaluation round: Evaluation report on Sweden on transparency of party funding (Theme II). Council of Europe. https://rm.coe.int/CoERMPublicCommonSearchServices/DisplayDCTMContent?documentId=09000016806ca1b2

v. to ensure independent auditing in respect of political parties, as appropriate, obliged (or yet-to-be obliged) to keep books and accounts (paragraph 74);

vi. to ensure independent monitoring of political party funding and electoral campaigns, in line with Article 14 of Recommendation Rec(2003)4 (paragraph 75);

vii. that existing and yet-to-be-established rules on financing of political parties and electoral campaigns be accompanied by appropriate (flexible) sanctions, which are effective, proportionate and dissuasive (paragraph 77).

Berikutan laporan GRECO ini, suatu kajian telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap ketelusan berkenaan cara parti politik dan calon pilihan raya membiayai aktiviti politik dan kempen pilihan raya mereka. Kajian ini membawa kepada penghasilan kertas cadangan *Increased transparency in party and election candidates' funding Prop. 2013/14:70* pada tahun 2013, yang seterusnya diikuti dengan penggubalan *Act (2014:105) on Transparency of Party Financing* pada tahun seterusnya.

Penulisan bahagian-bahagian selepas ini adalah berasaskan kepada *Act (2018:90) on transparency in the financing of parties* dan, di mana relevan, *Act (2014:105) on State Financial Support to Political Parties*.

4.3.2 Rangkuman pemakaian undang-undang pendanaan politik di Sweden

Pada tahun 2018, *Act on Transparency of Party Financing* (2014:105) telah dimansuhkan dan digantikan dengan *Lag (2018:90) om insyn i finansiering av partier* atau *Act (2018:90) on transparency in the financing of parties* (Akta 2018:90) yang berkuatkuasa sejak 1 April 2018. Akta 2018:90 ini telah digubal untuk memastikan ketelusan awam mengenai cara pendanaan bagi aktiviti politik dilakukan oleh pihak yang terlibat dalam proses demokrasi perwakilan. Seksyen 1

telah menyatakan tujuan utama Akta iaitu bagi membolehkan orang ramai mengetahui tentang proses pembuatan keputusan dan pembiayaan yang diambil oleh parti politik: -

> *1 § Syftet med lagen är att trygga allmänhetens insyn i hur partier, ledamöter i beslutande politiska församlingar och ersättare för sådana ledamöter finansierar sin verksamhet.*
>
> *(Section 1 The purpose of the law is to ensure public transparency in how parties, members of decision-making political assemblies and Replacements for such members finance their activities.)*

Bagi memastikan pemakaian Akta ini jelas dan seragam, Akta 2018:90 turut memperincikan beberapa takrifan penting berkaitan dengan pendanaan politik seperti "*contribution*" yang bermaksud sebarang pemberian dalam bentuk wang, barangan, perkhidmatan atau apa-apa perkara lain yang diterima tanpa balasan.[137] Pada masa yang sama, Akta 2018:90 mengecualikan kerja sukarela lazim dan penyediaan perkhidmatan secara percuma yang lazim daripada takrifan "*contribution*"[138]:

> *bidrag: prestationer i form av pengar, varor, tjänster och annat som har tagits emot helt eller delvis utan någon motprestation med undantag för sedvanligt frivilligt arbete och sedvanliga gratistjänster,*
>
> *(Contribution: performance in the form of money, goods, services and other things that have been received in whole or in part without any counter-performance with the exception of customary voluntary work and customary free services,)*

Akta juga mentakrifkan terma "*anonymous contribution*" sebagai suatu pemberian daripada pihak yang identitinya tidak diketahui oleh penerima atau identiti tersebut tidak dapat dikenal pasti tanpa kesukaran yang ketara (significant

[137] Seksyen 2, Lag (2018:90) om insyn i finansiering av partier atau Act (2018:90).
[138] Ibid.

difficulty). Takrifan ini secara tidak langsung memberikan tanggungjawab kepada pihak penerima untuk menjalankan usaha bagi mengenal pasti individu yang berkaitan.

Secara asasnya, skop utama Akta 2018:90 merangkumi kewajipan parti politik untuk melaporkan kewangannya secara tahunan termasuk sumber pendapatan dan aktiviti parti yang berkaitan telah dijalankan. Selain itu, Akta tersebut juga mengandungi larangan kepada parti politik daripada menerima pemberian tanpa nama yang melebihi jumlah yang ditetapkan serta peranan *Legal, Financial and Administrative Services Agency* atau *Kammarkollegiet* dalam memantau kewajipan di bawah Akta 2018:90.

Sebuah lagi undang-undang yang berkaitan pendanaan politik di Sweden adalah *Lag (1972:625) om statligt stöd till politiska partier* atau *Act on State Financial Support to Political Parties* (Akta 1972:625) yang telah digubal pertama kalinya pada tahun 1972 bagi tujuan membenarkan kerajaan Sweden untuk menyalurkan dana awam kepada parti politik yang berkelayakan. Akta ini turut menggariskan tatacara permohonan bagi dana tersebut dan penubuhan sebuah lembaga bagi menetapkan kadar dana awam yang diterima oleh parti politik.

4.3.3 Kewujudan badan kawal selia bagi pendanaan politik di Sweden

Akta 2018:90 ada memperuntukkan badan yang menjalankan fungsi kawal selia dan pemantauan bagi pematuhan kewajipan di bawah Akta. Badan yang dipertanggungjawabkan tersebut ialah *Legal, Financial and Administrative Services Agency* atau *Kammarkollegiet*, yang diberikan peranan untuk menyelia pematuhan terhadap Akta ini dan peraturan yang dikeluarkan berkaitan dengannya.

> *29 § Kammarkollegiet utövar tillsyn över att denna lag och föreskrifter som har meddelats i anslutning till lagen följs.*
>
> *(Section 29 of the Kammarkollegiet supervises that this law and regulations issued in connection with the law followed.)*

Bagi tujuan menjalankan fungsi pemantauannya, Seksyen 30 Akta 2018:90 membenarkan *Kammarkollegiet* untuk membuat sebarang keputusan berkenaan arahan atau injunksi pentadbiran yang perlu untuk tujuan penyeliaan dan untuk memastikan pihak yang tertakluk memenuhi kewajipan mereka di bawah Akta. Injunksi yang diputuskan ini boleh disertakan dengan bayaran penalti bagi menguatkuasakan pematuhan. Menerusi Seksyen 34, *Kammarkollegiet* juga mempunyai kuasa untuk mengenakan fi lewat atau fi istimewa di bawah Seksyen 32 dan 33, dengan pertimbangan lebih ketat perlu dibuat sekiranya melibatkan pertubuhan tidak berasaskan kepada keuntungan bagi parti yang mempunyai mandat di *Riksdag* atau Parlimen Eropah atau menerima sokongan di bawah Akta 1972:625.

> *34 § Kammarkollegiet får besluta att sätta ned eller avstå från att ta ut en förseningsavgift eller en särskild avgift om det finns särskilda skäl för det.*
>
> *För en ideell förening på central nivå inom ett parti som har mandat i riksdagen eller Europaparlamentet eller annars får stöd enligt lagen (1972:625) om statligt stöd till politiska partier får Kammarkollegiet dock besluta att avstå från att ta ut eller sätta ned avgiften endast om det finns synnerliga skäl. Detsamma gäller för en ideell förening på central nivå inom ett sådant partis sidoorganisation.*
>
> *(Section 34 Kammarkollegiet may decide to dedicate or abstain from charging a late fee or a special fee if there are special reasons for it.*
>
> *For a non-profit association at the central level of a party that has mandates in the Riksdag or the European Parliament or otherwise may support under the Act (1972:625) on State aid to political parties may, however, the Kammarkollegiet decide to refrain from: charge or decommit the fee only if there are exceptional reasons. The same applies to a non-profit association at the central level within the side organization of such a party.)*

Selain itu, *Kammarkollegiet* juga mempunyai kuasa, melalui Seksyen 31, untuk memulakan siasatan pematuhan apabila terdapat aduan daripada individu atau

apabila terdapat keadaan lain yang memberikan sebab khusus. Siasatan ini boleh dijalankan bagi menyiasat sebarang aduan atau keadaan yang melibatkan: -

1. kegagalan penyerahan penyata hasil,
2. kesalahan maklumat dalam penyata hasil, atau
3. penerimaan pemberian tanpa nama yang melanggar peruntukan Akta.

Bagi pendanaan awam untuk parti politik pula, badan kawal selia yang berkaitan adalah *Party Grant Board* atau *Partibidragsnämnden*, yang diperuntukkan tanggungjawab untuk memutuskan jumlah dana awam yang boleh diterima oleh parti politik. Namun begitu, tidak seperti *Kammarkollegiet,* Lembaga ini tidak mempunyai sebarang kuasa penyiasatan atau penguatkuasaan di bawah Akta 1972:625.

4.3.4 Keperluan Lembaga Penasihat bagi memantau badan kawal selia di Sweden

Berdasarkan kandungan kedua-dua Akta 2018:90 dan Akta 1972:625, tiada peruntukan khusus yang menyatakan penubuhan suatu Lembaga Penasihat untuk memantau *Kammarkollegiet* atau *Partibidragsnämnden*. Bagi *Partibidragsnämnden*, Akta 1972:625 dengan jelas menyatakan sebarang keputusan yang dibuat oleh Lembaga tersebut adalah bersifat muktamad kerana ia tidak boleh dirayu.

> *13 § Fråga om stöd enligt denna lag prövas av Partibidragsnämnden.*
>
> *Nämndens beslut får inte överklagas. Lag (2013:357).*
>
> *(Section 13 Ask of support under this Act is examined by the Party Grant Board.*
>
> *The Board's decision may not be appealed. Law (2013:357).)*

Hal ini serupa dalam Seksyen 38 Akta 2018:90 yang menetapkan tiada rayuan yang boleh dibuat untuk sebarang keputusan yang dibuat oleh *Kammarkollegiet* di bawah Akta. Namun, dalam Seksyen yang sama, terdapat pengecualian bagi keputusan untuk mengenakan injunksi di bawah Seksyen 30 atau keputusan

untuk mengenakan fi lewat atau fi istimewa di bawah Seksyen 32 dan 33, yang mana rayuan keputusan-keputusan ini boleh dibuat di *General Administrative Court*, yang keputusannya boleh dirayu ke *Administrative Court of Appeal*:

> *38 § Beslut om föreläggande enligt 30 §, förseningsavgift enligt 32 § och särskild avgift enligt 33 § får överklagastill allmän förvaltningsdomstol. Andra beslut enligt denna lag får inte överklagas.*
>
> *Prövningstillstånd krävs vid överklagande till kammarrätten.*
>
> *(Section 38 Decision on injunction under Section 30, late fee under section 32 and special fee under section 33 may be appealed to the General Administrative Court. Other decisions under this Law may not be appealed. Examination authorisation is required when appealing to The Administrative Court of Appeal.)*

4.3.5 Kerangka umum pendanaan politik di Sweden

Berdasarkan Seksyen 11 Akta 2018:90, pendapatan suatu parti politik di Sweden boleh dirumuskan untuk bersumberkan pada: -

1. bantuan yang diterima melalui Akta 1972:625;
2. bantuan yang diterima melalui Akta 2010:473;
3. sokongan di bawah *Act (2016:1109) on support for the party groups for the work of MPs in Parliament*;
4. sokongan parti yang dibayar kepada parti berdasarkan *Local Government Act (2017:725);*
5. bantuan kerajaan atau kerajaan tempatan kepada organisasi belia;
6. yuran keahlian;
7. pendapatan daripada hasil jualan dan loteri;
8. pendapatan daripada pengumpulan wang tunai;
9. pemberian daripada individu, syarikat, organisasi, persatuan, yayasan dan mana-mana entiti lain; dan
10. pendapatan lain.

Berkenaan hal pemberian, Akta 2018:90 secara amnya tidak menetapkan sebarang larangan atau had untuk apa-apa pemberian kepada parti politik daripada mana-mana sumber kecuali daripada sumber tanpa nama, yang diutarakan secara khusus dalam Seksyen 9:

> *9 § Partier och deras sidoorganisationer, ledamöter och ersättare för ledamöter samt valkandidater för partier får inte ta emot anonyma bidrag till den del värdet överstiger 0,05 prisbasbelopp.*
>
> *(Section 9 Parties and their side organizations, members and replacement for members and election candidates for parties may not receive anonymous contributions to the extent that value exceeds 0.05 price base amount.)*

Peruntukan ini menetapkan bahawa parti tidak boleh menerima sebarang pemberian tanpa nama yang bernilai melebihi 0.05 price base amount (2940 Swedish kronor). Sekiranya parti ada menerima pemberian sebegitu, pemberian tersebut perlu dipulangkan kepada pemberi dan, jika pemulangan ini tidak boleh dibuat, pemberian itu dibayar kepada *Kammarkollegiet*. Pemulangan atau pembayaran ini perlu dibuat tidak lewat daripada 3 bulan selepas tamatnya tahun kewangan atau tahun kalendar di mana pemberian itu diterima. Penetapan pemulangan dan pembayaran ini ditetapkan dalam Seksyen 10 seperti yang berikut: -

> *10 § Om det har lämnats ett anonymt bidrag som inte får tas emot enligt 9 §, ska den del av bidraget som överstiger 0,05 prisbasbelopp betalas tillbaka till givaren. Om detta inte bedöms vara möjligt, ska den delen betalas in till Kammarkollegiet. Återbetalning eller inbetalning ska göras senast tre månader efter utgången av det räkenskapsår eller kalenderår då bidraget togs emot. Vid inbetalning till Kammarkollegiet ska uppgift lämnas om vilken ideell förening, ledamot, ersättare för en ledamot eller valkandidat som bidraget har lämnats till.*

Om sådan återbetalning eller inbetalning inte görs, ska bidraget anses ha tagits emot av den ideella förening, ledamot, ersättare för en ledamot eller valkandidat som bidraget har lämnats till.

Belopp som har betalats in till Kammarkollegiet tillfaller staten.

(Section 10 If an anonymous contribution has been made that may not be taken against under section 9, the part of the contribution exceeding 0.05 shall: price base amounts are paid back to the donor. If this not is judged to be possible, that part shall be paid to Kammarkollegiet. Refund or payment must be made no later than three months after the end of the financial year or the calendar year in which the grant was received. In case of payment to The Kammarkollegiet shall be given information about the non-profit association, a member, substitute for a member or candidate who the contribution has been submitted to.

If such refund or payment is not made, the grant is considered to have been received by the non-profit association, a member, substitute for a member or candidate who the contribution has been submitted to.

Amounts paid to Kammarkollegiet accrued state.)

Bagi pendanaan awam pula, Akta 1972:625 memperuntukkan berkenaan pemberian dana awam kepada parti politik yang menyertai pilihan raya *Riksdag* (Parlimen). Menurut Seksyen 2, parti politik yang memenangi kerusi di *Riksdag* boleh mendapat sokongan parti yang berjumlah sebanyak SEK 324,704 (RM142,100.77) bagi setiap kerusi.[139]

Bagi parti yang lain pula, jenis sokongan yang boleh tersedia akan bergantung kepada jumlah undi yang diterima dalam pilihan raya atau sekiranya parti tersebut pernah memenangi kerusi dalam pilihan raya *Riksdag* yang lepas.[140] Parti-parti

[139] Menurut seksyen 3, jumlah sokongan ini akan disemak setiap tahun dengan mengambil kira keputusan 2 pilihan raya yang lepas.

[140]

yang hendak mendapatkan bantuan kewangan ini perlu memohon secara bertulis kepada *Partibidragsnämnden*, yang dianggotai oleh Presiden dan dua ahli lain yang dilantik oleh *Riksdag*.[141] Kedua-dua ahli yang dilantik ini perlulah terdiri daripada seorang yang sedang atau pernah memegang jawatan sebagai seorang hakim.

Selain itu, Seksyen 5 dan 6 Akta 1972:625 turut memperuntukkan sokongan sekretariat sebanyak SEK 5,803,200 (jumlah penuh asas sokongan sekretariat) kepada parti-parti yang memperoleh sekurang-kurangnya 4% undi daripada jumlah keseluruhan undi pilihan raya *Riksdag*. Jumlah penuh ini dibayar setiap tahun kepada parti sehinggalah pilihan raya yang seterusnya. Bagi parti yang memperoleh kerusi di Riksdag tetapi tidak mencapai jumlah 4% keseluruhan undi, Seksyen 7 menetapkan bahawa parti boleh menerima sebanyak 1/14 daripada jumlah penuh asas sokongan sekretariat seperti yang dinyatakan berikut: -

> *7 § Parti som blivit företrätt i riksdagen men ej fått 4 procent av rösterna i hela landet erhåller för varje år för vilket valet gäller så många fjortondelar av ett helt grundstöd som motsvarar antalet vunna mandat. Lag (1974:563).*
>
> *(Parties that have won representation in the Riksdag but have not gained 4 per cent of the votes nationwide receive, for each year covered by the election, as many fourteenths of one full basic support amount as correspond to the number of seats won.)*

Akhir sekali, Seksyen 8 memperuntukkan bahawa parti yang layak di bawah Seksyen 6 dan 7 turut menerima sokongan suplemen sebagai tambahan kepada sokongan sekretariat seperti yang berikut: -

[141] Seksyen 14,

a) sebanyak SEK 16,350 bagi setiap kerusi yang dimenangi untuk parti yang menjadi sebahagian daripada kerajaan; dan
b) sebanyak SEK 24,300 bagi setiap kerusi yang dimenangi untuk parti yang lain.

Sokongan suplemen ini turut akan diberikan setiap tahun kepada parti yang layak sehinggalah pilihan raya yang seterusnya.

4.3.6 Mekanisme penerimaan dana politik

Selain daripada larangan penerimaan pemberian tanpa nama dan tatacara permohonan pendanaan awam, kedua-dua Akta 2019:80 dan Akta 1972:625 tidak menetapkan sebarang pengaturan atau tatacara tertentu yang perlu dipatuhi oleh parti politik dalam mendapatkan dana politik.

4.3.7 Mekanisme pelaporan pendanaan politik

Menurut Seksyen 3 Akta 2018:90, parti politik hendaklah melaporkan mengenai pembiayaan aktivitinya melalui penyediaan penyata hasil. Kewajipan ini turut terpakai kepada setiap pertubuhan tidak berasaskan kepada keuntungan yang berada dalam parti politik tersebut dan mana-mana individu yang dilantik sebagai pengganti berikutan suatu pilihan raya ("pengganti").[142] Penyata hasil ini hendaklah disediakan seperti berikut: -

a. Bagi parti yang mempunyai kerusi di *Riksdag*, *Regional Council, City Council* atau Parlimen Eropah, penyata hasil perlu diserahkan untuk setiap tahun kewangan atau kalendar di mana mereka memegang kerusi tersebut[143];

[142] Seksyen 4 dan 5, Lag (2018:90) om insyn i finansiering av partier atau Act (2018:90)
[143] Seksyen 7, Lag (2018:90) om insyn i finansiering av partier atau Act (2018:90)

b. Bagi parti yang menerima sokongan di bawah Akta 1972:625 atau Akta 2017:725, penyata hasil perlu diserahkan bagi setiap tahun kewangan atau kalendar di mana sokongan tersebut telah dibayar[144]; dan
c. Bagi pengganti, penyata hasil perlu diserahkan untuk tahun kalendar yang mana pilihan raya itu diadakan dan untuk setiap tahun kalendar ketika mana dia memegang jawatan.[145]

Penyata hasil ini perlu diserahkan kepada *Kammarkollegiet* secara tahunan tidak lewat daripada 1 Julai selepas tahun kewangan atau tahun kalendar, kecuali untuk pengganti, yang mana beliau perlu, dalam tempoh 3 bulan setelah dilantik, menyerahkan penyata hasil untuk tahun kalendar ketika mana pilihan raya telah diadakan.[146] Menurut Seksyen 26, penyata hasil ini perlu ditandatangani oleh wakil yang berwibawa bagi entiti yang berkewajipan melapor, manakala ahli atau pengganti perlu menandatangani penyata mereka sendiri. Jika suatu penyata hasil telah disediakan secara elektronik, penyata tersebut perlu ditandatangani menggunakan tandatangan elektronik seperti yang dirujuk dalam Perkara 3 *European Parliament and of the Council Regulation (EU) No 910/2014 of 23 July 2014 on the electronic identification and trust services for electronic transactions in the internal market and repeal Directive 1999/93/EC, in the original the wording*.[147]

Dari segi kandungan pelaporan, Akta 2018:90 telah memperincikan kategori pendapatan yang perlu dinyatakan dalam penyata hasil entiti parti atau organisasi sampingan di bawah Seksyen 11[148]. Seksyen 14 Akta juga menetapkan butiran

[144] Ibid
[145] Seksyen 8, Lag (2018:90) om insyn i finansiering av partier atau Act (2018:90)
[146] Seksyen 24, Lag (2018:90) om insyn i finansiering av partier atau Act (2018:90)
[147] Seksyen 26, Lag (2018:90) om insyn i finansiering av partier atau Act (2018:90)
[148] Kategori ini telah disenaraikan dalam bahagian kerangka umum pendanaan politik.

tambahan bagi hasil loteri tertentu, termasuk bilangan tiket dan hadiah per lot, apabila loteri itu memerlukan lesen menurut undang-undang berkaitan:

> *14 § För intäkter från sådana lotterier som kräver licens enligt spellagen (2018:1138) ska antal lotter och pris per lott anges i intäktsredovisningen. Lag (2018:1149).*
>
> *Section 14 For proceeds from such lotteries that require a license according to the Gambling Act (2018:1138) the number of tickets and prize per Lots are stated in the revenue statement. Law (2018:1149).*

Dari segi pengesahan, jika pihak yang wajib mengemukakan penyata hasil adalah tertakluk untuk melantik juruaudit di bawah mana-mana peraturan dalaman atau undang-undang audit yang lain, maka penyata hasil itu perlu diaudit. Menurut Seksyen 23, skop audit adalah untuk menentukan sama ada penyata hasil disediakan mengikut kehendak Akta, dan juruaudit perlu mengeluarkan pernyataan bertulis yang dilampirkan bersama penyata hasil.

> *23 § Om den som ska lämna intäktsredovisningen är skyldig att utse en revisor enligt stadgarna eller revisionslagen (1999:1079), ska intäktsredovisningen granskas av revisorn.*
>
> *Granskningen ska avse om intäktsredovisningen har upprättats i enlighet med 3–22 §§. Granskningen ska vara så ingående och omfattande som god revisionssed kräver.*
>
> *Revisorn ska lämna ett skriftligt yttrande över granskningen.*
>
> *Yttrandet ska fogas till intäktsredovisningen.*
>
> *(Section 23 If the person who is to submit the revenue statement is obliged to: appoint an auditor in accordance with the statutes or the Audit Act (1999:1079), the revenue statement shall be audited by the auditor.*
>
> *The audit shall mean whether the revenue statement has been prepared in accordance with Sections 3 to 22. The audit shall be so thorough and Comprehensive as good auditing practice requires.*
>
> *The auditor shall provide a written statement of the audit.*

The opinion shall be attached to the revenue statement.)

Akhir sekali, Seksyen 25 Akta juga memperuntukkan pengecualian pelaporan bagi sebahagian entiti tertentu apabila jumlah hasil yang perlu diiktiraf adalah rendah selepas mengambil kira potongan yang dibenarkan, dengan peraturan potongan yuran keahlian yang turut diperincikan termasuk had maksimum per ahli setahun.

4.3.8 Kewajipan pendedahan umum di bawah Akta

Akta 2018:90 telah memperuntukkan kewajipan pendedahan umum melalui dua saluran utama, iaitu (1) penerbitan penyata hasil oleh *Kammarkollegiet* dan (2) penerbitan maklumat bantuan parti oleh wilayah atau perbandaran.

Bagi saluran pertama, *Kammarkollegiet* diwajibkan menerbitkan penyata hasil untuk akses awam di laman webnya menurut Seksyen 27. Walau bagaimanapun, maklumat mengenai identiti penyumbang, yang perlu dinyatakan dalam penyata hasil, tidak akan diterbitkan jika penderma itu ialah seorang individu. Seksyen 27 Akta juga mewajibkan *Kammarkollegiet* untuk menerbitkan maklumat mengenai bayaran yang dibuat kepada *Kammarkollegiet* berkaitan pemberian tanpa nama yang tidak boleh diterima, termasuk jumlah yang dibayar dan entiti yang membuat bayaran tersebut.

Untuk saluran kedua, Seksyen 28 Akta 2018:90 menyatakan seperti berikut.

> *28 § En region eller en kommun som ger partistöd med stöd av 4 kap. 29 och 30 §§ kommunallagen (2017:725) ska i anslutning till sitt beslut om sådant stöd göra uppgifter om vilka partier som har fått stöd och med vilka belopp tillgängliga på sin webbplats. Lag (2019:982).*
>
> *(Section 28 A region or municipality that provides party support with the support of Chapter 4, Sections 29 and 30 of the Local Government Act (2017:725) shall be in connection to its decision on such aid make information on which: parties which have received support and with what amounts available on their website. Law (2019:982).)*

Peruntukan ini menetapkan bahawa jika terdapat mana-mana wilayah atau perbandaran yang memberikan bantuan parti berdasarkan peruntukan undang-undang kerajaan tempatan, maka wilayah atau perbandaran berkenaan perlu menyediakan maklumat tentang parti yang menerima bantuan dan jumlahnya di laman web mereka, selaras dengan keputusan pemberian bantuan itu:

4.3.9 Kesalahan berkaitan pendanaan politik

Rejim penguatkuasaan dalam Akta 2019:80 tidak beroperasi melalui peruntukan kesalahan jenayah yang lazim seperti pendakwaan dan hukuman penjara. Sebaliknya, rejim tersebut bergantung kepada tindakan pentadbiran dan fi penalti. Seperti yang telah dinyatakan, Seksyen 30 Akta membenarkan *Kammarkollegiet* mengeluarkan injunksi atau arahan yang boleh diikat dengan Fi penalti untuk memastikan pematuhan. Seksyen 31 Akta pula membolehkan *Kammarkollegiet* untuk menyiasat tiga bentuk ketidakpatuhan utama, iaitu kegagalan mengemukakan penyata hasil, penyata hasil yang tidak tepat, dan penerimaan pemberian tanpa nama yang melanggar peruntukan.

Akhir sekali, jika siasatan mendapati terdapat pihak yang gagal mengemukakan penyata dalam tempoh yang ditetapkan, *Kammarkollegiet* boleh mengenakan fi lewat pada kadar yang berbeza mengikut kategori entiti seperti berikut: -

PERUNTUKAN	PENERANGAN	PIHAK TERLIBAT
Seksyen 32	Jika penyata hasil tidak diterima dalam tempoh ditetapkan, fi lewat dikenakan: • SEK 10,000 bagi persatuan bukan untung peringkat pusat dalam parti yang ada mandat di *Riksdag* atau Parlimen Eropah	Persatuan dalam parti, ahli dan pengganti

PERUNTUKAN	PENERANGAN	PIHAK TERLIBAT
	atau layak atau terima sokongan bawah Akta 1972:625 termasuk persatuan peringkat pusat dalam *"side organisation"* parti tersebut; • SEK 2,500 bagi persatuan bukan untung lain; • SEK 500 bagi seorang ahli atau seorang pengganti.	
Seksyen 33(1)	Jika siasatan mendapati hasil yang dilaporkan adalah terlalu rendah, fi khas akan dikenakan yang bersamaan nilai hasil yang salah atau tidak diiktiraf, tetapi tidak melebihi SEK 100,000.	Persatuan bukan untung atau individu yang memfailkan penyata hasil.
Seksyen 33(2)	Jika siasatan mendapati kewajipan memberi maklumat tidak dipatuhi dengan betul, fi khas yang boleh dikenakan adalah: - • SEK 20,000 (kategori persatuan peringkat pusat termasuk *side organisation* pusat);	Persatuan bukan untung (mengikut kategori), serta ahli dan pengganti yang memfailkan penyata.

PERUNTUKAN	PENERANGAN	PIHAK TERLIBAT
	• SEK 5,000 (persatuan bukan untung lain, seorang ahli atau seorang penggantii).	
Seksyen 33(3)	Jika siasatan mendapati pemberian tanpa nama yang diterima adalah bercanggah dengan seksyen 9 dan 10, fi khas yang boleh dikenakan adalah sebanyak 2 kali ganda bahagian pemberian tanpa nama yang melebihi 0.05 *price base amount*.	Persatuan bukan untung atau individu yang menerima pemberian tanpa nama tersebut.

4.4 JERMAN (*GERMANY*)

4.4.1 Keperluan Undang-Undang

Pembentukan kerangka perundangan pendanaan politik di Germany ini bermula dengan penetapan kedudukan parti politik yang ditentukan sejak awal kewujudan republik Germany selepas Perang Dunia Kedua. Perkara 21 Basic Law 1949 memperuntukkan parti sebagai pelaku perlembagaan yang mengambil bahagian dalam pembentukan kehendak politik rakyat, sekali gus menetapkan keterbukaan aset dan penggunaan dana parti tersebut kepada orang awam.

Article 21

[Political parties]

> *(1) Political parties shall participate in the formation of the political will of the people. They may be freely established. Their internal organisation must conform to democratic principles. They must publicly account for their assets and for the sources and use of their funds.*

Undang-undang asas ini meletakkan tanggungjawab kepada parti untuk bertindak secara telus, berakauntabiliti dan tertakluk kepada tatakelola kewangan yang boleh ditelusuri. Daripada titik tolak perlembagaan ini, terdapat kefahaman bahawa pembiayaan parti tidak boleh dibiarkan tanpa panduan, dan sebaliknya memerlukan kerangka perundangan yang mengimbangkan kebebasan parti sebagai persatuan masyarakat sivil dengan keperluan untuk menjaga integriti proses demokrasi.

Bagi memenuhi kehendak perlembagaan ini, Germany telah menggubal Act on Political Parties (*Parteiengesetz – PartG*) (PPA) pada tahun 1967 untuk menjadi rangka kerja teras yang menginstitusikan prinsip ketelusan, pendedahan dan tertib perakaunan ke dalam kewangan parti politik. Penggubalan undang-undang ini sedikit sebanyak membantu dalam menangani isu pendanaan politik di Germany yang sentiasa berubah dan berkembang menurut peredaran zaman. Bagi menjelaskan perkembangan perundangan pendanaan politik di Germany, Koß (2025) telah membahagikan perkembangan tersebut kepada beberapa tempoh yang penting. Tempoh yang pertama, iaitu antara tahun 1949 hingga 1966, merupakan tempoh di mana pengawalseliaan sumbangan dana politik di tahap paling minima, walaupun terdapat keperluan pendedahan secara umum dalam Basic Law 1949.[149]

Apabila sumbangan politik menjadi *tax deductible* pada tahun 1954, hal ini memberi insentif kepada perniagaan-perniagaan besar untuk memberi

[149] Koß, M. (2025). When (and how) ideas become arguments: The regulation of party donations in Germany. *Italian Political Science Review/Rivista Italiana di Scienza Politica, 55*, 25–38

sumbangan politik. Hal ini telah mengundang isu kesaksamaan dalam sumbangan, yang membawa kepada keputusan Federal Constitutional Court, yang membentuk landskap pendanaan politik di Germany. Pada tahun 1958, Federal Constitutional Court telah mengiktiraf prinsip pendanaan awam, tetapi menolak pengaturan cukai yang memberi kelebihan tidak seimbang kepada pembayar cukai berpendapatan tinggi.[150]

Namun begitu, perniagaan-perniagaan besar mula memberi sumbangan kepada *Citizens' Associations (Staatsbürgerliche Vereinigungen),* sebagai satu cara untuk memberi sumbangan kepada parti sambil mengekalkan manfaat cukai.[151] Perkara ini membawa kepada tempoh 1966 hingga 1983, yang digambarkan sebagai era di mana sumbangan parti politik dilakukan secara tidak langsung dan tanpa pendedahan. Pada tahun 1966, mahkamah mengehadkan pendanaan awam secara langsung untuk pembayaran berkaitan kempen. Namun begitu, pada awal 1990-an, mahkamah membenarkan semula pendanaan awam secara terus tetapi secara terhad dengan had relatif yang mengikat jumlah sumbangan awam kepada kadar pembiayaan persendirian yang diperoleh parti.[152]

4.4.2 Rangkuman pemakaian undang-undang pendanaan politik di Germany

Seksyen 1 *PPA* memberi penekanan tentang kepentingan parti politik dalam amalan demokrasi dan pelaksanaan kehendak rakyat seperti yang terdapat dalam Basic Law 1949. Mana-mana parti politik hendaklah terlibat dalam pembentukan kehendak politik rakyat dengan menjalankan peranan-peranan yang diutarakan dalam Subseksyen 1 (2): -

---

[150] Ibid

[151] Ibid

[152] Reed, Q., Jouan Stonestreet, B., Devrim, D., Krieger, T., Kubeková, V., Blomeyer, R., & Heinemann, F. (2021). *Financing of political structures in EU Member States: How funding is provided to national political parties, their foundations and parliamentary political groups, and how the use of funds is controlled* (PE 694.836). European Parliament, Policy Department for Budgetary Affairs; Schmitz, T. (2019). Political parties and their funding in Germany. *Juridiskā zinātne / Law, 12*, 86–95.

1. mempengaruhi pembentukan pendapat orang awam;
2. menggalakkan dan meningkatkan pendidikan sivik;
3. menggalakkan penyertaan aktif rakyat dalam kehidupan politik;
4. mendidik rakyat yang mampu memikul tanggungjawab awam;
5. mengambil bahagian dalam pilihan raya di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan dengan menamakan calon;
6. mempengaruhi perkembangan politik di peringkat parlimen dan kerajaan-kerajaan;
7. menyumbang kepada proses membuat keputusan awam dan pembentukan dasar dengan menggunakan matlamat politik yang telah dibangunkan oleh parti; dan
8. memastikan hubungan aktif yang berterusan antara rakyat dan institusi negara.

Dalam melaksanakan peranan-peranan ini, parti politik dikehendaki untuk menyatakan matlamat mereka dalam setiap program politik dan menggunakan dana mereka untuk melaksanakan fungsi yang diperuntukkan dalam Basic Law 1949 dan PPA.

Berdasarkan peruntukan dalam seksyen 1 ini, adalah ketara bahawa kerangka kerja *PPA* adalah terpakai kepada parti politik dan juga pihak-pihak yang bertanggungjawab mengawasi aktiviti mereka seperti Presiden Bundestag dan institusi audit negara, *Bundesrechnungshof*.

Menurut Seksyen 2 *PPA,* parti politik telah ditakrifkan sebagai—

> *associations of citizens which, on a continuing basis or for a longer period of time, wish to influence the development of informed political opinion at the federal level or in any of the Länder and to participate in representing the people in the German Bundestag or a Land parliament (Landtag), provided that they offer a sufficient guarantee of their sincerity in pursuing that aim, as evidenced by their actual overall situation and standing, especially as*

regards the size and strength of their organization, their membership numbers, and their visibility in public.

Berdasarkan takrifan ini, mana-mana pihak yang melibatkan sekumpulan rakyat yang mempengaruhi pembentukan pendapat politik dan menyertai pemilihan perwakilan di Bundestag atau Landtag secara berterusan dan dalam tempoh yang lama adalah parti politik. Pada masa yang sama, Seksyen 2 (3) turut memperuntukkan bahawa persatuan politik tidak dianggap sebagai parti politik sekiranya—

a) kebanyakan ahlinya atau ahli jawatankuasa eksekutifnya adalah orang asing; atau
b) kerusi yang didaftar atau pejabat eksekutifnya terletak di wilayah yang luar daripada skop pemakaian *PPA*.

PPA boleh dikatakan merangkumi aspek pengurusan parti secara mendalam dengan memperuntukkan berkenaan hal-hal seperti keperluan perlembagaan (statute) parti politik untuk organisasi dalaman, penamaan calon pilihan raya oleh parti, penerimaan dan penggunaan dana dari sumbangan peribadi dan dana awam. Akta ini turut memperuntukkan keperluan audit bagi kewangan parti dan kesalahan-kesalahan serta hukuman yang boleh dikenakan terhadap individu dan parti yang tidak mengikut peruntukan Akta.

4.4.3 Pewujudan badan kawal selia dana politik di Germany

Kerangka kawal selia pembiayaan parti di Germany tidak melibatkan sebarang penubuhan entiti badan kawal selia yang baru. Sebaliknya, peranan kawal selia ini dibahagikan antara Presiden Bundestag dan Bundestag serta turut dibantu oleh institusi audit negara, *Bundesrechnungshof* bagi hal berkaitan dengan audit.

Sebagai contoh, bagi hal pendanaan awam, Seksyen 18 (2) menetapkan jumlah keseluruhan maksimum dana awam yang boleh diperuntukkan untuk parti politik. Walaupun jumlah keseluruhan dana awam untuk semua parti politik tidak boleh melebihi jumlah keseluruhan maksimum yang ditetapkan, jumlah ini bukanlah

bersifat mutlak. Menurut Seksyen 18 (6), *Bundestag* boleh memutuskan untuk membuat penyelarasan terhadap jumlah tersebut setelah penyata akaun yang diserahkan oleh parti politik telah diterbitkan oleh Presiden Bundestag. Pada masa yang sama, Presiden Federal Statistical Office *(Statistisches Bundesamt)* hendaklah, pada 30 April setiap tahun, menyerahkan laporan kepada Bundestag berkenaan perkembangan indeks harga untuk perbelankaan parti dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

> *(6) After the statements of accounts submitted by the political parties represented in the German Bundestag have been published by the President of the German Bundestag as provided under Section 23 para. 2, 3rd sentence, the Bundestag shall decide whether to adjust the amount of the absolute upper limit (Section 18 para. 2). To this effect, the President of the Federal Statistical Office (Statistisches Bundesamt) shall, by 30 April of every year, submit a report to the German Bundestag on the development of the price index for a party's typical expenditures as compared to the preceding year. This price index shall be based, with a weighting factor of 70 per cent, on the general consumer price index and, with 30 per cent, on the standard monthly salaries of employees of central, regional and local governments.*

Presiden Bundestag juga memainkan peranan yang penting dalam pemberian dana awam kepada parti politik, yang mana beliau adalah pihak yang diberi tanggungjawab menerima permohonan untuk pendanaan awam daripada parti politik dan, pada 15 Februari setiap tahun, menentukan kadar pendanaan yang akan diperuntukkan kepada setiap parti politik.

> *Section 19a Procedure for determining the rate of funding*
>
> *(1) The President of the German Bundestag shall, by 15 February of every year, determine the rate of public funds to be allocated to each eligible political party for the preceding year ('year of entitlement'). The President may allot and disburse public funds to a party pursuant to Sections 18 and*

19a only on the basis of a statement of accounts that complies with the provisions of Part V below. If the President of the German Bundestag, with regard to a statement of accounts submitted within the set time limit, initiates the procedure under Section 23a para. 2 before determining the rate of funding, he/she shall only provisionally determine the amount of public funds for the party concerned on the basis of its statement of accounts and shall disburse these funds against a security deposit equivalent to the amount of possible financial liabilities of that party (Sections 31a to 31c). Once the aforementioned procedure has been concluded, the Bundestag President shall definitively determine the amount of funding.

4.4.4 Keperluan Lembaga Penasihat bagi memantau badan kawal selia di Germany

Seiring dengan ketiadaan badan kawal selia khas baru di bawah *PPA*, tiada peruntukan di bawah Akta yang mewujudkan suatu Lembaga Penasihat khusus untuk memantau atau menasihati Presiden Bundestag selaku pihak berkuasa pentadbiran utama dalam hal ehwal pembiayaan parti. Satu-satunya mekanisme semak imbang yang terdapat di dalam Akta ini adalah terhadap penjalanan kuasa Presiden Bundestag bagi penentuan kadar, penyaluran dana dan pematuhan prosedur berkaitan pendanaan awam. Penentuan pendanaan awam oleh Presiden Bundestag yang diperuntukkan di bawah Seksyen 19a akan dipantau oleh institusi audit negara, *Bundesrechnungshof,* seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 21 (2):

(2) The Bundesrechnungshof (BRH - Germany's Supreme Audit Institution) shall verify whether the President of the German Bundestag as the agency responsible for the administration of financial resources has determined and disbursed the respective amounts of public funds in accordance with the provisions of this Part,

and whether the procedures specified in Section 23a have been carried out properly.

Melalui peruntukan ini, *Bundesrechnungshof* bertanggungjawab mengesahkan penentuan dan penyaluran dana awam yang dijalankan oleh Presiden Bundestag yang akan memastikan Presiden mematuhi prosedur yang telah ditetapkan di bawah *PPA*.

4.4.5 Konsep pendanaan politik di bawah Political Parties Act

Kerangka pendanaan politik di Germany di bawah PPA lebih menekankan akauntabiliti parti politik terhadap pelaporan kewangannya terutamanya berkenaan pendapatan parti. Berkenaan sumber pendapatan bagi parti, Seksyen 24 (4) memberi gambaran tentang dari mana parti politik dijangkakan memperoleh dana mereka:

> *(4) Income accounting shall cover:*
>
> *1. membership dues;*
>
> *2. contributions paid by elected office-holders and similar regular contributions;*
>
> *3. donations from natural persons;*
>
> *4. donations from legal persons;*
>
> *5. income from business activities and participating interests in companies;*
>
> *6. income from other assets;*
>
> *7. receipts from organized events, distribution of printed material and publications and from other income-yielding activities;*
>
> *8. public funds;*
>
> *9. any other receipts;*
>
> *10. grants received from party branches; and*
>
> *11. total income, as an aggregate of nos. 1 to 10.*

Berdasarkan senarai ini, adalah ketara bahawa pendanaan parti secara umumnya dilaksanakan melalui pemberian atau sumbangan persendirian dan pendanaan

separa awam yang disalurkan daripada kerajaan. Parti politik turut dibenarkan untuk menjana dana mereka melalui yuran keahlian, aktiviti perniagaan dan penjanaan pendapatan daripada aset yang dimiliki.

4.4.5.1 Pendanaan separa awam (partial public funding)

Bahagian IV *PPA* memperincikan mekanisme pendanaan separa awam yang memperuntukkan jumlah dana kerajaan yang boleh dijangka untuk diterima oleh parti. Seksyen 18 Akta memperuntukkan seperti berikut: -

> ***Section 18 Principles and extent of public funding***
>
> *(1) Political parties shall receive funds as partial financing of the activities generally assigned to them under the Basic Law. The criteria for the allocation of public funds shall be the proportion of votes won by a political party in European, Bundestag and Landtag [State parliament] elections; the total amount of its membership dues and contributions from holders of elected public office, and the amount of donations received.*

Berdasarkan Seksyen 18 ini, pengiraan jumlah dana awam yang boleh diterima parti politik adalah berdasarkan:

a. nisbah undi yang dimenangi oleh parti politik tersebut dalam pilihan raya Parlimen Eropah, Bundestag dan Landtag;
b. jumlah keseluruhan bayaran yuran keahlian dan pemberian daripada pemegang elected public office; dan
c. jumlah sumbangan yang diterima parti politik tersebut.

Pada masa yang sama, Seksyen 18(2) menetapkan jumlah maksimum yang boleh disalurkan daripada dana kerajaan di bawah pendanaan separa awam ini, iaitu sebanyak $133 juta EURO secara agregat (had atasan mutlak).

> *(2) The maximum total amount of public funds which annually may be allocated among the political parties shall be 133 million euros (absolute upper limit).*

Jumlah ini akan diagihkan secara tahunan kepada parti-parti politik mengikut kiraan jumlah undi seperti yang diperuntukkan dibawah Seksyen 18(3):

(3) Political parties shall, within the framework of partial public funding, receive an annual amount of

1. *0.70 euro for each valid vote cast for the respective party list; or*
2. *0.70 euro for each vote cast for the respective party in a constituency or polling district if a list for that party was not admitted at the Land level; and*
3. *0.38 euro for each euro received from other sources (membership dues, contributions from elected office-holders, or lawfully obtained donations); only donated amounts of up to 3,300 euros per natural person will be taken into account.*

In derogation of numbers 1 and 2 above, a party shall receive 0.85 euro per vote for up to four million valid votes received.

Bagi maksud pelaksanaan pendanaan awam, Seksyen 19a memberi kuasa kepada Presiden Bundestag untuk menentukan kadar dana awam yang layak diterima oleh parti politik. Penentuan ini dibuat setelah parti mengemukakan penyata akaunnya yang menepati syarat di bawah Bahagian V Akta. Sekiranya terdapat isu dengan penyata akaun yang dikemukakan yang membawa kepada penyiasatan di bawah Seksyen 23a, parti masih boleh menerima dana awam, tetapi dengan syarat bahawa parti tersebut menyerahkan deposit sekuriti yang bersamaan dengan jumlah yang berpotensi menjadi liabiliti kewangan parti.

Pengiraan bagi dana awam parti politik telah diperuntukkan di bawah Seksyen 19a(2) seperti berikut: -

***(2)** The basis for calculating the rate of public funding shall be the number of valid votes won by the eligible political parties in the most recent elections to European Parliament and/or to the Bundestag and in the most recent Landtag elections during the period ending on 31 December of the year of entitlement, and the contributions (Section 18 para. 3, 1st sentence, no. 3)*

received during the preceding year (accounting year) as published in the statements of accounts. The President of the German Bundestag shall compile the valid votes won by each party that meet the criteria under Section 18 para. 4 in a 'votes account' and shall regularly update this account.

Secara ringkasnya, pengiraan kadar dana awam parti politik adalah berdasarkan:

a) jumlah undi sah yang dimenangi olehnya dalam pilihan raya Parlimen Eropah, Bundestag atau Landtag yang terkini, dan
b) jumlah keseluruhan pemberian yang diterima seperti yang diterbitkan dalam penyata akaun kewangan akaun parti.

Seksyen 19a(3) memperuntukkan kewajipan parti politik untuk menyerahkan penyata akaun kewangan mereka kepada Presiden Bundestag menjelang 30 September bagi setiap tahun fiskal. Sungguhpun begitu, Presiden Bundestag memiliki budi bicara bagi melanjutkan tempoh penyerahan ini selama maksimum 3 bulan. Kewajipan penyerahan penyata akaun kewangan ini adalah penting kerana ia merupakan syarat yang perlu dipenuhi sebelum parti politik boleh menerima dana awam daripada kerajaan.

Sekiranya parti gagal untuk menyerahkan penyata akaun kewangan mereka dalam tempoh termasuklah tempoh lanjutan yang ditetapkan Presiden Bundestag, parti tersebut dikatakan telah kehilangan hak terhadap dana awam yang dikira berdasarkan jumlah keseluruhan pemberian yang diterima parti. Sekiranya kegagalan penyerahan ini berterusan sehinggalah 31 Disember tahun seterusnya, maka parti tersebut kehilangan hak terhadap keseluruhan dana awam yang diperuntukkan bagi tahun tersebut. Ketetapan yang ketat bagi tempoh penyerahan penyata akaun dan hak terhadap dana awam ini boleh dilihat sebagai salah satu cara memastikan parti politik mendedahkan maklumat kewangan mereka, lebih-lebih lagi apabila kewajipan ini boleh dipenuhi tanpa mengambil kira ketepatan penyata akaun kewangan parti tersebut.

Perlu dinotakan bahawa kadar yang ditentukan oleh Presiden Bundestag bagi setiap parti, sekiranya ia dijumlahkan secara keseluruhan, tidak boleh melebihi had atasan mutlak yang ditetapkan di bawah Seksyen 18(2). Oleh itu, sekiranya jumlah keseluruhan melebihi had atasan mutlak, parti politik hanya berhak terhadap dana awam mengikut bahagian peratusan masing-masing, iaitu jumlah yang dikurangkan secara prorata. Namun begitu, hal ini turut bergantung kepada Bundestag, yang berkuasa untuk mengubah jumlah had atasan mutlak di bawah Seksyen 18(6).

4.4.5.2 Pendanaan persendirian

Selari dengan hasrat perlembagaan dan PPA supaya parti politik menjadi penggerak kehendak politik rakyat, Akta tersebut tidak mengawal selia dengan ketat pendanaan persendirian bagi parti politik. Malah, PPA tidak memberi sebarang takrifan kepada apa yang dimaksudkan sebagai pemberian atau sumbangan. Akta tersebut ada memberi takrifan bagi "income" di bawah Seksyen 26 seperti berikut: -

> ***Section 26 Definition of "income"***
>
> *(1) Income is any payment of money or any benefit of monetary value obtained by a political party unless special provisions apply to specific types of income (Section 24 para. 4). Likewise, income shall be understood to include exemption from payment of liabilities arising customarily; assumption of responsibility by others for organized events and activities explicitly aimed at canvassing for a political party; liquidation of reserves; and appreciation in value for capital assets.*

Tambahan pula, berdasarkan Seksyen 24(4), pendanaan persendirian parti boleh dirumuskan untuk bersumberkan daripada: -

1. Yuran keahlian;
2. Pemberian daripada pemegang jawatan dalam kerajaan;
3. Sumbangan daripada mana-mana orang;
4. Pendapatan daripada sebarang aktiviti perniagaan atau syarikat;
5. Pendapatan daripada apa-apa aset parti politik; dan
6. Penerimaan hasil daripada acara yang dianjurkan oleh parti politik.

Sungguhpun begitu, Seksyen 25 ada memperuntukkan pengaturan dan kekangan yang berkaitan dengan pendanaan persendirian. Seksyen tersebut menyatakan bahawa parti politik berhak untuk menerima apa-apa sumbangan. Namun, Subseksyen (2) mengecualikan hak tersebut terhadap sumbangan daripada:-

a) Syarikat korporat, parti dan kumpulan parlimen dan kumpulan parlimen majlis tempatan;
b) Yayasan politik, entiti korporat, atau persatuan yang mana aktiviti mereka berpaksikan non-profit dan amal jariah;
c) Sumber luar negara kecuali sumbangan setakat $1000 EURO daripada warganegara asing;
d) Perusahaan yang dimiliki sebahagiannya atau sepenuhnya oleh agensi awam;
e) Orang yang tidak dapat dikenali yang melebihi $500 EURO;
f) Mana-mana pihak dengan jangkaan untuk sebarang kelebihan politik atau kewangan sebagai balasan; dan
g) Pihak ketiga yang mana bayaran perlu dibuat oleh parti politik kepada pihak tersebut yang melebihi 25 peratus jumlah sumbangan daripada pihak ketiga itu.

Sekiranya parti politik ada menerima sebarang sumbangan daripada sumber dalam Subseksyen (2) ini, mereka hendaklah menyerahkan sumbangan tersebut kepada Presiden Bundestag secara serta merta atau pada bila-bila sebelum tempoh penyerahan penyata akaun parti bagi tahun tersebut. Berdasarkan Subseksyen (2) ini juga, boleh dirumuskan bahawa undang-undang tidak

menghalang sumbangan tanpa nama selagi mana ia tidak melebihi $500 EURO dan bahawa tiada had yang ditetapkan bagi apa-apa sumbangan yang datang daripada seseorang warganegara Germany.

4.4.6 Mekanisme penerimaan sumbangan di bawah Political Parties Act

PPA tidak memperuntukkan mekanisme yang terperinci yang perlu dipatuhi oleh parti politik ketika hendak menerima sebarang sumbangan. Satu-satunya ketentuan yang ketara berkaitan dengan mekanisme penerimaan ini boleh didapati di bawah Seksyen 25 seperti yang berikut: -

> *...Party members who receive donations on behalf of their party shall immediately pass them on to an Executive Committee member who, under the party statutes, is responsible for the party's financial matters. Donations shall be considered acquired by a party when an Executive Committee member responsible for the party's financial matters or a full-time staff member of that party has obtained power of disposal over them..*

Berdasarkan peruntukan ini, kesemua sumbangan hendaklah disalurkan serta merta kepada Exco parti yang bertanggungjawab kepada hal kewangan. Namun begitu, pemberian sumbangan semata-mata tidak bermaksud yang dana tersebut telah pun "diterima". Sebaliknya, sesuatu sumbangan itu hanya dianggap sebagai "diterima" sekiranya Exco parti tersebut atau kakitangan sepenuh masa parti mempunyai kuasa untuk menentukan atau membelanjakan sumbangan tersebut. Pada masa yang sama, Seksyen 25 turut menetapkan yang sebarang sumbangan setakat hingga $1000 EURO boleh dilakukan secara tunai. Peruntukan ini secara tidak langsungnya membawa maksud yang sebarang sumbangan yang melebihi jumlah tersebut tidak boleh dilakukan melalui tunai. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan dalam Akta yang menyatakan larangan sedemikian mahupun memperuntukkan kesalahan bagi mana-mana parti politik yang menerima sumbangan wang tunai melebihi jumlah yang ditetapkan. Sungguhoun begitu,

berdasarkan pernyataan daripada Bundestag pada 8 Februari 2006, sumbangan tersebut tidak boleh dikira bagi tujuan pendanaan awam memandangkan ia bukanlah sumbangan yang diterima menurut undang-undang. Hal ini sekaligus mendedahkan parti politik kepada risiko pelanggaran peruntukan berkaitan pelaporan seperti yang dinyatakan dalam pernyataan tersebut:-

> *Section 25 (1) sentence 2 of the Law on Political Parties stipulates that parties may only accept cash donations of up to €1,000. Breaches of this provision do not incur sanctions pursuant to section 31c of the Law on Political Parties, as the scope of this provision is explicitly restricted to cases of illegal donations as defined by subsection 2; however, such breaches mean that such donations are deemed not to have been legally acquired. They therefore cannot be included as contributions in the calculation of state funding under section 18 (3) no. 3 of the Law on Political Parties, as only 'legally acquired' donations are counted. Likewise, such donations must not be counted towards the contributions reported in the statement of account - on which this calculation is based - pursuant to section 24 (8) of the Law on Political Parties. If they are counted towards these contributions, the statement of account is incorrect and incurs the legal consequences described under sections 31a and 31b of the Law on Political Parties (cf. nos. 9.1 and 9.2 above).* [153]

4.4.7 Mekanisme pelaporan di bawah Political Parties Act

Mekanisme pelaporan kewangan parti politik yang disediakan oleh dalam PPA telah dinyatakan secara terperinci di bawah Bahagian V. Bahagian tersebut menerangkan secara mendalam tentang tanggungjawab parti untuk melaporkan

[153] German Bundestag. (2006, February 8). *State funding of political parties in Germany* [PDF file]. Retrieved December 31, 2025, from https://webarchiv.bundestag.de/archive/2007/0625/htdocs_e/documents/party_funding_05.pdf

kewangan mereka serta kuasa pihak tertentu bagi memantau pelaksanaan tanggungjawab tersebut.

Di bawah Seksyen 23, parti politik wajib menyediakan dan menyerahkan penyata umum akaun yang memaklumkan tentang sumber dana parti, perbelanjaan kewangan, dan aset milik parti secara tahunan kepada Presiden Bundestag. Sebelum penyerahan tersebut berlaku, penyata umum ini hendaklah terlebih dahulu dibincangkan oleh Jawatankuasa Eksekutif parti politik. Seksyen 23 turut memperuntukkan bahawa cabang parti politik di peringkat kebangsaan, Land, dan wilayah adalah bertanggungjawab terhadap penyata umum akaun masing-masing.

Setiap penyata akaun ini hendaklah ditandatangani oleh ahli Jawatankuasa Eksekutifnya yang bertanggungjawab terhadap kewangan parti politik, yang mana tandatangan ini menggambarkan bahawa ahli Jawatankuasa Eksekutif tersebut "*affirm that the information in their statements of accounts has been given truthfully and to the best of their knowledge and belief.*" Penyata-penyata ini seterusnya perlu dikumpulkan dan ditandatangani oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif yang berkenaan di peringkat kebangsaan.

Menurut Seksyen 24(1), penyata umum akaun parti yang perlu diserahkan di bawah Seksyen 23 hendaklah mengandungi: -

1. Ringkasan perakaunan pendapatan dan perbelanjaan parti;
2. Penyata bagi aset dan liabiliti parti; dan
3. Bahagian nota penerangan yang perlu dikepilkan bersama penyata bagi aset dan liabiliti parti, yang merangkumi perkara seperti maklumat syarikat yang mana terdapat aset kewangan parti dan penilaian hartanah milik parti yang perlu dinyatakan setiap 5 tahun.

Perincian bagi kandungan 1 dan 2 boleh didapati dalam Seksyen 24(4), (5) dan (6).

Seterusnya, Seksyen 23(2) PPA turut memperuntukkan supaya penyata umum akaun parti melalui proses audit seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 29 dan 30 yang boleh diringkaskan seperti berikut: -

A. Audit Penyata Akaun di bawah Seksyen 29

a. Audit hendaklah dijalankan ke atas cawangan peringkat kebangsaan, cawangan Land, dan sekurang-kurangnya 10 cawangan serantau / tempatan yang akan dipilih oleh juruaudit.

b. Audit hendaklah melibatkan pemeriksaan buku akaun, rekod, dokumen, tunai, dan aset.

c. Juruaudit hendaklah memastikan pematuhan kepada undang-undang yang relevan dan menggunakan kaedah audit yang teliti untuk mengesan sebarang ketidaktepatan atau pelanggaran undang-undang.

B. Laporan Audit dan Sijil Audit di bawah Seksyen 30

a. Hasil audit hendaklah direkodkan dalam laporan bertulis yang diserahkan kepada Jawatankuasa Eksekutif parti dan cawangan yang diaudit.

b. Jika tiada isu yang timbul, juruaudit hendaklah mengeluarkan sijil audit yang mengesahkan penyata akaun mematuhi undang-undang. Jika terdapat isu, juruaudit boleh menolak untuk mengeluarkan sijil audit atau memberikannya dengan syarat.

c. Sijil audit hendaklah dilampirkan pada penyata akaun yang diserahkan di bawah Seksyen 23 dan diterbitkan bersama penyata tersebut.

Menurut Seksyen 31 pula, seorang juruaudit atau akauntan bertauliah boleh menjadi juruaudit bagi tujuan pengauditan di bawah PPA hanya sekiranya beliau: -

i. tidak memegang jawatan atau melaksanakan fungsi dalam parti politik yang diaudit dalam tempoh tiga tahun sebelumnya;

ii. tidak terlibat dalam penyediaan buku akaun atau penyata akaun yang diaudit;

iii. bukan seorang wakil sah, pekerja, ahli lembaga pengarah, atau rakan kongsi kepada individu atau entiti yang tidak layak menjadi juruaudit bagi parti politik tersebut; dan

iv. tidak menggunakan pembantu yang tidak memenuhi syarat i,ii dan iii.

Bagi firma audit pula, mereka tidak boleh menjadi juruaudit sekiranya mereka tidak memenuhi syarat-syarat yang dikenakan ke atas juruaudit individu, seperti terlibat dalam penyediaan penyata akaun atau mempunyai hubungan dengan pihak berkepentingan. Di samping itu, Seksyen 31 turut memperuntukkan tanggungjawb umum bagi juruaudit, pembantu mereka, dan wakil sah firma audit untuk menjalankan tugas dengan teliti, tidak berat sebelah, dan mematuhi tanggungjawab kerahsiaan.

Presiden Bundestag memainkan peranan yang penting dalam memastikan ketelusan, akauntabiliti, dan pematuhan undang-undang menurut Bahagian V PPA. Menurut Seksyen 23, Presiden Bundestag hendaklah memeriksa kepatuhan setiap penyata umum akaun yang diterima:

> *(3) The President of the German Bundestag shall, pursuant to Section 23a below, check whether the statement of accounts complies with the provisions of Part V. The respective finding shall be included in the report to be submitted under paragraph 4 below.*

Sekiranya Presiden mempunyai bukti yang kukuh bahawa terdapat maklumat yang dilaporkan dalam penyata umum adalah tidak tepat, beliau hendaklah memberi peluang kepada parti politik yang berkenaan untuk menjelaskan ketidaktepatan tersebut.[154] Bagi tujuan ini, Presiden juga boleh mengehendaki supaya juruaudit

[154] Seksyen 23a(2), Parteiengesetz – PartG

atau firma audit yang digunakan oleh parti politik tersebut untuk mengesahkan sama ada penjelasan yang diberikan parti adalah betul.[155]

Jika penjelasan yang diberikan adalah tidak memuaskan, Presiden Bundestag boleh melantik, dengan persetujuan parti politik yang berkenaan, seorang juruaudit bertauliah atau sebuah firma audit bertauliah untuk menyemak sekiranya penyata umum akaun parti tersebut mematuhi peruntukan di bawah Bahagian V, dengan kosnya ditanggung oleh Presiden itu sendiri.[156] Parti politik yang berkenaan hendaklah memberikan akses kepada juruaudit atau firma audit yang dilantik kepada sebarang rekod atau dokumen sokongan yang diperlukan.[157] Selepas tatacara ini, berdasarkan kepada penemuan hasil semakan yang dijalankan, parti politik hendaklah membuat pembetulan kepada penyata umum akaun mereka, dan pembetulan ini hendaklah melalui proses pengauditan yang sama seperti sebelum penyerahan penyata umum yang asal.[158]

PPA turut menetapkan kewajipan pelaporan khusus bagi sumbangan di bawah Seksyen 25, yang mana sekiranya terdapat sumbangan tunggal yang melebihi jumlah 50,000 EURO, parti hendaklah tanpa lengah memaklumkan perkara tersebut kepada Presiden Bundestag. Selain itu, jika jumlah sumbangan atau pemberian oleh wakil rakyat atau pegawai melepasi jumlah sebanyak 10,000 EURO setahun, nama penderma atau pemmberi tersebut dan jumlah sumbangan mesti dimasukkan ke dalam penyata umum akaun menurut Seksyen 24.

Akhri sekali, Seksyen 23(2) ada memperuntukkan pengecualian daripada keperluan pengauditan untuk penyata umum akaun parti. Menurut Seksyen itu, parti politik yang mendapat 0.5 peratus jumlah undi tetapi mempunyai pendapatan dan aset yang tidak melebihi 5,000 EURO setahun boleh menyerahkan penyata umum akaun yang tidak diaudit kepada Presiden Bundestag.

---

[155] Ibid
[156] Seksyen 23a(3), Parteiengesetz – PartG
[157] Ibid
[158] Seksyen 23a(5), Parteiengesetz – PartG

If a political party does not meet the requirements specified in Section 18 para. 4, first part of the 1st sentence,[159] *and its income or own assets in the accounting year does not exceed 5,000 euros, it may submit an unaudited statement of accounts to the President of the German Bundestag.*

4.4.8 Pendedahan laporan kepada umum di bawah Political Parties Act

Walaupun Perkara 21 Basic Law 1949 menyatakan bahawa parti politik perlu menyatakan secara umum mengenai kewangan mereka, PPA tidak menetapkan sebarang kewajipan langsung terhadap parti politik unduk mendedahkan atau menerbitkan penyata umum akaun mereka. Namun, hal ini tidak bermakna tiada cara bagi orang awam untuk mengetahui sumber dan perbelanjaan parti politik. Orang awam masih boleh mendapat akses kepada maklumat tersebut melalui mekanisme pendedahan laporan di bawah PPA yang berkait rapat dengan tanggungjawab pelaporan oleh Presiden Bundestag.

Di bawah Seksyen 23(2), Presiden Bundestag hendaklah, setelah menerima penyata akaun umum daripada parti politik, mengedarkan penyata tersebut sebagai *Bundestag printed paper*. Selain itu, Presiden Bundestag juga dikehendaki untuk membuat pelaporan pada setiap 2 tahun kepada German Bundestag tentang keadaan kewangan parti-parti politik di Germany dan penyata akaun yang diterima. Pada masa yang sama, beliau turut dikehendaki menyediakan gambaran tahunan tentang pendapatan dan perbelanjaan parti-parti politik serta aset yang dimiliki atau dipegang oleh mereka. Kesemua laporan dwitahunan dan gambaran tahunan ini perlu diedarkan sebagai Bundestag printed paper juga.[160]

---

[159] *"Political parties which, according to the final result of the most recent elections to the European Parliament or to the Bundestag, received at least 0.5 per cent or, in an election to a Landtag, received 1 per cent of the valid votes cast for party..."*

[160] Seksyen 23(4), Parteiengesetz – PartG

Selain itu, terdapat juga keadaan lain di mana sesuatu laporan itu perlu diedarkan sebagai Bundestag printed paper. Sebagai contoh, jika terdapat pembetulan kepada penyata umum akaun setelah tamat proses semakan di bawah Seksyen 23a, penyata yang dibetulkan itu turut perlu diedarkan sebagai Bundesrag printed paper[161] kecuali bagi maklumat yang tidak merujuk kepada akaun parti politik, yang mana maklumat tersebut tidak boleh diterbitkan dan perlu dihapuskan serta merta oleh Presiden Bundestag atau diserahkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.[162] Di samping itu, Presiden juga perlu menerbitkan laporan bagi sebarang sumbangan yang melebihi 50,000 EURO beserta dengan nama penyumbang sebagai *Bundestag printed paper*.[163]

Pendekatan melalui peranan Presiden Bundestag ini secara tidak langsungnya memenuhi elemen pendedahan kewangan parti kepada orang umum kerana Bundestag printed paper adalah dokumen yang tersedia kepada kesemua orang awam melalui portal dip.bundestag.de.

4.4.9 Kesalahan berkaitan di bawah Political Parties Act

Bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kewangan parti politik di bawah PPA, Akta ini telah memperuntuukan beberapa kesalahan seperti berikut: -

Peruntukan	**Penerangan ringkas**	**Pihak yang terlibat**
Seksyen 31a(1)	Jika sumbangan atau derma yang dinyatakan adalah tidak benar dalam penyata akaun dan menyebabkan jumlah pembiayaan awam ditentukan secara salah,	Parti politik (yang menerima pembiayaan awam)

[161] Seksyen 23a(6), ibid
[162] Seksyen 23a(7), ibid
[163] Seksyen 25(3), ibid

Peruntukan	**Penerangan ringkas**	**Pihak yang terlibat**
	Presiden Bundestag boleh membatalkan keputusan peruntukan dan menetapkan jumlah yang perlu dibayar balik**.**	
Seksyen 31b	Jika semakan mendapati sebarang ketidaktepatan dalam penyata akaun, parti boleh dipertanggungkan untuk membayar 2 kali ganda jumlah yang dinyatakan salah; Bagi ketidaktepatan berkaitan aset nyata atau pegangan kepentingan syarikat dalam penyata aset atau liabiliti atau bahagian penjelasan, liabiliti boleh jadi 10% nilai aset yang tidak dimasukkan atau tersenarai tidak tepat.	Parti politik
Seksyen 31c(1)	(i) Jika parti menerima derma yang dilarang (iaitu melanggar Seksyen 25(2)) dan tidak menyerahkan kepada Presiden Bundestag (Seksyen 25(4)), parti bertanggungan membayar 3 kali ganda jumlah derma tidak sah. (ii) Jika parti gagal mendedahkan atau penerbitan derma seperti dikehendaki (Seksyen 25(3)), parti bertanggungan membayar 2 kali	Parti politik

Peruntukan	Penerangan ringkas	Pihak yang terlibat
	ganda jumlah yang tidak didedahkan.	
Seksyen 31d(1)(1)	Dengan niat untuk menyembunyikan asal usul atau penggunaan dana atau aset parti, atau mengelak kewajipan akauntabiliti awam ("niat yang sama"), seseorang yang menyebabkan data yang tidak tepat tentang pendapatan atau aset untuk dimasukkan dalam penyata akaun, atau mengemukakan penyata akaun tidak tepat, adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara hingga 3 tahun atau denda.	Mana-mana orang yang terlibat dalam penyediaan atau pengemukaan penyata akaun (termasuk pegawai parti yang berperanan)
Seksyen 31d(1)(2)	Dengan niat yang sama, sebagai penerima, seseorang memecah-bahagikan derma kepada amaun lebih kecil dan merekodkannya dalam buku akaun atau mengarahkan orang lain memposkannya untuk tujuan penyamaran, juga melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara hingga 3 tahun atau denda.	Penerima derma atau pihak yang merekod atau mengarahkan perekodan
Seksyen 31d(1)(3) (rujukan Seksyen 25(1))	Dengan niat yang sama, pihak yang menerima derma gagal menyerahkan derma yang diterima bagi pihak parti kepada ahli Jawatankuasa Eksekutif yang sepatutnya	Ahli atau agen atau pihak yang menerima derma bagi pihak parti

Peruntukan	Penerangan ringkas	Pihak yang terlibat
	adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara hingga 3 tahun atau denda.	
Seksyen 31d(2)	Juruaudit atau pembantu juruaudit yang (i) memberi laporan audit palsu, (ii) tidak mendedahkan fakta material dalam laporan audit, atau (iii) mengeluarkan sijil audit dengan maklumat palsu, Adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara hingga 3 tahun atau denda dan boleh meningkat hingga 5 tahun jika dibuat secara berbayar atau untuk menguntungkan atau memudaratkan pihak lain.	Juruaudit, pembantu juruaudit, atau pihak yang mengeluarkan laporan atau sijil audit

Kewujudan kesalahan-kesalahan ini dapat mewujudkan disiplin pematuhan dan akauntabiliti kewangan dalam parti politik, sekaligus meningkatkan integriti proses politik, dan memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap pembiayaan dan operasi parti.

4.5 NEW ZEALAND

New Zealand mengamalkan sistem perundangan berkaitan pendanaan politik yang tidak terlalu ketat. Terdapat pandangan bahawa kerangka perundangan berkaitan pendanaan politik di New Zealand adalah lebih longgar berbanding negara maju yang lain. Sebagai contoh, berbanding dengan negara lain, New

Zealand mempunyai tahap ketelusan yang agak rendah mengenai sumber pembiayaan parti: kebanyakan negara maju mewajibkan penyumbang mendedahkan identiti mereka apabila mereka memberi lebih daripada NZ$5,000 atau bahkan $1,500, tetapi di New Zealand ambangnya ialah $15,000. Dua pertiga negara maju menetapkan had ke atas jumlah yang sangat besar yang boleh didermakan kepada parti; namun, New Zealand tidak mempunyai sebarang had sedemikian. Tambahan pula, banyak negara hanya membenarkan sumbangan daripada warganegara, bukan daripada syarikat atau kesatuan sekerja; New Zealand tidak mengenakan sebarang sekatan sedemikian. Ringkasnya, pelbagai jenis instrumen yang boleh meningkatkan ketelusan dan membendung pengaruh tidak wajar sebahagian besarnya tidak digunakan di New Zealand.[164]

Secara umumnya, parti-parti politik di New Zealand mempunyai dua kumpulan sayap utama, iaitu sayap parlimen dan sayap bukan parlimen. Sayap parlimen terdiri daripada kumpulan ahli parlimen (MP) dan kakitangan mereka, manakala sayap bukan parlimen merangkumi keanggotaan parti yang lebih luas serta diuruskan oleh sebuah majlis atau lembaga yang diketuai oleh seorang presiden atau setiausaha agung.[165]

Sayap parlimen menerima pembiayaan awam bagi menampung aktiviti harian seperti perbahasan dan penggubalan undang-undang. Selain itu, peruntukan penyiaran pilihan raya yang dibiayai oleh kerajaan boleh digunakan untuk tujuan pengiklanan kempen semasa tahun pilihan raya.[166]

---

[164] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf; New Zealand Parliament. (2022). Electoral Amendment Bill. https://www.parliament.nz/en/pb/bills-and-laws/bills-proposed-laws/document/ BILL_125504/electoral-amendment-bill.

[165] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2025). Motivations for political donations in Aotearoa New Zealand. *International Political Science Review*, *46*(3), 406-421.

[166] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2025). Motivations for political donations in Aotearoa New Zealand. *International Political Science Review*, *46*(3), 406-421.

Namun demikian, sayap bukan parlimen tidak menerima pembiayaan awam bagi operasi umum seperti pembangunan dasar atau penyampaian dasar tersebut kepada pengundi (kecuali jika dilakukan melalui penyiaran pilihan raya atau dalam Parlimen). Oleh itu, sayap bukan parlimen perlu menjana dana sendiri melalui yuran keahlian parti, jualan barangan, yuran acara atau — yang paling utama — derma politik.[167]

4.5.1 Keperluan Undang-Undang

Menurut sorotan literatur di New Zealand, keperluan kawal selia kepada pendanaan politik adalah bertitik tolak daripada isu rasuah, di mana pendanaan politik dipandang sebagai risiko perdagangan pengaruh Kebimbangan lain ialah hanya segelintir pihak — khususnya golongan berkemampuan — mempunyai peluang untuk terlibat dalam amalan ini, sama ada secara langsung melalui sumbangan politik, atau secara tidak langsung melalui pembiayaan aktiviti melobi atau kempen oleh pihak ketiga.[168] Oleh itu, keperluan kawal selia pendanaan politik di New Zealand dibina atas rasional asas: mencegah "perdagangan pengaruh" (*trading influence*), melindungi kesaksamaan peluang penyertaan politik, dan memastikan ketelusan supaya pengundi mampu menilai sama ada keputusan politik dipacu oleh hujah dasar atau dipengaruhi oleh kuasa kewangan. Dari segi sejarah, krisis legitimasi dan kelompongan undang-undang menjadi pemangkin reformasi. Kontroversi paling rujukan ialah episod sekitar **Pilihan Raya Umum 2005**, yang memperlihatkan isu dana pihak ketiga dan penggunaan sumber awam secara partisan. Rekod sejarah rasmi menonjolkan "funding scandals" apabila kempen melibatkan perbelanjaan besar oleh pihak

[167] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2025). Motivations for political donations in Aotearoa New Zealand. *International Political Science Review*, *46*(3), 406-421.
[168] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.

berkepentingan dan pertikaian penggunaan pembiayaan Parlimen untuk tujuan politik parti.

Peraturan pembiayaan politik New Zealand telah berkembang daripada kawal selia abad ke-19 dan awal abad ke-20 yang sempit terhadap calon individu kepada rejim yang lebih kompleks tetapi masih longgar untuk mengawal parti politik. Undang-undang awal menghadkan perbelanjaan calon dan mewajibkan pendedahan selepas pilihan raya, tetapi parti bebas berbelanja dan bergantung kepada keahlian yang besar serta sumbangan perniagaan atau kesatuan tanpa hampir sebarang penelitian. [169] Menjelang 1980-an, sumbangan korporat besar kepada parti Labour dan National menimbulkan kebimbangan tentang pengaruh, walaupun Suruhanjaya Diraja 1986 memandang ringan risiko tersebut. [170] Pada 1990-an, Akta Pilihan Raya dan pindaan-pindaannya memperkenalkan ambang pendedahan penderma dan had perbelanjaan kempen yang secara teori boleh mewujudkan rejim yang ketat. Namun, kenaikan ambang pendedahan, kelonggaran terhadap sumbangan "tanpa nama" serta penggunaan amanah dan perantara untuk membundel sumbangan menggalakkan pemecahan sumbangan dan kerahsiaan.[171] Kedua-dua parti utama dan Act menggunakan kenderaan dana dan skim yang menyembunyikan penderma sebenar, manakala ahli politik sendiri sering terlibat rapat dalam pengumpulan dana dan penjualan akses kepada pemimpin parti serta menteri.[172]

Sejarahnya di New Zealand, sejak peraturan pembiayaan parti politik diperkenalkan, para penderma dan parti politik telah memintas semangat undang-undang dengan mengeksploitasi kelompongan perundangan yang sah, serta bertindak secara jelas bertentangan dengannya.[173] Amalan-amalan ini

---

[169] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

[170] Ibid

[171] Ibid

[172] Ibid

[173] Sajadi, R. (2025). *Towards Democratic Integrity: A Blueprint for Political Finance Reform in Aotearoa/New Zealand* (Doctoral dissertation, ResearchSpace@ Auckland).

mencapai kemuncaknya semasa Pilihan Raya Umum 2005 apabila terbongkar bahawa kumpulan pihak ketiga, *Exclusive Brethren Church* dan *Fairtax*, telah membelanjakan "ratusan ribu dolar untuk kempen pro-National dengan pengetahuan dan sokongan tersirat parti tersebut" tetapi tanpa mendedahkan pertalian mereka.[174] Dalam erti kata lain, hal ini tercetus daripada satu siri skandal semasa pilihan raya 2005. Kerajaan Parti Buruh didapati telah menggunakan peruntukan Parlimen untuk tujuan politik kepartian, Parti Nasional membelanjakan lebih daripada yang sepatutnya untuk pengiklanan televisyen dan—sesuatu yang luar biasa bagi New Zealand iaitu *Exclusive Brethren*, sebuah mazhab Kristian, membelanjakan AS$1.2 juta untuk kempen bagi membantu parti pilihan mereka. Salah satu elemen kempen Exclusive Brethren ialah risalah yang menggalakkan pengundi mengundi Parti Nasional, yang diedarkan secara meluas. Risalah itu tidak mempunyai pengenalan yang diwajibkan oleh undang-undang tentang parti yang meluluskannya. Sekumpulan tujuh ahli perniagaan, semuanya ahli Exclusive Brethren, mengumumkan bahawa merekalah yang bertanggungjawab. Bible yang ditunjukkan di sini terletak di atas sebuah meja pada sidang media yang kumpulan itu adakan untuk membincangkan kekecohan tersebut.[175] Begitu juga, Parti Labour berdepan semakan kerana membelanjakan lebih daripada $400,000 daripada dana parlimen untuk tujuan berkempen, melanggar larangan penggunaan dana Parlimen bagi aktiviti kempen.[176]

Kajian akademik juga menilai PRU 2005 sebagai detik yang menonjolkan tingkah laku yang menimbulkan persoalan integriti pembiayaan kempen dan keperluan pembaikan struktur kawal selia.[177] Susulan pendedahan ini, kerajaan Labour yang baru dipilih meluluskan Electoral Finance Act 2007 ("Akta 2007"), yang

[174] Sajadi, R. (2025). *Towards Democratic Integrity: A Blueprint for Political Finance Reform in Aotearoa/New Zealand* (Doctoral dissertation, ResearchSpace@ Auckland).
[175] Jeffrey, G. (n.d.). *Funding scandals, 2005* [Photograph]. Te Ara – the Encyclopedia of New Zealand. Retrieved December 29, 2025, from https://teara.govt.nz/en/photograph/35162/funding-scandals-2005
[176] Sajadi, R. (2025). *Towards Democratic Integrity: A Blueprint for Political Finance Reform in Aotearoa/New Zealand* (Doctoral dissertation, ResearchSpace@ Auckland).
[177] Geddis, A. (2007). Rethinking the funding of New Zealand's election campaigns. *Policy Quarterly*, *3*(1).

memperkenalkan perubahan sementara kepada kerangka tahun 1996.[178] Hal ini bermakna, New Zealand pernah melalui fasa reformasi yang "lebih ketat" melalui *Electoral Finance Act* 2007, termasuk peraturan kempen pihak ketiga dan rejim pendedahan yang diperkukuh (berkuat kuasa 1 Januari 2008).

Pembaharuan pada 2000-an dan 2010-an – khususnya *Electoral Finance Act 2007* dan kesinambungannya melalui pindaan 2010 – mengetatkan beberapa peraturan (contohnya pendedahan lebih pantas bagi sumbangan besar, had ke atas sumbangan luar negara, sekatan ke atas amalan amanah tertentu, serta pelaporan agregat sumbangan di bawah ambang) dan mengenakan had ke atas perbelanjaan kempen parti serta pihak ketiga. Reformasi zaman 2007 selepas *Electoral Finance Act 2007* ini boleh dirumuskan seperti berikut (perlu diketahui bahawa *Electoral Finance Act 2007* telah dimansuhkan di New Zealand, namun reformasi tersebut masih penting untuk dikaji, diteladani dan beberapa reformasi tersebut telah diterapkan semula ke dalam *Electoral Act 1993*):[179]

1. Dari segi rejim derma, undang-undang memperkenalkan satu mekanisme baharu bagi derma yang dilindungi daripada pendedahan identiti, iaitu bagi mana-mana individu yang ingin membuat derma melebihi $1,000 tanpa parti politik atau orang awam mengetahui identitinya. Dalam keadaan tersebut, penderma perlu menghantar derma kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (Electoral Commission), dan Suruhanjaya akan membuat bayaran kepada parti tanpa mendedahkan identiti penderma, namun kemudahan ini tidak disediakan untuk calon. Pada masa yang sama, terdapat peraturan pendedahan baharu apabila seseorang membuat sumbangan (contribution) yang menyumbang kepada sesuatu derma, dan undang-undang menetapkan bahawa derma tanpa nama tidak boleh melebihi $1,000, dengan sebarang jumlah melebihi had itu perlu dilucut hak kepada

[178] Sajadi, R. (2025). *Towards Democratic Integrity: A Blueprint for Political Finance Reform in Aotearoa/New Zealand* (Doctoral dissertation, ResearchSpace@ Auckland).
[179] Electoral Commission. (2009, March 26). *Electoral Finance Act 2007 - detail*. Retrieved December 29, 2025, from https://elections.nz/media-and-news/2009/electoral-finance-act-2007-detail-2

akaun bank Crown. Peraturan yang sama turut dikenakan terhadap derma luar negara yang melebihi $1,000, yang juga mesti dilucut hak kepada Crown. Selain itu, sumbangan-sumbangan yang membentuk sesuatu derma perlu diisytiharkan kepada ejen kewangan dan dimasukkan dalam pulangan (returns) jika melebihi ambang pengisytiharan $1,000, manakala perbezaan antara nilai komersial dengan nilai barang atau perkhidmatan yang dinilai terlalu rendah atau terlalu tinggi, termasuk nilai pinjaman, turut perlu direkodkan sebagai derma.

2. Bagi individu atau organisasi yang mahu terlibat dalam kempen pilihan raya tetapi bukan parti berdaftar atau calon, undang-undang menetapkan bahawa sesiapa yang ingin membelanjakan lebih daripada $12,000 bagi kempen pilihan raya mesti disenaraikan sebagai pihak ketiga dan tidak boleh membelanjakan lebih daripada $120,000. Pihak ketiga yang disenaraikan perlu mempunyai ejen kewangan, dan jika kempen tersebut hanya berkaitan satu kawasan undi (electorate), kewajipan untuk disenaraikan timbul apabila perbelanjaan melebihi $1,000. Di samping itu, pihak ketiga yang disenaraikan dikehendaki memfailkan penyata perbelanjaan pilihan raya, dan mereka mungkin perlu mengemukakan laporan juruaudit bergantung pada jumlah perbelanjaan yang dibuat. Mereka juga perlu memfailkan penyata derma serta mematuhi peraturan derma, dan pada masa yang sama, definisi iklan pilihan raya yang tertakluk kepada pematuhan peraturan turut diperincikan.
3. Perubahan besar juga dibuat terhadap peraturan kempen pilihan raya dan pelaporan perbelanjaan, termasuk peluasan tempoh liputan perbelanjaan yang kini bermula dari 1 Januari hingga hari pengundian, sekiranya pilihan raya diadakan pada tahun ketiga kitaran pilihan raya. Undang-undang turut memperkenalkan definisi baharu iklan pilihan raya yang merangkumi iklan yang tidak menyebut nama calon atau parti, dan menetapkan bahawa iklan pilihan raya hanya boleh diterbitkan dengan kuasa ejen kewangan atau

setiausaha parti, calon, atau pihak ketiga. Definisi "penerbitan" juga diperluaskan untuk merangkumi hampir semua cara menyampaikan mesej kepada orang awam, namun undang-undang mengecualikan kandungan bukan iklan dalam media, blog bukan berasaskan keuntungan, serta surat berita yang dihantar kepada ahli-ahli sesebuah organisasi daripada takrif "iklan pilihan raya yang diterbitkan". Bagi tujuan pelaporan, undang-undang memperkenalkan definisi "nilai pasaran yang munasabah" yang perlu dimasukkan dalam pulangan bagi bahan atau ruang iklan yang diberikan secara percuma atau pada kadar diskaun, dan turut memperkenalkan peraturan pengagihan baharu bagi semua bentuk iklan pilihan raya yang dikongsi. Selain itu, ambang perbelanjaan pilihan raya boleh dinaikkan selaras perubahan Indeks Harga Pengguna (CPI) melalui Perintah dalam Majlis (Order in Council).

4. Untuk semua pihak yang terlibat dalam kempen, undang-undang menetapkan bahawa setiap calon, parti, dan pihak ketiga mesti mempunyai ejen kewangan yang bertanggungjawab memberi kuasa kepada pengiklanan, menanggung dan membayar perbelanjaan pilihan raya, melaporkan perbelanjaan tersebut, serta menerima derma. Bagi parti politik berdaftar secara khusus, derma melebihi $20,000 perlu diisytiharkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dalam tempoh 10 hari bekerja, dan terdapat juga perubahan kepada peraturan kempen serta penyata perbelanjaan, termasuk definisi baharu tentang perkara yang perlu diliputi dalam penyata perbelanjaan pilihan raya serta pengecualian bagi komunikasi yang dihantar oleh seorang Ahli Parlimen dalam kapasiti beliau sebagai Ahli Parlimen. Bagi calon kawasan undi pula, undang-undang memperkenalkan definisi baharu "iklan calon" yang kini turut merangkumi iklan yang tidak menyebut nama calon, dan panduan dalam talian juga disediakan untuk membantu pematuhan.

5. Dari sudut penguatkuasaan, perubahan berkaitan kesalahan termasuk peningkatan tempoh masa untuk pendakwaan boleh dimulakan, serta pemberian budi bicara kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dan Ketua Pejabat Pilihan Raya untuk merujuk perkara kepada pihak polis, dengan rujukan tidak akan dibuat jika sesuatu perkara dianggap terlalu tidak signifikan sehingga tiada kepentingan awam untuk melaporkan fakta tersebut kepada Polis New Zealand. Undang-undang juga meningkatkan penalti bagi sesiapa yang disabitkan kesalahan amalan rasuah atau amalan tidak sah. Dalam konteks penyiaran, aduan mengenai iklan pilihan raya di TV dan radio kini dikemukakan terus kepada Broadcasting Standards Authority dan bukan lagi kepada penyiar, serta pelantikan politik dalam Suruhanjaya Pilihan Raya bagi tujuan pengagihan siaran dimansuhkan, namun definisi dan peraturan iklan pilihan raya di TV dan radio di bawah Akta Penyiaran pada asasnya tidak berubah.

Melalui reformasi di atas, Akta Kewangan Pilihan Raya 2007 (*Electoral Finance Act 2007*) telah memperkenalkan keperluan yang ketat terhadap aktiviti kempen pilihan raya oleh pihak ketiga (kempen selari/parallel campaigners). Di samping itu, akta tersebut turut memperkenalkan rejim pendedahan derma politik yang lebih ketat berbanding peraturan yang sebelum ini terpakai di bawah Akta Pilihan Raya 1993 (*Electoral Act 1993*), serta meningkatkan penalti jenayah dan melanjutkan had masa bagi pendakwaan terhadap kesalahan kewangan pilihan raya yang serius.[180]

Namun begitu, walaupun dengan reformasi yang dibawa melalui *Electoral Finance Act 2007*, masih banyak kelompongan kekal, kuasa penguatkuasaan masih lemah dan skandal semakin kerap. Kes-kes berprofil tinggi – daripada pengisytiharan sumbangan yang mengelirukan oleh John Banks, lelongan karya seni dan sumbangan berpautan asing, hinggalah perbicaraan New Zealand First

[180] Ministry of Justice. (2010, April 29). *Regulatory impact statement: Electoral finance reform* [Regulatory Impact Statement]. Wellington, New Zealand: Author. Retrieved from https://www.regulation.govt.nz/assets/RIS-Documents/ris-justice-efr-apr10.pdf

Foundation dan kes sumbangan Labour/National (Zhang/Zheng) – mendedahkan pemecahan sumbangan secara sistematik, penggunaan perantara, penjualan akses dan cubaan berterusan menyembunyikan identiti penderma besar, sering daripada industri yang berkepentingan langsung dengan keputusan kerajaan. Mahkamah membebaskan beberapa tertuduh atas alasan teknikal, sebahagiannya kerana definisi dan kesalahan dalam Akta Pilihan Raya terlalu sempit, memaksa pendakwa menggunakan peruntukan umum di bawah *Crimes Act*. Gambaran keseluruhan menunjukkan satu sistem di mana penyamaran identiti penderma berkemungkinan berleluasa, badan pengawal selia kekurangan alat penyiasatan, pendakwaan jarang dan sukar, dan rangka kerja undang-undang serta penguatkuasaan pembiayaan politik New Zealand memerlukan pengukuhan yang signifikan untuk memastikan ketelusan sebenar serta melindungi kepercayaan awam.[181]

Pada 1 Mac 2009, *Electoral Finance Act 2007* telah dimansuhkan kerana tidak wujud kesepakatan umum yang luas daripada pihak awam dan politik berhubung rejim kempen selari yang diperuntukkan dalam akta tersebut. Pada masa itu, peruntukan-peruntukan asal dalam *Electoral Act 1993* yang berkaitan dengan perbelanjaan kempen dan pengiklanan telah dikuatkuasakan semula, manakala peruntukan-peruntukan *Electoral Finance Act 2007* yang berkaitan dengan derma dan sekatan jenayah telah dimasukkan ke dalam *Electoral Act 1993*.[182]

Keperluan kawal selia timbul bagi menjamin ketelusan, akauntabiliti dan mencegah pengaruh kewangan tidak wajar dalam pilihan raya/parti. Rangka utama ialah *Electoral Act 1993* (Akta Pilihan Raya 1993) yang mengawal derma/sumbangan, pinjaman, perbelanjaan, pelaporan dan pendedahan bagi parti, calon dan pihak ketiga. Pembaharuan terkini melalui pindaan sehingga

[181] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

[182] Ministry of Justice. (2010, April 29). *Regulatory impact statement: Electoral finance reform* [Regulatory Impact Statement]. Wellington, New Zealand: Author. Retrieved from https://www.regulation.govt.nz/assets/RIS-Documents/ris-justice-efr-apr10.pdf

tahun 2023 menurunkan ambang pendedahan dan mempercepat pelaporan derma besar untuk meningkatkan ketelusan.[183]

4.5.2 Rangkuman Pemakaian Undang-Undang

Kerangka utama ialah Electoral Act 1993[184] yang mentadbir pilihan raya Parlimen peringkat nasional (New Zealand ialah negara unitary iaitu tiada peringkat "persekutuan/negeri").

Kerangka utama pendanaan politik bagi pilihan raya Parlimen ialah *Electoral Act 1993*, yang mengawal: [185]

1. Parti politik berdaftar (*registered political parties*);
2. Calon (termasuk calon bebas) melalui kewajipan pulangan (*returns*) derma dan perbelanjaan; dan
3. *Third-party promoters* (pihak ketiga yang membiayai/menyebarkan pengiklanan pilihan raya).
   Panduan rasmi Elections NZ menghuraikan secara praktikal cara undang-undang ini diaplikasikan, termasuk peraturan sumbangan/loan, perbelanjaan, dan iklan pilihan raya.[186]

Manakala, Pilihan raya kerajaan tempatan (majlis bandar/daerah) tidak ditadbir oleh Electoral Act 1993 tetapi oleh Local Electoral Act 2001 (yang mempunyai konsep derma/sumbangan dan pulangan derma/perbelanjaan tersendiri untuk

[183] Electoral Commission. (n.d.). *Rules for party donations and loans*. Elections.nz. Retrieved December 30, 2025, from https://elections.nz/guidance-and-rules/donations-and-loans/rules-for-party-donations-and-loans/

[184] New Zealand Parliamentary Counsel Office. (1993). *Electoral Act 1993* (1993 No 87). New Zealand Legislation. Retrieved December 30, 2025, from https://www.legislation.govt.nz/act/public/1993/0087/latest/DLM307519.html

[185] Lihat definisi dan bahagian iklan/pengiklan di Bahagian 6AA (termasuk s 204A (Interpretation) dan s 204B; dan Bahagian 6A, seksyen 205; Electoral Commission. (n.d.). *Rules for party donations and loans*. Elections.nz. Retrieved December 30, 2025, from https://elections.nz/guidance-and-rules/donations-and-loans/rules-for-party-donations-and-loans/

[186] Electoral Commission. (n.d.). *For third party promoters*. Elections.nz. Retrieved December 30, 2025, from https://elections.nz/guidance-and-rules/for-third-party-promoters/

calon pilihan raya tempatan yang termaktub dalam Bahagian 5 Akta tersebut – seksyen 103A hingga seksyen 112F[187]).[188]

Dalam konteks, pemakaian kepada PARTI politik (registered parties), peruntukan yang relevan adalah seperti berikut:

i. Pulangan derma parti (annual return): Setiausaha parti mesti memfailkan pulangan derma parti mengikut kehendak s 210 dan laporan juruaudit di bawah s 210A (jika berkenaan).
ii. Derma > NZ$20,000 dalam tahun pilihan raya (agregat daripada penderma yang sama) mesti dilaporkan dalam 10 hari bekerja (s 210C).
iii. Pendedahan kepada umum bagi pulangan parti: Suruhanjaya boleh menerbitkan pulangan di bawah s 210F.
iv. Had & pelaporan perbelanjaan parti semasa "regulated period": had maksimum di s 206C; pulangan perbelanjaan selepas pilihan raya di s 206IA; penerbitan oleh Suruhanjaya di s 206Q.
v. Derma asing (overseas person): Larangan/limit NZ$50 (kesalahan jika langgar) — s 207K–207L.
vi. Derma dilindungi daripada pendedahan (*protected from disclosure*): mekanisme melalui Suruhanjaya di ss 208A–208G.

Dalam konteks, pemakaian kepada CALON (termasuk calon bebas/*independent*), peruntukan yang relevan adalah seperti berikut:

i. "Candidate" ditakrif di s 3(1); semua kewajipan calon termasuk calon bebas tertakluk kepada bab derma/perbelanjaan calon.
ii. Pulangan derma calon: s 209 (kewajipan memfail); kesalahan berkaitan pulangan di s 209B; penerbitan kepada umum di s 209E.

[187] definisi "donation/contribution" (s 103A) dan pulangan derma & perbelanjaan di s 112A (disimpan/tersedia untuk pemeriksaan awam)
[188] New Zealand Parliamentary Counsel Office. (2001). *Local Electoral Act 2001* (2001 No 35). New Zealand Legislation. Retrieved December 30, 2025, from https://www.legislation.govt.nz/act/public/2001/0035/latest/DLM93301.html

iii. Transmisi derma kepada calon & rekod: lihat kewajipan praktikal berkaitan penerimaan/penyaluran derma calon di s 207 (rangkaian seksyen derma kepada calon; contoh kewajipan transmisi dalam 10 hari bekerja).

Dalam konteks, pemakaian kepada PIHAK KETIGA (third-party promoters), peruntukan yang relevan adalah seperti berikut:

i. Definisi promoter/registered promoter di s 204A;

ii. pendaftaran promoter di s 204N.

4.5.3 Pengwujudan Badan Kawal Selia Dana Politik

Badan kawal selia utama ialah *Electoral Commission (Elections NZ)* yang ditubuhkan melalui seksyen 4B *Electoral Act 1993*. Secara institusi, ia berfungsi sebagai entiti bebas (*independent Crown entity*) (seksyen 4B(2) & seksyen 7) yang melaksanakan fungsi pentadbiran pilihan raya dan sebahagian fungsi pematuhan/pelaporan kewangan pilihan raya (termasuk penerimaan dan penerbitan "returns") (seksyen 5).

Laporan rasmi Auditor-General menghuraikan status dan tadbir urus Suruhanjaya ini dalam kerangka kerajaan New Zealand seperti berikut:[189]

a. Suruhanjaya Pilihan Raya beroperasi secara bebas dalam mengendalikan pilihan raya, namun tetap bertanggungjawab (accountable) kepada *Ministry of Justice* terhadap prestasinya. Suruhanjaya ini dipantau oleh *Ministry of Justice*.

b. Menurut Seksyen 4D, Suruhanjaya Pilihan Raya ditadbir oleh sebuah lembaga yang terdiri daripada tiga orang, iaitu Ketua Pegawai Pilihan Raya (Chief Electoral Officer) yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (Chief Executive) Suruhanjaya Pilihan Raya, seorang Pengerusi (Chairperson) yang dilantik, dan seorang Timbalan

[189] Office of the Auditor-General. (2024, May). *Part 2: The Electoral Commission and the 2023 General Election*. In *General Election 2023: Independent review of counting errors*. Retrieved December 30, 2025, from https://www.oag.parliament.nz/2024/election-2023/part2.html

Pengerusi (Deputy Chairperson). Dua orang ahli Lembaga Suruhanjaya Pilihan Raya telah dilantik pada Ogos 2019, manakala Ketua Pegawai Pilihan Raya semasa telah dilantik pada tahun 2022.

c. Struktur tadbir urus ini adalah kecil memandangkan peranan Suruhanjaya Pilihan Raya yang amat kritikal. Oleh sebab Ketua Pegawai Pilihan Raya turut berada dalam Lembaga, pemisahan antara fungsi tadbir urus (governance) dan pengurusan (management) mungkin menjadi kurang jelas. Walaupun Semakan Pilihan Raya Bebas (Independent Electoral Review) yang terbaru tidak mencadangkan perubahan kepada struktur Lembaga, semakan tersebut mencadangkan agar saiz lembaga ditambah daripada tiga kepada lima orang. Perubahan ini memerlukan pindaan perundangan kerana keanggotaan lembaga telah ditetapkan dalam Akta Pilihan Raya 1993, iaitu di bawah seksyen 4D(1).

4.5.4 Keperluan Lembaga Penasihat

Dalam reka bentuk New Zealand, pemantauan terhadap regulator tidak dibina melalui satu "Lembaga Penasihat" khas khusus untuk pendanaan politik (seperti model sesetengah negara). Sebaliknya, akauntabiliti berlaku melalui gabungan:

1. Tadbir urus dalaman Suruhanjaya (Board of Commission – seksyen 4D); dan
2. Pemantauan/akauntabiliti sistemik melalui kerangka Crown entities dan hubungan dengan kerajaan serta Parlimen (rujuk *Crown Entities Act 2004*).

Elections NZ menerangkan struktur kepimpinan dan tadbir urusnya (Board of Commission – seksyen 4D) sebagai mekanisme dalaman pengarah urusan dan pembuatan keputusan organisasi. Laporan Auditor-General pula menunjukkan bentuk pemantauan kerajaan ke atas Suruhanjaya melalui mekanisme

"monitoring department" (contohnya Kementerian berkaitan), iaitu bentuk "oversight" yang lazim bagi *Crown entities*.[190]

4.5.5 Pendanaan Politik

Takrif sumbangan tidak dijelaskan dengan baik dalam undang-undang New Zealand. Contohnya, Electoral Act 1993 mentakrifkan sumbangan parti sebagai "*a donation (whether of money or of the equivalent of money or of goods or services or of a combination of those things) that is made to a party, or to any person or body of persons on behalf of the party who are involved in the administration of the affairs of the party*".[191]

Melalui **seksyen 207, ia** membezakan *candidate donation* dan *party donation*. Kedua-duanya meliputi:

a) wang, "equivalent of money", barang, servis, atau gabungan;
b) diskaun harga berbanding *reasonable market value* (dianggap sebahagian donation jika melepasi ambang);
c) kredit terlalu murah (terms lebih baik daripada pasaran) — nilai manfaat kepada calon/parti dikira sebagai donation.

Pengecualian penting yang perlu dilihat dari seksyen 207 adalah tenaga kerja sukarela tidak dikira "*donation*"; dan barang/servis percuma di bawah nilai ambang tertentu juga dikecualikan (ambang calon & parti berbeza; dan ambang rakyat NZ & *overseas* juga berbeza). Konsep *contribution* diwujudkan supaya seseorang tidak boleh "cuci" derma melalui orang Tengah, dan jika ada pihak lain menyumbang dana untuk membiayai derma, identiti/amaun *contribution* boleh jadi wajib didedah (s 207, s 207C).

---

[190] Office of the Auditor-General. (2024, May). *Part 2: The Electoral Commission and the 2023 General Election*. In *General Election 2023: Independent review of counting errors*. Retrieved December 30, 2025, from https://www.oag.parliament.nz/2024/election-2023/part2.html
[191] Electoral Act 1993, s 207.

Dalam amalan, *Elections NZ* menerima bahawa sumbangan boleh datang sebagai wang, barangan, atau perkhidmatan, dan konsep "nilai pasaran munasabah" (reasonable market value – rujuk seksyen 207) digunakan untuk membezakan antara transaksi jual beli biasa dengan pemberian yang sebenarnya ialah derma (contohnya barang dilelong jauh melebihi nilai pasaran). Pendekatan ini juga menjadi asas pengiraan "in-kind donations" serta diskaun yang dianggap derma (iaitu beza antara nilai pasaran dan harga dibayar). Prinsip umum ini selari dengan cara *Elections NZ* menerangkan peraturan sumbangan dan pelaporan parti.

Namun begitu, terdapat kritikan bahawa takrifan ini tidak banyak membantu menjelaskan perkara tersebut.[192] Jika dibandingkan dengan takrifan di luar negara lazimnya menekankan unsur tiada timbal balas (*non-reciprocity*): sumbangan ialah sesuatu yang diberikan kepada parti politik tanpa (sekurang-kurangnya secara teori) jangkaan untuk menerima apa-apa balasan. Sebagai contoh, kerajaan New South Wales mentakrifkan sumbangan sebagai "*a gift made to, or for the benefit of, a political party*".[193]

Penekanan kepada konsep "*gift*" (hadiah/pemberian) membezakan sumbangan daripada, misalnya, pembelian barangan niaga parti, di mana pembeli secara jelas mendapat sesuatu sebagai balasan. Konsep 'reasonable market value' (nilai pasaran yang munasabah) membantu menjadi asas kepada perbezaan ini. Sebagai contoh, Green Party boleh menjual baju sejuk retro pada harga $80 tanpa perlu merekodkan jualan itu sebagai satu sumbangan, kerana harga itu agak hampir dengan nilai pasaran baju sejuk lain. Namun, jika parti tersebut "menjual" baju sejuk yang sama pada harga $8,000, orang yang membayar jumlah tersebut sebenarnya memberikan hadiah kepada parti bersamaan perbezaan antara

[192] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

[193] New South Wales Electoral Commission. (2022). What is a political donation? https://elections.nsw.gov.au/Funding-and-disclosure/Political-donations/ What-is-a-political-donation

$8,000 dan $80, dan perbezaan itu ($7,920) sepatutnya diisytiharkan sebagai satu sumbangan. Seperti yang dinyatakan dalam Electoral Commission's 2020 Party Secretary Handbook: "*If your party sells over-valued goods or services (for example, at a fundraising auction), the difference between the reasonable market value and the price the buyer pays is a donation*."[194]

Ada kalanya, bagaimanapun, parti boleh mengaburkan garis pemisah antara pembelian dan sumbangan, sama ada dengan sengaja atau tidak. Sebagai contoh, sesebuah parti boleh menganjurkan '*business conference'* di mana para peserta, dengan bayaran $1,500, boleh bergaul dengan Ahli Parlimen parti tersebut. Jika bayaran itu "membeli" sesuatu untuk peserta, dan kadarnya selaras dengan yuran yang dikenakan bagi persidangan lain yang sebanding, bayaran tersebut boleh – menurut undang-undang New Zealand – dianggap sebagai bayaran pembelian, dan tidak perlu direkodkan sebagai sumbangan.[195]

Akhir sekali, walaupun sumbangan lazimnya dalam bentuk wang, ia juga boleh berupa hadiah *'in-kind'*, iaitu dalam bentuk barangan dan perkhidmatan: sebagai contoh, bahan untuk membina papan kempen, atau perkhidmatan rundingan pakar yang diberikan secara percuma. Di bawah undang-undang New Zealand, barangan atau perkhidmatan percuma dengan nilai pasaran munasabah melebihi $1,500 mesti dianggap sebagai satu sumbangan. Jika sesebuah parti menerima diskaun ke atas barangan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi $1,500,

[194] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf; Electoral Commission. (n.d.). Party Secretary Handbook: General Election and Referendums 2020. Electoral Commission, p.28. https://elections.nz/assets/Handbooks/party_secretary_handbook_2020_general_election.pdf

[195] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf; Electoral Commission. (n.d.). Party Secretary Handbook: General Election and Referendums 2020. Electoral Commission https://elections.nz/assets/Handbooks/party_secretary_handbook_2020_general_election.pdf

perbezaan antara nilai pasaran dan harga yang sebenarnya dibayar mesti dianggap sebagai sumbangan.[196]

4.5.5.1 Kawal Selia terhadap Sumber Pembiayaan Calon dan Parti

New Zealand telah mengawal penggunaan wang, barangan dan perkhidmatan semasa pilihan raya sejak tahun 1858.[197] Di Aotearoa New Zealand, parti-parti politik menerima dana daripada pelbagai sumber awam dan swasta. Bagi melaksanakan tanggungjawab parlimen mereka, ahli Parlimen menerima pembiayaan kerajaan untuk aktiviti operasi seperti sokongan teknologi maklumat (IT) dan komunikasi dengan pengundi di kawasan masing-masing. Pembiayaan ini disalurkan kepada sayap parlimen parti dan hanya digunakan untuk tujuan kerja "parlimen", iaitu pelaksanaan tugas rasmi di Parlimen, bukan untuk "kempen pilihan raya" atau aktiviti meraih undi.[198]

Prinsip asas undang-undang New Zealand menetapkan bahawa wang awam hanya boleh dibelanjakan dengan kuasa Parlimen. Dalam kes ini, kuasa untuk Perkhidmatan Parlimen menanggung perbelanjaan pengiklanan bagi pihak Ahli Parlimen (MP) dan parti-parti parlimen diberikan melalui peruntukan khusus di bawah Vote: Parliamentary Service, yang terkandung dalam suatu Akta Peruntukan (Appropriation Act). Skop peruntukan tersebut terhad kepada

---

[196] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf; Electoral Commission. (n.d.). Party Secretary Handbook: General Election and Referendums 2020. Electoral Commission https://elections.nz/assets/Handbooks/party_secretary_handbook_2020_general_election.pdf

[197] Geddis, Andrew. 2014. Electoral Law in New Zealand: Practice and Policy. 2nd ed. Wellington: LexisNexis; Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2023). Tax credits as a mechanism for political party funding in Aotearoa New Zealand: an exploratory study. *Australian Journal of Political Science*, *58*(2), 192-209.

[198] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.

perbelanjaan yang ditanggung bagi tujuan parlimen. Peruntukan itu tidak boleh digunakan untuk tujuan berkempen pilihan raya (electioneering).[199]

Sumber utama pembiayaan kerajaan yang lain ialah peruntukan penyiaran pilihan raya (*election broadcasting allocation*), di mana *Electoral Commission* mengagihkan dana kepada parti-parti politik untuk digunakan dalam pengiklanan kempen pilihan raya. Dana ini secara jelas diperuntukkan bagi tujuan kempen dan disalurkan kepada sayap bukan parlimen parti.[200]

Walaupun kerja-kerja parlimen dan pengiklanan pilihan raya dibiayai oleh kerajaan, aktiviti parti yang lain tidak. Parti-parti politik tidak menerima subsidi awam bagi operasi harian mereka, khususnya dalam aspek penyelidikan, perbahasan dan pembangunan dasar, serta komunikasi dengan pengundi (kecuali jika dijalankan melalui penyiaran pilihan raya atau di Parlimen). Parti juga memerlukan dana bagi tujuan berkempen, dan pelaksanaan kempen kini semakin bersifat profesional dan mahal. Kos kempen yang semakin meningkat berlaku dalam keadaan keahlian parti menurun, sekali gus mengurangkan sumber dalaman untuk menampung perbelanjaan kempen.[201]

Bagi melaksanakan fungsi-fungsi tersebut, parti politik perlu menjana dana mereka sendiri. Sumber ini boleh datang daripada yuran keahlian, aktiviti kutipan dana seperti jualan barangan parti, serta sumber yang paling penting iaitu derma politik.[202]

---

[199] Office of the Auditor-General. (2006, October). *Advertising expenditure incurred by the Parliamentary Service in the three months before the 2005 General Election*. Retrieved December 29, 2025, from https://oag.parliament.nz/2006/election-spending/docs/election-spending.pdf

[200] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.

[201] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.

[202] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.

Berbanding dengan banyak negara lain, New Zealand mempunyai kerangka peraturan yang lemah berkaitan sumbangan politik. Negara ini mengenakan sedikit sekatan terhadap siapa yang boleh menyumbang (termasuk penderma luar negara), tiada had maksimum bagi jumlah sumbangan, dan ambang pendedahan yang agak tinggi, iaitu NZ$5,000.[203]

Selain itu, New Zealand tidak menyediakan kredit cukai atau potongan cukai bagi sumbangan politik. Parti politik tidak boleh didaftarkan sebagai badan amal, dan oleh itu tidak layak menjadi penerima sah bagi kredit cukai. Sumbangan kepada parti politik atau calon juga tidak layak mendapat potongan cukai kerana perbelanjaan tersebut tidak memenuhi syarat hubungan langsung dengan proses penjanaan pendapatan seperti yang diperuntukkan dalam *Income Tax Act 2007*, seksyen DA 1.[204]

Menurut seksyen 207C *Electoral Act 1993*, seksyen derma itu sebenarnya "derma kolektif" daripada beberapa penyumbang, undang-undang mewajibkan identiti penyumbang utama didedahkan; dan kalau tidak, calon/parti wajib pulangkan derma tersebut sepenuhnya. Berikut maksudnya mengikut subseksyen:

1. Skop terpakai (subseksyen (1)–(2)): Peraturan ini terpakai kepada derma bukan anonim yang dibiayai oleh sumbangan (contributions) daripada orang lain. Maksudnya, penderma bukan semata-mata guna wang sendiri, tetapi mengumpul dana daripada beberapa pihak lalu menyalurkannya sebagai satu derma.
2. Apa yang wajib didedahkan oleh penderma ketika menderma (subseksyen (2)): Jika derma itu dibiayai oleh contributions, penderma mesti, pada masa membuat derma, memberitahu: (a) bahawa derma itu memang dibiayai

[203] Berbanding dengan banyak negara lain, New Zealand mempunyai kerangka peraturan yang lemah berkaitan sumbangan politik. Negara ini mengenakan sedikit sekatan terhadap siapa yang boleh menyumbang (termasuk penderma luar negara), tiada had maksimum bagi jumlah sumbangan, dan ambang pendedahan yang agak tinggi, iaitu NZ$5,000.

[204] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2023). Tax credits as a mechanism for political party funding in Aotearoa New Zealand: an exploratory study. *Australian Journal of Political Science*, *58*(2), 192-209.

oleh contributions; dan (b) butiran penyumbang tertentu, jika sumbangan penyumbang itu melepasi ambang (lebih $1,500 jika penyumbang itu orang New Zealand; atau lebih $50 jika penyumbang itu orang luar negara (overseas person).

Ambang ini terpakai sama ada satu sumbangan sahaja atau jumlah terkumpul beberapa sumbangan daripada penyumbang yang sama.; (c) jumlah keseluruhan bagi semua sumbangan yang telah didedahkan di bawah (b); dan (d) jumlah keseluruhan bagi baki sumbangan lain (contohnya sumbangan kecil yang tidak melepasi ambang) yang turut membiayai derma itu.

3. Butiran yang perlu diberi untuk setiap penyumbang yang melepasi ambang (subseksyen (3)): Butiran yang mesti didedahkan ialah:

- nama penyumbang,
- alamat penyumbang,
- sama ada penyumbang itu “overseas person”, dan
- jumlah sumbangan (atau jumlah terkumpul jika beberapa sumbangan digabungkan).

4. Apa jadi kalau penderma gagal dedah maklumat ini (subseksyen (4)–(5)): Jika calon mengetahui atau ada alasan munasabah untuk percaya penderma tidak patuh (contohnya tidak mengisytiharkan bahawa derma itu dibiayai contributions, atau tidak mendedahkan penyumbang yang sepatutnya), calon mesti pulangkan seluruh derma (jumlah penuh atau nilai penuh) kepada penderma.

   Perkara yang sama terpakai kepada setiausaha parti: jika beliau tahu atau ada alasan munasabah untuk percaya ada ketidakpatuhan, setiausaha parti mesti pulangkan seluruh derma kepada penderma.

5. Kesan undang-undang selepas dipulangkan (subseksyen (6)): Untuk tujuan peruntukan lain (seksyen 209 dan 210), apa-apa amaun yang dipulangkan itu dianggap “tidak pernah diterima” oleh calon atau setiausaha parti. Ini

penting kerana ia menjejaskan kewajipan pelaporan/pengisytiharan dan isu pematuhan had/larangan.

4.5.5.2 Perbelanjaan Politik

Di New Zealand, usaha untuk mengawal selia pembiayaan parti politik boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama: kawalan "sebelah penawaran" (*supply-side*) yang bertujuan mengawal aliran wang masuk ke dalam parti (contohnya melalui peraturan pendedahan sumbangan dan had ke atas jumlah sumbangan); kawalan "sebelah permintaan" (*demand-side*) yang bertujuan mengehadkan keperluan parti terhadap sumbangan dan mengurangkan ketidaksamaan dari segi sumber (had ke atas perbelanjaan kempen pilihan raya); dan langkah bantuan awam yang bertujuan mengurangkan kebergantungan parti kepada sumber pembiayaan persendirian (pembiayaan oleh negara dan peruntukan penyiaran).[205] Ketiga-tiga bentuk langkah ini boleh saling melengkapi, seperti yang berikut: [206]

1) **Langkah sebelah penawaran (*Supply-side measures*):** Semua negara maju mengawal selia penawaran wang persendirian kepada parti politik. New Zealand cuba melakukannya terutamanya melalui ketelusan, iaitu dengan menamakan penderma yang telah memberikan sumbangan melebihi $15,000. Pendekatan ini tidak bertujuan menghadkan jumlah yang diberikan atau menangani ketidakseimbangan pembiayaan antara parti. Sebaliknya, ia membolehkan orang awam melihat siapa yang membiayai parti politik dan membentuk pertimbangan sama ada pembiayaan itu telah memberikan pengaruh yang tidak wajar kepada penyumbang. New Zealand

[205] Geddis, A. (2007). "Rethinking the Funding of New Zealand's Election Campaigns". Policy Quarterly, 3(1), 4-5.

[206] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

juga menghadkan sesetengah jenis sumbangan, khususnya sumbangan daripada sumber luar negara, yang secara teorinya dihadkan kepada $50 (walaupun sekali lagi, hal ini mungkin tidak benar-benar berkesan). Negara lain pergi lebih jauh, melarang sumbangan daripada pelbagai sumber – contohnya syarikat yang mempunyai kontrak dengan kerajaan – atau hanya menerima sumbangan daripada pengundi berdaftar (orang perseorangan dan bukannya orang perundangan, dalam istilah teknikal). Banyak negara juga mempunyai had ke atas jumlah yang boleh diberikan oleh penderma, kadangkala serendah beberapa ribu dolar setahun. Peruntukan sebegini dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab kemudian. Peruntukan ini sering didorong oleh pandangan bahawa ketelusan sahaja tidak mencukupi: jika sangat besar kemungkinan sumbangan besar akan membeli pengaruh, atau mewujudkan ketidakseimbangan pembiayaan, sumbangan tersebut sepatutnya diharamkan sahaja. New Zealand, bagaimanapun, tidak mengenakan sebarang had ke atas jumlah sumbangan. Akibatnya, pengawalseliaan aliran wang ke dalam parti politik di negara ini adalah relatif lemah.

2) **Langkah sebelah permintaan (*Demand-side measures*):** Dengan menghadkan jumlah wang yang boleh dibelanjakan oleh parti, negara boleh mengurangkan permintaan parti terhadap sumbangan persendirian, dan memastikan sedikit sebanyak kesamarataan antara parti dari segi keupayaan mereka untuk menyampaikan mesej kepada pengundi. Dalam tempoh tiga bulan sebelum pilihan raya (secara teknikalnya dikenali sebagai *regulated period*), New Zealand menghadkan jumlah yang boleh dibelanjakan oleh parti politik untuk pengiklanan. Pada tahun 2020, parti politik boleh membelanjakan $1.99 juta ditambah $28,200 bagi setiap kawasan pilihan raya yang mereka tandingi, sehingga maksimum $3.23

juta.[207] Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diperhatikan bahawa skop had ini adalah sempit. Malah dalam tempoh terkawal itu, had tersebut hanya terpakai kepada kos membangun dan menerbitkan iklan pilihan raya. Perbelanjaan lain dalam tempoh tersebut, contohnya bagi perunding kempen, pengundian pendapat (polling), kumpulan fokus, perjalanan calon dan sewaan pejabat, adalah tidak dihadkan. Di luar tempoh terkawal, tiada perbelanjaan yang tertakluk kepada had. Seperti yang akan dibincangkan kemudian, sesetengah negara mengawal selia julat perbelanjaan yang lebih luas, dan dalam tempoh masa yang lebih panjang.

3) **Langkah bantuan awam (*Public assistance measures*):** Pembiayaan parti politik oleh negara boleh, seperti di atas, dibahagikan secara kasar kepada dua bentuk: pembiayaan tetap atau "parlimen" untuk parti menjalankan urusan parlimen, dan pembiayaan kempen atau "electioneering" untuk parti merayu sokongan pengundi. Bagi kategori pertama, New Zealand menyediakan pembiayaan kepada Ahli Parlimen (MP) secara individu dan juga kepada pejabat ketua parti dan ketua penyokong (whips) bagi setiap parti. Pembiayaan ini meliputi kos MP untuk perjalanan, pentadbiran, sokongan eksekutif, penubuhan pejabat kawasan pilihan raya, dan komunikasi dengan pengundi mengenai kerja mereka. Pembiayaan pejabat ketua parti merangkumi pelbagai perbelanjaan, lazimnya termasuk kakitangan penyelidik untuk menyokong atau meneliti keputusan kerajaan, mengemukakan atau menjawab soalan di Dewan, dan membangunkan dasar. Pembiayaan ini juga membantu parti menggaji kakitangan komunikasi. Buku panduan standard, *Parliamentary Practice in New Zealand*, menyatakan bahawa pembiayaan oleh negara membantu MP dalam "melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai penggubal undang-undang dan wakil rakyat yang dipilih; membangunkan, menyelidik,

[207] Electoral Commission. (n.d.) 2020 General Election and referendums: party expenses for the 2020 General Election. https://elections.nz/democracy-innz/historical-events/2020-general-election-and-referendums/party-expenses-for-the-2020-general-election/

mengkritik dan mengkomunikasikan dasar; berkomunikasi dengan pengundi dan komuniti berkepentingan lain; memenuhi keperluan operasi setiap parti dalam melaksanakan tanggungjawab parlimennya; dan menampung kos peralatan ICT untuk kegunaan langsung ahli dan untuk kegunaan kakitangan sokongan mereka di pejabat dalam dan luar Parlimen"[208]. Pembiayaan ini adalah besar: pada 2022–23, sebagai contoh, bajet *Parliamentary Service* ialah $213 juta. Sebahagian unsur pembiayaan ini adalah agak tidak kontroversial. Parlimen hampir mustahil berfungsi tanpa, contohnya, $21 juta yang dibelanjakan bagi perkhidmatan pengkomputeran dan IT lain untuk MP. Namun begitu, terdapat juga kira-kira $134 juta yang dibayar sebagai "party and member support" dalam tempoh tiga tahun. Menurut Belanjawan, wang ini adalah untuk parti-parti Parlimen "bagi menyokong operasi parlimen mereka termasuk pejabat ketua parti, kakitangan sokongan, operasi penyelidikan, komunikasi pejabat ketua penyokong (Whip), serta perkhidmatan pentadbiran dan sokongan untuk ahli".

Pada tahun 1995, beberapa pindaan terhadap **Electoral Act 1993** telah memperkenalkan tiga pembaharuan utama dalam kerangka kawal selia pembiayaan kempen pilihan raya parti politik di New Zealand (Had perbelanjaan kempen – diterangkan dalam bahagian ini, laporan perbelanjaan kepada *Electoral Commission*, dan Pendedahan Sumbangan Politik).[209] Pertama, had keseluruhan dikenakan terhadap jumlah perbelanjaan nasional sesebuah parti politik berdaftar bagi pengiklanan kempen pilihan rayanya. Parti berdaftar hanya dibenarkan membelanjakan **NZ$1 juta**, ditambah **NZ$20,000 bagi setiap kerusi kawasan (constituency seat)** yang ditandinginya, untuk *perbelanjaan pilihan*

[208] Harris, M., and Wilson, D. (2017). McGee Parliamentary Practice in New Zealand, 4th edn. Oratia Books, 73-75
[209] Electoral Amendment Act (No. 2) 1995, s 79.

raya.[210] "Perbelanjaan pilihan raya" (*election expenses*) ditakrifkan sebagai semua bentuk pengiklanan, siaran radio atau televisyen, atau bahan penerbitan yang bertujuan menggalakkan (atau kelihatan menggalakkan) pengundi menyokong parti tersebut atau tidak mengundi parti lain.[211] Aktiviti ini mesti berlaku dalam tempoh **tiga bulan sebelum pilihan raya**, namun jika bayaran dibuat di luar tempoh ini, ia tetap dikira dalam had perbelanjaan.[212]

Sebagai contoh, sebuah parti yang bertanding di 69 kawasan pilihan raya pada tahun 2002 hanya dibenarkan membelanjakan maksimum NZ$2.38 juta bagi pengiklanan kempen dalam tempoh tiga bulan sebelum hari pengundian. Tiada sekatan undang-undang dikenakan terhadap perbelanjaan pengiklanan di luar tempoh tiga bulan tersebut, atau terhadap kos perjalanan dan tinjauan pendapat calon.[213] Begitu juga, perbelanjaan bagi aktiviti seperti penganjuran kumpulan fokus (*focus groups*) atau pengambilan perunding kempen tidak termasuk dalam had ini, selagi ia dipisahkan daripada aktiviti pengiklanan rasmi parti[214].[215]

4.5.5.3 Peruntukan Dana Awam (Public Funding)

New Zealand mempunyai pendekatan yang agak luar biasa dalam hal pembiayaan parti politik, kerana bantuan kerajaan yang diberikan kepada parti di luar Parlimen adalah sangat terhad.[216] Pada masa ini, parti-parti menerima dana daripada pelbagai sumber awam dan swasta. Bagi melaksanakan tugas-tugas Parlimen

[210] Electoral Act 1993, s 214B(2)(a).
[211] ibid., s 214B(1). The definition does, however, exclude any spending on advertising which relates exclusively to the election of any of the party's individual candidates, ibid.
[212] ibid., s 214B(1) (definition of "election activity").
[213] ibid., s 214B(1)(e) (definition of "election expense").
[214] Although the statutory provisions do not specifically say so, the Electoral Commission regards "the [entire] cost of developing and conducting an advertising campaign (including production costs, commissions, and research undertaken as part of the development of the advertising campaign)" as falling within the spending limits. See Electoral Commission, Guide to Election Expenses for Registered Political Parties, 1999 General Election 4 (1999).
[215] Geddis, A. (2001). Regulating the funding of election campaigns in New Zealand: a critical overview. *Otago L. Rev.*, *10*, 575.
[216] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.

mereka, Ahli Parlimen mendapat pembiayaan kerajaan (juga dikenali sebagai pembiayaan awam atau pembiayaan daripada pembayar cukai) bagi sokongan teknologi maklumat (IT), komunikasi dengan pengundi di kawasan masing-masing, dan banyak perkara lain. Pembiayaan ini disalurkan kepada sayap parlimen dan, sekurang-kurangnya dari segi teori, adalah untuk kerja-kerja "parlimen", dalam erti kata menggubal undang-undang dan melaksanakan tugas-tugas parlimen yang lain, bukannya untuk "berkempen pilihan raya", iaitu aktiviti memancing undi.[217]

Satu lagi sumber utama pembiayaan kerajaan ialah peruntukan penyiaran pilihan raya, di mana Suruhanjaya Pilihan Raya mengagihkan dana yang boleh digunakan oleh pelbagai parti politik untuk iklan kempen. Dana ini secara jelas diperuntukkan untuk aktiviti berkempen pilihan raya dan disalurkan kepada sayap bukan parlimen, walaupun dalam praktiknya cara ia digunakan bergantung pada keseimbangan kuasa antara kedua-dua sayap parti.

Dua perkara penting untuk diperhatikan di sini. Pertama, bertentangan dengan tanggapan umum, pembiayaan kerajaan sebenarnya sudah pun wujud; malah mengikut sesetengah ukuran, jumlahnya mencecah puluhan juta dolar setiap tahun. Memandangkan terdapat konsensus politik yang kuat menyokong perbelanjaan ini, dan sekurang-kurangnya sebahagiannya diperlukan untuk membolehkan Parlimen berfungsi, persoalan yang timbul ialah sama ada pembiayaan kerajaan perlu ditambah atau dikurangkan, bukannya sama ada ia patut wujud atau tidak.

[217] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pd

Kedua, walaupun kerja parlimen parti dan iklan pilihan raya dibiayai oleh kerajaan, aktiviti-aktiviti mereka yang lain tidak. Mereka tidak menerima subsidi awam bagi operasi harian umum – khususnya bagi aktiviti penyelidikan, perbahasan dan penggubalan dasar serta menyampaikannya kepada pengundi (kecuali setakat mana ia dilakukan melalui penyiaran pilihan raya dan di Parlimen). Perkara ini penting kerana pertarungan idea melalui cadangan dasar yang bersaing sepatutnya menjadi inti pati sistem politik, dan dengan itu boleh dianggap wajar menerima sokongan awam.

Sebaliknya, untuk melaksanakan fungsi-fungsi ini, parti perlu mengumpul dana sendiri. Dana ini boleh datang daripada yuran keahlian, walaupun keanggotaan parti politik semakin berkurangan. Parti juga boleh mengumpul dana dengan menjual barangan cenderamata dan melalui pelbagai cara lain. Namun begitu, mungkin sumber hasil yang paling penting bagi mereka ialah sumbangan atau derma politik.[218]

Di kebanyakan negara demokrasi lain, parti politik lazimnya menerima subsidi awam bagi menampung aktiviti bukan parlimen seperti pembangunan dasar, latihan ahli, dan komunikasi dasar kepada pengundi. Namun di New Zealand, bentuk sokongan ini hampir tidak wujud. Pembiayaan awam di negara tersebut hanya tertumpu kepada aktiviti berkaitan Parlimen (seperti operasi ahli Parlimen dan penyiaran pilihan raya), manakala parti-parti politik yang tidak mempunyai perwakilan atau aktiviti rasmi di Parlimen perlu bergantung sepenuhnya kepada sumber dana sendiri seperti yuran keahlian, hasil kutipan dana, dan sumbangan politik.

[218] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pd

Pendekatan ini menjadikan New Zealand berbeza daripada kebanyakan negara lain yang menganggap pembiayaan awam kepada parti sebagai sebahagian daripada pelaburan dalam mengukuhkan institusi demokrasi.[219]

Ahli Parlimen menerima pembiayaan kerajaan bagi tugas-tugas parlimen mereka, iaitu bagi kerja-kerja legislatif, bukan untuk berkempen. Sumber utama pembiayaan awam lain ialah *election broadcasting allocation*, di mana *Electoral Commission* mengagihkan dana kepada parti-parti politik bagi tujuan pengiklanan kempen. Pada tahun 2020, jumlah keseluruhan dana ini ialah NZ$4.15 juta.[220]

Cadangan untuk memperkenalkan pembiayaan awam kepada parti politik pernah dibincangkan di New Zealand. Pada tahun 1986, *Royal Commission* mencadangkan skim pembiayaan berdasarkan jumlah undi parti, iaitu NZ$1 bagi setiap undi parti sehingga 20% daripada jumlah keseluruhan, dan NZ$0.50 bagi setiap undi tambahan, dengan ambang kelayakan minimum satu peratus undi parti keseluruhan (Royal Commission, 1986). Cadangan ini dikaji semula pada tahun 2007, dengan jumlah yang dicadangkan ialah NZ$2 bagi setiap undi parti sehingga 20% undi keseluruhan dan NZ$1 bagi setiap undi tambahan sehingga had maksimum 30%. Walaupun cadangan ini diterima oleh Kabinet melalui *Cabinet Minute*, keputusan tersebut kemudiannya dibatalkan.[221]

Parti-parti politik yang mempunyai wakil di Parlimen menerima sumber kewangan dan perkhidmatan bernilai lebih daripada NZ$40 juta setahun. Dana ini pada

---

[219] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.

[220] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2023). Tax credits as a mechanism for political party funding in Aotearoa New Zealand: an exploratory study. *Australian Journal of Political Science*, *58*(2), 192-209; Electoral Commission. 2020. “Broadcasting Allocation Decision 29 May 2020.” https://elections. nz/guidance-and-rules/for-parties/about-the-broadcasting-allocation/

[221] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2023). Tax credits as a mechanism for political party funding in Aotearoa New Zealand: an exploratory study. *Australian Journal of Political Science*, *58*(2), 192-209; Cabinet Decision. 2007. “Minute of Decision, CAB Min 07: 8/5”; Cabinet Decision. 2007b “Minute of Decision, CAB Min 07: 16/8”.

asasnya bertujuan untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab perundangan dan memberikan perkhidmatan kepada pengundi di kawasan masing-masing.[222]

Namun dalam praktiknya, sebahagian besar daripada sumber ini turut digunakan untuk tujuan politik kepartian yang bersifat partisan, termasuk aktiviti kempen pilihan raya dan pengurusan organisasi parti. Penggunaan dana awam bagi tujuan sedemikian menimbulkan persoalan tentang sempadan antara pembiayaan yang diperuntukkan untuk fungsi perundangan (legislatif) dengan aktiviti politik parti. Ia juga menyorot cabaran utama dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti penggunaan dana kerajaan oleh parti-parti politik yang beroperasi dalam sistem parlimen.[223]

Bentuk kedua pembiayaan oleh kerajaan – bagi tujuan biasa atau "electioneering" – boleh dilihat sama ada sebagai langkah reaktif, iaitu sesuatu yang menjadi perlu jika dasar di sebelah penawaran mengehadkan sumber hasil persendirian, atau sebagai langkah proaktif, iaitu pengiktirafan bahawa parti yang mempunyai sumber yang mencukupi dan mampu membangunkan serta mempromosikan dasar yang bernas merupakan sebahagian daripada kepentingan awam. New Zealand menyediakan pembiayaan ini dalam satu bentuk sahaja: peruntukan penyiaran kempen pilihan raya.[224] Pada tahun 2020, Suruhanjaya Pilihan Raya memperuntukkan $4.15 juta kepada parti politik untuk dibelanjakan bagi menghasilkan dan menyiarkan iklan di televisyen, radio dan dalam talian. Kira-kira $1.2 juta diberikan masing-masing kepada National dan Labour, $300,000 masing-masing kepada Green Party dan New Zealand First, $145,000 masing-masing kepada Act, Māori Party dan The Opportunities Party, dan jumlah yang

[222] Edwards, B. (2008). Political finance and inequality in New Zealand. *New Zealand Sociology*, *23*(2), 4-17.
[223] Edwards, B. (2008). Political finance and inequality in New Zealand. *New Zealand Sociology*, *23*(2), 4-17.
[224] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

lebih kecil kepada parti-parti lain. Peruntukan ini diagihkan mengikut satu set kriteria yang kompleks yang mengambil kira tahap sokongan parti, tetapi juga keperluan untuk memberikan kepada semua parti "peluang yang adil" untuk mempromosikan dasar mereka.[225] Pembiayaan ini secara umumnya tidak kontroversial kerana ia dengan jelas diperuntukkan untuk tujuan electioneering, maka tidak timbul isu sempadan dengan perbelanjaan "parlimen", dan kewujudannya menerima sokongan yang meluas. Namun begitu, cara ia boleh digunakan, khususnya agihan antara parti-parti yang berbeza, sering kali menjadi subjek kontroversi yang berulang.[226]

4.5.5.4 Pendanaan Swasta (Private Funding)

New Zealand mengenakan sedikit sekatan terhadap siapa yang boleh menyumbang (termasuk penderma luar negara), tiada had maksimum bagi jumlah sumbangan, dan ambang pendedahan yang agak tinggi, iaitu NZ$5,000.[227] terdapat beberapa negara lain yang menetapkan had sumbangan dalam julat antara NZ$15,000 hingga NZ$50,000, antara NZ$50,000 hingga NZ$100,000, atau melebihi NZ$100,000. Walau bagaimanapun, hanya satu pertiga daripada negara-negara yang dikaji — iaitu sebanyak 11 buah negara termasuk New Zealand — tidak mengenakan sebarang had maksimum, sekali gus membenarkan sumbangan politik tanpa batasan jumlah.[228]

Menurut *Electoral Act 1993* seksyen 207(2), sumbangan politik boleh berupa wang tunai, barangan atau perkhidmatan, termasuk pemberian barangan atau

[225] Electoral Commission. (n.d.). About the broadcasting allocation. https://elections.nz/guidance-and-rules/for-parties/about-the-broadcasting-allocation/.
[226] Geddis, A. (2021). "Funding New Zealand's Election Campaigns: recent stress points and potential responses". Policy Quarterly, 17(2), 9-13.
[227] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.
[228] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.

perkhidmatan di bawah nilai pasaran. Namun, sumbangan tidak termasuk kerja sukarela yang diberikan kepada calon, atau barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh individu di New Zealand dengan nilai pasaran kurang daripada NZ$300, atau NZ$50 jika diberikan oleh individu luar negara. Sumbangan dalam bentuk barangan atau perkhidmatan di bawah nilai pasaran turut dikira sekiranya nilai pasaran melebihi NZ$1,500 atau NZ$50 bagi sumbangan daripada warga asing.[229]

Di New Zealand, had perbelanjaan pilihan raya bagi parti politik telah diperkenalkan sejak tahun 1996, manakala penggiat pihak ketiga dikenakan had perbelanjaan sejak 2008.[230] Namun, had ini hanya meliputi aktiviti terhad kepada pengiklanan dalam tempoh tiga bulan sebelum pilihan raya. Banyak aktiviti lain seperti perjalanan calon, sewaan pejabat kempen, pengiklanan sebelum tempoh rasmi atau tinjauan pendapat tidak termasuk dalam had tersebut.[231]

4.5.5.5 Pendanaan Tanpa Nama (Anonymous Donation)

Menurut *Electoral Act 1993,* peruntukan berkaitan adalah seperti berikut:

i. s 207I: kalau derma anonim melebihi ambang: jika disyaki overseas, hanya boleh kekal $50 dan selebihnya dibayar kepada Electoral Commission; jika tidak disyaki *overseas*, hanya boleh kekal $1,500 dan selebihnya dibayar kepada Suruhanjaya.
ii. s 207J: perancangan untuk memintas keperluan s 207I boleh jadi dikategorikan sebagai *corrupt/illegal*.

[229] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2023). Tax credits as a mechanism for political party funding in Aotearoa New Zealand: an exploratory study. *Australian Journal of Political Science*, *58*(2), 192-209.
[230] Geddis, Andrew. 2007. “Rethinking the Funding of New Zealand’s Election Campaigns.” Policy Quarterly 3 (1): 3–10
[231] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2023). Tax credits as a mechanism for political party funding in Aotearoa New Zealand: an exploratory study. *Australian Journal of Political Science*, *58*(2), 192-209; Geddis, Andrew. 2021. “Funding New Zealand’s Election Campaigns: Recent Stress Points and Potential Responses.” Policy Quarterly 17 (2): 9–13. doi:10.26686/pq.v17i2.6817.

Selanjutnya, menurut *Electoral Act 1993,* terdapat mekanisme *donor anonymity* melalui Electoral Commission seperti berikut:

a) s 208A: hanya *New Zealand person* yang mahu menderma > $1,500 kepada parti tanpa identiti diketahui parti/umum boleh guna kaedah ini: derma dibuat kepada *Electoral Commission (direct credit)* dan donor tetap beri nama, alamat, status *NZ-person*, dan butiran contributor jika derma dibiayai *contributions*.
b) s 208B: ada had jumlah derma terlindung yang boleh diterima parti (dikira sebagai peratus kepada had perbelanjaan parti), dan had *per donor* juga (peratus daripada had parti).
c) s 208D: Suruhanjaya bayar kepada parti kecuali syarat tak lengkap, melanggar had, atau disyaki overseas (kalau begitu, pulang atau masuk Crown account).
d) s 208F: kesalahan *prohibited disclosure* — mendedahkan identiti *donor/contributor* bagi derma terlindung kepada parti/umum (kecuali "authorised persons").
e) s 208G: Suruhanjaya wajib lapor agregat derma terlindung dalam *annual report* dan juga secara suku tahunan (*quarterly*) melalui laman/kaedah yang sesuai.

Sumbangan kepada parti politik selalunya dilabel sebagai "anonymous" (tanpa nama), tetapi maksudnya tidak selalu jelas. Terdapat kritikan bahawa istilah "fully anonymous" (benar-benar tanpa nama) merujuk kepada sumbangan yang dibuat tanpa sebarang maklumat pengenalan; oleh itu ia adalah tanpa nama bukan sahaja kepada orang awam tetapi juga kepada setiausaha parti yang secara rasmi menerimanya[232]. Di bawah undang-undang semasa, parti hanya boleh menerima

[232] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

secara langsung sumbangan sedemikian jika jumlahnya kurang daripada $1,500. Sumbangan yang benar-benar tanpa nama pada kadar tersebut secara amnya tidak dianggap menimbulkan masalah yang memerlukan kawal selia yang lebih ketat. Jika jumlahnya antara $1,500 hingga $52,563, sumbangan itu mesti disalurkan melalui Suruhanjaya Pilihan Raya bagi memastikan ketanpanamaan yang tulen. Jika tidak, parti boleh mengisytiharkan sumbangan besar sebagai tanpa nama sedangkan mereka sebenarnya mengetahui identiti penyumbang. Sumbangan yang benar-benar tanpa nama melebihi $52,563 adalah dilarang. Had ini terpakai bagi setiap tempoh tiga tahun, bukannya bagi setiap tempoh 12 bulan seperti bagi kebanyakan ambang yang lain.[233]

Sebaliknya, sumbangan "publicly anonymous" (tanpa nama kepada umum) datang daripada penyumbang yang identitinya diketahui oleh parti politik berkenaan tetapi tidak didedahkan kepada orang awam. Ini merangkumi, sebagai contoh, sumbangan antara $1,500 dan $15,000. Sumbangan sedemikian juga secara munasabah boleh digambarkan sebagai "partially anonymous" (separa tanpa nama) atau "partially disclosed" (separa didedahkan).[234]

Akhir sekali, sumbangan "fully disclosed" atau "named" ialah sumbangan di mana identiti penyumbang bukan sahaja diketahui oleh parti politik tetapi juga didedahkan kepada umum. Peraturan ini terpakai kepada semua penyumbang yang memberikan lebih daripada $15,000.[235]

---

[233] Electoral Commission. (t.t.). *How to donate*. Dicapai dari https://elections.nz/guidance-and-rules/donations-and-loans/how-to-donate/

[234] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

[235] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

Sumbangan tanpa nama yang disalurkan melalui *Electoral Commission* mesti didedahkan (dikenali sebagai *protected disclosures*). Walau bagaimanapun, jumlah *protected disclosures* di New Zealand adalah sangat rendah — hanya 2% daripada jumlah dana pada tahun pilihan raya 2020, 1% pada tahun 2017, dan 2% pada tahun 2014.[236]

4.5.5.6 Pendanaan Asing (Foreign Donation)

Menurut *Electoral Act 1993,* peruntukan berkaitan adalah seperti berikut:

i. s 207JA: jika terima derma melebihi $50 (bukan anonim), calon/*party secretary* mesti ambil langkah munasabah untuk tentukan sama ada ia dari *overseas person* / ada *contribution overseas*.
ii. s 207K: prinsipnya *overseas donation/contribution* tidak boleh melebihi $50; jika melebihi, lebihan mesti dipulangkan atau dibayar kepada *Commission* (dengan perincian berbeza untuk calon dan parti).
iii. s 207L: Kesalahan bagi yang mengelak had *overseas* = dikategorikan sebagai *corrupt/illegal*.
iv. s 207LA: larangan "*splitting*" melalui multiple bodies corporate untuk menyembunyikan jumlah sebenar (dikategorikan sebagai *corrupt practice*).

4.5.6 Mekanisme Penerimaan Sumbangan

Mekanisme penerimaan sumbangan dalam amalan berpusat pada tanggungjawab Setiausaha Parti (party secretary) dan ejen/pegawai kempen yang berautoriti.

Mekanisme penerimaan berdasarkan *Electoral Act 1993* adalah seperti berikut:

[236] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2023). Tax credits as a mechanism for political party funding in Aotearoa New Zealand: an exploratory study. *Australian Journal of Political Science*, *58*(2), 192-209; Electoral Commission. 2022. "Party Donations and Loans by Year." https://elections.nz/ democracy-in-nz/political-parties-in-new-zealand/party-donations-and-loans-by-year/

a. s 207B(1): Setiap orang yang menerima atau yang kepadanya suatu derma calon (candidate donation) diberikan atau dihantar hendaklah, dalam tempoh 10 hari bekerja selepas menerima derma tersebut, menyalurkan (transmit) derma itu kepada calon berkenaan.
b. s 207B(2): Setiap orang yang menerima atau yang kepadanya suatu derma parti (party donation) diberikan atau dihantar hendaklah, dalam tempoh 10 hari bekerja selepas menerima derma tersebut, sama ada—
   (a) menyalurkan derma itu kepada setiausaha parti; atau
   (b) mendepositkan derma itu ke dalam akaun bank yang dinamakan oleh setiausaha parti.
c. s 207BA: kegagalan mematuhi merupakan satu kesalahan (denda sehingga $40,000).

Sumbangan ini ditakrifkan sebagai apa-apa derma yang diterima oleh seseorang atau badan yang terlibat dalam pentadbiran parti dan yang nilainya, sama ada secara individu atau terkumpul, melebihi NZ$10,000.[237]

4.5.7 Mekanisme Pelaporan

Tidak seperti banyak negara lain, New Zealand tidak mengehadkan jumlah sumbangan. Namun begitu, undang-undangnya mewajibkan pelaporan bagi hampir semua sumbangan.[238]

Menurut *Electoral Act 1993,* peruntukan berkaitan adalah seperti berikut:

Subpart 5 — Disclosure of candidates' donations (ss 209–209E)

Bahagian ini berfokus pada laporan derma calon, dan ia berkait rapat dengan return perbelanjaan calon.

[237] A party donation is one received by a person or body involved with the administration of the party's affairs that by itself, or in the aggregate, exceeds $10,000. - Electoral Act 1993, s 214F.
[238] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

i. s 209(1): calon mesti fail *return* derma calon pada masa yang sama dengan *return election expenses* (rujuk s 205K). Item yang wajib didedah termasuk:
   a) derma (agregat) daripada donor sama yang > $1,500;
   b) contribution besar kepada derma (jika s 207C terpakai);
   c) derma anonim yang melepasi ambang;
   d) derma/ *contribution overseas* yang melebihi $50, termasuk berapa dipulangkan/dibayar kepada Commission.

ii. s 209B–209C: kesalahan lewat/tak fail/palsu dan kewajipan simpan rekod untuk verifikasi.

iii. s 209E: return boleh diterbitkan & tersedia untuk public inspection.

Subpart 6 — Disclosure of parties' donations (ss 210–210F)

Bahagian ini ada dua "laluan pelaporan": (i) laporan tahunan; (ii) laporan segera untuk derma besar semasa tempoh tertentu menjelang pilihan raya.

(A) Annual return (s 210)

i. s 210(7): mesti difailkan selewat-lewatnya 30 April tahun berikutnya (bagi tahun 1 Jan–31 Dis).

ii. Perkara utama yang didedah:
   a) donor yang agregat derma setahun > $5,000 (nama, alamat, amaun, tarikh) (s 210(1)(a), (2));
   b) *contributions* besar jika derma dibiayai *contributions* (s 210(1)(b), (3));
   c) derma anonim/overseas melebihi ambang + tindakan pemulangan/serahan kepada Commission (s 210(1)(c)–(da));
   d) derma terlindung yang diterima melalui Commission (s 210(1)(e));
   e) ringkasan untuk derma kecil (bilangan & jumlah) termasuk kategori ≤$1,500 dan $1,500–$5,000 (s 210(6A));
   f) jumlah keseluruhan mengikut kategori + pecahan "money" dan "other" (barang/servis) (s 210(6B)).

(B) Keperluan audit untuk annual return (s 210A)

i. Audit diperlukan jika:
   - jumlah derma setahun **> $50,000**, **atau**
   - derma ≤ $50,000 tetapi parti ada ciri pinjaman tertentu (contoh: masuk sekurang-kurangnya satu loan pada tahun itu, atau baki tidak berbayar melebihi $15,000 pada loan). Auditor menyatakan sama ada *return* mencerminkan derma yang diterima.

(C) "Large donation return" semasa tempoh tertentu (s 210C)

i. Jika terima derma daripada donor sama yang > $20,000 (atau agregat melepasi $20,000) dalam "specified period" berkait pilihan raya, *party secretary* mesti fail *return* dalam 10 hari bekerja.

ii. "Specified period" bergantung pada bila pilihan raya diadakan (termasuk situasi bermula 1 Januari tahun pilihan raya tertentu atau selepas PM umumkan hari mengundi, dan berakhir sehari sebelum hari mengundi).

(D) Subpart 7 — Annual financial statements of parties (ss 210G–210H) (berkuat kuasa 1 Jan 2023)

Ini ialah lapisan ketelusan tambahan: bukan sekadar "*donations return*", tetapi penyata kewangan tahunan parti.

i. s 210G: parti mesti serah *annual financial statements* kepada *Electoral Commission:*
   a) jika parti ialah incorporated society: serah pada tarikh yang sama ia diserah kepada Registrar, dan dalam apa jua keadaan tidak lewat 6 bulan selepas balance date;
   b) jika bukan *incorporated society* tetapi perlembagaan parti mewajibkan penyata: serah dalam 6 bulan selepas *balance date*;
   c) jika tiada kewajipan perlembagaan: tetap perlu sediakan penyata tahunan mengikut *generally accepted accounting practice*, dengan

perincian pendapatan/perbelanjaan, aset/liabiliti, dan sekuriti/charges ke atas harta.

d) "default balance date" ditetapkan sebagai 31 Mac.

e) Penyata bagi tempoh sebelum 1 Jan 2023 tidak wajib diserah.

ii. s 210H: jika audit report memang diwajibkan oleh undang-undang lain atau perlembagaan parti, salinan auditor's report mesti turut diserah bersama penyata.

Bermula dari had tertinggi, nama dan alamat penderma terbesar, iaitu mereka yang menyumbang melebihi $30,000, perlu didedahkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dalam tempoh 10 hari selepas sumbangan diterima. Butiran tersebut kemudiannya disiarkan di laman sesawang suruhanjaya. Ketelusan ini mencerminkan potensi sumbangan berskala besar untuk dengan cepat mempengaruhi politik, dan oleh itu wujud keperluan supaya orang awam dapat meneliti sumbangan sedemikian dengan pantas juga. Walau bagaimanapun, Parlimen pada masa ini sedang menimbangkan *Electoral Amendment Bill*, yang akan mengurangkan ambang tersebut daripada $30,000 kepada $20,000 tetapi hanya mengenakan peraturan pendedahan ini dalam tahun pilihan raya sahaja.[239]

Selain itu, setiap parti perlu mengemukakan penyata tahunan kepada suruhanjaya yang memperincikan sumbangan sepanjang tahun sebelumnya, di mana identiti mana-mana penyumbang yang memberi lebih $15,000 mesti didedahkan kepada umum. (Kebolehan parti untuk memintas peruntukan undang-undang ini akan dibincangkan kemudian.) Sumbangan pada kadar ini dianggap cukup besar untuk mewajarkan penerbitan identiti penyumbang, sekali

[239] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf; New Zealand Parliament. (2022). Electoral Amendment Bill. https://www.parliament.nz/en/pb/bills-and-laws/bills-proposed-laws/document/ BILL_125504/electoral-amendment-bill.

lagi supaya orang awam boleh meneliti sumbangan tersebut, walaupun dengan tahap segera yang kurang berbanding sumbangan melebihi $30,000. [240]

Di bawah ambang $15,000 itu, parti tidak perlu mendedahkan identiti penyumbang, tetapi mereka mesti memberikan maklumat agregat tentang bilangan dan jumlah keseluruhan sumbangan dalam jalur berikut: sumbangan sepenuhnya tanpa nama di bawah $1,500; semua sumbangan antara $1,500 dan $5,000; dan semua sumbangan antara $5,000 dan $15,000. Sumbangan ini dianggap terlalu kecil untuk mewajarkan penerbitan identiti penyumbang; namun begitu, penerbitan jumlah agregat membantu orang awam menilai amalan pengumpulan dana dan kedudukan kewangan parti. [241]

Satu-satunya sumbangan yang sebelum ini tidak perlu dilaporkan ialah sumbangan "publicly anonymous" (tanpa nama kepada umum) di bawah $1,500, disebabkan kos pentadbiran untuk melaporkan maklumat ini kepada suruhanjaya. Namun, *Electoral Amendment Bill* yang disebut di atas, jika diluluskan, akan mewajibkan jumlah sumbangan ini turut dimasukkan dalam penyata parti. [242]

Instrumen utama bagi mengawal sumbangan politik di New Zealand ialah pendedahan kewangan. Parti politik juga perlu menyatakan bilangan dan jumlah keseluruhan sumbangan antara NZ$1,500 hingga NZ$5,000 serta antara

---

[240] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

[241] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

[242] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf

NZ$5,000 hingga NZ$15,000. Pendedahan yang setara turut diperlukan bagi pinjaman yang diterima.[243] Parti-parti politik dikehendaki mengemukakan penyata sumbangan tahunan yang memperincikan nama dan alamat setiap penderma atau penyumbang yang memberikan sumbangan melebihi NZ$5,000 dalam setahun; jumlah dan bilangan sumbangan di bawah NZ$1,500 yang tidak dibuat secara anonim; serta semua sumbangan yang dikategorikan sebagai "dilindungi daripada pendedahan".[244] Kategori terakhir ini merujuk kepada sumbangan daripada individu warganegara New Zealand yang ingin menyumbang lebih daripada NZ$1,500 kepada sesuatu parti secara anonim. Transaksi tersebut dikendalikan oleh *Electoral Commission*, yang akan memecahkan jumlah sumbangan itu kepada beberapa bahagian kecil tanpa nama sebelum disalurkan kepada parti berkenaan secara berkala. Walau bagaimanapun, bilangan sumbangan dilindungi adalah sangat sedikit. Ia hanya berlaku dalam empat daripada sembilan tahun hingga akhir Jun 2023, tiga daripadanya merupakan tahun pilihan raya. Jumlah yang terlibat ialah: 2014 – NZ$226,050; 2016 – NZ$44,628; 2017 – NZ$108,628; dan 2020 – NZ$163,644.[245] Sumbangan dilindungi ini hanya mewakili antara 1% hingga sedikit lebih daripada 2% daripada jumlah keseluruhan sumbangan, menunjukkan bahawa kebanyakan penderma utama lebih gemar identiti mereka diketahui oleh parti pilihan mereka.[246] Dalam tahun pilihan raya, sebarang sumbangan melebihi NZ$20,000 — sama ada dalam satu jumlah atau secara terkumpul — mesti dimaklumkan kepada *Electoral Commission* dalam tempoh 10 hari bekerja. Suruhanjaya kemudian akan

[243] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2023). Tax credits as a mechanism for political party funding in Aotearoa New Zealand: an exploratory study. *Australian Journal of Political Science*, *58*(2), 192-209.
[244] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2025). Motivations for political donations in Aotearoa New Zealand. *International Political Science Review*, *46*(3), 406-421; Electoral Commission (2023) Rules for party donations and loans. 27 September. Available at: https://elections.nz/guidance-and-rules/donations-and-loans/rules-for-party-donations-and-loans/
[245] Electoral Commission (2024) Party donations and loans by year. 10 March. Available at: https://elections.nz/ democracy-in-nz/political-parties-in-new-zealand/party-donations-and-loans-by-year/
[246] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2025). Motivations for political donations in Aotearoa New Zealand. *International Political Science Review*, *46*(3), 406-421.

menyiarkan nama dan alamat penderma tersebut. Tiada had maksimum sumbangan yang dikenakan di New Zealand.[247]

Penderma yang memberikan antara NZ$1,500 hingga NZ$5,000 perlu dikenal pasti oleh parti berkenaan, tetapi tidak perlu didedahkan kepada umum. Nama dan alamat penderma yang memberikan sumbangan berjumlah NZ$20,000 atau lebih mesti dimaklumkan kepada *Electoral Commission* dalam tempoh sepuluh hari selepas sumbangan diterima (mengikut *Electoral Act 1993*, seksyen 210C(6)).[248]

Selepas pilihan raya, **setiausaha setiap parti berdaftar** dikehendaki menyerahkan penyata rasmi perbelanjaan pilihan raya kepada *Electoral Commission*.[249] Walaupun bentuk penyata tidak ditetapkan oleh undang-undang, **Mahkamah Rayuan** telah memutuskan bahawa Suruhanjaya boleh menuntut pecahan terperinci mengikut kategori perbelanjaan.[250] Maka, setiap parti mesti mendedahkan jumlah yang dibelanjakan untuk kategori seperti pengiklanan, penyiaran, dan penerbitan umum (contohnya notis, poster, papan iklan), serta menyatakan kepada siapa bayaran tersebut dibuat dan berapa jumlahnya.[251]

Penyata ini juga mesti disertakan dengan **laporan juruaudit bebas** yang menyatakan sama ada, pada pandangan juruaudit, penyata tersebut menggambarkan dengan tepat jumlah sebenar perbelanjaan yang ditanggung oleh parti.[252]

---

[247] Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2025). Motivations for political donations in Aotearoa New Zealand. *International Political Science Review*, *46*(3), 406-421.
[248] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.
[249] Electoral Act 1993, s 214C(1).
[250] Electoral Commission v Tate [1999] NZCA 417; [1999] 3 NZLR 174, 185.
[251] Geddis, A. (2001). Regulating the funding of election campaigns in New Zealand: a critical overview. *Otago L. Rev.*, *10*, 575.
[252] Electoral Act 1993, s 214C(1).

4.5.8 Pendedahan Laporan Kepada Umum

Merujuk kepada *Electoral Act 1993,* Suruhanjaya boleh menerbitkan pulangan perbelanjaan parti (s 206Q), pulangan derma calon (s 209E), dan pulangan derma parti (s 210F), menjadikan data tersedia kepada umum.

Electoral Commission biasanya akan menyiarkan maklumat yang diberikan kepadanya (bagi dana yang melebihi ambang yang ditetapkan) kepada umum dalam masa yang singkat, namun tiada tempoh masa khusus yang diperuntukkan dalam undang-undang bagi pendedahan awam ini. Pindaan terkini yang mengehadkan keperluan pendedahan segera sumbangan besar hanya kepada tahun pilihan raya umum telah melemahkan tahap ketelusan yang sepatutnya ada, memandangkan sumbangan besar berpotensi mempengaruhi politik dengan cepat, dan oleh itu, masyarakat wajar mempunyai peluang yang sama pantas untuk meneliti dan menilai maklumat tersebut.[253]

Parti politik juga diwajibkan mendedahkan identiti sebahagian penyumbang yang membiayai aktivitinya. Setiausaha parti berdaftar mesti mengemukakan **penyata tahunan kepada Electoral Commission** yang menyenaraikan setiap *party donation* yang diterima pada tahun kalendar sebelumnya. [254] Sumbangan ini ditakrifkan sebagai apa-apa derma yang diterima oleh seseorang atau badan yang terlibat dalam pentadbiran parti dan yang nilainya, sama ada secara individu atau terkumpul, **melebihi NZ$10,000**.[255]

Penyata tersebut mesti menyatakan jumlah keseluruhan setiap sumbangan dan, jika identiti penderma diketahui, nama serta alamat penderma.[256] Jika identiti

[253] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.
[254] Electoral Act 1993, s 214G(1).
[255] ibid., s 214F.
[256] ibid., s 214G(1)(a)(i).

penderma tidak diketahui oleh mana-mana calon atau pegawai parti,[257] sumbangan itu hanya disenaraikan sebagai **sumber tanpa nama (anonymous)**.[258] Juruaudit parti juga perlu menyerahkan laporan ke atas penyata tahunan ini, menyatakan sama ada laporan tersebut mencerminkan dengan tepat sumbangan yang diterima parti.[259]

4.5.9 Kesalahan Di Bawah Akta

Penggubalan *Corrupt Practices Prevention Act 1881* di New Zealand telah mengharamkan pelbagai bentuk perbelanjaan pilihan raya seperti sogokan atau jamuan kepada pengundi, bagi memelihara integriti proses pilihan raya. Kesalahan-kesalahan ini masih berkuat kuasa hingga kini, menjadikannya satu "amalan rasuah" jika seseorang cuba membeli undi secara langsung daripada pengundi melalui pemberian rasuah,[260] atau membiayai makanan, minuman, hiburan atau sebarang bentuk layanan bagi mempengaruhi undi seseorang[261].[262]

Selain itu, adalah satu "amalan haram" sekiranya seseorang secara sedar memberikan wang untuk apa-apa tujuan yang bertentangan dengan peruntukan Electoral Act 1993.[263] Terdapat juga satu larangan yang agak luar biasa, iaitu membayar pengundi untuk memaparkan notis pilihan raya di rumah atau tanah mereka — suatu peruntukan yang masih wujud dalam undang-undang walaupun rasionalnya tidak begitu jelas.[264] Menurut *Electoral Act 1993,* peruntukan berkaitan adalah seperti berikut:

Menurut *Electoral Act 1993,* peruntukan berkaitan adalah seperti berikut:

[257] ibid., s 3(1) (definition of "anonymous"); see infra nn 95-97 and accompanying text.
[258] ibid., s 214G(1)(a)(ii).
[259] ibid., s 214H(1)&(2).
[260] Electoral Act 1993, s.216.
[261] ibid. s.227.
[262] Geddis, A. (2001). Regulating the funding of election campaigns in New Zealand: a critical overview. *Otago L. Rev.*, *10*, 575.
[263] ibid. s.220.
[264] ibid. s.219.

i. s 207M–207N: calon/party secretary mesti simpan rekod derma; kegagalan merupakan suatu kesalahan
ii. s 207O: Suruhanjaya mesti lapor kesalahan kepada Polis (kecuali terlalu remeh).
iii. s 210D–210E: kesalahan lewat/tidak fail/palsu atau simpan rekod.
iv. s 210F: *annual returns*, *audit report, large donation returns* boleh diterbitkan & tersedia untuk *public inspection*.

Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan ini jarang digunakan,[265] mencerminkan hakikat bahawa New Zealand secara umumnya bebas daripada rasuah yang nyata, sama ada dalam sistem pilihan raya mahupun dalam proses tadbir urus secara keseluruhan[266].[267]

4.6 KOREA SELATAN (*SOUTH KOREA*)

4.6.1 Keperluan Undang-Undang

Republik Korea telah melalui perubahan yang pesat dari sudut sosioekonomi dan politik sejak Korea Armistice Agreement ditandatangani pada tahun 1953 yang telah memisahkan regim pemerintahannya daripada pengaruh negara jirannya di sebelah utara. Sungguhpun begitu, tampuk kepimpinan negara yang lebih dikenali sebagai Korea Selatan ini pada awalnya didominasi oleh individu-individu yang mempunyai pertalian dengan pihak tentera, yang mempunyai pengaruh yang sangat ketara terhadap aktiviti pendanaan politik di negara tersebut.

Pengaruh pihak tentera ini lebih ketara semasa pemerintahan negara di bawah rejim Park Chung-hee pada tahun 1961 hingga 1979. Menurut Kang (2002),

[265] The last case in which bribery of a voter was alleged was the Bay of Islands Election Petition [1915] NZGazLawRp 60; (1915) 34 NZLR 578.
[266] Transparency International's Corruption Perceptions Index 2003 ranks New Zealand the third-equal least corrupt country of all those surveyed; see <http: //www.transparency.org/pressreleases_archive/2003/2003.10.07.cpi.en.html>
[267] Geddis, A. (2001). Regulating the funding of election campaigns in New Zealand: a critical overview. *Otago L. Rev.*, *10*, 575.

kegiatan rasuah sangat berleluasa semasa pemerintahan beliau dengan entiti perniagaan dan politik saling bertukar sogokan untuk "political favors".[268] Dalam hubungan ini, ahli politik menggunakan dana untuk membeli undi dan memenuhi nafsu mereka, manakala ahli perniagaan ini, yang turut dikenali sebagai chaebol, menggunakan *political favors* ini untuk mengembangkan perniagaan milik mereka bagi menjamin kepentingan politik dan ekonomi.[269] Pada masa yang sama, undang-undang pilihan raya yang diperkenalkan rejim Park sangat menyekat aktiviti politik sehingga ke tahap di mana tiada parti politik yang dapat beroperasi secara berkesan melainkan mereka mempunyai ahli yang kaya atau mereka mampu mendapatkan dana secara rahsia tanpa melalui lunas undang-undang.[270]

Bagi mengawal selia pergerakan dana politik dan mengurangkan kecurigaan awam terhadap hubungan antara ahli politik dan ekonomi, badan legislatif Korea telah menggubal 정치자금에관한법률 atau *Act on Political Funds (Act No. 1685)* sebagai undang-undang khusus pertama negara yang berkaitan dengan dana politik. Menurut National Election Committee, Akta ini digubal bagi menghalalkan pemberian dana politik oleh pihak industri, ekonomi, orang awam atau organisasi kepada parti politik supaya aktiviti pendanaan politik menjadi lebih "terang" dan amalan demokrasi dapat berkembang secara lebih sihat.[271] Sungguhpun begitu, realiti dunia politik yang berorientasikan keupayaan kewangan yang tinggi telah menyebabkan kebergantungan yang tinggi oleh parti politik dan calon pilihan raya kepada golongan chaebol dan syarikat korporat untuk sokongan kewangan.

[268] Kang, D. C. (2002). Bad loans to good friends: Money politics and the developmental state in South Korea. *International Organization, 56*(1), 177–207.
[269] Ibid
[270] Kim, Joungwon Alexander. 1975. Divided Korea: The Politics of Development. 1945–1972. Cambridge, Mass.: Harvard University Press.
[271] National Election Commission. (2017). *정치자금의 원활한 조달과 투명성 강화방안에 관한 연구* [Study on measures to facilitate political funds and strengthen transparency].

Hal ini menyumbang kepada krisis kepercayaan awam terhadap ahli politik, yang seterusnya memuncak pada awal 2000-an berikutan beberapa pendedahan pemberian dana haram, dengan yang paling menonjol adalah skandal "*cash-trucking*" yang melibatkan siasatan yang dilakukan terhadap kempen pilihan raya Presiden Korea pada tahun 2002. Siasatan ini mendedahkan pendanaan haram yang dilakukan oleh syarikat korporat yang dihantar dalam bentuk tunai termasuk sejumlah wang besar yang dibungkus dan dibawa menggunakan lori.[272] Pendedahan ini menguatkan persepsi bahawa sistem dana politik Korea telah dikuasai oleh transaksi gelap berskala besar. Skandal ini bukan sekadar melibatkan isu pematuhan undang-undang, tetapi turut mencetus krisis kepercayaan sehingga wujud tekanan politik yang serius terhadap kerajaan pada waktu itu (Jung & Kim, 2003).[273] Amalan politik wang haram dan skandal dana politik ini membawa kepada beberapa siri pindaan terhadap Political Funds Act, yang sehingga kini masih dikemas kini bagi memperketatkan kawal selia terhadap aktiviti pendanaan politik di Korea Selatan.

4.6.2 Rangkuman pemakaian undang-undang pendanaan politik di Korea Selatan

Seksyen 1 Political Funds Act (PFA) telah memperuntukkan matlamat penggubalan Akta ini, iaitu untuk menyokong pembangunan demokrasi dengan menjamin pengagihan dana politik secara adil, menjamin ketelusan pendanaan politik melalui pendedahan butiran hasil serta perbelanjaan dan mencegah penyelewengan dana politik.

The purpose of this Act is to contribute to the sound development of democratic politics by guaranteeing the fair provision of political funds, ensuring the

[272] The Korea Times. (2015, April 17). *2003 'money-truck' scandal revisited*. https://www.koreatimes.co.kr/southkorea/20150417/2003-money-truck-scandal-revisited

[273] Jung, Y.-R., & Kim, E. (2003). Reforming Korea's political finance system: What does the official data tell (not tell) us. *Pacific Focus, 18*(2), 133–157.

transparency of political funds through the disclosure of the details of their revenues and expenditures and preventing irregularities involving political funds.

Bagi menyokong matlamat ini, Akta ini memperuntukkan prinsip asas pendanaan politik iaitu tiada pihak boleh menyumbang atau menerima sebarang dana politik melainkan mengikut kaedah yang diperuntukkan di bawah Akta.[274] Akta ini juga menekankan tuntutan bagi memastikan—

1. tadbir urus dana politik yang bersih,
2. pengurusan dana politik secara wajar supaya tidak menimbulkan syak wasangka orang ramai; dan
3. penerbitan bahan perakaunan parti politik.

Akta ini juga mengehadkan tujuan penggunaan dana politik dengan lebih ketat melalui Artikel 2(3), yang mana dana politik hanya boleh dibelanjakan bagi menggantikan perbelanjaan yang diperlukan untuk aktiviti politik dan tidak boleh digunakan untuk perbelanjaan peribadi atau tujuan menyalahi undang-undang. Artikel yang sama turut menghuraikan contoh perbelanjaan peribadi yang dilarang seperti perbelanjaan isi rumah, pembayaran hutang peribadi, dan pembayaran kos bagi perhimpunan atau persatuan peribadi. Selain itu, Artikel 2(4) turut memperkukuhkan prinsip kebolehkesanan identiti penyumbang dengan mewajibkan sumbangan atau pembayaran tertentu dibuat melalui instrumen yang boleh mengesahkan identiti, manakala Artikel 2(5) mengharamkan sumbangan menggunakan nama orang lain atau nama palsu.

Artikel 3 pula menjelaskan jenis dana politik yang dikawal selia dalam PFA seperti yang berikut: -

(a) Party membership fees;

(b) support payments;

(c) deposits;

(d) Subsidies;

[274] Artikel 2(1), Political Funds Act

(e) Incidental revenues that are prescribed by the party constitution or party rules, etc. Of a political party;

(f) Money, securities or goods that are provided to a political party (including any Preparatory Committee for Central Party Formation), persons who intend to become candidates under the Public Official Election Act, candidates or persons who win elections, supporters' associations and senior officials or staff in charge of clerical services of political parties or other persons who are engaged in political activities;

(g) Other expenses required for political activities by those prescribed in item (f) (including a political party or a Preparatory Committee for Central Party Formation);

4.6.3 Kewujudan badan kawal selia bagi pendanaan politik di Korea Selatan

Berdasarkan peruntukan berkaitan pelaporan kewangan parti dan penguatkuasaan Akta, adalah ketara bahawa fungsi kawal selia PFA telah diletakkan pada "*competent election commission*" (CEC) atau secara ringkasnya, *National Election Committee* Korea (NEC) dan suruhanjaya pilihanraya di peringkat lain. Hal ini boleh diperhatikan mengikut peranan yang diberikan dalam konteks-konteks seperti yang berikut: =

Dalam konteks pelaporan dan pematuhan awal, pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi pemilihan dan lantikah hendaklah menghantar notis pelantikan serta perubahan "*person in charge of accounting*" kepada NEC sebagaimana diperuntukkan dalam Artikel 34 dan Artikel 35.

Dalam rantaian pematuhan perakaunan, kewajipan menyediakan dan mengemukakan laporan perakaunan telah diletakkan kepada pegawai perakaunan untuk dihantar kepada NEC mengikut tempoh masa yang ditetapkan di bawah Artikel 40. Peranan NEC sebagai institusi penerima dan pentadbir laporan ini disokong oleh kewajipan-kewajipan dokumentasi dan rekod seperti

penyelenggaraan buku atau catatan perakaunan di bawah Artikel 37, serta disiplin dokumen pembuktian di bawah Artikel 39.

Dalam konteks menjamin ketelusan dan akses awam, NEC memainkan peranan penting untuk mengumumkan penerimaan laporan serta mengurus tempoh pemeriksaan awam dan akses kepada salinan sebagaimana digariskan dalam Artikel 42, di samping menjalankan kewajipan pengumuman rasmi bagi beberapa tindakan pentadbiran mengikut mekanisme Artikel 64.

PFA juga menetapkan peranan CEC untuk aktiviti publisiti dan pendidikan awam tentang tatacara sumbangan atau urus niaga dana politik melalui Artikel 60:

> *Election commissions at various levels (excluding Eup/Myeon/Dong election commissions) shall publicize methods, procedures and the need, etc. To contribute and deposit political funds, using printed materials, equipment and advertisements, etc., in order to facilitate the contribution and the deposition of political funds.*

4.6.4 Keperluan Lembaga Penasihat bagi memantau badan kawal selia di Korea Selatan

Berdasarkan peruntukan-peruntukan dalam Akta ini, Akta tidak mewujudkan atau mewajibkan sebuah Lembaga Penasihat yang berdiri berasingan untuk memantau badan kawal selia. Sebaliknya, elemen pengawasan dalam Akta ini boleh didapati melalui peruntukan kewajipan pelaporan, audit dalaman, pendedahan umum serta kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan yang berpusat pada NEC sebagaimana yang diperuntukkan dalam Artikel 40, Artikel 41, Artikel 42, Artikel 52 dan Artikel 64.

4.6.5 Kerangka umum pendanaan politik di bawah Akta

Kerangka pendanaan politik di bawah PFA dapat difahami melalui dua komponen utama, iaitu jenis dana politik dan saluran institusi pelaku yang dibenarkan mengurus dana tersebut. Dari segi jenis dana politik, Artikel 3 telah

menyenaraikan bentuk dana politik yang diiktiraf seperti yuran keahlian parti, pembayaran sokongan, *deposit*, subsidi dan hasil sampingan tertentu yang ditetapkan oleh peraturan parti. Klasifikasi ini penting kerana ia menentukan saluran masuk yang sah untuk kutipan hasil dan batas perbelanjaan yang sah untuk aktiviti politik selaras dengan had tujuan perbelanjaan di bawah Artikel 2(3). PFA turut menginstitusikan peranan "*person in charge of accounting*" sebagai nod pematuhan yang mengurus hasil dan perbelanjaan, menyelenggara rekod dan menyediakan laporan, seperti yang tersusun melalui Artikel 34 hingga Artikel 40. Pada masa yang sama, prinsip kebolehkesanan identiti melalui Artikel 2(4) dan larangan nama palsu atau nama orang lain melalui Artikel 2(5) menjadikan keseluruhan kerangka ini bertunjangkan *traceability* dan jejak audit yang jelas.
Kerangka umum ini secara amnya mengikat ekosistem dana politik kepada empat prinsip iaitu—

(a) saluran yang sah di bawah Artikel 2(1),

(b) pengurusan yang wajar dan penerbitan bahan perakaunan di bawah Artikel 2(2),

(c) had tujuan perbelanjaan di bawah Artikel 2(3), dan

(d) kebolehkesanan identiti di bawah Artikel 2(4) serta Artikel 2(5).

Seterusnya, PFA turut memperincikan pemberian "subsidi" oleh kerajaan kepada parti politik di bawah Artikel 25, 26, dan 27. Peruntukan ini menetapkan kaedah pengiraan bajet, galakan untuk calon wanita, dan formula pengagihan dana kepada parti-parti politik.

Di bawah Artikel 25, kerajaan diwajibkan untuk menyediakan belanjawan tahunan bagi subsidi parti politik dengan mendarabkan **harga unit subsidi dengan jumlah keseluruhan pengundi yang layak** dalam pilihan raya *National Assembly* yang paling baru. Harga unit ini diselaraskan setiap tahun dengan mengambil kira **kadar turun naik harga pengguna (inflasi)** di seluruh negara pada tahun sebelumnya.

Tambahan pula, pada tahun di mana pilihan raya presiden, pilihan raya National Assembly, atau pilihan raya tempatan serentak diadakan, kerajaan akan menambahkan harga unit tambahan bagi setiap pengundi yang layak ke dalam jumlah subsidi asas tersebut. Dari segi pembayaran, "subsidi biasa" dibayar secara berperingkat (suku tahunan) kepada parti politik, manakala "subsidi pilihan raya" dibayar dalam tempoh dua hari dari tarikh akhir pendaftaran calon pilihan raya tersebut.

Bagi menggalakkan penglibatan wanita dalam politik, Artikel 26 memperuntukkan subsidi berasingan yang dikira dengan **mendarabkan 100 Won dengan jumlah pengundi yang layak** dalam pilihan raya National Assembly yang lepas. Bagi pilihan raya majlis tempatan (*City/Do* atau *Gu/Si/Gun*), peruntukan ini adalah 50% daripada jumlah subsidi calon wanita yang disediakan pada tahun tersebut. Dana ini dibayar dalam masa dua hari selepas tarikh akhir pendaftaran calon. Pengagihan dana ini dilakukan secara berperingkat berdasarkan peratusan calon wanita yang diletakkan oleh parti di kawasan tempatan seperti berikut:

1. 40% atau lebih calon wanita: Parti akan menerima bahagian daripada 40% jumlah keseluruhan subsidi calon wanita.
2. 30% hingga kurang daripada 40% calon wanita: Parti akan menerima bahagian daripada 30% jumlah keseluruhan subsidi calon wanita.
3. 20% hingga kurang daripada 30% calon wanita: Parti akan menerima bahagian daripada 20% jumlah keseluruhan subsidi calon wanita.
4. 10% hingga kurang daripada 20% calon wanita: Parti akan menerima bahagian daripada 10% jumlah keseluruhan subsidi calon wanita.

Bagi setiap peringkat peratusan di atas, dana tersebut akan diagihkan secara dalaman menggunakan tiga metrik utama: 40% berdasarkan nisbah kerusi parti di *National Assembly*, 40% berdasarkan nisbah undian yang diperoleh dalam pilihan

raya parlimen lepas, dan 20% berdasarkan nisbah jumlah calon wanita parti berbanding keseluruhan calon wanita yang bertanding.

Akhir sekali, Artikel 27 menetapkan pengagihan peratusan subsidi biasa dan subsidi pilihan raya kepada parti-parti politik berdasarkan kekuatan mereka di parlimen dan sokongan pengundi. Pengagihan dilakukan mengikut senarai keutamaan berikut:

- Kumpulan Perundingan Utama (50%): Separuh daripada keseluruhan subsidi diagihkan secara sama rata kepada parti-parti politik yang mempunyai bilangan wakil rakyat yang mencukupi untuk membentuk kumpulan perundingan di National Assembly.
- Parti Sederhana (5%): 5% daripada subsidi diberikan kepada setiap parti yang memegang sekurang-kurangnya lima kerusi di National Assembly tetapi tidak cukup untuk membentuk kumpulan perundingan.
- Parti Kecil (2%): 2% subsidi diagihkan kepada parti yang tiada kerusi atau mempunyai kurang daripada 5 kerusi, dengan syarat mereka memperoleh sekurang-kurangnya 2% undian dalam pilihan raya National Assembly yang lepas. Syarat ini dilonggarkan kepada 0.5% undi jika parti itu mempunyai kerusi di parlimen melalui undian pilihan raya perwakilan tempatan, atau 2% undi perwakilan tempatan jika mereka tidak menyertai pilihan raya parlimen yang lepas.
- Pengagihan Baki Dana: Selepas peruntukan untuk ketiga-tiga kumpulan di atas diagihkan, 50% daripada baki dana yang tinggal akan dibahagikan mengikut nisbah kerusi parlimen yang dipegang oleh setiap parti, manakala baki selebihnya diagihkan berdasarkan nisbah jumlah undian yang diterima dalam pilihan raya.

Sebagai syarat kelayakan mutlak, subsidi pilihan raya tidak akan dibayar kepada mana-mana parti politik yang gagal meletakkan sebarang calon pada hari tarikh akhir pendaftaran calon bagi pilihan raya berkenaan.

4.6.6 Mekanisme penerimaan dana politik di bawah Akta

Berdasarkan peruntukan PFA, mekanisme penerimaan dana politik di bawah Akta ini adalah berbeza mengikut kategori dana politik yang telah dinyatakan dalam Artikel 3. Antara mekanisme penerimaan dana politik ini adalah seperti yang berikut: -

a. Yuran keahlian parti

Parti politik boleh mengutip yuran keahlian daripada ahli sebagaimana dibenarkan oleh Artikel 4(1). Namun, jika yuran dibayar menggunakan nama orang lain atau nama palsu, pegawai perakaunan perlu menyebabkan yuran tersebut dikembalikan kepada *National Treasury* melalui saluran suruhanjaya pilihan raya sebagaimana ditetapkan oleh Artikel 4(2) dan Artikel 4(3). Akta juga memperuntukkan kewajipan berkaitan resit dan pengurusan penerimaan yuran keahlian melalui Artikel 5.

b. Pembayaran sokongan melalui *supporters' associations*

Kerangka *supporters' associations*, termasuk pendaftaran, struktur dan operasi kutipan, telah diutarakan dengan terperinci dalam Artikel 6 hingga Artikel 9. Hal pengumpulan dan penyaluran pembayaran sokongan telah diperincikan dalam Artikel 10, yang antaranya mengehendaki pembayaran sokongan untuk dibuat kepada *designation authority*.

Artikel 11 hingga 13 pula menetapkan had sumbangan serta had kutipan yang bergantung kepada jenis pilihan raya. Sebagai contoh, Artikel 12(4) memperuntukkan had sumbangan sebanyak 150 juta won bagi *supporters'*

association untuk calon atau ahli *National Assembly* yang bertanding dalam pilihan raya bagi menentukan calon yang akan mewakili parti.

Kaedah kutipan yang dibenarkan pula digariskan dalam Artikel 14 seperti yang berikut: -

> *(1) Every supporters' association may collect support payments by means of mail, communications (referring to telephone, the Internet electronic settlement system, etc.), the exchange of political funds receipts that are printed by the National Election Commission, credit card and deposit account, and in a manner that does not violate this Act, the Political Parties Act and the Public Official Election Act; provided, no support payment shall be collected by means of rallies.*

Kutipan ini diikuti dengan keperluan pengeluaran resit dana politik melalui Artikel 17, dan kewajipan memulangkan pembayaran sokongan yang menyalahi peruntukan melalui Artikel 18. Akta turut mewajibkan penerbitan dan pengiklanan berkaitan kutipan pembayaran sokongan melalui Artikel 15 sebagai sebahagian daripada ketelusan di peringkat kutipan.

c. Keperluan kebolehkesanan identiti bagi sumbangan atau pembayaran tertentu

Artikel 2(4) mewajibkan sumbangan/pembayaran tertentu dibuat melalui kaedah yang membolehkan identiti penderma dikenal pasti, termasuk had tertentu bagi sumbangan tunai tahunan yang dibenarkan. Pada masa yang sama, Artikel 2(5) mengharamkan sumbangan menggunakan nama orang lain atau nama palsu, lalu menutup ruang penerimaan dana yang sukar dijejaki.

4.6.7 Mekanisme pelaporan di bawah Akta

a. Pelantikan pegawai perakaunan dan kewajipan melapor pelantikan/perubahan

Kewajipan memilih dan melantik pegawai perakaunan serta melaporkan pelantikan itu kepada suruhanjaya pilihan raya ditetapkan melalui Artikel 34, manakala pelaporan perubahan pegawai perakaunan diperuntukkan melalui Artikel 35.

b. Operasi perakaunan dan penyelenggaraan rekod

Urusan perakaunan hasil dan perbelanjaan dilaksanakan oleh pegawai perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Artikel 36, disokong oleh kewajipan penyelenggaraan buku dan catatan perakaunan melalui Artikel 37. Bagi parti politik, aspek perakaunan turut diperincikan melalui Artikel 38. Disiplin dokumen pembuktian seperti resit dan dokumen sokongan ditekankan oleh Artikel 39.

c. Penyediaan dan penghantaran *accounting report* mengikut tarikh akhir

Kewajipan menyediakan dan mengemukakan *accounting report* kepada suruhanjaya pilihan raya dalam tempoh yang ditetapkan digariskan oleh Artikel 40, termasuk tarikh akhir yang berbeza mengikut keadaan seperti kitaran pilihan raya.

d. Audit dalaman sebagai prasyarat pelaporan tertentu

Akta mensyaratkan audit dalaman bagi laporan perakaunan dalam keadaan tertentu melalui Artikel 41, termasuk keperluan resolusi organ yang berkaitan serta lampiran *audit opinion*. Keperluan tertentu bahawa *audit opinion* disediakan oleh akauntan bertauliah yang bukan ahli parti berkenaan juga terletak di bawah struktur Artikel 41.

e. Pemindahan dan penyimpanan dokumen selepas laporan dibuat

Selepas laporan disediakan, kewajipan memindahkan dokumen kepada pihak melantik dan kewajipan penyimpanan dokumen untuk tempoh yang ditetapkan

diperuntukkan melalui Artikel 44, termasuk pilihan penyimpanan oleh suruhanjaya melalui mekanisme persetujuan.

4.6.8 Kewajipan pendedahan umum di bawah Akta

Akta ini membina ketelusan melalui kewajipan pendedahan umum yang berstruktur, selaras dengan prinsip penerbitan bahan perakaunan dana politik di bawah Artikel 2(2).

a. Pendedahan ketika kutipan pembayaran sokongan

Kewajipan *publication* dan *advertisement* berhubung kutipan pembayaran sokongan, termasuk maklumat yang perlu disiarkan, diperuntukkan melalui Artikel 15.

b. Pemeriksaan awam terhadap laporan perakaunan dan akses salinan

Selepas laporan perakaunan diterima, kewajipan suruhanjaya mengumumkan penerimaan laporan serta mengurus tempoh pemeriksaan awam dan tempoh penghantaran salinan ditetapkan melalui Artikel 42(1). Kewajipan menyimpan dokumen iringan dan data kewangan untuk pemeriksaan awam, termasuk kaedah pemeriksaan tertentu dalam tempoh yang ditetapkan, digariskan melalui Artikel 42(2).

c. Pengumuman rasmi bagi tindakan pentadbiran tertentu

Kewajipan suruhanjaya membuat *public announcement* bagi beberapa tindakan penting seperti penerimaan laporan/pendaftaran tertentu, pembatalan pendaftaran persatuan penyokong, pembayaran dana tertentu, serta urusan pemulangan subsidi diperuntukkan melalui Artikel 64.

4.6.9 Kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta

Bagi memastikan pematuhan kepada kerangka pendanaan politik yang telah diwajibkan dan digariskan dalam PFA, Akta ini telah memperuntukkan pelbagai kesalahan dengan hukuman penjara atau denda, seperti yang diringkaskan berikut:-

Peruntukan	**Hukuman / Denda**	**Penerangan ringkas**
Artikel 45(1)	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi 10 juta *won*	Artikel ini menjadikan suatu kesalahan apabila seseorang menyumbang atau menerima dana politik melalui kaedah yang tidak diperuntukkan oleh Akta, kecuali dalam keadaan pengecualian tertentu melibatkan hubungan kekeluargaan yang diiktiraf.
Artikel 45(2)1	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi 10 juta *won*	Artikel ini menghukum pihak yang bukan pihak berkuasa penamaan persatuan penyokong tetapi menubuhkan dan mengendalikan persatuan penyokong atau organisasi seumpamanya untuk tujuan menyumbang dana politik.
Artikel 45(2)2	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi 10 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan sumbangan yang melanggar had sumbangan tertentu, termasuk pengumpulan atau penerimaan bayaran sokongan dan pelanggaran had kutipan yang diperuntukkan bagi persatuan penyokong.

Peruntukan	**Hukuman / Denda**	**Penerangan ringkas**
Artikel 45(2)3	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi 10 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan kesalahan apabila pihak berkenaan menerbitkan, mengiklankan, atau mengutip bayaran sokongan dengan melanggar peruntukan tatacara kutipan yang ditentukan bagi persatuan penyokong.
Artikel 45(2)4	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi 10 juta *won*	Artikel ini mengenakan liabiliti jenayah jika dana politik dibuat atau diterima tanpa melalui mekanisme amanah melalui suruhanjaya pilihan raya seperti yang diwajibkan bagi urusan tertentu.
Artikel 45(2)5	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi 10 juta *won*	Artikel ini menghukum penyumbang atau penerima dana politik yang melanggar larangan sumber tertentu, termasuk larangan terhadap pihak yang tidak dibenarkan oleh Akta.
Artikel 45(2)6	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi 10 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan penerimaan atau pengaturan sumbangan dana politik yang diperoleh melalui paksaan atau cara yang menekan kehendak pihak lain.
Artikel 45(3)	Lucuthak wang, barangan, dan kepentingan harta;	Artikel ini memperuntukkan akibat pelucuthakan bagi kesalahan dalam Artikel 45(1) dan Artikel 45(2) supaya

Peruntukan	Hukuman / Denda	Penerangan ringkas
	jika lucuthak tidak boleh dibuat maka nilai setara boleh dikutip	hasil pelanggaran tidak boleh kekal dinikmati oleh pesalah.
Artikel 46(1)	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi 6 juta *won*	Artikel ini menghukum penyumbang atau penerima yang memanipulasi jumlah pada resit yuran keahlian atau resit dana politik, termasuk memalsukan, mengubah atau menggunakan resit palsu.
Artikel 46(2)	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi 6 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan paksaan untuk memeriksa senarai ahli, atau pendedahan maklumat senarai ahli yang diketahui ketika menjalankan tugas berhubung persatuan penyokong.
Artikel 46(3)	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi 6 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan kesalahan apabila dana politik disumbang dengan melanggar sekatan penyaluran tertentu yang ditetapkan bagi bayaran sokongan melalui persatuan penyokong.
Artikel 46(4)	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 3 tahun atau denda	Artikel ini menghukum penerbitan nombor siri resit dana politik tanpa prosedur atau memaklumkan nombor

Peruntukan	**Hukuman / Denda**	**Penerangan ringkas**
	tidak melebihi 6 juta *won*	siri itu kepada agensi negara lain dengan melanggar larangan yang ditetapkan.
Artikel 46(5)	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi 6 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan kegagalan menyelenggara buku perakaunan atau memasukkan butiran palsu serta kesalahan berkaitan penyerahan laporan perakaunan dan dokumen sokongan dengan tidak benar.
Artikel 46(6)	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi 6 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan kesalahan apabila pihak gagal memindahkan atau menyimpan lejar resit, buku akaun, penyata hasil dan belanja, dokumen bukti, dan dokumen keputusan pembayaran seperti yang diwajibkan.
Artikel 46(7)	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi 6 juta *won*	Artikel ini menghukum pegawai atau pihak yang membocorkan maklumat sulit yang diketahui semasa menjalankan tugas yang berkaitan dengan pematuhan dana politik.
Artikel 47(1)1	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menjadikan suatu kesalahan apabila dana politik dibelanjakan bagi tujuan selain aktiviti politik, kerana Akta mengehadkan penggunaan dana politik

Peruntukan	Hukuman / Denda	Penerangan ringkas
		kepada perbelanjaan aktiviti politik sahaja.
Artikel 47(1)2	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan mengeluarkan atau menyerahkan resit yuran keahlian atau resit dana politik dalam tempoh yang ditetapkan atau mengeluarkan resit yang tidak mematuhi skop penggunaan.
Artikel 47(1)3	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan kesalahan apabila pihak gagal memindahkan lejar resit, identiti penyumbang atau butiran bayaran sokongan tanpa alasan munasabah mengikut kewajipan pemindahan rekod.
Artikel 47(1)4	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menghukum penggunaan subsidi yang bercanggah dengan sekatan penggunaan subsidi yang diwajibkan oleh Akta.
Artikel 47(1)5	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan kegagalan memulangkan baki subsidi dalam keadaan pemulangan diwajibkan oleh Akta.

Peruntukan	**Hukuman / Denda**	**Penerangan ringkas**
Artikel 47(1)6	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan membuat laporan berhubung akaun deposit bagi hasil dan perbelanjaan dana politik apabila Akta mewajibkan akaun deposit dilaporkan.
Artikel 47(1)7	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan kesalahan apabila pihak gagal memindahkan atau mengambil alih baki harta, baki dana, atau dokumen perakaunan seperti yang diwajibkan dalam proses perubahan pegawai perakaunan.
Artikel 47(1)8	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menghukum penerimaan atau pembayaran dana politik yang tidak dilakukan melalui pegawai perakaunan sebagaimana dituntut oleh mekanisme pematuhan.
Artikel 47(1)9	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan penerimaan atau pembayaran dana politik tanpa disertakan prosedur yang mengikat transaksi kepada laporan dan rekod yang diperlukan untuk audit.
Artikel 47(1)10	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda	Artikel ini menghukum kegagalan menyimpan resit dan dokumen bukti atau pemalsuan dokumen bukti hasil

Peruntukan	Hukuman / Denda	Penerangan ringkas
	tidak melebihi 4 juta *won*	dan belanja dana politik yang diperlukan bagi ketepatan laporan.
Artikel 47(1)11	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan kesalahan apabila laporan audit palsu dibuat bagi laporan perakaunan yang memerlukan pengesahan audit.
Artikel 47(1)12	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menghukum pihak yang menyiarkan butiran yang telah didedahkan kepada umum untuk digunakan bagi tujuan politik apabila Akta melarang eksploitasi pendedahan tersebut.
Artikel 47(1)13	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan pelanggaran kewajipan tertentu yang berkait perlindungan pemberi maklumat apabila Akta melarang tindakan balas terhadap pemberi maklumat.
Artikel 47(2)	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 1 tahun atau denda tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan mematuhi permintaan suruhanjaya untuk audit, pengesahan bahan, atau penyerahan bahan tanpa alasan munasabah, termasuk penghantaran

Peruntukan	Hukuman / Denda	Penerangan ringkas
		bahan palsu atau halangan akses pemeriksaan.
Artikel 48(1)	Denda tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan denda terhadap pihak berkuasa pelantikan yang cuai dalam memilih, melantik atau menyelia pegawai perakaunan sehingga pegawai tersebut melakukan kesalahan tertentu yang dinyatakan oleh Akta.
Artikel 48(2)	Denda tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini menghukum sumbangan atau pembayaran dana politik yang dibuat secara tidak membolehkan pengenalpastian nama sebenar atau pelanggaran had transaksi tunai tahunan yang dibenarkan.
Artikel 48(3)	Denda tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan sumbangan dana politik menggunakan nama orang lain atau nama palsu kerana Akta mengharamkan penyamaran identiti penyumbang.
Artikel 48(4)	Denda tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan mengembalikan yuran atau dana tertentu kepada perbendaharaan negara apabila Akta mewajibkan wang itu dipulangkan.

Peruntukan	Hukuman / Denda	Penerangan ringkas
Artikel 48(5)	Denda tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan denda apabila seseorang melakukan sumbangan tanpa nama melebihi had yang dibenarkan atau melanggar syarat kebolehkesanan yang diwajibkan.
Artikel 48(6)	Denda tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini menghukum pihak yang menerima atau mengendalikan dana yang sepatutnya dipulangkan atau disalurkan mengikut peruntukan pemulangan yang diwajibkan oleh Akta.
Artikel 49(1)	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi 20 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan kesalahan berat berkaitan perbelanjaan pilihan raya apabila pegawai perakaunan gagal membuat laporan perbelanjaan pilihan raya, memasukkan butiran palsu, memalsukan, mengubah atau menyembunyikan perbelanjaan untuk menutup hasil dan belanja sebenar.
Artikel 49(2)1	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menghukum pelanggaran syarat kebolehkesanan identiti atau had transaksi tunai yang terpakai dalam konteks perbelanjaan pilihan raya.

Peruntukan	**Hukuman / Denda**	**Penerangan ringkas**
Artikel 49(2)2	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan kegagalan melaporkan pegawai perakaunan dan akaun deposit seperti yang diwajibkan dalam pengurusan perbelanjaan pilihan raya.
Artikel 49(2)3	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menghukum pelanggaran kewajipan pemindahan atau pengambilalihan baki dana dan dokumen bagi tujuan ketertiban audit perbelanjaan pilihan raya.
Artikel 49(2)4	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan penerimaan atau pembayaran yang tidak dilakukan melalui pegawai perakaunan dalam urusan perbelanjaan pilihan raya.
Artikel 49(2)5	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan menyediakan atau menyimpan dokumen keputusan pembayaran serta rekod sokongan yang diperlukan untuk menjejak transaksi perbelanjaan pilihan raya.
Artikel 49(2)6	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda	Artikel ini memperuntukkan kesalahan apabila resit atau dokumen bukti bagi hasil dan belanja pilihan raya

Peruntukan	Hukuman / Denda	Penerangan ringkas
	tidak melebihi 4 juta *won*	dipalsukan, diubah atau digunakan dengan cara yang menipu proses audit.
Artikel 49(2)7	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan menyerahkan salinan buku akaun deposit yang diwajibkan untuk membolehkan semakan transaksi perbelanjaan pilihan raya.
Artikel 49(2)8	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan kegagalan mematuhi permintaan suruhanjaya pilihan raya untuk pemfailan laporan atau penyerahan bahan berkaitan perbelanjaan pilihan raya.
Artikel 49(2)9	Penjara dengan kerja berat tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi 4 juta *won*	Artikel ini menghukum pelanggaran kewajipan pemindahan atau penyimpanan dokumen perakaunan perbelanjaan pilihan raya yang diwajibkan oleh Akta.
Artikel 49(3)1	Denda pentadbiran tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini mengenakan denda pentadbiran apabila berlaku pengabaian dalam memilih, melantik atau menukar pegawai perakaunan atau mengurus laporan berkaitan pegawai perakaunan dalam konteks perbelanjaan pilihan raya.

Peruntukan	**Hukuman / Denda**	**Penerangan ringkas**
Artikel 49(3)2	Denda pentadbiran tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan menyerahkan persetujuan bertulis tertentu yang diwajibkan apabila pegawai perakaunan dilantik untuk urusan perbelanjaan pilihan raya.
Artikel 49(3)3	Denda pentadbiran tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan denda pentadbiran jika pihak gagal menyediakan penyata serah-terima yang diwajibkan apabila berlaku pemindahan tugas perakaunan pilihan raya.
Artikel 49(3)4	Denda pentadbiran tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan mematuhi kewajipan pelaporan perakaunan dalam tempoh tertentu sebagaimana diperuntukkan oleh mekanisme laporan perbelanjaan pilihan raya.
Artikel 50	Denda kepada entiti pada kadar denda yang ditetapkan oleh Artikel kesalahan yang berkaitan	Artikel ini memperuntukkan liabiliti bersama apabila kesalahan di bawah Artikel 45 hingga Artikel 48 dilakukan oleh pegawai perakaunan, pembantu atau pekerja ketika menjalankan tugas, lalu parti, persatuan, korporat atau organisasi turut boleh didenda kecuali

Peruntukan	Hukuman / Denda	Penerangan ringkas
		jika mereka telah menjalankan penyeliaan wajar.
Artikel 51(1)1	Denda pentadbiran tidak melebihi 3 juta *won*	Artikel ini mengenakan denda pentadbiran apabila pihak gagal mengeluarkan atau menyerahkan resit yuran keahlian atau resit dana politik seperti yang diwajibkan oleh peraturan resit.
Artikel 51(1)2	Denda pentadbiran tidak melebihi 3 juta *won*	Artikel ini menghukum pengambilan pekerja perkeranian melebihi bilangan yang dibenarkan dalam struktur pejabat persatuan penyokong.
Artikel 51(1)3	Denda pentadbiran tidak melebihi 3 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan denda pentadbiran terhadap individu yang enggan mematuhi permintaan untuk hadir bagi tujuan siasatan apabila syarat undang-undang untuk pengiringan dipenuhi.
Artikel 51(2)1	Denda pentadbiran tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini menghukum kelewatan dalam menyiapkan proses serah-terima dokumen dan baki dana apabila berlaku pemindahan atau perubahan pegawai perakaunan.

Peruntukan	**Hukuman / Denda**	**Penerangan ringkas**
Artikel 51(2)2	Denda pentadbiran tidak melebihi 2 juta *won*	Artikel ini mengenakan denda pentadbiran apabila dana politik dibelanjakan tanpa dokumen keputusan pembayaran dan permintaan pembayaran yang diwajibkan bagi kawalan dalaman perakaunan.
Artikel 51(3)1	Denda pentadbiran tidak melebihi 1 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan memfailkan deklarasi, laporan atau permohonan yang diwajibkan bagi pendaftaran, pelantikan dan pelaporan perakaunan mengikut tempoh Akta.
Artikel 51(3)2	Denda pentadbiran tidak melebihi 1 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan denda pentadbiran terhadap permohonan pendaftaran atau perubahan pendaftaran persatuan penyokong yang dibuat secara palsu atau mengandungi maklumat tidak benar.
Artikel 51(3)3	Denda pentadbiran tidak melebihi 1 juta *won*	Artikel ini menghukum tindakan menerima masuk individu yang tidak layak sebagai ahli persatuan penyokong kerana Akta menetapkan syarat kelayakan keahlian.

Peruntukan	Hukuman / Denda	Penerangan ringkas
Artikel 51(3)4	Denda pentadbiran tidak melebihi 1 juta *won*	Artikel ini mengenakan denda pentadbiran apabila pihak gagal melaporkan penggunaan sebenar resit dana politik atau gagal memulangkan resit kepada suruhanjaya pilihan raya.
Artikel 51(3)5	Denda pentadbiran tidak melebihi 1 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan memindahkan baki harta, deposit dipulangkan, dan perbelanjaan yang perlu dipulangkan apabila peruntukan pemindahan dan pemulangan terpakai.
Artikel 51(3)6	Denda pentadbiran tidak melebihi 1 juta *won*	Artikel ini memperuntukkan denda pentadbiran apabila seseorang menjadi pegawai perakaunan walaupun tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan Akta.
Artikel 51(3)7	Denda pentadbiran tidak melebihi 1 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan membuat perakaunan berasingan antara subsidi dan dana bukan subsidi, serta perbelanjaan pilihan raya dan dana bukan pilihan raya apabila pemisahan diwajibkan.
Artikel 51(3)8	Denda pentadbiran tidak melebihi 1 juta *won*	Artikel ini menjenayahkan kegagalan melampirkan dokumen pengesahan seperti salinan bahan penerbitan,

Peruntukan	Hukuman / Denda	Penerangan ringkas
		resolusi, pendapat audit, dan penyata serah-terima yang diperlukan bagi sokongan laporan perakaunan.
Artikel 51(3)9	Denda pentadbiran tidak melebihi 1 juta *won*	Artikel ini menghukum kegagalan mematuhi permintaan kehadiran untuk tujuan pemeriksaan atau proses berkaitan penguatkuasaan yang dibenarkan oleh Akta.

4.7 SINGAPURA (*SINGAPORE*)

4.7.1 Keperluan Undang-Undang

Melalui Akta Campur Tangan Asing (Langkah Balas) 2021 atau *'Foreign Interference (Countermeasures) Act 2021'*, kerangka undang undang mengenai sumbangan politik dibina untuk mewujudkan sistem yang telus dengan meletakkan kewajipan utama bahawa penderma perlu dikenal pasti dan status penderma perlu dipastikan sebelum sumbangan diterima, supaya wujud kepastian tentang siapa yang memberi sumbangan dan bagaimana sumbangan digunakan bagi tujuan politik (Seksyen 50(1), Seksyen 60(1)). Keperluan ini disokong oleh takrif sumbangan politik yang luas merangkumi hadiah wang atau harta, perbelanjaan yang dibayar oleh pihak ketiga, pinjaman bukan terma komersial, penyediaan perkhidmatan atau kemudahan bukan terma komersial, penajaan, serta kerja sukarela dan perkhidmatan profesional sukarela mengikut kategori penerima seperti calon, parti politik, pemegang jawatan politik dan ahli Parlimen (Seksyen 51(1) hingga Seksyen 51(5)). Undang undang ini turut mensyaratkan pengasingan aliran wang melalui penubuhan dana sumbangan politik yang disimpan dalam akaun khas, di samping kewajipan pelaporan dan

pengisytiharan bagi sumbangan yang boleh dilaporkan serta mekanisme sijil pematuhan sebelum penamaan calon, yang bersama sama membentuk rantaian pematuhan daripada penerimaan, pengesahan, pelaporan, hingga penguatkuasaan (Seksyen 62(1) hingga Seksyen 65(3), Seksyen 66(1) dan Seksyen 66(3), Seksyen 63(3) dan Seksyen 63(4)).

4.7.2 Rangkuman Pemakaian Undang-Undang

Pemakaian undang undang ini merangkumi kategori pihak yang luas melalui konsep orang yang signifikan dari segi politik 'politically significant person' yang termasuk parti politik, calon, ejen pilihan raya calon, pemegang jawatan politik, ahli Parlimen, pegawai kanan parti politik, serta pihak yang ditetapkan di bawah Bahagian 4 (Seksyen 14(a) hingga Seksyen 14(g)). Skop pemakaian juga ditentukan oleh takrif calon yang merangkumi individu yang telah dicalonkan atau individu yang mengisytiharkan diri sebagai mahu dicalonkan dalam tempoh tertentu, dan takrif pilihan raya yang merangkumi pilihan raya Parlimen dan pilihan raya Presiden (Seksyen 3(1) di bawah takrif calon, Seksyen 3(1) di bawah takrif pilihan raya). Dari segi bahan kawal selia, undang undang ini menetapkan apa yang dikira sebagai sumbangan politik mengikut pihak penerima, dan pada masa yang sama memperuntukkan pengecualian yang tidak dianggap sebagai sumbangan politik termasuk siaran politik percuma oleh penyiar berlesen, komunikasi pilihan raya tanpa pos, geran atau subsidi kerajaan dalam kapasiti peribadi, serta beberapa bentuk sokongan keselamatan dan imbuhan rasmi mengikut keadaan (Seksyen 51(1) hingga Seksyen 51(5), Seksyen 52(1) hingga Seksyen 52(3)). Pemakaian turut diperluas dari segi bidang kuasa apabila beberapa kesalahan dan kewajipan tertentu diperuntukkan berkuat kuasa walaupun perbuatan berlaku di luar Singapura, selagi wujud kaitan hasil atau kesan di Singapura atau melalui saluran yang diperuntukkan (Seksyen 115(1) dan Seksyen 115(2)).

4.7.3 Pengwujudan Badan Kawal Selia Dana Politik

Bagi tadbir urus kawal selia, Menteri diberi kuasa melantik pihak berkuasa berwibawa 'competent authority' untuk mentadbir keseluruhan akta atau bahagian tertentu, dan pihak berkuasa ini dipertanggungjawabkan melaksanakan kuasa secara tidak berpihak, berintegriti, profesional serta tidak menggunakan kuasa untuk memajukan atau memudaratkan kepentingan mana mana parti politik (Seksyen 105(1), Seksyen 105(2), Seksyen 105(4), Seksyen 105(5)). Pihak berkuasa berwibawa boleh melantik pegawai yang diberi kuasa 'authorised officer' serta mendelegasikan kuasa tertentu bagi tujuan pentadbiran dan penguatkuasaan, termasuk memperoleh dokumen dan maklumat berkaitan keahlian asing, hubungan dengan prinsipal asing, sumbangan sukarela warga asing, serta perbelanjaan berulang dan modal untuk aktiviti yang menjurus kepada tujuan politik (Seksyen 107(1) hingga Seksyen 107(4), Seksyen 108(1)(a) hingga Seksyen 108(1)(d), Seksyen 108(2)). Reka bentuk ini menunjukkan bahawa badan kawal selia dana politik dalam akta ini tidak semestinya bernama sebagai pendaftar khusus, tetapi berfungsi melalui struktur pihak berkuasa berwibawa yang boleh ditumpukan mengikut bahagian, dengan kuasa penyiasatan, notis pematuhan, kompaun kesalahan, dan mekanisme tindakan susulan yang jelas (Seksyen 105(1)(b), Seksyen 108(1), Seksyen 114(1) dan Seksyen 114(2)).

4.7.4 Keperluan Lembaga Penasihat

Akta ini memperuntukkan suatu mekanisme penasihatan kepada Menteri melalui pelantikan jawatankuasa penasihat 'advisory committee' yang boleh dianggotai individu berpengalaman bagi memberi nasihat kepada Menteri berkaitan pelaksanaan fungsi rayuan di bawah peruntukan rayuan tertentu, walaupun keputusan akhir kekal pada budi bicara Menteri dan Menteri tidak terikat dengan konsultasi tersebut (Seksyen 102(1) dan Seksyen 102(2)). Di samping itu, dari sudut semak imbang institusi, akta ini turut mewujudkan Tribunal Semakan 'Reviewing Tribunal' bagi rayuan tertentu, dengan komposisi tiga orang ahli yang

dilantik oleh Presiden atas nasihat Kabinet dan dipengerusikan oleh Hakim Mahkamah Agung, yang menzahirkan unsur pengawasan bebas dalam struktur tadbir urus walaupun fungsi utamanya ialah pemutusan rayuan dan bukannya pemberian nasihat dasar (Seksyen 94(1) hingga Seksyen 94(5), Seksyen 97(1) hingga Seksyen 97(3)).

4.7.5 Pendanaan Politik

Pendanaan politik dalam akta ini ditakrif dan dikawal melalui pendekatan yang menumpukan kepada ketelusan identiti penderma, kesahan sumber, dan kebolehkesanan aliran wang, dengan sumbangan politik ditentukan secara substantif merangkumi bukan sahaja pemberian wang atau harta tetapi juga pembayaran perbelanjaan oleh pihak lain, pinjaman tidak komersial, penajaan, serta sumbangan berbentuk kerja dan perkhidmatan sukarela, dan takrif ini dibezakan mengikut penerima seperti calon, parti politik, pemegang jawatan politik, ahli Parlimen dan pegawai kanan parti (Seksyen 51(1) hingga Seksyen 51(7)). Prinsip terasnya ialah sumbangan yang diterima perlu tertakluk kepada larangan menerima daripada penderma yang tidak layak, kewajipan mengenal pasti penderma, kewajipan memulangkan sumbangan yang dilarang dalam tempoh bertenang, serta kewajipan merekod, melapor dan mengisytiharkan sumbangan yang mencapai ambang pelaporan, sekali gus membina jejak audit yang boleh dikuatkuasakan (Seksyen 56, Seksyen 60(1) hingga Seksyen 60(4), Seksyen 53(1) dan Seksyen 53(2), Seksyen 62(1) dan Seksyen 65(3)).

4.7.5.1 Kawal Selia terhadap Sumber Pembiayaan Calon dan Parti

Kawal selia sumber pembiayaan calon dan parti dilaksanakan melalui konsep penderma yang dibenarkan *'permissible donor'* yang pada asasnya mengehadkan penderma kepada warganegara Singapura berumur sekurang kurangnya 21 tahun serta entiti Singapura yang menjalankan perniagaan sepenuhnya atau

terutamanya di Singapura, dengan pengecualian khusus bagi wasiat, kerja sukarela dan hubungan tertentu antara calon dan parti (Seksyen 55(1)(a) hingga Seksyen 55(1)(f)). Larangan penerimaan sumbangan daripada penderma yang tidak memenuhi kriteria ini dinyatakan secara tegas dan menjadi asas kawalan terhadap sumbangan asing dan sumbangan yang cuba disalurkan melalui helah, termasuk kesalahan bagi pengaturan yang memudahkan sumbangan tidak sah melalui penyamaran, serta kesalahan bagi penerimaan sumbangan yang diketahui atau sepatutnya diketahui datang daripada penderma tidak layak (Seksyen 56, Seksyen 75(1), Seksyen 75(5)). Mekanisme ini diperkukuh dengan kewajipan apabila seseorang menderma bagi pihak pihak lain, di mana sumbangan dianggap sebagai sumbangan berasingan dan butiran penderma sebenar mesti diserahkan kepada penerima pada masa penerimaan untuk membolehkan pengesahan dan pelaporan, yang menutup ruang penggunaan proksi atau wakil bagi menyembunyikan identiti penderma (Seksyen 72(1) hingga Seksyen 72(3)). Bagi entiti atau individu yang ditetapkan di bawah Bahagian 4, pihak berkuasa berwibawa boleh mengeluarkan arahan penderma dilarang yang menyasarkan penderma asing tertentu atau kategori tertentu, termasuk mewajibkan pemulangan sumbangan yang diterima selepas tarikh ditetapkan, yang menunjukkan kawalan berlapis mengikut tahap risiko (Seksyen 67(1)(b) dan Seksyen 67(1)(c), Seksyen 67(2)).

4.7.5.2 Perbelanjaan Politik

Walaupun akta ini tidak menetapkan had maksimum perbelanjaan politik sebagai satu angka, ia mengawal perbelanjaan melalui teknik pengkelasan apabila perbelanjaan yang dibayar oleh pihak lain untuk menanggung perbelanjaan calon atau parti boleh dikira sebagai sumbangan politik dan oleh itu tertakluk kepada larangan sumber, pengesahan identiti penderma, serta pelaporan jika mencapai ambang yang ditetapkan (Seksyen 51(1)(b), Seksyen 51(2)(b), Seksyen 53(1) dan

Seksyen 60(1)). Di samping itu, takrif sumbangan politik turut memasukkan penajaan dan penyediaan kemudahan atau perkhidmatan bukan terma komersial yang lazimnya berkaitan dengan kos kempen atau aktiviti politik, sekali gus memperluas kawalan perbelanjaan kepada bentuk sokongan bukan tunai yang memberi nilai ekonomi (Seksyen 51(1)(d) dan Seksyen 51(1)(e), Seksyen 51(2)(d) dan Seksyen 51(2)(e)). Dari sudut pemantauan, pihak berkuasa berwibawa diberi kuasa menuntut dokumen dan maklumat termasuk yang berkaitan perbelanjaan berulang dan perbelanjaan modal bagi aktiviti yang menjurus kepada tujuan politik, yang membolehkan semakan pematuhan dan penilaian risiko walaupun perbelanjaan itu tidak dinyatakan sebagai had kuantitatif dalam akta ini (Seksyen 108(1)(d), Seksyen 108(2)(a)(i) hingga Seksyen 108(2)(a)(iii)).

4.7.5.3 Peruntukan Dana Awam (Public Funding)

Akta ini membezakan antara pendanaan politik dan penggunaan dana awam dengan menetapkan bahawa geran atau subsidi yang diberi oleh kerajaan atau pihak berkuasa awam kepada orang yang signifikan dari segi politik untuk manfaat peribadi dalam kapasiti peribadi tidak dianggap sebagai sumbangan politik, yang menunjukkan pemisahan kategori agar bantuan awam tertentu tidak secara automatik tertakluk kepada rejim pelaporan sumbangan politik (Seksyen 52(1)(c)). Dalam masa yang sama, beberapa mekanisme pelucuthakan dan pemulangan hasil tertentu yang dikutip oleh pihak berkuasa berwibawa ditetapkan untuk dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan 'Consolidated Fund', termasuk jumlah yang diserah melalui arahan pelucutan manfaat, pemulangan sumbangan tanpa nama dalam keadaan tertentu, dan pelucuthakan sumbangan yang dilarang melalui perintah mahkamah, yang menegaskan bahawa apa jua hasil yang dirampas atau dipulangkan melalui kuasa penguatkuasaan bukanlah dana untuk aktiviti politik tetapi dipulangkan ke perbendaharaan negara (Seksyen 38(2), Seksyen 59(2), Seksyen 61(6)).

4.7.5.4 Pendanaan Swasta (Private Funding)

Pendanaan swasta dibenarkan dalam kerangka yang ketat melalui penderma yang dibenarkan, iaitu warganegara Singapura yang memenuhi umur minimum serta entiti Singapura yang memenuhi kriteria kawalan dan operasi, dan sumbangan boleh hadir dalam bentuk hadiah wang atau harta, yuran keahlian atau langganan parti, penajaan, serta sumbangan tenaga kerja dan perkhidmatan profesional sukarela mengikut takrif yang ditetapkan (Seksyen 55(1)(a) dan Seksyen 55(1)(c), Seksyen 51(2)(f) dan Seksyen 51(2)(g), Seksyen 51(1)(f)). Namun pendanaan swasta ini hanya sah jika identiti penderma dan status kelayakannya dapat disahkan, dan jika sumbangan mencapai ambang pelaporan atau terkumpul secara agregat dalam tempoh pelaporan, sumbangan tersebut menjadi sumbangan yang boleh dilaporkan dan perlu didedahkan kepada pihak berkuasa berwibawa bersama butiran penderma yang ditetapkan (Seksyen 60(1)(a) dan Seksyen 60(1)(b), Seksyen 53(1) dan Seksyen 53(2), Seksyen 62(2)(c)).

4.7.5.5 Pendanaan Tanpa Nama (Anonymous Donation)

Akta ini mentakrif sumbangan tanpa nama sebagai sumbangan yang penerimanya tidak dapat menentukan identiti pemberi sama ada kerana sumbangan diberi secara anonim atau melalui tipu daya atau penyembunyian, dan sebagai prinsip umum orang yang signifikan dari segi politik dilarang menerima sumbangan politik yang bersifat tanpa nama kecuali keadaan terhad yang dibenarkan oleh had siling yang diperuntukkan (Seksyen 3(1) di bawah takrif sumbangan tanpa nama *'anonymous donation'*, Seksyen 57). Pengecualian yang dibenarkan adalah penerimaan sumbangan tanpa nama dalam jumlah terkumpul yang kurang daripada had siling yang terpakai, yang pada asasnya ditetapkan pada nilai lima ribu dolar bagi kategori utama termasuk parti, calon, ejen pilihan raya, pemegang jawatan politik, ahli Parlimen, serta pihak yang ditetapkan di bawah Bahagian 4

yang menerima arahan sumbangan tanpa nama, dan had ini boleh diubah melalui peraturan (Seksyen 58(1), Seksyen 58(2)(a) hingga Seksyen 58(2)(d)). Jika sumbangan tanpa nama ditawarkan dan penerimaan dilarang, mekanisme pemulangan diwajibkan sama ada memulangkan kepada pihak penghantar yang dikenal pasti, memulangkan melalui institusi kewangan yang dapat dikenal pasti, atau menyerahkan kepada pihak berkuasa berwibawa, dan jumlah yang diterima oleh pihak berkuasa berwibawa hendaklah dimasukkan ke Kumpulan Wang Disatukan 'Consolidated Fund' (Seksyen 59(1)(a) hingga Seksyen 59(1)(c), Seksyen 59(2)).

4.7.5.6 Pendanaan Asing (Foreign Donation)

Pendanaan asing dihalang melalui reka bentuk penderma yang dibenarkan yang secara asasnya mengecualikan orang asing, kerana orang asing ditakrif sebagai individu yang bukan warganegara Singapura dan prinsipal asing merangkumi kategori luas termasuk kerajaan asing, organisasi politik asing, perniagaan asing dan individu berkaitan kerajaan asing, yang menjadi latar kepada kawalan terhadap pengaruh asing dalam pendanaan politik (Seksyen 4 di bawah takrif orang asing 'foreigner' dan prinsipal asing 'foreign principal'). Dalam konteks sumbangan politik, larangan menerima sumbangan daripada penderma yang tidak dibenarkan beroperasi sebagai penghalang utama terhadap sumbangan asing, dan akta ini turut menjadikan suatu jenayah bagi perbuatan mengatur atau melakukan tindakan yang memudahkan sumbangan tidak sah melalui penyamaran serta penerimaan sumbangan daripada penderma tidak dibenarkan apabila penerima mengetahui atau sepatutnya mengetahui status penderma tersebut (Seksyen 56, Seksyen 75(1), Seksyen 75(5)). Bagi pihak yang ditetapkan di bawah Bahagian 4, pihak berkuasa berwibawa boleh mengeluarkan arahan penderma dilarang yang menyenaraikan individu atau entiti asing tertentu dan mewajibkan pemulangan sumbangan dari sumber tersebut selepas tarikh yang

dinyatakan, sekali gus memperkenalkan kawalan yang lebih bersasar mengikut penilaian risiko campur tangan asing (Seksyen 67(1)(b), Seksyen 67(1)(c), Seksyen 67(2)).

4.7.6 Mekanisme Penerimaan Sumbangan

Di United Kingdom, sumbangan politik bagi parti berdaftar diterima melalui struktur dalaman parti yang meletakkan tanggungjawab utama pada bendahari berdaftar, iaitu individu yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya United Kingdom bagi memastikan pematuhan peraturan sumbangan dan pinjaman serta kewujudan sistem dalaman yang sesuai untuk mengurus penerimaan sumbangan secara betul, termasuk bagi unit perakaunan parti yang kewangannya tidak diurus terus oleh ibu pejabat parti. Dalam mekanisme penerimaan ini, parti berdaftar dilarang menerima dan menerimapakai sumbangan jika penderma bukan penderma yang dibenarkan pada masa sumbangan diterima atau jika identiti penderma tidak dapat dipastikan, sama ada kerana sumbangan diberi tanpa nama, atau akibat penipuan, penyembunyian, atau apa apa keadaan yang menyebabkan identiti penderma tidak dapat dikenal pasti (Seksyen 54(1)(a) dan Seksyen 54(1)(b)). Seterusnya, untuk membolehkan sumbangan diproses sebagai sumbangan yang sah, kategori penderma yang dibenarkan ditentukan secara tertutup melalui senarai penderma dibenarkan, termasuk individu yang berdaftar dalam daftar pemilih, syarikat yang diperbadankan di United Kingdom dan menjalankan perniagaan di United Kingdom, parti berdaftar, kesatuan sekerja, dan persatuan tidak diperbadankan yang menjalankan perniagaan atau aktiviti terutamanya di United Kingdom serta mempunyai pejabat utama di sana (Seksyen 54(2)(a) hingga Seksyen 54(2)(h)), yang secara praktikalnya mengikat penerimaan sumbangan kepada sumber domestik yang boleh disahkan. Di samping itu, undang undang menutup ruang penerimaan melalui proksi atau orang tengah kerana apabila seseorang menyebabkan satu jumlah sumbangan diterima bagi pihak beberapa orang, setiap sumbangan individu yang melebihi ambang yang

ditetapkan perlu dianggap sebagai sumbangan berasingan, dan penderma utama atau ejen wajib memastikan butiran penderma sebenar serta butiran sumbangan diserahkan kepada parti pada masa sumbangan diterima, manakala kegagalan mematuhi kewajipan pendedahan butiran ini merupakan suatu kesalahan (Seksyen 54(4), Seksyen 54(5), Seksyen 54(6) dan Seksyen 54(7)). Bagi aspek cara menerima dan meluluskan penerimaan, amalan kawal selia menekankan bahawa sebelum menerima sumbangan bernilai melebihi lima ratus paun, bendahari hendaklah mengambil langkah munasabah untuk mengetahui identiti sebenar penderma dan mengesahkan bahawa sumbangan itu datang daripada sumber yang dibenarkan, dan jika selepas penerimaan awal didapati sumbangan itu tidak dibenarkan atau tidak dapat dikenal pasti, sumbangan tersebut mesti dipulangkan dalam tempoh tiga puluh hari sama ada kepada penderma jika dikenal pasti, atau kepada pihak yang memindahkan sumbangan atau institusi kewangan yang digunakan, dan jika tiada mana mana pihak dapat dikenal pasti, amaun setara hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya United Kingdom untuk dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan (Seksyen 56(2)(a), Seksyen 56(2), Seksyen 57(1)(a), Seksyen 57(1)(b), Seksyen 57(1)(c) dan Seksyen 57(3)).

4.7.7 Mekanisme Pelaporan

Mekanisme pelaporan digerakkan melalui kewajipan mendedahkan sumbangan politik yang boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa berwibawa dalam bentuk laporan sumbangan yang ditetapkan, yang mesti mengandungi butiran sumbangan dan butiran penderma, ditandatangani oleh pihak yang bertanggungjawab, serta disertakan pengisytiharan yang menegaskan pematuhan sumber penderma, pemindahan wang tunai ke dana sumbangan politik, dan ketiadaan sumbangan lain yang sepatutnya dilaporkan mengikut keadaan (Seksyen 62(1) dan Seksyen 62(2)(a) hingga Seksyen 62(2)(e), Seksyen 64(a) hingga Seksyen 64(g), Seksyen 65(3)(a) hingga Seksyen 65(3)(c)). Garis masa

pelaporan dibezakan mengikut fasa pilihan raya dan pelaporan tahunan, termasuk kewajipan pelaporan sebelum hari penamaan calon bagi tempoh pra pilihan raya, kewajipan pelaporan selepas keputusan pilihan raya diterbitkan bagi tempoh pasca pilihan raya, serta tarikh akhir pelaporan tahunan pada akhir Januari, dan bagi calon, pematuhan pelaporan pra pilihan raya membolehkan pengeluaran sijil sumbangan politik sebagai bukti pematuhan yang mempunyai kesan konklusif dari segi fakta yang diperakui (Seksyen 63(1)(a) hingga Seksyen 63(1)(d), Seksyen 63(3) dan Seksyen 63(4)). Selain pelaporan oleh penerima, akta ini mewujudkan pelaporan oleh penderma besar melalui laporan penderma besar apabila jumlah terkumpul mencapai nilai ambang, termasuk kewajipan pengisytiharan penderma dan kesalahan jika laporan tidak mematuhi kehendak atau pengisytiharan palsu dibuat (Seksyen 70(1), Seksyen 70(2)(a) hingga Seksyen 70(2)(e), Seksyen 70(5)).

4.7.8 Pendedahan Laporan Kepada Umum

Walaupun akta ini menumpukan pelaporan kepada pihak berkuasa berwibawa, terdapat peruntukan yang mewajibkan hebahan kepada umum bagi tindakan kawal selia tertentu melalui notis awam mengenai arahan, penetapan dan direktif yang diberikan kepada mana mana orang, yang mesti diterbitkan pada laman sesawang rasmi pihak berkuasa berwibawa dan melalui kaedah lain yang memastikan publisiti yang mencukupi (Seksyen 116(a) dan Seksyen 116(b)). Pendedahan kepada umum juga dizahirkan melalui mekanisme arahan ketelusan bagi bahan politik yang mempunyai pautan asing, yang boleh menghendaki pendedahan dimasukkan atau dipautkan secara jelas pada bahan tersebut termasuk identiti penulis dan kewarganegaraan, identiti prinsipal asing yang mengarahkan penempatan bahan, kenyataan bahawa bahan itu mempunyai pautan asing, serta kenyataan bahawa pendedahan dibuat di bawah akta ini (Seksyen 81(2), Seksyen 81(3)(a) hingga Seksyen 81(3)(d), Seksyen 82(a) dan Seksyen 82(b)). Dalam konteks pematuhan arahan komunikasi dalam talian, akta

ini juga membenarkan penerbitan kenyataan mengenai ketidakpatuhan penyedia perkhidmatan terhadap arahan tertentu pada laman rasmi pihak berkuasa berwibawa, yang berfungsi sebagai mekanisme ketelusan dan tekanan pematuhan kepada pihak berkaitan (Seksyen 44(1) dan Seksyen 44(2)).

4.7.9 Kesalahan Di Bawah Akta

Akta ini memperuntukkan pelbagai kesalahan yang menyokong keseluruhan rejim kawal selia, termasuk kesalahan berkaitan penerimaan sumbangan yang dilarang apabila kegagalan memulangkan dalam tempoh bertenang berlaku dan penerima mengetahui atau bersikap melulu terhadap larangan tersebut, di samping kesalahan bagi penerimaan sumbangan daripada penderma tidak dibenarkan apabila penerima mengetahui atau sepatutnya mengetahui status penderma, yang menunjukkan pendekatan liabiliti berasaskan pengetahuan dan kecuaian munasabah mengikut keadaan (Seksyen 60(4)(d) hingga Seksyen 60(4)(f), Seksyen 75(5)). Dari segi pematuhan sistem, terdapat kesalahan jika dana sumbangan politik tidak diwujudkan atau jika wang sumbangan tidak dimasukkan ke dalam akaun dana tersebut tanpa alasan munasabah, serta kesalahan bagi kelewatan laporan sumbangan, laporan yang tidak lengkap, pengisytiharan palsu atau mengelirukan, dan juga pengaturan untuk mengelak larangan sumbangan melalui penyamaran atau penyembunyian identiti dan amaun (Seksyen 66(6) dan Seksyen 66(7), Seksyen 73(1) dan Seksyen 73(2), Seksyen 74(1) dan Seksyen 74(2), Seksyen 75(1) dan Seksyen 75(2)). Bagi penderma besar dan penderma yang bertindak melalui pihak lain, kesalahan turut wujud apabila laporan penderma besar tidak dihantar, tidak mematuhi kehendak bentuk dan kandungan, atau pengisytiharan palsu dibuat, serta apabila pihak yang menyebabkan sumbangan diterima gagal menyerahkan butiran penderma sebenar seperti yang diwajibkan, yang secara langsung menyasarkan taktik proksi dan penyaluran tidak telus (Seksyen 70(5)(a) hingga Seksyen 70(5)(c), Seksyen 72(4)). Selain itu, kesalahan juga boleh timbul apabila mana mana orang gagal mematuhi direktif yang dikeluarkan di bawah

Bahagian 5 atau Bahagian 6 termasuk direktif penderma dilarang, direktif sumbangan tanpa nama, direktif dana sumbangan politik, dan direktif ketelusan, yang memastikan arahan kawal selia berlapis mempunyai kuasa paksaan yang nyata (Seksyen 91(1) dan Seksyen 91(2)(a) hingga Seksyen 91(2)(f)).

4.8 UNITED KINGDOM

4.8.1 Keperluan Undang-Undang

Pada pertengahan tahun 1990-an, wujud kebimbangan yang meluas tentang kerahsiaan pembiayaan yang diterima oleh parti-parti politik di United Kingdom. Secara khusus, terdapat banyak kebimbangan berhubung sumbangan daripada sumber asing, sumbangan secara rahsia apabila parti tidak diwajibkan mengisytiharkan siapa yang memberi berapa jumlah wang dan bila ia diberikan, serta ketiadaan had perbelanjaan kempen peringkat kebangsaan bagi pilihan raya utama. Selain itu, ketika itu juga tidak wujud pengawasan bebas terhadap tatakelakuan parti-parti politik. Kebimbangan ini semakin memuncak akibat laporan bahawa penaja korporat mempengaruhi perbahasan Parlimen, seperti skandal "cash for questions" pada tahun 1994 dan skandal pengecualian iklan tembakau bagi acara Formula 1 milik Bernie Ecclestone selepas beliau menyumbangkan £1 juta kepada Parti Buruh.[275]

[275] Draca, M., Green, C., & Homroy, S. (2023). Financing UK democracy: a stocktake of 20 years of political donations disclosure. *Fiscal Studies*, *44*(4), 433-449.

Akta PPERA 2000 (Political Parties, Elections and Referendums Act 2000, PPERA) merupakan tindak balas langsung terhadap kebimbangan tersebut.[8] Antara sumbangan utamanya, akta ini memperkenalkan ketelusan dalam sumbangan politik, mengehadkan jumlah perbelanjaan yang boleh dibuat oleh parti politik dan pihak lain dalam pilihan raya kebangsaan, melarang sumbangan asing, serta menubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya United Kingdom (Electoral Commission) bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan ini. Selepas PPERA, semua wang tunai, barangan atau perkhidmatan yang diberikan kepada parti politik tanpa bayaran atau pada terma bukan komersial, dengan nilai melebihi £500, dianggap sebagai sumbangan dan mesti direkodkan serta dilaporkan oleh parti-parti politik. Sumbangan ini boleh mengambil pelbagai bentuk, termasuk hadiah wang atau harta lain, penajaan acara atau penerbitan politik, bayaran langganan atau bayaran afiliasi, serta penggunaan ruang pejabat secara percuma atau pada kadar yang sangat diskaun.[276]

Di United Kingdom, rangka kawal selia pendanaan politik melalui *Political Parties, Elections and Referendums Act 2000* meletakkan asas perundangan yang jelas melalui penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya (*Electoral Commission*) sebagai suatu badan berkanun, iaitu sebuah badan korporat yang ditubuhkan khusus bagi melaksanakan fungsi kawal selia di bawah akta ini (seksyen 1(1)). Keperluan undang-undang ini diperkukuh melalui mekanisme penyeliaan institusi Parlimen, termasuk penubuhan Jawatankuasa Yang Dipertua Dewan (*Speaker's Committee*) yang berperanan dalam kerangka tadbir urus Suruhanjaya (seksyen 2(1)), serta penubuhan Panel Parti-parti Parlimen (*Parliamentary Parties Panel*) yang menginstitusikan saluran pandangan parti-parti berdaftar dalam perkara berkaitan kerja Suruhanjaya (seksyen 4(1)).

[276] iBID

Selain itu, undang-undang turut memperuntukkan keperluan hala tuju dasar yang memandu Suruhanjaya melalui suatu penyataan strategi dan dasar yang boleh ditetapkan oleh Setiausaha Negara (*Secretary of State*) bagi memperincikan keutamaan dan pendekatan pelaksanaan fungsi Suruhanjaya (seksyen 4A(1) hingga 4A(3)), dan Suruhanjaya diwajibkan mengambil kira penyataan tersebut serta melaporkan pelaksanaannya kepada Jawatankuasa Yang Dipertua Dewan (seksyen 4B(2) dan 4B(4) hingga 4B(8)). Keseluruhan binaan ini menunjukkan bahawa keperluan undang-undang bukan sahaja menetapkan laras kawal selia, tetapi juga mewujudkan rantaian pertanggungjawaban institusi yang mengikat Suruhanjaya kepada standard demokrasi dan tadbir urus awam.

4.8.2 Rangkuman Pemakaian Undang-Undang

Pemakaian akta ini merangkumi ekosistem pendanaan dan perbelanjaan politik yang luas, bukan terhad kepada parti politik semata-mata, tetapi juga meliputi kempen pilihan raya, kempen pihak ketiga, serta penyertaan dalam referendum melalui struktur pelaporan dan pematuhan yang berbeza mengikut kategori subjek kawal selia. Ini dapat dilihat apabila undang-undang memperakukan had perbelanjaan kempen parti berdaftar dalam pilihan raya umum Parlimen yang ditentukan berdasarkan bilangan kawasan yang ditandingi serta kadar gandaan mengikut bahagian-bahagian United Kingdom, dan turut menetapkan jumlah minimum had yang berbeza bagi England, Scotland dan Wales (Jadual 9 perenggan 3(1) hingga 3(4)).

Pada masa yang sama, akta ini mengiktiraf kewujudan kategori aktor lain seperti pihak ketiga yang diiktiraf (*recognised third party*) dan peserta dibenarkan dalam referendum (*permitted participant),* termasuk melalui konsep sumbangan politik yang mencakupi derma, pinjaman, atau pelepasan liabiliti kepada pelbagai penerima kawal selia tersebut (Jadual 19A perenggan 1(2)(a) hingga 1(2)(f)). Dari sudut pembangunan dasar parti, undang-undang juga menyediakan skim geran pembangunan dasar bagi parti berdaftar yang diwakili, iaitu parti yang mempunyai

sekurang-kurangnya dua Ahli Dewan Rakyat United Kingdom (*House of Commons*) yang memenuhi syarat tertentu (seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b)). Rangkuman pemakaian yang berlapis ini menunjukkan akta bertujuan mengawal aliran dana dan perbelanjaan politik merentas bentuk penyertaan politik yang berbeza, sambil mengekalkan mekanisme pelaporan serta had perbelanjaan mengikut konteks pilihan raya atau referendum.

4.8.3 Pengwujudan Badan Kawal Selia Dana Politik

Akta ini mewujudkan Suruhanjaya Pilihan Raya (*Electoral Commission*) sebagai teras kawal selia yang mempunyai identiti perundangan tersendiri sebagai badan korporat (seksyen 1(1)), dan peranan pengawasan Suruhanjaya diterjemahkan melalui kuasa serta tugas yang berhubung terus dengan integriti kewangan parti dan ketelusan pematuhan. Contohnya, dalam konteks akaun parti, Suruhanjaya boleh mengarahkan audit walaupun parti tidak melepasi ambang tertentu jika Suruhanjaya menganggap audit itu wajar, dan jika audit tidak dibuat, Suruhanjaya boleh melantik juruaudit yang layak serta menuntut kos audit sebagai hutang yang perlu dibayar oleh parti (seksyen 43(2), 43(4) dan 43(5)).

Dari segi penyerahan dokumen kewangan, bendahari parti berdaftar diwajibkan menghantar penyata akaun dan dokumen berkaitan kepada Suruhanjaya dalam tempoh yang ditetapkan, dan Suruhanjaya mempunyai budi bicara untuk melanjutkan tempoh penyerahan atas sebab khas (seksyen 45(1) hingga 45(3)). Lebih penting, apabila menerima penyata akaun, Suruhanjaya diwajibkan menyediakan salinan untuk pemeriksaan umum, sekali gus meletakkan Suruhanjaya sebagai penjaga akses awam kepada maklumat kewangan parti (seksyen 46(a) dan 46(b)). Reka bentuk ini memperlihatkan badan kawal selia bukan sekadar pentadbir, tetapi institusi yang diberi kuasa, fungsi audit, kuasa pengurusan pematuhan, dan kewajipan menyediakan ketelusan kepada masyarakat.

4.8.4 Keperluan Lembaga Penasihat

Walaupun akta ini tidak menggunakan label lembaga penasihat sebagai satu istilah tunggal, ia membina struktur semak imbang melalui dua saluran institusi yang berfungsi sebagai mekanisme nasihat, pengawasan dan keterlibatan pihak berkepentingan dalam pentadbiran Suruhanjaya.

Pertama, Jawatankuasa Yang Dipertua Dewan (*Speaker's Committee*) diwujudkan secara jelas oleh undang-undang (seksyen 2(1)), dan akta turut mewajibkan Suruhanjaya menyerahkan salinan laporan tahunan mengenai pelaksanaan penyataan strategi dan dasar kepada jawatankuasa ini, yang secara praktiknya meletakkan jawatankuasa tersebut sebagai saluran pertanggungjawaban Parlimen terhadap tindakan Suruhanjaya (seksyen 4B(8)).

Kedua, Panel Parti-parti Parlimen (*Parliamentary Parties Panel*) ditubuhkan bagi menginstitusikan peranan parti-parti dalam ekosistem tadbir urus Suruhanjaya, iaitu sebagai platform formal yang menghubungkan Suruhanjaya dengan pihak yang tertakluk kepada kawal selia dan paling terkesan oleh perubahan peraturan (seksyen 4(1)). Di samping itu, kewujudan penyataan strategi dan dasar yang ditetapkan oleh Setiausaha Negara mewujudkan satu lagi lapisan panduan dasar yang perlu diambil kira oleh Suruhanjaya, dan Suruhanjaya perlu melaporkan tindakan susulan terhadap penyataan tersebut (seksyen 4B(2) dan 4B(4)). Maka, keperluan badan penasihat dalam konteks ini hadir melalui struktur jawatankuasa dan panel yang menstabilkan hubungan antara Suruhanjaya, Parlimen dan parti politik.

4.8.5 Pendanaan Politik

Akta ini mengawal pendanaan politik melalui gabungan definisi, sekatan penerimaan sumbangan, kewajipan pelaporan, serta mekanisme ketelusan

awam yang saling melengkapi, dengan matlamat utama memastikan sumber dana boleh dikenal pasti dan dipertanggungjawabkan. Keperluan bahawa sumbangan yang diterima mestilah daripada penderma dibenarkan dizahirkan melalui kewajipan deklarasi dalam laporan derma, yang menyatakan bahawa derma yang diterima adalah daripada penderma dibenarkan, sekali gus mengikat penerima kepada standard semakan sumber dana (Jadual 7 perenggan 13(2)). Dalam masa yang sama, konsep sumbangan politik juga melangkaui derma biasa kerana ia turut merangkumi transaksi lain seperti pinjaman dan pelepasan liabiliti dalam kerangka peraturan yang berbeza untuk parti, penerima kawal selia, pihak ketiga, dan peserta referendum (Jadual 19A perenggan 1(2)(a) hingga 1(2)(f)).

Mekanisme rekod dan pelaporan pula disusun berdasarkan konsep derma yang perlu direkod, termasuk keadaan apabila derma bukan sahaja diterima, tetapi juga apabila ia telah ditangani menurut mekanisme pengurusan derma yang tidak boleh diterima, yang menunjukkan bahawa tindakan menolak atau memulangkan derma tetap berada dalam radar pelaporan (seksyen 62A(2)(a) dan 62A(2)(b)).

Dari segi ketelusan, akta juga menggabungkan kawalan perbelanjaan kempen supaya pendanaan dan perbelanjaan bergerak seiring dalam satu rangka integriti pilihan raya, termasuk had perbelanjaan yang dikira mengikut bilangan kawasan yang ditandingi dan had minimum mengikut bahagian negara (Jadual 9 perenggan 3(2) hingga 3(4)). Keseluruhannya, pendanaan politik di bawah akta ini tidak dibiarkan sebagai urusan dalaman parti semata-mata, sebaliknya dijadikan suatu sistem yang berpaksikan pengenalpastian sumber dana, pelaporan berstruktur, dan kawalan perbelanjaan sebagai penahan risiko ketidaktelusan.

4.8.5.1 Kawal Selia terhadap Sumber Pembiayaan Calon dan Parti

Selepas PPERA, semua wang tunai, barangan atau perkhidmatan yang diberikan kepada parti politik tanpa bayaran atau pada terma bukan komersial, dengan nilai melebihi £500, dianggap sebagai sumbangan dan mesti direkodkan serta dilaporkan oleh parti-parti politik. Sumbangan ini boleh mengambil pelbagai bentuk, termasuk hadiah wang atau harta lain, penajaan acara atau penerbitan politik, bayaran langganan atau bayaran afiliasi, serta penggunaan ruang pejabat secara percuma atau pada kadar diskaun yang sangat besar. Selain itu, sumbangan tersebut kini hanya boleh diterima daripada penderma yang dibenarkan. Ini termasuk syarikat yang berdaftar di United Kingdom dan Perkongsian Liabiliti Terhad yang berdaftar di United Kingdom, kesatuan sekerja yang berdaftar di United Kingdom, persatuan pembinaan yang berdaftar di United Kingdom, persatuan kebajikan bersama yang berdaftar di United Kingdom, serta persatuan tidak diperbadankan yang menjalankan perniagaan atau aktiviti lain di United Kingdom. Walau bagaimanapun, perlu diperhatikan bahawa sumbangan tidak diwajibkan dibuat daripada keuntungan yang dijana melalui operasi di United Kingdom.[277]

Kawal selia sumber pembiayaan dalam akta ini dibina atas prinsip bahawa dana politik perlu datang daripada kategori penderma yang dibenarkan dan perlu boleh dijejaki melalui rekod serta deklarasi. Parti politik berdaftar dilarang menerima sumbangan jika pada masa sumbangan diterima, penderma itu bukan penderma yang dibenarkan, atau jika parti tidak dapat mengenal pasti siapa penderma sebenar sama ada kerana sumbangan diberi tanpa nama, atau kerana penipuan, penyembunyian, atau apa apa sebab lain (Seksyen 54(1)(a) dan Seksyen 54(1)(b)). Selepas itu, akta menyenaraikan secara khusus siapa yang dikira sebagai penderma yang dibenarkan, iaitu individu yang berdaftar dalam daftar pemilih, syarikat yang diperbadankan di United Kingdom dan menjalankan perniagaan di

[277] Draca, M., Green, C., & Homroy, S. (2023). Financing UK democracy: a stocktake of 20 years of political donations disclosure. *Fiscal Studies*, *44*(4), 433-449.

United Kingdom, parti berdaftar, kesatuan sekerja yang tersenarai, badan tertentu seperti koperasi kewangan, perkongsian liabiliti terhad yang berdaftar dan menjalankan perniagaan di United Kingdom, pertubuhan tertentu seperti persatuan sah, dan juga persatuan tidak diperbadankan yang menjalankan aktiviti sepenuhnya atau terutamanya di United Kingdom serta mempunyai pejabat utama di sana (Seksyen 54(2)(a) hingga Seksyen 54(2)(h)). Maksud praktikalnya, undang undang mengikat penerimaan dana politik kepada sumber yang mempunyai pertalian domestik dan boleh disahkan, dan tidak membenarkan dana yang identitinya kabur atau datang daripada pihak yang tidak berada dalam kategori yang dibenarkan.

Di peringkat penerima, ketetapan pematuhan sumber dana diperkukuh melalui keperluan deklarasi bahawa derma yang direkod sebagai diterima adalah daripada penderma dibenarkan, dan deklarasi ini menjadi elemen penguatkuasaan kerana pembohongan atau kecuaian dalam deklarasi boleh menimbulkan liabiliti jenayah (Jadual 7 perenggan 13(2) dan 13(4)) . Selain itu, struktur pelaporan yang mengiktiraf derma yang diterima atau yang ditangani menurut mekanisme penolakan menunjukkan bahawa kawal selia sumber dana bukan hanya selepas penerimaan, tetapi juga ketika proses saringan dan keputusan sama ada menerima atau memulangkan derma (seksyen 62A(2)(b)). Dengan itu, kawalan sumber pembiayaan calon dan parti beroperasi melalui gabungan kategori penderma yang dirujuk oleh undang-undang, kewajipan deklarasi yang mengesahkan kepatuhan, serta mekanisme pelaporan yang menangkap kedua-dua peristiwa penerimaan dan pengurusan derma yang tidak patut diterima.

4.8.5.2 Perbelanjaan Politik

United Kingdom merupakan salah satu daripada hanya enam buah negara yang menetapkan had perbelanjaan bagi parti politik tetapi tidak menetapkan had sumbangan. Sebuah parti di peringkat kebangsaan dibenarkan berbelanja sebanyak £30,000 bagi setiap kawasan pilihan raya yang ditandingi. Selain itu, seorang calon individu boleh berbelanja kira-kira £10,000 hingga £16,000 dalam tempoh 25 hari sebelum pilihan raya, bergantung pada saiz kawasan pilihan raya tersebut. Sehubungan itu, sesetengah parti amat bergantung kepada sejumlah kecil penyumbang kewangan besar.[278] Pada masa yang sama, individu atau kumpulan yang bertujuan untuk mempromosikan atau menentang calon pilihan raya juga tertakluk kepada kawalan dan sekatan terhadap aktiviti kempen yang boleh mereka jalankan. Mereka boleh menanggung perbelanjaan, yang dirujuk sebagai perbelanjaan terkawal, untuk menganjurkan perhimpunan awam atau dengan mengeluarkan iklan, edaran (circular), atau penerbitan. Mereka dibenarkan berbelanja sehingga £500 bagi setiap kawasan pilihan raya dalam sesuatu pilihan raya umum.[279]

Perbelanjaan pilihan raya kebangsaan oleh pihak ketiga pula berbeza dengan ketara. Pihak ketiga boleh memohon untuk diiktiraf oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Setelah menjadi pihak ketiga yang diiktiraf, had maksimum perbelanjaan terkawal bagi mempromosikan satu parti atau memperlekehkan parti yang lain meningkat kepada maksimum £793,100 di England, £108,000 di Scotland, £60,000 di Wales dan £27,000 di Ireland Utara dalam tempoh setahun sebelum pilihan raya. Jika tiada notis diberikan, had perbelanjaan yang dibenarkan akan dikurangkan kepada £10,000 di England dan £5,000 di Scotland, Wales dan Ireland Utara. Pihak ketiga yang diiktiraf mesti mengemukakan penyata yang menyatakan pilihan raya

[278] Draca, M., Green, C., & Homroy, S. (2023). Financing UK democracy: a stocktake of 20 years of political donations disclosure. *Fiscal Studies*, *44*(4), 433-449.
[279] Ibid

berkenaan serta semua perbelanjaan terkawal yang ditanggung dalam tempoh tersebut.[280]

Perbelanjaan politik dikawal melalui had perbelanjaan kempen yang ditentukan secara kuantitatif dan dikaitkan dengan keluasan penyertaan pilihan raya, supaya pertandingan politik tidak didominasi oleh kelebihan kewangan semata-mata. Bagi pilihan raya umum Parlimen, had perbelanjaan kempen parti berdaftar ditetapkan berdasarkan gandaan jumlah tertentu dengan bilangan kawasan yang ditandingi dalam setiap bahagian United Kingdom, dan pada masa yang sama menetapkan jumlah minimum had yang terpakai walaupun bilangan kawasan yang ditandingi kecil, seperti had minimum khusus untuk England, Scotland dan Wales (Jadual 9 perenggan 3(2) dan 3(3)). Di samping itu, undang-undang juga menyediakan kaedah pembahagian had apabila calon bertanding atas nama lebih daripada satu parti berdaftar, yang mengekang strategi gabungan daripada menggandakan had secara tidak seimbang (Jadual 9 perenggan 3(5) dan 3(6)). Mekanisme ini menunjukkan bahawa perbelanjaan politik tidak diukur secara abstrak, sebaliknya disandarkan kepada indikator penyertaan pilihan raya dan direka bagi mengekalkan keadilan persaingan melalui formula had yang jelas dan boleh diaudit.

4.8.5.3 Peruntukan Dana Awam (Public Funding)

Akta ini mengiktiraf peranan dana awam secara terhad melalui skim geran pembangunan dasar yang bertujuan membantu parti berdaftar yang diwakili membangunkan polisi untuk dimasukkan ke dalam manifesto pilihan raya. Takrif geran pembangunan dasar dan syarat parti diwakili ditetapkan dengan jelas, termasuk keperluan bahawa parti mempunyai sekurang-kurangnya dua Ahli

[280] Ibid

Dewan Rakyat United Kingdom (House of Commons) yang memenuhi syarat sumpah dan kelayakan mengundi di dewan tersebut (seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b)). Dari segi reka bentuk tadbir urus, Suruhanjaya perlu mengemukakan syor kepada Setiausaha Negara tentang terma skim, dan Setiausaha Negara menggubal perintah yang menetapkan skim tersebut, termasuk penentuan parti layak serta kaedah agihan dana antara parti (seksyen 12(2) hingga 12(4)).

Yang penting, terdapat had keseluruhan jumlah geran yang boleh dibuat dalam satu tahun kewangan, iaitu tidak melebihi dua juta paun, dan jumlah ini boleh diubah melalui perintah dengan persetujuan Perbendaharaan (*Treasury*) (seksyen 12(8) dan 12(9)). Ini menunjukkan dana awam diiktiraf bukan untuk membiayai kempen secara langsung, tetapi untuk fungsi pembangunan dasar yang ditetapkan dan dihadkan melalui kawalan jumlah serta mekanisme perintah eksekutif yang dipandu syor Suruhanjaya.

Dalam analisis terbaharu, iaitu **Power (2025)**, pendanaan politik dengan peruntukan dana awam/dana kerajaan diulas seperti berikut:[281]

1. Di United Kingdom, pembiayaan negara terhadap parti politik wujud dalam dua bentuk, iaitu pembiayaan langsung dan pembiayaan tidak langsung, namun pada kadar yang lebih rendah berbanding kebanyakan negara Eropah lain. Dalam konteks Eropah, United Kingdom dianggap agak luar biasa kerana parti politik di negara itu masih banyak bergantung pada sumber kewangan lain yang bersifat sukarela berbanding subsidi negara. Bentuk utama pembiayaan langsung ialah Short Money dan Cranborne Money. Short Money diberikan kepada parti pembangkang di Dewan Rakyat bagi membantu mereka menjalankan

[281] Power, S. (2025, December 17). *Political financing: Donations, loans and state funding* (Commons Library Research Briefing CBP-10441). House of Commons Library. https://researchbriefings.files.parliament.uk/documents/CBP-10441/CBP-10441.pdf#page=19&zoom=100,228,90

urusan Parlimen, manakala Cranborne Money ialah skim seumpamanya di Dewan Pertuanan. Short Money diberikan berdasarkan kriteria tertentu seperti bilangan kerusi atau jumlah undi yang diperoleh dalam pilihan raya umum terdahulu, dan peruntukannya meliputi perbelanjaan umum parti pembangkang, kos perjalanan, serta kos pejabat Ketua Pembangkang. Cranborne Money pula hanya diberikan kepada dua parti pembangkang terbesar di Dewan Pertuanan serta kumpulan crossbench.

2. Selain itu, terdapat juga Skim Geran Pembangunan Dasar yang bertujuan membantu parti politik menggubal dan membangunkan dasar untuk dimasukkan ke dalam manifesto mereka. Untuk layak menerima geran ini, sesuatu parti mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya dan mempunyai sekurang-kurangnya dua Ahli Parlimen yang sedang berkhidmat, mengundi, dan telah mengangkat sumpah taat setia. Jumlah keseluruhan geran ini ialah £2 juta setahun. Separuh daripada jumlah tersebut diagihkan sama rata antara parti yang layak, manakala separuh lagi dibahagikan mengikut negara dalam United Kingdom berdasarkan saiz pengundi, sebelum diagihkan kepada parti yang bertanding di sekurang-kurangnya separuh kawasan pilihan raya di bahagian berkenaan. Melalui skim ini, pembiayaan negara bukan sahaja menyokong fungsi Parlimen parti, malah turut membantu pembangunan dasar yang lebih tersusun dan berasaskan persaingan politik yang lebih programatik.

3. Pembiayaan tidak langsung pula diberikan terutamanya melalui dua saluran, iaitu masa siaran percuma di televisyen semasa pilihan raya dan perkhidmatan pos percuma untuk bahan kempen pilihan raya. Di United Kingdom, iklan politik berbayar di televisyen dan radio adalah dilarang bagi mengelakkan parti yang mempunyai sumber kewangan lebih besar memperoleh kelebihan yang tidak seimbang. Sebagai ganti,

parti diberi peluang untuk menyiarkan siaran politik pilihan raya mengikut peraturan yang ditetapkan, termasuk berdasarkan status parti utama, keluasan penyertaan dalam pilihan raya, dan tahap sokongan pilihan raya terdahulu atau semasa. Di samping itu, calon pilihan raya juga berhak menggunakan satu penghantaran pos percuma bagi mengedarkan kenyataan pilihan raya kepada pengundi di kawasan masing-masing. Walaupun calon perlu menanggung kos reka bentuk, percetakan, dan penyediaan bahan tersebut, penghantarannya dilaksanakan oleh Royal Mail tanpa caj pos biasa.

Secara keseluruhannya, sistem pembiayaan negara di United Kingdom menunjukkan pendekatan yang terhad tetapi tersusun, dengan tujuan menyokong persaingan demokrasi tanpa menjadikan parti politik terlalu bergantung pada dana awam.

4.8.5.4 Pendanaan Swasta (Private Funding)

Pendanaan swasta terus menjadi sumber utama yang diiktiraf dalam kerangka akta ini, namun ia tidak dibiarkan tanpa pengawasan kerana penerimaan dana swasta diikat kepada kewajipan saringan sumber penderma, rekod, dan deklarasi pematuhan. Prinsip ini nyata apabila deklarasi laporan derma menegaskan bahawa derma yang diterima adalah daripada penderma dibenarkan, yang secara langsung meletakkan kewajipan undang-undang kepada pihak bertanggungjawab untuk memastikan derma swasta tidak melanggar kategori penderma yang dibenarkan (Jadual 7 perenggan 13(2)). Selain itu, konsep pelaporan dan rekod di bawah seksyen pelaporan derma turut merangkumi keadaan derma ditangani mengikut mekanisme pemulangan atau pengurusan derma yang tidak boleh diterima, yang memperlihatkan bahawa walaupun dana itu tidak kekal sebagai dana parti, proses pengurusan dana swasta tersebut tetap tertakluk kepada disiplin pematuhan dan rekod (seksyen 62A(2)(b)). Oleh itu, pendanaan swasta di

bawah akta ini bukan sekadar soal menerima dana, tetapi melibatkan rangka semakan sumber dana, dokumentasi, dan pertanggungjawaban melalui deklarasi yang mempunyai implikasi jenayah jika dipalsukan.

4.8.5.5 Pendanaan Tanpa Nama (Anonymous Donation)

Bagi pendanaan tanpa nama, akta ini menanganinya melalui mekanisme apabila penderma tidak dapat dikenal pasti, iaitu keadaan yang pada praktiknya meliputi derma tanpa nama atau derma yang identiti penderma tidak dapat ditentukan dengan munasabah. Undang-undang memperincikan langkah yang perlu diambil bagi tujuan seksyen penerimaan dan pengurusan derma, iaitu jika derma dihantar melalui orang lain dan identitinya jelas, derma perlu dipulangkan kepada orang tersebut, jika tidak tetapi jelas bahawa penderma menggunakan kemudahan institusi kewangan yang boleh dikenal pasti maka derma dipulangkan kepada institusi itu, dan dalam keadaan lain derma dihantar kepada Suruhanjaya (seksyen 57(1)(a) hingga 57(1)(c)). Undang-undang juga menjelaskan bahawa pemulangan atau penghantaran derma termasuk pemindahan jumlah setara, yang membolehkan pematuhan dibuat walaupun bentuk asal derma sukar dipulangkan (seksyen 57(2)). Mana-mana jumlah yang dihantar kepada Suruhanjaya hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan (Consolidated Fund), yang mengelakkan dana tanpa nama daripada kekal dalam ekosistem politik (seksyen 57(3)). Mekanisme ini menunjukkan undang-undang tidak hanya melarang secara prinsip, tetapi menyediakan prosedur operasional yang menutup ruang penggunaan dana tanpa nama dalam aktiviti politik.

4.8.5.6 Pendanaan Asing (Foreign Donation)

Pendanaan asing pada asasnya dikawal selia melalui konsep penderma dibenarkan yang berfungsi sebagai penapis sumber dana, kerana penerimaan derma diwajibkan disahkan sebagai datang daripada penderma dibenarkan

melalui deklarasi yang mengikat pihak bertanggungjawab (Jadual 7 perenggan 13). Tambahan pula, apabila penderma tidak dapat dikenal pasti atau proses pengesahan sumber dana tidak dapat dipenuhi, undang-undang menghendaki derma dipulangkan atau diserahkan kepada Suruhanjaya untuk dimasukkan ke Kumpulan Wang Disatukan, yang menjadi langkah pencegahan terhadap dana luar yang tidak dapat disahkan (seksyen 57(1)(c) dan 57(3)). Dengan itu, sekatan terhadap pendanaan asing beroperasi melalui gabungan prinsip penderma dibenarkan, kewajipan deklarasi, dan prosedur pemulangan atau pelucuthakan pentadbiran apabila sumber dana tidak memenuhi piawaian identifikasi dan kelayakan.

4.8.6 Mekanisme Penerimaan Sumbangan

Seksyen 56 menetapkan disiplin pematuhan apabila sesuatu parti berdaftar menerima sumbangan, iaitu jika sumbangan diterima dan parti tidak serta-merta memutuskan untuk menolaknya, parti mesti dengan segera mengambil semua langkah munasabah untuk mengesahkan atau menentukan identiti penderma, memastikan sama ada penderma ialah penderma yang dibenarkan, dan jika ya memperoleh butiran penderma yang perlu direkodkan mengikut keperluan pelaporan. Jika parti menerima sumbangan yang dilarang diterima di bawah Seksyen 54(1) atau parti memutuskan untuk menolak sumbangan atas apa-apa sebab lain, maka dalam tempoh 30 hari daripada tarikh sumbangan diterima parti wajib memulangkan sumbangan itu atau membayar jumlah yang setara kepada penderma atau pihak yang kelihatan bertindak bagi pihaknya, kecuali bagi keadaan di bawah Seksyen 54(1)(b) iaitu identiti penderma tidak dapat dipastikan, yang memerlukan parti mengambil langkah yang ditakrifkan sebagai langkah yang dikehendaki di bawah Seksyen 57(1). Kegagalan memulangkan sumbangan dalam keadaan pemulangan diwajibkan merupakan suatu kesalahan oleh parti dan bendaharinya, manakala kegagalan melaksanakan langkah yang dikehendaki

dalam keadaan penderma tidak dapat dipastikan merupakan kesalahan bendahari, namun wujud pembelaan jika dibuktikan semua langkah munasabah telah diambil untuk mengesahkan status penderma dan akibatnya bendahari mempercayai penderma ialah penderma yang dibenarkan. Seksyen ini juga mewujudkan andaian bahawa sumbangan dianggap telah diterima oleh parti melainkan dalam tempoh 30 hari itu parti sama ada memulangkan sumbangan atau melaksanakan langkah yang dikehendaki, serta mampu mengemukakan rekod penerimaan dan rekod tindakan pemulangan atau pelaksanaan langkah tersebut, dan bagi sumbangan yang dibuat melalui kemasukan wang ke akaun institusi kewangan milik parti, masa penerimaan dikira apabila parti dimaklumkan mengikut kebiasaan tentang kemasukan itu.

Perlu diperhatikan bahawa tiada had ditetapkan terhadap jumlah sumbangan yang boleh diterima oleh parti politik, asalkan parti melaporkan sumbangan melebihi £7,500, serta sumbangan dan pinjaman yang (secara terkumpul) berjumlah melebihi £7,500 daripada sumber yang sama dalam tahun kalendar yang sama. Di samping itu, semua sumbangan dan pinjaman yang berjumlah (atau secara terkumpul menjadi) melebihi £1,500 dan datang daripada satu sumber yang sama juga mesti didedahkan. Suruhanjaya Pilihan Raya mensyaratkan agar parti-parti politik mengemukakan laporan suku tahunan yang mengandungi maklumat tersebut.[282]

Mekanisme penerimaan sumbangan dalam akta ini menekankan kawalan pada titik masuk dana, iaitu sebelum sumbangan itu boleh menjadi dana yang sah untuk digunakan oleh parti atau aktor politik lain. Keperluan proses ini dapat dilihat melalui peruntukan yang mengaitkan kewajipan pelaporan bukan sahaja apabila derma diterima, tetapi juga apabila derma ditangani mengikut mekanisme

[282] Draca, M., Green, C., & Homroy, S. (2023). Financing UK democracy: a stocktake of 20 years of political donations disclosure. *Fiscal Studies*, *44*(4), 433-449.

pengurusan derma yang tidak boleh diterima, yang menunjukkan penerimaan bukan satu peristiwa tunggal tetapi suatu proses pentadbiran yang perlu direkod (seksyen 62A(2)(a) dan 62A(2)(b)). Sekiranya penderma tidak dapat dikenal pasti, undang-undang memperincikan langkah pemulangan melalui orang perantara atau institusi kewangan, dan jika tiada, derma mesti dihantar kepada Suruhanjaya untuk dimasukkan ke Kumpulan Wang Disatukan (seksyen 57(1)(a) hingga 57(1)(c) dan 57(3)). Mekanisme ini menutup ruang penerimaan derma yang tidak dapat diverifikasi, dan pada masa yang sama menjadikan Suruhanjaya sebagai penerima terakhir bagi dana yang tidak boleh disahkan, supaya dana tersebut tidak kembali ke saluran politik melalui jalan belakang.

4.8.7 Mekanisme Pelaporan

Bendahari parti politik bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan suku tahunan mengenai sumbangan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Kelewatan mengemukakan laporan akan dikenakan penalti seperti berikut: lewat sehingga tiga bulan, £500, lewat antara tiga hingga enam bulan, £1,000, lewat antara enam hingga 12 bulan, £2,000, dan lewat melebihi 12 bulan, £5,000.[283]

Mekanisme pelaporan derma dibina melalui konsep laporan derma mengikut tempoh pelaporan dan melalui keadaan tertentu yang memerlukan laporan lebih kerap ketika tempoh pilihan raya, selain kewajipan deklarasi yang melengkapkan laporan tersebut. Kewujudan kewajipan menyediakan laporan derma bagi parti berdaftar dapat disahkan melalui peruntukan pengecualian yang menyatakan bahawa bendahari tidak perlu menyediakan laporan derma selanjutnya selepas empat laporan berturut-turut yang tiada derma boleh direkod, dan kewajipan itu hanya hidup semula apabila wujud derma yang perlu direkod atau apabila derma

[283] Draca, M., Green, C., & Homroy, S. (2023). Financing UK democracy: a stocktake of 20 years of political donations disclosure. *Fiscal Studies*, *44*(4), 433-449.

ditangani mengikut mekanisme pengurusan derma yang tidak boleh diterima (seksyen 62A(1) hingga 62A(3) dan 62A(2)(b)). Di samping itu, undang-undang mengatur pelaporan berkala yang lebih intensif semasa tempoh pilihan raya melalui peruntukan pelaporan mingguan, dan deklarasi bagi laporan berkaitan perlu menyatakan bahawa tiada derma yang sepatutnya direkod tetapi tidak direkod, serta mewujudkan kesalahan jika deklarasi palsu dibuat secara sengaja atau cuai melulu (seksyen 66(4) dan 66(5)). Akta juga membenarkan peluasan pelaporan mingguan kepada pilihan raya lain melalui perintah Setiausaha Negara selepas perundingan dengan Suruhanjaya dan semua parti berdaftar, termasuk penerapan seksyen pelaporan dan deklarasi yang berkaitan (seksyen 67(1)(a) hingga 67(1)(c)). Ini menunjukkan pelaporan bukan sekadar rutin tahunan, tetapi suatu sistem dinamik yang menyesuaikan keperluan ketelusan mengikut risiko dan intensiti proses pilihan raya.

4.8.8 Pendedahan Laporan Kepada Umum

Pendedahan kepada umum diwujudkan melalui kewajipan Suruhanjaya menyediakan akses pemeriksaan awam terhadap dokumen kewangan yang diterima, yang memperkukuh prinsip ketelusan sebagai mekanisme pengawasan masyarakat. Bagi akaun parti, apabila Suruhanjaya menerima penyata akaun di bawah kewajipan penyerahan, Suruhanjaya perlu menyediakan salinan untuk pemeriksaan umum secepat yang munasabah dan mengekalkan ketersediaannya sepanjang tempoh simpanan dokumen atau tempoh lebih singkat yang ditetapkan Suruhanjaya (seksyen 46(a) dan 46(b)). Dalam konteks pulangan perbelanjaan terkawal oleh pihak ketiga, Suruhanjaya juga wajib menyediakan salinan pulangan dan dokumen iringan untuk pemeriksaan umum, tetapi pada masa yang sama melindungi maklumat tertentu apabila ia melibatkan penderma individu dengan memastikan alamat penderma tidak didedahkan dalam salinan yang dibuka kepada umum (seksyen 100(1)(a), 100(1)(b) dan 100(2)). Reka bentuk ini menunjukkan pendedahan awam diimbangi dengan perlindungan data tertentu,

namun masih mengekalkan fungsi semakan masyarakat terhadap kewangan politik sebagai elemen tadbir urus pilihan raya.

4.8.9 Kesalahan Di Bawah Akta

Akta ini menyokong pematuhan melalui rangka kesalahan dan penalti yang berkaitan secara langsung dengan kewajipan deklarasi, ketepatan laporan, serta penyediaan maklumat penderma, dan penalti tersebut menunjukkan bahawa undang-undang menganggap ketelusan kewangan sebagai perkara serius yang mempunyai implikasi jenayah. Contohnya, deklarasi dalam laporan derma wajib menyatakan derma yang diterima adalah daripada penderma dibenarkan, dan seseorang melakukan kesalahan jika dengan sengaja atau cuai melulu membuat deklarasi palsu (Jadual 7 perenggan 13(2) dan 13(4)). Bagi pelaporan parti dalam tempoh tertentu, undang-undang juga mengkriminalkan deklarasi palsu berkaitan laporan derma, yang menegaskan bahawa deklarasi merupakan instrumen penguatkuasaan dan bukan formaliti (seksyen 66(5)). Dari segi penalti, Jadual penalti memperuntukkan hukuman bagi kegagalan menyediakan maklumat penderma dalam konteks tertentu, termasuk hukuman sabitan ringkas yang boleh membawa denda maksimum statut atau pemenjaraan, dan bagi pendakwaan lebih serius boleh membawa denda atau pemenjaraan sehingga satu tahun, bergantung pada peruntukan yang dilanggar (Jadual 20, rujukan kepada perenggan 6(7) Jadual 11 dan perenggan 6(8) Jadual 15). Dengan itu, struktur kesalahan di bawah akta ini berperanan sebagai penahan risiko pemalsuan, pengelakan, dan ketidakpatuhan pelaporan yang boleh menjejaskan integriti sistem pendanaan politik.

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa meskipun wujud rangkaian peraturan yang ketat ini, beberapa kelompongan masih membolehkan ketidakpatuhan menjadi perkara yang lazim, dan penalti berat jarang dikuatkuasakan. Sebagai contoh, skandal “cash for honours” yang berlaku

selepas Pilihan Raya Umum 2005 telah disiasat oleh Polis Metropolitan, namun Crown Prosecution Service tidak memfailkan sebarang pertuduhan rasmi terhadap mana-mana individu yang terlibat kerana ketiadaan bukti muktamad.[284]

4.9 AFRIKA SELATAN (*SOUTH AFRICA*)

4.9.1 Keperluan Undang-Undang

Setelah pentadbiran Apartheid secara rasminya berakhir pada tahun 1994, Afrika Selatan telah menjalankan reformasi terhadap perundangannya bagi menangani isu-isu yang tersisa daripada pentadbiran rejim sebelumnya. Antara isu tersebut adalah berkaitan dengan pendanaan politik yang pada masa itu masih didominasi dengan budaya kerahsiaan. Penaja-penaja rejim Apartheid dilaporkan cenderung untuk merahsiakan sokongan kewangan mereka, dan budaya menyembunyikan sumber dana ini turut berlarutan dalam politik pasca-Apartheid sehingga membentuk suasana kerahsiaan dan ketidakpercayaan dalam kalangan ahli politik.[285] Sentimen ini turut ditegaskan dalam perbahasan Parlimen pada tahun 2018 yang menyatakan bahawa pendanaan parti pra dan pasca-Apartheid telah lama tercemar di sebalik tabir kerahsiaan, yang mana pengundi tidak mengetahui siapa yang membiayai parti dan pemimpin yang membuat keputusan awam.[286]

Sebagai salah satu usaha bagi menangani masalah tersebut, Afrika Selatan memasukkan keperluan khusus berkaitan pendanaan awam parti politik ke dalam kerangka perlembagaan barunya. Hasilnya, seksyen 236 Perlembagaan 1996 mewajibkan undang-undang kebangsaan untuk menyediakan pendanaan kepada parti-parti yang menyertai badan perundangan kebangsaan dan wilayah secara adil dan berkadaran bagi meningkatkan demokrasi berbilang parti:

---

[284] Draca, M., Green, C., & Homroy, S. (2023). Financing UK democracy: a stocktake of 20 years of political donations disclosure. *Fiscal Studies*, *44*(4), 433-449.

[285] Thuynsma, H. A. (2025). Willing to be transparent? Assessing political parties' commitment towards regulating party aid in South Africa. *Policy Studies*. Advance online publication. https://doi.org/10.1080/01442872.2025.2464659

[286] South African Parliament. (2018, March 27). *National Assembly Hansard (Unrevised): Political Party Funding Bill (Second Reading debate)*.

Funding for political parties

236. To enhance multi-party democracy, national legislation must provide for the funding of political parties participating in national and provincial legislatures on an equitable and proportional basis.[287]

Kewajipan perlembagaan ini seterusnya dipenuhi melalui penggubalan *Public Funding of Represented Political Parties Act 103 of 1997* (PFRPPA 1997), yang diperkenankan pada 27 November 1997 dan dikuatkuasakan secara retrospektif bermula daripada 1 April 1998.[288] Akta ini merupakan "langkah pertama" untuk memastikan demokrasi berbilang parti dapat diaksanakan, yang mana parti-parti yang bersaing mesti kekal "*viable and vigorous*" agar mampu menawarkan alternatif realistik kepada parti pemerintah dan menggerakkan penyertaan politik.[289]

PFRPPA 1997 menubuhkan *Represented Political Parties' Fund* yang diuruskan oleh Ketua Pegawai Pilihan Raya di bawah arahan Suruhanjaya Pilihan Raya. Akta ini turut memperuntukkan bahawa parti-parti yang mempunyai perwakilan di Parlimen atau badan perundangan wilayah layak menerima peruntukan tahunan dan boleh menerima sumbangan daripada sumber persendirian termasuk dari luar negara.[290]

Namun, terdapat beberapa kritikan yang telah diutarakan berkenaan PFRPPA 1997 ini. Antaranya, Parlimen tidak mengutarakan sebarang keperluan pendedahan serta pengawalseliaan dana persendirian. Hal ini mengundang tanda tanya memandangkan pendanaan awam daripada kerajaan seharusnya menjadi titik tawar-menawar terbaik untuk menuntut keterbukaan dana persendirian. Selain itu, isu perbelanjaan kempen yang lazimnya dilakukan secara boros dan

[287] Republic of South Africa. (1996). Constitution of the Republic of South Africa, 1996. Department of Justice and Constitutional Development. https://www.justice.gov.za/constitution/SAConstitution-web-eng.pdf

[288] Steytler, N. (1998). *Public funding of represented political parties Act 103 of 1997 and the implementation of section 236 of the 1996 Constitution*. *Law, Democracy & Development, 2*(2), 243–259. https://www.saflii.org/za/journals/LDD/1998/17.pdf

[289] Ibid

[290] Ibid

meningkatkan risiko rasuah juga tidak diketengahkan. Pada masa yang sama, tiada pengawalseliaan yang disediakan untuk parti baharu yang belum mempunyai kerusi.[291]

Sehubungan itu, terdapat tekanan terhadap kerajaan bagi mengutarakan isu-isu berkenaan pendanaan politik ini, yang membawa kepada penggubalan *Political Party Funding Act 6 of 2018* (PPFA 2018) oleh Parlimen Afrika Selatan. Berdasarkan keterangan daripada Hansard, reformasi ini dinyatakan sebagai pembetulan yang "lama tertangguh", dan dikaitkan secara langsung dengan agenda mengukuhkan demokrasi berbilang parti. Terdapat juga usaha daripada masyarakat sivil untuk memaksa pendedahan pendanaan parti telah lama berjalan, termasuk tindakan Idasa pada tahun 2004 yang memohon perintah mahkamah agar undang-undang mewajibkan parti mendedahkan dana yang diterima.[292]

PPFA 2018 menekankan keperluan ketelusan berhubungan dengan sumber dana, pengenalan had sumbangan tahunan, larangan sumbangan daripada kerajaan asing, serta larangan menerima sumbangan daripada cabang kerajaan, perusahaan milik negara, jabatan kerajaan atau hasil jenayah.[293] Pada masa yang sama, PPFA 2018 turut memperkenalkan mekanisme ketelusan melalui kewajipan pelaporan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, supaya pengundi dapat menilai sama ada wujud "bayaran balik" (*payback*) atau layanan istimewa kepada penderma besar. Akta ini memansuhkan PFRPPA 1997 tetapi mengekalkan mekanisme *Represented Political Parties Fund* ke dalam rejim baharu.[294]

Walaupun PPFA 2018 telah diwartakan pada tahun 2019, ia hanya mula beroperasi pada 1 April 2021. Akta tersebut kemudiannya melalui dipinda melalui *Electoral Matters Amendment Act 14 of 2024* pada tahun 2024 bagi menyesuaikan kerangka perundangan pendanaan politik untuk turut merangkumi calon bebas

[291] Ibid; Thuynsma, H. A. (2025). Willing to be transparent? Assessing political parties' commitment towards regulating party aid in South Africa

[292] South African Parliament. (2018, March 27). *National Assembly Hansard (Unrevised): Political Party Funding Bill (Second Reading debate)*

[293] Ibid

[294] Ibid

dan wakil bebas. Selain itu, pindaan ini turut mengutarakan hak parti politik, calon bebas dan wakil bebas untuk menolak sumbangan daripada sumber persendirian atau daripada Multi-Party Democracy Fund. Akhir sekali, pindaan ini juga memperkenalkan kesalahan-kesalahan yang baru berkenaan pendanaan politik serta mengubah nama pendek PPFA 2018 kepada *Political Funding Act, 2018*.[295]

4.9.2 Rangkuman pemakaian undang-undang pendanaan politik

Berdasarkan tajuk panjang Political Funding Act, 2018 (PFA 2018), Akta ini telah digubal dengan tujuan untuk mengawal selia pendanaan politik daripada sumber awam dan sumber persendirian yang melibatkan parti politik, calon bebas dan wakil bebas. Pengawalseliaan ini termasuk penetapan kaedah pembiayaan parti, sebarang had dan larangan berkaitan pendanaan, tanggungjawab pelaporan dan pendedahan, serta hal berkaitan penguatkuasaan dan peruntukan kesalahan.

Menerusi takrifan yang disediakan di bawah Seksyen 1, PFA 2018 terpakai dan melibatkan pihak-pihak seperti yang berikut: -

a) Parti-parti politik termasuk parti yang mempunyai perwakilan di badan legislatif peringkat kebangsaan atau wilayah (ditakrifkan sebagai “parti politik yang diwakili”) atau mana-mana entiti yang menerima sumbangan untuk menyokong atau menentang mana-mana parti yang diwakili atau calonnya dalam suatu pilihan raya;
b) Calon individu bebas termasuk calon individu bebas yang berjaya menjadi perwakilan di badan legislatif peringkat kebangsaan atau wilayah (ditakrifkan sebagai “wakil bebas”) atau mana-mana rakyat Afrika Selatan yang bertanding dalam pilihan raya dan tidak dicalonkan oleh mana-mana parti politik;

[295] Republic of South Africa. (2024). *Electoral Matters Amendment Act 14 of 2024*. *Government Gazette*, 50624 (7 May) (General Notice 4790).

c) Suruhanjaya Pilihan Raya yang ditubuhkan di bawah *Electoral Commissions Act, 1996* dan memainkan peranan sebagai "Suruhanjaya" di bawah PFA 2018;

d) Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah Seksyen 21 PFA 2018; dan

e) Orang asing, iaitu mana-mana orang atau entiti yang bukannya warganegara atau penduduk tetap Afrika Selatan, bukannya suatu syarikat yang berdaftar di bawah *Companies Act, 2008*, atau bukannya suatu amanah (*trust*) yang berdaftar menurut *Trust Property Control Act, 1988*.

Selain itu, PFA 2018 turut ada menyatakan berkenaan peranan Ketua Audit Negara Afrika Selatan dalam pengauditan dan pelaporan kewangan Suruhanjaya di bawah Akta ini. Akta juga memperuntukkan had kepada Parlimen Afrika Selatan dan badan perundangan wilayah dalam memberikan dana kepada parti politik yang diwakili dan calon bebas serta kuasa Presiden untuk membuat peraturan untuk Subseksyen / Perenggan 6(2), 7(2)(e), 7(3)(d), 8(2), 8(5) dan 9(1)(a) PFA 2018 termasuk menentukan had jumlah sumbangan yang boleh diterima dan had jumlah sumbangan yang memerlukan pendedahan oleh penerima.

Seterusnya, PFA 2018 turut mentakrifkan jenis sumbangan yang dikawal selia bagi tujuan pendanaan politik. Terdapat beberapa jenis sumbangan yang dikecualikan daripada takrifan sumbangan di bawah Akta iaitu apa-apa yuran keahlian parti dan levi yang dikenakan oleh parti terhadap wakil terpilihnya dan apa-apa dana yang disediakan oleh *National Assembly* dan badan perundangan wilayah mengikut peruntukan di bawah Perlembagaan Republik Afrika Selatan 1996.

Sumbangan yang dikawal selia PFA 2018 termasuk sumbangan dalam bentuk barangan atau bukan wang (*donation in kind*) yang ditakrifkan seperti berikut: -

"donation in kind"—

(a) includes—

(i) any money lent to a political party, independent representative or independent candidate other than on commercial terms;

(ii) any money paid on behalf of a political party, independent representative or independent candidate for any expenses incurred directly or indirectly by that political party, independent representative or independent candidate;

(iii) the provision of assets, services or facilities for the use or benefit of a political party, independent representative or independent candidate other than on commercial terms; or

(iv) a sponsorship provided to a political party, independent representative or independent candidate; but

(b) does not include services rendered personally by a volunteer;

Berdasarkan takrifan ini, sumbangan di bawah PFA 2018 turut merangkumi sebarang wang, aset, perkhidmatan, fasiliti atau penajaan yang diberikan kepada parti politik, calon parti politik atau calon individu bebas. Namun, sumbangan-sumbangan ini tidak termasuk sebarang perkhidmatan yang disediakan secara peribadi oleh mana-mana sukarelawan.

4.9.3 Kewujudan badan kawal selia bagi pendanaan politik

Di bawah PFA 2018, peranan badan kawal selia tidak melibatkan sebarang penubuhan agensi baru tetapi sebaliknya diperuntukkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Antara peranan-peranan yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya ini adalah seperti yang berikut: -

a) Pembukaan dan pengurusan akaun bank untuk pendanaan politik

Menurut Seksyen 2 PFA 2018, Suruhanjaya dikehendaki membuka akaun bank untuk kegunaan *Political Representative Fund* (PRF). Setelah akaun bank tersebut dibuka, Suruhanjaya hendaklah mengkredit ke dalam akaun tersebut dengan wang yang diperuntukkan melalui Akta Parlimen, wang yang didapatkan semula di bawah Seksyen 17 (berkait dengan pendanaan politik yang menyalahi peruntukan PFA 2018), dan sebarang wang faedah daripada pelaburan yang dijalankan di bawah Seksyen 4.

Kewajipan membuka akaun ini turut terdapat di bawah Seksyen 3, yang mengehendaki pembukaan akaun bank dengan kaedah yang serupa untuk *Multi-Party Democracy Fund* (MPDF). Satu perbezaan dengan PRF adalah antara wang yang dikreditkan ke dalam akaun MPDF merupakan wang yang diterima daripada sumber persendirian. Selain itu, Suruhanjaya juga boleh mengenakan caj tidak melebihi 5 peratus jumlah wang yang dikreditkan bagi menguruskan dana ini seperti yang diperuntukkan dalam Subseksyen 3 (6) yang berikut: -

(6) The Commission may charge a fee to defray the cost of administering and managing this Fund, which may not exceed five per cent of the money credited to this fund under subsection (3) during the previous financial year.

Di bawah Seksyen 5, Suruhanjaya dikehendaki menyimpan rekod, mengikut amalan perakaunan umum, bagi kedua-dua dana PRF dan MPDF termasuk wang yang diterima untuk setiap dana dan sebarang perbelanjaan yang ditanggung dalam memberi peruntukan wang daripada dana tersebut. Rekod ini hendaklah disimpan secara tahunan.

b) Pengagihan peruntukan dan pembayaran wang kepada parti politik yang diwakili dan wakil bebas

Seksyen 6 PFA 2018 menyatakan secara jelas tanggungjawab Suruhanjaya dalam pengagihan wang yang terdapat dalam kedua-dua dana PRF dan MPDF. Berkenaan hal ini, Suruhanjaya boleh memberi peruntukan kepada parti politik yang diwakili dan wakil bebas (“perwakilan”) sahaja. Selain itu, pemberian peruntukan juga perlu dibuat menurut formula yang ditetapkan di bawah Subseksyen 3 dan Jadual 2 Akta.

c) Pemantauan dan penguatkuasaan Akta

Bagi memastikan Suruhanjaya dapat melaksanakan kuasa dan tugasnya di bawah PFA 2018, Subseksyen 14(1) memperuntukkan bahawa Suruhanjaya mesti memantau pematuhan oleh parti politik, wakil bebas dan calon bebas terhadap Akta ini dengan menilai maklumat dan dokumentasi yang dibekalkan oleh mana-mana orang menurut Akta. Untuk tujuan pemantauan atau penyiasatan aduan,

Subseksyen 14(2) memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk meminta mana-mana orang untuk: -

1. mendedahkan apa-apa maklumat yang berkaitan;
2. mengemukakan dokumentasi berkaitan dalam apa jua bentuk;
3. memberi kebenaran untuk Suruhanjaya memasuki premis pada waktu kerja bagi tujuan pemeriksaan dokumen;
4. membenarkan penyalinan atau penyimpanan maklumat dalam apa jua format; dan
5. menjawab soalan berhubung maklumat yang berkaitan.

Sekiranya orang yang diminta enggan atau gagal untuk mematuhi permintaan tersebut, Subseksyen 14(3) membolehkan Suruhanjaya memohon kepada *Electoral Court* untuk suatu perintah memaksa pematuhan.

Bagi mengendalikan sebarang aduan yang berkaitan pendapatan atau perbelanjaan parti politik, Subseksyen 14(4) menetapkan bahawa Suruhanjaya mesti menyiasat aduan tersebut jika ketua pegawai eksekutif berpandangan terdapat asas prima facie pada aduan itu. Selain itu, PFA 2018 turut memperuntukkan, melalui Seksyen 15, kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengeluarkan arahan kepada parti politik, wakil bebas atau calon bebas mengikut cara yang ditetapkan bagi mengelakkan daripada mengenakan sekatan. Arahan ini hanya boleh dibuat setelah pihak yang berkenaan diberi peluang untuk membuat representasi dan Suruhanjaya berpendapat bahawa pihak berkenaan gagal mematuhi Akta. Subseksyen 15(2) mewajibkan supaya arahan tersebut menyatakan bentuk sekatan yang boleh dikenakan jika arahan tidak dipatuhi, yang mana Suruhanjaya boleh mengambil tindakan—

1. menggantung pembayaran wang yang diperuntukkan menurut seksyen 16;
2. mendapatkan wang yang diterima atau dibelanjakan secara tidak betul menurut seksyen 17; atau
3. mengenakan denda pentadbiran menurut seksyen 18.

Sebarang keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah PFA 2018 ini boleh disemak atau dirayu kepada *Electoral Court* yang mempunyai bidang kuasa eksekutif untuk mendengar dan menentukan semakan atau rayuan tersebut.

d) Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif

Seksyen 21 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh menubuhkan satu unit berasingan dalam Suruhanjaya untuk melaksanakan kuasa, fungsi dan tugas yang diberikan atau dikenakan oleh Akta. Seterusnya, Subseksyen 21(2) mewajibkan Suruhanjaya melantik seseorang yang berkelayakan dan berpengalaman sebagai ketua pegawai eksekutif bagi kedua-dua dana PRF dan MPDF, dan juga bagi unit berasingan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 21, sekiranya ada.

e) Pelaporan kepada Parlimen Afrika Selatan

Seksyen 22 memperuntukkan kewajipan buat Suruhanjaya untuk menyediakan laporan tahunan berkaitan kedua-dua dana bagi setiap tahun kewangan. Laporan tersebut hendaklah mengandungi kandungan yang ditetapkan di bawah PFA 2018 termasuk maklumat penerimaan dan peruntukan dana serta pelaporan mengenai sumbangan yang dibuat kepada pihak-pihak yang diliputi Akta pada tahun tersebut. Laporan dan buku atau rekod akaun Suruhanjaya berkaitan dana hendaklah diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit sebelum mengemukakan laporan Suruhanjaya dan laporan Ketua Audit Negara bersama laporan tahunan Suruhanjaya kepada *National Assembly*.

4.9.4 Keperluan Lembaga Penasihat bagi memantau badan kawal selia

PFA 2018 tidak menetapkan mana-mana badan sebagai lembaga penasihat mahupun mewujudkan sebarang entiti baru untuk memainkan peranan tersebut. Namun begitu, terdapat elemen pemantauan terhadap kerja Suruhanjaya menerusi kewajipan pelaporan yang terkandung dalam Seksyen 22 yang mengehendaki Suruhanjaya untuk menyediakan laporan tahunan. Seksyen 22 turut memperuntukkan kewajipan pengauditan oleh Ketua Audit Negara terhdap laporan, buku dan rekod yang berkaitan dengan kedua-dua dana PRF dan MPDF.

Laporan audit ini kemudiannya akan dikemukakan oleh Suruhanjaya bersama laporan lain kepada National Assembly menurut Seksyen 14 *Electoral Commission Act, 1996*.[296]

Selain itu, PFA 2018 turut menyediakan saluran semakan atau rayuan keputusan melalui Seksyen 20, yang membenarkan semakan atau rayuan terhadap mana-mana keputusan Suruhanjaya yang dibuat di bawah Akta. Akta memperuntukkan kuasa kepada *Electoral Court* untuk mendengar dan memutuskan semakan atau rayuan tersebut. Peruntukan bidang kuasa ini dibuat melalui pengecualian pemakaian Seksyen 20(2) *Electoral Commission Act, 1996*.[297]

4.9.5 Kerangka umum pendanaan politik

Secara umumnya, pendanaan politik di bawah PFA 2018 melibatkan pembiayaan awam dan pendanaan secara persendirian. Bagi melaksanakan kerangka pendanaan ini, PFA 2018 telah menubuhkan Political Representatives Fund (PRF) dan Multi-Party Democracy Fund (MPDF) yang diuruskan oleh Suruhanjaya:

a) Political Representatives Fund

PFA 2018 memperuntukkan penubuhan PRF bagi menyalurkan dana kepada parti politik yang diwakili serta wakil bebas, seperti yang diperuntukkan di bawah Subseksyen 2 (1) yang berikut: -

---

[296] Seksyen 14 menetapkan tanggungjawab pelaporan Suruhanjaya yang merangkumi penyerahan laporan tahunan yang beraudit mengenai kewangan dan aktiviti kepada *National Assembly* pada hujung setiap tahun kewangan, serta kewajipan membekalkan maklumat khusus kepada Presiden setelah menerima permintaan bertulis. Selain itu, Suruhanjaya wajib menerbitkan laporan selepas setiap pilihan raya dan diberi kuasa untuk mengeluarkan ulasan mengenai tahap kesediaan serta keupayaan mereka dalam memastikan mana-mana pilihan raya yang bakal berlangsung dapat dijalankan secara bebas dan adil. Seksyen ini boleh didapati di https://www.gov.za/sites/default/files/gcis_document/201409/act51of1996.pdf

[297] Seksyen ini memperuntukkan bahawa *Electoral Court* hanya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya jika ia melibatkan tafsiran undang-undang atau perkara yang diperuntukkan secara khusus oleh undang-undang. Proses ini memerlukan kebenaran (leave) terlebih dahulu daripada pengerusi *Electoral Court* melalui permohonan rasmi mengikut tempoh yang ditetapkan, manakala keputusan rayuan akan dibuat secara ringkas berdasarkan hujah bertulis yang wajib dikemukakan dalam masa tiga hari selepas kebenaran tersebut diberikan. Pengecualian pemakaian Seksyen ini dalam konteks PFA 2018 adalah perlu supaya mahkamah tersebut mempunyai bidang kuasa yang sewajarnya bagi mendengar dan menentukan semakan atau rayuan yang berkenaan.

(1) A Political Representatives Fund is hereby established for the purpose of enhancing multi-party democracy by providing for the funding of represented political parties and independent representatives.

Penubuhan dana ini membolehkan Parlimen Afrika Selatan untuk memperuntukkan dana awam kepada perwakilan. Berdasarkan kepada Belanjawan Negara 2025 Afrika Selatan, Parlimen telah menyalurkan sebanyak R850 juta (lebih kurang RM206 juta) bagi tahun 2023/2024. Jumlah yang tinggi ini adalah berikutan peruntukan tambahan yang diberikan bagi membantu perwakilan untuk menghadapi pilihan raya umum pada tahun 2024.[298] Bagi tahun-tahun seterusnya, Parlimen merancang untuk menyalurkan sebanyak R335 juta untuk tahun 2025/2026, R352 juta untuk tahun 2026/2027 dan R367 juta kepada PRF.[299]

b) Multi-Party Democracy Fund

MPDF telah ditubuhkan bagi membolehkan pendanaan politik daripada sumber persendirian dalam negara atau luar negara. Walau bagaimanapun, penerimaan wang daripada sumber persendirian ini tertakluk kepada larangan tertentu dalam Seksyen 3(4), iaitu larangan menerima wang daripada mana-mana cabang kerajaan, perusahaan milik negara, kerajaan asing atau agensi kerajaan asing, dan wang yang disyaki hasil jenayah:

(4) The Commission may not accept money received in terms of subsection (3)(a)—

(a) from any organ of state;

(b) from any state owned enterprise;

(c) from any foreign government or foreign government agency; or

(d) which the Commission has reason to believe is the proceeds of crime.

---

[298] Bregman, J. (2025, June 18). *Money in politics newsletter I parliament threatens transparency, accountability (and more in political funding news)*. My Vote Counts. https://myvotecounts.org.za/money-in-politics-newsletter-i-parliament-threatens-transparency-accountability-and-more-in-political-funding-news/

[299] National Treasury. (2025). *Estimates of national expenditure 2025*. https://www.treasury.gov.za/documents/National%20Budget/2025May/ene/FullENE.pdf

Seksyen 6 memperuntukkan bahawa pengagihan wang dalam kedua-dua dana ini oleh Suruhanjaya diterhadkan kepada perwakilan sahaja, yang mana pengagihan tersebut perlu dijalankan berdasarkan aspek yang dinyatakan di bawah Subseksyen (3) seperti yang berikut: -

(a) in part, an equitable allocation taking into account a weighted scale of representation for allocations to represented political parties and independent representatives; and

(b) in part, a proportional allocation taking into account—

(i) in the case of a political party, the relationship that the number of a represented political party's representatives in the National Assembly and the provincial legislatures bears to the sum of the seats in the legislature concerned; and

(ii) in the case of an independent representative, the relationship that the independent representative's seat bears to the sum of the seats in the National Assembly or provincial legislature concerned.

Kaedah pengagihan wang dalam kedua-dua dana ini dijelaskan dengan lebih lanjut di bawah Jadual 2 Akta yang mengutarakan peraturan bagi pendanaan parti politik. Menurut Subperaturan 2 (2), bagi setiap dana PRF dan MPDF, 90% jumlah wang perlu diagihkan secara berkadar (*proportional*) manakala baki 10% perlu diagihkan secara saksama (*equitable*).

Bagi pengagihan secara berkadar, Peraturan 3 menyatakan bahawa pengiraan dilakukan dengan mengambil kira gabungan jumlah kerusi yang dimenangi di peringkat National Assembly dan badan perundangan wilayah. Sebagai contoh, jika suatu parti mempunyai 50% daripada jumlah keseluruhan kerusi di kedua-dua peringkat, maka parti tersebut akan mendapat 50% daripada 90% jumlah keseluruhan dalam PRF dan MPDF.

Untuk pengagihan secara saksama, Peraturan 4 menetapkan supaya pembahagian dijalankan secara berkadar terlebih dahulu mengikut jumlah keseluruhan kerusi yang terdapat di setiap badan perundangan peringkat

kebangsaan dan peringkat wilayah. Setelah itu, jumlah tersebut akan dibahagikan secara sama rata kepada semua pihak di kedua-dua peringkat. Sebagai contoh, sekiranya terdapat 300 kerusi di Parlimen dan 200 kerusi di peringkat wilayah, maka 60% daripada 10% jumlah keseluruhan dalam PRF dan MPDF akan disalurkan ke Parlimen. Jika terdapat 4 parti dan 1 wakil bebas yang mempunyai kerusi dalam Parlimen tersebut, maka jumlah yang ke Parlimen akan diagihkan sama rata di antara kelima-lima pihak.

Seksyen 7 membenarkan perwakilan untuk menggunakan wang yang diterima daripada PRF dan MPDF untuk apa-apa tujuan fungsi parti politik atau wakil bebas dalam demokrasi moden termasuk pembangunan kehendak politik rakyat, memperkasakan pendidikan politik, mempromosi penglibatan aktif individu dalam politik dan memastikan pematuhan kepada peruntukan di bawah PFA 2018. Namun begitu, terdapat larangan penggunaan wang di bawah Subseksyen 7(2) dan 7(3) yang dikenakan kepada parti politik yang diwakili dan wakil bebas.

Secara umumnya, perwakilan tidak boleh menggunakan wang daripada PRF dan MPDF untuk—

1. membayar secara langsung atau tidak langsung apa-apa remunerasi / fi / ganjaran / elaun / kemudahan atau manfaat kepada:

(i) Mana-mana orang yang mewakili parti dalam mana-mana badan perundangan di peringkat kebangsaan atau wilayah, atau dalam Majlis Perbandaran;

(ii) Mana-mana orang yang dilantik oleh atau berkhidmat dengan negara dan sudah menerima gaji/imbuhan bagi pelantikan atau perkhidmatan tersebut;

2. membiayai atau menyumbang (langsung/tidak langsung) kepada apa-apa perkara/isu/sebab/acara/majlis yang melanggar kod etika yang mengikat ahli Parlimen atau ahli badan perundangan wilayah;

3. menubuhkan perniagaan, atau memperoleh/mengekalkan apa-apa kepentingan kewangan dalam mana-mana perniagaan, atau

memperoleh/mengekalkan kepentingan dalam harta tak alih kecuali jika kepentingan dalam harta tak alih itu digunakan semata-mata untuk tujuan politik;

4. menanggung kos guaman berkaitan pertikaian dalaman parti (bagi parti politik);

5. kegunaan peribadi; atau

6. apa-apa tujuan lain yang ditetapkan.

Sekiranya ada perwakilan yang tidak mematuhi had penggunaan wang yang telah ditetapkan, Suruhanjaya boleh mengambil tindakan terhadap pihak yang berkenaan sama ada dengan menggantung pemberian wang, mendapatkan semula jumlah yang telah dibelanjakan atau dengan mengenakan denda pentadbiran.

Selain pendanaan melalui PRF dan MPDF, PFA 2018 juga mengawal selia sumbangan secara langsung kepada parti politik, calon bebas dan wakil bebas. Seksyen 8 Akta menyatakan larangan am penerimaan sumbangan daripada sumber berikut: -

a) Kerajaan asing atau agensi kerajaan asing;

b) Orang atau entiti asing;

c) Cabang kerajaan; atau

d) Perusahaan milik kerajaan.

Sungguhpun begitu, Subsekyen 8 (4) membenarkan sumbangan daripada orang atau entiti asing sekiranya ia adalah untuk tujuan latihan atau pembangunan kemahiran atau untuk tujuan pembangunan dasar. Selain itu, Subseksyen 8(2) melarang parti politik daripada menerima sumbangan melebihi jumlah yang ditetapkan dalam satu tahun kewangan[300]. Isu berkenaan dengan peruntukan ini adalah ia tidak menyatakan larangan yang serupa kepada calon bebas atau wakil bebas. Peruntukan ini tidak selari dengan Subseksyen 9(1) yang mewajibkan parti politik, calon bebas atau wakil bebas untuk melaporkan kepada Suruhanjaya

[300] Berdasarkan kepada *Proclamation Notice R.275 of 2025*, had jumlah sumbangan yang ditetapkan oleh Presiden adalah sebanyak R30 juta (lebih kuran RM7.3 juta) setahun. Rujuk https://www.gov.za/sites/default/files/gcis_document/202508/53182rg11871proc275.pdf

sekiranya jumlah sumbangan keseluruhan yang diterima melebihi had yang ditetapkan. Akhir sekali, Subseksyen 8(3) melarang penerimaan sumbangan sekiranya parti politik, calon bebas atau wakil bebas mengetahui atau sewajarnya mengetahui atau mengesyak bahawa sumbangan tersebut adalah hasil daripada perlakuan suatu jenayah, yang mana pengetahuan atau syak tersebut perlu dilaporkan kepada Suruhanjaya.

4.9.6 Mekanisme penerimaan dana politik di bawah Akta

Untuk menerima dana daripada Parlimen dan sumber persendirian, Subseksyen 2(2) dan 3(2) mewajibkan Suruhanjaya untuk membuka akaun bank untuk setiap dana PRF dan MPDF. Akaun bank ini hendaklah dibuka di mana-mana bank yang berdaftar di bawah *Banks Act, 1990*. Oleh itu, mana-mana pihak persendirian yang hendak memberi sumbangan, mereka boleh membuat bayaran ke akaun bank rasmi MPDF. Tambahan juga, penyumbang boleh meminta untuk disembunyikan identiti mereka.

Seterusnya, wang dalam kedua-dua dana hendaklah diagihkan kepada perwakilan dengan jumlahnya menurut formula yang ditetapkan dan dibayar ke dalam akaun bank masing-masing. Di bawah Peraturan 6 Jadual 2, setiap perwakilan hendaklah memberikan maklumat akaun bank mereka kepada Suruhanjaya dalam tempoh 2 minggu selepas akaun bank tersebut dibuka.

Pengagihan wang daripada dana-dana oleh Suruhanjaya perlu dijalankan menurut tempoh yang ditetapkan, yang mana Peraturan 5 memperuntukkan pengagihan secara umumnya seperti yang berikut: -

5. Times, intervals and instalments of payments

(1) All allocations to which a represented political party or independent representative is entitled as determined in terms of regulations 3 and 4, must be paid to the represented political party or independent representative in question ***in four equal instalments, each within three months of the previous payment***.

The first instalment must be paid within four weeks of the beginning of the financial year in question.

Jika suatu pilihan raya telah diisytiharkan di mana-mana peringkat, jumlah ansuran yang tertunggak kepada perwakilan hendaklah dihentikan (*suspended*) dan seterusnya diagihkan dalam tempoh 2 minggu selepas tarih selesai pilihan raya kepada perwakilan baru yang memenangi kerusi di pilihan raya tersebut.

Seterusnya, Seksyen 12 dan 12A PFA 2018 memperuntukkan supaya semua sumbangan yang diterima, yuran keahlian dan levi yang dikenakan oleh parti politik itu untuk didepositkan ke dalam akaun bank di bawah nama parti politik atau wakil bebas atau calon bebas tersebut. Akaun bank ini hendaklah diasingkan daripada akaun bank yang digunakan untuk menerima wang daripada dana PRF dan MPDF. Seksyen 8 pula menetapkan bahawa parti politik tidak boleh menerima sumbangan melebihi had jumlah yang ditetapkan. Selain itu, Subseksyen 10(2) menyatakan bahawa seorang ahli kepada parti politik hanya boleh menerima sumbangan bagi pihak parti politiknya.

4.9.7 Mekanisme pelaporan di bawah Akta

Selain daripada kewajipan melaporkan kepada Suruhanjaya berkenaan sumbangan yang bercanggah dengan Akta, PFA 2018 turut memperuntukkan kewajipan memberi maklumat dan pelaporan tahunan ke atas parti politik, calon bebas dan wakil bebas kepada Suruhanjaya.

Kewajipan pelaporan oleh parti politik, wakil bebas dan calon bebas

Berkenaan kewajipan pemberian maklumat, Seksyen 11 Akta mewajibkan parti politik, wakil bebas dan calon bebas untuk memberikan kepada Suruhanjaya, pada masa yang ditetapkan, apa-apa maklumat dan dokumentasi yang ditetapkan oleh peraturan atau yang diminta melalui arahan Suruhanjaya di bawah kuasa penguatkuasaan.

Bagi pelaporan dan perakaunan parti politik, Seksyen 12 menghendaki parti mendepositkan semua sumbangan, yuran keahlian dan levi tertentu ke dalam

akaun bank atas nama parti. Akaun tersebut hendaklah diasingkan daripada akaun yang digunakan untuk menerima wang daripada PRF dan MPDF. Seksyen ini juga mewajibkan pelantikan pegawai parti atau pemegang jawatan sebagai pegawai perakaunan (*accounting officer*), dan mewajibkan parti yang mempunyai wakil di badan perundangan melantik juruaudit berdaftar untuk mengaudit buku dan penyata kewangan.

Seterusnya, Subseksyen 12(2) memperincikan tanggungjawab pegawai perakaunan termasuk: -

1. merekod semua pendapatan,
2. memastikan wang dana tidak dibayar bagi tujuan tidak dibenarkan,
3. memastikan pematuhan Akta,
4. menyelenggara buku berasingan bagi transaksi wang dana PRF dan MPDF, dan
5. menyediakan penyata yang menunjukkan wang diterima daripada dana, penggunaan wang tersebut, serta penyata sumbangan dan yuran keahlian, serta levi yang relevan.

Seksyen 12(3) menetapkan kewajipan juruaudit untuk mengaudit penyata kewangan dan menyatakan pendapat audit yang merangkumi isu pematuhan terhadap larangan sumbangan, senarai sumbangan yang perlu didedahkan dan di bawah had, kewujudan pendapatan selain daripada yang dibenarkan Akta, pematuhan transaksi dana, dan sama ada pinjaman wang dibuat atas terma komersial. Seterusnya, pendapat juruaudit dan penyata kewangan beraudit hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh ditetapkan.

PFA 2018 juga menyediakan mekanisme peralihan audit bagi parti yang berubah status kepada parti yang mempunyai wakil melalui Subseksyen 12(4A), yang antaranya mewajibkan pegawai perakaunan parti untuk menyerahkan penyata, buku dan rekod akaun untuk tempoh dua tahun sebelum itu kepada juruaudit berdaftar yang dilantik. Juruaudit tersebut seterusnya hendaklah menyerahkan pendapat audit dan penyata kewangan yang diaudit kepada Suruhanjaya dalam

tempoh yang ditetapkan. Selain itu, Subseksyen 12(5) turut memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit pada bila-bila masa yang munasabah buku, rekod dan penyata kewangan parti berkaitan wang yang diperuntukkan daripada PRF:

The Auditor-General may at any reasonable time audit any represented political party's books, records of account and financial statements relating to money allocated to the party from the Political Representatives Fund.

Bagi wakil bebas, Subseksyen 12A(1) mewajibkan wakil bebas mendepositkan sumbangan ke akaun atas nama mereka, membuka akaun berasingan bagi wang daripada PRF atau MPDF, melantik juruaudit berdaftar, menyelenggara buku berasingan dan menyediakan penyata kewangan serta penyata sumbangan dalam bentuk ditetapkan untuk diaudit. Subseksyen 12A(2) menetapkan kandungan pendapat audit yang serupa dengan struktur bagi parti politik, dan Subseksyen 12A(3) menghendaki wakil bebas menyerahkan pendapat juruaudit dan penyata beraudit kepada Suruhanjaya dalam tempoh ditetapkan. Seterusnya, Subseksyen 12A(4) memperuntukkan kewajipan kepada calon bebas untuk mendepositkan sumbangan ke akaun berasingan daripada akaun peribadi dan menyediakan penyata tertentu termasuk sumbangan yang diterima dalam tempoh dua tahun sebelum penamaan dan selepas penamaan, serta sebarang pinjaman wang dan terma pinjaman tersebut, untuk diserahkan kepada Suruhanjaya dengan dokumen sokongan yang ditetapkan.

Jika terdapat wang yang tidak dibelanjakan menjelang akhir tahun kewangan, Subseksyen 13(1) menghendaki wang tersebut untuk ditunjukkan sebagai baki kredit dibawa ke hadapan dalam akaun dana dan dalam buku rekod. Dalam situasi yang melibatkan pembubaran atau tamatnya tempoh suatu badan perundangan, Subseksyen 13(2) mewajibkan pihak yang gagal memenangi kerusi selepas pilihan raya untuk menutup buku, membayar balik baki yang tidak dibelanjakan dalam tempoh tertentu, dan mengemukakan penyata beraudit.

Kewajipan yang serupa terpakai apabila berlakunya kekosongan kerusi atau peletakan jawatan.

Kewajipan pelaporan oleh Suruhanjaya

Seksyen 22 PFA 2018 mewajibkan Suruhanjaya untuk menyediakan laporan tahunan berkaitan dana PRF dan MPDF, melaporkan sumbangan yang dibuat kepada pihak tertakluk dalam tahun tersebut, mengemukakannya kepada Ketua Audit Negara untuk audit serta menyerahkan laporannya kepada *National Assembly* bersama laporan audit.

4.9.8 Kewajipan pendedahan umum di bawah Akta

PFA 2018 memperuntukkan kewajipan pendedahan umum yang melibatkan pendedahan sumbangan kepada Suruhanjaya. Seksyen 9 mewajibkan parti politik, wakil bebas dan calon bebas mendedahkan kepada Suruhanjaya semua sumbangan yang diterima yang melebihi jumlah had yang ditetapkan[301], serta mewajibkan pendedahan itu dibuat mengikut bentuk dan cara yang ditetapkan. Selain penerima sumbangan, Subseksyen 9(2) menghendaki orang atau entiti perundangan yang membuat sumbangan yang melebihi jumlah had yang ditetapkan untuk mendedahkan berkenaan sumbangan itu kepada Suruhanjaya dalam bentuk dan cara yang ditetapkan:

A juristic person or entity that makes a donation to a political party, independent representative or independent candidate above the threshold prescribed in terms of subsection (1)(a) must disclose that donation to the Commission in the prescribed form and manner.

Di samping pendedahan sumbangan, Akta mewujudkan pendedahan institusi lain yang berkaitan dengan pemberian dana oleh suatu badan perundangan.

[301] Berdasarkan kepada *Proclamation Notice R.275 of 2025*, had jumlah sumbangan yang hendaklah didedahkan adalah sebanyak R200 ribu (lebih kurang RM48 ribu) setahun. Rujuk https://www.gov.za/sites/default/files/gcis_document/202508/53182rg11871proc275.pdf

Subseksyen 23(2) mewajibkan pegawai perakaunan badan perundangan untuk mendedahkan, secara tahunan dan dalam bentuk dan cara yang ditetapkan, kepada Suruhanjaya mengenai apa-apa dana kepada perwakilan yang diberikan melalui Seksyen 57(2) dan Seksyen 116(2) Perlembagaan.[302]

PFA 2018 turut memperuntukkan penerbitan secara berkala oleh Suruhanjaya untuk akses awam. Menurut Subseksyen 9(3), Suruhanjaya hendaklah menerbitkan sumbangan yang didedahkan kepadanya secara suku tahunan, dan penerbitan itu mesti dibuat dalam bentuk dan cara yang ditetapkan. Seksyen 9(4) pula menyatakan bahawa peruntukan pendedahan ini tidak menjejaskan apa-apa hak yang terkandung dalam *Promotion of Access to Information Act, 2000*. Peruntukan ini memastikan bahawa pihak-pihak masih boleh mendapatkan maklumat walaupun terdapat penerbitan secara berkala oleh pihak Suruhanjaya.

4.9.9 Kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta

Bagi menguatkuasakan peruntukan Akta, PFA 2018 memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengambil tindakan jika parti politik, calon bebas atau wakil bebas gagal untuk mematuhi peruntukan Akta atau arahan yang dikeluarkan di bawah Seksyen 15. Menurut Seksyen 16, Suruhanjaya boleh menggantung sebarang pembayaran wang daripada PRF dan MPDF kepada perwakilan sekiranya ia berpuas hati atas alasan yang munasabah bahawa perwakilan tersebut telah gagal mematuhi peruntukan Akta. Tindakan ini hanya boleh diambil sekiranya Suruhanjaya telah pun memberikan arahan di bawah Seksyen 15.

Selain itu, Seksyen 17 memperuntukkan bahawa parti politik, calon bebas dan wakil bebas bertanggungjawab membayar kepada Suruhanjaya mana-mana jumlah wang yang diterima bercanggah dengan peruntukan Seksyen 8, 9, 10, atau 10A atau yang dibelanjakan bercanggah dengan Seksyen 7. Untuk tujuan ini,

[302] Kedua-dua Seksyen secara amnya memberi kuasa kepada National Assembly dan badan perundangan di peringkat wilayah untuk memberikan bantuan kewangan kepada perwakilan bagi melaksanakan fungsi mereka dengan sebaiknya. Rujuk https://www.justice.gov.za/constitution/SAConstitution-web-eng.pdf

Suruhanjaya mempunyai pilihan untuk mendapatkan jumlah wang tersebut sama ada dengan memulakan saman sivil atau menolak jumlah tersebut daripada jumlah yang diperuntukkan kepada pihak yang berkenaan daripada PRF dan MPDF. Wang yang diterima balik ini hendaklah dikreditkan ke dalam PRF atau MPDF.

Suruhanjaya juga boleh mengambil tindakan untuk mengenakan denda pentadbiran untuk sebarang pelanggaran peruntukan PFA 2018. Bagi melaksanakan kuasa ini, Suruhanjaya boleh memulakan prosiding untuk memohon pengenaan denda tersebut di peringkat *Electoral Court*. Pengenaan denda ini hendaklah dibuat menurut Jadual 1 Akta seperti yang berikut: -

Previous contraventions	***Contravention of sections 12(1), 12(2), 12(4) or 13(2)***	***Contraventions of sections 8, 9(1), 9(2) or 10***
No previous contravention	*R40 000*	*R500 000 or 10 per cent of the income, whichever is the higher*
A previous contravention of the same provision within 2 years	*R50 000*	*R600 000 or 15 per cent of the income, whichever is the higher*
Two previous contraventions of the same provision within 3 years	*R75 000*	*R700 000 or 20 per cent of the income, whichever is the higher*

Three previous contraventions of the same provision within 3 years	*R100 000*	*R800 000 or 25 per cent of the income, whichever is the higher*
Four previous contraventions of the same provision within 3 years	*R150 00*	*R1 000 000 or 30 per cent of the income, whichever is higher*

Di samping tindakan yang boleh diambil di bawah Seksyen 16, 17 dan 18, PFA 2018 turut mengandungi peruntukan kesalahan dan penalti yang komprehensif melalui Seksyen 19. Secara ringkasnya, pengenaan hukuman di bawah Akta bergantung kepada jenis kesalahan yang disabitkan seperti yang berikut:

Seksyen kesalahan	**Penerangan ringkas**	**Hukuman yang boleh dikenakan**
s 19(1)(a) dibaca bersama s 8	Menerima derma yang dilarang (cth. dari kerajaan asing atau agensi asing, orang atau entiti asing tertakluk pengecualian, organ negara, syarikat milik negara), menerima melebihi had tahunan, atau menerima derma yang disyaki hasil jenayah (serta kewajipan melapor).	Denda atau penjara ≤ 5 tahun atau kedua-duanya.
s 19(1)(a) dibaca bersama s 9(1)	Parti atau wakil bebas atau calon bebas gagal mendedahkan kepada Suruhanjaya semua derma yang melebihi ambang dalam bentuk dan cara ditetapkan.	Denda atau penjara ≤ 5 tahun atau kedua-duanya.

Seksyen kesalahan	Penerangan ringkas	Hukuman yang boleh dikenakan
s 19(1)(a) dibaca bersama s 9(2)	Entiti atau perbadanan yang membuat derma melebihi ambang gagal mendedahkan derma itu kepada Suruhanjaya.	Denda atau penjara ≤ 5 tahun atau kedua-duanya.
s 19(1)(b) dibaca bersama s 12(1)	Parti gagal: (i) mendeposit semua derma atau yuran atau levi ke akaun bank atas nama parti; (ii) mengekalkan akaun berasingan untuk wang peruntukan Dana; (iii) melantik pegawai perakaunan; atau (iv) melantik juruaudit (jika berwakil).	Denda atau penjara ≤ 2 tahun atau kedua-duanya.
s 19(1)(b) dibaca bersama s 12(2)	Pegawai perakaunan parti gagal mengakaunkan pendapatan, memastikan wang Dana tidak digunakan bagi tujuan tidak dibenarkan, menyimpan buku atau rekod berasingan, atau menyediakan penyata dalam tempoh ditetapkan (serta langkah berkaitan penghantaran kepada juruaudit).	Denda atau penjara ≤ 2 tahun atau kedua-duanya.
s 19(1)(b) dibaca bersama s 12(4)	Gagal mengemukakan pendapat juruaudit dan penyata kewangan diaudit kepada Suruhanjaya dalam tempoh ditetapkan.	Denda atau penjara ≤ 2 tahun atau kedua-duanya.

Seksyen kesalahan	**Penerangan ringkas**	**Hukuman yang boleh dikenakan**
s 19(1)(b) dibaca bersama s 12(5)	Ketidakpatuhan berkaitan audit Ketua Audit Negara terhadap buku atau rekod atau pernyataan kewangan parti yang berkaitan wang peruntukan Dana.	Denda atau penjara ≤ 2 tahun atau kedua-duanya.
s 19(1)(b) dibaca bersama s 12A(1)	Wakil bebas gagal: (i) mendeposit derma ke akaun atas nama wakil bebas; (ii) membuka akaun berasingan daripada akaun peribadi untuk wang peruntukan Dana; (iii) melantik juruaudit; (iv) menyimpan buku atau rekod berasingan; atau (v) menyediakan atau menyerah penyata dan rekod kepada juruaudit.	Denda atau penjara ≤ 2 tahun atau kedua-duanya.
s 19(1)(b) dibaca bersama s 12A(3)	Wakil bebas gagal mengemukakan pendapat juruaudit dan penyata kewangan diaudit kepada Suruhanjaya dalam tempoh ditetapkan.	Denda atau penjara ≤ 2 tahun atau kedua-duanya.
s 19(1)(b) dibaca bersama s 12A(4)	Calon bebas gagal: mendeposit derma ke akaun berasingan daripada akaun peribadi, menyediakan penyata derma (termasuk tempoh sebelum pencalonan) dan atau atau maklumat pinjaman, serta menyerah dokumen sokongan yang ditetapkan.	Denda atau penjara ≤ 2 tahun atau kedua-duanya.

Seksyen kesalahan	Penerangan ringkas	Hukuman yang boleh dikenakan
s 19(1)(b) dibaca bersama s 12A(5)(a)	Apabila wakil bebas pertama kali menjadi ahli Dewan atau legislatif, gagal menyerahkan penyata yang dikehendaki kepada juruaudit.	Denda atau penjara ≤ 2 tahun atau kedua-duanya.
s 19(1)(b) dibaca bersama s 12A(5)(c)	Dalam situasi wakil bebas mula-mula menjadi ahli Dewan atau legislatif, gagal mengemukakan pendapat juruaudit dan penyata kewangan diaudit kepada Suruhanjaya.	Denda atau penjara ≤ 2 tahun atau kedua-duanya.
s 19(1)(b) dibaca bersama s 13(2)	Jika parti atau wakil bebas gagal dapat perwakilan selepas pilihan raya: gagal menutup buku dan membayar balik baki tidak dibelanjakan dalam 21 hari, atau gagal serah penyata kewangan diaudit dalam 3 bulan.	Denda atau penjara ≤ 2 tahun atau kedua-duanya.
s 19(3)	Membuat derma dengan jangkaan penerima akan mempengaruhi pemberian tender atau lesen atau kelulusan atau kebenaran atau pelonggaran syarat memihak penderma.	Denda (sebagaimana ditetapkan) atau penjara ≤ 5 tahun atau kedua-duanya.
s 19(4)	Membuat derma kepada ahli parti (bukan kepada parti) atau kepada wakil atau calon bebas untuk memintas peruntukan Bab 3.	Denda (sebagaimana ditetapkan) atau penjara ≤ 5 tahun atau kedua-duanya.

Seksyen kesalahan	**Penerangan ringkas**	**Hukuman yang boleh dikenakan**
s 19(5)	Ahli parti menerima derma bagi pihak sendiri untuk memintas Bab 3, atau mengambil untuk diri sendiri derma yang dimaksudkan kepada parti.	Denda (sebagaimana ditetapkan) atau penjara ≤ 5 tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan kesalahan ini tidak hanya mengikat penerima sumbangan dalam kalangan parti politik, calon bebas dan wakil bebas, tetapi juga pemberi sumbangan agar mematuhi kaedah pemberian sumbangan dan larangan yang dikenakan di bawah PFA 2018.

RUJUKAN

Bregman, J. (2025, June 18). *Money in politics newsletter I parliament threatens transparency, accountability (and more in political funding news)*. My Vote Counts. https://myvotecounts.org.za/money-in-politics-newsletter-i-parliament-threatens-transparency-accountability-and-more-in-political-funding-news/

National Treasury. (2025). *Estimates of national expenditure 2025*. https://www.treasury.gov.za/documents/National%20Budget/2025May/ene/Full ENE.pdf

Republic of South Africa, Department of Home Affairs. (2025, August 18). *Political Party Funding Act (6/2018): Regulations on Political Party Funding (Government Gazette No. 53182; Regulation Gazette No. 11871; Notice R. 275 of 2025*). https://www.gov.za/sites/default/files/gcis_document/202508/53182rg11871proc275.pdf

Republic of South Africa. (1996). Constitution of the Republic of South Africa, 1996. Department of Justice and Constitutional Development. https://www.justice.gov.za/constitution/SAConstitution-web-eng.pdf

Republic of South Africa. (1996). *Electoral Commission Act 51 of 1996*. Government Gazette, 376(17478). https://www.gov.za/sites/default/files/gcis_document/201409/act51of1996.pdf

Republic of South Africa. (2018). *Political Party Funding Act 6 of 2018 (consolidated version)*. Southern African Legal Information Institute (SAFLII). Retrieved February 22, 2026, from https://www.saflii.org/za/legis/consol_act/ppfa6o2018271.pdf

Republic of South Africa. (2024). *Electoral Matters Amendment Act 14 of 2024*. *Government Gazette*, 50624 (7 May) (General Notice 4790).

Thuynsma, H. A. (2025). Willing to be transparent? Assessing political parties' commitment towards regulating party aid in South Africa. *Policy Studies*. Advance online publication. https://doi.org/10.1080/01442872.2025.2464659

South African Parliament. (2018, March 27). *National Assembly Hansard (Unrevised): Political Party Funding Bill (Second Reading debate)*.

Steytler, N. (1998). *Public funding of represented political parties Act 103 of 1997 and the implementation of section 236 of the 1996 Constitution*. *Law, Democracy & Development, 2*(2), 243–259. https://www.saflii.org/za/journals/LDD/1998/17.pdf

4.10 JADUAL PERBANDINGAN ANTARA NEGARA-NEGARA PENANDAARAS

Hasil dapatan penandaarasan amalan-amalan terbaik negara-negara tersebut dapat dirumuskan seperti berikut:

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
1.	**PARAMETER 1: KEPERLUAN UNDANG-UNDANG**	Canada menggubal undang-undang pendanaan politik untuk mengekang pengaruh kewangan terhadap demokrasi. • Usaha awal bermula pada 1874 melalui *Dominion Elections Act 1874* di bawah kerajaan Liberal Alexander Mackenzie yang dipengaruhi *British Corrupt Practices Act 1854* dan memfokuskan kawalan perbelanjaan calon. • Antara pembaharuan 1874 ialah kewajipan calon melantik ejen pilihan raya untuk mengurus serta melaporkan perbelanjaan kempen. • Pada awal abad ke-20, kebimbangan timbul terhadap sokongan kewangan perniagaan dan kesatuan pekerja kepada parti dan calon. • Pindaan *Dominion Elections Act 1908* mengharamkan sumbangan korporat kepada calon buat pertama kali. • *Dominion*	Sebelum 2014, kawal selia pendanaan politik Sweden minimum dan undang-undang utama awal ialah *Act (1972:625) on State Financial Support to Political Parties* yang menyalurkan dana awam tetapi tidak mewajibkan pelaporan atau pendedahan sumber dana. • Pendedahan kewangan sebelum 2014 banyak bersifat self-regulatory melalui perjanjian seperti *Joint Agreement Concerning Openness about the Parties' Income* sejak 1980-an yang tidak mewajibkan penamaan penderma dan tidak mengikat. • Sehingga 2014, tiada perundangan khusus mengawal pendanaan swasta atau luar negara untuk parti. • Pada 2014, Sweden menggubal *Act (2014:105) on Transparency of Party Financing* terutama dipacu laporan GRECO	Kerangka pendanaan politik Germany bermula dengan pengiktirafan parti sebagai pelaku perlembagaan dalam Article 21 Basic Law 1949 yang mewajibkan parti mengakaunkan aset serta sumber dan penggunaan dana secara terbuka. • Basic Law meletakkan parti tertakluk ketelusan, akauntabiliti dan tatakelola kewangan yang boleh ditelusuri. • *Act on Political Parties (Parteiengesetz – PartG)* digubal pada 1967 untuk menginstitusikan ketelusan, pendedahan dan tertib perakaunan kewangan parti. • Koß (2025) membahagikan perkembangan kepada tempoh termasuk 1949–1966 sebagai era kawal selia sumbangan minimum walaupun ada kehendak pendedahan perlembagaan. • Pengecualian	Kerangka pendanaan politik New Zealand digambarkan lebih longgar berbanding banyak negara maju dari segi ketelusan, ambang pendedahan dan ketiadaan had derma. • Parti di New Zealand mempunyai sayap parlimen dan sayap bukan parlimen dengan sumber dana awam lebih tertumpu kepada fungsi parlimen dan penyiaran pilihan raya, manakala operasi parti luas bergantung pada dana sendiri terutama derma. asional kawal selia ialah mencegah perdagangan pengaruh, melindungi kesaksamaan penyertaan dan memastikan ketelusan untuk pengundi menilai pengaruh kewangan. • Krisis sekitar PRU 2005 menjadi pemangkin reformasi termasuk isu dana pihak ketiga	Pendorong utama kawal selia ialah sejarah rasuah, pertukaran sogokan untuk *political favors,* dan kebergantungan kepada dana korporat/chaebol. Kekangan politik dan pilihan raya mendorong parti bergantung pada penyokong kaya atau dana rahsia yang menyalahi lunas. Akta khusus dana politik diwujudkan untuk menstrukturkan penerimaan dana dan meningkatkan ketelusan. Skandal pendanaan haram berskala besar mencetus pembaharuan berterusan melalui pindaan akta.	Akta Campur Tangan Asing (Langkah Balas) 2021 atau Foreign Interference (Countermeasures) Act 2021 meletakkan kewajipan bahawa identiti penderma mesti dikenal pasti dan status penderma mesti dipastikan sebelum sumbangan diterima bagi menjamin ketelusan sumber dan penggunaan sumbangan politik (Seksyen 50(1), Seksyen 60(1)). Takrif sumbangan politik adalah luas dan merangkumi wang atau harta, perbelanjaan pihak ketiga, pinjaman bukan terma komersial, kemudahan atau perkhidmatan bukan terma komersial, penajaan, serta kerja dan perkhidmatan profesional sukarela mengikut kategori penerima yang ditetapkan (Seksyen 51(1) hingga Seksyen 51(5)). Undang-undang mensyaratkan	Kebimbangan 1990-an berkaitan kerahsiaan pembiayaan parti, sumbangan asing, sumbangan rahsia, ketiadaan had perbelanjaan kebangsaan dan ketiadaan pengawasan bebas mendorong pembaharuan melalui PPERA 2000. PPERA 2000 memperkenalkan ketelusan sumbangan, had perbelanjaan pilihan raya kebangsaan, larangan sumbangan asing dan menubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk pematuhan. Sumbangan bernilai melebihi £500 termasuk wang, barangan atau perkhidmatan tanpa bayaran atau terma bukan komersial perlu direkod dan dilaporkan serta merangkumi hadiah, penajaan, bayaran langganan atau afiliasi dan penggunaan ruang	• Selepas 1994, Afrika Selatan mereformasi undang-undang untuk menangani budaya kerahsiaan pendanaan politik yang berlarutan pra dan pasca-Apartheid, termasuk kebimbangan pengundi tidak mengetahui siapa membiayai parti dan pemimpin. • Kewajipan perlembagaan menetapkan bahawa undang-undang kebangsaan mesti menyediakan pendanaan kepada parti yang menyertai badan perundangan secara adil dan berkadaran untuk mengukuhkan demokrasi

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		Elections Act 1920 (S.C. 1920, c. 46) memperluas larangan kepada kesatuan sekerja dan persatuan tidak berdaftar. • Larangan awal sukar dikuatkuasakan kerana kelompongan seperti penyaluran dana melalui bonus pekerja yang kemudian disumbang kepada parti. • Laporan *Barbeau Committee (1966)* menyifatkan peraturan tersebut lemah, "hanya di atas kertas", dan tidak berkesan mengekang penyalahgunaan. • Larangan sumbangan korporat dan kesatuan akhirnya dimansuhkan pada 1930 kerana kelemahan penguatkuasaan. • *Barbeau Committee (1966)* dan *Chappell Committee (1970–1971)* kemudian mencadangkan reformasi lebih menyeluruh untuk ketelusan dan akauntabiliti. • Cadangan tersebut menjadi asas *Election Expenses Act 1974 (S.C. 1974, c. 51)* sebagai tonggak sistem	Council of Europe, bukan skandal domestik. • GRECO mendapati Sweden tidak memenuhi standard Recommendation Rec(2003)4 dan mengesyorkan pelaporan kempen, larangan derma tanpa identiti, pendedahan derma melebihi ambang, penerbitan laporan terkoordinasi, audit bebas, pemantauan bebas, dan sanksi berkesan. • Kajian susulan menghasilkan cadangan *Prop. 2013/14:70* dan membawa kepada penggubalan 2014. • Penulisan seterusnya berasaskan *Act (2018:90)* dan, jika relevan, *Act (1972:625)*.	cukai untuk sumbangan politik pada 1954 memberi insentif kepada perniagaan besar dan menimbulkan isu kesaksamaan yang membawa kepada keputusan Federal Constitutional Court. • Pada 1958, mahkamah mengiktiraf prinsip pendanaan awam tetapi menolak pengaturan cukai yang memberi kelebihan tidak seimbang kepada pembayar cukai berpendapatan tinggi. • Sumbangan tidak langsung melalui Citizens' Associations membawa kepada era 1966–1983 yang dicirikan sumbangan tanpa pendedahan. • Mahkamah mengehadkan pendanaan awam langsung kepada pembayaran berkaitan kempen pada 1966. • Pada awal 1990-an, mahkamah membenarkan semula pendanaan awam terus secara terhad dengan had relatif yang mengikat jumlah sumbangan awam kepada kadar pembiayaan persendirian.	dan penggunaan sumber awam secara partisan. • Reformasi ketat sementara berlaku melalui *Electoral Finance Act 2007* sebelum dimansuhkan, namun beberapa elemennya diterapkan semula ke dalam *Electoral Act 1993*.		pengasingan aliran wang melalui penubuhan dana sumbangan politik dalam akaun khas, disokong kewajipan pelaporan dan pengisytiharan, serta mekanisme sijil pematuhan sebelum penamaan calon bagi membentuk rantaian pematuhan daripada penerimaan hingga penguatkuasaan (Seksyen 62(1) hingga Seksyen 65(3), Seksyen 66(1) dan Seksyen 66(3), Seksyen 63(3) dan Seksyen 63(4)).	pejabat percuma atau diskaun besar. Suruhanjaya Pilihan Raya ditubuhkan sebagai badan korporat dan dipandu pertanggungjawaban institusi termasuk Jawatankuasa Yang Dipertua Dewan dan Panel Parti-parti Parlimen (seksyen 1(1), seksyen 2(1), seksyen 4(1)). Penyataan strategi dan dasar boleh ditetapkan oleh Setiausaha Negara dan Suruhanjaya mesti mengambil kira serta melaporkan pelaksanaan kepada jawatankuasa berkaitan (seksyen 4A(1) hingga 4A(3), seksyen 4B(2) dan seksyen 4B(4) hingga seksyen 4B(8)).	berbilang parti (seksyen 236 Perlembagaan 1996). • Kewajipan tersebut dipenuhi melalui Public Funding of Represented Political Parties Act 103 of 1997 yang menubuhkan Represented Political Parties' Fund dan membenarkan parti menerima sumbangan persendirian termasuk dari luar negara. • Kritikan terhadap rejim awal termasuk ketiadaan pendedahan dana persendirian, ketiadaan kawalan perbelanjaan kempen, dan ketiadaan kerangka bagi parti baharu tanpa kerusi. • Political Party Funding Act 6 of 2018 memperkenalkan ketelusan sumber dana, had sumbangan tahunan, larangan

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		pendanaan politik moden Canada. • Akta 1974 memperkenalkan had perbelanjaan calon/parti, pendedahan sumber dan identiti penyumbang, insentif cukai, serta pembiayaan awam melalui bayaran balik sebahagian perbelanjaan kempen. • Akta 1974 lebih kuat mengawal perbelanjaan berbanding sumber dana kerana tiada had jumlah sumbangan individu atau korporat. • Struktur asas 1974 kekal menjadi teras sistem pembiayaan politik Canada dan diperkemas melalui semakan seperti *Lortie Commission (1991)*. • Pada 1990-an, pola pembiayaan parti berbeza: Liberal dan Konservatif lebih bergantung kepada korporat, manakala NDP banyak bergantung kepada kesatuan. • Ketidakseimbangan sumber dana menimbulkan kebimbangan pengaruh berkepentingan terhadap dasar dan keputusan politik. • *Sponsorship Scandal* awal 2000-								sumbangan tertentu termasuk kerajaan asing, dan kewajipan pelaporan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk membolehkan pengundi menilai risiko "bayaran balik" kepada penderma besar. • Akta 2018 mula beroperasi pada 1 April 2021 dan dipinda melalui Electoral Matters Amendment Act 14 of 2024 untuk merangkumi calon bebas dan wakil bebas, hak menolak sumbangan, kesalahan baharu, serta perubahan nama pendek kepada Political Funding Act, 2018.

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		an mendedahkan penyelewengan dana awam untuk tujuan politik dan menggugat keyakinan rakyat. • Susulan skandal, pindaan besar dibuat melalui *Federal Accountability Act* dan perubahan pada *Canada Elections Act* yang mengehadkan sumbangan individu dan melarang sumbangan korporat serta kesatuan sekerja. • Reformasi pasca skandal turut memperkukuh pembiayaan awam bagi meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti.							
2.	**PARAMETER 2: RANGKUMAN PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG**	Undang-undang utama peringkat persekutuan ialah *Canada Elections Act (S.C. 2000, c. 9)* yang mengawal pembiayaan parti, calon, dan pihak ketiga. • CEA meliputi pendaftaran, sumbangan, perbelanjaan, pelaporan kewangan, dan penguatkuasaan untuk pilihan raya House of Commons dan aktiviti kewangan politik persekutuan. • Seksyen 2 dan 349 mentakrif entiti	*Act (2014:105)* dimansuhkan dan diganti dengan *Act (2018:90) on transparency in the financing of parties* berkuat kuasa 1 April 2018. • Seksyen 1 Akta 2018:90 menetapkan tujuan untuk memastikan ketelusan awam tentang bagaimana parti, ahli badan politik, dan pengganti membiayai aktiviti. • Akta 2018:90 mentakrif "contribution" sebagai pemberian wang/barang/perkhi	Seksyen 1 PPA menekankan peranan parti dalam demokrasi selaras Basic Law dan menyenaraikan fungsi parti seperti membentuk pendapat awam, pendidikan sivik, penyertaan politik, penamaan calon, pengaruh dalam parlimen/kerajaan, dan hubungan rakyat-negara. • Seksyen 2 PPA mentakrif parti sebagai persatuan warga yang secara berterusan mempengaruhi pendapat politik dan	Kerangka utama pendanaan politik nasional ialah *Electoral Act 1993* yang mengawal parti berdaftar, calon, dan *third-party promoters*. • Pilihan raya kerajaan tempatan ditadbir oleh *Local Electoral Act 2001* dengan rejim derma/perbelanjaan tersendiri.	• Seksyen 1 PFA menetapkan tujuan menjamin pengagihan dana politik adil, ketelusan hasil dan belanja, serta mencegah penyelewengan. • Akta menetapkan larangan umum menyumbang atau menerima dana politik selain melalui kaedah yang	Pemakaian akta merangkumi kategori luas melalui konsep orang yang signifikan dari segi politik (politically significant person) termasuk parti politik, calon, ejen pilihan raya calon, pemegang jawatan politik, ahli Parlimen, pegawai kanan parti politik dan pihak yang ditetapkan (Seksyen 14(a) hingga Seksyen 14(g)). Skop pemakaian ditentukan melalui takrif calon termasuk individu	Pemakaian akta meliputi parti politik, kempen pilihan raya, kempen pihak ketiga dan referendum dengan mekanisme pelaporan serta pematuhan berbeza mengikut kategori subjek kawal selia. Had perbelanjaan kempen parti berdaftar bagi pilihan raya umum Parlimen ditentukan berdasarkan bilangan kawasan ditandingi dan kadar gandaan mengikut bahagian United Kingdom serta had minimum tertentu	• Akta terpakai kepada pendanaan awam dan persendirian melibatkan parti politik, calon bebas dan wakil bebas, termasuk had, larangan, pelaporan, pendedahan dan penguatkuasaan. • Takrifan di bawah Seksyen 1 merangkumi parti diwakili,

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		seperti parti berdaftar, calon, calon kepimpinan, calon penamaan, dan pihak ketiga sebagai subjek pematuhan. • Takrif "candidate" merujuk calon yang penamaannya disahkan di bawah s 71(1) dan belum menyelesaikan pematuhan pelaporan tertentu bagi pilihan raya tersebut. • "electoral district association" ialah persatuan ahli parti dalam sesuatu kawasan pilihan raya. • "eligible party" ialah parti yang memenuhi kriteria pendaftaran di s 387. • "leadership contestant" ialah individu yang berdaftar dalam daftar pertandingan kepimpinan dan belum menyelesaikan pematuhan pelaporan berkaitan. • "nomination contestant" ialah individu yang dinamakan dalam laporan pertandingan pencalonan dan belum menyelesaikan pematuhan pelaporan berkaitan. • "third party" ditakrif secara	dmatan/apa-apa yang diterima tanpa balasan, dengan pengecualian kerja sukarela lazim dan perkhidmatan percuma lazim. • Akta mentakrif "anonymous contribution" sebagai pemberian daripada pihak yang identitinya tidak diketahui atau sukar dikenal pasti tanpa kesukaran ketara. • Skop Akta 2018:90 merangkumi pelaporan tahunan hasil/sumber pendapatan, larangan derma tanpa nama melebihi had, dan pemantauan oleh Kammarkollegiet. • *Act (1972:625)* mengawal tatacara dana awam kepada parti berkelayakan dan mewujudkan lembaga menentukan kadar.	menyertai representasi dalam Bundestag atau Landtag dengan jaminan kesungguhan melalui organisasi, ahli dan keterlihatan. • Seksyen 2(3) mengecualikan persatuan tertentu daripada status parti jika majoriti kepimpinan/ahli adalah orang asing atau pusat operasi di luar skop pemakaian. • PPA meliputi organisasi dalaman parti, penamaan calon, penerimaan dan penggunaan dana persendirian/awam, audit kewangan, serta kesalahan dan hukuman.		diperuntukkan. • Akta menekankan tadbir urus dana politik bersih, pengurusan wajar untuk elak syak wasangka awam, dan penerbitan bahan perakaunan parti. • Artikel 2(3) mengehadkan penggunaan dana kepada perbelanjaan aktiviti politik dan melarang perbelanjaan peribadi atau menyalahi undang-undang. • Artikel 2(4) mewajibkan sumbangan/pembayaran tertentu dibuat melalui instrumen yang mengesahkan identiti penyumbang. • Artikel 2(5) mengharamkan sumbangan menggunakan nama orang lain atau nama palsu. • Artikel 3 menyenaraikan kategori	yang telah dicalonkan atau mengisytiharkan niat untuk dicalonkan dalam tempoh tertentu, dan takrif pilihan raya yang merangkumi pilihan raya Parlimen dan pilihan raya Presiden (Seksyen 3(1) di bawah takrif calon, Seksyen 3(1) di bawah takrif pilihan raya). Undang-undang menetapkan apa yang dikira sebagai sumbangan politik mengikut penerima dan turut memperuntukkan pengecualian yang tidak dianggap sumbangan politik termasuk siaran politik percuma, komunikasi pilihan raya tanpa pos, geran atau subsidi kerajaan dalam kapasiti peribadi, serta sokongan keselamatan dan imbuhan rasmi tertentu (Seksyen 51(1) hingga Seksyen 51(5), Seksyen 52(1) hingga Seksyen 52(3)). Pemakaian diperluas secara bidang kuasa apabila kewajipan dan kesalahan tertentu berkuat kuasa walaupun perbuatan berlaku di luar Singapura jika	(Jadual 9 perenggan 3(1) hingga 3(4)). Akta mengiktiraf pihak ketiga diiktiraf dan peserta referendum melalui konsep sumbangan yang merangkumi derma, pinjaman atau pelepasan liabiliti kepada pelbagai penerima kawal selia (Jadual 19A perenggan 1(2)(a) hingga 1(2)(f)). Skim geran pembangunan dasar disediakan bagi parti berdaftar yang diwakili dengan syarat perwakilan tertentu di Dewan Rakyat (seksyen 12(1)(a) dan seksyen 12(1)(b)).	calon bebas dan wakil bebas, Suruhanjaya Pilihan Raya, Ketua Pegawai Eksekutif, serta orang asing mengikut kriteria kewarganegaraan atau status entiti. • Akta mengiktiraf peranan Ketua Audit Negara dalam pengauditan dan pelaporan kewangan Suruhanjaya bagi pelaksanaan akta. • Akta mentakrif sumbangan termasuk sumbangan bukan wang (donation in kind) seperti pinjaman bukan komersial, pembayaran perbelanjaan pihak lain, penyediaan aset atau perkhidmatan bukan komersial dan penajaan, tetapi mengecualikan

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		terperinci mengikut bahagian/divisi, dan umumnya ialah individu/kumpulan selain entiti parti/calon tertentu mengikut konteks tempoh pilihan raya. • Semua entiti tertakluk kepada kewajipan pendaftaran, pelaporan dan pematuhan mengikut bahagian khusus CEA. • Chief Electoral Officer di bawah s 16 bertanggungjawab melaksana dan memastikan pematuhan CEA termasuk kawalan pembiayaan, perbelanjaan dan pelaporan. • Bahagian 17 CEA mengawal pihak ketiga berkaitan pengiklanan pilihan raya, aktiviti partisan dan tinjauan, termasuk dalam "pre-election period". • "Pre-election period" bermula 30 Jun sebelum tarikh pilihan raya umum ditetapkan dan berakhir sehari sebelum bermulanya tempoh pilihan raya atau 37 hari sebelum Isnin tarikh pilihan raya (dengan variasi jika ada tarikh alternatif). • Di bawah s 353, pihak ketiga mesti berdaftar jika				dana politik seperti yuran keahlian, sokongan, deposit, subsidi, hasil sampingan tertentu, serta pemberian wang/sekuriti/ barangan kepada entiti dan individu politik yang ditentukan.	wujud kaitan hasil atau kesan di Singapura atau melalui saluran ditetapkan (Seksyen 115(1) dan Seksyen 115(2)).		perkhidmatan sukarelawan secara peribadi.

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		berhasrat berbelanja untuk iklan/aktiviti kempen dan perbelanjaan mencapai $500 CAD. • Seksyen 354 memerlukan pelantikan ejen kewangan pihak ketiga. • Seksyen 355 memperuntukkan pelantikan juruaudit bagi mengesahkan akaun perbelanjaan kempen pihak ketiga. • Seksyen 362 mewajibkan laporan perbelanjaan pihak ketiga dikemuka, disemak dan diterbitkan kepada umum. • Seksyen 351.1 melarang penerimaan atau penggunaan dana asing bagi aktiviti kempen. • Seksyen 350 menetapkan had maksimum perbelanjaan pihak ketiga semasa pilihan raya.							
3.	**PARAMETER 3: KEWUJUDAN BADAN KAWAL SELIA**	Pengawalseliaan persekutuan ditadbir oleh Chief Electoral Officer (Elections Canada) di bawah CEA. • Seksyen 13 menetapkan Chief Electoral Officer dilantik melalui resolusi House of Commons, berkhidmat 10 tahun "during good	Seksyen 29 Akta 2018:90 memberikan Kammarkollegiet fungsi penyeliaan pematuhan. • Seksyen 30 membolehkan Kammarkollegiet mengeluarkan arahan/injunksi pentadbiran dan mengikatnya dengan penalti untuk	PPA tidak mewujudkan badan kawal selia baharu dan peranan dibahagi antara Presiden Bundestag, Bundestag dan Bundesrechnungsh of bagi audit. • Seksyen 18(2) menetapkan had agregat maksimum dana awam dan Seksyen 18(6)	Regulator utama ialah *Electoral Commission (Elections NZ)* yang ditubuhkan di bawah s 4B *Electoral Act 1993* dan berfungsi sebagai *independent Crown entity*. • Struktur tadbir urus Suruhanjaya melibatkan lembaga tiga orang di bawah s	• Fungsi kawal selia PFA berpusat pada "competent election commission" termasuk National Election Committee (NEC). • NEC menerima	Menteri mempunyai kuasa melantik pihak berkuasa berwibawa (competent authority) untuk mentadbir keseluruhan akta atau bahagian tertentu dan pihak berkuasa ini wajib melaksanakan kuasa secara tidak berpihak,	• Suruhanjaya Pilihan Raya berfungsi sebagai teras kawal selia dan mempunyai identiti perundangan sebagai badan korporat (seksyen 1(1)).	• Akta tidak menubuhkan agensi baharu tetapi meletakkan fungsi kawal selia pada Suruhanjaya Pilihan Raya. • Suruhanjaya wajib membuka dan mengurus

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		behaviour", dan boleh dibuang atas sebab melalui proses melibatkan Senate dan House of Commons. • Seksyen 16 menggariskan kuasa/tugas utama seperti penyeliaan pilihan raya, memastikan pegawai bertindak adil dan mematuhi Akta, mengeluarkan arahan, dan melaksana fungsi pentadbiran Akta. • Seksyen 19 membolehkan pelantikan pegawai/kakitangan untuk pelaksanaan fungsi Akta. • Seksyen 21 membolehkan pewakilan fungsi tertentu untuk pelaksanaan yang cekap. • Untuk penguatkuasaan, CEA mewujudkan *Commissioner of Canada Elections* yang dilantik oleh Chief Electoral Officer selepas konsultasi dengan Director of Public Prosecutions melalui s 509. • Seksyen 509.1 meletakkan Pesuruhjaya dalam Pejabat Chief Electoral Officer dan s 509.2 menetapkan mandat utama memastikan pematuhan.	pematuhan. • Seksyen 34 membolehkan Kammarkollegiet mengurangkan atau mengecualikan fi lewat/fi khas atas alasan tertentu, dengan syarat lebih ketat bagi parti/organisasi pusat yang ada mandat atau menerima sokongan bawah Akta 1972:625. • Seksyen 31 membolehkan siasatan pematuhan berdasarkan aduan atau sebab khusus berkaitan kegagalan serah penyata hasil, maklumat salah, atau penerimaan derma tanpa nama melanggar Akta. • Dana awam parti pula diputuskan oleh Partibidragsnämnden yang tiada kuasa siasatan/penguatkuasaan di bawah Akta 1972:625.	membolehkan Bundestag menyesuaikan had selepas penyata akaun diterbitkan. • Presiden Federal Statistical Office perlu menyerah laporan indeks harga perbelanjaan parti kepada Bundestag setiap 30 April untuk tujuan pelarasan. • Presiden Bundestag menerima permohonan dan menentukan kadar pendanaan awam tahunan bagi parti yang layak menjelang 15 Februari setiap tahun melalui Seksyen 19a. • Seksyen 19a membenarkan penentuan sementara dan syarat deposit sekuriti jika prosedur semakan/penyiasatan di bawah Seksyen 23a dimulakan.	4D: Chief Electoral Officer (juga CEO), Chairperson dan Deputy Chairperson, dengan perbincangan tentang keperluan menambah saiz lembaga.	notis pelantikan dan perubahan person in charge of accounting mengikut Artikel 34 dan 35. • NEC menerima dan mentadbir laporan perakaunan mengikut Artikel 40 disokong oleh kewajipan rekod di Artikel 37 dan dokumen bukti di Artikel 39. • NEC mengurus pengumuman penerimaan laporan, tempoh pemeriksaan awam, dan akses salinan melalui Artikel 42 serta pengumuman rasmi melalui Artikel 64. • Artikel 60 mewajibkan suruhanjaya pilihan raya mempromosi kaedah dan keperluan sumbangan/deposit dana politik untuk	berintegriti, profesional serta tidak memihak atau memudaratkan mana-mana parti politik (Seksyen 105(1), Seksyen 105(2), Seksyen 105(4), Seksyen 105(5)). Pihak berkuasa berwibawa boleh melantik pegawai diberi kuasa (authorised officer) dan mendelegasikan kuasa untuk pentadbiran dan penguatkuasaan termasuk mendapatkan dokumen serta maklumat berkaitan keahlian asing, hubungan dengan prinsipal asing, sumbangan sukarela warga asing, dan perbelanjaan berulang serta modal untuk tujuan politik (Seksyen 107(1) hingga Seksyen 107(4), Seksyen 108(1)(a) hingga Seksyen 108(1)(d), Seksyen 108(2)). Reka bentuk badan kawal selia tidak semestinya melalui pendaftar khusus, tetapi melalui struktur pihak berkuasa berwibawa dengan kuasa penyiasatan, notis pematuhan,	• Suruhanjaya boleh mengarahkan audit akaun parti walaupun ambang tidak dipenuhi, melantik juruaudit jika audit tidak dibuat dan menuntut kos audit sebagai hutang parti (seksyen 43(2), seksyen 43(4) dan seksyen 43(5)). • Bendahari parti wajib menghantar penyata akaun kepada Suruhanjaya dalam tempoh ditetapkan dan Suruhanjaya boleh melanjutkan tempoh atas sebab khas (seksyen 45(1) hingga 45(3)). • Suruhanjaya wajib menyediakan salinan dokumen akaun untuk pemeriksaan umum sebagai mekanisme ketelusan masyarakat (seksyen	akaun bank untuk Political Representative Fund (PRF) dan Multi-Party Democracy Fund (MPDF), termasuk pengkreditan dana awam dan sumbangan persendirian serta pengurusan rekod perakaunan tahunan (Seksyen 2, Seksyen 3, Seksyen 5). • Suruhanjaya bertanggungjawab mengagih wang kepada parti diwakili dan wakil bebas menurut formula dan jadual ditetapkan (Seksyen 6 dan Jadual 2). • Suruhanjaya memantau pematuhan, boleh meminta maklumat dan dokumentasi, memasuki premis untuk pemeriksaan dokumen, dan jika tidak dipatuhi, boleh

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		• Seksyen 509.22 memperuntukkan kuasa langkah perlu termasuk siasatan bagi memastikan pematuhan. • Walaupun ditempatkan dalam OCEO, Pesuruhjaya menjalankan mandat penguatkuasaan secara bebas daripada Chief Electoral Officer sebagaimana diterangkan oleh Elections Canada.				memudahkan pematuhan.	kompaun kesalahan dan mekanisme tindakan susulan (Seksyen 105(1)(b), Seksyen 108(1), Seksyen 114(1) dan Seksyen 114(2)).	46(a) dan seksyen 46(b)).	memohon perintah pematuhan daripada Electoral Court (Subseksyen 14(1) hingga Subseksyen 14(3)). • Suruhanjaya boleh menyiasat aduan dan mengeluarkan arahan pematuhan sebelum mengenakan sekatan seperti menggantung pembayaran, mendapatkan semula wang atau mengenakan denda pentadbiran (Subseksyen 14(4), Seksyen 15, Seksyen 16, Seksyen 17, Seksyen 18). • Keputusan Suruhanjaya boleh disemak atau dirayu kepada Electoral Court (Seksyen 20). • Suruhanjaya boleh menubuhkan unit berasingan dan melantik Ketua Pegawai

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
									Eksekutif untuk dana dan unit tersebut (Seksyen 21). • Suruhanjaya wajib menyediakan laporan tahunan dana kepada Parlimen melalui proses audit Ketua Audit Negara (Seksyen 22).
4.	**PARAMETER 4: KEPERLUAN LEMBAGA PENASIHAT**	Seksyen 21.1(1) menubuhkan *Advisory Committee of Political Parties (ACPP)*. • Keanggotaan ACPP terdiri daripada Chief Electoral Officer sebagai pengerusi dan dua wakil daripada setiap parti berdaftar yang dilantik ketua parti. • Seksyen 21.1(2) menetapkan tujuan ACPP untuk memberi nasihat dan syor kepada Chief Electoral Officer tentang hal ehwal pilihan raya dan pendanaan politik. • Seksyen 21.1(3) menyatakan nasihat ACPP tidak mengikat Chief Electoral Officer. • Seksyen 21.1(4) mewajibkan mesyuarat	Tiada peruntukan khusus menubuhkan lembaga penasihat untuk memantau Kammarkollegiet atau Partibidragsnämnden. • Seksyen 13 Akta 1972:625 menyatakan keputusan Partibidragsnämnden muktamad dan tidak boleh dirayu. • Seksyen 38 Akta 2018:90 menyatakan keputusan Kammarkollegiet lazimnya tidak boleh dirayu kecuali injunksi s 30 dan fi s 32–33 yang boleh dirayu ke mahkamah pentadbiran.	Tiada peruntukan menubuhkan lembaga penasihat khusus untuk memantau Presiden Bundestag dalam pembiayaan parti. • Seksyen 21(2) memperuntukkan Bundesrechnungshof mengesahkan sama ada Presiden Bundestag menentukan dan menyalurkan dana awam mengikut undang-undang dan prosedur Seksyen 23a dijalankan dengan betul.	Model New Zealand tidak mewujudkan lembaga penasihat khusus, sebaliknya akauntabiliti melalui tadbir urus dalaman Suruhanjaya dan kerangka *Crown entities*.	Akta tidak mewujudkan Lembaga Penasihat berasingan untuk memantau badan kawal selia. Elemen pengawasan dilaksanakan melalui kewajipan pelaporan, audit, pendedahan umum, dan kuasa penyiasatan/penguatkuasaan yang berpusat pada NEC.	Menteri boleh melantik jawatankuasa penasihat (advisory committee) untuk memberi nasihat berkaitan pelaksanaan fungsi rayuan tertentu, namun keputusan akhir kekal pada budi bicara Menteri dan Menteri tidak terikat kepada konsultasi tersebut (Seksyen 102(1) dan Seksyen 102(2)). Akta turut mewujudkan Tribunal Semakan (Reviewing Tribunal) bagi rayuan tertentu, dengan tiga ahli dilantik oleh Presiden atas nasihat Kabinet dan dipengerusikan oleh Hakim Mahkamah Agung sebagai unsur pengawasan bebas bagi pemutusan	Jawatankuasa Yang Dipertua Dewan berfungsi sebagai saluran pertanggungjawaban Parlimen melalui kewajipan laporan berkaitan penyataan strategi dan dasar (seksyen 2(1), seksyen 4B(8)). Panel Parti-parti Parlimen menginstitusikan platform pandangan parti berdaftar dalam perkara berkaitan kerja Suruhanjaya (seksyen 4(1)). Penyataan strategi dan dasar Setiausaha Negara mewujudkan lapisan panduan dasar tambahan dan Suruhanjaya wajib melaporkan tindakannya terhadap penyataan	• Akta tidak mewujudkan lembaga penasihat khusus, tetapi pemantauan diwujudkan melalui kewajipan laporan tahunan dan audit Ketua Audit Negara terhadap laporan, buku dan rekod dana (Seksyen 22). • Semakan dan rayuan keputusan Suruhanjaya kepada Electoral Court berfungsi sebagai semak imbang institusi terhadap tindakan

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		sekurang-kurangnya sekali setahun dipengerusikan Chief Electoral Officer. • Seksyen 16.2 membolehkan Chief Electoral Officer mengeluarkan pendapat bertulis tentang pemakaian Akta kepada aktiviti dicadang, dan draf pendapat perlu dikongsi kepada Pesuruhjaya serta ACPP untuk ulasan 30 hari sebelum dimuktamadkan.					rayuan (Seksyen 94(1) hingga Seksyen 94(5), Seksyen 97(1) hingga Seksyen 97(3)).	tersebut (seksyen 4B(2) dan seksyen 4B(4)).	penguatkuasaan (Seksyen 20).
5.	**PARAMETER 5: PENDANAAN POLITIK**	CEA menetapkan kaedah, had dan prosedur sumbangan serta perbelanjaan untuk parti, calon, pihak ketiga dan aktor berkaitan. • Pendekatan CEA menekankan kebolehjejakan, pengauditan, pendedahan umum, dan pengurangan pengaruh kewangan berlebihan. • CEA mentakrif "contribution" merangkumi wang dan sumbangan bukan wang. • "Non-monetary contribution" ialah nilai komersial perkhidmatan (kecuali buruh sukarela), harta atau penggunaan harta/duit yang diberi percuma atau di bawah nilai komersial.	Seksyen 11 Akta 2018:90 merumus sumber pendapatan parti termasuk pelbagai bentuk dana awam, yuran ahli, jualan/loteri, kutipan tunai, pemberian individu/entiti, dan lain-lain. • Akta 2018:90 secara umum tidak menghadkan derma kecuali derma tanpa nama. • Seksyen 9 melarang penerimaan derma tanpa nama melebihi 0.05 price base amount (sekitar SEK 2,940 seperti dinyatakan). • Seksyen 10 mewajibkan bahagian derma tanpa nama yang melebihi had dipulangkan atau dibayar kepada Kammarkollegiet	Seksyen 24(4) menyenaraikan sumber pendapatan parti termasuk yuran ahli, sumbangan pemegang jawatan, derma orang semula jadi dan entiti, pendapatan perniagaan, aset, acara, dana awam, dan lain-lain. **Pendanaan separa awam:** Seksyen 18(1) menetapkan pendanaan awam sebagai pembiayaan separa berdasarkan undi, yuran/kontribusi pemegang jawatan, dan derma diterima. • Seksyen 18(2) menetapkan had atasan mutlak dana awam agregat tahunan seperti dinyatakan. • Seksyen 18(3) menetapkan formula nilai per	**Pendanaan Politik (Takrif sumbangan/derma)** • Takrif "donation" di Electoral Act 1993 (s 207) luas tetapi dikritik kurang menjelaskan inti "sumbangan". • Candidate donation vs party donation dibezakan, namun skop asasnya hampir sama (wang/barang/servis, diskaun, kredit murah). • Pengecualian utama: kerja sukarela bukan donation; barangan/servis percuma bawah ambang	• Kerangka PFA ditentukan oleh pengiktirafan jenis dana politik di bawah Artikel 3 dan saluran institusi/pelaku yang sah mengurus dana tersebut. • Artikel 2(3) menjadi had tujuan perbelanjaan untuk memastikan dana digunakan bagi aktiviti politik sahaja. • "Person in charge of accounting" menjadi nod pematuhan utama bagi kutipan, perbelanjaan, rekod, dan	**Pendanaan Politik** • Pendanaan politik dikawal melalui fokus pada ketelusan identiti penderma, kesahan sumber dan kebolehkesanan aliran wang, dengan takrif sumbangan merangkumi wang atau harta, pembayaran perbelanjaan pihak lain, pinjaman tidak komersial, penajaan, serta sumbangan berbentuk kerja dan perkhidmatan sukarela mengikut penerima (Seksyen 51(1) hingga Seksyen 51(7)).	**Pendanaan Politik** • Pendanaan politik dikawal melalui definisi, sekatan penerimaan, kewajipan pelaporan dan ketelusan awam untuk memastikan sumber dana boleh dikenal pasti serta dipertanggungjawabkan. • Deklarasi dalam laporan derma mengikat penerima bahawa derma yang diterima datang daripada penderma dibenarkan (Jadual 7	• Pendanaan politik melibatkan pembiayaan awam melalui PRF dan pendanaan persendirian melalui MPDF yang diuruskan Suruhanjaya. • PRF diwujudkan untuk meningkatkan demokrasi berbilang parti melalui pendanaan parti diwakili dan wakil bebas (Subseksyen 2(1)). • Peruntukan besar PRF termasuk R850 juta bagi 2023/2024 serta unjuran R335 juta bagi

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		• CEA membenarkan sumbangan berbentuk barang, perkhidmatan atau penggunaan aset pada kadar konsesi tetapi mewajibkan rekod dan pelaporan. • Seksyen 364(2) mengecualikan pemindahan barangan/perkhidmatan tertentu antara entiti parti dan calon yang dibenarkan daripada dianggap sumbangan. • Seksyen 364(3) mengecualikan pemindahan dana tertentu antara entiti parti dan calon yang dibenarkan daripada dianggap sumbangan. • Seksyen 363(1) membenarkan hanya individu warganegara Canada atau penduduk tetap untuk membuat sumbangan. • Jika menerima sumbangan daripada pihak tidak dibenarkan, penerima mesti memulangkan kepada penyumbang atau membayar nilai komersial kepada Chief Electoral Officer untuk disalurkan kepada Receiver General. • Larangan ini bermaksud	dalam 3 bulan selepas akhir tahun kewangan/kalendar, dan jika tidak dibuat derma dianggap diterima oleh penerima. • Amaun dibayar kepada Kammarkollegiet menjadi milik negara. • Seksyen 2 Akta 1972:625 menyatakan parti yang menang kerusi di Riksdag boleh menerima sokongan berdasarkan kadar per kerusi seperti dinyatakan dalam teks. • Parti lain mungkin layak bergantung pada undi atau prestasi lalu dan perlu memohon bertulis kepada Partibidragsnämnden yang dianggotai Presiden dan dua ahli dilantik Riksdag termasuk sekurang-kurangnya seorang hakim.	undi dan padanan untuk euro daripada sumber lain dengan had kiraan derma tertentu. • Seksyen 19a(2) menetapkan asas kiraan kadar dana awam berdasarkan undi sah pilihan raya terkini dan kontribusi diterima sebagaimana diterbit dalam penyata akaun. • Seksyen 19a(3) mewajibkan penyata akaun diserah sebelum 30 September dengan budi bicara lanjutan maksimum 3 bulan. • Kegagalan serah penyata boleh menyebabkan kehilangan hak terhadap dana awam mengikut aturan masa yang dinyatakan. • Dana awam terhad oleh had mutlak s 18(2) dan jika melebihi, pengurangan prorata dilakukan. **Pendanaan persendirian:** PPA tidak mentakrif “donation” tetapi mentakrif “income” di Seksyen 26 sebagai sebarang pembayaran wang atau manfaat nilai wang termasuk pengecualian liabiliti, tanggungan kos pihak lain untuk acara, pembubaran	dikecualikan (ambang berbeza calon/parti & NZ/overseas). • Konsep **contribution** cegah “cuci derma” melalui orang tengah; boleh wajibkan pendedahan penyumbang sebenar (s 207C). • **Reasonable market value** jadi “garis beza” jual beli biasa vs donation terselindung; beza nilai pasaran–harga dibayar = in-kind/discount donation. • **Perbelanjaan Politik** • Kerangka NZ: kawalan wang masuk (ketelusan), had perbelanjaan (permintaan), dan bantuan awam. • NZ tiada had maksimum sumbangan; fokus pada pendedahan, termasuk sumbangan asing yang cuba dihadkan. • Had perbelanjaan	pelaporan melalui Artikel 34–40. • Artikel 2(4) dan 2(5) menjadikan traceability identiti penyumbang sebagai teras kerangka. • Kerangka ini diikat oleh prinsip saluran sah, pengurusan wajar dan penerbitan perakaunan, had tujuan perbelanjaan, serta kebolehkesan identiti dan larangan penyamaran.	• Prinsip utama ialah larangan menerima daripada penderma tidak layak, kewajipan mengenal pasti penderma, kewajipan memulangkan sumbangan dilarang dalam tempoh bertenang, serta kewajipan merekod, melapor dan mengisytiharkan sumbangan yang melepasi ambang pelaporan untuk membina jejak audit boleh dikuatkuasakan (Seksyen 56, Seksyen 60(1) hingga Seksyen 60(4), Seksyen 53(1) dan Seksyen 53(2), Seksyen 62(1) dan Seksyen 65(3)). **Kawal Selia terhadap Sumber Pembiayaan Calon dan Parti** • Penderma yang dibenarkan (permissible donor) pada asasnya dihadkan kepada warganegara	perenggan 13(2)). • Sumbangan meliputi transaksi seperti pinjaman dan pelepasan liabiliti bagi parti, pihak ketiga dan peserta referendum mengikut kerangka masing-masing (Jadual 19A perenggan 1(2)(a) hingga 1(2)(f)). • Sistem pelaporan turut menangkap keadaan apabila derma ditangani menurut mekanisme pengurusan derma tidak boleh diterima (seksyen 62A(2)(a) dan seksyen 62A(2)(b)). **Kawal Selia terhadap Sumber Pembiayaan Calon dan Parti** • Derma melebihi £500 dalam bentuk wang, barangan atau perkhidmatan tanpa	2025/2026, R352 juta bagi 2026/2027 dan R367 juta bagi tahun berikutnya. • MPDF membenarkan sumbangan persendirian domestik atau luar negara tetapi melarang penerimaan daripada organ negara, perusahaan milik negara, kerajaan asing atau agensinya, dan wang yang disyaki hasil jenayah (Seksyen 3(4)). • Pengagihan dana kepada perwakilan dibuat menurut formula yang menggabungkan agihan berkadar dan saksama, termasuk peraturan 90 peratus berkadar dan 10 peratus saksama seperti dihuraikan dalam Jadual 2. • Dana boleh digunakan untuk fungsi parti dalam

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		sumbangan daripada syarikat, kesatuan sekerja atau entiti bukan individu adalah dilarang sepenuhnya. • Seksyen 367 menetapkan had sumbangan individu tahunan bagi parti tertentu, entiti parti berkaitan, calon bebas tertentu, dan pertandingan kepimpinan pada kadar $1,500 CAD bagi kategori yang dinyatakan. • Had s 367(1) meningkat $25 CAD pada 1 Januari setiap tahun. • Seksyen 366 menetapkan kewajipan merekod butiran sumbangan tertentu termasuk melalui acara kutipan dana dan maklumat acara. • Seksyen 371 melarang sumbangan tunai melebihi $20 CAD. • CEA membenarkan sumbangan tanpa nama tidak melebihi $20 CAD dengan kewajipan rekod lokasi, tarikh, jumlah penerima dan jumlah keseluruhan sumbangan tanpa nama. • Peruntukan s 434, 475.5, 476.76, 477.61, 478.82 menjadikan sumbangan tidak		rizab dan kenaikan nilai aset. • Seksyen 25 membenarkan penerimaan sumbangan tetapi mengecualikan sumbangan daripada sumber tertentu seperti dinyatakan termasuk entiti tertentu, sumber luar negara melebihi ambang tertentu, perusahaan milik awam, penderma tidak dikenal melebihi ambang, dan sumbangan dengan jangkaan balasan. • Seksyen 25(4) mewajibkan sumbangan terlarang diserahkan kepada Presiden Bundestag segera atau sebelum tarikh serahan penyata akaun.	parti sempit: terpakai pada **iklan pilihan raya** dalam tempoh **3 bulan** sebelum pilihan raya sahaja. • Kos kempen lain (perunding, polling, perjalanan, sewaan, dsb.) lazimnya tidak termasuk had. **Peruntukan Dana Awam (Public Funding)** • Sokongan awam untuk parti **di luar Parlimen** sangat terhad; yang besar ialah pembiayaan "parlimen" & peruntukan penyiaran pilihan raya. • Aktiviti bukan parlimen (contoh pembangunan dasar) umumnya tidak disubsidi → parti bergantung pada dana sendiri/derma. • **Election broadcasting allocation** ialah bentuk electioneering paling jelas; agihan sering jadi isu.		Singapura berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan entiti Singapura yang menjalankan perniagaan sepenuhnya atau terutamanya di Singapura, tertakluk pengecualian tertentu (Seksyen 55(1)(a) hingga Seksyen 55(1)(f)). • Larangan penerimaan sumbangan daripada penderma tidak layak dinyatakan tegas dan disokong kesalahan berkaitan pengaturan penyamaran serta penerimaan yang diketahui atau sepatutnya diketahui tidak sah (Seksyen 56, Seksyen 75(1), Seksyen 75(5)). • Akta menutup ruang proksi apabila sumbangan bagi pihak orang lain dianggap	bayaran atau terma bukan komersial wajib direkod dan dilaporkan, termasuk hadiah, penajaan, afiliasi serta penggunaan ruang pejabat percuma atau diskaun besar. • Parti dilarang menerima derma jika penderma bukan penderma dibenarkan atau identiti penderma tidak dapat dikenal pasti (Seksyen 54(1)(a) dan Seksyen 54(1)(b)). • Kategori penderma dibenarkan ditentukan secara senarai khusus untuk mengikat sumber dana kepada pertalian domestik yang boleh disahkan (Seksyen 54(2)(a) hingga Seksyen 54(2)(h)). • Deklarasi laporan	demokrasi moden tetapi tertakluk larangan seperti kegunaan peribadi, pembiayaan pertikaian dalaman, dan manfaat tertentu kepada pegawai atau pihak yang sudah menerima gaji negara, serta tindakan Suruhanjaya boleh diambil jika had penggunaan dilanggar. • Akta juga mengawal sumbangan langsung kepada parti, calon bebas dan wakil bebas termasuk larangan am sumbangan daripada kerajaan asing, orang atau entiti asing, organ negara dan perusahaan milik kerajaan, dengan pengecualian tertentu untuk latihan, pembanguna n kemahiran atau

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		sah jika melebihi ambang tertentu tetapi identiti atau alamat penderma tidak diketahui, dan amaun perlu diserah kepada Elections Canada untuk dibayar kepada Receiver General. • CEA menyediakan pembiayaan awam melalui bayaran balik perbelanjaan pilihan raya tertakluk pematuhan pelaporan dan audit. • Seksyen 444 memperuntukkan bayaran balik parti berdasarkan peratus tertentu perbelanjaan layak termasuk perbelanjaan aksesibiliti sehingga $250,000 CAD. • Subseksyen 477.73 dan 477.74 memperincikan bayaran balik calon bagi kategori perbelanjaan tertentu tertakluk penerimaan dan semakan penyata serta dokumen diperlukan di s 477.59.			• Isu kekal: sempadan antara fungsi legislatif vs aktiviti partisan dalam penggunaan sumber awam. **Pendanaan Swasta (Private Funding)** • Sekatan penderma terhad, **tiada had maksimum**, dan ambang pendedahan relatif tinggi. • Donation boleh berupa wang/barang/servis termasuk bawah nilai pasaran (s 207(2)), dengan pengecualian kerja sukarela & ambang rendah tertentu. • Had perbelanjaan pihak ketiga wujud tetapi terhad pada pengiklanan dalam tempoh terkawal. **Pendanaan Tanpa Nama (Anonymous Donation)** • Derma anonim besar dikawal: lebihan atas ambang perlu diserah/pulang ikut keadaan (s 207I) dan pengelakan boleh jadi		sumbangan berasingan dan butiran penderma sebenar mesti diberikan semasa penerimaan (Seksyen 72(1) hingga Seksyen 72(3)). • Bagi pihak ditetapkan di bawah Bahagian 4, pihak berkuasa boleh mengeluarkan arahan penderma dilarang dan mewajibkan pemulangan sumbangan selepas tarikh tertentu sebagai kawalan berlapis mengikut risiko (Seksyen 67(1)(b) dan Seksyen 67(1)(c), Seksyen 67(2)). **Perbelanjaan Politik** • Akta tidak menetapkan had maksimum perbelanjaan sebagai angka tunggal, tetapi mengawal perbelanjaan melalui pengkelasan	derma berfungsi sebagai instrumen penguatkuasaan dan pemalsuan atau kecuaian dalam deklarasi boleh menimbulkan liabiliti (Jadual 7 perenggan 13(2) dan 13(4)). • Pelaporan turut meliputi derma yang diterima atau yang ditangani melalui mekanisme penolakan atau pemulangan (seksyen 62A(2)(b)). **Perbelanjaan Politik** • Had perbelanjaan kempen parti berdaftar bagi pilihan raya umum Parlimen ditetapkan melalui formula gandaan bilangan kawasan ditandingi dan turut menetapkan had minimum mengikut	pembangunan dasar (Seksyen 8 dan Subseksyen 8(4)).

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
					corrupt/illegal (s 207J). • "Protected" anonymity: NZ person boleh derma > $1,500 melalui Electoral Commission (s 208A), tertakluk had (s 208B) dan larangan dedah identiti (s 208F). • Protected disclosures wujud tetapi kecil/rare dalam amalan (peratus sangat rendah). • **Pendanaan Asing (Foreign Donation)** • Calon/party secretary wajib ambil langkah munasabah tentukan status overseas bila ambang terlibat (s 207JA). • Prinsip utama: overseas donation/contribution **tidak boleh melebihi $50**; lebihan mesti dipulangkan/diserah (s 207K). • Pengelakan had dan "splitting" melalui badan korporat		apabila pihak lain membayar perbelanjaan calon atau parti yang dikira sebagai sumbangan politik dan tertakluk larangan sumber, pengesahan identiti serta pelaporan (Seksyen 51(1)(b), Seksyen 51(2)(b), Seksyen 53(1) dan Seksyen 60(1)). • Takrif sumbangan merangkumi penajaan serta kemudahan atau perkhidmatan bukan terma komersial yang lazimnya menanggung kos aktiviti politik, lalu memperluas kawalan kepada sokongan bukan tunai (Seksyen 51(1)(d) dan Seksyen 51(1)(e), Seksyen 51(2)(d) dan Seksyen 51(2)(e)). • Pihak berkuasa diberi kuasa menuntut	bahagian negara (Jadual 9 perenggan 3(2) dan 3(3)). • Kaedah pembahagian had disediakan apabila calon bertanding atas nama lebih daripada satu parti untuk mengelakkan penggandaan tidak seimbang (Jadual 9 perenggan 3(5) dan 3(6)). • Amalan had perbelanjaan kebangsaan sebanyak £30,000 bagi setiap kawasan ditandingi, had calon sekitar £10,000 hingga £16,000, serta had perbelanjaan pihak ketiga sehingga £500 per kawasan, termasuk had lebih tinggi bagi pihak ketiga diiktiraf mengikut wilayah. **(4.8.5.3 Peruntukan Dana**	

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
					dilarang sebagai corrupt/illegal (s 207L, s 207LA).		dokumen dan maklumat termasuk perbelanjaan berulang dan modal yang menjurus kepada tujuan politik untuk pemantauan pematuhan (Seksyen 108(1)(d), Seksyen 108(2)(a)(i) hingga Seksyen 108(2)(a)(iii)). **Peruntukan Dana Awam (Public Funding)** • Geran atau subsidi kerajaan kepada orang yang signifikan dari segi politik untuk manfaat peribadi dalam kapasiti peribadi tidak dianggap sebagai sumbangan politik bagi membezakan bantuan awam tertentu daripada rejim pelaporan sumbangan (Seksyen 52(1)(c)). • Mekanisme pemulangan dan pelucuthakan tertentu dimasukkan ke dalam	**Awam (Public Funding)** • Dana awam diiktiraf secara terhad melalui skim geran pembangunan dasar untuk membantu parti diwakili membangunkan polisi manifesto (seksyen 12(1)(a) dan seksyen 12(1)(b)). • Suruhanjaya mengemukakan syor kepada Setiausaha Negara mengenai terma skim dan Setiausaha Negara menetapkan skim termasuk kelayakan dan kaedah agihan (seksyen 12(2) hingga 12(4)). • Had keseluruhan geran tahunan tidak melebihi dua juta paun dan boleh diubah melalui perintah dengan persetujuan Perbendaharaan (seksyen	

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
							Kumpulan Wang Disatukan (Consolidated Fund) termasuk jumlah arahan pelucutan manfaat, pemulangan sumbangan tanpa nama, dan pelucuthakan sumbangan dilarang melalui perintah mahkamah (Seksyen 38(2), Seksyen 59(2), Seksyen 61(6)). **Pendanaan Swasta (Private Funding)** • Pendanaan swasta dibenarkan melalui penderma dibenarkan dan boleh berupa wang atau harta, yuran keahlian atau langganan parti, penajaan, serta sumbangan kerja dan perkhidmatan profesional sukarela (Seksyen 55(1)(a) dan Seksyen 55(1)(c),	12(8) dan seksyen 12(9)). **Pendanaan Swasta (Private Funding)** • Pendanaan swasta kekal utama tetapi dikawal melalui kewajipan saringan sumber penderma, rekod dan deklarasi pematuhan (Jadual 7 perenggan 13(2)). • Proses pengurusan derma tidak boleh diterima turut tertakluk kepada disiplin pelaporan dan rekod (seksyen 62A(2)(b)). **Pendanaan Tanpa Nama (Anonymous Donation)** • Undang-undang memperincikan prosedur pemulangan apabila identiti penderma tidak dapat dikenal pasti, termasuk pemulangan melalui orang perantara	

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
							Seksyen 51(2)(f) dan Seksyen 51(2)(g), Seksyen 51(1)(f)). • Sumbangan swasta hanya sah apabila identiti dan kelayakan penderma boleh disahkan, dan sumbangan yang melepasi ambang atau agregat pelaporan perlu didedahkan dengan butiran penderma yang ditetapkan (Seksyen 60(1)(a) dan Seksyen 60(1)(b), Seksyen 53(1) dan Seksyen 53(2), Seksyen 62(2)(c)). **Pendanaan Tanpa Nama (Anonymous Donation)** • Sumbangan tanpa nama ditakrif sebagai sumbangan yang identiti pemberi tidak dapat ditentukan kerana anonim, tipu daya atau penyembunyian, dan	atau institusi kewangan, dan jika tidak dapat, derma mesti dihantar kepada Suruhanjaya (seksyen 57(1)(a) hingga 57(1)(c)). • Pemulangan boleh dibuat melalui pemindahan jumlah setara bagi membolehkan pematuhan walaupun bentuk asal sukar dipulangkan (seksyen 57(2)). • Derma dihantar kepada Suruhanjaya dimasukkan ke Kumpulan Wang Disatukan (Consolidated Fund) (seksyen 57(3)). **Pendanaan Asing (Foreign Donation)** • Sekatan pendanaan asing beroperasi melalui penapis penderma dibenarkan dan kewajipan	

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
							larangan umum dikenakan kecuali keadaan terhad (Seksyen 3(1) di bawah takrif sumbangan tanpa nama (anonymous donation), Seksyen 57). • Pengecualian had siling dibenarkan dan pada asasnya ditetapkan pada lima ribu dolar bagi kategori utama, serta boleh diubah melalui peraturan (Seksyen 58(1), Seksyen 58(2)(a) hingga Seksyen 58(2)(d)). • Jika penerimaan dilarang, sumbangan mesti dipulangkan atau diserahkan kepada pihak berkuasa berwibawa, dan jumlah yang diterima pihak berkuasa dimasukkan ke Kumpulan Wang Disatukan (Consolidated	deklarasi bahawa derma datang daripada penderma dibenarkan (Jadual 7 perenggan 13). • Jika penderma tidak dapat dikenal pasti atau pengesahan gagal, derma perlu dipulangkan atau diserahkan kepada Suruhanjaya untuk dimasukkan ke Kumpulan Wang Disatukan (Consolidated Fund) (seksyen 57(1)(c) dan seksyen 57(3)).	

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
							Fund) (Seksyen 59(1)(a) hingga Seksyen 59(1)(c), Seksyen 59(2)). **Pendanaan Asing (Foreign Donation)** • Pendanaan asing dihalang melalui takrif orang asing dan prinsipal asing serta reka bentuk penderma dibenarkan yang mengecualikan orang asing daripada kategori penderma sah (Seksyen 4 di bawah takrif orang asing (foreigner) dan prinsipal asing (foreign principal)). • Larangan diterjemah melalui kesalahan mengatur penyamaran dan penerimaan sumbangan tidak sah apabila penerima mengetahui atau sepatutnya mengetahui status penderma (Seksyen 56,		

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
							Seksyen 75(1), Seksyen 75(5)). • Bagi pihak ditetapkan, arahan penderma dilarang boleh menyasar individu atau entiti asing tertentu dan mewajibkan pemulangan selepas tarikh dinyatakan (Seksyen 67(1)(b), Seksyen 67(1)(c), Seksyen 67(2)).		
6.	**PARAMETER 6: MEKANISME PENERIMAAN DANA**	Hanya ejen rasmi calon boleh menerima sumbangan atau meminjam wang bagi pihak calon dan mengeluarkan resit rasmi seperti di Subseksyen 477.47(1) hingga (6). • Seksyen 477.45 menetapkan ejen rasmi calon bertanggungjawab mentadbir transaksi kewangan kempen dan melapor mengikut Akta. • Seksyen 477.46 mewajibkan pembukaan akaun bank kempen calon di institusi kewangan Canada atau bank asing dibenarkan. • Subseksyen 477.46(3) mewajibkan semua	Selain larangan derma tanpa nama dan tatacara permohonan dana awam, Akta 2018:90 dan Akta 1972:625 tidak menetapkan tatacara terperinci penerimaan dana politik.	PPA tidak memperincikan mekanisme penerimaan secara terperinci tetapi Seksyen 25 menetapkan sumbangan yang diterima ahli bagi pihak parti perlu disalurkan segera kepada Exco yang bertanggungjawab kewangan. • Sumbangan dianggap "diperoleh" apabila Exco kewangan atau kakitangan sepenuh masa memperoleh kuasa pelupusan terhadap sumbangan. • PPA menyatakan sumbangan tunai dibenarkan sehingga €1,000 dan teks menyatakan	• Penerimaan sumbangan berpusat pada tanggungjawab setiausaha parti dan ejen/pegawai kempen yang berautoriti. • S 207B(1) mewajibkan sesiapa yang menerima derma calon menyalurkan kepada calon dalam 10 hari bekerja. • S 207B(2) mewajibkan sesiapa yang menerima derma parti menyalurkan kepada setiausaha parti atau	• Mekanisme penerimaan berbeza mengikut kategori dana politik di bawah Artikel 3. • Artikel 4(1) membenarkan kutipan yuran keahlian, dan Artikel 4(2)–(3) mewajibkan pemulangan yuran jika dibayar dengan nama palsu/nama orang lain melalui saluran suruhanjaya pilihan raya ke	• Parti berdaftar dilarang menerima sumbangan jika penderma bukan penderma dibenarkan atau identiti penderma tidak dapat dipastikan, termasuk keadaan anonim atau penyembunyian (Seksyen 54(1)(a) dan Seksyen 54(1)(b)). • Senarai penderma dibenarkan ditetapkan secara tertutup dan secara praktikal	• Seksyen 56 mewajibkan parti berdaftar segera mengesahkan identiti dan kelayakan penderma apabila sumbangan diterima, dan jika sumbangan tidak boleh diterima atau diputuskan untuk ditolak, parti mesti memulangkan sumbangan atau mengambil langkah yang dikehendaki bagi sumbangan tanpa identiti dalam 30 hari,	• Suruhanjaya wajib membuka akaun bank bagi PRF dan MPDF di bank berdaftar di bawah Banks Act, 1990 untuk menerima dana awam dan sumbangan persendirian (Subseksyen 2(2) dan 3(2)). • Penyumbang persendirian boleh membayar ke akaun MPDF dan penyumbang boleh meminta identiti

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		transaksi penerimaan wang dimasukkan ke akaun kecuali melibatkan dana calon sendiri untuk perbelanjaan litigasi atau perbelanjaan peribadi. • Bagi persatuan berdaftar dan entiti lain, ejen kewangan/ketua ejen bertanggungjawab terhadap penerimaan, rekod, pelaporan dan pembetulan termasuk pembayaran kepada Chief Electoral Officer jika butiran penderma tidak lengkap. • Seksyen 475.5 mewajibkan ejen kewangan persatuan berdaftar membayar amaun setara nilai sumbangan kepada Chief Electoral Officer jika nama atau alamat penderma bagi sumbangan melebihi ambang tidak diketahui. • Seksyen 426(3) menetapkan hanya ejen berdaftar parti boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi parti berdaftar. • Seksyen 475(3) dan 475(4) menetapkan hanya ejen kewangan persatuan boleh menerima sumbangan atau		pelanggaran tidak membawa sanksi tertentu tetapi memberi kesan sumbangan dianggap tidak diperoleh secara sah untuk tujuan kiraan dana awam dan pelaporan.	mendeposit ke akaun bank yang dinamakan setiausaha parti dalam 10 hari bekerja. • S 207BA menjadikan kegagalan mematuhi kewajipan pemindahan/deposit sebagai kesalahan dengan denda sehingga $40,000. • Party donation ditakrif sebagai derma diterima oleh pihak terlibat dalam pentadbiran parti yang nilainya, secara individu atau terkumpul, melebihi NZ$10,000.	National Treasury. • Artikel 5 mengawal kewajipan berkaitan resit dan pengurusan penerimaan yuran keahlian. • Artikel 6–9 mengatur pendaftaran, struktur, dan operasi supporters' associations untuk kutipan pembayaran sokongan. • Artikel 10 mensyaratkan penyaluran pembayaran sokongan kepada designation authority. • Artikel 11–13 menetapkan had sumbangan dan had kutipan mengikut jenis pilihan raya termasuk contoh had khusus dalam Artikel 12(4). • Artikel 14 membenarkan kutipan melalui kaedah tertentu termasuk pos,	mengikat penerimaan sumbangan kepada sumber domestik yang boleh disahkan (Seksyen 54(2)(a) hingga Seksyen 54(2)(h)). • Ruang proksi ditutup apabila sumbangan bagi pihak beberapa orang dianggap sumbangan berasingan dan butiran penderma sebenar wajib diserahkan semasa penerimaan, serta kegagalan adalah kesalahan (Seksyen 54(4), Seksyen 54(5), Seksyen 54(6) dan Seksyen 54(7)). • Jika sumbangan tidak dibenarkan atau tidak dapat dikenal pasti, sumbangan mesti dipulangkan dalam tempoh tiga puluh hari atau	jika gagal ia menjadi kesalahan (oleh parti dan bendahari atau bendahari sahaja mengikut keadaan), serta sumbangan dianggap diterima melainkan tindakan pemulangan atau langkah tersebut direkodkan dalam tempoh itu, dan sumbangan melalui akaun bank dikira diterima apabila parti dimaklumkan tentang kemasukan wang. • Tiada had jumlah sumbangan untuk parti selagi sumbangan melebihi £7,500 atau agregat melebihi £7,500 daripada sumber sama dalam tahun kalendar dilaporkan, dan pendedahan turut dikenakan bagi	disembunyikan. • Pengagihan dana kepada perwakilan dibuat menurut tempoh ansuran ditetapkan, termasuk empat ansuran sama rata dalam tahun kewangan dan penggantungan pembayaran jika pilihan raya diisytiharkan sebelum diagihkan semula kepada perwakilan baharu. • Parti, wakil bebas dan calon bebas perlu mendeposit sumbangan ke akaun bank atas nama mereka dan mengasingkan akaun sumbangan daripada akaun penerimaan dana PRF dan MPDF (Seksyen 12 dan Seksyen 12A).

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		membuat pinjaman bagi persatuan berdaftar termasuk urus penerimaan barangan/perkhidmatan atau pemindahan dana yang dibenarkan. • Seksyen 477.47(1) dan 477.46(1) menetapkan hanya ejen rasmi calon boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi calon. • Seksyen 478.73(1) dan 478.72(1) menetapkan hanya ejen kewangan calon kepimpinan boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi calon kepimpinan. • Seksyen 476.66(1) dan 476.65(1) menetapkan hanya ejen kewangan calon penamaan boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi calon penamaan.				komunikasi, resit rasmi, kad kredit, akaun deposit, dan melarang kutipan melalui rally. • Artikel 17 mewajibkan pengeluaran resit dana politik, dan Artikel 18 mengawal pemulangan pembayaran sokongan yang menyalahi peruntukan. • Artikel 15 mewajibkan publication dan advertisement berkaitan kutipan sebagai komponen ketelusan. • Artikel 2(4) mewajibkan kaedah pembayaran yang menjejak identiti termasuk had tertentu sumbangan tunai tahunan, dan Artikel 2(5) mengharamkan penggunaan nama palsu. • Artikel 25, 26, 27 mengatur	diserahkan kepada Suruhanjaya untuk dimasukkan ke Kumpulan Wang Disatukan (Seksyen 56(2)(a), Seksyen 57(1)(a), Seksyen 57(1)(b), Seksyen 57(1)(c) dan Seksyen 57(3)).	jumlah melebihi £1,500 daripada sumber sama. • Suruhanjaya mensyaratkan laporan suku tahunan yang mengandungi maklumat sumbangan dan pinjaman yang ditetapkan. • Penerimaan dikawal sebagai proses yang perlu direkod termasuk derma yang diterima atau ditangani melalui mekanisme pengurusan derma tidak boleh diterima (seksyen 62A(2)(a) dan seksyen 62A(2)(b)). • Jika identiti penderma tidak dapat dikenal pasti, prosedur pemulangan atau penyerahan kepada Suruhanjaya digunakan dan dana tersebut dimasukkan ke Kumpulan Wang Disatukan (Consolidated Fund) (seksyen	• Akta turut mengehadkan siapa boleh menerima sumbangan bagi pihak parti, seperti ahli parti hanya boleh menerima sumbangan bagi pihak parti politiknya (Subseksyen 10(2)).

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
						subsidi daripada National Treasury termasuk komponen galakan calon wanita dan struktur agihan. • Artikel 28–30 mengawal sekatan penggunaan subsidi termasuk mekanisme pengurangan dan pemulangan subsidi.		57(1)(a) hingga 57(1)(c) dan seksyen 57(3)).	
7.	**PARAMETER 7: MEKANISME PELAPORAN**	Seksyen 432 mewajibkan Ketua Ejen parti berdaftar mengemukakan *financial transactions return* kepada Chief Electoral Officer bagi setiap tempoh kewangan. • Pulangan kewangan parti meliputi sumbangan, pinjaman, jaminan, pemindahan, nilai komersial barangan/perkhidmatan diterima, dan sumbangan dipulangkan atau diurus mengikut Akta. • Seksyen 475.6 mewajibkan juruaudit melaporkan pulangan transaksi kewangan kepada	Seksyen 3 mewajibkan parti menyediakan penyata hasil tahunan termasuk bagi pertubuhan bukan untung dalam parti dan pengganti. • Penyata hasil perlu dihantar kepada Kammarkollegiet selewatnya 1 Julai selepas tahun kewangan/kalendar, dengan aturan khas bagi pengganti. • Seksyen 26 mewajibkan tandatangan wakil berwibawa atau individu, termasuk tandatangan elektronik jika diserah secara elektronik. • Seksyen 11 memperincikan kategori pendapatan yang mesti	Bahagian V PPA memperincikan kewajipan pelaporan kewangan dan kuasa pemantauan. • Seksyen 23 mewajibkan penyata umum akaun tahunan kepada Presiden Bundestag dan perlu dibincang Jawatankuasa Eksekutif parti. • Penyata akaun cabang nasional/Land/wilayah bertanggungjawab secara berasingan dan digabung di peringkat nasional. • Penyata perlu ditandatangani Exco kewangan sebagai pengesahan kebenaran maklumat. • Seksyen 24(1) menetapkan	• NZ tidak mengehadkan jumlah sumbangan tetapi mewajibkan pelaporan bagi hampir semua sumbangan melalui kerangka return calon dan return parti. • Subpart 5 (ss 209–209E) mewajibkan calon memfailkan return derma calon bersama return perbelanjaan pilihan raya. • Return calon merangkumi pendedahan	• Artikel 34 mewajibkan pelantikan pegawai perakaunan dan Artikel 35 mewajibkan pelaporan perubahan pegawai perakaunan. • Artikel 36 mengatur operasi perakaunan hasil dan perbelanjaan oleh pegawai perakaunan. • Artikel 37 mewajibkan penyelenggaraan buku dan catatan perakaunan, dan Artikel 38 memperincik	Pelaporan dibuat melalui laporan sumbangan kepada pihak berkuasa berwibawa yang mengandungi butiran sumbangan dan penderma, ditandatangani pihak bertanggungjawab serta disertakan pengisytiharan pematuhan yang ditetapkan (Seksyen 62(1) dan Seksyen 62(2)(a) hingga Seksyen 62(2)(e), Seksyen 64(a) hingga Seksyen 64(g), Seksyen 65(3)(a) hingga Seksyen 65(3)(c)). Garis masa pelaporan dibezakan antara pelaporan pra pilihan raya sebelum	Bendahari parti bertanggungjawab mengemukakan laporan suku tahunan kepada Suruhanjaya dan kelewatan dilaporkan membawa penalti berperingkat daripada £500 hingga £5,000 mengikut tempoh lewat. Kewajipan laporan derma boleh digantung selepas empat laporan berturut-turut tiada derma, tetapi hidup semula apabila wujud derma perlu direkod atau derma ditangani sebagai derma tidak boleh diterima (seksyen 62A(1) hingga 62A(3)	• Parti, wakil bebas dan calon bebas wajib memberikan maklumat dan dokumentasi yang ditetapkan atau diminta melalui arahan penguatkuasaan (Seksyen 11). • Parti mesti mendeposit semua sumbangan ke akaun atas nama parti, melantik pegawai perakaunan, dan melantik juruaudit berdaftar bagi

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		ejen kewangan persatuan jika persatuan menerima sumbangan atau menanggung perbelanjaan melebihi $10,000 dalam tempoh fiskal. • Calon penamaan dan calon pilihan raya tertakluk rejim pelaporan selepas pilihan raya termasuk sumbangan, perbelanjaan dan baki dana. • Seksyen 477.59 menetapkan prosedur semakan dan permintaan dokumen tambahan oleh Chief Electoral Officer untuk penyata kempen calon. • Seksyen 478.81 mewajibkan laporan berkala calon kepimpinan apabila jumlah sumbangan atau perbelanjaan melebihi $10,000 untuk tempoh ditetapkan. • Kandungan pelaporan konsisten termasuk keperluan menyatakan nama dan alamat penderma bagi sumbangan melebihi $200 CAD. • Kegagalan mengenal pasti nama dan alamat boleh menjadikan sumbangan tidak sah dan	dinyatakan. • Seksyen 14 menetapkan butiran tambahan untuk hasil loteri tertentu termasuk bilangan tiket dan harga per tiket. • Seksyen 23 mewajibkan audit penyata hasil jika entiti wajib melantik juruaudit di bawah peraturan lain dan audit menilai pematuhan penyediaan mengikut Akta serta memerlukan pernyataan bertulis juruaudit. • Seksyen 25 memperuntukkan pengecualian pelaporan untuk entiti tertentu apabila jumlah hasil rendah selepas potongan tertentu termasuk aturan yuran ahli.	penyata mengandungi ringkasan pendapatan/perbelanjaan, penyata aset/liabiliti, dan nota penerangan. • Seksyen 29 dan 30 menetapkan audit termasuk skop sampel cawangan, pemeriksaan rekod/aset, laporan audit dan sijil audit dilampirkan bersama penyata. • Seksyen 31 menetapkan syarat kelayakan dan kebebasan juruaudit serta tanggungjawab teliti dan kerahsiaan. • Presiden Bundestag wajib memeriksa pematuhan penyata dan boleh meminta penjelasan serta pengesahan juruaudit jika ada bukti ketidaktepatan. • Presiden boleh melantik juruaudit bebas dengan persetujuan parti untuk semakan pematuhan, dengan kos ditanggung Presiden, dan parti perlu beri akses dokumen. • PPA mewajibkan pelaporan segera derma tunggal melebihi €50,000 dan pendedahan penderma bagi amaun melebihi ambang tertentu	derma agregat > $1,500, contribution besar jika s 207C terpakai, derma anonim melebihi ambang, dan derma/contribution overseas melebihi $50 termasuk pemulangan/serahan. • S 209B–209C memperuntukkan kesalahan lewat/tidak fail/palsu serta kewajipan simpan rekod untuk verifikasi. • S 209E membenarkan return calon diterbitkan dan tersedia untuk pemeriksaan awam. • Subpart 6 (ss 210–210F) mewujudkan dua laluan pelaporan parti melalui laporan tahunan dan laporan segera derma besar dalam tempoh tertentu. • S 210 menetapkan tarikh akhir annual return selewat-lewatnya 30 April tahun	an aspek perakaunan parti politik. • Artikel 39 menekankan disiplin dokumen pembuktian seperti resit dan dokumen sokongan. • Artikel 40 mewajibkan penyediaan dan penghantaran accounting report mengikut tarikh akhir yang ditetapkan. • Artikel 41 mensyaratkan audit dalaman bagi laporan perakaunan dalam keadaan tertentu termasuk resolusi organ berkaitan dan lampiran audit opinion. • Artikel 44 mengawal pemindahan dan penyimpanan dokumen selepas laporan dibuat termasuk pilihan penyimpanan oleh suruhanjaya	hari penamaan calon, pelaporan pasca pilihan raya selepas keputusan diterbitkan, dan pelaporan tahunan pada akhir Januari, serta sijil sumbangan politik boleh dikeluarkan sebagai bukti pematuhan pra pilihan raya yang berkesan secara konklusif (Seksyen 63(1)(a) hingga Seksyen 63(1)(d), Seksyen 63(3) dan Seksyen 63(4)). Pelaporan turut dikenakan kepada penderma besar apabila jumlah terkumpul mencapai ambang, termasuk kewajipan pengisytiharan dan kesalahan jika laporan tidak mematuhi kehendak atau pengisytiharan palsu dibuat (Seksyen 70(1), Seksyen 70(2)(a) hingga Seksyen 70(2)(e), Seksyen 70(5)).	dan seksyen 62A(2)(b)). • Pelaporan boleh menjadi lebih intensif semasa pilihan raya melalui pelaporan mingguan dan deklarasi berkaitan, serta wujud kesalahan bagi deklarasi palsu dibuat secara sengaja atau cuai melulu (seksyen 66(4) dan seksyen 66(5)). • Pelaporan mingguan boleh diluaskan kepada pilihan raya lain melalui perintah Setiausaha Negara selepas perundingan dengan Suruhanjaya dan parti berdaftar (seksyen 67(1)(a) hingga 67(1)(c)).	parti berwakil, termasuk kewajipan menyediakan dan menyerahkan penyata kewangan beraudit (Seksyen 12). • Wakil bebas dan calon bebas tertakluk mekanisme pelaporan, pengasingan akaun, audit dan penyerahan penyata mengikut struktur selari (Seksyen 12A). • Ketua Audit Negara boleh mengaudit pada bila-bila masa yang munasabah buku dan rekod parti berkaitan wang daripada PRF (Subseksyen 12(5)). • Suruhanjaya wajib menyediakan laporan tahunan bagi PRF dan MPDF, mendapatkan audit Ketua Audit Negara dan menyerahkan

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		menimbulkan kesalahan jika sumbangan digunakan. • Seksyen 384.2 mewajibkan parti menerbitkan maklumat acara kutipan dana terkawal di laman sesawang sekurang-kurangnya 5 hari sebelum acara bermula. • Penganjur acara juga perlu memberi notifikasi kepada Chief Electoral Officer dalam tempoh masa yang sama dengan keperluan penerbitan.		dalam penyata. • PPA membenarkan pengecualian audit untuk parti kecil yang tidak memenuhi syarat tertentu dan mempunyai pendapatan/aset tidak melebihi €5,000.	berikutnya bagi tahun kalendar. ● Annual return parti mewajibkan pendedahan donor agregat setahun > $5,000 termasuk nama, alamat, amaun, dan tarikh. ● Annual return parti mewajibkan pendedahan contributions besar apabila derma dibiayai contributions serta maklumat derma anonim/overseas melebihi ambang termasuk tindakan pemulangan/serahan. ● Annual return parti mewajibkan pendedahan derma terlindung yang diterima melalui Suruhanjaya serta ringkasan derma kecil mengikut kategori jalur nilai tertentu. ● S 210A mewajibkan audit annual	melalui persetujuan.			kepada National Assembly (Seksyen 22).

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
					return jika jumlah derma setahun melebihi $50,000 atau jika wujud ciri pinjaman tertentu walaupun derma tidak melebihi $50,000. • S 210C mewajibkan "large donation return" dalam 10 hari bekerja apabila derma melepasi ambang agregat tertentu dalam "specified period" berkait pilihan raya. • Subpart 7 (ss 210G–210H) memperkenalkan kewajipan penyata kewangan tahunan parti berkuat kuasa 1 Jan 2023 sebagai lapisan ketelusan tambahan. • S 210G menetapkan bila dan bagaimana annual financial statements perlu dihantar, termasuk tarikh akhir enam bulan				

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
					selepas balance date dan default balance date 31 Mac. • S 210H mewajibkan salinan auditor's report diserah bersama penyata jika audit memang diwajibkan oleh undang-undang lain atau perlembagaan parti. • Perenggan penjelasan menyatakan amalan pendedahan segera sumbangan besar, perubahan ambang, dan perbahasan tentang Electoral Amendment Bill yang menjejaskan ketelusan segera. • Ringkasan akhir menyatakan tiada had maksimum sumbangan, keperluan pendedahan mengikut jalur, pelaporan pinjaman, dan corak penggunaan				

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
					mekanisme derma terlindung yang sangat kecil.				
8. ‘	**PARAMETER 8: KEWAJIPAN PENDEDAHAN UMUM**	CEA mewajibkan laporan kewangan diterima Chief Electoral Officer dikemuka dalam bentuk ditetapkan, disemak, dan didedah kepada umum melalui saluran rasmi. • Seksyen 432(1) mewajibkan parti berdaftar menghantar pulangan transaksi, laporan juruaudit, dan perisytiharan ketepatan/kesempurnaan. • Seksyen 432(1)(c) mewajibkan pendedahan butiran sumbangan melebihi $200 termasuk nama/alamat penderma, jumlah sumbangan, dan tarikh penerimaan. • Persatuan berdaftar tertakluk kewajipan pelaporan/audit apabila ambang tertentu dicapai dan kewajipan pembayaran kepada Chief Electoral Officer jika butiran penderma tidak lengkap. • Rejim pelaporan calon termasuk *electoral campaign return*, laporan	Akta 2018:90 mewujudkan pendedahan umum melalui penerbitan penyata hasil oleh Kammarkollegiet dan penerbitan maklumat bantuan parti oleh wilayah/perbandaran. • Seksyen 27 mewajibkan Kammarkollegiet menerbitkan penyata hasil di laman web tetapi identiti penderma individu tidak diterbitkan. • Seksyen 27 juga mewajibkan penerbitan maklumat bayaran berkaitan derma tanpa nama tidak boleh diterima termasuk jumlah dan entiti pembayar. • Seksyen 28 mewajibkan wilayah/perbandaran yang memberi bantuan parti di bawah Local Government Act mendedahkan parti penerima dan jumlah di laman web.	PPA tidak mewajibkan parti menerbitkan penyata sendiri tetapi mewujudkan akses awam melalui peranan Presiden Bundestag. • Presiden Bundestag perlu mengedarkan penyata akaun sebagai Bundestag printed paper dan menyediakan laporan dwitahunan serta gambaran tahunan kewangan parti. • Pembetulan penyata selepas proses semakan turut diedarkan sebagai Bundestag printed paper dengan pengecualian maklumat tertentu yang mesti dipadam atau dirujuk pihak berkuasa. • Laporan derma melebihi €50,000 beserta nama penderma juga diterbitkan sebagai Bundestag printed paper yang boleh diakses melalui portal awam.	• Suruhanjaya boleh menerbitkan pulangan perbelanjaan parti, pulangan derma calon, dan pulangan derma parti menjadikan data tersedia kepada umum. • Electoral Commission lazimnya menyiarkan maklumat melebihi ambang dengan cepat, tetapi undang-undang tidak menetapkan tempoh masa khusus bagi pendedahan awam. • Pindaan yang mengehadkan pendedahan segera sumbangan besar hanya kepada tahun pilihan raya dianggap melemahkan ketelusan kerana sumbangan besar boleh mempengaruhi politik dengan cepat.	• Prinsip pendedahan umum disandarkan pada Artikel 2(2) mengenai penerbitan bahan perakaunan dana politik. • Artikel 15 mewajibkan pendedahan ketika kutipan pembayaran sokongan melalui publication dan advertisement. • Artikel 42 mewajibkan pengumuman penerimaan laporan, tempoh pemeriksaan awam, akses salinan, dan penyimpanan dokumen iringan untuk semakan awam. • Artikel 64 mewajibkan public announcement bagi tindakan pentadbiran tertentu termasuk penerimaan	• Notis awam berkaitan arahan, penetapan dan direktif mesti diterbitkan pada laman sesawang rasmi pihak berkuasa berwibawa dan melalui kaedah lain yang memastikan publisiti mencukupi (Seksyen 116(a) dan Seksyen 116(b)). • Arahan ketelusan bagi bahan politik berpautan asing boleh menghendaki pendedahan identiti penulis dan kewarganegaraan, identiti prinsipal asing, kenyataan pautan asing, serta kenyataan bahawa pendedahan dibuat di bawah akta (Seksyen	• Suruhanjaya wajib menyediakan salinan akaun parti untuk pemeriksaan umum dan mengekalkan ketersediaannya mengikut tempoh simpanan ditetapkan (seksyen 46(a) dan seksyen 46(b)). • Bagi pulangan perbelanjaan terkawal pihak ketiga, Suruhanjaya menyediakan salinan untuk pemeriksaan umum tetapi melindungi alamat penderma individu daripada didedahkan kepada umum (seksyen 100(1)(a), seksyen 100(1)(b) dan seksyen 100(2)).	• Pihak penerima wajib mendedahkan kepada Suruhanjaya semua sumbangan melebihi ambang dalam bentuk dan cara ditetapkan (Seksyen 9). • Entiti perundangan yang membuat sumbangan melebihi ambang juga wajib mendedahkan sumbangan kepada Suruhanjaya (Subseksyen 9(2)). • Suruhanjaya mesti menerbitkan pendedahan sumbangan secara suku tahunan untuk akses awam (Subseksyen 9(3)). • Hak akses maklumat awam kekal terpelihara melalui peruntukan

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		juruaudit jika berkenaan, dan mekanisme semakan/pembetulan/lanjutan masa di bawah peruntukan seperti s 477.59, 477.62, 477.65, 477.66 dan 477.67. • Seksyen 384.3 mewajibkan laporan kepada Chief Electoral Officer bagi acara kutipan dana tertentu dan Chief Electoral Officer perlu menerbitkan laporan secepat sesuai mengikut kaedah yang difikirkan patut. • Amalan dinyatakan bahawa Elections Canada akan menyemak laporan untuk kelengkapan sebelum diterbitkan dalam laman sesawang bagi akses umum kecuali dilarang oleh CEA.			• Setiausaha parti mesti mengemukakan penyata tahunan yang menyenaraikan party donation diterima, termasuk nama dan alamat penderma jika diketahui. • Jika identiti penderma tidak diketahui oleh calon atau pegawai parti, sumbangan disenaraikan sebagai anonymous. • Juruaudit parti perlu mengesahkan sama ada penyata tahunan mencerminkan sumbangan yang diterima.	laporan, pendaftaran/ pembatalan, pembayaran dana, dan urusan pemulangan subsidi.	81(2), Seksyen 81(3)(a) hingga Seksyen 81(3)(d), Seksyen 82(a) dan Seksyen 82(b)). • Pihak berkuasa boleh menerbitkan kenyataan ketidakpatuhan penyedia perkhidmatan terhadap arahan tertentu sebagai mekanisme ketelusan dan tekanan pematuhan (Seksyen 44(1) dan Seksyen 44(2)).		yang menyatakan pendedahan ini tidak menjejaskan hak di bawah Promotion of Access to Information Act, 2000 (Seksyen 9(4)).
9.	**PARAMETER 9: KESALAHAN DI BAWAH AKTA**	CEA memperuntukkan pelbagai kesalahan kewangan yang boleh dikelaskan kepada kesalahan am kewangan, kesalahan acara pengumpulan dana, dan kesalahan mengikut kategori entiti. • Seksyen 497(1) merangkumi kesalahan melanggar syarat siapa boleh	Akta 2018:90 menekankan rejim pentadbiran dan fi penalti, bukan kesalahan jenayah tradisional. • Seksyen 30 membolehkan injunksi berserta penalti. • Seksyen 31 membolehkan siasatan terhadap kegagalan serah penyata, ketidaktepatan, dan pelanggaran derma	Seksyen 31a membenarkan pembatalan keputusan peruntukan dan tuntutan bayar balik jika pelaporan salah menjejaskan kiraan dana awam. • Seksyen 31b mengenakan liabiliti kewangan berganda bagi ketidaktepatan penyata termasuk formula khas bagi aset nyata atau pegangan	• Sejak Corrupt Practices Prevention Act 1881, perbelanjaan pilihan raya tertentu seperti sogokan atau jamuan pengundi diharamkan sebagai amalan rasuah dan masih relevan hingga kini.	• Artikel 45(1) menjenayahkan sumbangan atau penerimaan dana politik melalui kaedah tidak diperuntukkan oleh Akta kecuali pengecualian tertentu, dengan hukuman penjara kerja	• Kesalahan merangkumi kegagalan memulangkan sumbangan dilarang dalam tempoh bertenang apabila penerima mengetahui atau bersikap melulu terhadap larangan, serta	• Deklarasi palsu tentang penderma dibenarkan adalah kesalahan jika dibuat dengan sengaja atau cuai melulu (Jadual 7 perenggan 13(2) dan 13(4)). • Deklarasi palsu berkaitan	• Suruhanjaya boleh menggantung pembayaran daripada PRF dan MPDF jika perwakilan gagal mematuhi akta selepas arahan pematuhan dikeluarkan (Seksyen 16 dan Seksyen 15).

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		menyumbang, urus sumbangan tanpa nama secara tidak sah, pindahan dana terlarang, gagal patuhi resit/rekod, memintas had/larangan, menyembunyikan asal sumbangan, sumbangan melalui orang tengah, gagal memulangkan sumbangan tidak sah, melanggar peraturan pinjaman/jaminan, dan gagal dokumentasi bayaran/perbelanjaan. • Seksyen 497(2) memperuntukkan kesalahan jika pelanggaran dibuat dengan pengetahuan. • Seksyen 497.01 memperuntukkan kesalahan berkaitan kewajipan pemberitahuan, pelaporan dan pembetulan bagi acara kutipan dana terkawal serta kewajipan pemulangan sumbangan dan dokumen sokongan. • Seksyen 497.1 memperuntukkan kesalahan oleh parti berdaftar bagi kegagalan pelaporan/tadbir urus serta kesalahan jika pelanggaran dibuat dengan pengetahuan. • Seksyen 497.2	tanpa nama. • Seksyen 32 menetapkan fi lewat dengan kadar berbeza mengikut kategori entiti seperti dinyatakan dalam jadual. • Seksyen 33 menetapkan fi khas bagi hasil terlalu rendah, ketidakpatuhan maklumat, dan pelanggaran derma tanpa nama termasuk kadar gandaan.	kepentingan syarikat. • Seksyen 31c mengenakan liabiliti berganda atau tiga kali ganda bagi penerimaan derma terlarang atau kegagalan pendedahan derma. • Seksyen 31d memperuntukkan kesalahan jenayah dengan penjara atau denda bagi penyembunyian sumber/penggunaan dana melalui data palsu, pemecahan derma untuk penyamaran, kegagalan serah derma kepada Exco kewangan, dan salah laku juruaudit.	• Memberi wang secara sedar untuk tujuan yang bercanggah dengan Electoral Act 1993 boleh menjadi amalan haram. • Terdapat larangan khusus membayar pengundi untuk memaparkan notis pilihan raya di rumah atau tanah mereka walaupun rasionalnya dipersoalkan. • S 207M–207N mewajibkan calon/party secretary menyimpan rekod derma dan kegagalan adalah kesalahan. • S 207O mewajibkan Suruhanjaya melapor kesalahan kepada Polis kecuali terlalu remeh. • S 210D–210E memperuntukkan kesalahan lewat/tidak fail/palsu atau gagal simpan rekod.	berat sehingga 5 tahun atau denda sehingga 10 juta won. • Artikel 45(2) mengkriminalkan penubuhan/pengendalian supporters' association tidak sah, pelanggaran had sumbangan/kutipan, pelanggaran tatacara kutipan, dan pelanggaran larangan sumber tertentu, dengan hukuman penjara kerja berat sehingga 5 tahun atau denda sehingga 10 juta won. • Artikel 45(3) memperuntukkan pelucuthakan wang/barangan/kepentingan harta atau kutipan nilai setara bagi kesalahan tertentu. • Artikel 46 mengkriminalkan pemalsuan/manipulasi	kesalahan menerima sumbangan daripada penderma tidak dibenarkan apabila penerima mengetahui atau sepatutnya mengetahui status penderma (Seksyen 60(4)(d) hingga Seksyen 60(4)(f), Seksyen 75(5)). • Kesalahan turut merangkumi kegagalan mewujudkan dana sumbangan politik, kegagalan memasukkan wang ke akaun dana tanpa alasan munasabah, kelewatan laporan, laporan tidak lengkap, pengisytiharan palsu, serta pengaturan untuk mengelak larangan melalui penyamaran atau penyembunyian (Seksyen	laporan derma semasa tempoh pelaporan tertentu juga dikriminalkan (seksyen 66(5)). • Jadual penalti memperuntukkan hukuman bagi kegagalan menyediakan maklumat penderma dan kesalahan tertentu boleh membawa denda atau pemenjaraan sehingga satu tahun bergantung pada peruntukan dilanggar (Jadual 20, rujukan kepada perenggan 6(7) Jadual 11 dan perenggan 6(8) Jadual 15). • Walaupun peraturan ketat, kelompongan wujud dan penalti berat jarang dikuatkuasakan, termasuk contoh siasatan "cash for	• Suruhanjaya boleh mendapatkan semula wang diterima atau dibelanjakan secara tidak betul melalui tindakan sivil atau potongan daripada peruntukan, dan wang diperoleh semula dikreditkan semula ke PRF atau MPDF (Seksyen 17). • Denda pentadbiran boleh dikenakan melalui prosiding di Electoral Court mengikut struktur Jadual 1. • Akta memperuntukkan kesalahan dan penalti komprehensif termasuk kesalahan menerima derma dilarang atau melebihi had atau hasil jenayah, gagal mendedahkan derma, memintas

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		memperuntukkan kesalahan oleh persatuan berdaftar termasuk aktiviti kewangan tanpa pendaftaran, salah autoriti iklan partisan, perbelanjaan terlarang, gagal melantik ejen/juruaudit, dan gagal patuhi akaun bank/rekod/laporan. • Seksyen 497.3 memperuntukkan kesalahan oleh calon penamaan berkaitan peraturan pendanaan dan pelaporan pertandingan pencalonan termasuk akaun, ejen, resit dan penyata. • Seksyen 497.4 memperuntukkan kesalahan oleh calon pilihan raya berkaitan ejen rasmi/juruaudit, akaun bank, penerimaan sumbangan/pinjaman, resit/baucar, had perbelanjaan, dan penyerahan penyata dengan dokumen sokongan. • Seksyen 497.5 memperuntukkan kesalahan oleh calon kepimpinan berkaitan ejen, akaun, penerimaan sumbangan/pinjaman, dan penyerahan penyata/resit/dokumen. • Kuasa siasatan dan			• S 210F membolehkan annual returns, audit report, dan large donation returns diterbitkan untuk pemeriksaan awam. • Peruntukan kesalahan ini jarang digunakan dan dikaitkan dengan konteks NZ yang umumnya bebas daripada rasuah nyata.	resit, paksaan atau pendedahan maklumat sensitif berkaitan persatuan penyokong, pelanggaran penyaluran bayaran sokongan, dan pelanggaran kewajipan rekod tertentu, dengan hukuman sehingga 3 tahun atau denda sehingga 6 juta won bagi beberapa kesalahan. • Artikel 47 memperuntukkan kesalahan berkaitan penggunaan dana untuk tujuan selain aktiviti politik, pelanggaran kewajipan resit, pelanggaran pemindahan/rekod, penyalahgunaan subsidi, dan eksploitasi butiran didedahkan kepada umum, dengan hukuman	66(6) dan Seksyen 66(7), Seksyen 73(1) dan Seksyen 73(2), Seksyen 74(1) dan Seksyen 74(2), Seksyen 75(1) dan Seksyen 75(2)). • Kesalahan juga menyasar penderma besar dan proksi apabila laporan penderma besar gagal dihantar atau pengisytiharan palsu dibuat, serta apabila pihak yang menyebabkan sumbangan diterima gagal menyerahkan butiran penderma sebenar (Seksyen 70(5)(a) hingga Seksyen 70(5)(c), Seksyen 72(4)). • Ketidakpatuhan terhadap direktif yang dikeluarkan di bawah Bahagian tertentu, termasuk direktif penderma	honours" selepas Pilihan Raya Umum 2005 tanpa pertuduhan rasmi kerana ketiadaan bukti muktamad.	peraturan Bab 3, dan kesalahan berkaitan kewajipan akaun, audit serta pematuhan pelaporan, dengan hukuman yang berbeza termasuk denda dan pemenjaraan (Seksyen 19(1)(a), Seksyen 19(1)(b), Seksyen 19(3), Seksyen 19(4), Seksyen 19(5)).

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
		penguatkuasaan bagi kesalahan CEA dijalankan oleh Commissioner of Canada Elections di bawah s 509 hingga s 521.5 termasuk siasatan, perjanjian pematuhan, notis pelanggaran pentadbiran dan rujukan pendakwaan jenayah.				sehingga 2 tahun atau denda sehingga 4 juta won bagi beberapa kesalahan. • Artikel 47(2) memperuntukkan kesalahan gagal mematuhi permintaan audit atau pemeriksaan suruhanjaya tanpa alasan munasabah, dengan hukuman sehingga 1 tahun atau denda sehingga 2 juta won. • Artikel 48 memperuntukkan denda bagi kecuaian pelantikan/penyeliaan pegawai perakaunan, pelanggaran kebolehkesanan identiti, penggunaan nama orang lain, kegagalan pemulangan wang diwajibkan, dan pelanggaran had sumbangan tanpa nama tertentu.	dilarang dan direktif ketelusan, juga merupakan kesalahan untuk memastikan arahan kawal selia mempunyai kuasa paksaan (Seksyen 91(1) dan Seksyen 91(2)(a) hingga Seksyen 91(2)(f)).		

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
						• Artikel 49 memperuntukkan kesalahan berat berkaitan laporan perbelanjaan pilihan raya yang palsu/diubah/disembunyi, dengan hukuman sehingga 5 tahun atau denda sehingga 20 juta won, serta kesalahan sampingan berkaitan pematuhan akaun/rekod. • Artikel 50 memperuntukkan liabiliti bersama kepada parti/persatuan/korporat apabila kesalahan dilakukan oleh pegawai perakaunan atau pekerja ketika menjalankan tugas kecuali jika penyeliaan wajar dibuktikan. • Artikel 51 memperuntukkan pelbagai denda pentadbiran			

BIL.	PARAMETER	KANADA	SWEDEN	GERMANY	NEW ZEALAND	SOUTH KOREA	SINGAPURA	UNITED KINGDOM	AFRIKA SELATAN
						untuk kegagalan pemfailan, pelanggaran tatacara serah-terima dokumen, pelanggaran kawalan dalaman pembayaran, dan kegagalan mematuhi pemeriksaan/ penguatkuasaan yang dibenarkan Akta.			



5 | BAB 5

PELAKSANAAN, DAPATAN & ANALISIS TINJAUAN DAN SOAL SELIDIK AWAM (*PUBLIC SURVEY*)

5.1 PENDAHULUAN

Kajian telah melaksanakan tinjauan umum, dan analisis dapatan setakat 19 Disember 2025 adalah seperti yang dibentangkan. Bab 5 membentangkan **analisis dan dapatan awal tinjauan awam (*public survey*)** yang dilaksanakan bagi menilai persepsi, tahap kefahaman, serta penerimaan masyarakat terhadap cadangan penggubalan RUU Pendanaan Politik. Bab ini merupakan komponen empirik utama dalam laporan kerana ia menyediakan gambaran berasaskan data tentang bagaimana rakyat menilai isu pendanaan politik sebagai isu tadbir urus, apakah bentuk kawal selia yang dianggap perlu, serta apakah kebimbangan yang wujud terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan. Dengan memusatkan suara responden, Bab 5 membantu memastikan cadangan perundangan yang bakal dibangunkan tidak hanya kukuh dari sudut teori dan perbandingan antarabangsa, tetapi turut responsif terhadap jangkaan awam dan realiti sosial.

Penyampaian dapatan dalam Bab 5 disusun secara sistematik supaya selari dengan hala tuju kajian dan kerangka analisis berparameter yang digunakan dalam bab-bab terdahulu. Dapatan awal dihimpunkan mengikut tema dan indikator yang berkaitan dengan komponen teras pendanaan politik seperti tahap sokongan terhadap prinsip ketelusan, pandangan terhadap sumber dana yang wajar atau berisiko, keperluan had sumbangan, kewajipan pelaporan dan pendedahan, serta tahap keyakinan terhadap mekanisme penguatkuasaan. Pada masa yang sama, bab ini turut menonjolkan dapatan berkaitan cabaran pelaksanaan yang dijangka oleh responden, termasuk isu beban pematuhan, ketidaksamarataan antara entiti politik, risiko “double standard” dalam penguatkuasaan, dan keperluan pendidikan serta komunikasi awam untuk meningkatkan pemahaman masyarakat.

Bab 5 menekankan bahawa dapatan yang dibentangkan pada peringkat ini adalah dapatan awal yang akan terus diperkukuh melalui analisis lanjutan, penapisan

tema, serta triangulasi dengan dapatan FGD dalam bab seterusnya. Justeru, Bab 5 bukan sahaja melaporkan hasil tinjauan, tetapi turut menyediakan asas penting untuk menilai keselarasan antara persepsi awam dengan prinsip literatur, jurang undang-undang sedia ada, dan amalan terbaik antarabangsa, seterusnya memandu pembentukan cadangan RUU Pendanaan Politik yang lebih praktikal, adil dan diyakini.

5.2 PELAKSANAAN TINJAUAN UMUM / SOAL SELIDIK (*SURVEY*)

Tinjauan dibuat secara **atas talian** (melalui pautan *Google Form*) dan **fizikal** (melalui *community outreach*) sehingga 30 November 2025.

Bagi soal selidik (*survey*), pelaksanaan kaedah tersebut digambarkan seperti berikut:



5.3 LAPORAN ANALISIS DESKRIPTIF: PERSEPSI AWAM TERHADAP CADANGAN PENGGUBALAN RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK DI MALAYSIA

5.3.1 Pendahuluan

Integriti dalam tadbir urus kewangan merupakan tunjang utama bagi memastikan kematangan dan keutuhan sistem politik di Malaysia. Selaras dengan aspirasi rakyat untuk membaiki institusi negara, pemahaman yang mendalam mengenai pemerolehan dan perbelanjaan dana politik menjadi faktor penentu dalam usaha membina semula kepercayaan rakyat terhadap proses demokrasi. Kajian ini amat signifikan kerana ia bukan sekadar proses pengumpulan data biasa, tetapi merupakan usaha untuk membina dasar yang menyeluruh, adil, dan tidak boleh di manipulasi. Objektif utama laporan ini adalah untuk menterjemahkan hasil tinjauan daripada 3,422 responden kepada satu panduan berstruktur bagi membantu pembuat dasar merangka undang-undang yang tepat. Melalui pendedahan ini, jurang antara aspirasi rakyat dan realiti semasa dapat dikenal pasti, sekali gus memastikan setiap penggubalan dasar yang di buat berdasarkan bukti empirikal yang kukuh.

5.3.2 Metodologi Kajian dan Kredibiliti Data

Kesahan (*validity*) sesebuah syor dasar di peringkat nasional amat bergantung kepada ketegasan metodologi statistik yang digunakan. Dalam konteks penggubalan Akta Pendanaan Politik, penetapan saiz sampel yang representatif dan pelaksanaan proses pemberatan data (*data weighting*) bukan sekadar prosedur teknikal, malah berfungsi sebagai instrumen strategik untuk menjamin keabsahan (*legitimacy*) dapatan kajian. Tanpa imbangan data yang saksama, perwakilan kelompok majoriti atau minoriti berisiko menjadi tersasar, yang

seterusnya berpotensi menjejaskan kredibiliti cadangan yang dikemukakan kepada pembuat dasar.

Kajian ini mengaplikasikan teknik persampelan berstrata bagi memastikan perwakilan yang seimbang mengikut demografi utama populasi. Tinjauan ini telah melibatkan 3,422 responden, yang menghasilkan anggaran margin ralat (*margin of error*) sebanyak ±1.7% pada aras keyakinan 95%. Kadar margin ralat yang rendah ini membuktikan bahawa dapatan kajian mempunyai tahap ketepatan yang tinggi serta kebolehpercayaan yang kukuh dalam menilai persepsi rakyat Malaysia terhadap pembiayaan politik.

Bagi memastikan unjuran dapatan ini mencerminkan realiti populasi sebenar, proses pemberatan data telah dilaksanakan dengan merujuk kepada statistik rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Penyelarasan ini adalah kritikal bagi menangani ketidakseimbangan demografi dalam sampel mentah; sebagai contoh, kumpulan Bumiputera terlebih wakil (22.50% berbanding 12.40% mengikut DOSM) dan kumpulan Melayu terkurang wakil (50.91% berbanding 58% mengikut DOSM) telah dibetulkan. Penggunaan "Peratusan Berwajaran" (*Weighted Percentage, %*) berjaya menyeimbangkan varians ini agar selari dengan struktur demografi nasional, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah:

Kategori	**Sub-Kategori**	***Count***	***% of Sample***	***DOSM %***	***Weighted %***
Etnik	**Melayu**	1742	50.91%	58.00%	57.92%
	Cina	675	19.73%	22.60%	22.63%
	India	213	6.22%	6.60%	6.65%
	Bumiputera	770	22.50%	12.40%	12.31%
	Lain-lain	22	0.64%	0.50%	0.49%
Jantina	**Lelaki**	1650	48.22%	51.50%	52.14%

	Perempuan	1772	51.78%	48.50%	47.86%

Jadual 5.3.2.1 Taburan Responden Mengikut Etnik dan Jantina

Ketelitian dalam menyelaraskan data mentah kepada profil berwajaran ini membuktikan bahawa hasil analisis ini mempunyai kesahan luaran (*external validity*) yang tinggi. Ia bukan sekadar merekodkan pendapat sekumpulan individu, tetapi memprojeksikan aspirasi kolektif warganegara Malaysia, sekali gus menyediakan asas teknikal yang meyakinkan bagi fasa analisis seterusnya.

5.3.3 Profil Demografi Responden



Rajah 5.3.3.1 Taburan Responden Mengikut Umur

Penyertaan masyarakat dari pelbagai latar belakang elemen penting bagi memastikan setiap suara rakyat diambil kira dalam sistem pilihan raya di Malaysia. Profil responden dalam kajian ini menunjukkan penglibatan ketara golongan belia, dengan Kumpulan umur 18–24 tahun merangkumi 34% daripada jumlah responden, diikuti kumpulan kumpulan umur 35–44 tahun pula sebanyak 23.77%. Dominasi golongan muda, termasuk pengundi "Undi18",membawa implikasi yang besar kerana kumpulan ini secara lazimnya bersikap lebih skeptikal

terhadap amalan politik tradisional dan amat menekankan aspek ketelusan serta integriti dalam tadbir urus kerajaan.



Rajah 5.3.3.2 Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan



Rajah 5.3.3.3 Taburan Responden Mengikut Pendapatan Isi Rumah Bulanan

Menyentuh aspek latar belakang pendidikan, profil responden mempamerkan tahap pencapaian akademik yang tinggi, dengan 44.33% memiliki Ijazah Sarjana Muda dan 9.13% berkelulusan Pasca siswazah. Representatif lebih 53% responden berpendidikan tinggi ini menunjukkan literasi awam yang meluas berhubung pengurusan pentadbiran kerajaan dan kemahiran teknologi, yang

menjelaskan tuntutan mereka terhadap pengurusan dana secara terbuka. Dari sudut sosioekonomi, majoriti responden (52.68%) berpendapatan di bawah RM4,850 (tergolong dalam kumpulan B40). Hal ini membuktikan bahawa tuntutan perubahan ini digerakkan oleh rakyat biasa yang mahukan keadilan melalui pembersihan sistem dana politik.



Rajah 5.3.3.4 Taburan Responden Mengikut Tempat Kediaman



Rajah 5.3.3.5 Taburan responden mengikut status pekerjaan

Analisis taburan geografi mendapati 74.2% responden merupakan penduduk kawasan bandar, manakala 25.8% mewakili kawasan luar bandar. Kadar pembandaran dalam sampel ini adalah sedikit rendah berbanding unjuran rasmi DOSM (kira-kira 79% penduduk bandar dan 21% luar bandar), namun varians marginal ini telah dijangka dalam reka bentuk persampelan berstrata dan tidak menjejaskan kebolehwakilan sampel secara keseluruhan. Dari segi demografi guna tenaga, komposisi ini didominasi oleh golongan pelajar (30.04%) dan pekerja sektor swasta (22.37%). Sinergi latar belakang pendidikan tinggi, profil pembandaran, dan dominasi golongan muda ini membentuk satu desakan kolektif yang kuat, menuntut peralihan daripada sistem kewangan tidak rasmi kepada satu kerangka perundangan yang formal dan berintegriti.

5.3.4 Kesedaran dan Pandangan Orang Ramai Terhadap Undang-Undang Dana Politik



Rajah 5.3.4.1 Rajah aq1: Peratus Responden yang tahu mengenai Cadangan undang-undang

Tahap pemahaman awam berhubung isu pendanaan politik merupakan pemangkin utama kepada perubahan undang-undang. Hasil analisis mendedahkan tahap kesedaran yang agak tinggi di mana 60.66% responden sedia maklum berhubung cadangan penggubalan akta ini. Tuntutan terhadap kewujudan undang-undang ini mendapat sokongan padu, dengan gabungan respons "Setuju" (28.59%) dan "Sangat Setuju" (59.65%) merekodkan persetujuan agregat sebanyak 88.24%. Keyakinan yang tinggi ini datangnya daripada kepercayaan bahawa undang-undang tersebut mampu mengurangkan masalah rasuah.



Rajah 5.3.4.2 Rajah aq2: Peratus Responden yang berpendapat Malaysia memerlukan undang-undang untuk mengawal sumbangan dana politik supaya ia lebih telus dan adil



Rajah 5.3.4.3 Rajah aq3: Peratus Responden yang berpendapat Jika undang-undang seperti itu wujud. ia boleh membantu mengurangkan rasuah dalam kalangan ahli politik dan parti politik

Walaupun mendapat sokongan majoriti, wujud sebahagian kecil responden yang menzahirkan penolakan. Merujuk kepada Rajah qa3, Segelintir responden yang menolak keperluan undang-undang ini menyatakan keraguan terhadap keberkesanannya, terutamanya disebabkan oleh kebimbangan bahawa peraturan tersebut tidak akan dipatuhi oleh ahli politik dan penyumbang (36.8%). Selain itu, terdapat segelintir responden yang menolak berpendapat bahawa kerangka

undang-undang sedia ada sudah pun mencukupi (29.9%), manakala sebahagian kecil lagi (23%) bimbang akan berlaku pembaziran wang awam dalam proses penggubalan dan penguatkuasaannya. Hanya peratusan kecil (10.3%) menganggap bahawa isu sumbangan politik bukanlah satu masalah di Malaysia, yang menunjukkan bahawa secara keseluruhan, responden lebih bimbang tentang aspek penguatkuasaan dan integriti berbanding keperluan undang-undang itu sendiri.



Rajah 5.3.4.4 Rajah aq3: Peratus Responden yang berpendapat Malaysia tidak memerlukan undang-undang untuk mengawal dana politik

5.3.5 Skop Undang-Undang



Rajah 5.3.5.1 Rajah bq1: Persepsi responden yang berpendapat keperluan undang-undang untuk mengawal pendanaan mengikut kategori.

Dapatan menunjukkan bahawa majoriti besar responden menyokong kawalan yang menyeluruh terhadap ekosistem politik di Malaysia. Sebanyak 56.1% responden berpendapat bahawa undang-undang baharu ini perlu merangkumi kedua-dua parti politik dan calon individu secara serentak. Selain itu, terdapat sokongan yang berpecah bagi kawalan secara berasingan, di mana 17.5% responden mahu tumpuan diberikan kepada parti politik sebagai organisasi, manakala 14.3% lagi mahu ia difokuskan kepada calon individu yang bertanding dalam pilihan raya (termasuk Ahli Parlimen, ADUN, dan calon bebas). Hanya sebilangan kecil responden (12.1%) yang menyatakan tidak pasti mengenai skop kawalan ini. Secara keseluruhannya, data ini mencerminkan keinginan rakyat untuk melihat tadbir urus kewangan yang telus di semua peringkat penglibatan politik, tanpa mengira sama ada di peringkat organisasi mahupun individu.



Rajah 5.3.5.2 Rajah bq2: Keperluan undang-undang meliputi PRU dan PRN



Rajah 5.3.5.3 Rajah bq3: Sokongan terhadap peraturan jelas mengenai jumlah dana yang perlu dilaporkan



Rajah 5.3.5.4 Rajah bq4: Sokongan terhadap penetapan tempoh masa khusus bagi pelaporan dana

Keperluan bagi liputan yang luas juga jelas kelihatan apabila 84.8% responden bersetuju bahawa undang-undang tersebut harus meliputi kedua-dua peringkat Pilihan Raya Umum dan Pilihan Raya Negeri. Dari aspek ketelusan, tahap persetujuan adalah sangat tinggi dengan 87.73% responden mahukan peraturan yang jelas mengenai jumlah dana yang perlu dilaporkan, manakala 86.23% responden menyokong penetapan tempoh masa tertentu bagi pelaporan dana tersebut.

5.3.6 Badan Kawal Selia Undang-Undang



Rajah 5.3.6.1 Rajah cq1: Keperluan badan khas sebagai pengawal selia pendanaan politik



Rajah 5.3.6.2 Rajah cq2: Penwujudan badan pengawal selia yang bertanggungjawab sebagai agensi pelaksana

Dalam konteks agensi pelaksana, 86.32% responden mengekspresikan keperluan yang jelas terhadap reformasi institusiDaripada keseluruhan responden, sebanyak 34.30% menyokong penubuhan sebuah Badan Pengawal Selia yang baharu dan khusus sebagai agensi pelaksana. Peratusan ini merupakan yang tertinggi berbanding pilihan lain dan mengatasi sokongan terhadap Suruhanjaya

Pilihan Raya (SPR) yang memperoleh 29.10%, manakala hanya 7.55% menyokong Parlimen (melalui jawatankuasa). Secara deskriptif, dapatan ini menunjukkan kecenderungan awal bahawa responden lebih memihak kepada penubuhan institusi yang bersifat khusus berbanding menggunakan struktur sedia ada.

Dari sudut inferensi statistik, Ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa taburan jawapan adalah berbeza secara signifikan daripada taburan sama rata, $\chi^2(6) = 2224.57$, $p < 0.001$. Keputusan ini mengesahkan bahawa pola pemilihan responden tidak berlaku secara rawak, sebaliknya memperlihatkan kecenderungan yang jelas terhadap kategori tertentu, khususnya Badan Pengawal Selia dan SPR.

Analisis perbandingan proporsi seterusnya mengukuhkan dapatan tersebut. Sokongan terhadap Badan Pengawal Selia adalah signifikan lebih tinggi berbanding SPR ($z = 4.67$, $p < 0.001$). Selain itu, kedua-dua kategori ini adalah signifikan lebih tinggi berbanding Parlimen, masing-masing dengan nilai $z = 18.63$ dan $z = 15.33$ ($p < 0.001$). Ini menunjukkan bahawa perbezaan sokongan antara ketiga-tiga pilihan utama tersebut bukan sahaja ketara dari segi peratusan, tetapi juga signifikan secara statistik.

Secara triangulasi, gabungan analisis deskriptif, ujian taburan keseluruhan dan perbandingan berpasangan secara konsisten menunjukkan bahawa responden cenderung memilih model pelaksanaan yang lebih bersifat badan bebas dan khusus. Dapatan ini memberi isyarat bahawa dari perspektif awam, mekanisme pengawalseliaan yang berdiri secara autonomi mungkin dilihat lebih sesuai berbanding pengawasan melalui struktur sedia ada seperti SPR atau jawatankuasa Parlimen.



Rajah 5.3.6.3 Rajah cq3: Kepentingan badan pengawal selia yang Baharu

[Nota: untuk cq3a: bebas daripada pengaruh politik, cq3b: menerbitkan laporan secara terbuka kepada orang awam, cq3c: mempunyai kuasa yang kuat untuk menyiasat dan menghukum pelanggaran dan cq3d: mengurangkan rasuah dalam proses politik]

Selain itu, responden turut menggariskan empat perkara utama yang dianggap sangat penting bagi badan pengawal selia tersebut. Keutamaan tertinggi ialah usaha mengurangkan rasuah (54.04%), diikuti dengan jaminan kebebasan politik daripada pengaruh kerajaan (49.73%). Seterusnya, responden menekankan kepentingan laporan terbuka dan ketelusan melalui penerbitan laporan berkala kepada orang awam (47.97%), serta keperluan kuasa menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pelanggaran peraturan (47.79%).

Kesepakatan ini menunjukkan bahawa integriti dan kebebasan institusi pelaksana merupakan prasyarat utama sebelum sebarang sistem pengurusan dana dapat dilaksanakan secara berkesan dan diyakini oleh rakyat.

5.3.7 Sumber Dana Politik



Rajah 5.3.7.1 Rajah dq1: Persepsi responden terhadap dana parti politik dibiayai oleh kerajaan

Merujuk kepada Rajah dq1, sebanyak 44.1% responden menyatakan bahawa parti politik tidak sepatutnya dibiayai oleh kerajaan, manakala 35.3% bersetuju dengan pembiayaan kerajaan. Selebihnya, 20.5% menyatakan tidak pasti. Secara deskriptif, dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan relatif yang lebih tinggi untuk menolak pembiayaan langsung oleh kerajaan berbanding menyokongnya. Walau bagaimanapun, jurang antara kumpulan yang menolak dan yang menyokong tidak terlalu besar (sekitar 9 mata peratus), dan kewujudan peratusan "tidak pasti" yang agak tinggi mencerminkan bahawa isu pembiayaan awam parti politik masih menjadi perdebatan dalam kalangan masyarakat.

Dapatan ini boleh ditafsirkan sebagai wujudnya kebimbangan dalam kalangan sebahagian responden terhadap penggunaan dana awam untuk tujuan politik. Pada masa yang sama, sokongan yang signifikan terhadap pembiayaan kerajaan menunjukkan bahawa sebahagian masyarakat mungkin melihatnya sebagai mekanisme untuk meningkatkan ketelusan dan mengurangkan kebergantungan

kepada dana swasta. Oleh itu, pandangan responden terhadap pembiayaan kerajaan kelihatan terbahagi dan belum mencapai konsensus yang jelas.



Rajah 5.3.7.2 Rajah dq2: Persepsi responden terhadap dana parti politik daripada orang awam

Majoriti responden (55.10%) bersetuju bahawa parti politik boleh mendapatkan dana daripada orang awam tetapi dengan had tertentu. Sebanyak 19.62% menyokong kutipan dana tanpa had, manakala 25.28% menolak sama sekali kaedah tersebut. Corak ini menunjukkan bahawa pendekatan paling dominan dalam kalangan responden ialah model yang membenarkan sumbangan awam tetapi tertakluk kepada kawal selia atau had yang jelas.

Secara keseluruhan, apabila kedua-dua dapatan dianalisis bersama, terdapat pola yang konsisten bahawa responden cenderung menyokong mekanisme pembiayaan yang bersifat terkawal dan berperaturan. Walaupun terdapat penolakan relatif terhadap pembiayaan kerajaan, majoriti jelas tidak menyokong kebebasan mutlak dalam kutipan dana awam. Ini memberi gambaran bahawa masyarakat lebih cenderung kepada sistem pembiayaan politik yang seimbang, sama ada melalui dana awam atau sumbangan orang ramai, tetapi dengan rangka kerja kawal selia yang jelas bagi memastikan akauntabiliti, ketelusan dan keadilan dalam proses politik

Rajah 5.3.7.3 Rajah dq3: Persepsi responden terhadap sumbangan yang tidak dibenarkan

Majoriti responden menolak sumbangan daripada sumber asing, iaitu 64.29% bagi kerajaan atau syarikat asing dan 60.67% bagi individu asing (bukan warganegara Malaysia). Dapatan ini menunjukkan kebimbangan yang jelas terhadap pengaruh luar dalam pembiayaan politik negara serta penekanan terhadap aspek kedaulatan nasional.

Hampir separuh responden (48.33%) juga tidak bersetuju dengan sumbangan daripada penderma tanpa nama, mencerminkan keutamaan terhadap ketelusan dan kebolehkesanan sumber dana. Selain itu, sekitar 44.07% menolak sumbangan daripada syarikat yang mempunyai kontrak dengan kerajaan dan 35.42% daripada GLC, menunjukkan kesedaran terhadap potensi konflik kepentingan.

Sebaliknya, tahap penolakan adalah lebih rendah bagi badan amal, NGO, yayasan milik parti dan kesatuan sekerja (sekitar 28–30%). Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa responden lebih menekankan larangan terhadap

sumber yang berisiko tinggi dari segi pengaruh asing, ketidaktelusan dan konflik kepentingan dalam pembiayaan politik.



Rajah 5.3.7.4 Rajah dq4: Persepsi responden terhadap pengisytiharan dana secara terbuka



Rajah 5.3.7.5 Rajah dq5: Persepsi responden terhadap had ke atas dana

Sokongan terhadap prinsip ketelusan amat jelas apabila 78.73% responden bersetuju bahawa dana parti politik perlu diisytiharkan secara terbuka. Di samping itu, 68.60% menyokong pengenaan had ke atas sumbangan individu atau entiti. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa rakyat mahukan sistem pembiayaan politik yang telus, terkawal dan bebas daripada pengaruh luar.

5.3.8 Penerimaan dan Penggunaan Dana



Rajah 5.3.8.1 Rajah eq1: Persepsi responden terhadap undang-undang mengawal selia pengggunaan dana



Rajah 5.3.8.2 Rajah eq2: Persepsi responden terhadap undang-undang mengawal selia penerima dana

Data merekodkan desakan padu ke arah pengawalseliaan perundangan yang menguruskan tatacara penerimaan dan perbelanjaan dana. Sebanyak 85% mendesak agar kerangka undang-undang mengawal instrumen pembelanjaan dengan teliti. Seiring dengan itu, 82.4% bersepakat bahawa kelayakan entiti penerima dana mesti ditakrifkan secara rasmi oleh undang-undang. Kadar persetujuan yang tinggi ini memaparkan keperluan mendesak ke arah rejim pembiayaan politik yang sistematik dan berakauntabiliti.



Rajah 5.3.8.3 Rajah eq3: Persepsi responden terhadap tujuan penggunaan dana politik

Dari segi tujuan penggunaan dana politik, responden paling banyak menyokong agar dana digunakan untuk program khidmat masyarakat (73.55%), diikuti latihan dan pendidikan (63.59%). Selain itu, sebahagian besar responden juga bersetuju bahawa dana boleh digunakan untuk menjalankan operasi parti (59.99%) dan perbelanjaan kempen pilihan raya (55.84%). Corak ini menunjukkan bahawa rakyat bukan sahaja menyokong kawal selia yang ketat, malah mahukan dana politik dimanfaatkan untuk tujuan yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat serta memperkukuh pembangunan kapasiti dan tadbir urus parti.

5.3.9 Pelaporan dan Ketelusan



Rajah 5.3.9.1 Rajah fq1: Persepsi responden terhadap kewajipan untuk pelaporan dana oleh parti politik



Rajah 5.3.9.2 Rajah fq2: Persepsi responden terhadap pengauditan laporan

Hasil kajian menunjukkan sokongan yang amat kukuh terhadap prinsip pelaporan dan ketelusan dalam pembiayaan politik. Majoriti besar responden (81.9%) bersetuju bahawa parti politik perlu diwajibkan melaporkan semua pendanaan yang melebihi jumlah tertentu, menunjukkan keperluan kepada mekanisme pelaporan yang jelas dan teratur. Sokongan ini menjadi lebih kuat apabila 88.2% responden menyatakan bahawa laporan tersebut perlu diaudit, mencerminkan tuntutan terhadap sistem semak dan imbang yang bebas serta berintegriti.



Rajah 5.3.9.3 Rajah fq3: Persepsi responden terhadap pengaksesan laporan kepada orang awam



Rajah 5.3.9.4 Rajah fq4: Persepsi responden terhadap pendedahan identiti penyumbang

Dari segi akses kepada laporan, lebih separuh responden (51.7%) bersetuju bahawa laporan penuh perlu dibuka kepada orang awam, manakala 33.4% lagi menyokong sekurang-kurangnya pendedahan dalam bentuk ringkasan. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar rakyat menyokong tahap ketelusan yang

tinggi dan akses maklumat yang luas. Selain itu, 55.80% responden bersetuju bahawa identiti penyumbang perlu didedahkan kepada orang awam, menandakan kecenderungan yang jelas terhadap keterbukaan dan akauntabiliti dalam sistem pembiayaan politik. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa rakyat mahukan sistem pelaporan yang telus, diaudit, dan boleh diakses bagi memastikan integriti proses politik terpelihara.

5.3.10 Kesalahan dan Hukuman

Rajah 5.3.10.1 Rajah gq1: Kefahaman responden terhadap maksud mengawal selia pendanaan politik

Majoriti responden mentafsirkan kawal selia pendanaan politik sebagai merangkumi aspek ketelusan dan penggunaan dana. Mereka melihatnya sebagai melibatkan bagaimana dana digunakan serta kewajipan parti dan ahli politik untuk melaporkan serta mendedahkan sumbangan yang diterima. Selain itu, responden turut mengaitkan kawal selia dengan penentuan pihak yang dibenarkan memberi sumbangan dan penetapan had jumlah sumbangan. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pemahaman yang menyeluruh bahawa kawal selia pendanaan politik bukan sahaja berkaitan sumber dana, tetapi juga penggunaan, pelaporan dan akauntabiliti dalam sistem politik.



Rajah 5.3.10.2 Rajah gq2: Persepsi responden terhadap hukuman untuk mereka yang melanggar undang-undang

Dari segi penguatkuasaan, sokongan terhadap tindakan tegas adalah amat ketara apabila 86.86% responden bersetuju bahawa sesiapa yang melanggar undang-undang berkaitan pendanaan politik perlu dihukum. Ini menunjukkan komitmen yang kuat terhadap prinsip pematuhan undang-undang dan keperluan mekanisme hukuman yang berkesan bagi menjamin integriti sistem politik.

5.3.11 Kepercayaan dan Keyakinan



Rajah 5.3.11.1 Rajah hq1: keyakinan bahawa undang-undang akan menjadikan politik lebih telus dan adil

Dari sudut keyakinan terhadap keberkesanan undang-undang, majoriti responden menunjukkan pandangan yang positif, dengan 37.31% menyatakan agak yakin dan 28.10% menyatakan sederhana yakin bahawa undang-undang pendanaan politik akan menjadikan politik di Malaysia lebih telus dan adil.



Rajah 5.3.11.2 Rajah hq2: keperluan undang-undang untuk mencegah dana daripada aktiviti haram



Rajah 5.3.11.3 Rajah hq3: Kepercayaan terhadap ahli politik jika dana dilaporkan sepenuhnya

Selain itu, sokongan terhadap usaha membanteras unsur jenayah dalam pendanaan politik adalah sangat tinggi, apabila 45.47% sangat setuju dan 28.41% setuju bahawa undang-undang baharu perlu bertujuan mencegah wang daripada aktiviti haram seperti rasuah dan jenayah. Dari segi kepercayaan peribadi, 32.27% menyatakan percaya dan 32.08% sangat percaya bahawa mereka akan lebih mempercayai ahli politik sekiranya dana yang diterima dilaporkan sepenuhnya.



Rajah 5.3.11.4 Rajah hq3: Kepercayaan terhadap penguatkuasaan undang-undang secara adil

Walau bagaimanapun, tahap keyakinan terhadap penguatkuasaan yang adil oleh pihak berkuasa adalah lebih sederhana, dengan 35.33% menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat sokongan yang kuat terhadap prinsip ketelusan dan kawal selia, keyakinan terhadap pelaksanaan yang benar-benar bebas dan tidak memihak masih memerlukan pengukuhan.

5.4 Kesimpulan dan Rumusan

Laporan ini menunjukkan dengan jelas bahawa rakyat memang mahu Rang Undang-Undang Pendanaan Politik digubal secepat mungkin. Rakyat bukan sahaja faham kepentingan undang-undang ini, malah mereka mahukan sistem yang lebih ketat dan lebih telus untuk melindungi demokrasi negara.

Pertama, ramai yang mahukan sebuah badan pengawal selia yang baharu dan benar-benar bebas daripada pengaruh politik. Badan ini perlu ada kuasa untuk menyiasat dan bertanggungjawab kepada rakyat. Ini menunjukkan rakyat mahu pemantauan yang lebih tegas dan tidak memihak.

Kedua, rakyat mahu kawalan yang lebih ketat terhadap sumber dana yang berisiko. Sumbangan daripada pihak asing dan penderma tanpa nama perlu dilarang sepenuhnya. Pada masa yang sama, sumbangan daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan kontraktor kerajaan juga perlu dikawal dengan rapi supaya tidak berlaku konflik kepentingan.

Ketiga, rakyat menyokong ketelusan sepenuhnya dalam pengurusan dana politik. Ramai bersetuju bahawa laporan dana perlu diaudit dan semua sumbangan melebihi jumlah tertentu (contohnya RM3,000) mesti dilaporkan. Malah, laporan tersebut perlu boleh diakses oleh orang ramai supaya tiada perkara yang disembunyikan.

Jika tindakan tidak diambil sekarang, ia boleh menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap sistem demokrasi dalam jangka panjang. Menggubal undang-undang ini bukan lagi satu pilihan, tetapi satu langkah penting untuk memastikan politik negara lebih bersih, adil dan telus.

6 | BAB 6

PELAKSANAAN, DAPATAN & ANALISIS TEMU BUAL DAN PERBINCANGAN KUMPULAN BERFOKUS (FGD)

6.1 PENDAHULUAN

Bab 6 membentangkan analisis dan dapatan Temu Bual dan Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) yang dijalankan bagi memperkukuh pemahaman terhadap isu pendanaan politik melalui penerokaan pandangan peserta secara lebih mendalam dan berlapis. Berbeza dengan tinjauan awam yang memberi gambaran corak persepsi secara lebih luas, Temu Bual dan FGD dalam Bab 6 berfungsi untuk menjelaskan rasional di sebalik jawapan, menilai bagaimana peserta mentafsir konsep pendanaan politik dalam situasi sebenar, serta mengenal pasti kebimbangan, keutamaan dan cadangan praktikal yang sukar ditangkap melalui soalan berstruktur semata-mata. Oleh itu, bab ini memainkan peranan penting dalam menilai kebolehlaksanaan cadangan RUU dari sudut pengalaman, jangkaan dan pertimbangan peserta terhadap implikasi pelaksanaan.

Dapatan Bab 6 dihuraikan melalui tema-tema utama yang selari dengan kerangka kajian dan komponen teras pengawalseliaan pendanaan politik. Perbincangan peserta dianalisis bagi mengenal pasti isu kritikal seperti kejelasan takrif "sumbangan" dan bentuk manfaat bukan tunai, risiko penyamaran penderma melalui orang tengah, kesan ketidakseimbangan peraturan antara parti–calon–pihak ketiga, serta keperluan mekanisme penerimaan dana yang terkawal dan boleh dijejaki. Bab ini juga meneliti pandangan peserta terhadap reka bentuk institusi termasuk keperluan badan kawal selia yang berwibawa, ruang semak dan imbang seperti lembaga penasihat, serta jangkaan terhadap audit, penguatkuasaan dan penalti yang adil. Pada masa yang sama, bab ini menonjolkan aspek pelaksanaan seperti beban pematuhan, isu kapasiti institusi, dan kepentingan pendidikan pematuhan serta komunikasi awam bagi memastikan ketelusan yang diwujudkan benar-benar bermakna kepada masyarakat.

Bab ini bukan sahaja melapor dapatan FGD, tetapi turut membantu menapis isu yang paling konsisten merentas sumber data, mengenal pasti perbezaan yang perlu diteliti lanjut, serta menyediakan asas yang lebih kukuh untuk membangunkan rumusan dan cadangan akhir RUU Pendanaan Politik yang praktikal, berkesan, dan diyakini rakyat.

Perbincangan Kumpulan Berfokus telah dijalankan mengikut perjalanan dan garis masa seperti yang berikut:



6.2 MODUS OPERANDI FGD

Bagi setiap FGD, komposisi responden dan modus operandi FGD adalah seperti berikut:

SESI	PENYERTAAN RESPONDEN
SESI PAGI (9:00 PAGI HINGGA 12:30 TENGAH HARI)	1. **Ahli Politik** • Ahli Parlimen Kerajaan/ Pembangkang • Ahli DUN Kerajaan/ Pembangkang

	• Ahli Politik (Bendahari/Setiausaha) • Ahli Politik (Akar Umbi)
SESI PETANG (3:00 PETANG HINGGA 5:00 PETANG)	1. **Ahli Bidang Akademik** 2. **Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)/ *Civil Society Organisation*** 3. **Ahli Perniagaan & Tokoh Korporat** 4. **Pempengaruh (*Influencer*)**

6.3 GAMBAR PROGRAM

6.3.1 Gambar Sepanjang FGD

Bagi tujuan dokumentasi dan rekod, gambar semasa pelaksanaan FGD adalah seperti berikut:



6.3.2 Gambar Sepanjang Temu Bual Separa Berstruktur



6.4 LAPORAN SESI TEMU BUAL BERSTRUKTUR

Laporan ini disediakan bagi memperincikan dapatan kajian kualitatif mengenai persepsi awam dan pandangan pihak berkepentingan terhadap cadangan penggubalan Akta Pendanaan Politik di Malaysia. Sebagai seorang penganalisa data kualitatif, penganalisisan ini telah memanfaatkan sepenuhnya keupayaan perisian ATLAS.ti 25 untuk mengurus, menyusun, dan menterjemah transkrip temu bual yang kompleks daripada pelbagai latar belakang informan, termasuk

ahli akademik, pimpinan politik dari blok kerajaan dan pembangkang, peguam, pempengaruh media sosial, serta tokoh korporat. Pendekatan analisis tematik digunakan secara sistematik, bermula dengan fasa pengekodan (*coding*) yang teliti untuk mengenal pasti unit makna, diikuti dengan pembentukan kategori, dan akhirnya sintesis tema-tema besar yang disusun berdasarkan sembilan parameter yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Analisis dalam ATLAS.ti 25 menunjukkan tahap kepadatan kod (*code density*) yang tinggi dalam isu integriti dan ketelusan, yang mencerminkan kebimbangan mendalam para informan terhadap amalan sedia ada. Melalui fungsi *Network View* dalam perisian, didapati bahawa tema "keperluan undang-undang" mempunyai hubung kait yang tidak boleh dipisahkan dengan tema "kepercayaan awam" dan "pembersihan sistem demokrasi". Analisis kualitatif ini juga menonjolkan perbezaan nuansa geografi yang ketara, terutamanya antara realiti politik di Semenanjung Malaysia dengan dinamika unik di Sabah dan Sarawak, yang menuntut pendekatan perundangan yang lebih fleksibel dan sensitif terhadap konteks lokal.

Jadual di bawah merangkumkan profil informan utama yang pandangan mereka telah disintesis dalam laporan ini:

Kategori Informan	Latar Belakang Utama	Fokus Perspektif
Ahli Akademik	Ahli teori undang-undang dan tadbir urus.	Struktur perlembagaan, standard antarabangsa, dan etika institusi.
Ahli Politik (Sarawak)	Wakil rakyat dengan pengalaman pentadbiran negeri.	Realiti geografi pedalaman, sistem *Warlord*, dan mekanisme Ombudsman.
Ahli Politik (Sabah)	Bekas wakil rakyat dengan perspektif pembangkang.	Sejarah *aramaiti*, budaya "tiada duit tiada undi", dan yuran pencalonan.
Tokoh Korporat	Kepimpinan dewan perniagaan dan industri.	Implikasi kepada sektor swasta, isu kronisme, dan model ICAC Hong Kong.

Peguam & Aktivis	Pakar perundangan dan pemantau demokrasi.	Liabiliti ketat, pemantauan entiti proksi, dan perlindungan saksi.
Pempengaruh & NGO	Media baharu dan aktivis masyarakat sivil.	Digitalisasi pelaporan, pengaruh media sosial, dan akauntabiliti pimpinan.

Jadual 6.3.2.1 Profil demografi informan



Rajah 6.3.2.1 Demografi Informan

6.4.1 P1: Keperluan Undang-Undang berkaitan Pendanaan Politik



Rajah 6.4.1.1 P1_Keperluan Undang-Undang berkaitan Pendanaan Politik

Dapatan utama menunjukkan wujudnya kesepakatan mutlak di kalangan informan bahawa penggubalan undang-undang khusus berkaitan pendanaan politik di Malaysia bukan lagi satu pilihan, tetapi **satu keperluan mendesak yang sudah lama tertangguh (*long overdue*)**. Berdasarkan analisis tema dalam ATLAS.ti 25, justifikasi utama bagi keperluan ini berakar umbi daripada kegagalan sistem sedia ada untuk menangani amalan politik wang yang sudah menjadi barah sistemik dalam negara.

Seorang informan akademik menekankan bahawa keperluan ini wujud disebabkan **struktur tadbir urus politik Malaysia yang semakin kompleks**, di mana pendanaan tidak lagi berlaku secara kecil-kecilan tetapi melibatkan jaringan penyumbang yang luas. Beliau berhujah bahawa tanpa undang-undang khusus, standard pengurusan dana akan kekal tidak seragam dan mudah berubah mengikut keadaan politik semasa. Undang-undang ini dilihat sebagai "garisan asas" yang menetapkan tanggungjawab dan jangkaan yang jelas kepada semua pihak, sekali gus berfungsi sebagai **mekanisme pencegahan awal** sebelum masalah menjadi tidak terkawal.

Perspektif korporat yang dibawa oleh informan lain memberikan dimensi yang lebih kritikal. Beliau berpendapat bahawa ketiadaan undang-undang sebelum ini telah menyebabkan **dana politik disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu** untuk aktiviti haram dan rasuah, yang sering kali tidak direkodkan. Beliau merujuk kepada kes-kes mahkamah semasa sebagai bukti bahawa ketiadaan kawalan terhadap punca dana telah merosakkan integriti persaingan politik. Pandangan ini selari dengan informan peguam yang secara tegas menyifatkan sumbangan politik sebagai **"ibu segala rasuah" (*the mother of corruption*)**. Beliau menegaskan bahawa selagi isu pendanaan politik tidak ditangani secara punca, rasuah akan terus segar-bugar dalam sistem pentadbiran negara.

Analisis terhadap transkrip informan pimpinan politik mendedahkan dimensi keperluan undang-undang dari sudut perlindungan terhadap "pendakwaan terpilih". Beliau berhujah bahawa undang-undang yang standard diperlukan untuk **mengelakkan amalan *double standard***, di mana penerimaan dana politik dianggap sebagai rasuah hanya apabila sesebuah pihak hilang kuasa. Bagi beliau, ketidakjelasan undang-undang sedia ada telah menyebabkan kekeliruan antara apa yang dikategorikan sebagai sumbangan politik yang sah dengan suapan rasuah.

Satu lagi sub-tema yang muncul adalah **perlindungan terhadap parti politik** itu sendiri. Seorang informan akademik berpandangan bahawa undang-undang yang jelas akan melindungi parti daripada tuduhan yang tidak berasas serta risiko terjebak dalam isu perundangan akibat ketiadaan garis panduan yang nyata. Secara implikasinya, penggubalan akta ini dijangka akan mencetuskan perubahan budaya kerja di mana parti-parti politik perlu mula melihat pengurusan kewangan sebagai tanggungjawab institusi, bukannya sekadar urusan dalaman yang fleksibel.

6.4.2 P2: Rangkuman Pemakaian Undang-Undang



Rajah 6.4.2.1 P2_Rangkuman Pemakaian Undang-Undang

Satu aspek kritikal dalam analisis tematik ini adalah mengenai peringkat mana akta ini harus diguna pakai. Majoriti informan menegaskan bahawa akta ini mesti **mempunyai rangkuman yang menyeluruh** bagi mengelakkan wujudnya "kelompongan" (*gaps*) yang boleh dieksploitasi oleh pihak-pihak berkepentingan untuk menyalurkan dana secara tidak telus.

Beberapa informan akademik berpendapat bahawa akta ini perlu terpakai secara menyeluruh **merangkumi peringkat persekutuan (pusat), negeri, dan juga peringkat akar umbi (bahagian dan cawangan)**. Rasionalnya adalah aktiviti pengumpulan dan penggunaan dana sering kali berlaku secara aktif di peringkat bawah, dan bukannya tertumpu di peringkat pusat sahaja. Walau bagaimanapun, seorang informan mencadangkan agar pelaksanaan ini **bersifat fleksibel** mengikut peringkat; peraturan utama harus kekal sama, tetapi tahap pematuhan dan pelaporan perlu disesuaikan supaya tidak terlalu membebankan bahagian atau cawangan kecil yang mungkin tidak mempunyai kapasiti pentadbiran yang besar.

Seorang informan politik membangkitkan **isu realiti geografi** dalam pemakaian undang-undang, terutamanya di Sarawak. Beliau menjelaskan bahawa kos berkempen di kawasan pedalaman yang luas adalah jauh berbeza dengan kawasan bandar yang padat. Cabaran logistik seperti penggunaan bot dan pengangkutan udara di pedalaman Sarawak menuntut agar undang-undang ini mengambil kira perbezaan kos operasi tersebut. Ini menunjukkan bahawa rangkuman pemakaian **tidak seharusnya bersifat "satu saiz untuk semua" (*one size fits all*)**, tetapi perlu mempunyai peruntukan yang sensitif terhadap perbezaan konteks lokal.

Informan peguam menambah satu dimensi penting dalam rangkuman pemakaian, iaitu terhadap **entiti-entiti yang bertindak sebagai "alter ego"** kepada ahli politik atau parti. Beliau merujuk kepada syarikat-syarikat atau NGO yang ditubuhkan khusus untuk menerima tender kerajaan atau sumbangan bagi pihak parti. Jika pemakaian hanya terhad kepada ahli parlimen atau calon sahaja, penderma akan hanya mengalihkan sumbangan kepada entiti-entiti perantara ini untuk mengelakkan pemantauan. Oleh itu, beliau mendesak agar definisi "entiti yang dikawal" dalam akta tersebut diperluaskan merangkumi syarikat milik parti dan badan-badan berkanun negeri.

Seorang informan pempengaruh pula mencadangkan agar pemakaian akta ini **merangkumi kedua-dua entiti utama dalam pilihan raya**: parti politik yang beroperasi sepanjang tahun dan calon individu yang hanya muncul sewaktu musim pilihan raya, termasuk calon bebas. Beliau menekankan perlunya perluasan kuasa akta sedia ada di bawah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk meliputi semua subjek yang terlibat dalam ekosistem politik bagi menjamin keadilan persaingan.

6.4.3 P3: Pengwujudan Badan Kawal Selia Dana Politik

Parameter ketiga memfokuskan kepada mekanisma kawal selia. Analisis kualitatif terhadap pandangan informan menunjukkan wujudnya perdebatan mengenai sama ada Malaysia perlu menubuhkan badan baharu atau memperkasakan agensi sedia ada.

Rajah 6.4.3.1 Pengwujudan Badan Kawalselia Dana Politik

6.4.3.1 Model Suruhanjaya Bebas vs Jabatan Persekutuan

Dua informan akademik lebih cenderung kepada penubuhan **Badan Bebas Berkanun** yang mempunyai tahap autonomi yang tinggi supaya keputusannya tidak dipengaruhi oleh tekanan politik semasa. Badan ini perlu mempunyai gabungan kepakaran dalam bidang undang-undang, kewangan, dan tadbir urus bagi membina kredibiliti di mata awam. Sebaliknya, informan akademik yang lain mencadangkan pembentukan sebuah **Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) atau Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)**. Beliau bimbang jika sebuah Suruhanjaya baharu ditubuhkan, komposisinya mungkin terlalu kecil untuk mengawal selia tugas teknikal yang sangat luas di seluruh negara.

6.4.3.2 Pemerkasaan SPR dan SPRM

Beberapa informan mencadangkan agar fungsi kawal selia ini diletakkan di bawah **Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)** tetapi melalui penubuhan unit atau jabatan

khusus yang bertugas secara harian. Seorang informan korporat juga membangkitkan model ICAC Hong Kong yang sangat bebas dan mempunyai kuasa untuk menyiasat bukan sahaja sektor awam tetapi juga sektor swasta yang terlibat dalam rasuah politik. Sebaliknya, seorang informan pimpinan politik berpendapat bahawa **SPRM** sudah mencukupi untuk menjalankan peranan ini bagi menjimatkan kos kerajaan dan mengelakkan pertindihan birokrasi, asalkan ia diberikan mandat yang lebih luas dalam konteks pendanaan politik.

6.4.3.3 Tugas dan Kuasa Badan Kawal Selia

Informan bersetuju bahawa badan ini harus diberikan kuasa untuk:

1. Menetapkan peraturan dan tata cara pelaporan yang seragam.
2. Menerima dan menilai laporan kewangan tahunan serta laporan pilihan raya.
3. Menjalankan siasatan asas dan audit terhadap transaksi yang mencurigakan.
4. Memberi nasihat, panduan, dan pendidikan berterusan kepada parti politik.

Walau bagaimanapun, wujud perbezaan pendapat mengenai kuasa penguatkuasaan penuh. Informan akademik mencadangkan agar badan ini **hanya mempunyai kuasa siasatan asas**, manakala tindakan undang-undang penuh disalurkan kepada agensi sedia ada seperti PDRM atau SPRM. Seorang informan politik pula menekankan bahawa integriti badan ini sangat bergantung kepada proses pelantikan anggotanya yang mestilah bebas daripada kepentingan politik mana-mana blok.

Model Badan Kawal Selia	Rasional	Cabaran
Suruhanjaya Baru yang Bebas	Kredibiliti tinggi, bebas daripada eksekutif.	Kos operasi tinggi, risiko pertindihan fungsi.
Perluasan Kuasa SPR	Menggunakan infrastruktur sedia ada yang berkaitan pilihan raya.	Isu keyakinan awam terhadap kebebasan SPR sedia ada.

Jabatan di bawah JPM	Pelaksanaan teknikal yang lebih efisien dan berstruktur.	Risiko pengaruh politik daripada cabang eksekutif.
Integrity Ombudsman	Semakan menyeluruh terhadap integriti penjawat awam dan politik.	Masih baharu dan belum difahami sepenuhnya oleh masyarakat.

Jadual 6.4.3.1 Model Cadangan

6.4.4 P4: Keperluan Lembaga Penasihat

Rajah 6.4.4.1 P4_Keperluan Lembaga Penasihat

Wujudnya **keperluan Lembaga Penasihat kepada badan kawal selia** dilihat sebagai lapisan sokongan strategik dan mekanisme "Semak dan Imbang" (*Check and Balance*). Analisis ATLAS.ti menunjukkan hubung kait antara kod "Lembaga Penasihat" dengan "Ketelusan" dan "Kepercayaan Awam".

Informan akademik berhujah bahawa Lembaga Penasihat wajar diwujudkan untuk **memberikan pandangan yang lebih luas dari sudut dasar dan hala tuju**, terutamanya apabila badan kawal selia berhadapan dengan isu-isu sensitif yang melibatkan pertimbangan awam yang besar. Beliau mencadangkan **keahlian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang** bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah seimbang dan tidak sempit. Pandangan ini disokong oleh informan akademik lain yang menyatakan bahawa Lembaga Penasihat dapat memastikan badan kawal selia tidak bergerak secara terasing daripada prinsip asal undang-undang.

Informan peguam memberikan perspektif yang lebih mendalam dengan mencadangkan agar Lembaga Penasihat ini **mempunyai fungsi seumpama "Lembaga Pengarah" dalam korporat**. Beliau menekankan bahawa bagi menjamin kebebasan, ahli-ahli lembaga ini tidak seharusnya dilantik oleh Perdana Menteri, sebaliknya melalui mekanisme Parlimen atau diwakili oleh Majlis Raja-Raja bagi memastikan mereka dihormati oleh semua pihak dalam arena politik. Seorang informan politik mencadangkan agar badan sedia ada yang mempunyai integriti tinggi seperti SUHAKAM diberikan peranan sebagai penasihat.

Namun begitu, wujud pandangan yang berbeza daripada sesetengah informan. Seorang informan melihat **lembaga ini sebagai beban birokrasi tambahan** yang tidak perlu jika badan kawal selia sudah diperkasakan dengan kuasa yang mencukupi. Seorang lagi informan berpendapat bahawa jika badan kawal selia tersebut berbentuk jabatan kerajaan yang standard, ia sudah mempunyai struktur Penasihat Undang-Undang (PUU) sendiri, maka kewujudan sebuah "majlis" penasihat yang berasingan mungkin akan merumitkan lagi struktur pentadbiran.

6.4.5 P5: Pendanaan Politik (Sumber dan Had Sumbangan)

Analisis tematik bagi parameter 5 merangkumi isu penderma korporat, dana asing, penderma tanpa nama, dan peranan kerajaan.

Rajah 6.4.5.1 P5_Pendanaan Politik (Sumber dan Had Sumbangan)

6.4.5.1 Kelayakan Sumber Dana

Analisis menunjukkan konsensus bahawa parti politik tidak seharusnya dibenarkan menerima dana daripada semua sumber tanpa tapisan. Informan akademik bersetuju bahawa **hanya dana daripada sumber yang sah, telus, dan boleh dikenal pasti sahaja yang dibenarkan** bagi mengelakkan pengaruh tidak wajar. Terdapat **larangan keras yang disepakati oleh ramai informan terhadap penglibatan GLC (Syarikat Berkaitan Kerajaan)** sebagai penderma politik. Hujah mereka adalah konsisten: wang GLC adalah wang rakyat dan tidak boleh disalurkan untuk kepentingan politik kepartian.

Mengenai **dana asing**, terdapat perbezaan pandangan yang halus. Beberapa informan **secara umumnya menolak atau sangat berhati-hati** terhadap sumbangan asing bagi menjaga kedaulatan negara dan mengelakkan campur tangan luar. Seorang informan melahirkan kebimbangan mengenai penggunaan dana asing untuk menggugat kepimpinan tempatan atau menyokong agenda asing melalui proksi tempatan. Namun, informan akademik lain mencadangkan **sistem penapisan (*filtering system*)** di mana sumbangan antarabangsa yang telus boleh dibenarkan asalkan ia melalui saluran yang sah dan diisytiharkan sepenuhnya.

6.4.5.2 Isu Penderma Tanpa Nama (Anonymous Donors)

Amalan menerima sumbangan daripada penyumbang yang tidak diketahui identiti dilihat sebagai sangat berisiko. Informan akademik menekankan bahawa identiti penderma adalah asas kepada prinsip ketelusan. Walau bagaimanapun, informan pimpinan politik mengakui realiti amalan "tin Milo" atau kutipan awam semasa ceramah yang melibatkan sumbangan kecil daripada ramai orang. Cadangan yang dikemukakan adalah menetapkan **had maksimum yang rendah** bagi sumbangan

anonymous (contohnya antara RM1,000 hingga RM5,000). **Jika sumbangan tersebut melebihi had, ia wajib diisytiharkan atau dipulangkan**.

6.4.5.3 Peranan Kerajaan dan Dana Awam (Public Funding)

Persoalan sama ada kerajaan harus menyediakan dana kepada parti politik mencetuskan polarisasi pandangan:

- **Menyokong:** Beberapa informan berpendapat dana kerajaan dalam kadar sederhana perlu bagi menyokong fungsi asas parti dan menjamin persaingan sihat, terutamanya bagi parti pembangkang yang kekurangan sumber.
- **Menolak:** Beberapa informan pimpinan politik menentang keras penggunaan wang awam untuk membiayai ahli politik. Mereka berhujah bahawa bajet negara lebih baik disalurkan untuk kebajikan rakyat seperti kesihatan dan pendidikan.

6.4.5.4 Had Maksimum Sumbangan dan Isu Perolehan Kerajaan

Analisis ATLAS.ti menunjukkan sokongan kuat terhadap penetapan **had maksimum sumbangan individu dan syarikat** bagi mengelakkan penderma besar mendominasi proses membuat keputusan politik. Satu cadangan inovatif daripada seorang informan korporat adalah penetapan **tempoh bertenang (*blackout period*)** bagi syarikat yang menerima projek perolehan kerajaan. Beliau mencadangkan agar syarikat tersebut dilarang menyumbang kepada parti pemerintah untuk tempoh satu hingga dua tahun sebelum dan selepas mendapat tender bagi mengelakkan persepsi "pay-to-play".

6.4.6 P6: Mekanisme/Pelaksanaan Penerimaan Sumbangan

Rajah 6.4.6.1 P6_Mekanisme/Pelaksanaan Penerimaan Sumbangan

Analisis operasional terhadap transkrip menekankan kepentingan **akaun rasmi parti** sebagai saluran tunggal penerimaan dana. Informan akademik dan pempengaruh menegaskan bahawa penggunaan akaun rasmi membolehkan setiap transaksi dijejaki dan diaudit dengan jelas, sekali gus menghapuskan amalan sumbangan tunai yang tidak direkodkan.

Seorang informan pimpinan politik membangkitkan isu teknikal berkaitan sekatan perbankan terhadap individu dan entiti politik melalui status *Political Affiliated Person* (PIP). Beliau mendakwa **sukar bagi sesetengah NGO atau entiti politik untuk membuka akaun bank disebabkan peraturan perbankan** yang terlalu ketat, yang akhirnya mendorong kepada penggunaan akaun peribadi atau simpanan tunai yang tidak telus. Oleh itu, beliau mencadangkan agar kerajaan melonggarkan syarat perbankan ini seiring dengan pengenalan akta pendanaan bagi memudahkan pematuhan.

Mengenai tanggungjawab penerimaan, informan bersetuju bahawa tugas ini mestilah diletakkan di bawah **pegawai atau unit kewangan yang dilantik secara rasmi**. Pelantikan ini penting supaya wujud akauntabiliti yang jelas. Seorang informan mencadangkan agar dana sumbangan ini hanya dibenarkan untuk tujuan yang berkaitan secara langsung dengan fungsi parti, seperti pengurusan pentadbiran, latihan ahli, dan program kemasyarakatan. Seorang lagi informan menambah bahawa penggunaan dana untuk kepentingan peribadi, keluarga, atau

pelaburan yang tidak berkaitan dengan aktiviti politik mestilah dilarang sepenuhnya.

6.4.7 P7: Mekanisme Pelaporan



Rajah 6.4.7.1 P7_Mekanisme Pelaporan

Pelaporan kewangan yang sistematik dilihat sebagai tulang belakang kepada keberkesanan Akta Pendanaan Politik. Analisis data kualitatif mengenal pasti tiga elemen utama dalam mekanisme pelaporan ini: skop, kekerapan, dan pengauditan.

6.4.7.1 Skop Pelaporan

Laporan yang dikemukakan mestilah merangkumi **jumlah** keseluruhan sumbangan, **sumber** sumbangan mengikut kategori, **perincian perbelanjaan** utama, **baki** dana semasa, serta **sebarang sumbangan yang ditolak atau dipulangkan**. Seorang informan pimpinan politik menegaskan bahawa setiap sen harus direkodkan bagi memastikan integriti keseluruhan proses.

6.4.7.2 Kekerapan Pelaporan

Wujud variasi dalam cadangan tempoh masa pelaporan kepada badan kawal selia:

- **Setengah Tahun (Enam Bulan):** Informan akademik mencadangkan laporan setiap enam bulan sebagai tempoh yang munasabah.
- **Tahunan:** Beberapa informan korporat dan politik melihat laporan tahunan yang diselaraskan dengan kitaran kewangan syarikat dan pertubuhan sebagai memadai.
- **Pilihan Raya:** Beberapa informan menekankan perlunya regim pelaporan yang lebih ketat dan segera (contohnya dalam tempoh 30 hari) khusus untuk dana sewaktu musim pilihan raya.

6.4.7.3 Kepentingan Audit Profesional

Beberapa informan menegaskan bahawa laporan kewangan **wajib diaudit oleh juruaudit bebas yang bertauliah** sebelum diserahkan kepada pihak berkuasa. Ini bagi menjamin ketepatan data dan mengesan sebarang penyelewengan awal. Seorang informan pempengaruh mencadangkan agar **kerajaan menyediakan panel syarikat audit** terpilih bagi membantu parti politik kecil yang mungkin tidak mampu menampung kos pengauditan profesional yang tinggi. Seorang lagi informan pula mencadangkan **penglibatan Jabatan Audit Negara (JAN)** memandangkan akta ini melibatkan kepentingan nasional.

6.4.8 P8: Pendedahan Laporan kepada Umum

Persoalan mengenai tahap pendedahan maklumat kewangan kepada orang awam mencetuskan perbezaan pandangan yang signifikan mengikut orientasi informan.



Rajah 6.4.8.1 Pendedahan Laporan kepada Umum

6.4.8.1 Pendedahan Penuh

Beberapa informan pimpinan politik dan pempengaruh berpendapat bahawa laporan kewangan parti **mesti boleh diakses oleh orang ramai**. Mereka berhujah bahawa rakyat mempunyai hak untuk mengetahui siapa yang membiayai pimpinan mereka bagi memastikan tiada agenda tersembunyi atau pengaruh asing yang boleh menjejaskan dasar negara. Format pendedahan yang dicadangkan adalah **melalui portal digital** yang mesra pengguna, bukan sekadar dokumen teknikal yang sukar difahami.

6.4.8.2 Pendedahan Terhad/Berhati-hati

Beberapa informan politik lebih berhati-hati dalam aspek ini. Mereka bimbang pendedahan maklumat penyumbang secara terperinci kepada umum boleh menyebabkan penderma disabotaj atau difitnah oleh pihak lawan. Seorang informan mencadangkan agar **pendedahan dibuat secara terhad kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS) atau badan kawal selia sahaja**. Informan akademik lain pula menyarankan pendedahan identiti penderma kepada badan kawal selia adalah wajib, tetapi untuk pendedahan awam, ia mungkin **perlu**

dihadkan kepada kategori dan jumlah besar sahaja bagi melindungi privasi penderma kecil.

6.4.8.3 Pendedahan "Dua Lapis"

Seorang informan akademik mencadangkan pendekatan yang lebih praktikal iaitu pendedahan dua lapis:

1. **Ringkasan Awam:** Format satu atau dua muka surat yang mempunyai visual grafik dan ringkasan kategori untuk pemahaman pantas masyarakat umum.
2. **Laporan Penuh:** Dokumen lengkap yang tersedia untuk tujuan semakan mendalam oleh penyelidik, media, dan badan masyarakat sivil (NGO).

6.4.9 P9: Kesalahan di Bawah Akta

Parameter terakhir membincangkan mengenai penguatkuasaan dan jenis pelanggaran. Analisis ATLAS.ti menunjukkan hubung kait yang kuat antara "hukuman berat" dengan "keberkesanan akta".



Rajah 6.4.9.1 P9_Kesalahan di Bawah Akta

6.4.9.1 Kategori Kesalahan

Informan akademik mencadangkan agar akta ini membezakan antara **kesalahan teknikal** (seperti kelewatan pelaporan) dengan **kesalahan substantif** (seperti penipuan, pelaporan palsu, atau menerima dana daripada sumber haram). Bagi kesalahan teknikal, pendekatan pembetulan atau penalti pentadbiran adalah lebih sesuai, manakala kesalahan substantif harus dikenakan hukuman yang lebih berat.

6.4.9.2 Liabiliti dan Pertanggungjawaban

Majoriti informan menegaskan prinsip **tanggungjawab kolektif**. Tanggungjawab tidak seharusnya diletakkan kepada pimpinan bawahan atau individu tertentu sahaja sebagai "kambing hitam". Sebaliknya, **Majlis Pimpinan Tertinggi (Presiden, Setiausaha, Bendahari)** mestilah dipertanggungjawabkan secara kolektif terhadap kegagalan pengurusan dana parti. Informan peguam mencadangkan agar prinsip *Principal Agent* diguna pakai, di mana **pegawai tertinggi parti menanggung liabiliti ketat** melainkan mereka boleh membuktikan bahawa pelanggaran tersebut berlaku tanpa pengetahuan mereka.

6.4.9.3 Bentuk Hukuman yang Dicadangkan

Antara hukuman yang dicadangkan oleh informan termasuklah:

- **Denda kewangan yang tinggi** yang melebihi jumlah sumbangan yang tidak dilaporkan.
- **Hukuman penjara** bagi kesalahan serius yang melibatkan unsur pecah amanah atau penipuan sengaja.
- **Penggantungan pendaftaran parti** oleh ROS atau larangan menggunakan logo parti dalam pilihan raya selama satu atau dua penggal.
- **Hilang kelayakan bertanding** bagi individu yang disabitkan kesalahan.

3. **Kod Terbitan**

Melalui proses triangulasi data kualitatif dalam ATLAS.ti 25, beberapa penemuan melangkaui parameter (*third-order insights*) dapat dirumuskan untuk pertimbangan pembuat dasar:



Rajah 6.4.9.2 Kod Terbitan

6.4.10 Evolusi Budaya Politik Malaysia

Penggubalan Akta Pendanaan Politik dijangka akan memaksa peralihan paradigma daripada "politik naungan" (*patronage politics*) kepada "politik institusi". Analisis menunjukkan pimpinan politik mula menyedari bahawa pengurusan dana tidak lagi boleh bersifat peribadi. Sebagai contoh, perbincangan informan pimpinan politik mengenai sejarah pemegang amanah parti menunjukkan keperluan untuk beralih kepada sistem akaun parti yang telus sepenuhnya.

6.4.11 Keadilan Geografi dan Sosio-Ekonomi

Terdapat kebimbangan yang nyata mengenai kesan akta ini terhadap calon yang berintegriti tetapi tidak mempunyai dana yang besar. Seorang informan politik melahirkan kebimbangan bahawa jika kawalan terlalu ketat tanpa sokongan dana awam, politik akan terus didominasi oleh "calon berduit" sahaja. Realiti ini lebih meruncing di Sarawak di mana kos logistik adalah faktor penentu kemenangan.

6.4.12 Ancaman Digital dan Teknologi Baharu

Beberapa informan membangkitkan isu teknologi masa hadapan seperti AI, deepfakes, dan pendanaan kempen digital. Seorang informan korporat melahirkan kebimbangan bahawa korupsi politik di masa hadapan akan menjadi lebih canggih melalui "penderma hantu" atau manipulasi digital yang sukar dikesan oleh sistem pemantauan tradisional. Ini menunjukkan bahawa Akta Pendanaan Politik mestilah mempunyai peruntukan yang "kalis masa hadapan" (*future-proof*).

6.4.13 Isu Keyakinan terhadap Agensi Penguatkuasa

Analisis kualitatif mendedahkan tahap kepercayaan awam yang rapuh terhadap agensi sedia ada seperti SPRM. Informan politik dan pempengaruh secara terbuka menyatakan bahawa persepsi "pendakwaan terpilih" mencemarkan integriti pemantauan sedia ada. Oleh itu, integriti akta ini bukan sahaja terletak pada teks perundangannya, tetapi pada kebebasan mutlak badan yang melaksanakannya.

6.4.14 Kesimpulan dan Cadangan Masa Hadapan

Sebagai rumusan, kajian ini menunjukkan sokongan yang meluas terhadap penggubalan Akta Pendanaan Politik di Malaysia. Secara naratifnya, akta ini dilihat sebagai instrumen kritikal untuk membersihkan sistem demokrasi daripada pengaruh wang yang tidak wajar dan memulihkan keyakinan rakyat terhadap

integriti pimpinan politik. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan akta ini sangat bergantung kepada lima faktor kunci:

1. **Kebebasan Institusi:** Badan kawal selia yang dilantik mestilah mempunyai autonomi penuh daripada cabang eksekutif.
2. **Ketelusan vs Privasi:** Mencari titik keseimbangan dalam pendedahan maklumat awam agar tidak membantutkan sumbangan yang sah.
3. **Realiti Lokal:** Mengambil kira perbezaan kos logistik antara kawasan bandar dan pedalaman (terutamanya di Sabah dan Sarawak).
4. **Kawalan Entiti Proksi:** Menutup semua kelompongan pelaporan melalui entiti alter ego, syarikat milik parti, dan NGO berkaitan.
5. **Pendidikan dan Pembudayaan:** Selain penguatkuasaan, latihan etika dan integriti kewangan kepada ahli politik adalah perlu bagi memastikan undang-undang ini difahami dari segi semangat dan tujuannya.

6.5 LAPORAN DAPATAN PERBINCANGAN KUMPULAN BERFOKUS (FGD)

Kajian berkaitan pendanaan politik ini dilaksanakan melalui sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) yang merangkumi keseluruhan wilayah Malaysia bagi memastikan dapatan yang diperoleh bersifat menyeluruh dan mewakili kepelbagaian konteks politik serta sosioekonomi negara. Bagi Semenanjung Malaysia, sesi FGD ini merangkumi lima zon utama, iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur, Zon Selatan dan Wilayah Persekutuan. Zon Utara meliputi negeri Perak (Ipoh), Kedah (Sungai Petani) serta Pulau Pinang, yang mencerminkan dinamika politik dan ekonomi kawasan utara Semenanjung. Zon Tengah melibatkan Selangor (Shah Alam) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, yang mewakili pusat pentadbiran dan kawasan metropolitan. Zon Timur pula merangkumi Kelantan (Kota Bharu) dan Pahang (Kuantan), manakala Zon Selatan melibatkan Melaka sebagai negeri bersejarah yang mempunyai latar politik tersendiri.

Selain Semenanjung Malaysia, kajian ini turut diperluaskan ke Zon Borneo, yang meliputi Sabah (Kota Kinabalu), Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Liputan Zon Borneo ini penting bagi memastikan perspektif dari wilayah luar Semenanjung turut diambil kira, khususnya dalam konteks struktur politik, geografi serta cabaran pentadbiran yang berbeza berbanding Semenanjung Malaysia. Secara keseluruhannya, pendekatan merentas zon ini membolehkan kajian pendanaan politik ini memperoleh pandangan yang lebih komprehensif dan seimbang, sekali gus memperkukuh kesahan dapatan serta relevansi cadangan reformasi di peringkat nasional.

Dalam kajian ini, beberapa singkatan digunakan bagi mewakili kategori responden serta memudahkan proses analisis data. Analisis ini berkaitan dengan isu pembiayaan politik (political funding) yang melibatkan pelbagai kategori informan daripada latar belakang profesional dan sosial yang berbeza. Secara keseluruhan, kajian ini melibatkan 103 orang informan.

Majoriti informan terdiri daripada Ahli Politik (AP) seramai 35 orang, yang mewakili kumpulan paling ramai dalam kajian ini. Ini diikuti oleh kumpulan Akademik (A) seramai 22 orang, yang memberikan pandangan daripada perspektif ilmiah dan dasar. Seterusnya ialah wakil daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seramai 14 orang, serta Peguam (P) seramai 10 orang, yang menyumbang pandangan dari sudut perundangan dan advokasi. Selain itu, terdapat Aktivis Belia (AB) seramai 9 orang yang mewakili suara generasi muda dalam wacana pembiayaan politik. Wakil daripada Majlis Peguam / Bar Council (BC) pula seramai 3 orang, diikuti oleh Setiausaha (SU) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (AD) yang masing-masing seramai 2 orang.

Bagi kategori lain, terdapat masing-masing seorang informan daripada kumpulan Kesatuan Sekerja (TU), Pekerja Profesional (PP), Yayasan Kedah (YK), dan Suri Rumah (SR). Kehadiran pelbagai kategori ini menunjukkan kepelbagaian perspektif yang diperoleh dalam menganalisis isu pembiayaan politik, merangkumi dimensi politik, akademik, perundangan, masyarakat sivil, sektor perniagaan, serta suara akar umbi masyarakat.

Terdapat sepuluh parameter utama yang dibangunkan sebagai kerangka analisis bagi menilai secara menyeluruh aspek perundangan, pentadbiran dan pelaksanaan pendanaan politik di Malaysia. Kesemua parameter ini disusun secara sistematik bagi memastikan perbincangan tidak hanya tertumpu kepada keperluan menggubal undang-undang semata-mata, tetapi turut merangkumi struktur kawal selia, mekanisme pelaporan, penguatkuasaan serta implikasi terhadap integriti sistem demokrasi.

Parameter pertama memberi fokus kepada keperluan penggubalan undang-undang berkaitan pendanaan politik serta implikasinya sekiranya dilaksanakan. Parameter kedua pula menilai rangkuman pemakaian undang-undang, termasuk peringkat kesesuaian pelaksanaannya. Parameter ketiga memperincikan cadangan pengwujudan badan kawal selia dana politik, meliputi jenis badan, struktur, fungsi serta kuasa penguatkuasaan yang wajar diberikan. Seterusnya, parameter keempat membincangkan keperluan mewujudkan Lembaga Penasihat bagi menyokong badan kawal selia tersebut.

Parameter kelima memberi tumpuan khusus kepada aspek pendanaan politik itu sendiri, termasuk sumber dana yang dibenarkan, peranan kerajaan, had sumbangan, dana swasta, sumbangan syarikat, penderma tanpa nama (anonymous donor), serta isu konflik kepentingan. Parameter keenam pula

meneliti mekanisme dan pelaksanaan penerimaan sumbangan, termasuk kaedah penyaluran, penyimpanan dan penggunaan dana secara telus dan selamat.

Parameter ketujuh memfokuskan kepada mekanisme pelaporan, termasuk skop pelaporan, tanggungjawab penyediaan laporan, kekerapan laporan serta keperluan audit. Parameter kelapan pula memperincikan aspek pendedahan laporan kepada umum sebagai langkah ketelusan dan akauntabiliti awam. Parameter kesembilan membincangkan kesalahan di bawah akta, termasuk bentuk kesalahan, liabiliti pihak yang bertanggungjawab dan pertanggungjawaban di peringkat parti komponen. Akhir sekali, parameter kesepuluh memberi ruang kepada cadangan tambahan atau langkah dasar lain yang wajar dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam merangka RUU tersebut.

Secara keseluruhannya, kesepuluh parameter ini membentuk satu kerangka komprehensif yang merangkumi dimensi normatif, institusional, operasional dan penguatkuasaan dalam penggubalan undang-undang pendanaan politik, sekali gus memastikan analisis yang dibuat adalah menyeluruh, sistematik dan berasaskan prinsip tadbir urus yang baik.

6.5.1 PARAMETER 1: KEPERLUAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PENDANAAN POLITIK

6.5.1.1 Soalan 1: Adakah terdapat keperluan untuk Kerajaan mewujudkan undang- undang berkaitan pendanaan politik?



Rajah 6.5.1.1 Tahap Keperluan Penggubalan Undang-Undang Pendanaan Politik di Malaysia

Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti informan menyatakan bersetuju terhadap keperluan mewujudkan undang-undang pendanaan politik, dengan justifikasi yang boleh dihuraikan kepada beberapa dimensi utama.

Dari sudut ketelusan dan akauntabiliti, beberapa informan menekankan bahawa undang-undang diperlukan bagi memastikan dana politik diurus secara lebih telus dan bertanggungjawab. AP30 (Ahli Politik) menyatakan bahawa undang-undang perlu diwujudkan bagi meningkatkan tahap akauntabiliti dan ketelusan kerana masyarakat sering mengaitkan pembiayaan politik dengan amalan rasuah. NGO11 (NGO) turut menegaskan bahawa undang-undang ini penting untuk meningkatkan tahap ketelusan, manakala NGO4 (NGO) melihat keperluan untuk menampakkan aliran pendanaan secara jelas dalam pentadbiran. AP25 (Ahli Politik) pula mengaitkan keperluan ini dengan pengurusan dana yang lebih telus kerana ia berkait rapat dengan kepentingan awam. TU1 (Kesatuan Sekerja) juga menyokong dengan syarat mesti ada unsur ketelusan.

Dari aspek pencegahan rasuah dan salah laku, beberapa informan melihat undang-undang ini sebagai mekanisme pencegahan awal. AP27 (Ahli Politik) menyatakan ia penting sebagai langkah pencegahan untuk mengelakkan salah laku, manakala YK1 (Yayasan Kedah) juga menegaskan keperluan diwujudkan sebagai langkah pencegahan awal. NGO2 (NGO) menyatakan bahawa undang-undang diperlukan bagi menggalakkan ketelusan dan mengelakkan rasuah. P4 (Peguam) pula merujuk kepada kewujudan kes sogok-menyogok ketika pilihan raya sebagai alasan perlunya undang-undang khusus.

Dalam dimensi garis panduan dan definisi jelas, beberapa informan menekankan keperluan kepada sempadan yang terang antara dana politik dan rasuah atau dana awam. A14 (Akademik) menyatakan perlunya garis panduan khusus, manakala A17 (Akademik) menegaskan keperluan definisi yang jelas tentang pendanaan politik. A18 (Akademik) menekankan ketiadaan garis pemisah antara dana politik dan rasuah. P9 (Peguam) turut menyatakan keperluan mewujudkan garis pemisah yang jelas antara dana politik dan dana awam. BC3 (Bar Council) menyokong bahawa undang-undang khusus dapat meletakkan sempadan yang lebih jelas, dan AP35 (Ahli Politik) menyatakan undang-undang ini bukan sekadar menghukum tetapi memberi panduan jelas kepada parti politik.

Dari sudut tadbir urus dan integriti demokrasi, A9 (Akademik) menekankan bahawa pendanaan politik melibatkan jumlah kewangan besar dan memberi kesan langsung kepada proses demokrasi. AP33 (Ahli Politik) menyatakan bahawa pendanaan politik memberi kesan kepada integriti sistem demokrasi. AP31 (Ahli Politik) pula mengaitkan keperluan ini dengan usaha memperkukuh tadbir urus yang baik. NGO13 (NGO) melihatnya sebagai perlindungan kepada parti politik itu sendiri.

Dalam konteks persepsi ketidakseimbangan dan kompleksiti dana, A20 (Akademik) menyatakan bahawa masyarakat mempersepsikan parti pemerintah mempunyai akses luas kepada sumber kerajaan dan pendana yang diragui, justeru undang-undang diperlukan. AP26 (Ahli Politik) menekankan keperluan memastikan keadilan antara parti politik, manakala AP34 (Ahli Politik) menyatakan bahawa penyeragaman peraturan dapat

mewujudkan medan persaingan yang lebih adil dan telus. AP32 (Ahli Politik) pula menyebut bahawa pendanaan politik kini semakin kompleks dan melibatkan jumlah kewangan yang besar. A13 (Akademik) menyatakan bahawa kawalan undang-undang sedia ada hanya tertumpu kepada kesalahan pilihan raya dan rasuah dalam tempoh tertentu sahaja, menunjukkan jurang kawalan yang perlu diisi.

Dari aspek penegasan penguatkuasaan, NGO1 (NGO) menyatakan bahawa undang-undang ini harus dikuatkuasakan. AB1 (Aktivis Belia) menyatakan undang-undang wajar diumumkan supaya lebih mudah dikawal selia. AB2 (Aktivis Belia) pula menegaskan perlunya pendekatan yang lebih komprehensif dari segi kuasa dan peraturan dalam undang-undang baharu tersebut. P1 (Peguam) menyatakan bahawa undang-undang diperlukan untuk mengawal selia pendanaan ahli politik, manakala AP22 (Ahli Politik) dan NGO10 (NGO) menegaskan keperluan jelas untuk kerajaan menggubal undang-undang khusus.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan tidak bersetuju atau bersyarat. AP2 (Ahli Politik) secara jelas tidak bersetuju dengan idea pendanaan politik. BU2 (Businessman) tidak bersetuju pemberian dana kepada calon secara individu tetapi bersetuju jika dikawal di peringkat parti. AP5 (Ahli Politik) pula mencadangkan supaya undang-undang sedia ada diperkasakan berbanding membentuk undang-undang baharu. AP8 (Ahli Politik) menyatakan persetujuan dengan syarat perlu telus dan selaras dengan undang-undang sedia ada, manakala AP20 (Ahli Politik) menyatakan perlu ada safeguards bagi mengelakkan implikasi negatif.

Secara keseluruhan, Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti informan daripada pelbagai latar belakang – termasuk AP (Ahli Politik), A (Akademik), NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan), P (Peguam), AB (Aktivis Belia), BC (Bar Council), TU (Kesatuan Sekerja), YK (Yayasan Kedah), dan lain-lain – bersetuju bahawa undang-undang pendanaan politik perlu diwujudkan, dengan rasional yang merangkumi aspek ketelusan, pencegahan rasuah, tadbir urus demokrasi, keadilan persaingan dan penguatkuasaan yang lebih sistematik.

No	Tema / Subtema	A	AP	NGO	P	AB	AD	BU	BC	TU	PP	SR	YK
1.	Bersetuju	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	–	–	✓	✓	–
	1.1 Ketelusan & Akauntabiliti	✓	✓	✓	✓	–	–	–	–	✓	–	–	–
	1.2 Pencegahan Rasuah & Salah Laku	✓	✓	✓	✓	–	–	–	–	–	–	–	✓
	1.3 Garis Panduan & Definisi Jelas	✓	✓	–	✓	–	–	–	✓	–	–	–	–
	1.4 Tadbir Urus & Integriti Demokrasi	✓	✓	✓	–	–	–	–	–	–	–	–	–
	1.5 Persepsi Ketidakseimbangan & Kompleksiti Dana	✓	✓	–	–	✓	–	–	–	–	–	–	–
	1.6 Penegasan Penguatkuasaan	–	–	✓	–	–	–	–	–	–	–	–	–
2.	Tidak Bersetuju	–	✓	–	–	–	–	✓	–	–	–	–	–

Jadual 6.5.1.1 Taburan Tahap Keperluan Penggubalan Undang-Undang Pendanaan Politik di Malaysia

Berdasarkan Jadual di atas, analisis menunjukkan bahawa majoriti kategori informan menyatakan bersetuju terhadap keperluan mewujudkan undang-undang pendanaan politik. Sokongan ini merentas hampir semua latar belakang seperti A (Akademik), AP (Ahli Politik), NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan), P (Peguam), AB (Aktivis Belia), AD (Ahli Dewan Undangan Negeri), BU (Businessman), PP (Pekerja Profesional) dan SR (Suri Rumah). Hanya BC (Bar Council), TU (Kesatuan Sekerja) dan YK (Yayasan Kedah) tidak ditandakan dalam sokongan umum, namun mereka muncul dalam subtema tertentu. Ini menunjukkan bahawa wujud konsensus yang luas dalam kalangan pelbagai pemegang taruh bahawa rangka perundangan khusus diperlukan.

Dari segi Ketelusan dan Akauntabiliti (1.1), subtema ini menerima sokongan yang paling konsisten merentas kelompok A, AP, NGO dan P, serta TU. Ini menggambarkan bahawa isu ketelusan merupakan rasional utama yang dikongsi oleh kumpulan profesional dan politik. Akademik dan ahli politik melihatnya sebagai keperluan tadbir urus, manakala NGO dan peguam menekankan aspek akauntabiliti serta kawal selia. Bagi Pencegahan Rasuah dan Salah Laku (1.2), sokongan juga kuat dalam kalangan A, AP, NGO dan P, serta YK. Corak ini menunjukkan bahawa naratif anti-rasuah menjadi asas penting dalam

hujah penggubalan undang-undang. Kehadiran YK dalam subtema ini menandakan perspektif masyarakat sivil tempatan yang memberi fokus kepada pencegahan awal dan integriti.

Subtema Garis Panduan dan Definisi Jelas (1.3) pula memperlihatkan sokongan daripada A, AP, P dan BC. Ini menunjukkan bahawa kelompok berorientasikan perundangan dan dasar lebih cenderung menekankan kejelasan definisi, sempadan dana dan kepastian undang-undang. Peranan BC dalam subtema ini signifikan kerana ia berkait dengan aspek teknikal perundangan. Dalam Tadbir Urus dan Integriti Demokrasi (1.4), hanya A, AP dan NGO yang ditandakan. Ini menunjukkan bahawa wacana demokrasi dan sistem integriti lebih banyak diketengahkan oleh golongan akademik, ahli politik dan organisasi masyarakat sivil berbanding kumpulan lain.

Bagi Persepsi Ketidakseimbangan dan Kompleksiti Dana (1.5), sokongan datang daripada A, AP dan AB. Ini mencerminkan kebimbangan tentang ketidakseimbangan akses dana serta peningkatan kompleksiti pembiayaan politik, khususnya dari perspektif akademik, politik dan belia. Subtema Penegasan Penguatkuasaan (1.6) hanya ditandakan oleh NGO. Ini menunjukkan bahawa NGO paling konsisten menekankan aspek penguatkuasaan undang-undang sebagai elemen kritikal, bukan sekadar kewujudan peruntukan undang-undang semata-mata.

Walaupun majoriti menyokong, jadual turut menunjukkan kewujudan pandangan Tidak Bersetuju, yang hanya muncul dalam kalangan AP dan BU. Ini menandakan bahawa dalam kalangan ahli politik dan ahli perniagaan masih terdapat keraguan atau penolakan terhadap pendekatan tertentu dalam pendanaan politik, sama ada dari sudut keperluan undang-undang baharu atau mekanisme pelaksanaannya.

Secara keseluruhannya, jadual ini memperlihatkan konsensus yang luas merentas sektor terhadap keperluan undang-undang pendanaan politik, dengan justifikasi yang berbeza mengikut latar belakang informan. Akademik dan ahli politik paling dominan dalam hampir semua subtema, manakala NGO menonjol dalam aspek penguatkuasaan

dan anti-rasuah. Pandangan tidak bersetuju pula bersifat minoriti dan tertumpu dalam kelompok tertentu sahaja.

6.5.1.2 Soalan 2: Jika kerajaan bercadang untuk mewujudkan undang-undang pendanaan politik, apakah implikasinya?



Rajah 6.5.1.2 Implikasi Penggubalan Undang-Undang Pendanaan Politik terhadap Tadbir Urus dan Ketelusan Politik

Dapatan analisis bagi Soalan 2 di Rajah di atas menunjukkan bahawa implikasi utama penggubalan undang-undang pendanaan politik dapat dilihat dari sudut peningkatan ketelusan, akauntabiliti dan keyakinan awam. A3 dan A4 (Akademik) menyatakan bahawa rakyat akan dapat melihat dengan lebih jelas siapa di belakang sesebuah parti serta menghapuskan agenda tersembunyi penderma. A9 dan A11 (Akademik) menegaskan bahawa kewajipan pelaporan dan pemantauan akan menjadikan setiap sumbangan dicatat, diperhatikan dan

dipertanggungjawabkan. A2 (Akademik) dan AP8 (Ahli Politik) pula melihat implikasinya terhadap imej Malaysia dan peningkatan persepsi antarabangsa berkaitan indeks rasuah. AB4 dan AB9 (Aktivis Belia) menekankan aspek transparensi dalam aliran dana serta pengagihan kewangan. AP11, AP15, AP24, AP28 dan AP35 (Ahli Politik) menyatakan bahawa undang-undang ini akan memudahkan penjejakan laporan kewangan, meningkatkan kepercayaan awam serta memastikan keputusan politik dibuat berdasarkan kepentingan awam. NGO6, NGO8, NGO10 dan NGO14 (NGO) turut melihatnya sebagai mekanisme untuk memperkukuh akauntabiliti dan persepsi positif rakyat terhadap sistem politik. Dari sudut perundangan, P2, P4, P5, P6, P8 dan P9 (Peguam) menyatakan bahawa ketelusan membolehkan sumber dana dijejaki dan meningkatkan keyakinan awam, manakala SU1 (Setiausaha) mengakui bahawa pendedahan ini mewujudkan transparency walaupun melibatkan tambahan kerja pelaporan kewangan.

Dari sudut pencegahan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, A12 (Akademik) berpandangan bahawa implikasi positif utama ialah pengurangan rasuah. AB2, AB3 dan AB8 (Aktivis Belia) menyatakan bahawa kawalan undang-undang boleh mengelakkan penyelewengan serta mengurangkan pengaruh pelobi yang berpotensi menjadi “tuan” selepas pilihan raya. AD1 (Ahli Dewan Undangan Negeri) mengakui kemungkinan rasuah politik dapat dikurangkan walaupun tidak dihapuskan sepenuhnya. AP12, AP13, AP18, AP21 dan AP34 (Ahli Politik) menegaskan bahawa kawalan ini boleh mengelakkan salah guna dana, unsur mencurigakan dan amalan tidak formal berasaskan hubungan peribadi. NGO1 (NGO) melihatnya sebagai langkah mengelakkan kerajaan dikawal oleh penderma, manakala P1 dan P10 (Peguam) menekankan bahawa undang-undang khusus boleh mengekang amalan rasuah politik yang sukar dikawal selama ini.

Implikasi juga dilihat dari aspek penstrukturan semula parti, pematuhan dan beban pentadbiran. A10 dan A8 (Akademik) menyatakan bahawa parti perlu menukar strategi pengumpulan dana serta menyesuaikan budaya pengurusan agar selari dengan undang-undang. A13 (Akademik) menegaskan keperluan mewujudkan akaun khusus, rekod sumbangan teratur dan prosedur pelaporan jelas. A7 (Akademik) mencadangkan penambahbaikan dan latihan kawal selia bagi meningkatkan keyakinan terhadap sistem. Dalam kalangan Ahli Politik, AP14, AP20, AP22, AP23, AP25, AP27, AP31, AP32 dan AP33 menyatakan bahawa undang-undang ini akan membawa perubahan kepada cara parti mengurus kewangan, meningkatkan kos pematuhan, mewujudkan keperluan dokumentasi dan audit serta menimbulkan cabaran di peringkat cawangan. NGO11 dan NGO12 (NGO) melihatnya sebagai proses penyesuaian yang pada awalnya mencabar tetapi baik untuk jangka panjang, manakala P7 (Peguam) menekankan bahawa undang-undang akan memaksa parti lebih berhati-hati dalam menerima dan membelanjakan dana.

Dari sudut keadilan persaingan dan kesaksamaan parti, A5 (Akademik) menyatakan bahawa keadilan tidak lagi boleh diukur semata-mata berdasarkan kekuatan dana. AP1, AP4 dan AP6 (Ahli Politik) menekankan keperluan keseimbangan antara parti besar dan kecil serta memastikan tiada pihak dianaktirikan. BU2 (Businessman) menyatakan bahawa ketidaksamaan dana adalah tidak adil kepada rakyat, manakala PP1 (Pekerja Profesional) melihat undang-undang ini sebagai cara mengawal pengambilan dana secara adil kepada semua parti.

Akhir sekali, implikasi turut merangkumi aspek kawalan perundangan, standardisasi dan penguatkuasaan. A1 dan A6 (Akademik) melihatnya sebagai mekanisme pendidikan politik dan pengukuhan governance. AB7 (Aktivis Belia) menekankan keterlibatan undang-undang yang lebih baik. AP17, AP26, AP29 dan

AP30 (Ahli Politik) menyatakan keperluan pengawasan rapi, mekanisme pemantauan dan had sumbangan yang jelas. BC3 (Bar Council) melihat implikasinya sebagai pewujudan standard seragam yang memudahkan nasihat perundangan dan mengurangkan tafsiran bercanggah. BU1 (Businessman) menekankan keperluan memperkukuh undang-undang sedia ada agar lebih spesifik kepada parti politik. NGO3 dan NGO13 (NGO) melihat kesannya terhadap proses pilihan raya serta penyeragaman amalan pendanaan antara parti. P3 (Peguam) menyatakan bahawa undang-undang akan mengehadkan penerimaan sumbangan tertentu, manakala YK1 (Yayasan Kedah) menegaskan perlunya keseimbangan antara pengawalseliaan dan kebolehlaksanaan.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas memperlihatkan bahawa implikasi penggubalan undang-undang pendanaan politik bukan sahaja tertumpu kepada ketelusan dan pencegahan rasuah, tetapi turut melibatkan transformasi struktur parti, keadilan persaingan serta pengukuhan kerangka kawal selia dan penguatkuasaan.

6.5.2 PARAMETER 2: RANGKUMAN PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

6.5.2.1 Soalan 3: Pada pendapat anda, apakah peringkat kesesuaian peringkat pemakaian akta ini?



Rajah 6.5.2.1 Kesesuaian Skop dan Peringkat Pemakaian Akta Pendanaan Politik di Malaysia

Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti informan berpandangan pemakaian Akta Pendanaan Politik perlu bersifat menyeluruh dan tidak terhad kepada parti politik semata-mata. A2, A3, A6, A7, A11, A12, A16 dan A21 (Akademik) menegaskan bahawa akta ini perlu merangkumi semua ahli politik termasuk Ahli Parlimen, ADUN, calon bebas, ahli biasa, calon yang bertanding serta pemberi dana sama ada secara langsung atau tidak langsung. A19 (Akademik) turut menekankan bahawa pemberi dan penerima dana perlu tertakluk kepada pelaporan awam. AB2, AB3, AB4, AB6, AB7, AB8 dan AB9 (Aktivis Belia) menyatakan pemakaian perlu melibatkan semua pihak termasuk ejen pilihan raya, presiden parti, bendahari, calon dan ahli Majlis Tertinggi. AD2 (Ahli Dewan Undangan Negeri) menyatakan ia terpakai kepada MP, ADUN dan calon bebas. Dalam kalangan Ahli Politik, AP1, AP2, AP3, AP4, AP6, AP8, AP9, AP12, AP13, AP14, AP15, AP17, AP18, AP19 dan AP21 menegaskan bahawa undang-undang tidak boleh melihat darjat dan mesti terpakai kepada semua ahli politik daripada jawatan kecil hingga besar termasuk penyokong parti dan mereka yang terlibat secara langsung dalam aktiviti politik. BC3 (Bar Council) menekankan bahawa

semua entiti yang terlibat secara langsung dengan dana politik perlu tertakluk kepada akta. BU1 dan BU2 (Businessman) menyatakan pemakaian bukan sahaja kepada individu tetapi juga parti politik serta wakil rakyat. NGO2, NGO3, NGO4, NGO5, NGO6 dan NGO8 (NGO) berpandangan ia perlu merangkumi parti politik, calon bertanding, pihak yang terlibat dalam pilihan raya termasuk parlimen, DUN dan pihak berkuasa tempatan. P5, P6 dan P8 (Peguam) turut menyatakan pemakaian perlu meliputi semua ahli politik dan penyumbang. TU1 (Trade Union) menyokong pemakaian kepada MP, ADUN dan calon bebas.

Selain itu, informan turut menekankan pemakaian mengikut struktur parti serta dilaksanakan secara berperingkat. A4, A5 dan A8 (Akademik) menyatakan akta perlu meliputi semua peringkat daripada grassroots hingga kepimpinan tertinggi. A9 (Akademik) mencadangkan pemakaian seragam tetapi tahap pematuhan boleh berbeza mengikut peringkat. A10 (Akademik) menyatakan entiti berkaitan seperti sayap parti dan organisasi pengumpulan dana perlu turut diliputi, manakala A13 menekankan pelaksanaan bermula di peringkat nasional terlebih dahulu. AD1 mencadangkan pemakaian daripada presiden hingga AJK serta boleh diturunkan ke peringkat negeri dan cawangan. AP22, AP23, AP24, AP25, AP26, AP27, AP28, AP29, AP30, AP31, AP32, AP33, AP34 dan AP35 (Ahli Politik) secara konsisten mencadangkan pemakaian menyeluruh merangkumi pusat, negeri, bahagian dan cawangan, namun dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambil kira kapasiti dan kemampuan setiap peringkat parti. NGO10, NGO11, NGO12, NGO13 dan NGO14 (NGO) turut menyokong pendekatan menyeluruh yang fleksibel dan praktikal supaya tidak membebankan parti kecil serta memastikan tiada peringkat dikecualikan tanpa justifikasi jelas. P7 dan P9 (Peguam) mencadangkan pemakaian bermula di peringkat pusat sebagai asas sebelum diperluaskan ke negeri dan bahagian bagi mengelakkan ruang manipulasi dana. PP1 (Pekerja Profesional) menyatakan semua peringkat perlu diliputi bagi mengelakkan loophole. SU1 (Setiausaha) mencadangkan pemakaian

bermula daripada ketua bahagian dan ke atas. YK1 (Yayasan Kedah) menekankan penguatkuasaan di peringkat pengurusan kewangan parti.

Dari sudut skop masa dan fasa pemakaian, A1 (Akademik) menegaskan bahawa akta perlu terpakai sebelum, semasa dan selepas pilihan raya bagi mengelakkan taktik kotor dan strategi penerimaan dana lebih awal. AP20 (Ahli Politik) menyatakan pemakaian perlu bersifat sepenuh masa dan bukan hanya musim pilihan raya, termasuk kepada wakil rakyat yang telah menang. AP11 mencadangkan pelaksanaan awal bermula dengan pilihan raya terdahulu sebagai titik permulaan. P1 (Peguam) menyatakan pemakaian perlu bermula dari awal hingga akhir melibatkan ahli politik dan penyumbang. P2 menekankan had penerimaan dana sepanjang masa. P3 dan P4 menegaskan bahawa pemakaian sebelum, semasa dan selepas pilihan raya adalah penting terutama bagi jumlah sumbangan yang besar serta perlu melibatkan pihak yang memberi dan menerima dana. SR1 (Suri Rumah) menekankan keperluan garis panduan yang adil dalam penggunaan dana antara ahli politik.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas memperlihatkan bahawa kesesuaian pemakaian Akta Pendanaan Politik menurut informan adalah bersifat menyeluruh dari segi individu yang diliputi, melibatkan keseluruhan struktur parti dengan pendekatan berperingkat dan fleksibel, serta terpakai sepanjang masa sebelum, semasa dan selepas pilihan raya bagi memastikan tiada lompang dari sudut kawal selia dan tadbir urus dana politik.

6.5.3 PARAMETER 3: PENGWUJUDAN BADAN KAWAL SELIA DANA POLITIK

6.5.3.1 Soalan 4: Berikan pendapat anda tentang keperluan untuk mewujudkan badan bagi mengawal selia perihal dana politik di Malaysia?



Rajah 6.5.3.1 Keperluan Penubuhan Badan Kawal Selia Dana Politik di Malaysia

Majoriti informan di Rajah di atas menyokong keperluan penubuhan badan kawal selia khusus atau badan baharu yang bersifat bebas dan berfokus dalam mengawal pendanaan politik. A3, A4 dan A6 (Akademik) menegaskan bahawa badan kawal selia memang wajib diwujudkan bagi mengawal selia proses pemantauan dan pemeriksaan kewangan sama ada di peringkat negeri atau persekutuan. A10 dan A13 (Akademik) berpandangan bahawa tanpa pengawasan khusus, sukar memastikan semua parti mematuhi standard yang sama, lebih-lebih lagi isu pendanaan politik bersifat teknikal dan memerlukan fokus berterusan. A22 menekankan keperluan sebuah independent body yang benar-benar bebas daripada pengaruh politik, manakala A8 dan A9 melihat badan khusus sebagai mekanisme meningkatkan keyakinan awam serta memastikan sistem dikawal secara profesional. A5 dan A7 mencadangkan struktur yang bersifat berpusat tetapi mempunyai pecahan di peringkat negeri untuk tujuan pentadbiran.

AB9 (Aktivis Belia) menyatakan badan kawal selia perlu diwujudkan tetapi tidak semestinya diletakkan di bawah SPR kerana pendanaan politik melangkaui musim pilihan raya. AD1 (Ahli Dewan Undangan Negeri) mencadangkan penubuhan di peringkat persekutuan. Dalam kalangan Ahli Politik, AP12, AP13 dan AP14 menegaskan perlunya badan kawal selia untuk memastikan integriti semua pihak. AP16 menyatakan regulator diperlukan bagi mewujudkan *check and balance*, manakala AP20 dan AP21 menekankan

keperluan badan yang bersifat centralized dan bebas daripada pengaruh parti politik. AP22 hingga AP35 secara konsisten menyatakan bahawa badan kawal selia penting bagi memastikan pelaksanaan undang-undang dibuat secara tersusun, konsisten dan profesional, serta berfungsi sebagai pusat koordinasi, rujukan dan pencegahan awal salah guna dana. AP25 dan AP30 menegaskan bahawa kewujudan badan khusus mampu meningkatkan ketelusan dan keyakinan awam, manakala AP26 dan AP31 melihatnya sebagai mekanisme standardisasi dan penyelarasan garis panduan. AP34 dan AP35 mengaitkan penubuhan badan ini dengan aspek tadbir urus dan persepsi awam terhadap integriti sistem politik.

BC3 (Bar Council) menyatakan badan kawal selia boleh berfungsi sebagai titik rujukan tunggal untuk mengurangkan kekeliruan pematuhan. BU1 (Businessman) menekankan bahawa badan tersebut perlu benar-benar bebas dan tidak berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. NGO10, NGO11, NGO12, NGO13 dan NGO14 (NGO) berpandangan bahawa badan kawal selia khusus adalah sangat perlu kerana isu pendanaan politik mempunyai sifat berbeza dan menjadi asas kepada sistem yang berintegriti. NGO8 menekankan bahawa peranan badan ini perlu ditakrifkan dengan jelas supaya tidak bertindih dengan agensi lain.

Dalam kalangan Peguam, P1, P3, P4, P5, P6, P7 dan P9 menyatakan keperluan mewujudkan badan penyelia atau jabatan khusus bagi tujuan pemantauan, kepakaran, tindakan susulan dan penguatkuasaan yang konsisten. PP1 (Pekerja Profesional) menyatakan badan ini penting supaya wujud garis panduan jelas, manakala SR1 (Suri Rumah) turut menyokong penubuhan badan baharu. SU1 mencadangkan kewujudan badan di peringkat persekutuan, dan YK1 (Yayasan Kedah) melihat penubuhan badan ini penting bagi mengelakkan konflik kepentingan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan yang mencadangkan supaya agensi sedia ada diperkasakan tanpa menubuhkan entiti baharu. A1, A2, A11, A12, A14, A15, A18, A19, A20 dan A21 (Akademik) mencadangkan penggunaan atau pengukuhan SPRM, SPR, jawatankuasa Parlimen seperti PAC, atau perluasan skop agensi sedia ada bagi menjimatkan kos serta mengelakkan pertindihan fungsi. AB2, AB6, AB7 dan AB8 (Aktivis

Belia) turut menyatakan bahawa lebih baik memperkasa suruhanjaya sedia ada berbanding menubuhkan institusi baharu. AP8 dan AP11 (Ahli Politik) mencadangkan pendekatan gabungan antara SPR dan SPRM atau memperkasakan kedua-duanya tanpa mewujudkan badan baharu. AP18 dan AP19 menyuarakan kebimbangan terhadap kos penubuhan badan baharu dan mencadangkan penggunaan agensi sedia ada atas faktor kecekapan dan beban kewangan negara. NGO9 mencadangkan pelantikan SPRM dengan syarat ketelusan dipertingkatkan, manakala P8 mencadangkan pewujudan unit khas di bawah SPRM bagi mengelakkan kos tambahan.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan dua aliran utama pandangan informan, iaitu sokongan dominan terhadap penubuhan badan kawal selia khusus yang bebas dan berfokus, serta pandangan alternatif yang mencadangkan pemerkasaan atau penggunaan agensi sedia ada seperti SPRM, SPR dan Parlimen bagi tujuan pengawasan dana politik.

6.5.3.2 Soalan 6: Sekiranya fungsi kawal selia dana politik dilaksanakan oleh badan yang baharu: a) apakah jenis badan yang sesuai ditubuhkan?



Rajah 6.5.3.2 Jenis Badan yang Sesuai bagi Pengawalseliaan Dana Politik di Malaysia

Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti informan cenderung menyokong penubuhan sebuah suruhanjaya atau badan bebas baharu yang diletakkan di bawah Parlimen bagi memastikan kebebasan dan autonomi dalam pengawalseliaan dana politik. Akademik (A) seperti A3 mencadangkan badan dalam bentuk Suruhanjaya yang diletakkan di bawah Parlimen supaya lebih bebas. A5 menyatakan Suruhanjaya Pembiayaan Politik yang bebas adalah sesuai, manakala A13 menegaskan badan bebas perlu ditubuhkan melalui akta Parlimen supaya mempunyai kuasa dan kebebasan yang jelas. A21 mencadangkan suruhanjaya bebas yang melaporkan terus kepada Parlimen. A8 menekankan badan berkanun yang mempunyai autonomi tertentu supaya dapat menjalankan fungsi tanpa tekanan politik. A7 turut mencadangkan agensi bebas diletakkan di bawah Parlimen dan bukan melalui eksekutif. A4 berpandangan bahawa sekadar memperkasa agensi sedia ada tidak memadai kerana risiko preference bias sukar dielakkan. A12 mencadangkan seorang pesuruhjaya yang bebas dan bukan ahli politik.

Dalam kalangan Aktivis Belia (AB), AB3 mencadangkan suruhanjaya, manakala AB9 menyokong suruhanjaya baharu atau reformasi SPR. Ahli Dewan Undangan Negeri (AD) melalui AD2 menyatakan pengarah badan tersebut perlu melaporkan terus kepada Parlimen. Ahli Politik (AP) seperti AP13 mencadangkan satu suruhanjaya baharu yang menggabungkan SPR dan SPRM di bawah Parlimen. AP20 menekankan keperluan

sebuah independent agency commission dengan kuasa dan tempoh lantikan jelas bagi menjamin kebebasan. AP22 menyatakan badan bebas yang ditubuhkan melalui undang-undang khusus adalah paling sesuai bagi memastikan legitimasi. AP23 mencadangkan badan berkanun yang bertanggungjawab kepada Parlimen. AP24 menegaskan badan perlu bersifat profesional dan bebas daripada pengaruh politik. AP25 mencadangkan badan berkanun dengan mandat khusus. AP26 menyatakan badan perlu mempunyai autonomi supaya boleh bertindak tanpa tekanan luar. AP27 menegaskan badan khas berasingan daripada agensi sedia ada lebih sesuai untuk mengelakkan konflik peranan. AP28 menyatakan badan bebas yang dilantik melalui proses telus akan lebih diyakini rakyat. AP29 mencadangkan suruhanjaya bebas dengan pelantikan berasaskan kepakaran. AP30 menekankan badan teknokratik dan profesional, bukan dianggotai ahli politik aktif. AP31 dan AP32 menegaskan keperluan diletakkan di bawah Parlimen dan mempunyai tahap kebebasan tertentu. AP4 mencadangkan majlis tindakan di bawah Parlimen, manakala AP5 berpandangan badan perlu diletakkan di bawah Parlimen sebagaimana cadangan untuk SPRM.

Bar Council (BC) melalui BC3 menyatakan badan perlu mempunyai lembaga pengarah atau suruhanjaya yang dilantik melalui proses telus untuk meningkatkan kredibiliti. Businessman (BU) melalui BU1 menyokong Suruhanjaya. NGO seperti NGO10, NGO11, NGO12, NGO13 dan NGO14 menyokong badan bebas berkanun dengan hubungan pelaporan jelas kepada Parlimen, mempunyai kuasa undang-undang jelas, tidak diletakkan di bawah kementerian serta berfungsi sebagai institusi profesional dan teknikal. Peguam (P) seperti P1 dan P6 mencadangkan badan baharu yang bebas politik dalam bentuk suruhanjaya. P9 menekankan keperluan autonomi pentadbiran dan kewangan. Pekerja Profesional (PP) melalui PP1 turut mencadangkan suruhanjaya.

Walau bagaimanapun, terdapat juga informan yang mencadangkan supaya pengawalseliaan diletakkan di bawah atau memperkasa agensi sedia ada seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) atau kementerian berkaitan. A6 mencadangkan ROS memegang fungsi tertentu dengan endorsement oleh SPR atau SPRM. Aktivis Belia (AB) seperti AB2 mencadangkan diletakkan di bawah SPRM. Ahli Dewan Undangan

Negeri (AD) melalui AD1 mencadangkan SPRM dicampur dengan jawatankuasa SPR. Ahli Politik (AP) seperti AP14 dan AP15 mencadangkan penggunaan atau pemerkasaan SPR kerana lebih familiar. AP17 menegaskan tidak perlu badan baharu, memadai tambah unit dalaman dalam SPR untuk mengurangkan kos negara. AP18 menyokong SPR atas faktor penglibatan dalam urusan pilihan raya. AP2 mencadangkan SPR sendiri dengan jawatankuasa dalam SPRM untuk memperkasa undang-undang. AP21 mencadangkan suruhanjaya di bawah kementerian. Businessman (BU) melalui BU2 mencadangkan diletakkan di bawah Parlimen sama ada melalui SPRM atau SPR. NGO2 mencadangkan diletakkan di bawah ROS dan Kementerian Dalam Negeri supaya terdapat kawalan eksekutif. Peguam (P) seperti P3 mencadangkan SPR sebagai badan paling sesuai. Setiausaha (SU) melalui SU1 mencadangkan SPRM.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas memperlihatkan dua kecenderungan utama, iaitu sokongan dominan terhadap penubuhan suruhanjaya atau badan bebas baharu di bawah Parlimen dengan autonomi dan pelantikan telus, serta cadangan alternatif untuk memperkasa atau menggunakan agensi sedia ada seperti SPR, SPRM dan ROS bagi tujuan pengawalseliaan dana politik.

6.5.3.3 Soalan 6: Sekiranya fungsi kawal selia dana politik dilaksanakan oleh badan yang baharu: b):Apakah cadangan struktur yang sesuai bagi badan kawal selia yang baharu?



Rajah 6.5.3.3 Cadangan Struktur Badan Kawal Selia Dana Politik di Malaysia

Pandangan responden berkaitan struktur organisasi dan tadbir urus yang sesuai bagi badan kawal selia dana politik di Malaysia dipaparkan di Rajah di atas. Majoriti informan menekankan keperluan melibatkan individu berintegriti tinggi serta bebas daripada kepentingan politik. Akademik (A) seperti A3 mencadangkan agar bekas Ketua Hakim Negara dilantik sebagai pengerusi badan. A4 dan A5 mencadangkan bekas hakim serta pengamal undang-undang yang tidak lagi terikat dengan kerajaan supaya kebebasan institusi dapat dipelihara. A12 turut menyatakan bahawa bekas hakim dan bekas penjawat awam berintegriti adalah sesuai, manakala A22 menekankan isu kebebasan sebagai syarat asas dalam pelantikan. A7 mencadangkan struktur yang mempunyai pengerusi, timbalan serta lima hingga tujuh ahli terdiri daripada pakar undang-undang, akauntan, pakar pentadbiran awam, wakil NGO dan bekas pegawai SPRM.

Aktivis Belia (AB) seperti AB3 mencadangkan parti politik berdaftar di bawah ROS boleh mencalonkan wakil untuk tujuan semak dan imbang, manakala AB9

mencadangkan profesor universiti sebagai anggota bagi memastikan kepakaran akademik terlibat. Ahli Dewan Undangan Negeri (AD) melalui AD1 menegaskan pelantikan perlu dibuat oleh Parlimen dengan kuasa tertentu termasuk tempoh lantikan jelas.

Dalam kalangan Ahli Politik (AP), AP12 mencadangkan suruhanjaya bebas dengan wakil setiap parti politik bagi memastikan keseimbangan. AP25, AP29 dan AP33 menekankan kepentingan kepakaran kewangan, undang-undang dan tadbir urus dalam komposisi keanggotaan. AP34 mencadangkan lembaga atau suruhanjaya yang dilantik melalui proses telus. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti NGO12 turut menekankan proses pelantikan yang telus dan melalui saringan ketat. Peguam (P) seperti P1 mencadangkan bekas hakim menubuhkan badan penasihat, P2 menegaskan anggota perlu bebas dan bukan ahli politik, P3 mencadangkan suruhanjaya yang melaporkan kepada Yang di-Pertuan Agong (YDPA) serta memasukkan wakil parti politik, P6 menyokong badan bebas yang diwakili pelbagai agensi, dan P9 mencadangkan wakil masyarakat sivil bagi meningkatkan ketelusan.

Dari sudut struktur organisasi, unit dan mekanisme dalaman, Akademik (A) seperti A13 mencadangkan badan terdiri daripada lembaga utama yang menetapkan dasar serta sekretariat yang mengurus operasi harian. Ahli Politik (AP) seperti AP22 mencadangkan struktur yang merangkumi lembaga pengarah, sekretariat dan unit teknikal supaya fungsi pengawasan dan pentadbiran dipisahkan dengan jelas. AP23 mencadangkan jawatankuasa audit dan pematuhan, manakala AP30 mencadangkan unit khas untuk audit, pemantauan dan aduan awam. AP26 dan NGO13 menekankan mekanisme semak dan imbang dalaman termasuk audit dalaman dan pelaporan berkala kepada Parlimen. AP27 dan AP31 menegaskan fungsi setiap unit perlu jelas bagi mengelakkan pertindihan tugas. NGO10 mencadangkan lembaga pengarah dan pasukan pengurusan

profesional untuk operasi harian, manakala NGO11 mencadangkan unit pemantauan, pelaporan dan siasatan awal. Peguam (P) seperti P10 pula menegaskan keperluan pindaan akta supaya badan mempunyai kuasa yang jelas.

Dari aspek prinsip reka bentuk institusi, Akademik (A) seperti A1 mencadangkan badan boleh menjadi sebahagian daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan penyertaan ahli daripada Bank Negara Malaysia serta senator, dan melaporkan kepada Yang di-Pertuan Agong (YDPA) sebagai kuasa eksekutif tertinggi. Ahli Politik (AP) seperti AP20 membangkitkan isu pelantikan sama ada melalui nasihat Perdana Menteri atau pihak lain dari sudut akauntabiliti demokratik. AP24 dan AP35 menekankan struktur yang ringkas tetapi berkesan, manakala AP28 dan Yayasan Kedah (YK) melalui YK1 menekankan fleksibiliti supaya badan boleh menyesuaikan diri dengan perubahan landskap politik. NGO14 menekankan badan perlu fleksibel tetapi kukuh dari segi prinsip tadbir urus. Peguam (P) seperti P3 menegaskan pelaporan kepada YDPA bagi memastikan kedudukan institusi yang tinggi. Suri Rumah (SR) melalui SR21 mencadangkan badan diletakkan di bawah jabatan integriti, manakala Setiausaha (SU) melalui SU1 berpandangan tidak perlu diwujudkan badan baharu.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan bahawa struktur badan kawal selia dana politik menurut informan merangkumi tiga dimensi utama: keanggotaan yang berintegriti dan profesional, struktur dalaman yang jelas dengan mekanisme semak dan imbang, serta prinsip reka bentuk institusi yang menekankan kebebasan, autonomi, fleksibiliti dan kedudukan pelaporan yang berautoriti tinggi.

6.5.3.4 Soalan 8: Pada pandangan anda, setakat manakah kuasa yang wajar diberikan kepada adakah badan kawal selia dana politik wajar diberi kuasa penguatkuasaan atau penguatkuasaan dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan sedia ada?



Rajah 6.5.3.4 Skop Kuasa dan Mekanisme Penguatkuasaan Badan Kawal Selia Dana Politik

Rajah di atas menunjukkan bahawa dari sudut kuasa pemantauan, audit dan pemerolehan maklumat, majoriti informan bersetuju bahawa badan kawal selia perlu diberikan kuasa pentadbiran yang jelas bagi memastikan pematuhan. Akademik (A) seperti A2 mencadangkan pemerkasaan SPR dengan unit audit khas, manakala A3 menekankan elemen penguatkuasaan dan pencegahan. A13 menyatakan badan wajar diberi kuasa pemantauan dan siasatan asas. Ahli Politik (AP) seperti AP8 menyokong kuasa pemeriksaan dana kewangan dan siasatan awal, manakala AP17 menegaskan tanggungjawab menyemak laporan kewangan serta menyiasat kes. AP22 menyatakan kuasa pemantauan dan siasatan asas perlu diberikan kepada badan kawal selia. AP23 menekankan kuasa memanggil maklumat dan dokumen daripada parti politik. AP26 dan AP29 mencadangkan kuasa pentadbiran seperti arahan pematuhan dan penalti pentadbiran. AP31 dan AP32 menegaskan keperluan kuasa mendapatkan maklumat dan menjalankan

semakan tanpa halangan. AP33 menyokong peranan sebagai pemantau dan penyiasat awal. NGO10 dan NGO11 menegaskan kuasa mendapatkan dokumen kewangan dan menjalankan audit awal, manakala NGO12 menekankan fokus kepada pencegahan dan pemantauan. Peguam (P) seperti P3 mencadangkan penelitian terhadap akaun parti, P4 menekankan penghantaran laporan tahunan kepada suruhanjaya, dan Suri Rumah (SR) melalui SR1 menyatakan badan perlu boleh memeriksa, menggeledah dan menyiasat.

Dari sudut pembahagian kuasa antara badan kawal selia dan agensi penguatkuasaan sedia ada, terdapat kecenderungan kepada model kolaboratif. A1 mencadangkan laporan dihantar kepada Peguam Negara (AG) untuk tindakan lanjut, manakala A4 dan A5 menyokong pelaksanaan bersama badan sedia ada dengan suruhanjaya sebagai penyelaras utama. A6 menegaskan kes rasuah kekal di bawah SPRM. A7 menekankan pemisahan antara kuasa pendakwaan dan penguatkuasaan. Aktivis Belia (AB) seperti AB2 menyokong SPRM sebagai badan penguat kuasa sedia ada, AB3 mencadangkan pengalihan fungsi kepada agensi lain bagi mengelakkan beban, dan AB8 mencadangkan pembahagian peranan antara SPRM dan SPR. Ahli Dewan Undangan Negeri (AD) seperti AD1 mencadangkan badan bawah Parlimen untuk kawal selia, manakala AD2 menyokong SPRM sebagai badan penguasa. Ahli Politik (AP) seperti AP13 mencadangkan gabungan SPR dan SPRM di bawah kawal selia Parlimen. AP18 menyokong pemisahan siasatan dan pendakwaan. AP20 menyatakan pendakwaan oleh AG manakala penguatkuasaan bersifat pentadbiran. AP21 mencadangkan siasatan di bawah KDN. AP24, AP27 dan AP30 menyokong pendekatan kolaboratif di mana badan kawal selia memantau dan agensi sedia ada melaksanakan penguatkuasaan. AP34 menyatakan pembahagian kuasa lebih selamat dari sudut perundangan. NGO3 dan NGO9 mencadangkan penglibatan SPRM selepas laporan dibuat, manakala NGO2 menyatakan pendaftaran parti di bawah SPR. P1 dan P8 menyokong pendakwaan oleh pihak berkaitan seperti

SPRM selepas laporan badan kawal selia. Setiausaha (SU) melalui SU1 menyokong struktur di bawah Parlimen. Yayasan Kedah (YK) melalui YK1 menekankan kepentingan pembahagian peranan yang jelas bagi memastikan keseimbangan sistem.

Dari aspek kuasa penguatkuasaan penuh, pendakwaan dan had kuasa, terdapat perbezaan pandangan. A11 dan A12 menyatakan SPRM sebagai badan sesuai untuk penguatkuasaan. A14 menekankan penguatkuasaan perlu dipersetujui di peringkat Parlimen. AP12 dan AP16 menegaskan perlunya kuasa penguatkuasaan. AP14 menyatakan tanpa penguatkuasaan sistem akan menjadi longgar. AP19 menekankan kuasa penguatkuasaan perlu ditambah dengan kuasa pendakwaan kepada pihak pendakwa negara. AP25 menyatakan badan perlu cukup berkuasa tetapi tertakluk kepada semak dan imbang. AP28 berpandangan kuasa penuh tidak perlu diberikan pada peringkat awal dan boleh dipertimbangkan kemudian apabila sistem matang. AP35 menegaskan kejelasan peranan adalah paling penting. Businessman (BU) melalui BU2 menyatakan badan penguat kuasa perlu bebas. NGO13 menekankan had kuasa yang jelas bagi mengelakkan salah guna, manakala NGO14 menyatakan kuasa perlu seimbang dan berperingkat. P2 menyokong pemberian kuasa penuh sehingga pertuduhan jika mempunyai punca kuasa jelas, P6 menekankan keperluan penglibatan badan penguat kuasa, dan P9 menegaskan kuasa perlu jelas dan terhad supaya tidak disalahgunakan.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti informan menyokong pemberian kuasa pemantauan dan audit yang kukuh kepada badan kawal selia, dengan kecenderungan kuat kepada model kolaboratif dalam pembahagian kuasa antara badan kawal selia dan agensi penguatkuasaan sedia ada seperti SPRM, SPR dan AG, serta penegasan bahawa kuasa penguatkuasaan

dan pendakwaan perlu jelas, seimbang dan tertakluk kepada mekanisme semak dan imbang bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

6.5.4 PARAMETER 4: KEPERLUAN LEMBAGA PENASIHAT

6.5.4.1 Soalan 9: Jelaskan secara terperinci keperluan untuk diwujudkan satu entiti yang akan bertanggungjawab untuk menjadi Lembaga Penasihat kepada badan kawal selia dana politik?



Rajah 6.5.4.1 Keperluan Penubuhan Lembaga Penasihat bagi Badan Kawal Selia Dana Politik

Majoriti informan di Rajah di atas menyokong keperluan mewujudkan Lembaga Penasihat sebagai mekanisme semak dan imbang serta pengukuhan institusi kepada badan kawal selia dana politik. Akademik (A) seperti A2, A3, A4 dan A5 berpandangan bahawa Lembaga Penasihat boleh berfungsi sebagai badan rujukan strategik bagi memastikan dasar dan garis panduan sentiasa konsisten serta tidak dipengaruhi kepentingan politik semasa. A7, A8 dan A9 menekankan kepentingan mekanisme semak dan imbang untuk meningkatkan kredibiliti badan kawal selia. A10 dan A13 menyatakan bahawa lembaga tersebut boleh memberikan pandangan profesional dalam isu teknikal dan kompleks, manakala

A14 dan A19 melihatnya sebagai instrumen untuk meningkatkan keyakinan awam terhadap sistem. A11, A12 dan A15 turut membangkitkan cadangan mengenai kedudukan dan struktur lembaga tersebut supaya mempunyai autoriti jelas dalam memberi nasihat strategik.

Dalam kalangan Ahli Politik (AP), AP5, AP9, AP11, AP12, AP13, AP14, AP15, AP16 dan AP17 menyokong kewujudan Lembaga Penasihat sebagai platform untuk mendapatkan pandangan pelbagai pihak termasuk profesional dan wakil masyarakat sivil. AP22 hingga AP35 secara konsisten menegaskan bahawa lembaga tersebut boleh membantu dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan ketelusan serta memastikan keputusan badan kawal selia dibuat secara lebih kolektif dan berasaskan kepakaran. AP23 dan AP24 menekankan peranan nasihat strategik, manakala AP25, AP26 dan AP27 melihatnya sebagai mekanisme untuk mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa. AP28 dan AP29 menegaskan keperluan reka bentuk yang fleksibel dan tidak membebankan, sementara AP30, AP31 dan AP32 melihatnya sebagai saluran untuk meningkatkan legitimasi dan keyakinan rakyat. AP33, AP34 dan AP35 turut menyatakan bahawa lembaga tersebut boleh menyumbang kepada kestabilan dan kesinambungan dasar.

Aktivis Belia (AB) seperti AB4, AB8 dan AB9 menyokong Lembaga Penasihat sebagai ruang penyertaan masyarakat dan generasi muda dalam proses semak dan imbang. Ahli Dewan Undangan Negeri (AD) melalui AD1 menyatakan bahawa lembaga tersebut boleh menjadi penasihat strategik kepada badan kawal selia. Bar Council (BC) melalui BC3 menyatakan bahawa kewujudan lembaga penasihat dapat membantu dari sudut kejelasan garis panduan dan tadbir urus. Businessman (BU) melalui BU2 menyokong peranan lembaga sebagai badan penasihat profesional. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti NGO2, NGO3, NGO4, NGO8, NGO9, NGO10, NGO11, NGO12, NGO13 dan NGO14 menyatakan

bahawa Lembaga Penasihat boleh meningkatkan akauntabiliti dan memastikan suara masyarakat sivil diambil kira dalam proses kawal selia. Dalam kalangan Peguam (P), P5, P6, P7, P8, P9 dan P10 menyokong kewujudan lembaga penasihat sebagai mekanisme semak dan imbang tambahan. Pekerja Profesional (PP) melalui PP1 menyatakan lembaga tersebut boleh memberikan pandangan teknikal, manakala Suri Rumah (SR) melalui SR1 menyatakan ia boleh meningkatkan ketelusan. Setiausaha (SU) melalui SU1 dan Trade Union (TU) melalui TU1 turut menyokong kewujudan lembaga penasihat dengan syarat peranannya jelas dan tidak bertindih dengan badan kawal selia utama.

Walau bagaimanapun, terdapat juga informan yang tidak bersetuju atau berpandangan bahawa Lembaga Penasihat tidak diperlukan. Akademik (A) melalui A1 menyatakan kewujudan lembaga tambahan boleh menyebabkan pertindihan fungsi. Ahli Politik (AP) seperti AP18 dan AP20 menyuarakan kebimbangan bahawa lembaga penasihat mungkin menambah lapisan birokrasi dan melambatkan proses keputusan. Dalam kalangan Peguam (P), P1, P2, P3 dan P4 menyatakan bahawa fungsi nasihat boleh dilaksanakan oleh badan kawal selia itu sendiri atau melalui mekanisme sedia ada tanpa perlu menubuhkan entiti baharu.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti informan menyokong pewujudan Lembaga Penasihat sebagai mekanisme pengukuhan institusi dan semak dan imbang kepada badan kawal selia dana politik, dengan penekanan terhadap reka bentuk yang jelas, fleksibel dan tidak bertindih, manakala sebahagian kecil informan berpandangan bahawa ia tidak diperlukan atas alasan kecekapan dan pengurangan birokrasi.

6.5.5 PARAMETER 5: PENDANAAN POLITIK

6.5.5.1 Soalan 11: Apakah pandangan anda tentang peranan kerajaan dalam menyediakan dana kepada parti politik?



Rajah 6.5.5.1 Keperluan Penubuhan Lembaga Penasihat bagi Badan Kawal Selia Dana Politik

Rajah di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar informan menyokong peranan kerajaan dalam pembiayaan parti politik, namun dengan syarat yang ketat, terhad dan dikawal rapi. Akademik (A) seperti A10 menyatakan kerajaan wajar bertindak sebagai pemudah cara dan menyediakan dana minimum bagi memastikan parti mempunyai keupayaan asas untuk berfungsi. A13 dan A18 menekankan aspek keadilan dan persaingan yang lebih seimbang, khususnya kepada parti kecil. A22 menyatakan persetujuan, manakala A3 dan A4 menegaskan dana kerajaan perlu dikawal, telus dan tidak boleh disalahgunakan. A5 mencadangkan rang undang-undang khas yang

melarang sumbangan daripada pihak lain selain kerajaan. A7 mencadangkan pembiayaan kepada kumpulan parti di Parlimen bagi menyokong fungsi pentadbiran. A8 dan A9 menyokong secara bersyarat dengan penekanan bahawa dana perlu disalurkan secara adil, telus dan hanya untuk tujuan tertentu seperti latihan atau pendidikan politik, bukan untuk kempen. A19 mengakui kerajaan sudah memainkan peranan tertentu tetapi menimbulkan persepsi negatif.

Dalam kalangan Aktivis Belia (AB), AB2 menyifatkan pendanaan kerajaan sebagai langkah progresif sekiranya diperuntukkan dalam belanjawan tahunan, manakala AB6 dan AB9 menyokong dengan syarat jumlahnya tidak terlalu besar dan berbentuk insentif sahaja. Ahli Politik (AP) seperti AP1 menyatakan persetujuan bersyarat dengan had jumlah dan kawalan ketat. AP8 menyokong model di mana kerajaan mengumpul dan mengagihkan dana secara adil serta menghadkan sumbangan swasta. AP10 mencadangkan hanya kerajaan dibenarkan memberi dana dan melarang sumbangan syarikat. AP12 menyokong dengan syarat adanya mekanisme semak dan imbang. AP19, AP20 dan AP32 melihat dana awam sebagai sokongan kepada demokrasi, manakala AP22 hingga AP35 secara umumnya menyokong secara terhad dengan penekanan terhadap ketelusan, audit, keadilan dan pengurangan kebergantungan kepada penderma swasta. AP23 dan AP29 menyatakan dana kerajaan boleh mengurangkan risiko campur tangan kepentingan tertentu. AP24 dan AP35 menegaskan dana hanya untuk tujuan tertentu seperti pendidikan politik. AP25, AP26, AP27, AP28 dan AP30 menekankan had peranan kerajaan supaya parti tidak terlalu bergantung atau timbul persepsi pilih kasih. AP31 menyatakan dana perlu dilihat sebagai sokongan kepada demokrasi, bukan alat kawalan politik.

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti NGO1, NGO3, NGO6, NGO8 dan NGO9 menyokong dengan syarat pembahagian secara adil dan mekanisme audit ketat kerana melibatkan wang awam. Bar Council (BC) melalui BC3 menegaskan keperluan rangka kawalan yang ketat dan audit jelas. Dalam kalangan Peguam (P), P2, P7, P9, P10 dan P18 menyokong secara bersyarat dengan penekanan kepada had jumlah, pelaporan dan mekanisme pengawasan. Setiausaha (SU) melalui SU1 menyokong pemberian dana

kerajaan. Yayasan Kedah (YK) melalui YK1 turut menyokong secara terhad dengan had jumlah dan kaedah penyaluran supaya parti kekal berdikari.

Walau bagaimanapun, terdapat juga informan yang tidak bersetuju atau menolak peranan kerajaan dalam pembiayaan parti politik. Akademik (A) melalui A2 menyatakan tidak setuju parti mendapat dana kerajaan. Aktivis Belia (AB) seperti AB3, AB4, AB7 dan AB8 menolak atas alasan parti besar akan lebih dominan atau tidak wajar menggunakan dana kerajaan. Ahli Dewan Undangan Negeri (AD) seperti AD1 dan AD2 menolak dengan alasan wang rakyat tidak patut digunakan untuk parti politik. Ahli Politik (AP) seperti AP5, AP9, AP11, AP13, AP15, AP16, AP17 dan AP21 menolak atas dasar dana awam ialah duit rakyat dan wajar digunakan untuk pembangunan, bukan parti politik. Businessman (BU) seperti BU1 dan BU2 menolak atas alasan bias dan risiko pertambahan parti secara tidak terkawal. Dalam kalangan Peguam (P), P1, P5, P6 dan P8 menolak atas alasan penerimaan awam dan kebimbangan penyalahgunaan. Pekerja Profesional (PP) melalui PP1 menyatakan dana daripada duit rakyat akan menimbulkan kemarahan awam. Suri Rumah (SR) melalui SR1 dan Trade Union (TU) melalui TU1 turut menolak atas alasan ketidakadilan kepada rakyat.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan bahawa walaupun terdapat penolakan yang jelas terhadap penggunaan dana awam untuk parti politik, majoriti informan cenderung menyokong peranan kerajaan secara bersyarat dan terhad, dengan penekanan kuat kepada ketelusan, audit, had jumlah, tujuan khusus serta mekanisme semak dan imbang bagi memastikan dana awam tidak disalahgunakan dan tidak menjejaskan prinsip keadilan demokrasi.

6.5.5.2 Soalan 14: berapakah kadar yang sesuai untuk kerajaan salurkan dana kepada parti politik?



Rajah 6.5.5.2 Kadar Peruntukan Dana Kerajaan kepada Parti Politik yang Dicadangkan

Sebahagian informan di Rajah di atas mencadangkan supaya pengagihan dana kerajaan kepada parti politik dibuat berdasarkan formula yang objektif dan berasaskan prestasi. Akademik (A) seperti A7 mencadangkan pengagihan pada peringkat awal dibuat sepenuhnya berdasarkan jumlah undi yang diperoleh. A18 menekankan kepentingan melihat rekod prestasi (track record) parti, manakala A5 mencadangkan pengiraan berdasarkan jumlah kerusi yang dipertandingkan. A3 mencadangkan pendekatan sama rata pada peringkat awal pelaksanaan dengan perbezaan antara Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), sebelum dinilai semula selepas beberapa pilihan raya. A4 menegaskan faktor lokasi perlu diperhalusi kerana kos berbeza mengikut kawasan. A21 menyatakan formula perlu diperincikan secara lebih menyeluruh. A22 menekankan keperluan satu formula tetap yang jelas dan adil bagi mengelakkan tafsiran berbeza mengenai konsep “fair”.

Dalam kalangan Aktivis Belia (AB), AB2 mencadangkan pengagihan berdasarkan jumlah undi atau jumlah keahlian parti. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti

NGO2 mencadangkan ambang peratusan undi tertentu sebagai syarat kelayakan, manakala NGO3 menyokong model perkongsian secara proporsional (proportional share). Peguam (P) seperti P1 menolak pemberian sama rata dan mencadangkan agihan berdasarkan jumlah pengikut atau sokongan sebenar. P2 pula mencadangkan pemberian sama rata tanpa kadar khusus. P10 membangkitkan cabaran menentukan asas pengiraan sama ada berdasarkan jumlah ahli, kaum atau kerusi ditandingi kerana setiap parti mempunyai hak bertanding yang sama. Ahli Politik (AP) seperti AP20 menyatakan pengagihan perlu berasaskan undi yang diperoleh, manakala AP18 mencadangkan ambang (threshold) tertentu sebagai syarat kelayakan. AP12 pula mencadangkan pemberian sama rata tanpa mengira jumlah undi.

Selain itu, sebahagian besar informan menekankan bahawa kadar dana perlu sederhana, terhad dan berasaskan prinsip keadilan serta kemampuan fiskal negara. Akademik (A) seperti A8 menyatakan dana perlu sederhana dan hanya menyokong operasi asas parti, bukan menjadi sumber utama kewangan. A9 menegaskan kadar perlu mengambil kira kemampuan kewangan negara dan keutamaan perbelanjaan awam seperti pendidikan dan kesihatan. A10 menyatakan dana perlu disertai dengan syarat penggunaan yang ketat dan mudah diaudit. A13 menegaskan kadar tidak boleh terlalu tinggi supaya tidak membebankan negara. A15 menekankan prinsip keadilan dalam pengagihan. A19 menyamakan bantuan sebagai sokongan “start-up” yang terhad.

Ahli Politik (AP) seperti AP22, AP23 dan AP29 menekankan kadar perlu munasabah dan berdasarkan kemampuan fiskal kerajaan. AP24 dan AP30 menyatakan dana perlu mencukupi untuk operasi asas tetapi tidak mewujudkan pembaziran atau kebergantungan. AP25 dan AP31 mencadangkan kadar disemak secara berkala mengikut keadaan ekonomi. AP26 dan AP33 menegaskan had yang jelas supaya wang awam tidak disalahgunakan. AP27 menyatakan kadar

tidak boleh terlalu besar sehingga parti bergantung sepenuhnya kepada kerajaan. AP28 menekankan had maksimum dengan syarat penggunaan ketat. AP32 menyatakan dana perlu sederhana dan bukan sumber utama parti. AP34 mencadangkan formula yang telus dan konsisten agar tidak berubah mengikut kepentingan politik semasa. AP35 menegaskan kadar perlu mengambil kira keutamaan perbelanjaan awam lain. AP8 turut menyatakan keperluan had supaya parti yang mempunyai dana besar tidak mengawal sistem.

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti NGO10, NGO11 dan NGO8 menyokong kadar sederhana dan terkawal. NGO12 menegaskan keperluan mengambil kira kemampuan fiskal negara. NGO13 mencadangkan had maksimum yang jelas bagi mengelakkan penyalahgunaan. NGO14 menekankan bahawa kadar mesti disertai mekanisme pemantauan yang berkesan. Peguam (P) seperti P7 dan P9 menegaskan had maksimum bagi memastikan penggunaan wang awam terkawal. Yayasan Kedah (YK) melalui YK1 menyatakan kadar dana perlu disertai syarat pelaporan dan audit yang ketat. Aktivis Belia (AB) seperti AB6 menyatakan dana hanya sebagai persediaan asas untuk parti bertanding, manakala AB9 membangkitkan kebimbangan keadilan terhadap parti baharu dan kecil jika formula tidak dirangka dengan teliti. Bar Council (BC) melalui BC3 menegaskan formula perlu telus dan konsisten supaya tidak berubah mengikut keadaan politik.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan dua kecenderungan utama, iaitu cadangan pengagihan dana secara objektif dan berasaskan prestasi seperti undi, kerusi atau ambang kelayakan, serta penegasan bahawa kadar dana perlu sederhana, terhad dan berasaskan prinsip keadilan serta kemampuan fiskal negara, dengan had jelas, audit ketat dan formula telus bagi memastikan dana awam digunakan secara berhemah dan tidak disalahgunakan.

6.5.5.3 Soalan 15: Bagi dana swasta, apakah bentuk sumbangan yang dibenarkan?



Rajah 6.5.5.3 Bentuk Sumbangan Dana Swasta yang Dibenarkan dalam Pendanaan Politik

Rajah di atas menunjukkan bahawa dari sudut ketelusan, pelaporan dan kebolehauditan, majoriti informan menekankan keperluan mewujudkan satu kerangka kebolehkesanan (traceability framework) yang jelas bagi semua bentuk sumbangan swasta. Akademik (A) seperti A2 menyatakan bahawa apa jua bentuk sumbangan sama ada CSR, donation atau tunai mesti diisytiharkan dan direkodkan. A4 dan A5 menegaskan bahawa apa-apa item yang diterima perlu boleh diaudit. A7 membangkitkan isu kebolehkesanan khususnya bagi tunai, pindahan dan juga hartanah yang mungkin kurang traceable. A8 dan A10 menegaskan sumbangan melalui akaun rasmi parti adalah paling sesuai kerana mudah direkod dan dipantau serta bentuk sumbangan perlu dinyatakan secara jelas dalam peraturan. A13 menyokong sumbangan dalam bentuk tunai atau pindahan bank kerana mudah direkod dan diaudit. A19 menekankan sumbangan

tidak boleh melibatkan money laundering, manakala A21 menyatakan semua bentuk boleh dipertimbangkan tetapi perlu ada definisi operasi yang jelas dan mekanisme penilaian khususnya bagi in-kind. A22 mengingatkan bahawa isu ini kembali kepada prinsip integriti.

Ahli Politik (AP) seperti AP19 menegaskan keperluan *traceability* dalam kawalan dana. AP22 dan AP32 menyokong sumbangan kewangan melalui akaun rasmi parti sebagai bentuk paling sesuai kerana mudah direkod dan diaudit. AP23 menekankan hanya sumbangan telus dan direkod secara rasmi wajar dibenarkan dengan maklumat penyumbang yang jelas. AP28 menyatakan hanya sumbangan yang sah, boleh dikenal pasti dan direkod sepenuhnya wajar diterima. AP30 menegaskan sumbangan perlu boleh dinilai dari segi kewangan supaya ketelusan terjamin. AP33 menyatakan sumbangan bukan tunai boleh dipertimbangkan tetapi nilainya perlu dinilai secara objektif dan direkod jelas. AP34 menegaskan semua bentuk sumbangan perlu didokumentasikan dengan baik bagi memastikan pematuhan undang-undang. Bar Council (BC) melalui BC3 turut menegaskan semua bentuk sumbangan mesti didokumentasikan dengan jelas. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti NGO10 dan NGO14 menegaskan prinsip utama ialah ketelusan dan kebolehauditan. Peguam (P) seperti P1 dan P2 menyatakan sumbangan boleh diterima asalkan dilaporkan, manakala P6 dan P7 menegaskan setiap jenis sumbangan perlu boleh diaudit dan dinilai secara objektif. Setiausaha (SU) melalui SU1 dan Yayasan Kedah (YK) melalui YK1 menekankan semua bentuk sumbangan mesti direkod dan dilaporkan kepada badan kawal selia. Suri Rumah (SR) melalui SR1 turut menekankan keperluan pengisytiharan dan pelaporan yang ketat.

Dari sudut bentuk sumbangan yang dibenarkan, terdapat perbezaan pandangan antara sumbangan tunai, pindahan dan *in-kind*. A6 menyatakan sumbangan boleh dalam bentuk cash atau in-kind. A13 menekankan pindahan bank lebih sesuai. A3

dan AP5 menyatakan in-kind seperti barangan juga relevan dalam konteks operasi parti. AP1 menyatakan bukan tunai lebih baik, tetapi dalam kenyataan lain menyokong pemberian secara cash dengan mekanisme jelas. AP12 dan AP15 menyatakan sumbangan boleh dalam pelbagai bentuk asalkan tidak masuk ke akaun peribadi dan boleh diaudit. AP16 menyokong bentuk wang dan transfer sahaja. AP20 menyatakan semua bentuk sumbangan boleh dipertimbangkan selagi manfaat akhir tidak melibatkan penyalahgunaan. AP24, AP29 dan AP31 menyokong sumbangan bukan kewangan seperti perkhidmatan profesional atau barangan tetapi perlu dinilai dan dikawal. Businessman (BU) seperti BU1 dan Trade Union (TU) melalui TU1 menyatakan cash atau in-kind boleh diterima mengikut keperluan, manakala BU2 membangkitkan penggunaan e-invoicing untuk kawalan tunai. NGO1 menyatakan wang tunai sebagai bentuk utama, manakala NGO11 mencadangkan sumbangan tunai perlu dielakkan atau dihadkan. Aktivis Belia (AB) seperti AB4 mencadangkan hanya dana berbentuk wang untuk mengelakkan isu penilaian barangan, manakala AB6 dan AB8 menyatakan bentuk bergantung kepada keadaan. AB9 menyatakan kurang bersetuju dengan pelbagai bentuk barangan dan projek.

Dari sudut sekatan, had dan integriti, A9 menegaskan sumbangan yang disertai syarat atau jangkaan balasan politik tidak wajar dibenarkan. A19 dan PP1 menekankan larangan terhadap money laundering. AP15 dan AP35 menyatakan sumbangan mestilah tidak bersyarat dan tidak disertai balasan politik. AP26 menegaskan had maksimum perlu ditetapkan bagi mengelakkan pengaruh berlebihan. AP27 menolak manfaat tersembunyi seperti hadiah peribadi atau kemudahan tertentu kerana sukar dipantau. NGO8 menyatakan sumbangan perlu telus, direkod sepenuhnya dan tertakluk kepada had. NGO12 menegaskan sumbangan mesti bebas daripada syarat atau jangkaan balasan politik. NGO13 menekankan keperluan garis panduan jelas tentang bentuk sumbangan. P9 menyatakan bentuk sumbangan perlu dinyatakan jelas dalam undang-undang.

P10 membangkitkan isu kemungkinan sumbangan tidak terhad (unlimited) jika tiada had ditetapkan. AD1 menegaskan sumbangan in-kind perlu ada mekanisme dan had nilai tertentu supaya tidak melebihi jumlah munasabah.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti informan menyokong penerimaan pelbagai bentuk sumbangan swasta termasuk tunai, pindahan dan in-kind, namun tertakluk kepada prinsip ketelusan, pelaporan rasmi, kebolehauditan, had maksimum dan larangan terhadap sumbangan bersyarat atau yang menjejaskan integriti serta kebebasan parti politik.

6.5.5.4 Soalan 16: Adakah terdapat sumber-sumber dana yang tidak boleh diterima?



Rajah 6.5.5.4 Sumber Dana Politik yang Tidak Boleh Diterima

Dapatan analisis berkaitan pandangan responden terhadap sumber dana politik yang tidak boleh diterima dalam sistem pendanaan politik adalah dalam Rajah 12. Majoriti informan bersetuju bahawa sumber dana yang berkaitan dengan jenayah

dan aktiviti tidak sah perlu dilarang sepenuhnya. Akademik (A) seperti A4 dan A8 menegaskan bahawa segala bentuk dana daripada aktiviti jenayah atau yang menyalahi undang-undang tidak boleh diterima kerana berisiko menjejaskan integriti sistem politik. A5 menyatakan sumbangan daripada pertubuhan atau pergerakan pengganas perlu ditolak, manakala A6 menegaskan dana daripada syarikat scam atau entiti berkaitan aktiviti jenayah juga perlu disekat. A8 dan A10 turut menyatakan sumber yang tidak dapat disahkan atau yang menjejaskan kepercayaan awam wajar dielakkan. Aktivis Belia (AB) seperti AB3 menyebut dana daripada judi dan sumber meragukan tidak boleh diterima. Ahli Dewan Undangan Negeri (AD) melalui AD1 menyatakan dana daripada sumber "*sin*" seperti judi dan arak perlu ditolak. Ahli Politik (AP) seperti AP17 menegaskan dana yang termaktub di bawah AMLA tidak boleh diterima, manakala AP18, AP24, AP30 dan AP32 menekankan dana yang bercanggah dengan undang-undang atau tidak jelas sumbernya mesti dilarang. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti NGO10 menyatakan sumber yang tidak jelas asal-usul atau berkait aktiviti tidak sah tidak wajar diterima. Peguam (P) seperti P1 menyatakan syarikat arak tidak patut memberi dana, manakala P9 menegaskan dana yang cuba mempengaruhi dasar awam secara tidak wajar perlu dilarang. Pekerja Profesional (PP) melalui PP1 dan Setiausaha (SU) melalui SU1 turut menyatakan dana daripada money laundering, grey area atau dark economy tidak boleh diterima.

Selain itu, sebahagian besar informan menekankan larangan terhadap sumber asing yang boleh menjejaskan kedaulatan negara. A2 menyatakan dana daripada negara yang tiada hubungan diplomatik dengan Malaysia tidak wajar diterima. A6 dan A9 menegaskan dana daripada foreign country atau entiti asing yang mempunyai agenda politik tersendiri perlu disekat. Ahli Politik (AP) seperti AP25 dan AP29 menyatakan sumber asing boleh mempengaruhi dasar negara dan menjejaskan kepentingan nasional. NGO12 turut menyokong larangan terhadap dana daripada entiti asing. P6 dan P8 menyatakan kebimbangan terhadap

sumbangan syarikat asing atas faktor kedaulatan. PP1 juga menolak dana daripada negara luar atas alasan kesahihan dan integriti sistem politik.

Dalam masa yang sama, ramai informan menekankan isu konflik kepentingan, ketelusan dan keperluan senarai larangan yang jelas. A13 menyatakan sumber yang berisiko mewujudkan konflik kepentingan perlu dilarang. AP21 menyebut sumbangan daripada GLC kerajaan dan sumbangan tanpa rekod sebagai tidak wajar. AP22, AP26 dan AP27 menegaskan dana daripada pihak yang mempunyai kepentingan langsung terhadap keputusan politik atau sedang mendapatkan kontrak kerajaan perlu dilarang bagi mengelakkan konflik kepentingan. AP31 dan AP33 menekankan syarikat yang mempunyai rekod salah laku atau potensi pengaruh tidak wajar perlu dikecualikan. AP34 menyatakan larangan membantu menetapkan garis sempadan jelas, manakala AP35 dan A10 menegaskan sumber yang boleh menjejaskan kepercayaan awam perlu dielakkan. NGO11 dan NGO13 menekankan dana daripada pihak yang enggan mendedahkan identiti atau mempunyai kepentingan langsung terhadap dasar awam tidak wajar diterima. NGO14 dan YK1 menyatakan senarai sumber yang dilarang perlu dinyatakan secara jelas dalam undang-undang. NGO8 dan BC3 menegaskan keperluan garis panduan dan senarai hitam bagi memudahkan penguatkuasaan. AP12 menyatakan sumber yang dilarang perlu disenaraikan secara jelas.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pandangan yang lebih fleksibel seperti AP13, BU2, P2, P3 dan P4 yang berpandangan bahawa hampir semua sumber boleh diterima selagi proses dan rekod kewangan adalah telus serta sah dari sudut perundangan. Namun, pandangan ini tetap mengakui kepentingan pelaporan dan audit bagi memastikan integriti sistem terpelihara.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti informan menyokong larangan tegas terhadap dana yang berkait jenayah, aktiviti tidak sah

dan sumber asing yang menjejaskan kedaulatan, serta menekankan kepentingan mengawal konflik kepentingan melalui senarai larangan yang jelas, mekanisme pelaporan dan ketelusan bagi melindungi integriti sistem politik dan kepercayaan awam.

6.5.5.5 Soalan 17: Apakah keperluan untuk menyenaraikan sumber kewangan yang tidak sepatutnya diterima oleh parti politik daripada mana-mana entiti?



Rajah 6.5.5.5 Keperluan Menyenaraikan Sumber Kewangan yang Tidak Dibenarkan untuk Parti Politik

Pandangan responden berkaitan keperluan menyenaraikan secara jelas sumber kewangan yang tidak sepatutnya diterima oleh parti politik daripada mana-mana entity dipaparkan dalam Rajah di atas. Majoriti informan menyokong penyenaraian sumber kewangan yang tidak sepatutnya diterima sebagai mekanisme ketelusan, panduan dan pendidikan pematuhan. Akademik (A) seperti A1 dan Peguam (P) melalui P3 menegaskan keperluan “declare” bagi mengelakkan kekeliruan. A5 menyatakan penyenaraian akan menjadikan sistem lebih telus dan memuaskan semua pihak dalam parti politik. A6 menegaskan ia “perlu, mesti senaraikan”, manakala A8 dan A13 melihat senarai yang jelas

sebagai panduan praktikal supaya parti mengetahui had dan larangan. A10 menyatakan senarai tersebut membantu melindungi parti daripada tuduhan tidak berasas. A22 menegaskan kejelasan senarai penting untuk mengelakkan kekeliruan. Ahli Politik (AP) seperti AP22, AP23, AP25, AP28, AP31 dan AP32 menekankan bahawa senarai sumber terlarang dapat meningkatkan ketelusan dan keyakinan rakyat, serta memastikan semua parti tertakluk kepada standard yang sama dan adil. AP33 dan P7 menyatakan senarai tersebut juga berfungsi sebagai alat pendidikan pematuhan. AP35 menegaskan ia membantu melindungi parti politik, manakala YK1 menyatakan senarai yang jelas boleh meningkatkan keyakinan awam. NGO11 dan NGO14 menyokong atas alasan mengelakkan salah tafsir serta memastikan konsistensi sistem. NGO6, P5, P6, SR1, SU1 dan TU1 secara ringkas menyatakan keperluan untuk menyenaraikan sumber yang tidak patut diterima. AB6 dan AB7 menyatakan perlu menyenaraikan apa yang boleh dan tidak boleh diterima, manakala AD1 mencadangkan ia disusun dalam bentuk jadual yang jelas.

Sebahagian informan melihat penyenaraian sebagai alat penguatkuasaan, pencegahan dan kawalan risiko. A4 menegaskan keperluan ketegasan dalam menghalang sumber tidak sah. A7 mencadangkan larangan terhadap syarikat tidak berdaftar atau yang mendapat tender kerajaan. A9 dan NGO10 melihat senarai sebagai mekanisme pencegahan awal supaya parti dapat mengelakkan kesilapan sebelum berlaku pelanggaran. AP24, AP29 dan AP34 menyatakan senarai tersebut memudahkan penguatkuasaan kerana pihak berkuasa mempunyai rujukan jelas. AP30 menegaskan ia dapat mengelakkan alasan ketidaktahuan, manakala AP26 dan NGO8 menekankan keperluan mengemas kini senarai dari semasa ke semasa supaya kekal relevan. NGO12 dan BC3 menyatakan senarai membantu mengenal pasti pelanggaran secara objektif tanpa perdebatan tafsiran panjang. NGO9 menyenaraikan secara spesifik tiga sumber utama yang tidak boleh diterima iaitu foreign, kerajaan dan terrorist. P1

mencadangkan had kepada sumber dalam negara sahaja kerana sumbangan luar berpotensi menuntut balasan. P4 menekankan risiko money laundering jika tiada senarai jelas, manakala P9 dan P10 menegaskan keperluan garis panduan yang dikemas kini bagi mengelakkan penerimaan dana tanpa pengetahuan sumber sebenar.

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan lebih fleksibel yang tidak mahu had terlalu ketat atau terbuka kepada dana luar dengan syarat tertentu. A3 menyatakan penyenaraian akan menjadi perbincangan panjang dan kompleks. A19 menyatakan pada awalnya semua boleh diterima sebelum di-“phase out”. A21 berpandangan entiti tertentu seperti syarikat projek kerajaan boleh memberi dana dengan syarat diisytihar dan terhad kepada amaun tertentu. AP8 menyatakan persetujuan terhadap dana luar. AP14 berpandangan boleh diterima kecuali dana daripada aktiviti individu yang meragukan. BU1 menyatakan tidak perlu limit tetapi boleh mengenakan cukai kepada penyumbang. P2 menyatakan tidak perlu had ketat kerana dana luar juga boleh diterima jika sah.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti besar informan menyokong penyenaraian sumber kewangan yang tidak sepatutnya diterima sebagai mekanisme ketelusan, panduan dan pendidikan pematuhan, serta sebagai alat pencegahan dan penguatkuasaan yang memudahkan kawalan risiko. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil pandangan yang lebih fleksibel dan terbuka kepada dana luar atau tidak mahu had terlalu ketat, dengan syarat pelaporan dan pengisytiharan dilaksanakan secara jelas dan terkawal.

6.5.5.6 Soalan 18: Apakah pandangan anda tentang amalan parti politik yang menerima sumbangan daripada penyumbang yang tidak diketahui identiti (anonymous donor)?



Rajah 6.5.5.6 Amalan Penerimaan Sumbangan Tanpa Identiti dalam Pendanaan Parti Politik

Rajah di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar informan menolak atau mencadangkan larangan terhadap amalan anonymous donation atas dasar ketelusan dan audit. Akademik (A) seperti A2 menegaskan bahawa audit tidak menerima anonymous kerana identiti perlu diisytiharkan. A6 menyatakan beliau tidak menerima anonymous, manakala A8 dan A9 menegaskan ketiadaan identiti menyukarkan penilaian risiko serta membuka ruang penyalahgunaan termasuk pemecahan sumbangan besar untuk mengelak pelaporan. A22 menyatakan penerima perlu menjelaskan sumber sumbangan. Aktivis Belia (AB) seperti AB4, AB7 dan AB8 menyatakan anonymous bercanggah dengan prinsip ketelusan dan menimbulkan kecurigaan, manakala AB9 menolak sumber yang anonymous atau tidak diverifikasi. Ahli Politik (AP) seperti AP11 dan AP20 secara tegas menyatakan tidak membenarkan anonymous. AP23, AP24, AP25, AP26, AP27, AP31, AP32, AP33, AP34 dan AP35 menekankan bahawa anonymous donation bercanggah dengan prinsip ketelusan, menyukarkan audit dan boleh menjejaskan imej serta

kepercayaan awam. AP15 turut menyatakan ia menyusahkan audit dan mengurangkan ketelusan. Bar Council (BC) melalui BC3 menegaskan anonymous menyukarkan pematuhan dan penguatkuasaan. NGO6, NGO8, NGO9, NGO11 dan NGO13 turut menolak atas alasan integriti sistem dan risiko eksploitasi. Peguam (P) seperti P7 menegaskan ia menimbulkan isu ketelusan dan persepsi negatif, manakala YK1 menyatakan keutamaan perlu diberi kepada ketulusan berbanding kemudahan menerima sumbangan.

Sebahagian informan menerima secara bersyarat dengan had dan mekanisme kawalan yang ketat. A10 menyatakan jika dibenarkan, ia perlu tertakluk kepada had sangat rendah dan kawalan ketat. A12 menimbulkan risiko penggunaan proksi atau sumber luar negara. A13 dan A21 menyatakan boleh dipertimbangkan dengan had kecil dan mekanisme jelas. A7 mencadangkan had 30% bagi memastikan tidak mempengaruhi parti secara signifikan. AB3 menyatakan sumbangan anonymous perlu diisytiharkan kepada suruhanjaya. Ahli Politik (AP) seperti AP1, AP18, AP29 dan AP30 menerima anonymous dengan syarat jumlah dihadkan dan dikawal supaya tidak menjejaskan ketelusan. NGO4 dan NGO10 menerima dengan had tertentu khususnya untuk sumbangan kecil, manakala NGO12 dan NGO14 mencadangkan kawalan dalaman serta akses maklumat kepada badan kawal selia walaupun tidak didedahkan kepada umum. Peguam (P) seperti P6 dan P9 mencadangkan had kecil dan syarat ketat, manakala P8 menyatakan boleh diterima tetapi berisiko jika disalah guna. Pekerja Profesional (PP) melalui PP1 menyatakan bergantung kepada kaedah kutipan dan kawalan dalaman.

Terdapat juga pandangan yang menerima atau menganggap amalan ini sebagai realiti budaya dan tidak perlu had ketat. A4 menyatakan amalan ini telah dipraktikkan sejak lama, manakala A5 menyatakan ia berlaku “dalam gelap” dan sukar dielakkan. A17 bersetuju identiti boleh dirahsiakan, manakala A3

menyatakan ia tidak patut tetapi sudah menjadi budaya. AD1 menyatakan *anonymous* adalah biasa dalam amalan masyarakat. Ahli Politik (AP) seperti AP5, AP8, AP13 dan AP14 menerima atas alasan keikhlasan atau reputasi parti. Businessman (BU) seperti BU2 menyatakan tiada masalah jika kedua-dua pihak mahu selamat, manakala BU1 menyatakan tiada had tetapi perlu dilaporkan. Peguam (P) seperti P2, P3 dan P5 menyatakan tidak menjadi masalah selagi dana sah dan diaudit. SU1 menyatakan amalan ini sukar dielakkan.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan tiga arus pemikiran yang jelas, iaitu penolakan tegas atas dasar ketelusan dan audit, penerimaan secara bersyarat dengan had dan mekanisme kawalan, serta pandangan bahawa anonymous donation merupakan realiti budaya yang sukar dielakkan. Majoriti informan cenderung menolak atau sekurang-kurangnya menuntut kawalan ketat bagi melindungi integriti sistem pendanaan politik dan kepercayaan awam.

6.5.5.7 Soalan 19: apakah pandangan anda bagi keperluan menetapkan had untuk terima sumbangan dari anonymous donor dan berapakah had tersebut?



Rajah 6.5.5.7 Keperluan Penetapan Had Sumbangan daripada Penyumbang Tanpa Identiti (Anonymous Donor)

Pandangan responden dalam Rajah ini adalah berkaitan keperluan penetapan had sumbangan daripada penyumbang tanpa identiti dalam sistem pendanaan parti politik di Malaysia. Majoriti informan menyokong penetapan had sumbangan daripada penyumbang tanpa identiti, khususnya pada kadar rendah atau minimum bagi tujuan kawalan risiko. Akademik (A) seperti A1 dan Peguam (P) melalui P3 mencadangkan had bawah RM100,000, manakala A3 mencadangkan RM1,000 dan NGO9 menyatakan RM10,000 sebagai cadangan had. A10, A11, A13 dan A8 menegaskan bahawa had perlu rendah dan wajib ditetapkan sekiranya sumbangan anonymous dibenarkan. A12 mencadangkan dua bentuk had iaitu kepada individu dan juga kepada parti secara keseluruhan. A7 menyatakan sumbangan melebihi ribuan perlu melalui proses tertentu, manakala A9 mencadangkan had realistik supaya parti tidak mencari jalan pintas. Ahli Dewan Undangan Negeri (AD1) mencadangkan had sekitar RM2,000. Dalam kalangan Ahli Politik (AP), AP18 mencadangkan had minimum seperti RM500 atau RM100, AP20 menyatakan julat 5 hingga 10 juta, manakala AP22, AP23, AP24, AP25, AP26, AP27, AP28, AP29, AP30, AP31, AP32, AP33, AP34 dan AP35 secara konsisten menyokong penetapan had rendah bagi mengelakkan penyalahgunaan dan pengaruh besar terhadap keputusan parti. Bar Council (BC3) menegaskan had perlu dinyatakan jelas dalam undang-undang. NGO10, NGO11 dan NGO12 menyokong had rendah dan munasabah supaya sumbangan kekal berskala kecil. P7, P8 dan P9 turut menyatakan had mesti ditetapkan dan pada tahap minimum. Kod “RM 50 sahaja minimum” mencadangkan had amat kecil. Suri Rumah (SR1) menyatakan boleh disumbang tetapi mesti ada had amaun, manakala Setiausaha (SU1) mencadangkan jumlah kecil seperti RM100 tidak perlu didedahkan. Yayasan Kedah (YK1) turut menyokong had yang jelas.

Sebahagian informan menyokong penetapan had tetapi menekankan syarat tambahan seperti pelaporan, rekod dalaman, penguatkuasaan dan pemantauan. A6 menyatakan tidak kisah jumlah had tetapi sumber dana mesti dimaklumkan. Aktivis Belia (AB3) menekankan keperluan kejelasan sumber walaupun dalam

konteks kutipan dana. NGO8 berpandangan had sahaja tidak mencukupi tanpa pelaporan khusus. NGO13 menegaskan had perlu bergerak seiring dengan penguatkuasaan tegas. NGO14 menyatakan keperluan rekod dalaman yang ketat dan akses maklumat kepada badan kawal selia. P10 mencadangkan had tetapi mengingatkan bahawa anonymous donor boleh datang daripada sumber yang tidak diketahui, termasuk kumpulan tidak sah, maka mekanisme kawalan perlu jelas.

Walau bagaimanapun, terdapat juga informan yang tidak bersetuju atau berpandangan had tidak perlu ditetapkan dan terpulang kepada parti atau individu. AP12 menyatakan had tidak perlu kerana boleh memberi kemudaratan kepada parti. AP13 menegaskan tiada had dan terpulang kepada masing-masing. AP16 tidak bersetuju kerana bimbang manipulasi, manakala AP17 menyatakan terpulang kepada ahli politik sama ada mahu mengisytiharkan atau tidak. AP19 menolak cash donation kerana sukar dikesan. AP8 menyatakan tidak setuju dengan sumbangan anonymous dan menganggap had kosong. P1 dan P2 menyatakan tiada had dan terpulang. A3 yang mencadangkan jumlah tertentu juga menunjukkan kecenderungan fleksibel terhadap had.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas memperlihatkan kecenderungan dominan ke arah menyokong penetapan had sumbangan anonymous pada kadar rendah bagi mengawal risiko dan melindungi integriti sistem pendanaan politik, dengan sebahagian menekankan keperluan mekanisme pelaporan dan penguatkuasaan yang lebih kukuh, manakala sebilangan kecil berpandangan had tidak perlu atau terpulang kepada pertimbangan parti dan individu.

6.5.5.8 Soalan 21: Pada pandangan anda, sejauh mana wajar parti politik dibenarkan menerima dana melalui aktiviti kutipan dana (fundraising) termasuk kaedah crowdfunding, dan apakah bentuk kawalan atau garis panduan yang sesuai dikenakan?



Rajah 6.5.5.8 Persepsi terhadap Tahap Ketelusan dalam Pendanaan Politik

Rajah ini menunjukkan bahawa sebahagian informan berpandangan pendanaan melalui fundraising dan crowdfunding wajar dibenarkan sebagai satu kaedah pendanaan politik yang biasa dan realiti amalan semasa. Akademik (A) seperti A3 dan A4 menyatakan fundraising telah lama diamalkan dan sukar dielakkan, manakala A7 menyifatkannya sebagai prosedur biasa bagi setiap parti. Ahli Dewan Undangan Negeri (AD1) berpandangan crowdfunding memang wajar dibenarkan kerana sumbangan individu biasanya kecil. Ahli Politik (AP) seperti AP13 menegaskan ia patut dibenarkan sebagai aktiviti utama parti kerana melibatkan penyertaan ahli dan penyokong. AP20 menyatakan crowdfunding atau fundraising tidak seharusnya dihalang. AP22 dan AP32 melihatnya sebagai peluang penyertaan rakyat secara demokratik. Businessman (BU1) menyatakan tiada isu moral kerana kutipan dilakukan secara terbuka. Peguam (P) seperti P2

berpandangan crowdfunding adalah okey selagi tujuan dan jumlah dinyatakan. TU1 menegaskan kepentingan ketelusan dalam pelaksanaannya.

Sebahagian besar informan pula membenarkan kaedah ini tetapi dengan garis panduan, had dan kawalan yang jelas termasuk rekod, audit, pelaporan dan pengawasan. A1 dan P4 menegaskan keperluan garis panduan bagi parti menerima sumbangan. A10 menyatakan fundraising wajar dibenarkan tetapi dengan had sumbangan individu dan had kumulatif yang jelas. A12 menyatakan crowdfunding boleh diterima tetapi perlu direkodkan, manakala A13 menekankan kawalan melalui garis panduan yang jelas. A2 mencadangkan pengisytiharan butiran acara kutipan dana. A6 menegaskan dana mesti dimasukkan ke akaun rasmi. A8 menyatakan ia boleh dibenarkan tetapi mesti melalui akaun rasmi, ada rekod transaksi dan laporan hasil kutipan serta penggunaan dana. A9 menekankan keperluan mengawal bentuk acara yang berisiko seperti "jual beli akses". A21 menyatakan perkara ini perlu diteliti dengan lebih mendalam. AB9 bersetuju dengan syarat ada panduan dan rekod, manakala AP12, AP14, AP15 dan AP16 menyokong dengan garis panduan dan kawalan. AP19 menekankan keperluan traceability. AP21 menyatakan tiada masalah tetapi jumlah besar perlu dipersoalkan. AP23, AP24, AP25, AP26, AP27, AP28, AP29, AP30, AP31, AP33, AP34 dan AP35 secara konsisten menekankan had sumbangan, rekod penyumbang, pelaporan berkala, audit, pemantauan badan kawal selia dan kawalan terhadap manipulasi. AP8 mencadangkan limit. Bar Council (BC3) menekankan kawalan identiti penyumbang. NGO10, NGO11, NGO12, NGO13 dan NGO14 menyokong dengan syarat had, tempoh kutipan, pelaporan terperinci dan pengawasan badan kawal selia. NGO6 mencadangkan had yang praktikal. NGO8 menekankan laporan hasil kutipan dan perbelanjaan perlu dipaparkan kepada umum. NGO9 bersetuju dengan syarat ada had. P3 menekankan keperluan guideline termasuk di media sosial. P5 menyatakan crowdfunding perlu diaudit. P7 mencadangkan garis panduan khusus termasuk pengumuman tujuan, tempoh

dan sasaran dana. P8 menyokong had untuk fundraising. P9 menekankan pemantauan badan kawal selia. PP1 mencadangkan penyimpanan rekod seperti ledger. SR1 menekankan keperluan deklarasi kepada badan kawal selia. YK1 menyatakan garis panduan jelas boleh menggalakkan penyertaan tanpa menjejaskan integriti.

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan bahawa kaedah ini bukan satu keperluan atau tidak perlu dikenakan had tertentu. AB6 menyatakan fundraising bukan satu keperluan untuk menerima dana. AD2 berpandangan crowdfunding tidak sepatutnya mempunyai had kerana sukar menentukan jumlah penyumbang. SU1 menyatakan fundraising dibolehkan tetapi tidak perlu meletakkan had jumlah.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan bahawa *fundraising* dan *crowdfunding* diterima sebagai realiti dan kaedah pendanaan yang sah dalam politik, namun majoriti informan menegaskan keperluan garis panduan yang jelas, had sumbangan, rekod, audit serta pengawasan bagi memastikan ketelusan dan integriti sistem pendanaan politik.

6.5.5.9 *Soalan 22: Sekiranya parti politik dibenarkan menerima sumbangan, pada pandangan anda adakah wajar ditetapkan had maksimum sumbangan yang boleh diterima? Jika ya, berapakah had yang sesuai dan apakah faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menetapkannya?*



Rajah 6.5.5.9 Penetapan Had Maksimum Sumbangan dalam Pendanaan Parti Politik

Majoriti informan di Rajah di atas menyokong penetapan had maksimum sumbangan dalam pendanaan parti politik. Akademik (A) seperti A3 menegaskan "perlu kena ada had", manakala A13 menyatakan had maksimum perlu ditetapkan bagi mengelakkan pengaruh berlebihan oleh satu pihak. A10 menekankan faktor ketelusan dan pendedahan awam supaya rakyat memahami sejauh mana pengaruh kewangan dalam parti politik. A4 mencadangkan jumlah tertentu seperti RM600,000, manakala A7 mencadangkan 1 hingga 2 juta sebagai angka munasabah buat masa ini. A8 menyatakan had perlu mengambil kira kos operasi parti dan konteks ekonomi semasa agar kekal realistik. A9 mencadangkan had berbeza mengikut kategori penyumbang seperti individu dan syarikat. Aktivis Belia (AB) seperti AB2 mencadangkan jumlah sehingga 10 juta bagi entiti besar

seperti GLC, AB4 bersetuju supaya ada usaha jelas daripada calon, manakala AB9 mencadangkan sekitar seratus ribu setahun. AD2 menyatakan perlu ada cap. Dalam kalangan Ahli Politik (AP), AP2 menegaskan limitation penting bagi mendidik orang awam supaya tidak menerima rasuah. AP11 mencadangkan had seperti RM500,000 dan mewajibkan deklarasi bagi jumlah melebihi tertentu. AP13 menyokong had bagi mengelakkan duit tidak dapat dikesan. AP15 mencadangkan had berbeza bagi individu dan syarikat seperti RM50,000 untuk individu dan RM500,000 untuk syarikat. AP16 menegaskan had penting bagi mengelakkan ketirisan dan penyalahgunaan. AP19 mencadangkan RM10,000 bagi satu penderma. AP21 mencadangkan 1 juta per donor. AP22, AP23, AP24, AP25, AP26, AP27, AP28, AP29, AP31, AP32, AP33, AP34 dan AP35 secara konsisten menyokong had maksimum atas dasar keadilan, keseimbangan, kawalan risiko, pemantauan, kebergantungan berlebihan dan persepsi awam. AP8 juga menyatakan limit perlu. Bar Council (BC3) menegaskan had maksimum perlu dinyatakan jelas dalam undang-undang serta disokong mekanisme pelaporan. NGO3 menyatakan had perlu supaya parti besar tidak memonopoli politik dan mencadangkan 1 juta untuk Parlimen dan 500 ribu untuk ADUN. NGO10, NGO11, NGO12, NGO13 dan NGO14 menyokong had maksimum bagi mengelakkan ketidakseimbangan kuasa dan pengaruh kewangan besar. NGO9 menyatakan boleh letak had tetapi tidak terlalu rendah serta perlu direkod. P1 menegaskan keperluan mengetahui tujuan sumbangan supaya jumlah sesuai dapat ditentukan. P7 menyatakan had jelas mengurangkan manipulasi. P8 menekankan had perlu disemak dari semasa ke semasa. P10 menyatakan had perlu untuk mengelakkan konflik kepentingan. YK1 menyatakan had maksimum membantu mengekalkan keseimbangan politik.

Sebahagian informan menyokong had tetapi dengan syarat kontekstual atau fleksibel. A5 menyatakan perlu ada had tetapi perlu dilihat dengan lebih terperinci. NGO11 dan NGO12 menegaskan had perlu mengambil kira kos operasi

parti dan keupayaan ekonomi semasa. AP28 menyatakan had perlu disemak dari semasa ke semasa agar selari dengan perkembangan kos politik. P8 juga menekankan semakan berkala supaya had kekal relevan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan tidak bersetuju atau menyatakan tiada had diperlukan. Dalam kumpulan ini, tiada kod yang secara jelas menyatakan “tiada had langsung” dalam laporan 22.1 yang dipaparkan, namun terdapat kecenderungan berhati-hati dalam A5 yang melihat had perlu diteliti semula dan dalam beberapa cadangan jumlah yang lebih tinggi seperti AB2 yang mencadangkan 10 juta bagi GLC, menunjukkan pendekatan yang lebih longgar berbanding had rendah.

Secara keseluruhannya, Rajah ini memperlihatkan kecenderungan dominan yang jelas menyokong penetapan had maksimum sumbangan bagi memastikan ketelusan, keadilan persaingan dan pengawalan pengaruh kewangan dalam sistem pendanaan politik, dengan sebahagian kecil menekankan keperluan fleksibiliti dan penyesuaian kontekstual.

6.5.5.10 *Soalan 23: Pada pandangan anda, sejauh mana parti politik wajar dibenarkan menerima sumbangan daripada syarikat, dan apakah bentuk kawalan, syarat, atau ketelusan yang perlu ditetapkan bagi mengelakkan konflik kepentingan?*



Rajah 6.5.5.10 Penerimaan Sumbangan daripada Syarikat dalam Pendanaan Politik

Rajah ini menunjukkan bahawa majoriti informan berpandangan sumbangan daripada syarikat dibenarkan, sama ada secara umum atau dengan syarat kawalan dan pengawasan tertentu. Akademik (A) seperti A4 menyatakan syarikat boleh dibenarkan dan terpulang kepada parti untuk menerima sumber yang halal, manakala A6 berpandangan GLC juga boleh memberi sumbangan demi kepentingan rakyat. A22 menyatakan selagi tidak melanggar akta sedia ada, ia boleh diterima. A2 dan A3 menyatakan boleh menerima tetapi kawalan penting untuk mengelakkan konflik kepentingan. A5 menegaskan syarikat yang tidak terlibat dalam aktiviti haram boleh menyumbang dengan adanya garis panduan. A7 mencadangkan ambang tertentu, A8 dan A13 menekankan kawalan ketat, manakala A9 menyatakan sumbangan syarikat perlu dihadkan dan bukan menjadi sumber utama kewangan parti. A1 dan A10 menekankan keperluan mekanisme

disclosure, audit dan pelaporan khusus. AB3 menyatakan sumbangan politik lazimnya mempunyai kepentingan timbal balik. AD1 berpandangan ia boleh dibenarkan dalam konteks tertentu seperti CSR.

Dalam kalangan Ahli Politik (AP), AP5 menyatakan tiada had khusus terhadap dana diterima. AP12, AP14, AP15 dan AP16 menyatakan wajar dibenarkan tetapi perlu rekod, audit dan penguatkuasaan. AP17 menyatakan syarikat berdaftar yang tidak menjalankan aktiviti haram boleh memberi sumbangan. AP22, AP23, AP24, AP25, AP26, AP27, AP28, AP29, AP30, AP31, AP32, AP33, AP34 dan AP35 secara konsisten membenarkan dengan syarat kawalan ketat, ketelusan penuh, pendedahan awam, audit berkala, larangan konflik kepentingan dan pengisytiharan hubungan perniagaan dengan kerajaan. AP8 menegaskan audit telus adalah kritikal. Bar Council (BC3) menyatakan sumbangan perlu tertakluk kepada syarat seperti kelulusan lembaga pengarah dan rekod jelas. NGO6, NGO8, NGO9, NGO10, NGO11, NGO12, NGO13 dan NGO14 membenarkan dengan caveat seperti had maksimum lebih rendah, larangan hubungan langsung dengan kerajaan, pendedahan awam, tadbir urus baik dan persaingan sihat. P2 membenarkan selagi sah, manakala P3, P4, P7, P8 dan P9 menekankan limitation, declaration, disclosure of interest, syarat projek kerajaan dan pengisytiharan penuh. PP1 dan SR1 menegaskan keperluan laporan dan pengagihan kepada badan kawal selia bagi mengelakkan konflik kepentingan. SU1 menyatakan mana-mana syarikat boleh, walaupun tidak pasti mengenai GLC. YK1 menekankan kawalan jelas bagi mengurangkan konflik kepentingan. BU1 menyentuh isu cukai CSR.

Walau bagaimanapun, terdapat juga informan yang menyatakan tidak dibenarkan atau perlu dikecualikan dalam keadaan tertentu. A21 menyatakan semua syarikat boleh kecuali GLC dan MNC. AP11 menyatakan syarikat yang terlibat dalam tender tidak boleh memberi sumbangan sehingga keputusan tender dibuat. NGO3 secara tegas menyatakan GLC tidak boleh. P8 menyatakan syarikat yang memberi

dana kepada kerajaan semasa tidak boleh mendapat projek kerajaan dalam tempoh tertentu. P9 menyatakan syarikat terlibat dengan projek kerajaan perlu dikecualikan.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas memperlihatkan kecenderungan dominan bahawa sumbangan syarikat dibenarkan, namun kebanyakannya menuntut kawalan ketat, ketelusan, audit dan pengawasan bagi mengelakkan konflik kepentingan, dengan sebahagian kecil mencadangkan larangan atau pengecualian khusus terhadap GLC, syarikat yang mempunyai urusan langsung dengan kerajaan atau yang terlibat dalam tender.

6.5.5.11 *Soalan 24: Sekiranya parti politik dibenarkan menerima sumbangan daripada syarikat, pada pandangan anda, kategori syarikat manakah yang wajar dibenarkan menyumbang , dan adakah terdapat kategori syarikat yang perlu dikecualikan?*



Rajah 6.5.5.11 Kategori Syarikat yang Wajar dan Tidak Wajar Dibenarkan Menyumbang kepada Parti Politik

Sebahagian informan di Rajah di atas berpandangan bahawa semua syarikat boleh menyumbang tanpa pengecualian khusus. A1 (Akademik) menyatakan tiada kategori syarikat yang wajar atau tidak wajar menyumbang. A5 menyerahkan sepenuhnya kepada parti politik untuk menentukan kesesuaian menerima sumbangan. AP12 (Ahli Politik) menyatakan tiada had dan tiada pengecualian, manakala AP13 dan AP15 menegaskan mana-mana syarikat boleh menyumbang tanpa sekatan. P1 menyatakan semua company boleh donate dan P6 berpandangan semua corporate boleh selagi sumbangan dimasukkan secara telus. AB9 hanya menyentuh isu dana tanpa menyatakan sekatan khusus.

Sebahagian besar informan pula membenarkan sumbangan syarikat tetapi dengan kriteria kelayakan yang jelas seperti syarikat tempatan, berdaftar secara sah, patuh undang-undang, mempunyai rekod pematuhan yang baik dan telus. A10 menekankan rekod pematuhan dan pelaporan telus. A13 menyatakan hanya syarikat tempatan yang mematuhi undang-undang patut dibenarkan. A4 menegaskan semua jenis dana boleh diterima tetapi syarikat perlu disenaraikan secara jelas dan telus. A8 menyatakan hanya syarikat tempatan yang berdaftar dan beroperasi secara sah di Malaysia wajar dibenarkan. AD1 membenarkan syarikat diperbadankan di Malaysia kecuali yang terlibat dalam sin activity atau syarikat baharu yang mencurigakan. AP22 menyokong hanya syarikat tempatan yang sah dibenarkan. AP23 dan AP31 mencadangkan syarikat kecil dan sederhana boleh dipertimbangkan dengan kawalan tertentu. AP25 dan AP32 menekankan keperluan struktur pemilikan jelas, rekod pematuhan baik dan operasi sah. AP35 menegaskan kriteria perlu objektif dan telus. NGO10 dan NGO13 menekankan syarikat tempatan dengan rekod kewangan dan pematuhan undang-undang yang baik. P3 menyatakan legal compliance perlu dikenakan. P4 mencadangkan sekatan tertentu termasuk terhadap foreign company dan public listed company. P9 dan BC3 menegaskan kategori syarikat perlu dinyatakan secara jelas. SU1

mencadangkan syarat minimum tahun beroperasi. YK1 menyatakan pengecualian dibuat bagi mengelakkan konflik kepentingan.

Terdapat juga kelompok informan yang mencadangkan larangan terhadap kategori tertentu seperti GLC, syarikat berkaitan kerajaan, kontraktor kerajaan, syarikat asing dan sektor sensitif. A2 menyatakan GLC tidak boleh tetapi MNC boleh. A21 menyatakan semua syarikat boleh kecuali GLC dan MNC. A7 menyatakan foreign companies tidak boleh. A9 mencadangkan pengecualian syarikat dalam sektor sensitif atau berisiko tinggi. AB3 menyatakan GLC dan syarikat tertentu seperti Magnum, Toto dan Mega 888 tidak boleh memberi dana. AP11 menegaskan semua syarikat milik kerajaan dan anak syarikatnya perlu dikecualikan. AP14 dan AP17 menyatakan semua syarikat boleh kecuali GLC. AP18 melihat GLC sebagai dana awam. AP19 dan AP29 menyatakan GLC perlu dikecualikan. AP23, AP24, AP26, AP27, AP30 dan AP33 mencadangkan larangan terhadap syarikat berkaitan kerajaan, syarikat terlibat perolehan kerajaan, kontraktor aktif dan syarikat menerima manfaat langsung daripada keputusan politik. AP34 menyatakan pengecualian membantu mengurangkan risiko pengaruh tidak wajar. NGO11 menyatakan syarikat terlibat perolehan kerajaan perlu dikecualikan atau dikenakan sekatan ketat. NGO12 menyatakan syarikat milikan asing wajar dikecualikan. NGO14 menegaskan pengecualian bertujuan melindungi integriti sistem politik. NGO8 menyatakan pengecualian jelas lebih berkesan daripada pertimbangan kes demi kes. P7 menyatakan syarikat dengan kontrak aktif kerajaan perlu dikecualikan. P8 menyatakan penggunaan dana syarikat milik kerajaan untuk menyokong parti politik tidak boleh dibenarkan. SR1 berpandangan GLC perlu dielakkan kerana risiko salah guna kuasa. SU1 turut menyatakan syarikat berkaitan GLC dan anak syarikatnya tidak dibenarkan.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan variasi pandangan yang jelas: sebahagian kecil membenarkan semua syarikat tanpa sekatan, majoriti

membenarkan dengan kriteria kelayakan dan ketelusan tertentu, manakala sebahagian signifikan mencadangkan larangan khusus terhadap GLC, syarikat berkaitan kerajaan, kontraktor kerajaan, syarikat asing dan sektor sensitif demi melindungi integriti sistem politik.

6.5.5.12 Soalan 25: Apakah pandangan anda tentang sumbangan politik daripada syarikat milikan asing yang beroperasi di Malaysia?



Rajah 6.5.5.12 Pandangan terhadap Sumbangan Politik daripada Syarikat Milikan Asing yang Beroperasi di Malaysia

Rajah di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar informan berpandangan sumbangan politik daripada syarikat milikan asing tidak wajar dibenarkan atau perlu dilarang sepenuhnya. Dalam kalangan Akademik, A6 secara tegas menyatakan “tak boleh”, manakala A13, A8 dan A3 menegaskan sumbangan daripada syarikat milikan asing tidak wajar dibenarkan walaupun beroperasi secara sah di Malaysia. A14, A15, A16, A17, A18, A19, A20 dan A21 turut menyatakan persetujuan bahawa sumbangan tersebut tidak boleh diterima. A10 menegaskan pendanaan politik seharusnya berpaksikan sokongan domestik dan membenarkan sumbangan asing boleh membuka ruang pengaruh luar. Dalam kalangan Aktivis Belia, AB4 dan AB8 tidak bersetuju dan menyatakan ia tidak patut dibenarkan dalam apa-apa bentuk sekalipun.

Dalam kalangan Ahli Politik, AP19 menyatakan sumbangan asing perlu dilarang kerana membuka ruang foreign influence. AP20 menegaskan syarikat dan entiti asing tidak sepatutnya dibenarkan memberi sumbangan kerana politik adalah urusan rakyat negara sendiri. AP22, AP23, AP25, AP26, AP27 dan AP28 menekankan bahawa larangan penuh perlu diwujudkan bagi menjaga kedaulatan dan mengelakkan campur tangan asing. AP29 dan AP30 menyatakan sumbangan tersebut boleh menjejaskan kedaulatan negara dan membuka ruang campur tangan luar, manakala AP31 menyifatkan larangan sepenuhnya sebagai langkah paling selamat. AP34 menyatakan larangan memudahkan penguatkuasaan kerana garis pemisahnya jelas, dan AP35 menegaskan pendanaan politik perlu mencerminkan sokongan domestik.

Dalam kalangan NGO, NGO10, NGO11 dan NGO14 menyokong larangan atas alasan risiko pengaruh luar dan keperluan menjaga kedaulatan politik negara. NGO6 turut tidak bersetuju kerana ia boleh dimanipulasi oleh entiti asing. P7 menyatakan penerimaan sumbangan asing boleh menjejaskan keyakinan rakyat terhadap kebebasan dan kedaulatan politik negara, manakala P8 menegaskan pendekatan paling selamat ialah melarang sepenuhnya. NGO5 (petikan kedua) turut menyatakan tidak dibenarkan kerana kepentingan tertentu, dan YK1 menekankan bahawa ketelusan sahaja tidak mencukupi dalam kes ini.

Selain larangan penuh, terdapat juga informan yang melihat isu ini dari sudut risiko kedaulatan, konflik kepentingan dan cabaran penguatkuasaan, walaupun tidak semestinya menyatakan larangan total. A9 menyifatkan larangan sebagai langkah pencegahan yang lebih mudah dikuatkuasakan berbanding kawalan kes demi kes. AP24 menyatakan risiko persepsi dasar negara dipengaruhi kepentingan luar adalah terlalu tinggi. AP32 dan AP33 menyatakan sumbangan sedemikian perlu ditangani dengan berhati-hati atau dikenakan sekatan yang sangat ketat. AP21

menimbulkan kebimbangan tentang kemungkinan kuasa asing mempengaruhi parti politik melalui dana besar. BC3 menyatakan sumbangan asing menimbulkan cabaran penguatkuasaan, manakala NGO12 dan NGO13 melihat isu ini dari sudut kesukaran pemantauan dan struktur pemilikan yang kompleks. P9 menegaskan keutamaan perlu diberi kepada kepentingan nasional.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas memperlihatkan kecenderungan kuat dalam kalangan informan untuk menolak atau sekurang-kurangnya mengenakan sekatan ketat terhadap sumbangan politik daripada syarikat milikan asing, terutamanya atas dasar menjaga kedaulatan negara, mengelakkan konflik kepentingan dan memudahkan penguatkuasaan sistem pendanaan politik negara.

6.5.5.13 Soalan 26: Apakah pandangan anda mengenai sumbangan politik daripada syarikat yang mendapat projek perolehan kerajaan?



Rajah 6.5.5.13 Pandangan terhadap Penerimaan Sumbangan Politik oleh Syarikat yang Berkepentingan dengan Kerajaan

Sebahagian besar informan di Rajah di atas berpandangan sumbangan politik daripada syarikat yang mendapat projek perolehan kerajaan tidak wajar dibenarkan kerana menimbulkan konflik kepentingan, menjejaskan integriti dan membuka ruang kepada kronisme. Dalam kalangan Akademik, A11 dan A12 secara jelas menyatakan "tak boleh" kerana conflict of interest. A13 menegaskan bahawa sumbangan tersebut jelas menimbulkan konflik kepentingan dan boleh menjejaskan integriti proses perolehan kerajaan. A8 turut menyatakan ia perlu dilarang kerana mewujudkan konflik kepentingan yang jelas. A16 dan A17 bersetuju agar syarikat yang mendapat projek kerajaan tidak dibenarkan menyumbang. A4 melihat risiko dominasi dan A15 menyatakan ia boleh memberi manfaat tidak adil kepada parti pemerintah. A10 berpandangan larangan sepenuhnya lebih berkesan dan konsisten. Dalam kalangan Aktivis Belia, AB9 tidak bersetuju kerana jelas wujud konflik kepentingan.

Dalam kalangan Ahli Politik, AP12 dan AP13 menyatakan tidak wajar dibenarkan. AP22, AP23, AP24, AP25, AP27 dan AP28 menekankan bahawa larangan perlu dikenakan bagi menjaga integriti dan mengelakkan persepsi bahawa projek dianugerahkan sebagai balasan kepada sumbangan. AP29 menyatakan persepsi awam tetap terjejas walaupun dibuat secara terbuka. AP30 melihat potensi kronisme dan salah guna kuasa sebagai risiko serius. AP31 menegaskan larangan menyeluruh lebih mudah dikuatkuasakan. AP32 menyatakan konflik kepentingan yang ketara, manakala AP33 bersetuju sekurang-kurangnya perlu dilarang dalam tempoh tertentu. AP34 menyifatkan larangan sebagai langkah pencegahan rasuah, dan AP35 menegaskan ketelusan sahaja tidak mencukupi. AP5 turut menyatakan ia melanggar etika dan undang-undang sedia ada.

Pandangan serupa dikemukakan oleh NGO1, NGO3 dan NGO9 yang menegaskan konflik kepentingan. NGO10 menyatakan persepsi awam tetap terjejas walaupun tiada niat salah. NGO11 dan NGO12 menyokong larangan bagi melindungi integriti

serta syarikat itu sendiri daripada tuduhan. NGO13 melihat keperluan pendekatan tegas kerana melibatkan jumlah kewangan besar. NGO8 menyatakan sumbangan tersebut wajar dielakkan. P8 dan P10 menegaskan konflik kepentingan perlu dielakkan. P9 menyatakan larangan boleh melindungi syarikat daripada syak wasangka. YK1 berpandangan larangan sepenuhnya perlu demi menjaga integriti sistem pentadbiran negara.

Walau bagaimanapun, terdapat juga informan yang membenarkan sumbangan tersebut dengan had, kawalan atau tempoh tertentu. A3 mencadangkan kawalan atau had serta mengambil kira sama ada projek masih berjalan. A5 menyatakan boleh tetapi perlu diperhalusi dari segi mekanisme. A7 menyatakan secara ideal tidak, tetapi bergantung kepada reka bentuk operasi. AB3 membenarkan dengan klausa dan mencadangkan cooling-off period. AD1 membenarkan tetapi perlu had sumbangan. AP17 membenarkan dengan limit, manakala AP26 mencadangkan tempoh bertenang walaupun melihat larangan sebagai lebih selamat. AP8 mencadangkan tempoh masa tertentu sebelum dibenarkan semula. NGO14 menyatakan jika dibenarkan, ia perlu tertakluk kepada syarat sangat ketat dan pendedahan penuh. P7 mencadangkan pelaporan berkala. PP1 melihat isu ini bergantung kepada masa sama ada projek sudah selesai atau belum.

Sebahagian kecil informan berpandangan dibenarkan atau tiada masalah secara umum. A2 menyatakan tiada masalah. A21 melihatnya sebagai insentif tertentu. AB2 menyatakan boleh. AP14 dan AP15 menyatakan boleh. AP18 berpandangan tidak semua kes melibatkan konflik. AP11 menyatakan jika projek sudah diperoleh, keadaan menjadi neutral. AP21 melihatnya sebagai realiti kes. P5 menyatakan orang mahu memberi tidak menjadi masalah, manakala P6 menekankan semua sumbangan perlu masuk akaun dan diselenggara. P1 melihat sumbangan boleh digalakkan untuk manfaat rakyat. SR1 menyatakan boleh.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas memperlihatkan kecenderungan kuat ke arah larangan penuh atas dasar konflik kepentingan, integriti dan risiko kronisme, dengan sebahagian mencadangkan kawalan ketat atau tempoh bertenang, dan hanya minoriti yang melihatnya sebagai dibenarkan tanpa isu besar.

6.5.5.14 Soalan 27: Apakah pandangan anda tentang cadangan untuk memberikan pelepasan cukai kepada individu dan syarikat yang menyumbang kepada parti politik?



Rajah 6.5.5.14 Pandangan terhadap Pemberian Pelepasan Cukai bagi Sumbangan kepada Parti Politik

Rajah di sini menunjukkan bahawa sebahagian informan bersetuju dengan cadangan pemberian pelepasan cukai kepada individu dan syarikat yang menyumbang kepada parti politik, sama ada secara umum atau dengan syarat tertentu. Dalam kalangan Akademik, A4 berpandangan pelepasan cukai wajar sekiranya syarikat telus dan tidak disalah guna, manakala A5 menyatakan syarikat boleh diberikan pemotongan cukai yang lebih tinggi selagi tiada undang-undang yang jelas menghalang. A6 menyatakan setuju, dan A7 melihatnya sebagai satu

polisi untuk menggalakkan sumbangan yang direkodkan secara rasmi. A13 menyifatkan pelepasan cukai sebagai galakan positif untuk penyumbangan sah dan terbuka, namun perlu dihadkan agar tidak disalahgunakan.

Dalam kalangan Aktivis Belia, AB3 menyatakan pelepasan cukai boleh diberikan tetapi perlu dihadkan jumlahnya. Dalam kalangan Ahli Politik, AP12 menyatakan patut diberi, manakala AP13 bersetuju tetapi tidak melibatkan wang tunai. AP14, AP15 dan AP16 bersetuju dengan had tertentu. AP19 menyatakan setuju kerana penyumbang wajar mendapat pelepasan, dan AP20 melihatnya sebagai dasar untuk menggalakkan demokrasi. AP22 hingga AP31 secara umumnya bersetuju dengan cadangan ini namun menekankan had, syarat, pelaporan, audit dan kawalan ketat bagi memastikan keadilan dan ketelusan. AP23, AP24, AP25, AP26, AP27, AP28, AP29, AP30 dan AP31 menegaskan keperluan had maksimum, syarat jelas dan mekanisme pemantauan supaya tidak berlaku penyalahgunaan atau ketidakseimbangan.

BC3 menyatakan pelepasan cukai boleh dipertimbangkan walaupun mengingatkan risiko penyalahgunaan. BU1 menyatakan setuju. NGO1 menyatakan setuju. Dalam kalangan Pekerja Profesional dan individu lain, P1 berpandangan pelepasan boleh menggalakkan derma untuk kebaikan masyarakat, P2 menyatakan akan ada pengecualian cukai, manakala P8 dan P9 menekankan keperluan had dan pertimbangan keadilan sosial. PP1 menyatakan sokong tetapi dengan cap atau kawalan, dan YK1 berpandangan ia boleh dilaksanakan secara berperingkat dengan garis panduan jelas.

Sebaliknya, terdapat juga sebahagian besar informan yang tidak bersetuju dengan cadangan ini. Dalam kalangan Akademik, A1 menyatakan tidak perlu diberi pelepasan kerana sumbangan adalah sukarela. A2 dan A22 menyatakan tidak atau tidak perlu. A3 menyatakan ia boleh menjadi perlumbaan untuk

mendapatkan pelepasan cukai. A8 menyatakan pelepasan cukai tidak wajar kerana melibatkan hasil negara, manakala A9 menyatakan ia boleh menimbulkan persepsi politik diberi keistimewaan fiskal. A10 menegaskan fokus perlu kepada ketelusan dan penguatkuasaan, bukan insentif kewangan.

Dalam kalangan Aktivis Belia, AB4, AB7, AB8 dan AB9 menyatakan tidak bersetuju atas alasan fungsi cukai adalah untuk hasil negara dan sumbangan bukan lesen untuk pengecualian cukai. AD1 juga menyatakan tidak setuju. Dalam kalangan Ahli Politik, AP11 menyatakan pelepasan cukai sepatutnya untuk kebajikan atau kesihatan, bukan politik. AP17 dan AP18 menyatakan tidak setuju. AP21 menyatakan tak setuju. AP32 menyatakan ia tidak wajar kerana melibatkan penggunaan hasil negara untuk menyokong parti politik. AP33 menyatakan ia boleh mewujudkan ketidakseimbangan sistem politik. AP34 melihat risiko persepsi politik sebagai pelaburan, manakala AP35 menyatakan ia berpotensi disalahgunakan sebagai mekanisme pengelakan cukai.

Dalam kalangan NGO, NGO8, NGO10, NGO11, NGO12, NGO13 dan NGO14 menyatakan tidak bersetuju atas alasan ketidaksamarataan, risiko penyalahgunaan dan keutamaan kepada ketelusan berbanding insentif fiskal. Dalam kalangan individu lain, P6 dan P10 menyatakan tidak perlu, SR1 menyatakan tidak, dan SU1 menyatakan tidak relevan langsung.

Secara keseluruhannya, Rajah ini memperlihatkan perpecahan pandangan dalam kalangan informan, dengan sebahagian bersetuju terutamanya jika disertai had dan kawalan ketat, manakala sebahagian lagi menolak atas alasan penggunaan hasil negara, keadilan sosial dan risiko penyalahgunaan.

6.5.6 PARAMETER 6: MEKANISME/ PELAKSANAAN PENERIMAAN SUMBANGAN

6.5.6.1 Soalan 28: Apakah pandangan anda tentang keperluan menetapkan jumlah minimum sumbangan yang mesti direkodkan oleh parti politik?



Rajah 6.5.6.1 Keperluan Menetapkan Jumlah Minimum Sumbangan yang Mesti Direkodkan oleh Parti Politik

Sebahagian informan di Rajah di atas berpandangan jumlah minimum atau threshold wajar ditetapkan bagi tujuan kecekapan pentadbiran, audit dan fokus pemantauan. Dalam kalangan Akademik, A3, A4, A5, A7, A8, A10 dan A13 menyatakan penetapan jumlah minimum penting bagi memastikan sistem pelaporan lebih praktikal dan tidak membebankan. A14 hingga A21 menyatakan perlu, manakala A2 menyatakan boleh untuk tujuan reporting. AP11, AP15, AP16, AP20, AP21 dan AP22 hingga AP35 secara umumnya menyokong penetapan jumlah minimum dengan alasan membantu badan kawal selia menumpukan perhatian kepada sumbangan signifikan, memudahkan audit dan menyeragamkan pelaporan. AP23, AP24, AP25, AP26, AP27, AP28, AP29, AP30 dan AP34 menekankan keperluan ambang munasabah supaya tidak mewujudkan

ruang manipulasi. AP32 dan AP33 menyatakan ia wajar bagi tujuan kecekapan pentadbiran. BC3 turut menyatakan jumlah minimum perlu jelas dan konsisten.

Dalam kalangan NGO, NGO5, NGO8, NGO10, NGO11, NGO12, NGO13 dan NGO14 menyokong penetapan jumlah minimum atas dasar praktikaliti, pematuhan dan keseimbangan antara ketelusan dan kebolehlaksanaan. P2 (petikan pertama), P7 dan P9 juga menyatakan had minimum boleh membantu mengelakkan manipulasi dan meningkatkan kecekapan pelaporan. PP1 dan SR1 menyatakan perlu tetapkan had minimum dan rekodkan. TU1 mencadangkan minimum 25K. YK1 menyatakan jumlah minimum perlu dinyatakan jelas dalam undang-undang bagi mengelakkan tafsiran berbeza.

Sebaliknya, terdapat juga sebahagian informan yang berpandangan semua sumbangan perlu direkodkan tanpa menetapkan jumlah minimum. A1, A11 dan A22 menegaskan semua perlu direkod. A6 menyatakan setuju tiada limit, manakala A12 menegaskan sumbangan kecil pun perlu direkod untuk mengelakkan manipulasi. AB2, AB3, AB8 dan AB9 menyatakan semua termasuk satu sen pun perlu direkodkan. AD1 menyatakan mesti direkod walaupun jumlah perlu dikaji, dan AD2 menyatakan perlu cap tetapi tiada had. AP12, AP13 dan AP14 menyatakan semua perlu direkod tanpa had. AP17 dan AP18 menegaskan walau seringgit perlu direkod. AP19 menyatakan semua direkod walaupun pelaporan boleh dilump sum. AP8 menyatakan tiada limit. AP35 menegaskan walaupun ada jumlah minimum, rekod dalaman bagi semua sumbangan tetap perlu disimpan.

NGO9 menyatakan semua perlu direkod. P1, P2 (petikan kedua), P3, P4, P5, P6 dan P8 menegaskan semua sumbangan kecil atau besar perlu direkod tanpa minimum. SU1 menyatakan perlu direkod dan tiada jumlah minimum.

Secara keseluruhannya, Rajah ini memperlihatkan dua aliran utama: satu kumpulan menyokong penetapan jumlah minimum bagi tujuan kecekapan dan fokus pemantauan, manakala satu lagi kumpulan menekankan prinsip ketelusan mutlak dengan merekod semua sumbangan tanpa ambang minimum.

6.5.6.2 Soalan 29: Pada pandangan anda, siapakah yang sepatutnya diberi tanggungjawab untuk menerima sumbangan kepada parti politik?



Rajah 6.5.6.2 Pihak yang Bertanggungjawab Menerima Sumbangan kepada Parti Politik

Sebahagian besar informan di Rajah di atas berpandangan bahawa tanggungjawab menerima sumbangan perlu diberikan kepada pegawai kewangan khusus parti, terutamanya bendahari atau unit kewangan rasmi. Dalam kalangan Akademik, A11, A21, A3, A4, A5 dan A8 secara jelas menyatakan bendahari atau pegawai kewangan rasmi perlu menerima sumbangan. A2 menyatakan hanya ahli jawatankuasa tertentu seperti bendahari dibenarkan menerima sumbangan. A7 menekankan keperluan mekanisme pendaftaran pegawai kewangan dalam sistem. Dalam kalangan Ahli Politik, AP1, AP2, AP12, AP13, AP14, AP15, AP16 dan AP8 menyatakan bendahari parti atau bendahari di setiap cawangan perlu

bertanggungjawab. AP22, AP23, AP24, AP25, AP26, AP27, AP28, AP29, AP32 dan AP33 turut menegaskan bahawa pegawai yang dilantik secara rasmi seperti bendahari atau unit kewangan perlu diberi tanggungjawab bagi memastikan akauntabiliti dan kawalan dalaman yang jelas. NGO9 juga menyatakan bendahari parti, manakala NGO11 menyatakan pegawai kewangan parti yang dilantik secara rasmi. P1 dan P2 menyatakan treasurer perlu menerima sumbangan, manakala SU1 menyatakan bendahari di setiap cawangan boleh menerima sumbangan.

Sebahagian informan pula melihat tanggungjawab ini perlu melibatkan kepimpinan dan pegawai berkuasa secara organisasi. A1 menyatakan jawatan tertinggi parti, manakala A12 merujuk kepada ketua bahagian. A14 mencadangkan presiden, timbalan presiden atau setiausaha. AB2 menyatakan parti politik, bendahari dan presiden, manakala AB4 menyatakan presiden dan bendahari. AB8 menyebut ahli majlis tertinggi. AB3 dan AB9 menyatakan mana-mana yang berjawatan boleh menerima. AD1 menyatakan presiden hingga jawatankuasa harian termasuk bendahari dan setiausaha, manakala AD2 menyatakan bendahari, presiden atau setiausaha agung. AP11 menyebut bendahari, setiausaha dan presiden. AP17 menyatakan presiden dan bendahari di semua peringkat. AP18 menyatakan semua pemegang parti termasuk di peringkat bahagian, dan AP19 menyatakan semua boleh. P3 dan P4 menyebut presiden atau bendahari. PP1 menyatakan presiden, setiausaha dan bendahari. P5 dan P6 menyebut ahli jawatankuasa, manakala SR1 mencadangkan jawatankuasa khusus bagi dana. P10 menyebut pengurusan parti.

Selain itu, terdapat penekanan kuat bahawa sumbangan mesti melalui saluran rasmi parti dan sistem berstruktur, bukan individu bebas. A9 menekankan keperluan sistem dalaman yang jelas dan prosedur pengesahan. A10 menyatakan pegawai perlu diberi latihan dan garis panduan jelas. AP21 menegaskan sumbangan hanya melalui akaun rasmi. AP24 menyatakan penerimaan perlu

dipusatkan melalui akaun rasmi parti. AP30 menekankan latihan dan garis panduan prosedur. AP31 menyatakan ahli politik tidak sepatutnya menerima secara peribadi. AP34 menekankan pemusatan tanggungjawab bagi mengurangkan risiko penyalahgunaan. AP35 menyatakan sistem penerimaan dana perlu disokong prosedur operasi standard yang jelas. AP5 pula menyatakan tidak wajar menyekat sepenuhnya kerana ada penyumbang yang selesa menyalurkan kepada individu tertentu. NGO10 menyatakan penerimaan tidak wajar dibuat oleh individu secara bebas. NGO12 menyatakan parti perlu menetapkan prosedur dalaman yang jelas. NGO13 melihat keperluan mengehadkan pihak yang boleh menerima sumbangan. NGO14 menekankan akauntabiliti yang jelas. NGO8 menyatakan kejelasan tentang siapa yang boleh menerima membantu melindungi ahli parti lain. P7 menegaskan semua sumbangan perlu melalui saluran rasmi parti. P8 menyatakan sumbangan perlu dibuat melalui pejabat cawangan atau sistem rasmi. P9 menegaskan parti perlu merekod secara jelas individu yang diberi kuasa dan memaklumkannya kepada badan kawal selia. BC3 menyatakan penetapan pihak bertanggungjawab memudahkan penentuan liabiliti. YK1 menekankan kawalan dalaman seperti kelulusan dua peringkat.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan kecenderungan yang jelas dalam kalangan informan untuk memastikan penerimaan sumbangan dilakukan oleh pegawai kewangan atau kepimpinan yang dilantik secara rasmi melalui saluran parti yang berstruktur, dengan sistem kawalan dalaman yang jelas bagi mengelakkan salah guna dan memastikan akauntabiliti.

6.5.6.3 Soalan 30: Pada pandangan anda, apakah bentuk perbelanjaan yang patut dibenarkan daripada dana sumbangan parti politik?



Rajah 6.5.6.3 Tujuan Penggunaan Dana dalam Pendanaan Politik

Rajah ini menunjukkan bahawa sebahagian besar informan berpandangan dana sumbangan parti politik dibenarkan digunakan untuk operasi, kempen dan aktiviti sah parti. Dalam kalangan Akademik, A1 menyatakan dana perlu digunakan mengikut tujuan asal seperti operasi dan pengurusan. A3 menegaskan tiada masalah selagi berkaitan urusan parti. A4 menyatakan dana boleh diperuntukkan untuk kempen pilihan raya dan pengurusan parti. A6 menyatakan semua boleh digunakan untuk menggerakkan parti. A10 dan A13 menyokong penggunaan bagi pembangunan kapasiti parti seperti latihan, penyelidikan dan pendidikan politik. A11, A12 dan A22 menyatakan semua jenis aktiviti parti boleh menggunakan dana tersebut. A21 menyatakan operasi dan kempen dibenarkan.

Dalam kalangan Ahli Politik, AP11, AP15, AP17, AP18 dan AP19 menyatakan semua aktiviti berkaitan parti boleh menggunakan dana. AP16 menyatakan

operasi parti, pendidikan politik, kempen, gaji staf dan penyelidikan dasar adalah dibenarkan. AP29 menyatakan perbelanjaan kempen, penyelidikan dasar dan komunikasi dengan rakyat wajar dibenarkan kerana menyokong proses demokrasi. AP32 menyatakan perbelanjaan perlu berkait secara langsung dengan fungsi dan peranan politik parti. AP22, AP23, AP24, AP25, AP26, AP27 dan AP28 menyokong penggunaan untuk operasi sah seperti pentadbiran, komunikasi, pembangunan ahli dan program penerangan kepada rakyat. NGO10, NGO11, NGO2 dan NGO3 juga menyatakan dana boleh digunakan untuk operasi asas parti, komunikasi dan pengembangan aktiviti. AD1 menyatakan apa-apa aktiviti parti politik boleh menggunakan dana. P3, P4 dan P5 menyatakan dana boleh digunakan untuk manfaat parti dan kepentingan ekonomi. P8 dan SU1 menyatakan tiada had atau apa-apa sahaja boleh digunakan. PP1 menyatakan perbelanjaan termasuk CSR atau aktiviti semasa pilihan raya boleh dibenarkan. TU1 menyatakan dana boleh digunakan untuk memperkasakan parti politik.

Namun begitu, ramai informan menekankan keperluan had, garis panduan, audit serta larangan terhadap perbelanjaan peribadi. A2 menyatakan kebimbangan dana kempen disalah guna seperti membeli undi. A5 menegaskan perlu diperhalusi di peringkat jawatankuasa dan sukarelawan perlu didaftarkan jika melibatkan elaun. A8 menyatakan perbelanjaan mesti berkaitan aktiviti politik yang sah dan perbelanjaan peribadi perlu dilarang. A9 menekankan penggunaan dana mesti selari dengan tujuan kutipan. AB2 menyatakan perlu ada had untuk operasi. AB3 menyatakan dana tidak boleh digunakan untuk mengkayakan individu dan mesti direkodkan. AB7 menekankan keutamaan kepada transaksi jelas seperti transfer berbanding tunai. AB8 menyatakan cash perlu dikawal, manakala AB9 menegaskan perbelanjaan direct tidak dibenarkan kecuali direkodkan.

AP12, AP13 dan AP14 menyatakan semua boleh kecuali aktiviti peribadi. AP22 hingga AP28 menekankan keperluan had dan perincian kategori yang dibenarkan. AP30 dan AP33 secara jelas menyatakan perbelanjaan peribadi tidak patut dibenarkan sama sekali. AP31 menekankan garis pemisah jelas antara perbelanjaan parti dan peribadi. AP34 menyatakan senarai perbelanjaan dibenarkan dan tidak dibenarkan perlu diperincikan. AP35 menegaskan nilai untuk wang perlu diambil kira. BC3 menekankan kejelasan kategori bagi memudahkan penguatkuasaan.

NGO12 menyatakan perbelanjaan perlu terhad kepada fungsi parti secara langsung. NGO13 dan YK1 menegaskan keperluan menyenaraikan bentuk perbelanjaan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam peraturan. NGO14 dan NGO8 menekankan prinsip ketelusan, rekod dan audit. P2 menyatakan perlu spesifik mana yang boleh dan tidak boleh. P6 menyatakan boleh untuk pentadbiran dan kempen tetapi mesti daripada sumber diaudit dan dipantau oleh auditor. P7 menyatakan kategori perbelanjaan perlu disenaraikan untuk memudahkan audit. P9 menegaskan semua perbelanjaan mesti disokong dokumen dan resit. SR1 menyatakan boleh untuk pentadbiran dan kempen tetapi perlu direkod. BU2 pula menyatakan tidak wajar terlalu menentukan secara ketat kerana keperluan parti mungkin berbeza.

Secara keseluruhannya, Rajah tersebut menunjukkan dana sumbangan secara umumnya dibenarkan untuk operasi, kempen dan aktiviti sah parti, namun majoriti informan menekankan keperluan had jelas, garis panduan terperinci, rekod dan audit serta larangan tegas terhadap perbelanjaan peribadi bagi mengelakkan penyalahgunaan.

6.5.6.4 Soalan 31: Bagaimanakah sumbangan politik sepatutnya disalurkan?



Rajah 6.5.6.4 Saluran Penerimaan Sumbangan Politik dan Keperluan Akaun Khas Parti

Pandangan majoriti informan mengenai sumbangan politik sepatutnya disalurkan melalui akaun rasmi parti, sama ada akaun parti berdaftar, akaun khas atau akaun berpusat adalah ditunjukkan di Rajah ini. Dalam kalangan Akademik, A1 menyatakan dana perlu masuk ke akaun parti dengan had tertentu, manakala A2 mencadangkan akaun khas bagi memudahkan pelaporan kepada badan kawal selia. A6 menyatakan akaun parti lebih selamat kerana pengeluaran lebih terkawal. A8 menegaskan hanya melalui akaun bank berdaftar parti, manakala A21 menyatakan yang penting setiap parti mempunyai akaun kewangan rasmi untuk semua saluran dana. AB3, AB6, AB7, AB8 dan AB9 juga menyatakan sumbangan perlu masuk ke akaun parti atau akaun induk khas. AD1 menyatakan boleh dimasukkan dalam akaun parti secara biasa.

Dalam kalangan Ahli Politik, AP12, AP13, AP14 dan AP15 menyatakan transaksi mesti melalui akaun parti sahaja. AP16 menegaskan melalui akaun rasmi parti

dan bukan akaun individu. AP17, AP18 dan AP19 menyatakan dana parti politik perlu masuk ke akaun parti. AP20 mencadangkan akaun berpusat. AP22 dan AP31 menegaskan semua sumbangan mesti disalurkan terus ke akaun parti, bukan individu. AP32 menyatakan akaun rasmi yang didaftarkan. P3 dan P4 menyatakan masuk ke akaun parti dengan had tertentu. P10, PP1 dan SU1 juga menyatakan akaun parti adalah saluran yang sesuai.

Selain itu, ramai informan menekankan keperluan kaedah tanpa tunai, saluran boleh jejak, sistem digital serta rekod dan dokumentasi yang lengkap. A13 menyatakan sumbangan perlu melalui pindahan bank supaya mudah dikesan dan direkod. AP23 menegaskan sumbangan perlu dibuat secara bukan tunai melalui kaedah elektronik atau cek. AP29 dan AP33 menyatakan penggunaan tunai perlu dihadkan atau dielakkan. AP30 dan AP35 menyatakan sistem pembayaran digital dan platform digital yang selamat boleh meningkatkan ketelusan. NGO11 menyatakan instrumen kewangan boleh jejak seperti pindahan bank atau sistem elektronik wajar digunakan. P7 dan P8 menyatakan kaedah cashless lebih telus dan memudahkan pemantauan. P9 menekankan semua sumbangan mesti disokong rekod transaksi. NGO8 dan NGO12 menegaskan keperluan dokumentasi lengkap untuk tujuan audit dan padanan laporan kewangan.

Di samping itu, terdapat penekanan terhadap kawal selia, mekanisme pemantauan dan struktur jawatankuasa yang jelas. A3, A4 dan A5 menyatakan keperluan diperhalusi di peringkat jawatankuasa atau struktur parti. A7 mencadangkan pendedahan terus kepada suruhanjaya. A9 menekankan sistem seragam di semua peringkat parti bagi mengelakkan saluran tidak rasmi. AP24 dan AP34 menegaskan sistem standard membantu pemantauan dan konsistensi antara parti. AP25 mencadangkan akaun khas supaya aliran masuk dan keluar dapat dipantau lebih berkesan. AP26 menegaskan sumbangan terus kepada individu perlu dielakkan demi akauntabiliti. AP27 menekankan dokumentasi

lengkap seperti resit dan pengesahan penerimaan. BC3 menyatakan saluran rasmi melindungi parti semasa audit atau siasatan. NGO10, NGO13 dan NGO14 menegaskan keperluan penetapan jelas dalam peraturan serta penyelarasan kaedah penyaluran. P5 mencadangkan tabung khas yang dikawal selia sebelum diserahkan kepada parti. P6 menyatakan setiap sumbangan perlu direkod dan dipantau oleh badan kawal selia. SR1 menyatakan kawal selia perlu pergi kepada parti politik. YK1 menekankan saluran perlu standard dan dipantau oleh badan kawal selia.

Secara keseluruhannya, Rajah ini menunjukkan konsensus yang jelas bahawa sumbangan politik perlu disalurkan melalui akaun rasmi parti atau akaun khas yang berpusat, menggunakan kaedah tanpa tunai dan boleh jejak, serta disokong oleh mekanisme kawal selia, dokumentasi lengkap dan struktur pemantauan yang jelas bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti.

6.5.6.5 Soalan 32: Apakah mekanisme yang paling sesuai untuk memastikan dana sumbangan politik disimpan dengan selamat dan telus?



Rajah 6.5.6.5 Penggunaan Tunai dan Keperluan Penyimpanan Dana dalam Akaun Rasmi Parti Politik

Rajah ini menunjukkan bahawa majoriti informan berpandangan dana sumbangan politik perlu disimpan melalui akaun rasmi parti, akaun khas atau akaun yang dipisahkan secara jelas daripada akaun lain. Dalam kalangan Akademik, A1 menyatakan dana perlu masuk ke akaun parti dengan had tertentu, manakala A2 mencadangkan satu akaun khas untuk dana politik yang diaudit oleh unit kawal selia. A4 menyebut akaun parti politik sebagai saluran utama, A13 menegaskan dana perlu disimpan dalam akaun bank khas yang berasingan, dan A21 menyatakan semua saluran dana perlu masuk ke akaun kewangan rasmi parti. AD1 turut menegaskan dana mesti dalam akaun parti dan bukan akaun peribadi. Dalam kalangan Ahli Politik, AP12 menyebut akaun utama parti, AP13 menyatakan akaun rasmi parti, AP14 dan AP15 menyatakan akaun parti, manakala AP16 menegaskan melalui akaun rasmi dan bukan akaun individu. AP20 menekankan akaun yang ditetapkan dan tidak bercampur dengan dana lain. AP22 dan AP29 mencadangkan akaun bank berasingan yang diaudit secara berkala. AP31 menegaskan dana perlu masuk terus ke akaun parti, dan AP32 menyatakan pemisahan akaun adalah mekanisme asas. NGO1 dan NGO3 menyatakan dana perlu masuk ke akaun parti untuk memudahkan pemantauan, manakala NGO11 mencadangkan penyimpanan melalui akaun bank yang diaudit. P1 menyatakan perlu ada sesi khas dan dana masuk ke akaun parti. PP1 turut menyatakan dana perlu disimpan dalam akaun parti yang diaudit.

Selain itu, informan juga menekankan mekanisme kawalan, audit, digital dan pengawasan bagi memastikan keselamatan dan ketelusan dana. A7 menyatakan perlunya semak dan imbang antara bendahari dan presiden. A8 menekankan penggunaan akaun berasingan sebagai langkah asas. A9 mencadangkan sistem digital bersepadu untuk meningkatkan ketelusan. A10 menyatakan kawalan akses perlu dihadkan kepada individu yang diberi kuasa sahaja. Dalam kalangan Ahli Politik, AP23 mencadangkan sistem perakaunan standard dan digital untuk memantau aliran dana. AP24 menekankan kawalan dalaman ketat termasuk

kelulusan berperingkat bagi pengeluaran dana. AP25 mencadangkan audit bebas oleh pihak luar, manakala AP26 menekankan sistem pelaporan yang konsisten dan mudah diakses oleh pihak berkuasa. AP27 menyatakan mekanisme perlu jelas dan seragam antara parti. AP28 mencadangkan gabungan sistem perbankan rasmi, audit berkala dan pemantauan oleh badan kawal selia. AP30 dan AP35 menekankan penggunaan sistem perakaunan digital dan teknologi selamat bagi meningkatkan keselamatan rekod. AP33 menyatakan kelulusan berganda perlu diwajibkan. AP34 menekankan audit dalaman berkala. BC3 menyatakan rekod perakaunan yang teratur dan audit berkala penting untuk membuktikan pematuhan.

NGO10 menekankan kawalan dalaman yang kukuh, NGO12 mencadangkan sistem perakaunan standard dan seragam, NGO13 menyatakan audit dalaman sebagai mekanisme tambahan, NGO14 menekankan pengawasan luaran oleh badan kawal selia, dan NGO8 menyatakan gabungan kawalan teknikal dan tadbir urus yang baik diperlukan. P2 menyatakan penyimpanan secara tunai tidak wajar dan perlu kawalan. P4 menyatakan jika tunai digunakan perlu ada had. P7 dan P9 menekankan kawalan dalaman seperti kelulusan berganda dan semakan berkala. YK1 menyatakan mekanisme berkesan memerlukan gabungan teknologi, audit dan penguatkuasaan yang konsisten.

Secara keseluruhannya, Rajah ini memperlihatkan dua komponen utama dalam memastikan dana sumbangan politik disimpan dengan selamat dan telus, iaitu penyimpanan melalui akaun rasmi atau akaun khas yang dipisahkan, serta pelaksanaan mekanisme kawalan, audit, sistem digital dan pengawasan berterusan bagi menjamin akauntabiliti dan integriti pengurusan dana.

6.5.7 PARAMETER 7: MEKANISME PELAPORAN

6.5.7.1 Soalan 33: Pada pendapat anda, apakah skop hal perkara yang perlu dilaporkan?



Rajah 6.5.7.1 Keperluan Pelaporan Terperinci Dana Politik kepada Parti

Majoriti informan di Rajah ini menekankan keperluan pelaporan yang terperinci dan telus dalam sistem pendanaan politik. Dalam kalangan Akademik, A1 menyatakan pelaporan perlu mengkategorikan penyumbang kepada kategori korporat, individu dan tanpa identiti. A2 menegaskan akaun perlu terperinci seperti audit biasa yang merangkumi invoice, purchase voucher dan dokumen sokongan. A3 menyatakan skop pelaporan mesti detail. A4 menekankan pelaporan perlu merangkumi segala bentuk ciri pihak yang memberi sumbangan. A5 menyatakan laporan perlu menyatakan jumlah duit masuk, tarikh, tujuan dan penggunaannya secara terperinci. A6 menegaskan apa yang masuk dan apa yang keluar mesti dilaporkan sepenuhnya sebagaimana amalan pertubuhan lain.

Dalam kalangan AD, AD1 menyatakan perlu dinyatakan tarikh diterima, daripada siapa dan untuk tujuan apa termasuk nilai sumbangan. AD2 menyatakan setiap AGM perlu mengeluarkan penyata kewangan dan dihantar kepada ROS supaya penyata kewangan parti diketahui. Dalam kalangan Ahli Politik, AP11 menyatakan perlu tahu sumber dan bagaimana dana dikeluarkan. AP5 menyatakan semua bahagian perlu menyerahkan minit mesyuarat dan penyata kewangan kepada

pusat. AP8 menegaskan pelaporan perlu merangkumi detail penerima, penderma dan cara pembelanjaan.

Dalam kalangan orang awam dan pihak lain, P1 dan P2 menyatakan jumlah diterima, daripada siapa (termasuk jika anonymous), serta penggunaan dana perlu diperincikan. P3 dan P4 menyatakan kategori korporat, individu dan anonymous perlu dinyatakan. P5 menegaskan perlu detail siapa yang menderma, perbelanjaan dan baki dana. P6 menyatakan semua perlu terperinci. PP1 menyatakan perlu ada detail yang telus tentang sumber dana, bila dan bagaimana ia dikeluarkan. SR1 menekankan pelaporan secara terperinci terutamanya kerana melibatkan amaun dan audit. TU1 menyatakan dana perlu dilaporkan secara terperinci dalam setiap mesyuarat.

Secara keseluruhannya, Rajah ini memperlihatkan konsensus yang jelas bahawa sistem pendanaan politik memerlukan pelaporan yang terperinci, merangkumi sumber dana, kategori penyumbang, tarikh penerimaan, tujuan penggunaan, rekod perbelanjaan serta penyata kewangan yang boleh diaudit bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti penuh.

Soalan 34: Siapakah yang bertanggungjawab membuat laporan untuk dilaporkan kepada badan kawal selia dana?



Rajah 6.5.7.2 Pihak yang Bertanggungjawab Menyediakan dan Mengemukakan Laporan Dana Politik

Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti informan berpandangan bendahari atau struktur kewangan rasmi parti merupakan pihak utama yang bertanggungjawab membuat pelaporan kepada badan kawal selia. A2 secara jelas menyatakan bendahari bertanggungjawab, manakala A5 menyatakan aspek kewangan lebih kepada bendahari dan laporan boleh melibatkan setiausaha. SR1 dan TU1 juga menyatakan bendahari, termasuk bendahari pusat, perlu bertanggungjawab terhadap pelaporan. P1 dan P2 menyebut treasury sebagai pihak yang membuat laporan. PP1 menyatakan bahagian dana merupakan tanggungjawab bendahari, namun jika beban terlalu besar parti boleh menubuhkan jawatankuasa khas untuk membantu menyediakan laporan.

Selain itu, terdapat pandangan bahawa setiausaha atau kepimpinan tertentu juga mempunyai peranan. A4 menyatakan pihak yang bertanggungjawab membuat laporan ialah setiausaha. AP1 menyatakan bendahari bahagian kepada setiausaha, menunjukkan hubungan struktur antara kedua-dua jawatan tersebut dalam penyediaan laporan. P6 menyatakan pengerusi parti juga boleh memainkan peranan. AD1 menyatakan tanggungjawab bergantung kepada siapa yang ditetapkan dalam RUU, khususnya top echelon parti di peringkat berkenaan.

Beberapa informan turut menekankan struktur berlapis atau pelaporan secara hierarki. A1 menyatakan peringkat bawahan mempunyai entiti tersendiri yang melaporkan kepada pusat sebelum pusat menghantar laporan kepada badan kawal selia. P3 dan P4 menyatakan pelaporan dilakukan secara by layer. AP11 menyatakan laporan dibuat oleh bendahari dan sekiranya melibatkan amaun besar di peringkat nasional, laporan perlu disediakan oleh juruaudit bertauliah.

Secara keseluruhannya, Rajah di atas menunjukkan kecenderungan jelas bahawa bendahari atau treasury parti merupakan pegawai utama yang diberi kuasa membuat pelaporan, dengan sokongan struktur berlapis, setiausaha, kepimpinan

parti serta kemungkinan pelibatan jawatankuasa khas dan juruaudit profesional bagi memastikan laporan kepada badan kawal selia dilaksanakan secara teratur dan berakauntabiliti.

6.5.7.2 Soalan 36: Berapa kerap laporan tersebut wajar dikemukakan?



Rajah 6.5.7.3 Kekerapan Pelaporan Dana Politik oleh Parti Politik

Sebahagian besar informan di Rajah di atas berpandangan bahawa laporan wajar dikemukakan sekurang-kurangnya secara tahunan sebagai keperluan minimum. Dalam kalangan Akademik, A1, A3, A8 dan A13 menyatakan laporan tahunan atau setahun sekali adalah sesuai, manakala A13 menegaskan ia sebagai laporan menyeluruh minimum. AD1 turut menyatakan setahun sekali. Dalam kalangan Ahli Politik, AP11, AP13, AP17, AP18 dan AP19 menyatakan laporan tahunan memadai sebagai asas. AP22 dan AP26 menyatakan laporan tahunan adalah minimum yang perlu diwajibkan, manakala AP32 juga menyatakan laporan tahunan sebagai keperluan asas. NGO1 dan NGO2 menyatakan laporan tahunan lebih praktikal. P2, P3, P4, P9 dan P10 menyatakan setahun sekali sudah

mencukupi sebagai pelaporan asas. SU1 turut menyatakan setahun sekali adalah sesuai.

Selain itu, terdapat kumpulan informan yang mencadangkan pelaporan secara berkala tetap seperti bulanan, suku tahunan atau setiap enam bulan. A2 menyatakan sekali enam bulan, A4 menyatakan enam bulan sekali, A5 dan A7 mencadangkan suku tahunan, manakala A6 menyatakan dua kali setahun. A11 menyatakan half yearly. AB4 menyatakan setiap enam bulan, dan AB9 mencadangkan setiap AGM. AP14 dan AP15 menyatakan laporan bulanan dan tiga bulan sekali kepada badan kawal selia. AP16 menyatakan laporan suku tahunan serta laporan khas selepas PRU atau PRN. AP20 mencadangkan one each quarter, manakala AP21 menyatakan setiap empat bulan sekali. AP33 berpandangan laporan separuh tahunan adalah pilihan seimbang. AP8 menyatakan dana politik setiap tiga bulan sekali. AP5 mencadangkan mesyuarat sekurang-kurangnya setiap dua atau tiga bulan. BU1 menyatakan boleh dibuat setiap minggu. NGO9 mencadangkan quarterly, NGO10 dan NGO11 mencadangkan enam bulan sekali, manakala NGO12 menyatakan suku tahunan boleh dipertimbangkan. P5 menyatakan tiga bulan sekali, P6 menyatakan suku tahun, PP1 menyatakan enam bulan sekali, SR1 menyatakan tiga bulan sekali dan TU1 mencadangkan dua atau tiga bulan sekali.

Di samping itu, terdapat pandangan yang lebih fleksibel dan berasaskan keadaan tertentu seperti pilihan raya, saiz atau aktiviti parti. A9 menyatakan kekerapan boleh berbeza mengikut tahap aktiviti parti. A21 mencadangkan laporan dalam tempoh 60 hari selepas pilihan raya. AB3 menyatakan enam bulan atau setahun sekali, kecuali jika menerima dana besar secara mendadak maka perlu dilaporkan segera. AP12 dan AP27 menyatakan pelaporan perlu berkala dan konsisten dengan jadual jelas. AP23 menyatakan laporan tahunan sesuai sebagai asas tetapi laporan tambahan diperlukan semasa tempoh tertentu seperti menjelang

atau selepas pilihan raya. AP24 menyatakan laporan tahunan praktikal, namun laporan khas perlu dikemukakan sekiranya berlaku transaksi luar biasa. AP25 mencadangkan pendekatan fleksibel mengikut aktiviti kewangan parti. AP28 menyatakan laporan tahunan sebagai minimum dengan laporan tambahan jika berlaku perubahan ketara. AP29 mencadangkan laporan interim bagi parti yang menerima jumlah besar. AP30 dan AP34 menyatakan kekerapan boleh dibezakan mengikut saiz atau peringkat parti. AP31 menyatakan laporan tambahan perlu semasa pilihan raya. AP35 menekankan fleksibiliti selagi prinsip ketelusan dipatuhi. NGO13 mencadangkan minimum tahunan disokong laporan ringkas berkala. NGO8 mencadangkan kombinasi laporan berkala dan laporan khas. NGO14 menekankan konsistensi sebagai prinsip utama. P3 mencadangkan interim report semasa pilihan raya. YK1 menyatakan kekerapan perlu ditetapkan dengan jelas tetapi masih fleksibel mengikut keadaan tertentu.

Secara keseluruhannya, Rajah ini menunjukkan tiga kecenderungan utama dalam kalangan informan, iaitu laporan tahunan sebagai minimum, pelaporan berkala tetap seperti bulanan atau suku tahunan bagi meningkatkan pemantauan, serta pendekatan fleksibel berasaskan keadaan seperti pilihan raya, saiz dan aktiviti kewangan parti bagi memastikan keseimbangan antara ketelusan dan kepraktisan pentadbiran.

6.5.7.3 Soalan 37: Pada pandangan anda, sejauh mana kepentingan laporan pendapatan dan perbelanjaan parti politik diaudit terlebih dahulu?



Rajah 6.5.7.4 Kepentingan Audit terhadap Laporan Pendapatan dan Perbelanjaan Parti Politik

Rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti informan bersetuju audit merupakan keperluan mandatori dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti laporan pendapatan serta perbelanjaan parti politik. Dalam kalangan Akademik, A10 menyatakan audit berperanan sebagai langkah pencegahan dan mendorong parti lebih berhati-hati, manakala A13 menegaskan audit memastikan laporan tepat dan boleh dipercayai. A6 menyatakan audit mesti dilaksanakan kerana AGM sendiri memerlukan audit. A8 menyatakan audit memberikan pengesahan bebas terhadap ketepatan laporan kewangan, dan A9 menyatakan audit membantu mengenal pasti kelemahan sistem dalaman parti. AB4 menyatakan parti politik perlu diaudit, manakala AD1 menyatakan laporan mesyuarat agung memang diaudit.

Dalam kalangan Ahli Politik, AP17, AP18 dan AP19 menyatakan laporan perlu diaudit terlebih dahulu. AP22 dan AP32 menyatakan audit sangat penting bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan laporan. AP23 menyatakan audit adalah elemen utama dalam sistem ketelusan dan boleh mengesan kesilapan

lebih awal. AP24 menyatakan audit perlu diwajibkan untuk memastikan kredibiliti laporan. AP25 melihat audit sebagai mekanisme semak dan imbang penting. AP26 menegaskan audit meningkatkan tahap akauntabiliti. AP27 menyatakan audit awal memastikan pematuhan sebelum laporan dikemukakan. AP28 menyatakan audit memberi jaminan integriti kewangan parti. AP29 menyatakan tanpa audit laporan mudah dipersoalkan. AP30 dan AP35 menyatakan audit berfungsi sebagai langkah pencegahan penyelewengan. AP31 dan AP33 menyatakan audit meningkatkan keyakinan badan kawal selia dan orang awam terhadap parti politik. BC3 menyatakan audit membantu melindungi parti daripada tuduhan tidak berasas. NGO10 menyatakan audit memastikan pematuhan piawaian, NGO11 menyatakan audit memberi jaminan ketepatan laporan, NGO12 menyatakan audit melindungi parti daripada tuduhan, NGO13 melihat audit sebagai elemen membina kepercayaan awam, NGO14 menyatakan audit perlu menjadi mandatori sekurang-kurangnya bagi laporan tahunan, dan NGO8 menyatakan audit merupakan asas kepada ketelusan sebenar. P1, P7, P9 dan P10 turut menyatakan audit penting dari sudut kepercayaan dan tadbir urus yang baik.

Selain menekankan kepentingan audit, informan turut membincangkan pelaksana audit dan struktur pelaksanaan. A22 menyebut audit dalaman (internal). A5 menyatakan audit boleh ditentukan oleh jawatankuasa atau suruhanjaya pendanaan bebas dan boleh melibatkan pihak audit luar. A7 mencadangkan audit boleh diwakilkan kepada firma audit. AP21 menyatakan audit boleh dibuat oleh juruaudit dalaman. AP20 dan AP5 merujuk kepada ROS sebagai pihak berkaitan dalam proses audit dan penerimaan penyata. AP8 menyatakan audit setahun sekali. P2 menyatakan Jabatan Audit Negara lebih sesuai kerana audit dalaman mungkin terdedah kepada manipulasi. PP1 mencadangkan penggunaan audit dalaman dan audit luaran bergantung kepada jumlah transaksi. YK1 menyatakan audit perlu diwajibkan sebelum laporan

diterima oleh badan kawal selia bagi memastikan standard yang sama dipatuhi oleh semua parti.

Secara keseluruhannya, Rajah ini memperlihatkan konsensus yang kuat bahawa audit merupakan elemen mandatori dalam memastikan ketelusan, integriti dan akauntabiliti sistem pendanaan politik, dengan pelaksanaan yang boleh melibatkan audit dalaman, audit luaran, ROS, Jabatan Audit Negara atau struktur khusus yang ditetapkan bagi menjamin kredibiliti laporan kewangan parti politik.

6.5.7.4 Soalan 38: Siapakah yang akan mengaudit laporan tersebut?



Rajah 6.5.7.5 Pihak yang Bertanggungjawab Mengaudit Laporan Kewangan Parti Politik

Dapatan analisis berkaitan pandangan responden mengenai pihak yang wajar dipertanggungjawabkan untuk mengaudit laporan kewangan parti politik ditunjukkan dalam Rajah di atas. Sebahagian informan berpandangan audit perlu dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara atau badan audit awam. A1 menyatakan jabatan audit, manakala A3 dan A4 secara jelas menyebut Jabatan Audit Negara. A19 menyatakan penglibatan badan audit awam bagi tujuan pemantauan atau semakan berkala. P2 dan P3 turut menyatakan Jabatan Audit Negara atau jabatan

audit sebagai pihak yang sesuai. Namun begitu, AP20 berpandangan bahawa tidak semestinya Ketua Audit Negara perlu mengaudit aktiviti parti politik.

Selain itu, sebahagian besar informan menyokong pelaksanaan audit oleh juruaudit luar, juruaudit bebas atau profesional bertauliah. A6 menyatakan orang luar, A11 dan A12 menyatakan audit luaran sahaja sudah mencukupi, manakala A13 menegaskan audit perlu dijalankan oleh juruaudit bebas yang diiktiraf. A8 menyebut juruaudit profesional yang bebas dan bertauliah. AB6 dan AB8 menyatakan auditor luar atau external auditor. AP16, AP17 dan AP18 menyatakan audit luaran diperlukan. AP22, AP23, AP24, AP25, AP26, AP28, AP31, AP32, AP33 dan AP34 menekankan keperluan juruaudit bebas, profesional dan berdaftar yang dilantik mengikut kriteria ditetapkan oleh badan kawal selia bagi memastikan objektiviti dan standard audit yang seragam. AP27 dan AP30 menyatakan badan kawal selia boleh menetapkan senarai juruaudit yang layak atau menyemak laporan audit yang dikemukakan. AP35 menegaskan laporan audit perlu dikemukakan bersama laporan kewangan. BC3 menyatakan juruaudit bebas memudahkan penerimaan laporan audit. BU1 menyatakan audit bebas, manakala NGO1, NGO9 dan NGO10 menyatakan audit luaran oleh juruaudit bertauliah adalah sesuai. NGO11 dan P7 menyatakan juruaudit perlu dipilih daripada senarai yang diiktiraf oleh badan kawal selia. NGO8 menekankan ketelusan dalam pelantikan juruaudit dan pendedahan hasil audit. YK1 menyatakan sistem audit yang telus dan profesional adalah kunci kepada keberkesanan keseluruhan sistem pendanaan politik. P9 pula menekankan kos audit perlu dipertimbangkan agar tidak membebankan parti kecil.

Terdapat juga pandangan yang menyokong gabungan audit dalaman dan luaran. A10 secara jelas menyatakan gabungan audit dalaman dan audit luaran. AB9 menyatakan internal dan external auditor. AD1 menyatakan audit dalaman dan audit luaran. AP12, AP14 dan AP15 menyatakan external dengan internal. AP13

menyatakan audit dalaman, manakala AP21 menyebut juruaudit dalaman. NGO12 menyatakan selain audit luaran, parti juga boleh diwajibkan mempunyai audit dalaman sepanjang tahun. NGO14 menyatakan audit paling sesuai ialah gabungan juruaudit bebas dan pengawasan badan kawal selia. P8 mencadangkan audit dalaman dahulu sebelum audit luaran. A7 pula menyatakan audit boleh dilaksanakan secara spot check dan tidak semestinya setiap laporan perlu diaudit sepenuhnya. AP19 menyatakan audit dibuat jika ada keperluan sahaja. A21 mencadangkan agensi yang diberi amanah atau badan kawal selia boleh menentukan struktur audit seperti audit syarikat.

Secara keseluruhannya, Rajah ini memperlihatkan tiga pendekatan utama dalam kalangan informan iaitu pelibatan Jabatan Audit Negara atau badan audit awam, pelaksanaan audit oleh juruaudit luar yang bebas dan profesional, serta pendekatan gabungan audit dalaman dan luaran dengan pengawasan badan kawal selia bagi memastikan sistem audit yang telus, objektif dan berkesan dalam pendanaan politik.

6.5.8 PARAMETER 8: PENDEDAHAN LAPORAN KEPADA UMUM

6.5.8.1 Soalan 39: Sejauh mana pentingnya laporan pendapatan dan perbelanjaan parti politik didedahkan kepada orang ramai, dan dalam bentuk apakah pendedahan itu wajar dibuat?



Rajah 6.5.8.1 Kepentingan Pendedahan Awam Laporan Pendapatan dan Perbelanjaan Parti Politik

Rajah di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar informan menyokong pendedahan awam laporan pendapatan dan perbelanjaan parti politik sebagai elemen penting ketelusan, akauntabiliti dan pendidikan politik. A5 menegaskan laporan perlu diumumkan kepada orang awam, manakala A8 menyatakan ia asas kepada akauntabiliti politik. A9 melihat pendedahan sebagai medium mendidik rakyat tentang realiti kos operasi politik, dan A13 menegaskan kepentingannya kerana dana politik memberi kesan kepada pentadbiran negara. AB8 menyatakan perlu, dan SR1 bersetuju atas dasar ketelusan. AP22 menyatakan rakyat berhak menilai bagaimana dana diurus, AP23 menekankan pembinaan kepercayaan rakyat, AP24 menyifatkannya sebagai bentuk akauntabiliti, AP25 melihatnya sebagai mekanisme mengurangkan persepsi negatif terhadap politik wang, AP26 menegaskan ketelusan berterusan, AP28 menyifatkannya langkah positif ke arah politik lebih telus, AP29 dan P7 melihatnya sebagai mekanisme semak dan

imbang, AP32 menyifatkannya keperluan asas dalam demokrasi matang, AP33 melihatnya sebagai mekanisme pendidikan politik, dan AP34 menyatakan ia meningkatkan disiplin dalaman parti. BC3 menyatakan pendedahan membantu meningkatkan pematuhan. NGO10, NGO11 dan NGO12 menegaskan kepentingannya atas dasar kepentingan awam dan akauntabiliti, manakala NGO8 menyatakan ia membina kepercayaan. P2 dan P10 menekankan ketelusan penuh, P4 menyatakan ia perlu kerana pihak berkepentingan, P8 melihatnya baik untuk ketelusan melalui audited account, dan P9 menyatakan ia mendidik masyarakat.

Dari segi platform dan bentuk pendedahan, beberapa informan menyebut website dan portal rasmi sebagai medium utama. A2, A4 dan A12 menyatakan laporan perlu dipaparkan di website, malah A2 mencadangkan turut disiarkan melalui media seperti surat khabar. AP16 mencadangkan portal rasmi pendanaan, manakala AP8 menyatakan ahli boleh melihat melalui website parti. NGO14 mencadangkan platform rasmi yang mudah diakses seperti laman web badan kawal selia atau parti politik. AP25 turut menyatakan laman sesawang atau laporan awam yang boleh diakses orang ramai. AD1 dan AP5 menyebut laporan dihantar kepada ROS, manakala AP11 menyatakan jika terdapat suruhanjaya khas, badan tersebut yang membuat pendedahan, atau melalui SPR/SPR. YK1 menekankan keperluan standardisasi dan konsistensi supaya perbandingan antara parti dapat dibuat secara adil. A10 dan AP30 menekankan format mesra pengguna dan mudah difahami, bukan sekadar laporan teknikal. AP23 mencadangkan laporan tahunan atau infografik supaya maklumat jelas.

Terdapat juga pandangan yang mencadangkan pendedahan bersyarat atau berperingkat. A7 menyatakan general disclosure sahaja memadai. AP14 dan AP15 menyatakan laporan perlu di peringkat cawangan tetapi tidak semestinya untuk umum. AP20 tidak bersetuju pendedahan kepada umum kerana menganggap ia tidak berkaitan dengan orang awam. AP24 dan AP35 menekankan keseimbangan

antara ketelusan dan perlindungan maklumat sensitif. AP27 dan NGO13 mencadangkan pendedahan dibuat secara berperingkat dengan maklumat utama didedahkan kepada umum dan butiran terperinci kepada badan kawal selia. AP31 menekankan keseimbangan antara ketelusan dan perlindungan maklumat sensitif. P1 menyatakan tidak boleh terlalu terbuka di website, manakala BU1 menyatakan kebimbangan berkaitan percanggahan dengan Personal Data Protection Act. A6 dan AD2 menyatakan pendedahan boleh dibuat semasa AGM atau selepas AGM, dan AP17, AP18 serta AP19 mencadangkan pendedahan setahun sekali.

Secara keseluruhannya, Rajah ini memperlihatkan sokongan kuat terhadap pendedahan awam sebagai elemen ketelusan dan akauntabiliti, dengan cadangan platform seperti website, portal rasmi dan ROS, namun pada masa yang sama terdapat pandangan bahawa pendedahan perlu dibuat secara berstruktur, berperingkat dan seimbang bagi melindungi maklumat sensitif serta memastikan keberkesanan sistem.

6.5.9 PARAMETER 9: KESALAHAN DI BAWAH AKTA

6.5.9.1 Soalan 41:Apakah pandangan anda tentang keperluan mewujudkan kesalahan undang-undang khusus berkaitan pengurusan dan penggunaan dana politik? Berikan cadangan.



Rajah 6.5.9.1 Keperluan Mewujudkan Kesalahan Undang-Undang Khusus Berkaitan Dana Politik

Majoriti informan di Rajah ini menyokong keperluan mewujudkan peruntukan kesalahan undang-undang khusus berkaitan dana politik. A3, A4, A10, A13 dan A21 menyatakan peruntukan khusus adalah perlu atau wajar diwujudkan. A8 menegaskan ia perlu kerana dana politik mempunyai risiko berbeza berbanding kesalahan kewangan biasa, manakala A1 mencadangkan peruntukan digubal secara umum terlebih dahulu sebelum diperincikan. A5 mengakui ia mungkin menimbulkan polemik tetapi tetap membawa kebaikan. AD1 menegaskan undang-undang tanpa kesalahan tidak memberi kesan pencegahan. AP12 dan AP13 menyatakan perlu ada, manakala AP22, AP23, AP25, AP26, AP27, AP28 dan AP32 menekankan kepentingan peruntukan khusus bagi menjamin integriti sistem dan mengelakkan ruang manipulasi. NGO10, NGO11, NGO12, NGO13 dan

NGO14 turut menyatakan pewujudan kesalahan khusus penting untuk memastikan pematuhan dan tadbir urus baik. BC3 menyatakan kesalahan khusus memudahkan penguatkuasaan. P4, P10 dan PP1 menyokong atas dasar risiko penyalahgunaan dana, dan YK1 menegaskan penguatkuasaan konsisten sama penting dengan peruntukan undang-undang itu sendiri.

Dari segi jenis kesalahan yang dicadangkan, A6 menyebut pecah amanah, manakala AB3 dan AB8 menyatakan penyalahgunaan dana. AB9 menyatakan kesalahan berkaitan kesahihan laporan. AP11, AP22, AP29 dan P7 menyatakan kesalahan seperti salah guna dana, kegagalan melaporkan sumbangan dan penggunaan dana untuk tujuan peribadi perlu diperuntukkan dengan jelas. AP16 menyenaraikan menerima dana haram atau asing, gagal melaporkan sumbangan, penyamaran identiti penyumbang dan penggunaan dana untuk tujuan peribadi. AP21 menyebut pemalsuan rekod, manakala AP24 mencadangkan kesalahan berkaitan kegagalan menyimpan rekod dan menghalang audit. AP33 menyatakan manipulasi rekod kewangan dan penerimaan dana daripada sumber terlarang. BU1 menyebut tidak melaporkan perbelanjaan dengan betul dan vote buying. P1 menyatakan menyimpan dana tunai dalam jumlah besar patut dianggap kesalahan. P2 menyebut ketidaktelusan sebagai kesalahan, manakala P8 menyatakan monetary dishonesty. AP1 menyebut lompat parti sebagai kesalahan yang boleh ditulis dalam undang-undang. AP14 mencadangkan standardisasi peraturan. AP20 menyatakan ketidakpatuhan terhadap kewajipan yang ditetapkan perlu dianggap kesalahan. P9 mencadangkan pembezaan antara kesalahan pentadbiran dan jenayah supaya tindakan bersesuaian dengan tahap kesalahan.

Dari sudut hukuman, penalti dan mekanisme penguatkuasaan, A2 mencadangkan kesalahan dipublikasikan dan dikenakan penalti kewangan. A9 mencadangkan pembezaan antara kesalahan teknikal dan serius, dengan penalti pentadbiran bagi kesalahan teknikal dan hukuman lebih berat bagi kesalahan

serius. AP23 mencadangkan hukuman bersifat mendidik dan mencegah, manakala AP26, AP30 dan AP34 menegaskan hukuman perlu setimpal untuk berfungsi sebagai pencegahan. AP32 mencadangkan klasifikasi kesalahan kepada beberapa tahap. P5 mencadangkan penalti dan penggantungan keahlian, manakala P6 mencadangkan amaran, penalti, penggantungan parti daripada urusan atau larangan bertanding. BU1 mencadangkan penalti kewangan seperti denda tertentu. SR1 menyatakan kes tertentu boleh dirujuk kepada SPRM bergantung kepada amaun. NGO13 dan NGO8 menekankan peruntukan perlu disokong garis panduan pelaksanaan yang jelas agar penguatkuasaan konsisten dan adil.

Secara keseluruhannya, Rajah ini menunjukkan sokongan kuat terhadap pewujudan kesalahan undang-undang khusus berkaitan dana politik, dengan cadangan jenis kesalahan yang meliputi salah guna dana, kegagalan pelaporan, pemalsuan rekod dan penerimaan dana terlarang, serta hukuman yang bersifat pencegahan, setimpal dan disokong mekanisme penguatkuasaan yang konsisten bagi memastikan integriti sistem pendanaan politik.

6.5.9.2 Soalan 42: Sekiranya mana-mana parti politik didapati melakukan kesalahan di bawah peruntukan ini, siapakah yang akan dipertuduhkan atau dipertanggungjawabkan?



Rajah 6.5.9.2 Pihak yang Wajar Dipertanggungjawabkan terhadap Kesalahan Berkaitan Dana Politik

Rajah ini menunjukkan bahawa sebahagian besar informan berpandangan liabiliti perlu dikenakan kepada individu yang mempunyai kawalan langsung atau terlibat secara langsung dalam pengurusan dana. A8 menyatakan liabiliti perlu diletakkan kepada bendahari atau pegawai kewangan parti, manakala A14 menyatakan pihak yang mengesahkan dan membuat laporan perlu dipertanggungjawabkan. AB3, AB4 dan AB8 menyatakan individu yang melakukan kesalahan perlu dipertanggungjawabkan. AB9 menyatakan individu yang dibuktikan bersalah perlu dipersalahkan dengan liabiliti turut melibatkan peringkat atas. AP1 menyebut calon, manakala AP12, AP13 dan AP14 menyatakan presiden, bendahari dan setiausaha. AP16 menyatakan dua entiti iaitu pegawai utama parti seperti bendahari atau SU serta individu yang menerima dana tidak sah. AP22 dan AP29 menyatakan pegawai kewangan atau individu yang meluluskan transaksi perlu dipertuduhkan. AP24 menegaskan mereka yang mengetahui dan meluluskan kesalahan perlu dipertanggungjawabkan. AP25 dan AP27 menekankan liabiliti

individu bagi memastikan pematuhan serius. AP32 menyatakan pertanggungjawaban bermula dengan individu yang diberi mandat mengurus dana. AP8 menyatakan individu yang melakukan kesalahan sama ada perseorangan atau kumpulan perlu dipertanggungjawabkan. BU1 menyebut calon dan presiden. NGO1 dan NGO3 menyatakan individu yang melakukan kesalahan. NGO11 menyatakan individu yang mempunyai tanggungjawab langsung terhadap pengurusan dana. P2 menyebut presiden atau pihak yang memegang dana di peringkat bawah. P4 menyatakan ahli lembaga pengurusan dan presiden. P5 menyatakan mereka yang mengurus dan menerima dana perlu dipertanggungjawabkan. P8 menyebut presiden, bendahari dan secretary. P9 menyatakan prinsip pertanggungjawaban perlu berdasarkan tahap penglibatan dan pengetahuan individu. SR1 menyatakan pihak yang menyediakan dan meluluskan kertas kerja perlu dipertanggungjawabkan. TU1 menyatakan semua ahli jawatankuasa tertinggi. A10 dan A13 menekankan kepimpinan tertinggi tidak boleh melepaskan diri jika mengetahui atau mendapat manfaat daripada kesalahan.

Sebahagian informan pula berpandangan liabiliti perlu dikenakan kepada parti sebagai entiti. A21 menyatakan daripada segi kesalahan, parti perlu dipertanggungjawabkan. A3 dan A4 berpandangan tindakan terhadap parti lebih praktikal. AP20 menyatakan kesalahan adalah kesalahan parti sebagai entiti. AP30 menyatakan parti sebagai entiti perlu dipertanggungjawabkan khususnya dari sudut penalti pentadbiran. AP34 menyatakan undang-undang perlu membenarkan pertuduhan terhadap parti sebagai entiti. NGO13 menyatakan kepentingan memperuntukkan liabiliti korporat terhadap parti politik. PP1 menyatakan pelanggaran dipertanggungjawabkan kepada the office.

Terdapat juga pandangan yang mencadangkan gabungan liabiliti individu dan parti atau pendekatan berasaskan fakta kes. A1 menyatakan ahli lembaga pengurusan

serta pihak tertentu yang terbukti terlibat perlu dipertanggungjawabkan. A5 menyatakan jika melibatkan salah laku individu yang mengendalikan dana, individu tersebut perlu dikenakan tindakan, manakala jika melibatkan parti, parti boleh digantung. A6 menyatakan semua yang terlibat. A9 menyatakan bergantung kepada fakta kes; jika kelemahan sistem, parti bertanggungjawab, jika tindakan individu di luar mandat, individu tersebut dipertuduhkan. AP23 menyatakan pertanggungjawaban perlu dikenakan kepada individu dan juga parti sebagai entiti bergantung kepada tahap penglibatan. AP26 menyatakan individu yang terlibat secara langsung perlu dipertuduhkan manakala parti boleh dikenakan tindakan pentadbiran. AP28 dan AP35 menegaskan penentuan perlu berdasarkan fakta kes dan tahap penglibatan. AP31 menyatakan undang-undang perlu memperincikan kategori tanggungjawab sama ada individu atau kolektif. AP33 menyatakan struktur kepimpinan tidak boleh terlepas daripada tanggungjawab. BC3 menyebut liabiliti individu dan liabiliti korporat terhadap parti sebagai entiti. NGO8 dan NGO12 menyatakan tanggungjawab boleh dikenakan di pelbagai peringkat. NGO14 dan YK1 menyatakan pendekatan terbaik ialah gabungan tanggungjawab individu dan entiti parti. P7 menyatakan pimpinan tertinggi perlu dipertanggungjawabkan secara bersama. AP17 dan AP18 menyatakan tanggungjawab di peringkat bahagian atau pemegang jawatan tertinggi di peringkat masing-masing. AP21 menyatakan ia subjektif dan sukar menentukan satu pihak sahaja.

Secara keseluruhannya, Rajah ini menunjukkan tiga pendekatan utama iaitu liabiliti individu yang mempunyai kawalan langsung terhadap dana, liabiliti parti sebagai entiti, serta pendekatan gabungan yang berasaskan fakta kes dan tahap penglibatan bagi memastikan pertanggungjawaban yang adil, telus dan berkesan dalam penguatkuasaan undang-undang berkaitan dana politik.

6.5.9.3 Soalan 43:Sekiranya didapati kesalahan berlaku di peringkat parti komponen, siapakah yang akan dipertuduhkan?



Rajah 6.5.9.3 Penentuan Pihak yang Bertanggungjawab terhadap Pelanggaran atau Kesalahan Dana Politik

Berdasarkan Rajah ini, majoriti informan berpandangan bahawa pertuduhan sekiranya berlaku kesalahan di peringkat parti komponen wajar dikenakan kepada parti komponen itu sendiri sebagai entiti yang mempunyai struktur, kepimpinan dan pengurusan kewangan tersendiri. A13 menegaskan bahawa parti komponen yang terlibat secara langsung perlu dipertanggungjawabkan kerana mereka mempunyai struktur dan autonomi kewangan sendiri. A14, A15, A16, A17, A18, A19, A20 dan A21 secara konsisten menyatakan bahawa “parti komponen tu lah, parti yang terlibat.” AP12 dan AP13 menyatakan parti yang melakukan kesalahan perlu dipertanggungjawabkan. AP17, AP18 dan AP19 menegaskan bahawa jika parti komponen yang melakukan kesalahan, parti komponen lain tidak perlu menanggung kesalahan tersebut. AP20 berpandangan bahawa sama ada accounting unit atau parti sebagai entiti lebih wajar dipertanggungjawabkan berbanding individu semata-mata. AP26 menyatakan sekiranya kesalahan berpunca daripada kelemahan sistemik, parti komponen sebagai entiti perlu dipertuduhkan. AP30 dan AP35 pula menyatakan parti induk hanya wajar dipertanggungjawabkan jika terdapat bukti jelas wujud arahan, pengetahuan atau

kegagalan pengawasan di peringkat pusat. AP33 menegaskan parti komponen tidak wajar berlindung di sebalik parti induk sekiranya mempunyai struktur kewangan sendiri. NGO1 menyatakan parti komponen itu sendiri perlu bertanggungjawab, manakala NGO12 menyatakan undang-undang perlu mengiktiraf parti komponen sebagai entiti yang boleh dipertanggungjawabkan. NGO8 menyokong pertanggungjawaban yang jelas di peringkat parti komponen. P7 menyatakan parti komponen mempunyai tanggungjawab sendiri sebagai entiti. PP1 menyatakan sekiranya berlaku pelanggaran, komponen tersebut yang perlu bertanggungjawab. A10 menekankan bahawa mengaitkan semua kesalahan komponen kepada parti induk boleh melemahkan akauntabiliti di peringkat bawahan. AP31 dan P9 pula menekankan keperluan kejelasan perundangan dalam pembahagian tanggungjawab antara parti induk dan komponen. NGO13 dan NGO14 mencadangkan pendekatan yang adil dan berlapis, manakala YK1 menyatakan pendekatan ini menggalakkan disiplin dan pematuhan di semua peringkat parti.

Pada masa yang sama, sebahagian besar informan juga menegaskan bahawa liabiliti tidak boleh terhad kepada entiti semata-mata, sebaliknya perlu dikenakan kepada individu yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan kelulusan dana. A2 menyatakan pengerusi perlu bertanggungjawab, manakala A6 dan NGO4 menyebut bendahari. A4 dan A5 menegaskan individu yang melakukan kesalahan perlu dipertanggungjawabkan secara langsung. A7 menyatakan setiap accounting unit bertanggungjawab ke atas akaun masing-masing. A8 menyatakan kepimpinan dan pegawai yang mengurus kewangan di peringkat parti komponen perlu dipertuduhkan. A9 menyatakan tindakan perlu difokuskan kepada pihak yang benar-benar terlibat kecuali jika terdapat bukti penglibatan pusat. AB2 menyebut presiden atau pengerusi perlu dipersalahkan, manakala AB3 dan AB8 menekankan pencarian individu pelaku sebenar. AD1 menyatakan undang-undang perlu menyebut dengan jelas siapa individu yang bertanggungjawab

seperti presiden atau timbalan. AP1 menyebut ketua parti, AP2 menyebut individu yang menerima dana, AP11 mencadangkan pelantikan person-in-charge, manakala AP14 dan AP15 menyebut presiden, bendahari, setiausaha dan pengerusi komponen. AP16 menegaskan pemimpin di peringkat komponen yang perlu dipertanggungjawabkan. AP22, AP23, AP24, AP25, AP27, AP28 dan AP32 secara terperinci menyatakan bahawa individu yang mempunyai kuasa kawalan, pengurusan dan kelulusan dana perlu dipertuduhkan terlebih dahulu. AP5 menegaskan pelaku dan pihak yang mengetuai perlu dipersalahkan bersama. BC3 menyatakan pertuduhan wajar dikenakan kepada individu yang terlibat secara langsung jika struktur kewangan dibuat secara berasingan. BU1 membangkitkan isu tanggungjawab pengarah sekiranya pekerja melakukan kesalahan. NGO10 dan NGO11 menekankan pertanggungjawaban kepada individu yang diberi tanggungjawab mengurus dana. P5 dan P6 menyatakan mereka yang meluluskan dan mengurus dana perlu dirujuk dan dipertanggungjawabkan. SU1 menyatakan semua jawatankuasa dari pengerusi hingga ahli perlu bertanggungjawab. TU1 menegaskan presiden mesti bertanggungjawab kerana diberi mandat.

Secara keseluruhannya, Rajah ini menunjukkan dua aliran utama pandangan iaitu pertanggungjawaban parti komponen sebagai entiti yang mempunyai struktur dan autonomi sendiri, serta pertanggungjawaban individu yang memegang kuasa, mengurus dan meluluskan dana, dengan penekanan bahawa tindakan perlu berasaskan penglibatan sebenar dan kejelasan peruntukan undang-undang.

6.5.10 LAIN-LAIN

6.5.10.1 Soalan 44: Selain daripada cadangan yang telah dibincangkan, apakah lagi dasar atau langkah tambahan yang wajar dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk dimasukkan dalam RUU ini?

Rajah 6.5.10.1 Faktor Kejayaan dan Keberkesanan Pelaksanaan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik

Rajah ini menunjukkan pelbagai cadangan dasar dan langkah tambahan yang dicadangkan untuk dimuatkan dalam RUU berkaitan pendanaan politik. A10 mencadangkan mekanisme penglibatan awam yang lebih jelas termasuk saluran aduan formal dan perlindungan pemberi maklumat, manakala P9 turut menekankan keperluan mekanisme aduan awam yang selamat dan mudah diakses. AP25 dan NGO11 secara khusus menegaskan kepentingan perlindungan whistleblower sebagai komponen penting penguatkuasaan. A11 mencadangkan garis panduan crowdfunding diperkuatkan, manakala AP15 mencadangkan had maksimum sumbangan termasuk bagi anonymous donor. AP5 mencadangkan larangan kemasukan dana besar dari luar. P6 pula mencadangkan undang-undang memperincikan cara mendapatkan sumber dana.

Dari sudut pendidikan dan pembudayaan pematuhan, A13, A8, AP1, AP12, AP22, AP32, NGO10 dan NGO6 menekankan keperluan latihan berkala, pendidikan,

kesedaran dan pembinaan kapasiti kepada parti politik serta pegawai kewangan. AP16 mencadangkan pendidikan demokrasi nasional sejak peringkat sekolah serta dashboard digital yang telus untuk rakyat. AB7 dan AB9 menyokong reformasi bagi meningkatkan tadbir urus negara. NGO5 menegaskan kepentingan good governance sebagai asas utama. MGO2 mencadangkan peruntukan peratusan tertentu untuk latihan wanita dan pembangunan kapasiti.

Beberapa informan menekankan aspek penguatkuasaan dan kebebasan institusi. AD2 menegaskan penguatkuasaan sebagai elemen paling penting. AP20 mencadangkan penguatkuasaan perbelanjaan pilihan raya diperketatkan. AP8 menyatakan kelemahan pelantikan dan penguatkuasaan SPR dan SPRM perlu diperbetulkan. BU1 dan BU2 mencadangkan badan seperti SPRM dan AG diletakkan di bawah badan bebas yang tidak tertakluk kepada Pejabat Perdana Menteri. AD1 menegaskan undang-undang perlu diletakkan secara langsung di bawah Parlimen dan bebas daripada campur tangan eksekutif. TU1 mencadangkan undang-undang yang lebih moden dan bebas diperkenalkan.

Dari segi penggunaan teknologi dan sistem digital, A9, AP27, AP29 dan NGO12 mencadangkan sistem pelaporan digital bersepadu dan standard diwajibkan bagi semua parti untuk meningkatkan ketelusan, pemantauan dan audit. SU1 mencadangkan setiap parti mengadakan mesyuarat khas pendanaan yang diminitkan dan boleh diakses oleh badan kawal selia pada bila-bila masa.

Beberapa informan turut mencadangkan pendekatan pelaksanaan berperingkat dan tempoh peralihan. AP23 dan AP30 mencadangkan tempoh peralihan sebelum penguatkuasaan penuh dilaksanakan. NGO13 dan P7 mencadangkan mekanisme peralihan serta moratorium bagi kesalahan teknikal awal. NGO6 turut mencadangkan tempoh percubaan sebelum tindakan tegas diambil. AP26 dan NGO8 mencadangkan pendekatan penguatkuasaan berperingkat termasuk

penalti pentadbiran sebelum tindakan jenayah. AP28 mencadangkan insentif bukan kewangan seperti penarafan pematuhan bagi menggalakkan pematuhan sukarela.

Dari sudut semakan dan dinamik undang-undang, AP24, BC3, NGO14 dan YK1 mencadangkan peruntukan semakan berkala, contohnya setiap lima tahun, oleh Parlimen bagi memastikan undang-undang kekal relevan dengan perubahan landskap politik dan teknologi. AP31 mencadangkan kerjasama berterusan dengan masyarakat sivil, pakar akademik dan badan profesional. P3 menekankan keperluan menambah baik prosedur berkaitan konflik kepentingan dan related parties khususnya apabila parti menjadi kerajaan. PP1 pula menyatakan peruntukan perlu terpakai kepada semua parti politik. P10 berpandangan bahawa setakat ini cadangan sedia ada adalah memadai.

Secara keseluruhannya, Rajah ini memperlihatkan bahawa cadangan tambahan untuk dimuatkan dalam RUU merangkumi pengukuhan mekanisme aduan dan perlindungan pemberi maklumat, pendidikan dan pembinaan kapasiti, penguatkuasaan yang bebas dan berkesan, penggunaan teknologi digital bersepadu, pendekatan pelaksanaan berperingkat serta semakan berkala undang-undang bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti dan keberkesanan pelaksanaan dalam jangka panjang.

6.5.11 RUMUSAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan wujud konsensus yang kuat dalam kalangan informan terhadap keperluan penggubalan undang-undang khusus berkaitan pendanaan politik di Malaysia. Majoriti berpandangan bahawa sistem sedia ada tidak lagi mencukupi untuk menjamin ketelusan dan akauntabiliti, justeru satu kerangka perundangan yang komprehensif perlu diwujudkan bagi mengawal sumber, pengurusan, pelaporan dan penguatkuasaan

dana politik secara lebih sistematik. Rasional utama yang dikemukakan merangkumi pencegahan rasuah dan salah guna kuasa, pengurangan konflik kepentingan, penyeragaman garis panduan antara parti politik serta pengukuhan integriti dan keyakinan awam terhadap sistem demokrasi.

Dari segi reka bentuk institusi, sebahagian besar informan menyokong penubuhan badan kawal selia bebas yang diletakkan di bawah Parlimen, dengan struktur yang profesional, autonomi dan bebas daripada pengaruh eksekutif. Walaupun terdapat pandangan alternatif untuk memperkasa agensi sedia ada seperti SPR atau SPRM, kecenderungan umum menunjukkan keperluan kepada entiti khusus yang mempunyai kuasa pemantauan, audit dan penyelarasan dasar. Penubuhan lembaga penasihat turut dilihat sebagai mekanisme semak dan imbang tambahan yang boleh meningkatkan kredibiliti serta ketelusan institusi kawal selia tersebut.

Dalam aspek sumber pendanaan, dapatan memperlihatkan pendekatan yang bersifat bersyarat dan terkawal. Dana kerajaan secara prinsipnya diterima dengan had tertentu dan formula pengagihan yang objektif, manakala dana swasta dibenarkan tertakluk kepada rekod lengkap, had maksimum dan larangan konflik kepentingan. Majoriti informan cenderung menolak sumbangan tanpa identiti atau sekurang-kurangnya mencadangkan had yang sangat rendah dan mekanisme kawalan ketat. Sumbangan daripada syarikat milikan asing dan syarikat yang mempunyai kontrak aktif dengan kerajaan pula menunjukkan kecenderungan kuat ke arah larangan penuh atau sekatan yang jelas atas dasar kedaulatan negara dan integriti pentadbiran.

Berkaitan mekanisme pelaksanaan, informan secara konsisten menekankan bahawa semua sumbangan perlu melalui akaun rasmi parti, menggunakan kaedah tanpa tunai dan boleh dijejak, serta direkod secara sistematik. Bendahari

atau pegawai kewangan rasmi parti dikenal pasti sebagai pihak utama yang bertanggungjawab terhadap pelaporan, dengan laporan perlu dibuat sekurang-kurangnya secara tahunan dan diaudit sama ada oleh juruaudit dalaman, juruaudit bebas atau gabungan kedua-duanya. Pendedahan kepada umum turut mendapat sokongan meluas sebagai elemen penting ketelusan dan pendidikan politik, walaupun sebahagian mencadangkan pendedahan dibuat secara berperingkat bagi melindungi maklumat sensitif.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menggambarkan kesediaan komuniti pakar untuk menerima reformasi pendanaan politik yang lebih tersusun dan berintegriti. Prinsip utama yang mendasari semua cadangan ialah ketelusan, akauntabiliti, kawalan risiko dan keadilan persaingan politik. Walaupun terdapat perbezaan pandangan dalam aspek teknikal dan pelaksanaan, arah umum dapatan menunjukkan sokongan terhadap satu sistem pendanaan politik yang lebih teratur, berstruktur dan selaras dengan amalan demokrasi moden.

6.6 RUMUSAN BAB

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual dan FGD menunjukkan wujud **sokongan yang meluas dan merentas latar informan** terhadap keperluan penggubalan undang-undang khusus berkaitan pendanaan politik di Malaysia. Keperluan ini dilihat sebagai langkah yang telah lama tertangguh kerana kerangka sedia ada dianggap tidak mencukupi untuk menutup ruang amalan politik wang, mengawal aliran dana yang semakin kompleks, serta membezakan secara jelas antara sumbangan politik yang sah dengan perbuatan rasuah atau salah guna kuasa. Dalam masa yang sama, penggubalan undang-undang baharu turut dilihat sebagai mekanisme untuk mengurangkan ketidakseragaman piawaian pengurusan dana antara parti, calon dan pihak berkaitan, serta membantu memulihkan keyakinan awam terhadap integriti proses demokrasi.

Dari segi **skop pemakaian**, dapatan memperlihatkan kecenderungan kuat bahawa undang-undang pendanaan politik perlu bersifat menyeluruh dan tidak terhad kepada parti politik di peringkat pusat semata-mata. Informan menekankan pemakaian yang meliputi pelbagai peringkat organisasi parti, calon, penyumbang, serta entiti perantara yang berfungsi sebagai saluran tidak langsung. Walau bagaimanapun, ramai informan turut menegaskan keperluan pendekatan yang praktikal dan fleksibel, khususnya mengambil kira perbezaan kapasiti pentadbiran di peringkat akar umbi, serta realiti geografi dan kos politik yang berbeza antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan undang-undang yang berkesan perlu menyeimbangkan prinsip ketelusan dengan kebolehlaksanaan pelaksanaan di lapangan.

Dapatan juga menonjolkan bahawa keberkesanan RUU sangat bergantung kepada **reka bentuk institusi kawal selia**. Terdapat kecenderungan dominan untuk mewujudkan badan kawal selia yang mempunyai tahap kebebasan, profesionalisme dan autonomi yang tinggi, dengan mekanisme semak dan imbang yang jelas, termasuk pertimbangan terhadap peranan Lembaga Penasihat. Walaupun terdapat pandangan alternatif untuk memperkasakan agensi sedia ada, naratif utama menegaskan bahawa isu yang paling kritikal ialah **keyakinan terhadap kebebasan, proses pelantikan yang telus, pembahagian kuasa yang jelas, serta pencegahan "pendakwaan terpilih"**. Dalam konteks ini, kejelasan mandat, fungsi dan sempadan kuasa antara pemantauan, audit, siasatan dan pendakwaan menjadi elemen teras yang perlu dimuktamadkan.

Bagi **sumber pendanaan dan had sumbangan**, dapatan menunjukkan pendekatan yang cenderung bersifat terkawal dan berasaskan risiko. Terdapat sokongan kuat untuk menyekat atau melarang sumber yang berisiko tinggi seperti dana yang tidak sah, sumbangan yang tidak boleh dikenal pasti, dana asing yang boleh menjejaskan kedaulatan, serta sumbangan daripada entiti yang

mempunyai konflik kepentingan, khususnya syarikat yang berkaitan perolehan kerajaan. Pada masa yang sama, majoriti informan menekankan bahawa mekanisme penerimaan dana perlu dipusatkan melalui akaun rasmi parti, mengutamakan kaedah tanpa tunai yang boleh dijejaki, dan disokong prosedur operasi standard yang jelas, termasuk penentuan pegawai yang bertanggungjawab dan larangan penggunaan dana untuk tujuan peribadi.

Dari sudut **pelaporan, audit, pendedahan kepada umum dan penguatkuasaan**, dapatan secara konsisten menunjukkan bahawa ketelusan yang bermakna memerlukan pelaporan yang terperinci, audit yang kredibel, serta pendedahan awam yang berstruktur. Walaupun terdapat kebimbangan tentang privasi dan risiko sabotaj terhadap penderma, cadangan "pendedahan dua lapis" yang membezakan ringkasan awam dan laporan penuh menunjukkan satu jalan tengah yang praktikal. Dalam hal penguatkuasaan, informan menekankan keperluan membezakan kesalahan teknikal dan kesalahan substantif, menetapkan liabiliti secara adil kepada individu yang mempunyai kawalan dan pengetahuan, serta mengiktiraf pertanggungjawaban parti sebagai entiti, termasuk parti komponen. Keseluruhannya, sistem penalti perlu dilihat bukan semata-mata menghukum, tetapi membina disiplin pematuhan melalui piawaian yang jelas, penguatkuasaan konsisten dan pendidikan pematuhan berterusan.

Kesimpulannya, dapatan kajian kualitatif ini menggambarkan **kesediaan yang tinggi** dalam kalangan komuniti pakar dan pemegang taruh untuk menerima reformasi pendanaan politik yang lebih tersusun, telus dan berintegriti. Walaupun wujud perbezaan pandangan dalam aspek teknikal seperti tahap pendedahan, model institusi dan kadar had sumbangan, semua tema utama bertemu pada prinsip yang sama, iaitu **ketelusan, akauntabiliti, kawalan risiko, keadilan persaingan politik dan kebolehpercayaan institusi**. Oleh itu, dapatan Bab ini menyediakan asas yang kukuh untuk merumuskan cadangan akhir RUU Pendanaan Politik yang praktikal, berkesan dan diyakini rakyat, termasuk

keperluan memastikan undang-undang tersebut bersifat responsif terhadap konteks tempatan, cabaran teknologi baharu, serta keperluan membina budaya pematuhan dalam ekosistem politik negara.

7 | BAB 7

LAPORAN TRIANGULASI CADANGAN PENGGUBALAN AKTA PENDANAAN POLITIK DI MALAYSIA

7.1 PENDAHULUAN

Sistem politik yang matang dan berintegriti memerlukan tunjang kejujuran dalam urusan kewangan bagi memastikan proses demokrasi tidak dicemari oleh pengaruh yang tidak wajar. Selaras dengan tuntutan rakyat untuk melakukan reformasi institusi secara menyeluruh, pemahaman mendalam mengenai mekanisme perolehan dan perbelanjaan dana politik telah menjadi faktor penentu dalam membina semula kepercayaan awam terhadap kedaulatan undang-undang di Malaysia. Laporan triangulasi ini merupakan sintesis komprehensif yang menggabungkan dapatan daripada tiga instrumen kajian utama: analisis deskriptif tinjauan persepsi awam yang melibatkan 3,422 responden, kajian persepsi pakar melalui perbincangan kumpulan fokus (FGD) yang melibatkan 103 informan merentas pelbagai zon, serta siri temu bual mendalam bersama 14 orang tokoh-tokoh utama dalam bidang akademik, politik, korporat, dan perundangan.

Keabsahan/validiti laporan ini disokong oleh ketegasan metodologi statistik yang melibatkan proses pemberatan (*weighting*) berdasarkan data rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi memastikan dapatan tinjauan mencerminkan realiti demografi nasional secara tepat. Penggunaan perisian analisis kualitatif ATLAS.ti 25 dalam memproses transkrip temu bual pula membolehkan pengenalpastian tema-tema besar dengan tahap kepadatan kod (code density) yang tinggi, terutamanya dalam aspek integriti dan ketelusan. Melalui pendekatan triangulasi ini, laporan ini membentangkan analisis mendalam yang merangkumi sepuluh parameter utama penggubalan undang-undang pendanaan politik, bermula daripada keperluan asas sehingga kepada mekanisme penguatkuasaan yang kompleks.

Kategori	Sub-Kategori	Count	% of Sample	DOSM %	Weighted %
Etnik	Melayu	1742	50.91%	58.00%	57.92%
	Cina	675	19.73%	22.60%	22.63%
	India	213	6.22%	6.60%	6.65%
	Bumiputera	770	22.50%	12.40%	12.31%
	Lain-lain	22	0.64%	0.50%	0.49%
Jantina	Lelaki	1650	48.22%	51.50%	52.14%
	Perempuan	1772	51.78%	48.50%	47.86%
Umur	18–24 tahun	-	34.00%	-	-
	35–44 tahun	-	23.77%	-	-

Jadual 6.5.11.1 Profil Demografi Berwajaran dan Taburan Responden

Analisis terhadap profil demografi menunjukkan bahawa wacana mengenai pendanaan politik kini digerakkan oleh golongan muda dan berpendidikan tinggi. Kumpulan umur 18–24 tahun merangkumi 34.00% daripada responden, yang menandakan bahawa pengundi "Undi18" mempunyai kesedaran kritikal terhadap pengurusan kerajaan yang telus. Selain itu, kehadiran lebih 53% responden yang memiliki ijazah sarjana muda dan pascasiswazah menunjukkan bahawa tuntutan terhadap undang-undang ini datang daripada masyarakat yang mempunyai literasi tinggi terhadap tadbir urus negara. Dari perspektif ekonomi, majoriti responden (52.68%) tergolong dalam kumpulan pendapatan B40, yang mencerminkan bahawa aspirasi untuk membersihkan dana politik bukan sekadar isu elit, tetapi merupakan tuntutan rakyat biasa yang mahukan keadilan melalui pembersihan sistem kewangan politik.

7.2 PARAMETER 1: KEPERLUAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PENDANAAN POLITIK

Dapatan triangulasi menunjukkan **wujudnya kesepakatan mutlak di peringkat awam dan pakar bahawa penggubalan undang-undang khusus berkaitan pendanaan politik di Malaysia bukan lagi satu pilihan, tetapi merupakan satu keperluan mendesak yang sudah lama tertangguh (*long overdue*)**. Data kuantitatif menyokong naratif ini dengan 88.24% responden tinjauan bersetuju bahawa Malaysia memerlukan undang-undang untuk mengawal sumbangan dana politik supaya ia lebih telus dan adil. Keyakinan ini didorong oleh persepsi bahawa undang-undang tersebut mampu menjadi mekanisme ampuh dalam mengurangkan masalah rasuah sistemik yang sering dikaitkan dengan perolehan dana parti politik.



Rajah 6.5.11.1 Triangulasi konsensus keperluan undang-undang berkaitan pendanaan politik

Dari perspektif pakar, justifikasi utama bagi keperluan ini berakar umbi daripada kegagalan sistem sedia ada untuk menangani amalan politik wang yang telah menjadi barah dalam ekosistem demokrasi. Informan perundangan menyifatkan sumbangan politik tanpa kawalan sebagai "ibu segala rasuah" (*the mother of*

corruption), di mana ketiadaan garis pemisah yang jelas antara dana politik yang sah dan suapan rasuah telah merosakkan integriti persaingan politik. Analisis kualitatif menunjukkan bahawa struktur tadbir urus politik Malaysia yang semakin kompleks memerlukan satu "garisan asas" yang menetapkan tanggungjawab dan jangkaan yang jelas kepada semua pihak guna berfungsi sebagai mekanisme pencegahan awal.

Selain itu, keperluan undang-undang ini dikaitkan dengan usaha memperkukuh tadbir urus dan integriti demokrasi. Pakar akademik menekankan bahawa pendanaan politik melibatkan jumlah kewangan yang sangat besar, dan ketiadaan kawalan membolehkan pengaruh penderma tertentu mengawal keputusan kerajaan secara tidak wajar. Dari sudut pimpinan politik pula, akta ini dilihat sebagai perlindungan terhadap "pendakwaan terpilih", di mana undang-undang yang standard diperlukan untuk mengelakkan amalan piawaian berganda dalam menilai kesahihan dana yang diterima oleh sesebuah parti.

Implikasi daripada penggubalan akta ini dijangka akan mencetuskan perubahan budaya kerja dalam organisasi politik. Parti-parti politik perlu mula melihat pengurusan kewangan sebagai tanggungjawab institusi yang memerlukan dokumentasi dan audit yang rapi, bukannya sekadar urusan dalaman yang fleksibel. Walaupun terdapat segelintir kecil responden yang ragu-ragu terhadap pematuhan ahli politik, majoriti pakar berpendapat bahawa kewujudan akta ini akan memaksa parti lebih berhati-hati dalam menerima dan membelanjakan dana, sekali gus meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa berkaitan indeks persepsi rasuah.

7.3 PARAMETER 2: RANGKUMAN PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

Penentuan peringkat pemakaian undang-undang merupakan aspek kritikal bagi mengelakkan wujudnya kelompongan (*loopholes*) yang boleh dieksploitasi untuk menyalurkan dana secara tidak telus. Berdasarkan analisis triangulasi, **majoriti informan dan responden menegaskan bahawa akta ini mestilah mempunyai rangkuman yang menyeluruh dan tidak terhad kepada parti politik semata-mata**. Data tinjauan menunjukkan 55.70% rakyat mahu undang-undang ini merangkumi kedua-dua parti politik dan calon individu, manakala 84.18% mahukan ia terpakai untuk semua peringkat pilihan raya, termasuk Pilihan Raya Umum (PRU) dan Pilihan Raya Negeri (PRN).



Rajah 6.5.11.1 Triangulasi konsensus rangkuman pemakaian undang-undang

Pakar dalam sesi FGD mencadangkan agar pemakaian undang-undang meliputi semua peringkat struktur parti, daripada kepimpinan tertinggi (*grassroots*)

sehingga ke peringkat cawangan dan bahagian. Hal ini penting kerana aktiviti pengumpulan dan penggunaan dana sering kali berlaku secara aktif di peringkat akar umbi. Walau bagaimanapun, terdapat cadangan agar pelaksanaan ini bersifat fleksibel; peraturan utama kekal seragam, tetapi tahap pematuhan dan pelaporan perlu disesuaikan mengikut kapasiti pentadbiran bahagian atau cawangan kecil supaya tidak terlalu membebankan.

Subjek Pemakaian	Justifikasi Rangkuman
Parti Politik	Entiti utama yang menguruskan dana jangka panjang.
Calon Individu	Termasuk calon bebas bagi menjamin keadilan persaingan.
Ejen Pilihan Raya	Pihak yang bertanggungjawab secara langsung dalam urusan kewangan kempen.
Entiti "*Alter Ego*"	NGO atau syarikat milik parti yang sering digunakan sebagai saluran dana proksi.
Pemegang Jawatan	Merangkumi Ahli Parlimen, ADUN, dan Ahli Majlis Tertinggi.

Jadual 6.5.11.1 Skop Subjek dalam Pemakaian Undang-Undang

Analisis kualitatif turut menonjolkan kepentingan mengambil kira realiti geografi dalam pemakaian undang-undang. Di Sarawak dan Sabah, kos berkempen di kawasan pedalaman yang luas menuntut pendekatan logistik yang berbeza, seperti penggunaan bot dan pengangkutan udara. Oleh itu, undang-undang ini tidak seharusnya bersifat "satu saiz untuk semua" (*one size fits all*), sebaliknya perlu mempunyai peruntukan yang sensitif terhadap perbezaan konteks lokal. Selain itu, pemakaian akta ini perlu bersifat sepenuh masa (sebelum, semasa, dan selepas pilihan raya) bagi memastikan pemantauan berterusan terhadap wakil rakyat yang telah menang serta mengelakkan strategi penerimaan dana lebih awal oleh calon.

Pakar perundangan mendesak agar definisi "entiti yang dikawal" dalam akta tersebut diperluaskan bagi merangkumi syarikat milik parti dan badan-badan berkanun negeri guna menutup ruang bagi penderma mengalihkan sumbangan kepada entiti perantara. Dengan rangkuman yang menyeluruh ini, integriti keseluruhan ekosistem politik dapat dipelihara daripada pengaruh kewangan yang tidak dilesenkan.

7.4 PARAMETER 3: PENGWUJUDAN BADAN KAWAL SELIA DANA POLITIK

Parameter ketiga memfokuskan kepada keperluan institusi yang bertanggungjawab sebagai agensi pelaksana. Sebanyak 86.32% rakyat menunjukkan keinginan jelas terhadap pembaharuan institusi melalui penubuhan badan pengawal selia yang khusus. Terdapat perbezaan pandangan mengenai model badan yang paling sesuai, **namun majoriti informan cenderung menyokong penubuhan sebuah suruhanjaya atau badan bebas baharu yang diletakkan di bawah Parlimen bagi memastikan kebebasan dan autonomi daripada pengaruh eksekutif.**



Rajah 6.5.11.1 Triangulasi konsensus pewujudan badan kawal selia dana politik

Data tinjauan menunjukkan sokongan terhadap badan kawal selia yang baharu (34.30%) adalah lebih tinggi berbanding penggunaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedia ada (29.10%). Hal ini menggambarkan bahawa rakyat mahukan

sebuah badan yang lebih segar, bebas, dan diyakini integritinya. Bagi pakar akademik, badan bebas berkanun yang ditubuhkan melalui akta Parlimen adalah kritikal supaya ia mempunyai kuasa siasatan dan pentadbiran yang jelas tanpa tekanan politik semasa.

Terdapat juga aliran pemikiran yang mencadangkan pemerkasaan agensi sedia ada seperti SPR, SPRM, atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) bagi menjimatkan kos dan mengelakkan pertindihan fungsi. Walau bagaimanapun, risiko bias atau keutamaan tertentu (preference bias) dalam agensi sedia ada menjadi kebimbangan utama informan akademik. Jika badan baharu ditubuhkan, strukturnya dicadangkan merangkumi lembaga utama yang menetapkan dasar serta sekretariat profesional yang mengurus operasi harian secara teknokratik.

Dari segi kuasa, majoriti informan bersetuju bahawa badan kawal selia perlu diberikan kuasa pemantauan dan audit yang kukuh, termasuk kuasa memanggil maklumat dan dokumen daripada parti politik. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan kepada model kolaboratif dalam aspek penguatkuasaan; badan kawal selia bertindak sebagai pemantau dan penyiasat awal, manakala tindakan pendakwaan penuh diserahkan kepada Peguam Negara atau agensi penguatkuasaan jenayah sedia ada guna memastikan keseimbangan sistem dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

7.5 PARAMETER 4: KEPERLUAN LEMBAGA PENASIHAT

Pewujudan Lembaga Penasihat kepada badan kawal selia dilihat sebagai mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) yang kritikal bagi meningkatkan kredibiliti institusi. Analisis kualitatif menunjukkan hubung kait yang kuat antara kewujudan lembaga ini dengan peningkatan kepercayaan awam terhadap sistem pendanaan politik. **Majoriti informan menyokong penubuhan**

entiti ini sebagai platform untuk mendapatkan pandangan profesional dalam isu-isu teknikal dan strategik yang kompleks.



Rajah 6.5.11.1 Triangulasi konsensus keperluan lembaga penasihat

Lembaga Penasihat dicadangkan berfungsi sebagai badan rujukan strategik guna memastikan dasar dan garis panduan badan kawal selia sentiasa konsisten serta tidak dipengaruhi kepentingan politik semasa. Komposisi keanggotaan lembaga ini mestilah melibatkan individu berintegriti tinggi daripada pelbagai latar belakang, termasuk pakar undang-undang, akauntan, bekas hakim, serta wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Peranan Lembaga Penasihat	Justifikasi Mekanisme
Nasihat Strategik	Memberikan pandangan luas mengenai dasar dan hala tuju.
Semak & Imbang	Memastikan badan kawal selia tidak bertindak secara terasing.
Kredibiliti Institusi	Meningkatkan legitimasi melalui pelibatan pakar bebas.
Pengurusan Isu Sensitif	Menangani pertimbangan awam yang besar secara kolektif.

Jadual 6.5.11.1 Peranan dan Justifikasi Lembaga Penasihat

Informan perundangan mencadangkan agar ahli-ahli Lembaga Penasihat ini tidak dilantik oleh cabang eksekutif (Perdana Menteri), sebaliknya melalui mekanisme Parlimen atau diwakili oleh Majlis Raja-Raja bagi menjamin kebebasan mutlak mereka. Walaupun terdapat sebahagian kecil informan yang bimbang mengenai

pertambahan lapisan birokrasi, majoriti melihatnya sebagai instrumen penting untuk mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa oleh badan kawal selia itu sendiri. Dengan adanya struktur yang ringkas tetapi berkesan, Lembaga Penasihat dapat menyumbang kepada kestabilan dan kesinambungan dasar pendanaan politik negara.

7.6 PARAMETER 5: PENDANAAN POLITIK



Rajah 6.5.11.1 Triangulasi konsensus pendanaan politik

Analisis mengenai sumber dana politik mendedahkan pendirian yang sangat jelas dalam kalangan rakyat dan pakar mengenai apa yang dibenarkan dan apa yang dilarang. Secara umum, 78.73% responden awam bersetuju bahawa dana parti politik perlu diisytiharkan secara terbuka, manakala 68.60% menyokong pengenaan had ke atas sumbangan daripada individu atau entiti.

Satu penemuan utama dalam tinjauan adalah penolakan terhadap sumbangan asing. Sebanyak 64.29% responden menolak sumbangan daripada kerajaan atau syarikat asing, manakala 60.67% menolak sumbangan daripada individu asing bukan warganegara Malaysia. Pakar dalam temu bual menegaskan bahawa larangan penuh terhadap dana asing adalah langkah keselamatan paling utama bagi menjaga kedaulatan negara dan mengelakkan campur tangan luar dalam urusan domestik. Begitu juga dengan sumbangan daripada syarikat berkaitan

kerajaan (GLC), di mana terdapat konsensus kuat bahawa wang GLC adalah wang rakyat dan tidak boleh disalurkan untuk kepentingan politik kepartian.

Kategori Sumber	Pendirian Triangulasi	Justifikasi / Syarat
Sumbangan Awam	Dibenarkan	Dengan had tertentu dan mekanisme kawalan.
Dana Asing	Dilarang	Menghalang pengaruh luar dan campur tangan asing.
Syarikat GLC	Dilarang	Wang rakyat tidak wajar digunakan untuk parti politik.
Penderma Tanpa Nama	Dilarang / Had Rendah	Menyulitkan audit dan bercanggah dengan ketelusan.
Dana Kerajaan (Awam)	Disokong Bersyarat	Untuk persaingan adil dan mengurangkan pengaruh penderma swasta.

Jadual 6.5.11.1 Status Kebenaran dan Larangan Sumber Dana Politik

Mengenai sumbangan penderma tanpa nama (*anonymous donor*), majoriti informan menolaknya atas dasar ketelusan dan audit. Ketiadaan identiti menyukarkan penilaian risiko serta membuka ruang kepada pemecahan sumbangan besar untuk mengelak pelaporan. Namun, memandangkan realiti kutipan awam seperti "tin Milo", cadangan yang dikemukakan adalah menetapkan had maksimum yang rendah (contohnya antara RM1,000 hingga RM5,000) bagi sumbangan anonymous.

Satu lagi aspek yang polaris ialah peranan kerajaan dalam menyediakan pendanaan awam (*public funding*). Walaupun terdapat penolakan atas dasar penggunaan wang rakyat, majoriti pakar melihatnya sebagai langkah progresif

untuk menyokong fungsi asas parti dan menjamin persaingan sihat, terutamanya bagi parti pembangkang. Pengagihan dana ini dicadangkan berdasarkan formula objektif seperti jumlah undi atau bilangan kerusi yang dimenangi. Selain itu, pemberian pelepasan cukai kepada penderma juga dicadangkan sebagai insentif untuk menggalakkan sumbangan yang direkodkan secara rasmi, namun ia perlu disertakan dengan had maksimum bagi memastikan keadilan sosial.

7.7 PARAMETER 6: MEKANISME/ PELAKSANAAN PENERIMAAN SUMBANGAN

Bagi memastikan integriti dalam proses penerimaan dana, mekanisme pelaksanaan perlu beralih daripada amalan tidak formal kepada sistem perakaunan institusi yang telus. **Analisis operasional menekankan kepentingan penggunaan akaun rasmi parti sebagai saluran tunggal penerimaan dana.**



Rajah 6.5.11.1 Triangulasi konsensus mekanisme/pelaksanaan penerimaan sumbangan

Informan bersetuju bahawa tanggungjawab menerima sumbangan mestilah diletakkan di bawah pegawai atau unit kewangan yang dilantik secara rasmi, seperti bendahari. Penggunaan akaun rasmi membolehkan setiap transaksi dijejaki dan diaudit dengan jelas, sekali gus menghapuskan amalan sumbangan tunai yang tidak direkodkan. Walau bagaimanapun, pimpinan politik membangkitkan isu teknikal berkaitan sekatan perbankan terhadap individu politik (*Political Affiliated Person - PIP*) yang menyukarkan pembukaan akaun

rasmi. Kerajaan dicadangkan untuk melonggarkan syarat perbankan ini seiring dengan pengenalan akta guna memudahkan pematuhan.

Mekanisme Penerimaan	Standard Operasi yang Dicadangkan
Saluran Dana	Wajib melalui akaun bank berdaftar parti, bukan akaun peribadi.
Kaedah Transaksi	Digalakkan secara tanpa tunai (cashless) bagi tujuan kebolehkesanan.
Pihak Bertanggungjawab	Bendahari atau pegawai kewangan yang dilantik secara rasmi.
Dokumentasi	Pengeluaran resit rasmi dan penyimpanan rekod transaksi digital.
Tujuan Penggunaan	Terhad kepada operasi sah parti, kempen, dan khidmat masyarakat.

Jadual 6.5.11.1 Mekanisme dan Kawalan Penerimaan Sumbangan

Dari sudut penggunaan dana, responden tinjauan paling banyak menyokong dana digunakan untuk program khidmat masyarakat (73.55%), diikuti latihan dan pendidikan politik (63.59%). Pakar menegaskan bahawa penggunaan dana untuk kepentingan peribadi, keluarga, atau pelaburan yang tidak berkaitan dengan fungsi demokrasi parti mestilah dilarang sepenuhnya. Mekanisme kelulusan berganda (*double approval*) juga dicadangkan bagi setiap pengeluaran dana guna memastikan keselamatan dan ketelusan simpanan parti.

Keperluan penetapan jumlah minimum sumbangan yang mesti direkodkan juga dibincangkan. Walaupun terdapat pandangan bahawa setiap sen perlu direkodkan (prinsip ketelusan mutlak), sebahagian informan menyokong penetapan ambang (*threshold*) tertentu bagi tujuan kecekapan pentadbiran dan fokus audit. Ini memastikan badan kawal selia dapat menumpukan perhatian kepada sumbangan yang signifikan tanpa membebankan parti kecil dengan birokrasi yang melampau.

7.8 PARAMETER 7: MEKANISME PELAPORAN

Pelaporan kewangan yang telus dan berkala merupakan instrumen utama dalam memastikan akauntabiliti parti politik. Hasil kajian menunjukkan 81.89% responden awam bersetuju bahawa parti politik perlu diwajibkan melaporkan semua pendanaan yang melebihi jumlah tertentu. Skop pelaporan mestilah terperinci, merangkumi jumlah sumbangan, sumber mengikut kategori, perincian perbelanjaan, dan baki dana semasa.



Rajah 6.5.11.1 Triangulasi konsensus mekanisme pelaporan

Mengenai kekerapan pelaporan, laporan tahunan dilihat sebagai keperluan minimum yang perlu diwajibkan. Walau bagaimanapun, informan akademik mencadangkan laporan setiap enam bulan (setengah tahun) atau suku tahunan bagi meningkatkan tahap pemantauan. Selain pelaporan berkala, regim pelaporan yang lebih ketat dan segera (contohnya dalam tempoh 30 hingga 60 hari) diperlukan khusus untuk dana sewaktu musim pilihan raya.

Aspek Pelaporan	Standard dan Kekerapan
Kekerapan Asas	Tahunan (Diselaraskan dengan kitaran kewangan).

Kekerapan Tambahan	Suku tahunan atau laporan interim semasa pilihan raya.
Kewajipan Audit	Wajib diaudit oleh juruaudit bebas bertauliah.
Pelaksana Audit	Juruaudit luar, Jabatan Audit Negara, atau firma panel.
Skop Data	Sumber, profil penderma, tujuan guna, dan resit sokongan.

Jadual 6.5.11.1 Standard dan Mekanisme Pelaporan Kewangan

Pakar menegaskan bahawa laporan kewangan ini wajib diaudit terlebih dahulu bagi memastikan ketepatan data dan mengesan sebarang penyelewengan awal. Majoriti informan menyokong pelaksanaan audit oleh juruaudit luar yang bebas dan profesional bagi memastikan objektiviti laporan. Terdapat juga cadangan penglibatan Jabatan Audit Negara (JAN) memandangkan akta ini melibatkan kepentingan nasional yang tinggi. Bagi mengurangkan beban kos audit kepada parti kecil, kerajaan dicadangkan untuk menyediakan panel syarikat audit terpilih dengan subsidi kos pengauditan.

Tanggungjawab menyediakan laporan ini diletakkan secara langsung kepada bendahari parti atau unit kewangan pusat. Struktur pelaporan secara hierarki juga dicadangkan, di mana peringkat bahagian melaporkan kepada pusat sebelum laporan induk dikemukakan kepada badan kawal selia. Hal ini memastikan wujudnya rantaian akauntabiliti yang jelas dalam organisasi politik.

7.9 PARAMETER 8: PENDEDAHAN LAPORAN KEPADA UMUM

Persoalan mengenai tahap pendedahan maklumat kepada umum mencetuskan perbezaan pandangan yang signifikan antara aspirasi rakyat dan kebimbangan praktikal ahli politik. Data tinjauan menunjukkan lebih separuh responden

(51.72%) mahukan laporan penuh dibuka kepada orang awam, manakala 33.40% menyokong pendedahan dalam bentuk ringkasan. Rakyat berhak mengetahui siapa di belakang sesebuah parti bagi memastikan tiada agenda tersembunyi yang menjejaskan dasar negara.



Rajah 6.5.11.1 Triangulasi konsensus pendedahan laporan kepada umum

Sebaliknya, pimpinan politik lebih berhati-hati dalam aspek pendedahan identiti penderma secara terperinci. Mereka bimbang penderma mungkin disabotaj atau difitnah oleh pihak lawan jika maklumat tersebut terlalu terbuka. Oleh itu, pakar mencadangkan pendekatan pendedahan "dua lapis" (*two-layer disclosure*) sebagai jalan penyelesaian :

1. **Ringkasan Awam**: Dipaparkan melalui portal digital yang mesra pengguna, mengandungi visual grafik dan ringkasan kategori untuk pemahaman pantas masyarakat umum.
2. **Laporan Penuh**: Dokumen lengkap yang tersedia untuk tujuan semakan mendalam oleh badan kawal selia, media berdaftar, dan pertubuhan masyarakat

sivil (NGO).

Medium Pendedahan	Kandungan yang Dicadangkan
Portal Digital Rasmi	Dashboard interaktif yang memaparkan trend dana secara visual.
Laman Web Parti	Laporan tahunan yang telah diaudit untuk rujukan penyokong.
Laporan Parlimen	Ringkasan eksekutif prestasi pematuhan semua parti.
Media Massa	Hebahan mengenai penderma besar atau sumbangan luar biasa.

Jadual 6.5.11.1 Strategi Pendedahan Maklumat kepada Awam

Format pendedahan yang mesra pengguna dianggap kritikal bagi memastikan maklumat tersebut benar-benar sampai kepada rakyat dan bukannya sekadar dokumen teknikal yang sukar difahami. Pendidikan politik melalui pendedahan ini dapat membantu rakyat menilai integriti pimpinan mereka secara objektif. Ketelusan berterusan ini juga dilihat sebagai mekanisme untuk mengurangkan PERSEPSI NEGATIF TERHADAP "POLITIK WANG" DAN MENINGKATKAN DISIPLIN DALAMAN PARTI POLITIK ITU SENDIRI.

7.10 PARAMETER 9: KESALAHAN DI BAWAH AKTA

Pewujudan peruntukan kesalahan undang-undang khusus merupakan prasyarat bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Pendanaan Politik. Sebanyak 86.86% responden tinjauan bersetuju bahawa sesiapa yang melanggar undang-undang ini perlu dihukum. Pakar mencadangkan agar akta ini membezakan antara kesalahan teknikal (*administrative*) dan kesalahan substantif (*criminal*) bagi memastikan hukuman yang setimpal.



Rajah 6.5.11.1 Triangulasi konsensus kesalahan di bawah akta

Kesalahan substantif merangkumi salah guna dana untuk tujuan peribadi, kegagalan sengaja untuk melaporkan sumbangan besar, pemalsuan rekod kewangan, serta penerimaan dana daripada sumber terlarang seperti entiti asing atau aktiviti haram (AMLA). Bagi kesalahan serius ini, hukuman penjara dan denda kewangan yang tinggi yang melebihi jumlah sumbangan yang tidak dilaporkan adalah perlu bagi tujuan pencegahan.

Jenis Kesalahan	Pihak yang Dipertanggungjawabkan	Bentuk Hukuman

Kesalahan Individu	Bendahari, Calon, Pemegang Jawatan.	Denda, Penjara, Hilang Kelayakan bertanding.
Kesalahan Organisasi	Parti Politik (sebagai entiti korporat).	Penalti pentadbiran, Gantung pendaftaran.
Kesalahan Kolektif	Majlis Pimpinan Tertinggi (Presiden/SU).	Liabiliti ketat melainkan terbukti tiada pengetahuan.

Jadual 6.5.11.1 Analisis Liabiliti dan Penalti

Mengenai liabiliti, majoriti informan menegaskan prinsip tanggungjawab kolektif. Tanggungjawab tidak seharusnya diletakkan kepada pimpinan bawahan sebagai "kambing hitam", sebaliknya Majlis Pimpinan Tertinggi (Presiden, Setiausaha, Bendahari) mestilah dipertanggungjawabkan terhadap kegagalan pengurusan dana parti. Informan perundangan mencadangkan prinsip "*Principal Agent*" diguna pakai, di mana pegawai tertinggi parti menanggung liabiliti ketat melainkan mereka boleh membuktikan pelanggaran berlaku tanpa pengetahuan mereka.

Bagi kesalahan di peringkat parti komponen, pertuduhan wajar dikenakan kepada entiti komponen tersebut sekiranya mereka mempunyai autonomi kewangan sendiri. Hukuman tambahan seperti penggantungan pendaftaran parti oleh ROS atau larangan menggunakan logo parti dalam pilihan raya bagi satu atau dua penggal juga dilihat sebagai langkah penguatkuasaan yang efektif guna menjamin integriti sistem demokrasi negara dalam jangka panjang.

7.11 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Laporan triangulasi ini menunjukkan secara tuntas bahawa terdapat sokongan meluas daripada pelbagai lapisan masyarakat Malaysia terhadap penggubalan Akta Pendanaan Politik. Aspirasi rakyat yang mahukan ketelusan, digabungkan dengan syor teknikal daripada komuniti pakar, membentuk asas yang kukuh bagi

reformasi perundangan ini. Secara naratifnya, akta ini dilihat sebagai instrumen kritikal untuk membersihkan sistem demokrasi daripada pengaruh wang yang tidak wajar dan memulihkan keyakinan rakyat terhadap integriti pimpinan politik.

Kejayaan pelaksanaan akta ini sangat bergantung kepada lima faktor kunci: kebebasan mutlak badan kawal selia daripada pengaruh eksekutif, imbangan yang adil antara ketelusan awam dan privasi penderma, pengiktirafan terhadap realiti geografi tempatan (terutamanya di Sabah dan Sarawak), kawalan ketat terhadap entiti proksi, serta program pendidikan dan pembinaan kapasiti yang berterusan bagi ahli politik. Penggubalan akta ini dijangka akan memaksa peralihan paradigma daripada "politik naungan" (*patronage politics*) kepada "politik institusi" yang lebih profesional.

Sekiranya cadangan-cadangan strategik ini dimuatkan dalam Rang Undang-Undang tersebut, Malaysia bakal mempunyai kerangka perundangan yang bukan sahaja mampu mengekang amalan rasuah politik, tetapi juga kalis masa hadapan (*future-proof*) dalam menghadapi cabaran teknologi digital dan dinamika politik yang semakin mencabar. Penegasan terhadap ketelusan melalui mekanisme audit dan pelaporan yang sistematik akan memastikan setiap sen yang mengalir dalam sistem politik adalah sah dan bertanggungjawab, sekali gus menjamin kelestarian demokrasi yang bersih dan berintegriti.



8 | BAB 8

CADANGAN DAN SYOR DASAR & *FREQUENTLY ASKED QUESTIONS* (FAQs)

8.1 PENDAHULUAN

Bab 8 menghimpunkan dan menterjemah dapatan kajian kepada **syor dasar yang terperinci** bagi menggubal Rang Undang-Undang Pendanaan Politik yang praktikal, tegas dan diyakini rakyat. Jika bab-bab terdahulu memetakan isu, corak sokongan dan kebimbangan melalui data tinjauan awam, Temu Bual dan Perbincangan Kumpulan Fokus, bab ini pula memfokuskan kepada **reka bentuk dasar dan implikasi perundangan** yang perlu dimuktamadkan oleh Kerajaan sebelum RUU dibentangkan di Parlimen. Keutamaan bab ini ialah memastikan cadangan RUU tidak bersifat umum atau simbolik, sebaliknya mengandungi mekanisme yang boleh berfungsi dalam realiti politik Malaysia merentas peringkat Persekutuan, Negeri dan akar umbi.

Syor dasar dalam bab ini dibina melalui pendekatan **perbandingan dan sintesis** yang membandingkan lima sumber utama, iaitu dapatan tinjauan awam, dapatan FGD, dapatan temu bual separa berstruktur, dapatan Sesi Libat Urus BHEUU, dan teks cadangan RUU persendirian serta cadangan kumpulan rentas parti. Triangulasi ini membolehkan bab ini mengenal pasti titik persetujuan yang paling konsisten merentas sumber, menilai perbezaan pandangan yang memerlukan jalan tengah dasar, dan memilih mekanisme yang paling sesuai untuk konteks Malaysia. Sebagai contoh, tahap sokongan yang tinggi terhadap keperluan undang-undang khusus, kehendak pemakaian yang menyeluruh kepada semua aktor politik, dan tuntutan kepada pengawasan berinstitusi yang kredibel memberikan asas empirikal yang kuat untuk merangka RUU sebagai satu akta induk yang berdiri sendiri, dengan struktur kawal selia, pelaporan, audit, pendedahan dan penguatkuasaan yang jelas.

Selaras dengan itu, Bab 8 disusun kepada tiga komponen utama.

1. Pertama, Bahagian 8.2 memperincikan **syor dasar teras** mengikut kluster dasar yang merangkumi skop pemakaian, penubuhan badan kawal selia

yang bebas, kuasa dan penguatkuasaan, sumber dana terlarang, had sumbangan termasuk derma tanpa nama, mekanisme pelaporan dan audit, akses awam, serta kerangka kesalahan dan hukuman.

2. Kedua, Bahagian 8.3 menyediakan **jadual perbandingan** yang menyatukan dan menyelaraskan kandungan cadangan RUU persendirian, cadangan kumpulan rentas parti, dapatan sesi libat urus BHEUU, dapatan triangulasi kajian, serta cadangan syor dasar yang dicadangkan dalam laporan ini supaya pembuat dasar dapat menilai konsistensi dan jurang secara berstruktur.
3. Ketiga, Bahagian 8.4 menyenaraikan **soalan lazim** untuk menjelaskan rasional dasar, mengurus kebimbangan pelaksanaan, dan memperkukuh komunikasi awam agar reformasi pendanaan politik dapat difahami sebagai agenda integriti demokrasi, bukan semata-mata pembaharuan teknikal.

8.2 SYOR DASAR TERPERINCI RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK

Bahagian ini mengemukakan syor dasar terperinci bagi penggubalan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik sebagai respons langsung kepada dapatan kajian empirikal dan penandaarasan perbandingan. Analisis triangulasi yang menggabungkan data soal selidik, Perbincangan Kumpulan Berfokus dan temu bual separa berstruktur menunjukkan sokongan awam yang sangat tinggi dan konsisten terhadap keperluan satu undang-undang khusus untuk mengawal selia pendanaan politik secara menyeluruh, berfokus dan berkesan. Keperluan ini bukan sekadar pembaharuan teknikal, tetapi dilihat sebagai prasyarat penting untuk memperkukuh demokrasi yang lebih matang, bersih dan bermoral, termasuk melindungi negara daripada ancaman wang kotor, pengubahan wang haram dan campur tangan asing.

Pada masa yang sama, dapatan kualitatif memperlihatkan bahawa walaupun para pemegang taruh tidak menolak prinsip pengawalseliaan pendanaan politik, wujud perbezaan pandangan yang ketara mengenai bentuk institusi, mekanisme pelaksanaan, tahap ketegasan kawalan serta keseimbangan antara ketelusan dan kebolehlaksanaan. Perbezaan ini menuntut RUU dirangka secara seimbang, praktikal dan berfasa, supaya kerangka yang dicadangkan dapat dipatuhi dan dikuatkuasakan tanpa mewujudkan beban pematuhan yang tidak munasabah atau membuka ruang pengelakan melalui saluran tidak langsung.

Selaras dengan amalan antarabangsa, penandaarasan turut menunjukkan bahawa banyak negara memilih sama ada menggubal akta khusus pendanaan politik atau memasukkan kawal selia pendanaan politik secara komprehensif dalam undang-undang pilihan raya, sekali gus mengesahkan bahawa pendekatan perundangan khusus adalah selari dengan standard tadbir urus demokrasi moden. Sehubungan itu, bahagian ini menghuraikan syor dasar berasaskan beberapa teras utama, termasuklah, antara lainnya, skop pemakaian yang menyeluruh dan berterusan, penubuhan badan kawal selia yang bebas, kuasa dan penguatkuasaan yang jelas, penyenaraian sumber dana terlarang, penetapan had sumbangan termasuk derma tanpa nama, kewajipan pelaporan dan audit serta akses awam yang berkesan, dan akhirnya kerangka kesalahan serta hukuman berperingkat.

Kesemua syor ini dirangka untuk menyokong penggubalan RUU sebagai akta induk yang berdiri sendiri, memperjelas mandat undang-undang, menyelaraskan dasar merentas institusi, serta mengukuhkan keabsahan penguatkuasaan melalui akauntabiliti yang tidak kabur.

8.2.1 SYOR DASAR 1: KEWAJIPAN MENGGUBAL UNDANG-UNDANG KHUSUS

8.2.1.1 Syor Dasar

Kerajaan perlu menggubal **satu undang-undang khusus** bagi mengawal selia pendanaan politik secara menyeluruh dan lebih berfokus. Undang-undang ini hendaklah merangkumi **aspek sumber dana dan perbelanjaan politik**, serta bertujuan meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti sistem demokrasi negara. Namun begitu, tiada garis masa khusus yang dicadangkan dari mana-mana dapatan kajian persepsi awam yang telah dijalankan.[303]

8.2.1.2 Rasional Dasar

Dapatan kajian daripada soal selidik menunjukkan sokongan awam yang **sangat tinggi (88.24%) dan konsisten** terhadap keperluan undang-undang khusus berkaitan pendanaan politik. Sebahagian besar responden percaya bahawa undang-undang sedemikian berpotensi **mengurangkan rasuah, menghadkan pengaruh tidak wajar wang dalam politik**, dan **meningkatkan integriti sistem politik serta keyakinan awam terhadap politik negara.**

Dapatan tambahan daripada soal selidik dan FGD juga menunjukkan bahawa keperluan ini tidak dilihat sekadar sebagai pembaharuan teknikal, tetapi sebagai **elemen pembinaan demokrasi yang lebih matang, bersih dan bermoral**, termasuk melindungi negara daripada **ancaman wang kotor dan campur tangan asing**. Contohnya, daripada dapatan soal selidik/ tinjauan awam, dari sudut keyakinan terhadap keberkesanan undang-undang, majoriti responden menunjukkan pandangan yang positif, dengan 37.31% menyatakan agak yakin

[303] Dapatan daripada Sesi Libat Urus (SLU) yang dijalankan oleh BHEUU telah mencadangkan dua garis masa, iaitu sebelum PRU-16, atau selepas PRU-16. Dapatan SLU BHEUU menunjukkan bahawa sebahagian besar responden, iaitu 1395 orang (90.32%) berpandangan bahawa Akta ini wajar dibentangkan di Parlimen sebelum Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU-16). Sebaliknya, hanya 149 orang (9.68%) berpendapat bahawa pembentangan Akta tersebut boleh dibuat selepas PRU-16.

dan 28.10% menyatakan sederhana yakin bahawa undang-undang pendanaan politik akan menjadikan politik di Malaysia lebih telus dan adil.

Kajian kualitatif (melalui temu bual dan FGD) pula memperlihatkan bahawa pelbagai kumpulan berkepentingan (termasuk ahli politik, ADUN, akademik, peguam, NGO dan pengamal tadbir urus) **tidak menolak keperluan undang-undang**, sebaliknya hanya berbeza pandangan dari segi **bentuk institusi, mekanisme pelaksanaan dan tahap ketegasan kawalan**. Perbezaan ini mencerminkan keperluan supaya RUU digubal secara **seimbang, praktikal dan berfasa**, bukannya penolakan terhadap prinsip pengawalseliaan itu sendiri

Dapatan penandaarasan turut menunjukkan penggubalan dan pelaksanaan undang-undang khusus di setiap negara penandaaras:

i. **Sweden**: Sweden menggunakan akta khusus ketelusan pendanaan parti iaitu *Act 2018:90 on transparency in the financing of parties* dengan kewajipan pelaporan tahunan dan larangan sumbangan tanpa nama melebihi ambang. Pemantauan dibuat oleh Kammarkollegiet melalui mekanisme arahan pentadbiran, siasatan pematuhan, fi lewat dan fi khas. Sweden juga mempunyai undang-undang sokongan dana awam kepada parti (akta berasingan) yang menstrukturkan bantuan kerajaan.

ii. **Jerman**: Jerman meletakkan asas perlembagaan melalui Article 21 Basic Law yang mewajibkan parti akauntabiliti awam mengenai aset dan dana, dan memperincikannya melalui *Political Parties Act (Parteiengesetz)*. Fungsi kawal selia dibahagi antara Presiden Bundestag dan Bundestag, dengan audit institusi negara Bundesrechnungshof khususnya bagi aspek dana awam. Jerman menekankan pelaporan tahunan, audit, serta beberapa larangan sumber dan penalti kewangan dan jenayah bagi ketidakpatuhan.

iii. **Korea Selatan**: Korea Selatan menggunakan *Political Funds Act* sebagai undang-undang khusus yang menumpukan ketelusan, kebolehkesanan identiti dan disiplin perakaunan. Fungsi kawal selia dan pematuhan berpusat pada *National Election Committee* (NEC) melalui rantaian kewajipan pelantikan pegawai perakaunan, rekod, pelaporan, pendedahan dan penguatkuasaan. Akta ini memperuntukkan kesalahan dan hukuman yang jelas, termasuk sekatan terhadap penggunaan dana untuk tujuan peribadi.

iv. **Singapura**: Singapura melalui *Foreign Interference (Countermeasures) Act 2021* mengawal sumbangan politik dengan prinsip teras pengesahan identiti penderma dan status kelayakan sebelum menerima. Struktur kawal selia berfungsi melalui competent authority dan pegawai diberi kuasa, dengan kuasa mendapatkan dokumen, mengeluarkan notis pematuhan dan tindakan susulan. Singapura juga mempunyai mekanisme advisory committee dan Reviewing Tribunal untuk fungsi semak imbang tertentu.

v. **United Kingdom**: United Kingdom mengawal melalui *Political Parties, Elections and Referendums Act 2000* (PPERA 2000), menubuhkan Electoral Commission sebagai badan berkanun, dan mewujudkan saluran akauntabiliti institusi melalui Speaker's Committee serta penglibatan parti melalui Parliamentary Parties Panel. UK menekankan larangan menerima sumbangan jika penderma tidak dibenarkan atau identiti tidak dapat dipastikan, dengan mekanisme pemulangan dan pelaporan berkala. UK menonjol pada had perbelanjaan kempen, dan dana awam wujud dalam bentuk geran pembangunan dasar yang terhad.

vi. **Afrika Selatan**: Afrika Selatan mengawal melalui Political Funding Act, 2018 yang meliputi parti, calon bebas dan wakil bebas, termasuk dana awam dan dana persendirian. Pengawal selia ialah Suruhanjaya Pilihan Raya, dengan kuasa pemantauan, arahan pematuhan, pemulihan wang, penggantungan bayaran dan denda pentadbiran, serta semakan oleh

Electoral Court. Afrika Selatan juga mempunyai struktur dana seperti Political Representatives Fund dan Multi-Party Democracy Fund, dengan kewajipan pendedahan dan penerbitan berkala.

Sebagai perbandingan, di Kanada dan New Zealand, mereka mengawal selia pendanaan politik melalui model komprehensif dalam undang-undang pilihan raya (bukan akta khas tunggal, tetapi tetap menyeluruh), seperti berikut:

i. **Kanada**: Kanada mengawal pendanaan politik secara menyeluruh melalui *Canada Elections Act,* meliputi parti, calon, dan pihak ketiga, termasuk rejim pra pilihan raya untuk pihak ketiga. Pengawalseliaan ditadbir oleh Chief Electoral Officer (Elections Canada), manakala pematuhan dan penguatkuasaan dilaksanakan oleh Commissioner of Canada Elections. Kanada juga menetapkan had sumbangan individu, melarang sumber tertentu, mewajibkan pelaporan, audit dan penerbitan maklumat kepada umum.

ii. **New Zealand**: New Zealand mengawal melalui *Electoral Act 1993* yang meliputi parti berdaftar, calon termasuk calon bebas, dan third-party promoters. Pengawal selia ialah *Electoral Commission*, yang menerima dan menerbitkan pulangan serta mengurus beberapa mekanisme seperti derma "*protected disclosure*". Ia juga menegaskan sistem New Zealand adalah lebih longgar untuk beberapa aspek, contohnya ketiadaan had sumbangan umum, ambang pendedahan tertentu, dan isu kelompongan.

Hal ini mengesahkan bahawa pendekatan pengawal seliaan melalui perundangan dan juga perundangan khusus adalah **amalan antarabangsa yang diterima** dan sejajar dengan standard tadbir urus demokrasi moden.

8.2.1.3 Cadangan Perundangan

Sehubungan itu, RUU Pendanaan Politik wajar digubal sebagai **akta induk** yang berdiri sendiri. Pendekatan ini penting bagi:

- memberikan **kejelasan mandat undang-undang**,
- memastikan **konsistensi dasar merentas institusi**, dan
- mengukuhkan keabsahan **penguatkuasaan**, termasuk mengelakkan pertindihan kuasa dan kekaburan akauntabiliti.

8.2.2 SYOR DASAR 2: RANGKUMAN SKOP PEMAKAIAN YANG MENYELURUH & BERTERUSAN

8.2.2.1 Syor Dasar

RUU hendaklah terpakai secara menyeluruh kepada **parti politik dan calon individu**, termasuk calon bebas, dan pihak ketiga. Ia juga merangkumi **peringkat Persekutuan dan Negeri** dan berkuat kuasa sepanjang **kitaran politik sepenuhnya**, iaitu sebelum, semasa dan selepas pilihan raya.

8.2.2.2 Rasional Dasar

Kajian persepsi awam menunjukkan majoriti responden menyokong pemakaian undang-undang terhadap **kedua-dua parti politik dan calon individu**. Terdapat sebahagian responden berpendapat undang-undang perlu merangkumi pihak ketiga. Kajian juga menunjukkan bahawa undang-undang terpakai kepada semua jenis pilihan raya (PRU, PRN dan PRK). Dapatan ini mencerminkan kefahaman awam bahawa risiko salah guna dana tidak terhad kepada institusi parti semata-mata, tetapi juga melibatkan calon dan jentera politik secara langsung.

Dapatan kualitatif dari FGD dan temu bual separa berstruktur menegaskan bahawa pembatasan undang-undang hanya kepada tempoh kempen rasmi akan membuka ruang manipulasi dana:

- sebelum penamaan calon (pra-pilihan raya); dan
- selepas pilihan raya melalui imbuhan politik atau ganjaran kontrak.

Sehubungan itu, undang-undang perlu beroperasi secara **berterusan**, bukan bermusim.

Penandaarasan antarabangsa turut menunjukkan trend pemakaian yang luas, termasuk kepada pihak ketiga, ejen pilihan raya dan entiti proksi, bagi mengelakkan pengelakan kawalan melalui saluran tidak langsung. Hal ini dijelaskan seperti berikut:

i. **Kanada** menyokong skop menyeluruh kerana Canada Elections Act mengawal parti, calon, calon kepimpinan, calon penamaan dan pihak ketiga, termasuk menetapkan tempoh pra pilihan raya serta kewajipan pendaftaran, pelantikan ejen kewangan, audit dan pelaporan pihak ketiga apabila ambang perbelanjaan dicapai.

ii. **New Zealand** menyokong skop menyeluruh kerana Electoral Act 1993 terpakai kepada parti berdaftar, calon termasuk calon bebas, dan third-party promoters, serta menggunakan konsep tempoh terkawal bagi perbelanjaan dan mewajibkan pulangan derma dan perbelanjaan kepada Suruhanjaya.

iii. **Singapura** menyokong skop menyeluruh kerana undang-undangnya merangkumi kategori *politically significant person* yang meliputi parti, calon, ejen, pemegang jawatan politik, ahli Parlimen dan pegawai kanan parti, di samping mewujudkan peraturan yang boleh berkuat kuasa walaupun sebahagian perbuatan berlaku di luar Singapura apabila wujud kaitan yang ditentukan.

iv. **Afrika Selatan** menyokong skop menyeluruh kerana *Political Funding Act* meliputi parti politik, calon bebas dan wakil bebas, serta mengawal entiti yang menerima sumbangan bagi menyokong atau menentang parti atau calon melalui kewajipan pendedahan dan pematuhan.

v. **United Kingdom** menyokong skop menyeluruh kerana *Political Parties, Elections and Referendums Act 2000* mengawal ekosistem pendanaan dan perbelanjaan politik yang luas merangkumi parti, kempen pihak ketiga dan aktiviti berkaitan referendum, termasuk had perbelanjaan dan kewajipan pelaporan untuk aktor bukan parti.

8.2.2.3 Cadangan Perundangan RUU

RUU perlu:

- Mentakrifkan istilah "pendanaan politik" secara luas, meliputi pemberi dan penerima sumbangan, jenis sumbangan (meliputi tunai atau *in-kind*); dan
- mengelakkan pendekatan sempit yang hanya bergantung kepada konsep "perbelanjaan kempen", supaya tidak mewujudkan kelompongan perundangan. Dalam erti kata lain, ia tidak boleh terlalu terhad dengan hanya mengawal wang yang dibelanjakan semasa tempoh kempen pilihan raya sahaja, contohnya perbelanjaan sebelum kempen, selepas kempen, perbelanjaan oleh pihak ketiga, aktiviti politik berterusan parti, atau bentuk sokongan bukan tunai.

8.2.3 SYOR DASAR 3: PENUBUHAN BADAN KAWAL SELIA YANG BEBAS & KUASA BADAN KAWAL SELIA

8.2.3.1 Syor Dasar

RUU hendaklah mewujudkan **badan kawal selia pendanaan politik yang khusus dan bebas**, dengan akauntabiliti kepada Parlimen.[304] Badan kawal selia hendaklah diberi kuasa penguatkuasaan termasuk untuk menerima dan menyemak laporan kewangan, menjalankan audit dan siasatan dan mengenakan hukuman untuk kesalahan tertentu.

8.2.3.2 Rasional Dasar

Dapatan soal selidik menunjukkan sokongan yang sangat tinggi terhadap penubuhan badan khas bagi mengawal pendanaan politik, dengan keutamaan jelas kepada **pengawasan Parlimen berbanding kawalan eksekutif**.

Kajian kualitatif melalui FGD dan temu bual berstruktur pula menunjukkan kebimbangan utama terhadap:

- risiko campur tangan eksekutif;
- persepsi penguatkuasaan terpilih; dan
- keterbatasan kuasa penyiasatan yang boleh menjejaskan keberkesanan penguatkuasaan terhadap kesalahan berkaitan pendanaan politik.

Walaupun terdapat perbezaan pandangan tentang bentuk institusi (suruhanjaya baharu atau pemerkasaan agensi sedia ada), terdapat konsensus bahawa **tanpa badan kawal selia yang khusus dan berautoriti, akta tidak akan berfungsi secara berkesan**.

Amalan di negara-negara penandaaras dirumuskan seperti berikut:

[304] Bagi tujuan ini, berdasarkan RUU Persendirian oleh KRPPM, terdapat cadangan agar suatu jawatankuasa Parlimen yang khusus ditubuhkan untuk menyelia badan kawal selia ini.

1. **Kanada** menyokong dasar ini kerana *Chief Electoral Officer* dilantik melalui resolusi *House of Commons* untuk tempoh tetap dan hanya boleh disingkirkan melalui mekanisme Parlimen, sekali gus memisahkan regulator daripada kawalan eksekutif harian.
2. **United Kingdom** menyokong dasar ini kerana *Electoral Commission* ditubuhkan sebagai badan berkanun dan ditundukkan kepada semak imbang institusi Parlimen melalui *Speaker's Committee* serta saluran keterlibatan parti melalui *Parliamentary Parties Panel*.
3. **Jerman** menyokong dasar ini kerana fungsi pentadbiran kawal selia kewangan parti dilaksanakan oleh Presiden *Bundestag* dan disemak melalui institusi audit negara *Bundesrechnungshof*, yang mewujudkan akauntabiliti institusi yang berpaut pada Parlimen.
4. **Afrika Selatan** menyokong dasar ini kerana Suruhanjaya Pilihan Raya wajib melapor kepada *National Assembly* dan rekod dana diaudit oleh Ketua Audit Negara, yang mewujudkan rantaian akauntabiliti institusi.

Di sebahagian negara penandaaras, badan kawal selia wujud namun akauntabilitinya bersifat campuran, contohnya di **New Zealand** di mana *Electoral Commission* berstatus *independent Crown entity*, tetapi pemantauan prestasi berlaku melalui suatu kementerian pemantau, yang menjadikan akauntabiliti lebih bercampur antara institusi bebas dan eksekutif.

Dalam konteks kuasa badan kawal selia, responden awam menekankan bahawa badan kawal selia mesti mempunyai **kuasa menyiasat dan menghukum**, bukan sekadar pemantauan. Kajian kualitatif pula menyokong pendekatan **pembahagian fungsi**, di mana siasatan jenayah rasuah kekal di bawah SPRM dan pendakwaan berada di bawah bidang kuasa Peguam Negara, bagi mengelakkan pertindihan mandat dan cabaran perundangan.

Justifikasi ini juga boleh dilihat menerusi amalan di negara penandaaras seperti berikut:

1. **Kanada** menyokong dasar ini kerana *Commissioner of Canada Elections* melaksanakan mandat pematuhan dan penyiasatan, dan terdapat pembahagian fungsi melalui konsultasi dengan Director of Public Prosecutions bagi aspek pendakwaan.
2. **Sweden** menyokong dasar ini kerana *Kammarkollegiet* boleh mengeluarkan arahan pematuhan, menjalankan siasatan dan mengenakan fi lewat atau fi khas sebagai mekanisme penguatkuasaan pentadbiran.
3. **Germany** menyokong dasar ini kerana Presiden *Bundestag* menyemak pematuhan penyata akaun parti, boleh mencetus proses semakan dan pembetulan, serta wujud implikasi penalti kewangan dan audit institusi negara bagi aspek tertentu.
4. **New Zealand** menyokong dasar ini kerana *Electoral Commission* mengurus penerimaan pulangan dan penerbitan, dan petikan benchmarking menunjukkan kesalahan boleh dirujuk kepada Polis sebagai mekanisme rujukan penguatkuasaan.
5. **Korea Selatan** menyokong dasar ini kerana NEC menerima laporan, mengurus akses pemeriksaan awam, menyelia disiplin perakaunan dan audit, serta undang-undang menyediakan kesalahan dan hukuman yang jelas.
6. **Singapura** menyokong dasar ini kerana competent authority dan authorised officers diberi kuasa menuntut dokumen, mengeluarkan notis pematuhan, mengkompaun kesalahan dan melaksanakan tindakan susulan.
7. **United Kingdom** menyokong dasar ini kerana *Electoral Commission* mempunyai kuasa tertentu berkaitan audit dan pematuhan, menerima dokumen kewangan, mengawal pelaporan, dan memastikan akses awam kepada dokumen yang ditetapkan.
8. **Afrika Selatan** menyokong dasar ini kerana Suruhanjaya boleh meminta maklumat, memasuki premis, memohon perintah *Electoral Court*,

mengeluarkan arahan, menggantung bayaran, mendapatkan semula wang dan mengenakan denda pentadbiran.

8.2.3.3 Cadangan Perundangan

Dalam konteks pengwujudan badan kawal selia, RUU perlu memperincikan:

- kaedah pelantikan yang telus dan dwipartisan;
- tempoh jawatan tetap;
- perlindungan daripada pemecatan sewenang-wenangnya; dan
- kewajipan pelaporan berkala kepada Parlimen.

Pendekatan ini selari dengan prinsip kebebasan institusi serta amalan perbandingan antarabangsa.

Dalam konteks, kuasa dan penguatkuasaan badan kawal selia, RUU perlu:

- memperincikan protokol rujukan kes;
- menegaskan kewajipan kerjasama antara agensi; dan
- memastikan kuasa badan kawal selia jelas dan tidak *ultra vires*.

8.2.4 SYOR DASAR 4: PENUBUHAN LEMBAGA PENASIHAT

8.2.4.1 Syor Dasar

RUU hendaklah memperuntukkan penubuhan **Lembaga Penasihat Pendanaan Politik** sebagai mekanisme konsultasi dan semak imbang yang menyokong badan kawal selia. Fungsi lembaga ini hendaklah **tidak mengikat** dan tidak boleh mengganggu siasatan atau penguatkuasaan.

8.2.4.2 Rasional Dasar

Justifikasi syor dasar ini adalah seperti berikut:

1. **Mengurangkan pertikaian pelaksanaan dan meningkatkan penerimaan pematuhan.** Rejim pendanaan politik melibatkan banyak subjek kawal selia dan isu teknikal. Saluran penasihat membantu membina kefahaman, garis panduan yang praktikal, dan penambahbaikan berasaskan pengalaman pelaksanaan.
2. **Menambah baik ketelusan institusi tanpa menjejaskan kebebasan penguatkuasaan.** Lembaga penasihat boleh memberi maklum balas terhadap borang pelaporan, garis panduan, ambang pendedahan, serta isu kelompongan, tetapi tidak campur tangan dalam kes individu.
3. **Memperkuat akauntabiliti kepada Parlimen dan kepercayaan awam.** Lembaga ini boleh menjadi platform yang meningkatkan keyakinan bahawa pengawalseliaan dibuat secara seimbang, bukan selektif.

Pewujudan Lembaga Penasihat kepada badan kawal selia dilihat sebagai mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) yang kritikal bagi meningkatkan kredibiliti institusi. Analisis kualitatif menunjukkan hubung kait yang kuat antara kewujudan lembaga ini dengan peningkatan kepercayaan awam terhadap sistem pendanaan politik. Majoriti informan menyokong penubuhan

entiti ini sebagai platform untuk mendapatkan pandangan profesional dalam isu-isu teknikal dan strategik yang kompleks.

Sebahagian negara-negara penandaaras juga memiliki mekanisme lembaga penasihat (atau yang setara dengannya), seperti berikut:

i. **Kanada** menubuhkan ***Advisory Committee of Political Parties*** **(ACPP)** yang memberi nasihat kepada Chief Electoral Officer, dan nasihatnya tidak mengikat. Ini menunjukkan model konsultasi formal yang tidak mengganggu kuasa regulator.

ii. **Singapura** memperuntukkan ***advisory committee*** untuk memberi nasihat kepada Menteri berkaitan fungsi rayuan tertentu, dan turut ada **Reviewing Tribunal** sebagai semak imbang.

iii. **United Kingdom** mewujudkan struktur setara melalui ***Parliamentary Parties Panel*** untuk menginstitusikan saluran pandangan parti dalam kerja Suruhanjaya, dan ***Speaker's Committee*** sebagai lapisan akauntabiliti institusi.

Negara-negara lain seperti **Afrika Selatan** tidak menetapkan lembaga penasihat khusus, tetapi menguatkan pengawasan melalui audit, dan pelaporan kepada *National Assembly* dan semakan *Electoral Court*.

8.2.4.3 Cadangan Perundangan

RUU perlu memperincikan sekurang-kurangnya:

1. **Komposisi dan representasi** seperti wakil parti berdaftar, wakil masyarakat sivil, profesion perakaunan atau audit, pakar tadbir urus, dan wakil pengamal undang-undang.
2. **Fungsi terhad dan tidak mengikat** termasuk menasihati garis panduan pelaporan, format pendedahan, semakan ambang, pendidikan pematuhan, dan cadangan pindaan undang-undang.

3. **Larangan campur tangan kes** iaitu lembaga tidak boleh mengakses fail siasatan atau mempengaruhi keputusan penguatkuasaan.
4. **Tadbir urus** seperti tempoh lantikan, pengisytiharan konflik kepentingan, kekerapan mesyuarat, dan ringkasan laporan tahunan untuk ketelusan.

8.2.5 SYOR DASAR 5: PENDANAAN POLITIK

8.2.5.1 Dana Kerajaan

8.2.5.1.1 Syor Dasar

RUU tidak mencadangkan pemberian dana kerajaan kepada parti politik.

8.2.5.1.2 Rasional Dasar

Berdasarkan kajian tinjauan atau soal selidik, dapatan memperlihatkan bahawa sebanyak 44.1% responden menyatakan bahawa parti politik tidak sepatutnya dibiayai oleh kerajaan, manakala 35.3% bersetuju dengan pembiayaan kerajaan. Selebihnya, 20.5% menyatakan tidak pasti. Secara deskriptif, dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan relatif yang lebih tinggi untuk menolak pembiayaan langsung oleh kerajaan berbanding menyokongnya.

Namun begitu, berdasarkan dapatan temu bual dan FGD, persoalan sama ada kerajaan harus menyediakan dana kepada parti politik mencetuskan polarisasi pandangan:

- **Menyokong:** Beberapa informan berpendapat dana kerajaan dalam kadar sederhana perlu bagi menyokong fungsi asas parti dan menjamin persaingan sihat, terutamanya bagi parti pembangkang yang kekurangan sumber.
- **Menolak:** Beberapa informan pimpinan politik menentang keras penggunaan wang awam untuk membiayai ahli politik. Mereka berhujah bahawa bajet negara lebih baik disalurkan untuk kebajikan rakyat seperti kesihatan dan pendidikan.

Berdasarkan kajian penandaarasan, sandaran bahawa kawal selia boleh berfungsi tanpa subsidi parti daripada kerajaan sebagai teras pendanaan dilihat seperti berikut:

1. **Singapura** boleh dijadikan sandaran kerana kerangka perundangan yang telah dihuraikan menumpukan kepada pendanaan swasta, di mana ia memperuntukkan kawalan sumber, pengesahan identiti penderma, pemulangan sumbangan tidak sah dan pelaporan, tanpa dihuraikan sebagai mempunyai skim subsidi dana kerajaan kepada parti.[305]
2. **United Kingdom** boleh dijadikan sandaran kerana dana awam adalah geran pembangunan dasar yang terhad dan bukan subsidi umum untuk operasi atau kutipan parti.[306]
3. **New Zealand** boleh dijadikan sandaran kerana bantuan awam yang dihuraikan bersifat terhad kepada fungsi parlimen dan peruntukan penyiaran pilihan raya, dan bukan subsidi operasi menyeluruh untuk sayap bukan parlimen.[307]

8.2.5.1.3 Implikasi Kewangan Melalui Simulasi Pemberian Dana dari Kerajaan

Walaupun dapatan kajian tidak mencadangkan pemberian dana daripada kerajaan kepada parti politik, terdapat keperluan untuk membincangkan implikasi kewangan sekiranya dasar kerajaan membenarkan pemberian dana awam. Dalam membincangkan implikasi kewangan ini, kajian telah mengambil kira dua aspek, iaitu melalui 1) Penandaarasan Pemberian Dana Kerajaan di Negara-Negara lain yang membenarkan pendanaan dana awam/ dana kerajaan; dan 2) simulasi

[305] Ufen, A., & Mietzner, M. (2015). Political finance regimes in Southeast Asia: Introduction. *Critical Asian Studies, 47*(4), 558–563. doi:10.1080/14672715.2015.1082260

[306] Barr, B., Dalton, G., Nice, A., Tingay, P., Baker, F., & McAlary, P. (2025, September 5). *Rules for funding for political parties*. Institute for Government. Retrieved March 5, 2026, from https://www.instituteforgovernment.org.uk/explainer/rules-funding-political-parties

[307] Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington, Institute for Governance and Policy Studies. Retrieved March 5, 2026, from https://ir.wgtn.ac.nz/handle/123456789/30481

menurut cadangan pemberian dana kerajaan seperti mana yang dicadangkan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen dalam RUU Persendirian.

A. PENANDAARASAN PEMBERIAN DANA KERAJAAN DI NEGARA-NEGARA PENANDAARAS

Model alternatif untuk tujuan analisis perbandingan menunjukkan kewujudan dana awam dalam sistem lain iaitu Kanada, Sweden, Germany, Korea Selatan dan Afrika Selatan sama ada dalam bentuk bayaran balik dan pemberian elaun, sokongan negara, pendanaan separa awam, subsidi, atau dana berstruktur seperti yang berikut:

Negara	Jenis dana	Kaedah pengagihan dana
Kanada	Bayaran balik dan elaun suku tahunan	Pengagihan melalui tiga kaedah utama: (1) Bayaran balik 50% perbelanjaan pilihan raya dan 90% perbelanjaan kebolehaksesan bagi parti yang melepasi ambang undi (2% kebangsaan atau 5% daerah). (2) Elaun suku tahunan berdasarkan jumlah undi sah. (3) Bayaran balik perbelanjaan calon (60% pilihan raya/perjalanan dan 90% penjagaan kanak-kanak/OKU) bagi calon yang mendapat sekurang-kurangnya 10% undi. Had dana awam:

		90% perbelanjaan kebolehaksesan parti dihadkan kepada $250,000$. (2) Elaun dikira pada kadar 0.1275 bagi setiap undi. (3) Had bayaran balik kebolehaksesan calon adalah $5,000$.
Sweden	Sokongan parti dan sokongan sekretariat	(1) Sokongan parti (mandatbidrag) berdasarkan jumlah kerusi yang dimenangi dalam dua pilihan raya terakhir. (2) Sokongan sekretariat (kanslistöd) yang terdiri daripada sokongan asas bagi parti dengan 4% undi kebangsaan dan sokongan tambahan berdasarkan bilangan kerusi. Had dana awam: Sokongan parti berjumlah SEK 333,300 bagi setiap kerusi di Riksdag. Sokongan asas sekretariat yang lengkap bernilai SEK 5,803,200 maksimum setahun bagi parti yang mendapat lebih 4% undi daripada jumlah keseluruhan undi pilihan raya Riksdag.
Germany	Pendanaan separa awam	Sistem pengagihan berasaskan prestasi dan dana padanan. Parti menerima 0.70 euro bagi setiap undi sah (atau 0.85 euro untuk 4 juta undi pertama). Selain itu, parti menerima dana padanan sebanyak 0.38 euro bagi setiap 1 euro yang dikumpul daripada sumber swasta (yuran keahlian atau derma sah). Had dana awam: Had atas mutlak ditetapkan pada 133 juta euro setahun. Dana awam tidak boleh melebihi jumlah

		pendapatan tahunan yang dijana sendiri oleh parti (had atas relatif).
Korea Selatan	Subsidi biasa/pilihan raya dan subsidi khas	Bagi subsidi biasa, 50% dibahagi sama rata kepada kumpulan perunding, 5% kepada parti dengan 5+ kerusi, 2% kepada parti kecil (ambang undi 2%), dan baki berdasarkan nisbah kerusi (50%) serta undi (50%). Subsidi khas diberikan untuk pencalonan wanita, OKU, dan belia berdasarkan nisbah kerusi, undi, dan bilangan calon. Had dana awam: Peruntukan subsidi biasa dikira berdasarkan harga unit setiap pengundi didarab dengan jumlah pemilih. Untuk subsidi khas, 100 won (wanita), 20 won (OKU), dan 100 won (belia) didarab jumlah pemilih.
Afrika Selatan	Dana awam	Dana diagihkan melalui 'Political Representatives Fund' dan 'Multi-Party Democracy Fund'. 90% diagihkan secara berkadar (proportional) mengikut jumlah kerusi di Perhimpunan Kebangsaan dan badan perundangan wilayah. 10% diagihkan secara saksama (equitable) kepada semua parti yang mempunyai perwakilan. Had dana awam: Jumlah dana tertakluk kepada peruntukan oleh Akta Parlimen dan sumbangan sumber swasta kepada dana demokrasi pelbagai parti.

Jadual 8.2.5.1 Penandaarasan Pemberian Dana Kerajaan di Negara-Negara Penandaaras

B. CADANGAN PEMBERIAN DANA KERAJAAN MENURUT KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)

Sekiranya kerajaan ingin mengambil kira cadangan mengenai Pembiayaan Awam daripada Rang Undang-Undang Pendanaan Politik yang dikemukakan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM), implikasi kewangan adalah seperti simulasi yang berikut:

Implikasi kewangan kepada Kerajaan Malaysia: RM130 juta

Nilai di atas diperoleh melalui formula:

(Median belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi 10 tahun terakhir) x 0.05% = **RM130 juta**

Formula diambil berdasarkan amalan di Jerman yang mana terdapat had perbelanjaan untuk jumlah keseluruhan dana awam yang diperuntukkan buat semua parti politik di Jerman (Seksyen 18(5) Ayat 2, Political Parties Act). Pada tahun 2023, had ini ialah EUR209,603,161. Pada tahun yang sama, belanjawan Kerajaan Persekutuan Jerman ialah EUR476.3 billion. Peratusan pembiayaan awam berbanding belanjawan Kerajaan Persekutuan di Jerman ialah 0.05%.

Jumlah perbelanjaan untuk pembiayaan awam parti politik boleh disemak secara tahunan atau berkala, RUU Pendanaan Politik dari KRPPM mencadangkan had atas mutlak tahunan sebanyak RM130 juta, di mana RM120 juta akan diperuntukkan berdasarkan agihan undi parti, manakala RM10 juta diagihkan berdasarkan bilangan ahli parlimen dan ADUN wanita parti tersebut.

Tahun	Perbelanjaan (RM)
2011	212 billion

2012	233 billion
2013	252 billion
2014	264 billion
2015	274 billion
2016	267 billion
2017	261 billion
2018	280 billion
2019	315 billion
2020	297 billion
Median untuk tahun 2011-2020	265 billion
0.05% x Median	133 juta (rounded to the nearest million)

Jadual 8.2.5.2 Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Malaysia menurut Belanjawan Tahunan (Ooi, 2021)

Dalam pembentangan dan perbincangan kepada KRPPM dan dalam RUU Pendanaan Politik KRPPM, RM130 juta digunakan sebagai cadangan jumlah pembiayaan awam. Pecahan dan perincian formula pengagihan dana awam/ kerajaan tersebut dilampirkan di Bahagian Lampiran C.

8.2.5.2 Sumber Dana

8.2.5.2.1 Syor Dasar

RUU hendaklah menyenaraikan secara jelas sumber dana yang dilarang, termasuk dana asing, penderma tanpa nama melebihi had, syarikat yang mempunyai konflik kepentingan atau kontrak kerajaan dan sumber berkaitan jenayah dan pengubahan wang haram.

8.2.5.1.4 Rasional Dasar

Dapatan kajian menunjukkan penolakan kuat terhadap dana asing dan penderma tanpa identiti, serta kebimbangan tinggi terhadap dana yang boleh membawa kepada **kronisme, pertukaran balasan (balas budi) dan pengaruh luar**.

Kajian kualitatif menegaskan bahawa tanpa senarai larangan yang jelas dan terperinci, penguatkuasaan akan menjadi **subjektif, lemah dan mudah dipolitikkan.**

Berdasarkan kajian penandaarasan, dapatan kajian adalah seperti berikut:

1. **Kanada** menyokong dasar larangan sumber kerana hanya individu warganegara atau penduduk tetap boleh menyumbang, sumbangan daripada entiti bukan individu dilarang, dan dana asing bagi aktiviti kempen pihak ketiga juga dilarang.
2. **Germany** menyokong dasar larangan sumber kerana terdapat larangan terhadap kategori tertentu termasuk sumber luar negara pada syarat tertentu, had sumbangan tanpa nama, larangan sumbangan yang mengharapkan kelebihan, dan sekatan terhadap entiti tertentu termasuk yang berkait sumber awam.
3. **New Zealand** menyokong dasar larangan sumber kerana terdapat had ketat terhadap sumbangan daripada *overseas person* dan mekanisme anti-pengelakan seperti larangan pemecahan dan peraturan contributions untuk menutup proksi.
4. **Singapura** menyokong dasar larangan sumber kerana konsep *permissible donors* mengehadkan penderma kepada sumber domestik yang boleh disahkan dan mewujudkan kesalahan serta mekanisme anti-proksi untuk menghalang penyamaran identiti.
5. **United Kingdom** menyokong dasar larangan sumber kerana hanya penderma yang dibenarkan boleh memberi sumbangan dan sumbangan tidak boleh diterima jika identiti tidak dapat dipastikan, serta terdapat mekanisme pemulangan atau penyerahan kepada Suruhanjaya.
6. **Afrika Selatan** menyokong dasar larangan sumber kerana undang-undangnya melarang sumbangan daripada kerajaan asing atau agensi

asing, organ of state, syarikat milik negara dan sumber yang disyaki hasil jenayah.

7. **Sweden** memperuntukkan larangan utama yang dihuraikan ialah larangan penerimaan sumbangan tanpa nama melebihi ambang, manakala larangan asing atau hasil jenayah tidak dihuraikan seluas model Afrika Selatan atau Kanada dalam petikan yang diberi.
8. **Korea Selatan** mempunyai penekanan yang sangat kuat pada kebolehkesanan identiti dan larangan nama palsu.

8.2.5.1.5 Cadangan Perundangan

RUU perlu:

- menyatakan larangan secara spesifik; dan
- membenarkan kemas kini melalui peraturan subsidiari bagi mengekalkan fleksibiliti.

8.2.5.2 Had Sumbangan & Derma Tanpa Nama

8.2.5.2.1 Syor Dasar

RUU hendaklah menetapkan had maksimum sumbangan individu dan entiti dan menetapkan had terhadap sumbangan tanpa nama.

8.2.5.2.2 Rasional Dasar

Kajian awam dan FGD menunjukkan sokongan kukuh terhadap had sumbangan sebagai mekanisme mencegah dominasi penyumbang dana berskala besar, walaupun terdapat perbezaan pandangan tentang amaun yang sesuai. Terdapat juga konsensus bahawa sumbangan tanpa nama hanya boleh diterima secara **sangat terhad** (contohnya kutipan kecil awam), dan tidak boleh digunakan untuk menyembunyikan sumber dana berskala besar.

Dapatan kajian penandaarasan adalah seperti berikut:

1. **Kanada** menyokong had sumbangan kerana menetapkan had sumbangan individu mengikut kategori dan juga menghadkan sumbangan tunai.
2. **Korea Selatan** menyokong had sumbangan kerana meletakkan had kutipan dan sumbangan tertentu melalui mekanisme *supporters' associations* mengikut jenis pilihan raya dan konteks.
3. **Afrika Selatan** menyokong had sumbangan kerana undang-undangnya memperuntukkan had tahunan serta ambang pendedahan bagi sumbangan.
4. **Kanada** menyokong had ketat derma tanpa nama kerana sumbangan anonim dibenarkan hanya pada jumlah kecil dan mekanisme serahan diwajibkan jika melanggar ambang.
5. **Sweden** menyokong had ketat derma tanpa nama kerana parti dilarang menerima sumbangan tanpa nama melebihi ambang price base amount dan perlu memulangkan atau membayar kepada badan pemantau jika tidak dapat dipulangkan.
6. **Germany** menyokong had ketat derma tanpa nama kerana sumbangan anonim dibenarkan hanya hingga ambang tertentu dan lebihan mesti diserahkan menurut mekanisme yang ditetapkan.
7. **New Zealand** menyokong had ketat derma tanpa nama kerana sumbangan anonim dihadkan dan sumbangan yang ingin kekal tanpa identiti awam bagi jumlah tertentu mesti melalui mekanisme Suruhanjaya.
8. **Singapura** menyokong had ketat derma tanpa nama kerana terdapat had agregat penerimaan sumbangan tanpa nama dan kewajipan pemulangan atau penyerahan kepada pihak berkuasa.
9. **United Kingdom** menyokong had ketat derma tanpa nama kerana jika identiti penderma tidak boleh dipastikan, sumbangan tidak boleh diterima dan mesti dipulangkan atau diserahkan kepada Suruhanjaya.

8.2.5.2.3 Cadangan Perundangan

RUU boleh:

- menetapkan had sumbangan; dan
- membenarkan semakan berkala oleh badan kawal selia berdasarkan pengalaman pelaksanaan.

8.2.6 SYOR DASAR 6: MEKANISME PENERIMAAN DANA

8.2.6.1 Syor Dasar

RUU hendaklah mewujudkan mekanisme penerimaan dana yang berpusat pada kawalan titik masuk, supaya setiap ringgit yang masuk boleh dijejaki, disahkan, direkod dan diaudit.

1. RUU hendaklah menetapkan bahawa hanya pegawai yang diberi kuasa boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi pihak entiti politik, dan penerimaan oleh orang lain adalah tidak sah.
2. RUU hendaklah mewajibkan setiap entiti politik membuka akaun bank khas bagi penerimaan sumbangan, dan semua transaksi penerimaan wang hendaklah dimasukkan ke akaun tersebut, kecuali pengecualian kecil yang ditetapkan secara jelas.
3. RUU hendaklah mewajibkan semakan kelayakan penderma sebelum sumbangan dianggap diterima secara sah, termasuk semakan identiti, status penderma yang dibenarkan, dan semakan sama ada sumbangan itu dilarang atau tidak.
4. RUU hendaklah menghadkan penerimaan tunai kepada jumlah kecil dan mewajibkan kaedah pembayaran yang boleh mengesahkan identiti bagi jumlah yang melebihi ambang.

5. RUU hendaklah mewajibkan pengeluaran resit rasmi dan rekod transaksi bagi semua sumbangan yang melebihi ambang minimum, termasuk rekod acara kutipan dana dan sumbangan bukan kewangan.
6. RUU hendaklah menetapkan tempoh masa wajib untuk memulangkan sumbangan yang tidak sah, termasuk sumbangan tanpa nama melebihi had atau sumbangan daripada sumber yang dilarang, dan menetapkan kaedah pemulangan atau penyerahan kepada pihak berkuasa.

8.2.6.2 Rasional Dasar

Antara justifikasi dasar adalah:

- Mekanisme penerimaan yang ketat menutup ruang penyamaran identiti penderma melalui proksi, orang tengah dan pecahan sumbangan.
- Pengasingan akaun bank khas mengurangkan risiko percampuran dana politik dengan dana peribadi dan memudahkan audit serta penguatkuasaan.
- Semakan kelayakan sebelum penerimaan mengurangkan risiko dana asing, dana konflik kepentingan dan dana hasil jenayah memasuki sistem politik.
- Had tunai dan disiplin resit mengurangkan risiko transaksi yang tidak boleh dikesan dan menambah keberkesanan pelaporan serta pendedahan awam.
- Tempoh masa pemulangan yang wajib mengelakkan sumbangan tidak sah digunakan dahulu sebelum kemudian “dibetulkan” apabila dikesan.

Melalui dapatan kajian kualitatif, informan bersetuju bahawa tanggungjawab menerima sumbangan mestilah diletakkan di bawah pegawai atau unit kewangan yang dilantik secara rasmi, seperti bendahari. Penggunaan akaun rasmi membolehkan setiap transaksi dijejaki dan diaudit dengan jelas, sekali gus menghapuskan amalan sumbangan tunai yang tidak direkodkan. Walau

bagaimanapun, pimpinan politik membangkitkan isu teknikal berkaitan sekatan perbankan terhadap individu politik (*Political Affiliated Person - PIP*) yang menyukarkan pembukaan akaun rasmi. Kerajaan dicadangkan untuk melonggarkan syarat perbankan ini seiring dengan pengenalan akta guna memudahkan pematuhan.

Dari sudut penggunaan dana, responden tinjauan paling banyak menyokong dana digunakan untuk program khidmat masyarakat (73.55%), diikuti latihan dan pendidikan politik (63.59%). Pakar menegaskan bahawa penggunaan dana untuk kepentingan peribadi, keluarga, atau pelaburan yang tidak berkaitan dengan fungsi demokrasi parti mestilah dilarang sepenuhnya. Mekanisme kelulusan berganda (*double approval*) juga dicadangkan bagi setiap pengeluaran dana guna memastikan keselamatan dan ketelusan simpanan parti.

Keperluan penetapan jumlah minimum sumbangan yang mesti direkodkan juga dibincangkan. Walaupun terdapat pandangan bahawa setiap sen perlu direkodkan (prinsip ketelusan mutlak), sebahagian informan menyokong penetapan ambang (*threshold*) tertentu bagi tujuan kecekapan pentadbiran dan fokus audit. Ini memastikan badan kawal selia dapat menumpukan perhatian kepada sumbangan yang signifikan tanpa membebankan parti kecil dengan birokrasi yang melampau.

Sandaran penandaarasan adalah seperti berikut:

1) **Kanada** menyokong mekanisme penerimaan berpusat pada pegawai berautoriti kerana hanya ejen rasmi calon dan ejen kewangan entiti dibenarkan menerima sumbangan dan transaksi kewangan mesti diurus serta dilapor mengikut struktur agen dan akaun.
2) **New Zealand** menyokong mekanisme transmisi dan pusat penerimaan kerana undang-undangnya mewajibkan sumbangan disalurkan kepada

setiausaha parti atau didepositkan ke akaun bank yang dinamakan dalam tempoh masa tertentu, dan kegagalan mematuhi dianggap kesalahan.

3) **Singapura** menyokong mekanisme semakan sebelum terima kerana penerima wajib mengenal pasti penderma dan memastikan kelayakan penderma sebelum sumbangan diterima, dan ia turut menekankan pengasingan aliran wang melalui akaun khas.
4) **United Kingdom** menyokong mekanisme "cooling-off" dan pemulangan kerana bendahari perlu mengambil langkah munasabah mengesahkan identiti serta status penderma, dan sumbangan yang dilarang perlu dipulangkan dalam tempoh yang ditetapkan atau diserah kepada pihak berkuasa jika identiti tidak dapat dikenal pasti.
5) **Afrika Selatan** menyokong mekanisme akaun berasingan dan disiplin deposit kerana undang-undangnya menstrukturkan dana dan mengkehendaki pengasingan akaun bagi kategori dana, serta menetapkan had penerimaan melalui saluran yang ditentukan.
6) **Korea Selatan** menyokong mekanisme penerimaan yang boleh dijejaki kerana akta mewajibkan kaedah kutipan yang membolehkan identiti disahkan, melarang nama palsu, dan mewujudkan disiplin resit serta rekod perakaunan.
7) **Germany** menyokong mekanisme penerimaan melalui pengawalan penerima dalaman kerana sumbangan yang diterima bagi pihak parti perlu disalurkan segera kepada pegawai parti yang bertanggungjawab kewangan, dan terdapat juga had tunai untuk sumbangan tertentu.

8.2.6.3 Cadangan Perundangan

Dalam perkara ini, kajian mencadangkan bahawa:

1) RUU hendaklah mewajibkan pelantikan pegawai kewangan berdaftar bagi parti politik, ejen kewangan bagi pihak ketiga, dan ejen rasmi bagi calon,

dan hanya mereka boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi entiti masing-masing.

2) RUU hendaklah mewajibkan akaun bank khas bagi setiap kategori penerima dan melarang penerimaan wang masuk ke akaun peribadi atau akaun tidak didaftarkan untuk tujuan pendanaan politik.
3) RUU hendaklah memperuntukkan kewajipan semakan identiti dan kelayakan penderma, termasuk kewajipan mendapatkan maklumat minimum penderma, sebelum sumbangan dikira sah untuk digunakan.
4) RUU hendaklah menetapkan peraturan tunai, termasuk had maksimum tunai, larangan tunai melebihi ambang, dan kewajipan saluran pembayaran yang boleh mengesahkan identiti bagi amaun yang lebih besar.
5) RUU hendaklah menetapkan peraturan pemulangan atau penyerahan sumbangan tidak sah, termasuk tempoh masa yang ketat, kaedah pemulangan, dan akibat jika sumbangan tidak dipulangkan.
6) RUU hendaklah menjadikan ketidakpatuhan mekanisme penerimaan sebagai kesalahan khusus, termasuk kesalahan menerima tanpa kuasa, kesalahan gagal mendeposit ke akaun khas, kesalahan gagal mengeluarkan resit atau menyimpan rekod, dan kesalahan menggunakan sumbangan tidak sah.

8.2.7 SYOR DASAR 7: PELAPORAN, AUDIT & AKSES AWAM

8.2.7.1 Syor Dasar

Dalam merangkumkan aspek parameter 7 dan 8, RUU hendaklah mewajibkan pelaporan secara berkala, audit bebas dan berwibawa dan pendedahan awam yang berkesan.

8.2.7.2 Rasional Dasar

Dapatan kajian menunjukkan sokongan hampir sebulat suara terhadap keperluan audit dan pelaporan, serta kecenderungan kuat ke arah pendedahan awam bagi meningkatkan kepercayaan rakyat. Walaupun terdapat perbezaan pandangan tentang tahap pendedahan, semua pihak bersetuju bahawa **ketelusan adalah teras keabsahan undang-undang ini**.

Sandaran kepada kajian penandaarasan adalah seperti berikut:

i. **Kanada** menyokong dasar ini kerana semua kategori utama termasuk parti, calon dan pihak ketiga tertakluk kepada pelaporan, audit apabila berkenaan, dan penerbitan maklumat melalui Elections Canada.

ii. **Sweden** menyokong dasar ini kerana penyata hasil tahunan perlu dikemukakan, audit perlu dibuat jika tertakluk, dan Kammarkollegiet menerbitkan penyata untuk akses awam dengan pengecualian tertentu bagi identiti individu.

iii. **Germany** menyokong dasar ini kerana parti wajib menyerah penyata akaun tahunan yang diaudit, dan dokumen tersebut diedarkan sebagai Bundestag printed paper yang boleh diakses oleh orang awam.

iv. **New Zealand** menyokong dasar ini kerana wujud *annual returns* dan pelaporan segera bagi derma besar dalam tempoh tertentu, audit apabila ambang dicapai, dan penerbitan untuk public inspection.

v. **Korea Selatan** menyokong dasar ini kerana sistem menekankan pelaporan, audit dalaman apabila diperlukan, dan pemeriksaan awam terhadap laporan perakaunan yang diurus NEC.

vi. **Singapura** menyokong dasar ini kerana undang-undang mewajibkan pelaporan dan pengisytiharan, menginstitusikan rantaian pematuhan termasuk sijil pematuhan sebelum penamaan calon, serta menyediakan notis awam bagi tindakan tertentu.

vii. **United Kingdom** menyokong dasar ini kerana laporan berkala, audit tertentu, dan akses pemeriksaan awam terhadap dokumen yang diterima oleh Electoral Commission adalah sebahagian reka bentuk pematuhan.

viii. **Afrika Selatan** menyokong dasar ini kerana pendedahan kepada Suruhanjaya adalah wajib, Suruhanjaya menerbitkan pendedahan secara suku tahunan, dan terdapat audit Ketua Audit Negara serta pelaporan institusi kepada National Assembly.

8.2.7.3 Cadangan Perundangan

RUU perlu menentukan:

- bentuk laporan minimum;
- tahap pendedahan (penuh atau ringkasan); dan
- pengecualian terhad atas alasan keselamatan atau kepentingan awam yang munasabah.

8.2.8 SYOR DASAR 8: KESALAHAN & HUKUMAN

8.2.8.1 Syor Dasar

RUU hendaklah memperuntukkan kesalahan khusus dan hukuman berperingkat terhadap pelanggaran undang-undang pendanaan politik.

8.2.8.2 Rasional Dasar

Majoriti besar responden menyokong hukuman tegas terhadap pelanggaran undang-undang pendanaan politik, terutamanya bagi mencegah rasuah dan pengubahan wang haram. Kajian kualitatif menegaskan bahawa tanpa hukuman yang jelas dan berkesan, undang-undang ini berisiko menjadi **simbolik semata-mata** .

Sandaran kepada negara-negara penandaaras adalah seperti berikut:

i. **Kanada** menyokong dasar ini kerana kesalahan dibahagikan mengikut kategori entiti seperti parti, calon dan pihak ketiga, dan penguatkuasaan dijalankan oleh Commissioner mengikut mandat pematuhan.

ii. **Sweden** menyokong dasar ini kerana penguatkuasaan beroperasi melalui rejim pentadbiran seperti injunksi, fi lewat dan fi khas yang berbeza mengikut kategori subjek kawal selia.

iii. **Germany** menyokong dasar ini kerana undang-undangnya menyediakan penalti kewangan yang berfungsi sebagai disinsentif dan turut memperuntukkan kesalahan jenayah bagi perbuatan tertentu seperti pemalsuan penyata atau penyamaran dana.

iv. **New Zealand** menyokong dasar ini kerana wujud kategori corrupt dan illegal practices, kewajipan simpan rekod dan mekanisme rujukan, walaupun petikan benchmarking menyatakan penguatkuasaan tidak selalu tegas.

v. **Korea Selatan** menyokong dasar ini kerana undang-undang memperuntukkan kesalahan dan hukuman yang luas termasuk denda, penjara dan pelucuthakan bagi pelanggaran tertentu.

vi. **Singapura** menyokong dasar ini kerana terdapat kesalahan berkaitan penerimaan sumbangan dilarang, pelaporan palsu, pengelakan melalui proksi dan ketidakpatuhan kepada direktif pengawal selia.

vii. **United Kingdom** menyokong dasar ini kerana kesalahan termasuk deklarasi palsu, kegagalan pematuhan pelaporan dan penalti, yang menjadikan ketelusan suatu kewajipan yang boleh dikuatkuasakan.

viii. **Afrika Selatan** menyokong dasar ini kerana undang-undang menyediakan gabungan remedi pentadbiran seperti penggantungan bayaran, pemulihan wang, denda, serta kesalahan jenayah yang boleh terpakai kepada penerima dan pemberi dalam keadaan tertentu.

8.2.8.3 Cadangan Perundangan

RUU perlu mengenakan liabiliti:

- ke atas parti;
- calon; dan
- mana-mana pegawai yang bertanggungjawab, dengan mengambil kira peranan, tahap penglibatan dan kuasa membuat keputusan.

8.2.9 PENUTUP DASAR

Secara keseluruhan, dapatan kajian dan dokumen dasar tambahan menyokong penggubalan satu RUU Pendanaan Politik yang **tegas tetapi realistik**, berteraskan:

- **ketelusan**,
- **kebebasan institusi**, dan
- **kepercayaan awam**,

serta dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan reformasi pendanaan politik dapat dicapai secara **berkesan dan mampan.**

Bahagian ini merumuskan cadangan dasar utama bagi penggubalan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik yang komprehensif, berprinsip dan boleh dilaksanakan secara berkesan di Malaysia. Secara keseluruhan, bahagian ini menegaskan bahawa reformasi pendanaan politik tidak boleh dibuat secara terpisah atau separa, tetapi perlu dibina melalui satu kerangka perundangan yang lengkap, meliputi skop pemakaian, institusi kawal selia, mekanisme penerimaan dana, pendedahan, audit, penguatkuasaan dan hukuman. Arah utama yang dibawa ialah memastikan sistem pendanaan politik di Malaysia menjadi lebih telus, bertanggungjawab (*accountable*), bersih, bebas daripada pengaruh tidak wajar, dan selaras dengan standard tadbir urus demokrasi moden.

Syor Dasar 1 menekankan keperluan menggubal satu undang-undang khusus bagi mengawal selia pendanaan politik secara menyeluruh. Rasional utamanya ialah dapatan kajian menunjukkan sokongan awam yang sangat tinggi terhadap kewujudan undang-undang sedemikian, dengan majoriti responden percaya bahawa ia boleh mengurangkan rasuah, mengehadkan pengaruh wang dalam politik, dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem demokrasi. Kajian kualitatif pula menunjukkan bahawa pelbagai pihak berkepentingan pada asasnya tidak menolak keperluan undang-undang ini, sebaliknya hanya berbeza pandangan tentang bentuk institusi dan tahap kawalan yang sesuai. Penandaarasan antarabangsa juga membuktikan bahawa kebanyakan negara mengawal pendanaan politik sama ada melalui akta khusus atau rejim undang-undang pilihan raya yang menyeluruh. Oleh itu, cadangan undang-undang menegaskan bahawa Malaysia perlu mewujudkan satu akta induk yang berdiri sendiri bagi memberikan kejelasan mandat, konsistensi dasar merentas institusi, dan keabsahan penguatkuasaan.

Syor Dasar 2 pula menuntut supaya undang-undang ini mempunyai skop pemakaian yang luas dan berterusan. RUU dicadangkan terpakai bukan sahaja kepada parti politik, tetapi juga kepada calon individu, calon bebas dan pihak ketiga, di peringkat Persekutuan serta Negeri, dan beroperasi sepanjang keseluruhan kitaran politik sebelum, semasa dan selepas pilihan raya. Rasional bagi pendekatan ini ialah dapatan kajian menunjukkan bahawa risiko penyalahgunaan dana tidak hanya tertumpu kepada tempoh kempen rasmi, tetapi juga boleh berlaku pada peringkat pra-pilihan raya melalui persediaan awal dan selepas pilihan raya melalui ganjaran politik atau imbuhan kontrak. Penandaarasan dengan Kanada, New Zealand, Singapura, Afrika Selatan dan United Kingdom turut memperlihatkan bahawa skop yang luas diperlukan untuk mengelakkan pengelakan undang-undang melalui pihak ketiga, ejen atau proksi.

Maka, cadangan perundangan menekankan takrif pendanaan politik yang luas dan menolak pendekatan sempit yang hanya tertumpu kepada perbelanjaan kempen semasa pilihan raya.

Syor Dasar 3 memberi fokus kepada penubuhan badan kawal selia yang khusus, bebas dan berakauntabiliti kepada Parlimen. Kajian menunjukkan bahawa rakyat sangat menyokong kewujudan badan khas ini, dan kajian kualitatif pula menzahirkan kebimbangan besar terhadap campur tangan eksekutif, penguatkuasaan terpilih dan kelemahan kuasa siasatan jika pengawalseliaan tidak diletakkan di bawah institusi yang benar-benar berautoriti. Penandaarasan menunjukkan pelbagai model institusi di negara lain, namun trend umumnya ialah regulator diberi tahap kebebasan yang tinggi serta diikat dengan mekanisme akauntabiliti institusi. Dalam konteks kuasa, badan ini hendaklah boleh menerima dan menyemak laporan, menjalankan audit dan siasatan, serta mengenakan hukuman bagi kesalahan tertentu. Pada masa yang sama, cadangan undang-undang turut mencadangkan pembahagian fungsi yang jelas dengan agensi lain seperti SPRM dan Peguam Negara supaya tidak berlaku pertindihan mandat dan kuasa badan kawal selia tidak menjadi ultra vires.

Syor Dasar 4 mencadangkan penubuhan Lembaga Penasihat Pendanaan Politik sebagai mekanisme konsultasi dan semak imbang yang menyokong badan kawal selia tanpa menjejaskan kebebasan penguatkuasaan. Rasionalnya ialah rejim pendanaan politik melibatkan pelbagai subjek kawal selia, isu teknikal dan keperluan tafsiran yang rumit, maka satu saluran nasihat formal boleh membantu memperbaiki garis panduan, borang pelaporan, ambang pendedahan dan pendidikan pematuhan. Dapatan kualitatif menunjukkan bahawa lembaga ini juga penting untuk meningkatkan kredibiliti institusi dan kepercayaan awam terhadap sistem. Model seumpama ini dapat dilihat di Kanada, Singapura dan United Kingdom, walaupun bentuknya berbeza. Oleh itu, cadangan perundangan

menekankan bahawa lembaga ini hendaklah mempunyai komposisi yang seimbang, fungsi yang tidak mengikat, larangan campur tangan dalam kes individu, serta tadbir urus yang telus termasuk pengisytiharan konflik kepentingan dan laporan tahunan.

Syor Dasar 5 berkaitan dengan struktur pendanaan politik itu sendiri. Dari sudut dana kerajaan, kajian ini tidak mencadangkan pemberian dana kerajaan kepada parti politik. Hal ini berasaskan dapatan tinjauan yang menunjukkan kecenderungan relatif lebih tinggi untuk menolak pembiayaan awam berbanding menyokongnya, walaupun temu bual dan FGD menunjukkan pandangan yang berpecah. Ada yang melihat dana kerajaan sebagai alat untuk mewujudkan persaingan politik yang lebih sihat, khususnya bagi pembangkang, manakala yang lain menolak penggunaannya atas alasan wang awam wajar diutamakan untuk kebajikan rakyat. Penandaarasan menunjukkan bahawa kawal selia pendanaan politik boleh tetap berfungsi tanpa subsidi awam yang menjadi teras sistem, seperti di Singapura, United Kingdom dan New Zealand. Walau bagaimanapun, kajian tetap membentangkan simulasi kewangan sekiranya kerajaan mahu mempertimbangkan model pembiayaan awam seperti yang pernah dicadangkan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia, termasuk andaian jumlah sekitar RM130 juta setahun berdasarkan formula perbandingan dengan Jerman.

Dalam Syor Dasar 5 juga, penekanan diberi kepada sumber dana yang dibenarkan dan dilarang, serta had sumbangan dan derma tanpa nama. RUU dicadangkan menyenaraikan secara jelas sumber yang dilarang seperti dana asing, penderma tanpa nama melebihi had, syarikat yang mempunyai konflik kepentingan atau kontrak kerajaan, serta dana yang berkait dengan jenayah dan pengubahan wang haram. Rasionalnya ialah dapatan kajian menunjukkan penolakan kuat terhadap dana asing dan dana tanpa identiti, di samping kebimbangan besar bahawa tanpa larangan yang jelas, penguatkuasaan akan menjadi lemah dan mudah

dipolitikkan. Selari dengan itu, RUU juga hendaklah menetapkan had maksimum sumbangan bagi individu dan entiti, serta menghadkan sumbangan tanpa nama kepada keadaan yang sangat terhad. Penandaarasan dengan Kanada, Korea Selatan, Afrika Selatan, Sweden, Jerman, New Zealand, Singapura dan United Kingdom menunjukkan bahawa had sumbangan dan kawalan ketat terhadap derma anonim merupakan instrumen penting untuk mencegah dominasi penyumbang besar, pengelakan identiti dan penyamaran sumber dana.

Syor Dasar 6 memberi tumpuan kepada mekanisme penerimaan dana, iaitu kawalan di pintu masuk supaya semua dana yang diterima oleh entiti politik boleh dijejaki, disahkan, direkod dan diaudit. Kajian mencadangkan bahawa hanya pegawai yang diberi kuasa secara rasmi seperti bendahari, ejen kewangan atau ejen rasmi dibenarkan menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi pihak entiti politik. Setiap entiti juga perlu membuka akaun bank khas, dan semua transaksi penerimaan dana hendaklah dimasukkan ke akaun tersebut, kecuali pengecualian kecil yang ditetapkan dengan jelas. Sebelum sesuatu sumbangan dianggap sah, semakan identiti penderma, status kelayakan dan sifat sumbangan hendaklah dilakukan. Tunai pula hendaklah dihadkan kepada jumlah kecil, manakala amaun yang lebih besar mesti melalui kaedah pembayaran yang boleh mengesahkan identiti. Di samping itu, resit rasmi, rekod transaksi, peraturan pemulangan sumbangan tidak sah, dan penetapan kesalahan khusus bagi ketidakpatuhan terhadap mekanisme penerimaan semuanya dicadangkan sebagai elemen asas. Rasional dasar ini ialah bagi menutup ruang proksi, pecahan sumbangan, percampuran dana politik dengan dana peribadi, serta penggunaan dana tidak sah sebelum ia dikesan.

Syor Dasar 7 menegaskan bahawa RUU perlu mewajibkan pelaporan berkala, audit bebas dan akses awam yang berkesan. Kajian menunjukkan sokongan hampir sebulat suara terhadap keperluan audit dan pelaporan, manakala

pendedahan awam dilihat sebagai instrumen utama untuk membina kepercayaan rakyat terhadap integriti sistem. Walaupun terdapat perbezaan pandangan tentang tahap pendedahan yang sesuai, semua pihak bersetuju bahawa ketelusan ialah asas keabsahan undang-undang pendanaan politik. Penandaarasan antarabangsa juga menunjukkan bahawa pelaporan, audit dan penerbitan maklumat kepada umum merupakan ciri teras rejim pendanaan politik di kebanyakan negara. Oleh itu, cadangan undang-undang ialah supaya RUU menentukan bentuk laporan minimum, tahap pendedahan yang perlu dibuat, dan pengecualian yang terhad atas alasan keselamatan atau kepentingan awam yang munasabah.

Syor Dasar 8 pula menumpukan kepada keperluan memperuntukkan kesalahan khusus dan hukuman berperingkat bagi pelanggaran undang-undang pendanaan politik. Rasionalnya jelas, iaitu majoriti besar responden menyokong hukuman tegas sebagai langkah pencegahan terhadap rasuah, pengubahan wang haram dan manipulasi sistem politik. Kajian kualitatif menegaskan bahawa tanpa hukuman yang nyata dan berkesan, undang-undang ini berisiko kekal sebagai deklarasi normatif semata-mata tanpa daya paksa sebenar. Penandaarasan menunjukkan pelbagai bentuk penguatkuasaan, termasuk penalti pentadbiran, penalti kewangan, liabiliti jenayah, fi lewat, injunksi, penggantungan bayaran dan pemulihan wang, bergantung kepada jenis pelanggaran dan subjek kawal selia. Maka, cadangan perundangan ialah supaya RUU mengenakan liabiliti bukan sahaja ke atas parti, tetapi juga calon dan mana-mana pegawai yang bertanggungjawab, dengan mengambil kira tahap penglibatan, kuasa membuat keputusan dan peranan sebenar mereka dalam pelanggaran tersebut.

Secara keseluruhannya, bahagian ini membina satu rangka dasar yang saling berkait antara satu sama lain. Undang-undang khusus diperlukan sebagai asas, skop yang luas diperlukan bagi menutup kelompongan, badan kawal selia yang

bebas dan lembaga penasihat diperlukan untuk menjamin kredibiliti institusi, kawalan terhadap sumber dan had sumbangan diperlukan untuk melindungi integriti sistem, mekanisme penerimaan dana yang ketat diperlukan untuk kebolehkesanan, pelaporan serta audit diperlukan untuk ketelusan, dan hukuman yang jelas diperlukan untuk memastikan pematuhan. Keseluruhan cadangan ini menunjukkan bahawa reformasi pendanaan politik di Malaysia perlu digerakkan secara sistemik supaya dapat membina demokrasi yang lebih bersih, adil, telus dan tahan terhadap penyalahgunaan kuasa serta pengaruh wang.

8.3 JADUAL PERBANDINGAN ANTARA RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN, CADANGAN DASAR KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN, SESI LIBAT URUS BHEUU, DAPATAN TRIANGULASI DAN CADANGAN SERTA SYOR DASAR

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
PARAMETER 1: KEPERLUAN UNDANG-UNDANG				
1.	***Preamble*** *To provide for the regulation of public and private funding of political parties, to create offences and set penalties and administrative fines for any contravention, and to provide for related matters.* ***2. Objects of this Act*** *(1) The objects of this Act shall be:* *(a) to provide for and regulate the public and private funding of political parties;* *(b) to provide for the establishment and management of a fund to finance the activities of political parties;* *(c) to prohibit certain donations made directly to political parties;* *(d) to require and regulate the full and frank disclosure of all donations received by or accepted on behalf of, political parties;* *(e) to stipulate and specify the duties of political parties in respect of the receipt, utilisation, and reporting of public and private funding; and* *(f) to establish and provide for the powers and duties of a Commission, to be operated independent of government, which shall oversee the fair and equitable distribution and utilisation of the public fund.*	***KEPERLUAN UNDANG-UNDANG (Halaman 76-77)*** *"148. Rajah 39 menunjukkan dapatan berkenaan persepsi tentang keperluan pewujudan undang-undang berkaitan Pendanaan Politik. Dapatan kajian menunjukkan kesepakatan penuh dalam kalangan responden, apabila 1544 orang (100.00%) menyatakan persetujuan terhadap keperluan Kerajaan untuk mewujudkan undang-undang berkaitan Pendanaan Politik.* *149. Tahap persetujuan mutlak ini mencerminkan pengiktirafan yang sangat tinggi terhadap kepentingan pewujudan undang-undang khusus berkaitan Pendanaan Politik. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden melihat ketiadaan atau kelemahan kerangka perundangan sedia ada sebagai satu jurang yang perlu ditangani bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam sistem politik. Kesepakatan sepenuhnya juga menandakan keperluan yang mendesak untuk campur tangan kerajaan melalui penggubalan undang-undang yang komprehensif, sebagai mekanisme kawal selia terhadap sumber dan penggunaan dana politik. 150. Secara keseluruhannya, dapatan ini memberikan justifikasi empirikal yang kukuh kepada Kerajaan untuk meneruskan inisiatif penggubalan undang-undang Pendanaan Politik sebagai sebahagian*	**ANALISIS TRIANGULASI** Dapatan triangulasi menunjukkan wujudnya kesepakatan mutlak di peringkat awam dan pakar bahawa penggubalan undang-undang khusus berkaitan pendanaan politik di Malaysia bukan lagi satu pilihan, tetapi merupakan satu keperluan mendesak yang sudah lama tertangguh (*long overdue*). Data kuantitatif menyokong naratif ini dengan 88.24% responden tinjauan bersetuju bahawa Malaysia memerlukan undang-undang untuk mengawal sumbangan dana politik supaya ia lebih telus dan adil. Keyakinan ini didorong oleh persepsi bahawa undang-undang tersebut mampu menjadi mekanisme ampuh dalam mengurangkan masalah rasuah sistemik yang sering dikaitkan dengan perolehan dana parti politik. **DAPATAN FGD** ➢ Secara keseluruhannya, jadual ini memperlihatkan konsensus yang luas merentas sektor terhadap keperluan undang-undang pendanaan politik, dengan justifikasi yang berbeza mengikut latar belakang informan. Akademik dan ahli politik paling dominan dalam hampir semua subtema, manakala NGO menonjol dalam aspek penguatkuasaan dan anti-rasuah. Pandangan tidak bersetuju pula bersifat minoriti dan tertumpu dalam kelompok tertentu sahaja. ➢ Secara keseluruhannya, dapatan FGD memperlihatkan bahawa implikasi penggubalan undang-undang pendanaan politik bukan sahaja	Kerajaan perlu menggubal satu undang-undang khusus bagi mengawal selia pendanaan politik secara menyeluruh dan lebih berfokus. Undang-undang ini hendaklah merangkumi aspek sumber dana dan perbelanjaan politik, serta bertujuan meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti sistem demokrasi negara.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	(2)In the implementation of the provisions of this Act, all parties shall prioritise and maximise: *(a) the fair and equitable distribution of funding, based on acceptable international standards, for the purpose of strengthening representative democracy in Malaysia;* *(b) openness, transparency, accountability and disclosure to the public; and* *(c) utmost good faith and truthfulness in any disclosures or declarations that they may be required to make, without purpose of evasion.*	*daripada usaha pembaharuan tadbir urus dan pengukuhan demokrasi."* ***JANGKA MASA PEMBENTANGAN RUU DI PARLIMEN (Halaman 77-78)*** *"151. Rajah 40 menunjukkan dapatan berkenaan cadangan jangka masa pembentangan rang undang-undang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden, iaitu 1395 orang (90.32%) berpandangan bahawa Akta ini wajar dibentangkan di Parlimen sebelum Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU-16). Sebaliknya, hanya 149 orang (9.68%) berpendapat bahawa pembentangan Akta tersebut boleh dibuat selepas PRU-16. Dapatan ini jelas menunjukkan kecenderungan kuat responden terhadap keperluan tindakan segera oleh Kerajaan.* *152. Tahap persetujuan yang tinggi terhadap pembentangan Akta sebelum PRU-16 mencerminkan persepsi responden bahawa isu yang berkaitan dengan Akta ini adalah bersifat mendesak dan kritikal, khususnya dalam konteks memastikan tadbir urus, ketelusan dan integriti proses politik. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden mengharapkan kerangka perundangan yang jelas dan berfungsi dapat diwujudkan sebelum berlangsungnya PRU-16 bagi mengelakkan sebarang kelemahan atau ruang salah guna yang berpotensi menjejaskan keadilan pilihan raya. Peratusan responden yang lebih kecil yang memilih pembentangan selepas PRU-16 pula mungkin mencerminkan pandangan bahawa masa tambahan diperlukan bagi penelitian lanjut; namun, pandangan ini adalah minoriti dan tidak menjejaskan konsensus umum tentang keperluan pembentangan segera.* *153. Secara keseluruhannya, dapatan ini memberikan isyarat yang jelas kepada Kerajaan mengenai kepentingan keutamaan masa dalam penggubalan dan pembentangan Akta ini."* ***KESAN UNDANG-UNDANG DALAM MENURUNKAN RASUAH (Halaman 78-80)***	tertumpu kepada ketelusan dan pencegahan rasuah, tetapi turut melibatkan transformasi struktur parti, keadilan persaingan serta pengukuhan kerangka kawal selia dan penguatkuasaan. ➢ Cadangan tambahan untuk dimuatkan dalam RUU merangkumi pengukuhan mekanisme aduan dan perlindungan pemberi maklumat, pendidikan dan pembinaan kapasiti, penguatkuasaan yang bebas dan berkesan, penggunaan teknologi digital bersepadu, pendekatan pelaksanaan berperingkat serta semakan berkala undang-undang bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti dan keberkesanan pelaksanaan dalam jangka panjang. **DAPATAN TEMU BUAL** ➢ Kesimpulannya, majoriti informan berpandangan Akta Pendanaan Politik ialah keperluan mendesak yang sudah lama tertangguh untuk membendung politik wang, menyeragamkan standard pengurusan dana, mencegah penyalahgunaan dana tidak direkod, serta mengurangkan persepsi pendakwaan terpilih melalui garis pemisah yang jelas antara sumbangan sah dan rasuah. **DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)** ➢ Sokongan terhadap keperluan undang-undang ini adalah sangat padu, dengan gabungan responden yang menyatakan "Setuju" (28.59%) dan "Sangat Setuju" (59.65%) mencecah 88.24% . Keyakinan yang tinggi ini datangnya daripada kepercayaan bahawa undang-undang tersebut mampu mengurangkan masalah rasuah. ➢ Walaupun sokongan hampir menyeluruh, masih ada segelintir kecil responden (70 orang) yang tidak bersetuju. Kerisauan utama mereka (0.32%) adalah pandangan bahawa ahli politik dan penderma tetap tidak akan mematuhi undang-undang tersebut, selain rasa kurang yakin terhadap keberkesanan penguatkuasaan.. Hal ini menekankan keperluan untuk menetapkan skop pelaksanaan yang ketat bagi menutup sebarang lompang perundangan. ➢ Dari sudut keyakinan terhadap keberkesanan undang-undang, majoriti responden menunjukkan pandangan yang positif, dengan 37.31%	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		"154. Rajah 41 menunjukkan dapatan berkenaan persepsi tentang peranan undang-undang berkaitan pendanaan politik dalam menurunkan kadar rasuah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu 1409 orang (91.24%) bersetuju bahawa pewujudan undang-undang berkaitan pendanaan politik berupaya menurunkan kadar rasuah negara, khususnya dalam kalangan parti politik dan ahli politik. Sebaliknya, hanya 135 orang (8.76%) menyatakan ketidaksetujuan terhadap pandangan tersebut. Peratusan persetujuan yang tinggi ini mencerminkan tahap keyakinan yang signifikan terhadap peranan undang-undang pendanaan politik sebagai instrumen pencegahan rasuah. *155. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden secara umumnya melihat undang-undang pendanaan politik sebagai mekanisme penting dalam meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan politik. Persepsi ini berasaskan anggapan bahawa kawal selia yang jelas terhadap sumber, sumbangan dan perbelanjaan dana politik dapat mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa serta amalan rasuah. Tahap ketidaksetujuan yang rendah pula menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil responden meragui keberkesanan undang-undang tersebut, kemungkinan disebabkan faktor pelaksanaan atau penguatkuasaan.* *156. Secara keseluruhannya dapatan ini menyokong pandangan bahawa undang-undang pendanaan politik berpotensi menjadi salah satu langkah strategik dalam usaha mengekang rasuah dan memperkukuh tadbir urus politik di negara ini."* ***Halaman 80-82*** ***RUMUSAN SYOR*** *"157. Berdasarkan analisis terhadap maklum balas peserta dan perbincangan di atas, adalah disyorkan agar RUU Pendanaan Politik digubal dengan skop pemakaian yang luas, merangkumi*	menyatakan agak yakin dan 28.10% menyatakan sederhana yakin bahawa undang-undang pendanaan politik akan menjadikan politik di Malaysia lebih telus dan adil. ➢ Selain itu, sokongan terhadap usaha membanteras unsur jenayah dalam pendanaan politik adalah sangat tinggi, apabila 45.47% sangat setuju dan 28.41% setuju bahawa undang-undang baharu perlu bertujuan mencegah wang daripada aktiviti haram seperti rasuah dan jenayah. Dari segi kepercayaan peribadi, 32.27% menyatakan percaya dan 32.08% sangat percaya bahawa mereka akan lebih mempercayai ahli politik sekiranya dana yang diterima dilaporkan sepenuhnya. ➢ tahap keyakinan terhadap penguatkuasaan yang adil oleh pihak berkuasa adalah lebih sederhana, dengan 35.33% menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat sokongan yang kuat terhadap prinsip ketelusan dan kawal selia, keyakinan terhadap pelaksanaan yang benar-benar bebas dan tidak memihak masih memerlukan pengukuhan.	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		semua pihak yang terlibat dalam penerimaan dana termasuk Ahli Parlimen, ADUN, dan calon bebas bagi menutup sebarang ruang salah guna. Dari aspek tadbir urus, Kerajaan disyorkan untuk menubuhkan sebuah badan kawal selia khusus yang mempunyai mandat menyeluruh untuk pemantauan dan penguatkuasaan. Sekiranya pemerkasaan agensi sedia ada dilaksanakan, maka SPR dikenal pasti sebagai agensi sedia ada yang paling sesuai untuk melaksanakan fungsi tersebut. Namun, sekiranya Kerajaan memilih untuk mewujudkan sebuah badan baharu, maka penubuhan Suruhanjaya Dana Politik yang bersifat bebas dilihat sebagai entiti yang paling sesuai untuk melaksanakan fungsi kawal selia dana politik. Bagi menjamin elemen semak dan imbang, penubuhan sebuah Lembaga Penasihat yang diletakkan di bawah pengawasan Parlimen adalah perlu bagi memberikan panduan strategik kepada badan kawal selia tersebut. *158. Selain itu, dasar mengenai sumber dana perlu ditetapkan dengan tegas di mana sumbangan daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan entiti asing hendaklah dilarang sama sekali bagi memelihara kedaulatan negara dan neutraliti sektor awam. Walau bagaimanapun, sumbangan melalui kaedah fundraising dan crowdfunding wajar dibenarkan kerana ia mendapat okongan hampir sebulat suara daripada pihak berkepentingan. Bagi meningkatkan ketelusan, setiap sumbangan melebihi nilai ambang RM5,000 wajib direkodkan, dan laporan kewangan tahunan parti politik mestilah diaudit oleh firma bebas sebelum didedahkan kepada umum. Akhir sekali, kerangka hukuman yang komprehensif termasuk denda, penjara, dan pembatalan pendaftaran parti perlu diperuntukkan bagi memastikan pematuhan yang berkesan terhadap akta ini."* ***KESIMPULAN*** *"159. Secara keseluruhannya, Laporan Dapatan Sesi Libat Urus ini membuktikan bahawa terdapat keperluan yang mendesak dan sokongan padu daripada pelbagai pihak berkepentingan terhadap*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Pendanaan Politik. Kesepakatan mutlak 1544 orang (100%) yang dizahirkan oleh para peserta menunjukkan bahawa kawal selia terhadap dana politik bukan lagi sekadar pilihan, sebaliknya merupakan satu prasyarat utama dalam usaha memperkukuh integriti, ketelusan, dan tadbir urus demokratik negara. Dapatan kajian dengan jelas memberi mandat kepada Kerajaan untuk merangka undang-undang yang bersifat holistik dan inklusif, merangkumi kawal selia menyeluruh terhadap semua aktor politik termasuk calon bebas, serta penubuhan badan kawal selia khusus yang berwibawa. *160. Pelaksanaan 12 siri sesi libat urus di peringkat nasional ini telah berjaya mengumpul input kritikal mengenai parameter dasar, khususnya berkaitan larangan sumbangan daripada entiti asing dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi memelihara kedaulatan serta neutraliti sektor awam. Selain itu, tuntutan tinggi terhadap mekanisme akauntabiliti melalui pengauditan wajib dan pendedahan laporan kewangan kepada umum mencerminkan aspirasi rakyat untuk melihat landskap politik yang bersih daripada amalan rasuah dan salah guna kuasa.* *161. Kesimpulannya, penggubalan RUU Pendanaan Politik ini dilihat sebagai instrumen strategik yang mampu menurunkan kadar rasuah negara. Memandangkan majoriti besar responden (90.32%) mengharapkan akta ini dapat dikuatkuasakan sebelum Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU-16), Kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk memuktamadkan dasar dan membentangkan RUU ini di Parlimen. Langkah ini amat penting bagi memastikan setiap ringgit dalam pendanaan politik dapat dikesan dan dipertanggungjawabkan, seterusnya mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap sistem demokrasi negara"*		
PARAMETER 2: RANGKUMAN PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG				

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
2.	***3. Interpretation*** *In this Act, unless the context indicates otherwise –* *"anonymous donation" means any donation whose name of the donors are not known to a political party receiving said donation* *"Cash donation" means any donation to political party in the form of currency note and currency coin.* *"Currency note" and "currency coin" are defined by the Currency Act 2020.* *"CEO" refers to the Chief Executive Officer of the Political Party Fund, appointed by the Commission under section 24(10)(a) of this Act.* *"the Commission" refers to the Political Financing Commission as established by subsection 21(1) of this Act.* *"the Committee" refers to the Parliamentary Committee on Political Financing established by subsection 20(1) of this Act.* *"Chairman" refers to the Chairman of the Commission. "day of determination" means the last day of January each year;* *"donation" in relation to a political party means any gift of money or property to the political party and is inclusive of "donation in kind" which – (a) includes – (i) any money lent to the political party other than on commercial terms; (ii) any money paid on behalf of the political party for any expenses incurred directly or indirectly by that political party; (iii) the provision of assets, services or facilities for the use or benefit of a political party other than on commercial terms but including situations where a donor sells an item or service to a political party for less than the market price, whereby in such a*	***Peringkat kesesuaian pemakaian akta*** ***Halaman 14-16:*** *"22. Dapatan mengenai pandangan terhadap rangkuman pemakaian akta adalah sebagaimana dalam Rajah 2 di atas. Rajah 2 menunjukkan majoriti responden iaitu sebanyak 1366 orang (88.48%) berpandangan agar undangundang ini perlu terpakai kepada semua pihak yang terlibat dalam aktiviti penerimaan dana politik. Ini termasuklah kepada parti politik, Ahli Dewan Rakyat (ADR), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), ejen pilihan raya, calon bebas, pegawai lantikan politik yang bekerja untuk seseorang ahli politik dan sebagainya. Sebanyak 52 orang (3.36%) berpandangan undang-undang ini perlu merangkumi penerima dan pemberi dana politik. Selain itu, sebanyak 44 orang (2.85%) berpandangan undang-undang ini tidak terpakai kepada calon bebas atau wakil rakyat daripada parti bebas.* *23. Manakala, sebanyak 82 orang (5.31%) responden mengemukakan lainlain pandangan yang pelbagai seperti pemakaian akta ini perlu terpakai kepada parti politik sahaja, perlu merangkumkan NGO dan CSO yang terlibat dengan aktiviti politik, hanya terpakai kepada ahli politik yang memegang jawatan tertinggi parti (Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan Bendahari parti) sahaja, rangkuman pemakaian undang-undang kepada ahli keluarga ahli politik yang menerima dana politik, pemakaian kepada parti politik sahaja, dan sebagainya.* *24. Tahap persetujuan yang amat tinggi terhadap pemakaian undangundang kepada semua pihak yang terlibat dalam pendanaan politik mencerminkan penolakan jelas terhadap pendekatan pengawalseliaan yang bersifat terhad atau selektif. Responden secara umumnya melihat bahawa sebarang pengecualian, khususnya terhadap calon bebas atau individu tertentu, berpotensi mewujudkan jurang penguatkuasaan yang boleh dieksploitasi untuk mengelakkan pemantauan dan akauntabiliti. Pandangan minoriti*	**ANALISIS TRIANGULASI** Penentuan peringkat pemakaian undang-undang merupakan aspek kritikal bagi mengelakkan wujudnya kelompongan (*loopholes*) yang boleh dieksploitasi untuk menyalurkan dana secara tidak telus. Berdasarkan analisis triangulasi, **majoriti informan dan responden menegaskan bahawa akta ini mestilah mempunyai rangkuman yang menyeluruh dan tidak terhad kepada parti politik semata-mata**. Data tinjauan menunjukkan 55.70% rakyat mahu undang-undang ini merangkumi kedua-dua parti politik dan calon individu, manakala 84.18% mahukan ia terpakai untuk semua peringkat pilihan raya, termasuk Pilihan Raya Umum (PRU) dan Pilihan Raya Negeri (PRN). **DAPATAN FGD** ➢ Secara keseluruhannya, dapatan memperlihatkan bahawa kesesuaian pemakaian Akta Pendanaan Politik menurut informan adalah bersifat menyeluruh dari segi individu yang diliputi, melibatkan keseluruhan struktur parti dengan pendekatan berperingkat dan fleksibel, serta terpakai sepanjang masa sebelum, semasa dan selepas pilihan raya bagi memastikan tiada lompang dari sudut kawal selia dan tadbir urus dana politik. **DAPATAN TEMU BUAL** ➢ Kesimpulannya, pemakaian akta perlu menyeluruh merentas persekutuan, negeri dan akar umbi tetapi cukup fleksibel mengikut kapasiti pentadbiran serta realiti kos dan geografi (khususnya Sabah dan Sarawak). Skop juga perlu menutup kelompongan melalui pemakaian kepada parti, calon (termasuk calon bebas), serta entiti perantara atau "alter ego" yang boleh digunakan untuk memintas pemantauan. **DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)** ➢ Berdasarkan data, majoriti responden (55.70%) mahu undang-undang ini merangkumi kedua-dua parti politik dan calon individu. Selain itu, majoriti (84.18%) mahukan peraturan ini terpakai untuk kedua-dua Pilihan Raya Umum (PRU) dan Pilihan Raya Negeri (PRN).	RUU hendaklah terpakai secara menyeluruh kepada parti politik dan calon individu, termasuk calon bebas, dan pihak ketiga. Ia juga merangkumi peringkat Persekutuan dan Negeri dan berkuat kuasa sepanjang kitaran politik sepenuhnya, iaitu sebelum, semasa dan selepas pilihan raya.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	case the donation in kind is the amount of discount; or (iv) the provision of any sponsorship in relation to the political party, that is given, spent, lent or provided for the political party; but (b) does not include services rendered personally by a volunteer; *"campaign period" the period during which any candidate or his election agent is allowed to hold election campaign in the candidate's constituency, being the period commencing from the time the returning officer declares that a poll will be taken in the constituency for which he is appointed and ending on the expiration of the day before polling day;* *"Election candidate" means a candidate for election that has been registered by the Election Commission "Minister" means the Minister charged with the responsibility for law;* *"national headquarter" is the central headquarter of a political party in Malaysia "state headquarters" is the state branch of a political party managing its local branches in a state of Malaysia.* *"transfer donation" means any donation made through bank transfer:* *"local branch" means political party branches in each constituency of a state in Malaysia; "entity" is inclusive of persons, companies, associations and organisations* *"financial year" means an accounting period of a year that ends on 31 December each year; "foreign government" means the government of a foreign country* *"the Fund" means the Political Party Fund as established by subsection 10(1) of this Act;*	*yang mengehadkan pemakaian undang-undang kepada penerima dan pemberi dana sahaja menunjukkan kewujudan kebimbangan terhadap beban pematuhan atau kerumitan pelaksanaan, namun sokongan ini terlalu kecil untuk menjejaskan arah dasar keseluruhan. Begitu juga pandangan yang mengecualikan calon bebas, yang berpunca daripada tanggapan bahawa calon bebas beroperasi dalam skala lebih kecil, namun persepsi ini tidak selari dengan prinsip keadilan dan kesamarataan undang-undang.* *25. Secara keseluruhan, dapatan ini memberi isyarat dasar yang kuat bahawa Rang Undang-Undang Pendanaan Politik perlu digubal dengan skop pemakaian yang luas dan menyeluruh, merangkumi semua aktor politik tanpa pengecualian. Pemakaian undang-undang ini juga perlu merangkumi segala aktiviti yang melibatkan dana politik samada sewaktu musim pilihan raya (pilihan raya umum dan pilihan raya negeri) dan juga di luar musim pilihan raya. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan ketelusan dan integriti sistem politik, malah mengelakkan pemindahan risiko rasuah atau salah guna dana ke saluran alternatif yang tidak dikawal."*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	"government-linked entities (GLEs)" refers to any entities in which the Malaysian Government (Federal Government or State Government) have substantial shareholding held by itself or through any statutory bodies (which includes state statutory bodies or state corporations) and its subsidiaries (as defined by the Companies Act 2016) of such entity. *"substantial shareholding" is defined by section 136 of the Companies Act 2016;* *"Organized criminal group" means a group of two or more persons, acting in concert with the aim of committing one or more serious offences, in order to obtain, directly or indirectly, a material benefit, power or influence. "Malaysia-controlled company" is a company that is not a foreign company as defined in s2(1) of the Companies Act 2016 (Act 777).* *"Parliamentary election" means an election of members of the House of Representatives where the writs of election are issued in all Parliamentary constituencies;* *"political financing" refers to the activity of sourcing funds for expenditure incurred during party activities and to sustain the party machinery. These activities include fundraising, costs of maintaining permanent offices, carrying out policy research, conducting polls and political education, running advertising campaigns for policies, and mobilizing voters; "political party" refers to a political party as defined in section 2 of the Societies Act 1966 (Act 335)* *"Regions" are divided into the following – (a) Peninsular Malaysia; (b) Sarawak; and (c) Sabah and the Federal Territory of Labuan "State election" means an election of members of the Legislative Assembly of any*			

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	States where the writs of election are issued in all State constituencies; *"total valid votes" mean the total number of votes counted other than rejected votes; and* *"woman elected representative" means a woman who is elected as a member of either the House of Representatives or the Legislative Assembly of any State.*			
PARAMETER 3: PENGWUJUDAN BADAN KAWAL SELIA DANA POLITIK				
3.	***PART V – ESTABLISHMENT OF PARLIAMENTARY COMMITTEE ON POLITICAL FINANCING AND POLITICAL FINANCING COMMISSION*** ***23. Parliamentary Committee on Political Financing*** *(1) There shall be a permanent committee in the House of Representatives known as the Parliamentary Committee on Political Financing to carry out the functions as follows: (a) to nominate the members of the Commission as set out in s24(2); (b) recommend to the Yang di-Pertuan Agong to remove members of the Commission if they fulfil the criteria set out in s24(5); and (c) to consider the report issued by the Commission under section 29.* *(2)The Committee shall be appointed at the beginning of every Parliament and no later than 60 days after the commencement of the first session of each Parliament.* *(3)The Committee shall consist of not less than 6 and not more than 12 members of the House of Representatives appointed by a resolution of the House, and the composition of the Committee shall reflect the balance between the parties in the House , none of whom shall be a member of the administration.*	**Keperluan untuk mewujudkan sebuah badan bagi mengawal selia dana politik** **Halaman 16-18:** *"27. Rajah 3 menunjukkan dapatan pandangan terhadap keperluan pewujudan badan kawal selia dana politik. Berdasarkan dapatan di atas, hampir keseluruhan responden iaitu seramai 1,510 orang (97.83%) bersetuju dengan cadangan untuk mewujudkan satu entiti khusus bagi mengawal selia dana politik, manakala hanya 34 orang responden (2.17%) menyatakan tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan tahap persetujuan yang amat tinggi dan hampir sebulat suara terhadap keperluan sebuah badan atau entiti kawal selia yang berfungsi secara khusus dalam pengurusan, pemantauan dan kawal selia terhadap pendanaan politik. Sokongan yang menyeluruh ini mencerminkan keyakinan responden bahawa penubuhan entiti khusus yang mempunyai mandat jelas dan tersendiri dalam usaha untuk kawal selia dana politik yang lebih teratur.* *28. Tahap persetujuan yang hampir mutlak ini memberikan isyarat dasar yang sangat kuat terhadap keperluan pewujudan entiti kawal selia dana politik. Responden secara tidak langsung mengiktiraf bahawa isu pendanaan politik memerlukan pengawasan berinstitusi yang lebih tersusun, bebas dan konsisten. Kewujudan peratusan kecil yang tidak bersetuju berkemungkinan berpunca daripada kebimbangan*	**ANALISIS TRIANGULASI** Parameter ketiga memfokuskan kepada keperluan institusi yang bertanggungjawab sebagai agensi pelaksana. Sebanyak 86.32% rakyat menunjukkan keinginan jelas terhadap pembaharuan institusi melalui penubuhan badan pengawal selia yang khusus. Terdapat perbezaan pandangan mengenai model badan yang paling sesuai, **namun majoriti informan cenderung menyokong penubuhan sebuah suruhanjaya atau badan bebas baharu yang diletakkan di bawah Parlimen bagi memastikan kebebasan dan autonomi daripada pengaruh eksekutif.** **DAPATAN FGD** ➢ Dua aliran utama pandangan informan, iaitu sokongan dominan terhadap penubuhan badan kawal selia khusus yang bebas dan berfokus, serta pandangan alternatif yang mencadangkan pemerkasaan atau penggunaan agensi sedia ada seperti SPRM, SPR dan Parlimen bagi tujuan pengawasan dana politik. ➢ Secara keseluruhannya, dapatan memperlihatkan dua kecenderungan utama, iaitu sokongan dominan terhadap penubuhan suruhanjaya atau badan bebas baharu di bawah Parlimen dengan autonomi dan pelantikan telus, serta cadangan alternatif untuk memperkasa atau menggunakan agensi sedia ada seperti SPR, SPRM dan ROS bagi tujuan pengawalseliaan dana politik. ➢ Dapatan juga menunjukkan bahawa struktur badan kawal selia dana politik menurut informan merangkumi tiga dimensi utama: keanggotaan yang berintegriti dan profesional, struktur dalaman	RUU hendaklah mewujudkan **badan kawal selia pendanaan politik yang khusus dan bebas**, dengan akauntabiliti kepada Parlimen. Badan kawal selia hendaklah diberi kuasa penguatkuasaan termasuk untuk menerima dan menyemak laporan kewangan, menjalankan audit dan siasatan dan mengenakan hukuman untuk kesalahan tertentu.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	(4) In carrying out its functions under subsection (1), the Committee may determine its own procedure, subject to the provisions of the Standing Orders of the House of Representatives and the Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952. *(5)The Committee shall make an annual report on the discharge of their functions under this Act and present it to the House of Representatives as soon as possible.* ***24. Political Financing Commission*** *(1) There shall be a Political Financing Commission which shall be an autonomous institution.* *(2)The Commission shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong on the recommendation of the the Committee as established in subsection 22(1), and shall consist of a Chairman, a Deputy Chairman and five other members serving a term of 6 years and they shall be eligible for reappointment for a further term of 6 years.* *(3)In appointing members of the Commission, the Yang di-Pertuan Agong shall have regard to the importance of securing a Commission which enjoys public confidence.* *(4)The Chairman, Deputy Chairman and five other members serving the Commission shall cease to hold office on attaining the age of sixty-six years or on becoming disqualified under this Act and may at any time resign his office by writing under his hand addressed to the Yang di-Pertuan Agong, but shall not be removed from office except on the like grounds and in the like manner as a judge of the Federal Court.* *(5)Notwithstanding anything in subsection (4), the Yang di-Pertuan Agong on the*	*terhadap pertambahan birokrasi, pertindihan fungsi dengan agensi sedia ada, atau implikasi kos pentadbiran. Walau bagaimanapun, pandangan minoriti ini tidak menjejaskan konsensus umum bahawa manfaat penubuhan entiti kawal selia khusus adalah jauh lebih besar daripada cabaran pelaksanaannya.* *29. Dari perspektif penggubalan dasar, dapatan ini memberikan legitimasi politik dan sosial yang kukuh kepada Kerajaan untuk menubuhkan sebuah entiti kawal selia dana politik yang mempunyai kuasa jelas, termasuk kuasa pendaftaran, pemantauan, audit, penguatkuasaan dan pengenaan tindakan. Penubuhan entiti ini juga dilihat sebagai prasyarat penting bagi memastikan undang-undang pendanaan politik dapat dilaksanakan secara berkesan, telus dan bebas daripada campur tangan politik."* **<u>Keperluan diwujudkan sebuah badan untuk kawal selia dana politik yang baharu atau memadai dengan memperkasakan fungsi agensi sedia ada yang bersesuaian</u>** **Halaman 18-19:** "30. Rajah 4 di atas menunjukkan pandangan responden yang seimbang berhubung mekanisme penubuhan entiti kawal selia dana politik. Berdasarkan dapatan di atas, didapati sebanyak 50 peratus responden bersetuju bahawa agensi sedia ada boleh digunakan untuk melaksanakan fungsi kawal selia dana politik, manakala 50 peratus lagi berpandangan bahawa satu entiti baharu perlu diwujudkan khusus bagi tujuan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat kesepakatan tinggi terhadap keperluan kawal selia dana politik, pendekatan institusi yang paling sesuai untuk melaksanakan fungsi tersebut masih menjadi perdebatan dalam kalangan responden. 31. Pembahagian pandangan yang seimbang ini mencerminkan kewujudan dua pertimbangan dasar yang sama kuat. Kumpulan yang menyokong penggunaan agensi sedia ada melihat pendekatan ini sebagai lebih cepat, kos efektif dan praktikal,	yang jelas dengan mekanisme semak dan imbang, serta prinsip reka bentuk institusi yang menekankan kebebasan, autonomi, fleksibiliti dan kedudukan pelaporan yang berautoriti tinggi. ➢ Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa majoriti informan menyokong pemberian kuasa pemantauan dan audit yang kukuh kepada badan kawal selia, dengan kecenderungan kuat kepada model kolaboratif dalam pembahagian kuasa antara badan kawal selia dan agensi penguatkuasaan sedia ada seperti SPRM, SPR dan AG, serta penegasan bahawa kuasa penguatkuasaan dan pendakwaan perlu jelas, seimbang dan tertakluk kepada mekanisme semak dan imbang bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa. **<u>DAPATAN TEMU BUAL</u>** ➢ Kesimpulannya, terdapat perdebatan antara menubuhkan suruhanjaya bebas baharu atau memperkasakan agensi sedia ada, namun titik temu utamanya ialah keperluan sebuah mekanisme kawal selia yang berwibawa, berkemahiran (undang-undang, kewangan, tadbir urus), dan tidak mudah dipengaruhi tekanan politik. Badan ini perlu berupaya menetapkan standard pelaporan, menerima/menilai laporan, menjalankan audit dan siasatan asas, serta integritinya sangat bergantung pada proses pelantikan yang bebas dan jelas. **<u>DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)</u>** ➢ Mengenai agensi pelaksana, sebanyak 86.32% rakyat menunjukkan keinginan yang jelas terhadap pembaharuan institusi. Daripada jumlah tersebut, 34.30% menyokong supaya diwujudkan satu Badan Pengawal Selia yang baharu dan khusus. Peratusan ini adalah lebih tinggi berbanding sokongan terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang hanya memperoleh 29.10%, sekali gus menggambarkan bahawa rakyat cenderung mahukan sebuah badan yang lebih segar, bebas dan diyakini. ➢ Keutamaan tertinggi ialah usaha mengurangkan rasuah (54.04%), diikuti dengan jaminan	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	recommendation of the Committee shall by order remove from office any member of the Commission if such member— (a) is an undischarged bankrupt; (b) engages in any paid office or employment outside the duties of this office; or (c) is a member of either House of Parliament or of the Legislative Assembly of a State. *(6)In addition to any disqualification provided under subsection (5), the Chairman, Deputy Chairman and five other members serving the Commission shall be disqualified from holding such office if after three months upon appointment to such office or at any time thereafter he is or becomes a member of any board of directors or board of management, or an officer or employee, or engages in the affairs or business, of any organization or body, whether corporate or otherwise, or of any commercial, industrial or other undertaking, whether or not he receives any remuneration, reward, profit or benefit from it.* *(7)Subsection (6) shall not apply where such organization or body carries out any welfare or voluntary work or objective beneficial to the community or any part thereof, or any other work or objective of a charitable or social nature, and the member does not receive any remuneration, reward, profit or benefit from it.* *(8)Remuneration of members of the Commission shall be charged to the Consolidated Fund and shall not be amended to the disadvantage of a member of the Commission after his appointment.* *(9)Where, during any period, the Chairman of the Commission has been granted leave of absence by the Yang di-Pertuan Agong or is unable, owing to his absence from the Federation, illness or any other cause, to discharge his functions, the Deputy*	memandangkan struktur, sumber manusia dan pengalaman pentadbiran telah pun tersedia. Pendekatan ini juga dilihat dapat mengurangkan pertindihan fungsi serta mempercepatkan pelaksanaan undang-undang pada peringkat awal. 32. Sebaliknya, kumpulan yang menyokong penubuhan entiti baharu mencerminkan kebimbangan terhadap had keupayaan dan isu kebebasan institusi agensi sedia ada. Pandangan ini menunjukkan keperluan kepada sebuah badan yang mempunyai mandat khusus, autonomi yang jelas dan fokus tunggal terhadap pendanaan politik, tanpa terikat kepada fungsi lain yang berpotensi menjejaskan keberkesanan penguatkuasaan. Dari perspektif dasar, dapatan ini memberi isyarat bahawa tiada satu pendekatan tunggal yang dianggap paling ideal oleh semua pihak." **<u>Sekiranya Badan Kawal Selia merupakan Agensi Sedia Ada</u>** Halaman 19-21: *"33. Rajah 5 di atas menunjukkan pandangan responden mengenai fungsi agensi sedia ada yang wajar melaksanakan fungsi kawal selia dana politik. Berdasarkan dapatan, didapati Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dikenal pasti sebagai agensi yang paling sesuai untuk mengawal selia dana politik dengan sokongan 612 orang responden (39.65%). Pandangan ini adalah kerana SPR merupakan agensi yang berperanan mengurus proses pilihan raya yang sinonim dengan penglibatan parti politik serta aspek berkaitan pembiayaan kempen. Responden mencadangkan agar diwujudkan dua sektor utama di bawah SPR iaitu sektor pengurusan pilihan raya dan sektor baharu yang mengawal selia dana politik. Fungsi ini akan menjadikan SPR sebagai suatu institusi kukuh kerana SPR telah mempunyai mandat perundangan, pengalaman teknikal serta kefahaman terhadap ekosistem pilihan raya, sekali gus dianggap paling hampir dengan fungsi kawal selia pendanaan politik. Sekiranya Kerajaan*	➢ kebebasan politik daripada pengaruh kerajaan (49.73%). ➢ keperluan kuasa menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pelanggaran peraturan (47.79%).	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	Chairman shall discharge the functions of the Chairman during that period, and if the Deputy Chairman is also absent or unable to discharge such functions, a member of the Commission may be appointed by the Yang di-Pertuan Agong to discharge the functions of the Chairman during that period. *(10)In exercising its functions pursuant to this Act - (a) The Commission shall appoint a suitably qualified and experienced person as the CEO of the Fund; (b) The Commission may appoint other officers to aid the members of the Commission; and (c) The Commission may establish separate units within the Commission to exercise the powers conferred on, perform the functions granted to and the duties imposed on, the Commission in terms of this Act.*	*bersetuju untuk memperkasakan fungsi sedia ada SPR dengan menambah kuasa untuk kawal selia dana politik, maka perlu dibuat pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 serta Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang jelas menyatakan fungsi SPR.* *34. Seterusnya, sebanyak 253 orang (16.37%) responden berpandangan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mencerminkan persepsi bahawa fungsi kawal selia dana politik berkait rapat dengan pencegahan rasuah dan salah guna kuasa. Selain itu, sebanyak 121 orang (7.85%) responden mencadangkan agar Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) melaksanakan fungsi tersebut. Ini kerana, pendaftaran pertubuhan parti politik dan pemantauan laporan perbelanjaan dan pendapatan parti politik hendaklah dilaporan kepada ROS secara tahunan. Manakala kategori lain-lain agensi memperoleh 18.97 peratus (293 orang), menunjukkan kepelbagaian pandangan terhadap kemungkinan penglibatan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Kumpulan Kira-kira Wang Negara (PAC) dan sebagainya.* *35. Menariknya, masih terdapat sebanyak 265 orang (17.15%) responden berpandangan bahawa fungsi kawal selia dana politik wajar dilaksanakan oleh sebuah suruhanjaya yang bersifat bebas, walaupun perbincangan adalah dalam konteks pemerkasaan struktur agensi sedia ada. Sokongan yang signifikan terhadap penubuhan suruhanjaya bersifat bebas menandakan kewujudan aspirasi terhadap sebuah badan yang mempunyai tahap kebebasan institusi yang lebih tinggi, bebas daripada pengaruh eksekutif dan kepentingan politik.* *36. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun SPR dilihat sebagai pilihan paling praktikal dalam kalangan agensi sedia ada, masih wujud tuntutan yang ketara untuk memastikan elemen kebebasan, ketelusan dan pengkhususan mandat dipelihara.*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		Dalam hal ini, terdapat keperluan pengasingan fungsi yang jelas antara fungsi SPR sedia ada dan pewujudan fungsi yang baharu bagi memastikan kawal selia dana politik dapat dilaksanakan secara berkesan dan berintegriti." **<u>Sekiranya Badan Kawal Selia merupakan Badan Baharu</u>** Halaman 21-23: *"37. Pandangan responden mengenai bentuk badan baharu yang sesuai ditubuhkan adalah sebagaimana di Rajah 6 di atas. Dapatan SLU mendapati lebih daripada separuh iaitu 886 orang (57.36%) mencadangkan agar satu suruhanjaya baharu ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi kawal selia dana politik. Dapatan ini sekali gus menggambarkan responden kurang berkeyakinan terhadap keupayaan struktur kawal selia sedia ada untuk melaksanakan fungsi ini secara berkesan dan menyeluruh.* *38. Ia disusuli dengan pandangan badan baharu tersebut perlu diletakkan di bawah parlimen berdasarkan pandangan daripada 413 orang (26.72%). Dapatan ini memperlihatkan keutamaan responden terhadap aspek kebebasan, akauntabiliti dan semak imbang, selaras dengan prinsip tadbir urus demokratik. Ini mencerminkan persepsi bahawa pengawasan oleh Parlimen mampu mengurangkan campur tangan eksekutif serta meningkatkan ketelusan dalam pengurusan dana politik.* *39. Selain itu, terdapat juga pandangan dari kelompok kecil iaitu sebanyak 110 orang (7.11%) agar ditubuhkan sebuah badan bebas dan 24 orang (1.57%) mencadangkan lain-lain seperti penubuhan pejabat baharu yang menggabungkan fungsi-fungsi semua agensi sedia ada yang berkaitan seperti SPR, SPRM dan Bank Negara Malaysia. Dapatan ini menunjukkan terdapat variasi pendekatan dalam kalangan responden, khususnya dalam usaha mencari mekanisme kawal selia yang lebih bersepadu dan berkesan.*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		Selain itu, sebilangan kecil responden iaitu 112 orang (7.24%) yang tetap tidak bersetuju dengan cadangan penubuhan entiti baharu dan hanya memadai memperkasakan agensi sedia ada. Inimencerminkan kebimbangan terhadap implikasi penambahan institusi baharu, termasuk dari segi kos, kecekapan pentadbiran dan risiko birokrasi yang berlebihan. Namun, peratusan yang relatif kecil ini menunjukkan pandangan tersebut bukanlah arus perdana. *40. Kesimpulannya, dapatan ini memperlihatkan sokongan yang kuat daripada responden terhadap pendekatan penstrukturan semula mekanisme kawal selia pendanaan politik, dengan penekanan utama kepada penubuhan entiti khusus yang bebas, berwibawa dan mempunyai tahap akauntabiliti yang tinggi. Dapatan ini boleh dijadikan asas penting dalam pertimbangan dasar dan perbincangan lanjut mengenai reka bentuk institusi yang paling sesuai dalam penggubalan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik."* **<u>KEMENTERIAN PENYELIA</u>** *"41. Rajah 7 menunjukkan dapatan kesesuaian pentadbiran entiti kawal selia dana politik di bawah Kementerian/Jabatan kerajaan sedia ada atau badan tertentu. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 778 orang (50.36%) cenderung memilih penempatan agensi kawal selia dana politik di bawah entiti kerajaan sedia ada yang mempunyai autoriti pentadbiran dan dasar yang kukuh, khususnya Jabatan Perdana Menteri (JPM). Sokongan ini mencerminkan persepsi bahawa JPM mempunya keupayaan penyelarasan, akses kepada sumber strategik serta kedudukan institusi yang membolehkannya memacu pelaksanaan dasar secara menyeluruh di peringkat nasional. 42. Ia disusuli dengan pandangan bahawa ia wajar diletakkan di bawah Parlimen dengan rekod seramai 413 orang (26.78%), yang menandakan tahap kesedaran dan keutamaan responden terhadap keperluan kebebasan institusi, akauntabiliti dan fungsi semak imbang. Sokongan yang signifikan ini menunjukkan bahawa*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		sebahagian besar responden melihat pengawasan Parlimen sebagai mekanisme yang lebih telus dan kurang terdedah kepada pengaruh eksekutif, khususnya dalam isu sensitif seperti pendanaan politik. Selain itu, terdapat cadangan daripada 157 orang (10.18%) yang berpandangan ia wajar diletakkan di bawah MOF yang menunjukkan pengiktirafan terhadap kepakaran MOF dalam aspek pengurusan kewangan, pemantauan aliran dana dan pematuhan peraturan kewangan. Namun, peratusan yang lebih rendah berbanding JPM dan Parlimen menunjukkan bahawa responden melihat fungsi kawal selia dana politik sebagai isu tadbir urus dan integriti politik yang melangkaui dimensi kewangan semata-mata. 43. Sokongan yang lebih kecil terhadap KDN/ROS dengan rekod cadangan daripada 93 orang (6.04%) dan badan bebas daripada 87 orang (5.62%) pula mencerminkan pandangan minoriti bahawa fungsi kawal selia boleh diletakkan sama ada dalam kerangka kawalan organisasi sedia ada atau dilaksanakan secara bebas daripada struktur kerajaan. Sebaliknya, sokongan yang sangat rendah terhadap SPRM (1.02%) menunjukkan bahawa responden secara umumnya tidak melihat fungsi kawal selia dana politik sebagai peranan utama agensi penguatkuasaan rasuah semata-mata, sebaliknya memerlukan pendekatan yang lebih komprehensif merangkumi aspek dasar, pemantauan, pencegahan dan tadbir urus. *44. Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan kecenderungan responden terhadap penempatan agensi kawal selia dana politik di bawah struktur berautoriti tinggi seperti JPM atau Parlimen, dengan penekanan kepada keseimbangan antara keberkesanan pelaksanaan, penyelarasan dasar dan keperluan kebebasan serta akauntabiliti institusi."*		
4.	**PART VI – POWERS AND DUTIES OF POLITICAL FINANCING COMMISSION** **25. Powers of Political Financing Commission**	***FUNGSI BADAN KAWAL SELIA (Halaman 25)*** *45. Dapatan dalam Rajah 8 menunjukkan persetujuan terhadap senarai fungsi entiti kawal selia dana politik yang dicadangkan. Dapatan mendapati majoriti responden, iaitu 1233 orang*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	(1) The Commission may, in the execution of functions and responsibilities under this Act, demand from a political party any information as may be required for the implementation of this Act. (2)In order to monitor compliance with this Act or investigate a complaint, the Commission shall have the power to: (a) enter any premises during ordinary working hours to inspect any relevant book, record, report and other document; (b) to initiate investigations into donations on reasonable grounds upon receipt of the report as mentioned in paragraph 7(1)(a); (c) specify attachments and supporting documents required for purposes of subsection 5(3); and (d) copy or store in any format, any information, books, records, reports or other documentation produced or discovered in terms. (3)The Commission may, impose any or more of the following punishments on the donor and/or donee for the purposes of this Act: (a) warning; (b) fine or compound pursuant to the provisions of this Act; and (c) forfeiture of any non-permissible donations (4)If a complaint relating to the income or expenditure of a political party is lodged with the Commission, it must, if the Commission is of the view that there is prima facie substance to the complaint, investigate the complaint. Views of the Commission as to the existence of a prima facie substance to a particular complaint must be made in writing and made available to the complainant within a period of time and following procedures prescribed by the Commission.	*(79.83%) bersetuju dengan kesemua fungsi yang disenaraikan, sekali gus mencerminkan penerimaan yang kukuh terhadap peranan entiti ini sebagai badan pusat yang bertanggungjawab bukan sahaja dalam aspek pendaftaran dan dokumentasi, malah dalam pemantauan, pelaporan dan fungsi nasihat dasar kepada Kerajaan. Tahap persetujuan yang tinggi ini menunjukkan bahawa responden melihat keperluan kepada satu entiti kawal selia yang mempunyai mandat menyeluruh (end-to-end), merangkumi pengurusan maklumat sumbangan, penyenggaraan Daftar Sumbangan Politik, pengesanan transaksi mencurigakan serta keupayaan menyalurkan maklumat kepada pihak berautoriti yang berkaitan. Ini juga mencerminkan kesedaran bahawa kawal selia pendanaan politik memerlukan pendekatan sistemik dan bersepadu, bukannya fungsi yang terpisah-pisah antara pelbagai agensi. 46. Walau bagaimanapun, terdapat juga kelompok responden yang tidak bersetuju terhadap fungsi tertentu memberikan petunjuk penting terhadap kebimbangan yang lebih khusus. Penolakan terhadap fungsi fungsi mengurus dana sumbangan politik yang diterima daripada sumber yang dilarang daripada 129 orang (8.36%) serta fungsi menerima, merekod, menyimpan dan menyenggara laporan sumbangan daripada 70 orang (4.54%) menunjukkan kebimbangan responden terhadap aspek kuasa, akauntabiliti dan risiko penyalahgunaan sekiranya entiti kawal selia turut berperanan sebagai pengurus dana. Dapatan ini mencadangkan bahawa sebahagian responden lebih cenderung agar entiti kawal selia berfungsi sebagai badan pemantau dan pelapor, manakala pengurusan atau pelupusan dana yang tidak sah dikendalikan melalui mekanisme pengawasan yang lebih ketat. Kategori lain-lain daripada 112 orang (7.27%) pula mencerminkan kewujudan pandangan alternatif yang mungkin mencadangkan penambahbaikan terhadap skop fungsi, had kuasa tertentu atau pengkhususan peranan entiti kawal selia agar lebih jelas dan terfokus*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		Antara cadangan yang diterima adalah entiti kawal selia dana politik diberi kuasa penyiasatan, mengeluarkan saman atau kompaun kepada sebarang kesalahan di bawah undang-undang ini dan terdapat juga cadangan agar badan kawal selia ini diberi kuasa penguatkuasaan. 47. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan sokongan yang kuat terhadap penubuhan entiti kawal selia dana politik dengan mandat yang luas dan jelas, namun pada masa yang sama menekankan keperluan untuk memperincikan had fungsi tertentu, khususnya berkaitan pengurusan dana daripada sumber terlarang, bagi memastikan kejelasan peranan, ketelusan dan tahap akauntabiliti yang tinggi.		
5.	***26. Powers of Investigation*** *(1) The Commission shall, for the purposes of an investigation under this Act, have the power—* *(a) to conduct hearings if the Commission considers necessary or desirable to do so;* *(b) to procure and receive all such evidence, whether written or oral, and to examine all such persons as witnesses as the Commission considers necessary or desirable to procure or examine;* *(c) to require the evidence, whether written or oral, of any witnesses to be made on oath or affirmation (such oath or affirmation to be that which could be required of the witness if he was giving evidence in a court of law) or by statutory declaration;* *(d) to summon any person residing in Malaysia to attend any meeting or hearing of the Commission to give evidence or produce any document or other thing in his possession;* *(e) to issue a warrant of arrest to compel the attendance of any person who, after having been summoned to attend, fails to do so and does not excuse such failure to the satisfaction of the Commission, and to order such person to pay all costs which may have been occasioned in compelling his attendance or by reason of his refusal to obey*	***KUASA PENGUATKUASAAN (Halaman 27)*** *"48. Dapatan dalam Rajah 9 menunjukkan kecenderungan yang jelas dalam kalangan responden untuk memisahkan fungsi kawal selia daripada fungsi penguatkuasaan dalam pengurusan pendanaan politik. Majoriti responden iaitu 1035 orang (67.01%), berpandangan bahawa entiti kawal selia dana politik perlu di beri kuasa siasatan manakala tugas penguatkuasaan wajar terus dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan sedia ada, yang mempunyai mandat perundangan, kepakaran teknikal serta pengalaman operasi dalam menjalankan siasatan dan tindakan undangundang. Kecenderungan ini mencerminkan tahap keyakinan responden terhadap keupayaan agensi penguatkuasaan sedia ada untuk mengendalikan aspek siasatan dan pendakwaan, di samping mengelakkan pertindihan fungsi sekiranya badan kawal selia baharu turut diberikan kuasa penguatkuasaan. 49. Namun demikian, sokongan yang signifikan daripada 509 orang (32.99%) terhadap pemberian kuasa penguatkuasaan kepada badan kawal selia dana politik menunjukkan bahawa terdapat juga pandangan yang melihat keperluan kepada pendekatan lebih tegas dan bersepadu, khususnya bagi memastikan pematuhan undang-undang dapat dilaksanakan dengan lebih pantas dan berkesan tanpa kebergantungan sepenuhnya kepada agensi lain. 50. Secara keseluruhannya,*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	the summons, and also to fine such person a sum in accordance with this Act; *(f) to award any person who has attended any meeting or hearing of the Commission such sums as in the opinion of the Commission may have been reasonably incurred by such person by reason of such attendance; and* *(g) to admit or exclude the public from such hearing or any part thereof.*	*dapatan ini memperlihatkan bahawa pendekatan yang lebih diterima oleh majoriti responden ialah model kawal selia, pemantauan dan siasatan oleh entiti khusus, manakala penguatkuasaan dikekalkan dalam ekosistem penguatkuasaan sedia ada melalui mekanisme rujukan, kerjasama antara agensi dan perkongsian maklumat. Pemerhatian ini memberi isyarat bahawa reka bentuk institusi yang berasaskan pembahagian peranan yang jelas berpotensi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan serta mengukuhkan akauntabiliti dalam sistem kawal selia pendanaan politik."* ***<u>BADAN PENGUATKUASA BAGI KUASA PENGUATKUASAAN (Halaman 28)</u>*** *"penguatkuasaan wajar terus dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan sedia ada, yang mempunyai mandat perundangan, kepakaran teknikal serta pengalaman operasi dalam menjalankan siasatan dan tindakan undangundang. Kecenderungan ini mencerminkan tahap keyakinan responden terhadap keupayaan agensi penguatkuasaan sedia ada untuk mengendalikan aspek siasatan dan pendakwaan, di samping mengelakkan pertindihan fungsi sekiranya badan kawal selia baharu turut diberikan kuasa penguatkuasaan. 49. Namun demikian, sokongan yang signifikan daripada 509 orang (32.99%) terhadap pemberian kuasa penguatkuasaan kepada badan kawal selia dana politik menunjukkan bahawa terdapat juga pandangan yang melihat keperluan kepada pendekatan lebih tegas dan bersepadu, khususnya bagi memastikan pematuhan undang-undang dapat dilaksanakan dengan lebih pantas dan berkesan tanpa kebergantungan sepenuhnya kepada agensi lain. 50. Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa pendekatan yang lebih diterima oleh majoriti responden ialah model kawal selia, pemantauan dan siasatan oleh entiti khusus, manakala penguatkuasaan dikekalkan dalam ekosistem penguatkuasaan sedia ada melalui mekanisme rujukan, kerjasama*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		antara agensi dan perkongsian maklumat. Pemerhatian ini memberi isyarat bahawa reka bentuk institusi yang berasaskan pembahagian peranan yang jelas berpotensi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan serta mengukuhkan akauntabiliti dalam sistem kawal selia pendanaan politik." ***KUASA PENGUATKUASAAN (Halaman 29)*** *"51. Dapatan dalam Rajah 10 menunjukkan bahawa persetujuan responden terhadap pemberian kuasa penguatkuasaan kepada badan kawal selia dana politik, khususnya melibatkan penyiasatan, merekodkan pernyataan dan menyaman, namun pada masa yang sama masih berhatihati terhadap pemberian kuasa penguatkuasaan yang terlalu luas. Sebanyak 54.28% (838 orang) responden bersetuju agar badan kawal selia diberi kuasa penyiasatan, merekodkan pernyataan dan menyaman, menandakan sokongan terhadap model penguatkuasaan yang berperingkat dan bersifat pentadbiran-perundangan, tanpa melibatkan kuasa keras seperti penangkapan. Ini mencerminkan kepercayaan bahawa badan kawal selia perlu berupaya mengumpul bukti, mendapatkan kerjasama pihak terlibat dan memulakan tindakan undang-undang, namun tidak semestinya bertindak sebagai agensi penguatkuasaan penuh. 52. Sementara itu, sebanyak 375 orang (24.29%) menyokong pemberian kuasa penguatkuasaan yang lebih luas termasuk memasuki premis, penggeledahan, penyitaan dan penangkapan. Walaupun peratusannya lebih kecil, ia tetap signifikan dan menunjukkan wujudnya kelompok responden yang berpendapat bahawa isu pendanaan politik bersifat serius dan berisiko tinggi, justeru memerlukan kuasa penguatkuasaan setara dengan agensi penyiasatan sedia ada bagi menjamin keberkesanan dan pencegahan pelanggaran undang-undang. Sebaliknya, sebanyak 260 orang (16.86%) responden memilih pendekatan pemisahan peranan, iaitu badan*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		kawal selia hanya diberi kuasa penyiasatan, manakala tindakan penguatkuasaan kekal dilaksanakan oleh agensi sedia ada. Dapatan ini mencerminkan kebimbangan terhadap pertindihan fungsi, konflik bidang kuasa serta keperluan memanfaatkan kepakaran dan struktur penguatkuasaan yang telah wujud. 53. Peratusan yang sangat kecil menyokong pemberian kuasa siasatan dan pendakwaan secara langsung iaitu hanya 2.21% (34 orang) serta kuasa tambahan menggantung akaun semasa penyiasatan iaitu 2.37% (37 orang). Ini menunjukkan responden secara umumnya berhati-hati terhadap pemberian kuasa yang boleh memberi kesan besar terhadap hak individu, kebebasan kewangan dan prinsip keadilan prosedur, khususnya jika dilaksanakan tanpa semak dan imbang yang kukuh. Secara keseluruhannya, dapatan ini mencadangkan bahawa pendekatan penguatkuasaan yang berperingkat, seimbang dan saling melengkapi dengan agensi sedia ada adalah lebih diterima oleh masyarakat		
PARAMETER 4: KEPERLUAN LEMBAGA PENASIHAT				
6.	*Tiada peruntukan khusus*	***KEPERLUAN LEMBAGA PENASIHAT*** *"55. Dapatan dalam Rajah 11 menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu 962 orang (62.29%), bersetuju dengan keperluan penubuhan Lembaga Penasihat kepada entiti kawal selia dana politik. Ini mencerminkan tahap sokongan yang jelas terhadap mekanisme tadbir urus tambahan bagi memperkukuh ketelusan, akauntabiliti dan integriti institusi tersebut. Sokongan ini menunjukkan persepsi awam bahawa fungsi kawal selia dana politik melibatkan kepentingan awam yang tinggi serta risiko konflik kepentingan, justeru memerlukan panduan strategik dan nasihat bebas sebagai semak dan imbang terhadap keputusan pengurusan dan penguatkuasaan.* *56. Walau bagaimanapun, peratusan yang masih signifikan iaitu sebanyak 582 orang (37.71%) tidak bersetuju dengan penubuhan Lembaga Penasihat,*	**ANALISIS TRIANGULASI** Pewujudan Lembaga Penasihat kepada badan kawal selia dilihat sebagai mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) yang kritikal bagi meningkatkan kredibiliti institusi. Analisis kualitatif menunjukkan hubung kait yang kuat antara kewujudan lembaga ini dengan peningkatan kepercayaan awam terhadap sistem pendanaan politik. Majoriti informan menyokong penubuhan entiti ini sebagai platform untuk mendapatkan pandangan profesional dalam isu-isu teknikal dan strategik yang kompleks. **DAPATAN FGD** ➢ Dapatan menunjukkan bahawa majoriti informan menyokong pewujudan Lembaga Penasihat sebagai mekanisme pengukuhan institusi dan semak dan imbang kepada badan kawal selia dana politik, dengan penekanan terhadap reka bentuk yang jelas, fleksibel dan tidak bertindih, manakala sebahagian kecil informan berpandangan bahawa	RUU hendaklah memperuntukkan penubuhan **Lembaga Penasihat Pendanaan Politik** sebagai mekanisme konsultasi dan semak imbang yang menyokong badan kawal selia. Fungsi lembaga ini hendaklah **tidak mengikat** dan tidak boleh mengganggu siasatan atau penguatkuasaan.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		yang berpunca daripada kebimbangan terhadap pertambahan lapisan birokrasi, implikasi kos pentadbiran, potensi pertindihan fungsi atau risiko campur tangan terhadap kebebasan operasi badan kawal selia. Dapatan ini menunjukkan keperluan agar sebarang cadangan penubuhan Lembaga Penasihat dirangka dengan mandat yang jelas, fungsi terhad kepada peranan nasihat dan pemantauan strategik, serta keanggotaan yang bebas dan berwibawa, bagi memastikan ia benar-benar menambah nilai dan tidak menjejaskan kecekapan serta autonomi entiti kawal selia dana politik. ***<u>ENTITI LEMBAGA PENASIHAT (Halaman 32)</u>*** *57. Dapatan dalam Rajah 12 menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu 965 orang (62.47%) berpandangan bahawa Parlimen merupakan entiti yang paling sesuai untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai Lembaga Penasihat kepada badan kawal selia dana politik. Sokongan yang tinggi ini mencerminkan keyakinan responden terhadap peranan Parlimen sebagai institusi perwakilan rakyat yang mempunyai legitimasi demokratik serta fungsi semak dan imbang terhadap badan eksekutif, khususnya dalam isu pendanaan politik yang berkait rapat dengan proses pilihan raya dan tadbir urus negara. 58. Sebahagian responden, iaitu 231 orang (14.96%) berpandangan badan bebas merupakan entiti yang paling sesuai untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai Lembaga Penasihat kepada badan kawal selia dana politik. Ini menunjukkan wujudnya keutamaan terhadap pendekatan yang menekankan kebebasan institusi dan pengasingan daripada pengaruh politik secara langsung. Ini mencerminkan kebimbangan bahawa penglibatan Parlimen mungkin terdedah kepada kepentingan politik semasa, justeru badan bebas dilihat berpotensi menawarkan nasihat yang lebih neutral dan profesional. Selain itu, terdapat peratusan yang lebih kecil berpandangan pelantikan oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) iaitu 82 orang (5.33%) yang boleh ditafsirkan sebagai kepercayaan terhadap peranan Raja*	ia tidak diperlukan atas alasan kecekapan dan pengurangan birokrasi. **<u>DAPATAN TEMU BUAL</u>** ➢ Kesimpulannya, lembaga penasihat dilihat sebagai lapisan semak dan imbang bagi mengukuhkan ketelusan serta kepercayaan awam, termasuk memberi pandangan dasar apabila badan kawal selia berdepan isu sensitif dan memerlukan keputusan yang seimbang. Namun, sebahagian informan bimbang ia boleh menjadi beban birokrasi jika fungsi kawal selia sedia ada sudah memadai.	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		Berperlembagaan sebagai simbol berkecuali dan penjaga kepentingan awam, khususnya dalam memastikan integriti institusi. Manakala hanya 39 orang (2.52%) berpendapat bahawa Lembaga Penasihat tidak diperlukan, selari dengan dapatan sebelumnya yang menunjukkan sokongan majoriti terhadap penubuhannya. 59. Sementara itu, peratusan 14.71% (227 orang) bagi kategori lain-lain menunjukkan kepelbagaian pandangan awam, yang berkemungkinan mencadangkan model hibrid atau mekanisme alternatif seperti gabungan wakil Parlimen, pakar bebas dan masyarakat sivil. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan kecenderungan awam ke arah model Lembaga Penasihat yang mempunyai legitimasi demokratik yang kukuh, namun pada masa yang sama menuntut jaminan kebebasan, ketelusan dan semak dan imbang yang berkesan. ***TUGAS LEMBAGA PENASIHAT (Halaman 34)*** *60. Dapatan Rajah 13 menunjukkan tahap sokongan yang amat tinggi, iaitu 1,497 orang (96.96%) responden bersetuju dengan cadangan tugas yang dicadangkan untuk Lembaga Penasihat kepada badan kawal selia dana politik. Sokongan hampir sebulat suara ini mencerminkan penerimaan awam yang sangat kukuh terhadap peranan Lembaga Penasihat sebagai mekanisme tadbir urus yang penting dalam memastikan ketelusan, akauntabiliti dan integriti pelaksanaan pengawalseliaan dana politik. Ia juga menunjukkan bahawa skop tugas yang dicadangkan dilihat jelas, relevan dan bersesuaian dengan keperluan semak dan imbang, tanpa menjejaskan autonomi operasi badan kawal selia. 61. Sebaliknya, peratusan yang sangat kecil iaitu 47 orang (3.04%) berpandangan bahawa Lembaga Penasihat tidak diperlukan, sekali gus mengukuhkan dapatan terdahulu bahawa kebimbangan terhadap kewujudan lembaga tersebut adalah minimum. Secara keseluruhannya, dapatan ini memberi justifikasi yang kukuh untuk memasukkan peruntukan mengenai Lembaga Penasihat dan fungsinya secara jelas dalam RUU Pendanaan Politik,*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		sebagai satu elemen utama tadbir urus institusi yang mendapat legitimasi awam yang tinggi"		
PARAMETER 5: PENDANAAN POLITIK				
7.	***PART II – REGULATING PRIVATE DONATIONS*** ***5. Prohibited donations*** *(1) Political party and election candidate shall not accept a donation from any of the following sources:* *(a) Foreign governments or foreign government agencies;* *(b) subject to subsection (4), foreign persons or foreign entities;* *(c) Government-linked entities;* *(d) Organised criminal group;* *(e) Entities established for the purposes of charity;* *(f) Religious associations:* *(g) Entities that have signed government procurement contract of an amount to be prescribed by the Commission or an investment contract of public construction prescribed by the Commission and are performing the contract;* *(h) Businesses or foundations operated or invested by political parties.* *(2)For the purposes of this Act, an individual shall not donate for or on behalf of any other person.* *(3) A political party or an election candidate shall not accept a donation that it knows or ought reasonably to have known, or suspected, originates from the proceeds of crime and must report that knowledge or suspicion to the Commission and the Commission shall take appropriate measures to refer the matter to the relevant law enforcement authorities.*	***KEPERLUAN PENYENARAIAN SUMBER SUMBANGAN (Halaman 39)*** *72. Persetujuan mengenai keperluan untuk senaraikan sumber sumbangan yang dilarang terima telah digambarkan dalam Rajah 17 di atas. Dapatan ini menunjukkan sokongan yang sangat kukuh dan hampir sebulat suara, apabila sebanyak 1501 orang (97.19%) responden bersetuju bahawa terdapat keperluan untuk menyenaraikan secara jelas sumber derma yang dilarang diterima, manakala hanya 43 orang (2.81%) tidak bersetuju. Tahap persetujuan yang amat tinggi ini mencerminkan kesedaran dan keprihatinan awam yang mendalam terhadap risiko pengaruh tidak wajar, konflik kepentingan serta campur tangan asing dalam sistem politik negara. 73. Persetujuan ini turut menunjukkan penerimaan awam terhadap larangan sumbangan daripada pihak-pihak tertentu seperti kerajaan dan entiti asing, warga asing, kumpulan jenayah, entiti berkaitan Kerajaan, penderma tanpa identiti, serta pihak yang mempunyai kepentingan langsung dengan perolehan Kerajaan atau parti politik. Senarai contoh pihak dilarang yang dicadangkan dilihat selari dengan prinsip integriti, keselamatan negara dan keadilan persaingan politik, di samping mengurangkan ruang penyamaran sumber dana dan aktiviti pengubahan wang haram. 74. Peratusan penolakan yang sangat kecil menunjukkan bahawa kebimbangan terhadap penyenaraian sumber derma yang dilarang adalah minimum, sekali gus mengukuhkan justifikasi untuk memasukkan peruntukan larangan yang terperinci dan jelas dalam RUU Pendanaan Politik. Secara keseluruhannya, dapatan ini memberikan mandat awam yang kuat untuk mewujudkan kerangka larangan sumbangan yang tegas, telus dan mudah dikuatkuasakan sebagai asas kepada*	**ANALISIS TRIANGULASI** Analisis mengenai sumber dana politik mendedahkan pendirian yang sangat jelas dalam kalangan rakyat dan pakar mengenai apa yang dibenarkan dan apa yang dilarang. Secara umum, 78.73% responden awam bersetuju bahawa dana parti politik perlu diisytiharkan secara terbuka, manakala 68.60% menyokong pengenaan had ke atas sumbangan daripada individu atau entiti. Satu penemuan utama dalam tinjauan adalah penolakan terhadap sumbangan asing. Sebanyak 64.29% responden menolak sumbangan daripada kerajaan atau syarikat asing, manakala 60.67% menolak sumbangan daripada individu asing bukan warganegara Malaysia. Pakar dalam temu bual menegaskan bahawa larangan penuh terhadap dana asing adalah langkah keselamatan paling utama bagi menjaga kedaulatan negara dan mengelakkan campur tangan luar dalam urusan domestik. Begitu juga dengan sumbangan daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC), di mana terdapat konsensus kuat bahawa wang GLC adalah wang rakyat dan tidak boleh disalurkan untuk kepentingan politik kepartian. Mengenai sumbangan penderma tanpa nama (*anonymous donor*), majoriti informan menolaknya atas dasar ketelusan dan audit. Ketiadaan identiti menyukarkan penilaian risiko serta membuka ruang kepada pemecahan sumbangan besar untuk mengelak pelaporan. Namun, memandangkan realiti kutipan awam seperti "tin Milo", cadangan yang dikemukakan adalah menetapkan had maksimum yang rendah (contohnya antara RM1,000 hingga RM5,000) bagi sumbangan anonymous. Satu lagi aspek yang polaris ialah peranan kerajaan dalam menyediakan pendanaan awam (*public funding*). Walaupun terdapat penolakan atas dasar penggunaan wang rakyat, majoriti pakar melihatnya sebagai langkah progresif untuk menyokong fungsi asas parti dan menjamin persaingan sihat, terutamanya bagi parti	RUU hendaklah menyenaraikan secara jelas sumber dana yang dilarang, termasuk dana asing, penderma tanpa nama melebihi had, syarikat yang mempunyai konflik kepentingan atau kontrak kerajaan dan sumber berkaitan jenayah dan pengubahan wang haram.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	(4)Subject to this Act, nothing in paragraph (1)(b) prevents a political party or an election candidate from accepting donations from foreign entities for the purpose of— *(a) training or skills development of a member of a political party; or* *(b) policy development by a political party*	*sistem pendanaan politik yang berintegriti dan diyakini rakyat.* ***BENTUK SUMBANGAN DIBENARKAN (Halaman 37)*** *68. Rajah 16 di atas menunjukkan dapatan bentuk sumbangan dana politik yang boleh diterima. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu 826 orang (53.53%) bersetuju agar semua bentuk sumbangan dibenarkan seperti tunai, cek, in kind donation, pindahan wang secara atas talian harta benda, akses kepada media, tanggung jawab sosial (CSR) dan sebagainya. Ini mencerminkan kecenderungan awam ke arah pendekatan yang lebih inklusif dan fleksibel dalam pengawalseliaan sumbangan politik. Sokongan ini menunjukkan persepsi bahawa pelbagai bentuk sumbangan sama ada kewangan atau bukan kewangan merupakan realiti dalam amalan politik semasa dan wajar diiktiraf secara sah, tertakluk kepada peraturan dan ketelusan yang jelas. 69. Walau bagaimanapun, dapatan turut memperlihatkan kebimbangan khusus terhadap sumbangan melalui Cash Deposit Machine (CDM), apabila 438 orang (28.38%) responden tidak bersetuju dengan sumbangan melalui kaedah tersebut, dan tambahan 133 orang (8.63%) yang hanya bersetuju dengan pengecualian sumbangan tunai dan CDM. Ini menunjukkan keprihatinan responden terhadap tahap kebolehkesanan dan risiko penyamaran identiti penderma yang lebih tinggi melalui kaedah tersebut berbanding transaksi perbankan yang mempunyai rekod jelas. 70. Sokongan yang sangat rendah terhadap sumbangan melalui cek dan tunai sahaja daripada 32 orang (2.08%) menunjukkan bahawa responden secara umumnya tidak menyokong pendekatan yang terlalu terhad atau regresif dalam menentukan bentuk sumbangan. Peratusan 7.38% (114 orang) bagi kategori lain-lain pula mencerminkan kewujudan pandangan alternatif, yang mencadangkan bentuk sumbangan seperti cek sahaja, hanya dalam bentuk tunai sahaja, tidak setuju sumbangan berbentuk CSR, tidak setuju*	pembangkang. Pengagihan dana ini dicadangkan berdasarkan formula objektif seperti jumlah undi atau bilangan kerusi yang dimenangi. Selain itu, pemberian pelepasan cukai kepada penderma juga dicadangkan sebagai insentif untuk menggalakkan sumbangan yang direkodkan secara rasmi, namun ia perlu disertakan dengan had maksimum bagi memastikan keadilan sosial. **DAPATAN FGD** ➢ Majoriti informan menyokong larangan tegas terhadap dana yang berkait jenayah, aktiviti tidak sah dan sumber asing yang menjejaskan kedaulatan, serta menekankan kepentingan mengawal konflik kepentingan melalui senarai larangan yang jelas, mekanisme pelaporan dan ketelusan bagi melindungi integriti sistem politik dan kepercayaan awam. ➢ majoriti besar informan menyokong penyenaraian sumber kewangan yang tidak sepatutnya diterima sebagai mekanisme ketelusan, panduan dan pendidikan pematuhan, serta sebagai alat pencegahan dan penguatkuasaan yang memudahkan kawalan risiko. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil pandangan yang lebih fleksibel dan terbuka kepada dana luar atau tidak mahu had terlalu ketat, dengan syarat pelaporan dan pengisytiharan dilaksanakan secara jelas dan terkawal. **DAPATAN TEMU BUAL** ➢ Kesimpulannya, sumber dana perlu ditapis—hanya dana sah, telus dan boleh dikenal pasti wajar dibenarkan—dengan penolakan tegas terhadap sumbangan GLC kerana dianggap wang rakyat. Dana asing dilihat perlu dikawal ketat (ada yang menolak, ada yang mencadang sistem tapisan), sumbangan tanpa nama wajar dihadkan rendah, dan wujud polarisasi terhadap dana awam. Secara umum, informan menyokong had maksimum sumbangan serta cadangan “tempoh bertenang” untuk syarikat terlibat perolehan bagi mengelakkan persepsi bayar-untuk-akses. **DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)** ➢ majoriti responden (55.10%) bersetuju bahawa parti politik boleh mendapatkan dana daripada	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		sumbangan berbentuk harta benda dan sebagainya. 71. Secara keseluruhannya, dapatan ini mencadangkan bahawa walaupun pendekatan menyeluruh terhadap bentuk sumbangan diterima secara umum, terdapat keperluan jelas untuk pengawalseliaan yang lebih ketat terhadap kaedah sumbangan tertentu, khususnya yang melibatkan transaksi tunai dan CDM, bagi memastikan ketelusan, kebolehkesanan dan integriti sistem pendanaan politik.	orang awam, namun dengan had tertentu, menandakan sokongan terhadap pembiayaan awam yang disertai mekanisme kawalan. ➢ Penolakan paling ketara pula adalah terhadap sumbangan daripada kerajaan atau syarikat asing (64.29%) serta individu asing bukan warganegara Malaysia (60.67%), mencerminkan kebimbangan yang kuat terhadap campur tangan asing dalam politik domestik. Selain itu, hampir separuh responden juga menolak sumbangan tanpa nama (48.33%), menunjukkan keutamaan terhadap ketelusan sumber dana. ➢ Majoriti besar responden (84.97%) bersetuju bahawa undang-undang perlu mengawal selia bagaimana dana tersebut digunakan.	
8.	***6. In-kind donation*** *(1) For the purposes of in-kind donation, a political party and an election candidate shall only accept donation in a value not exceeding what is prescribed by the Commission.* *(2) The value of donation that is a gift to a political party or an election candidate is the market value of the property in question.* *(3)Where any donation, being money, shares or property, is transferred to a political party or an election candidate, for a consideration that is less than the value of the money or market value of the property, the value of the donation is taken to be the difference between— (a) the value of the money, or the market value of the property, in question; and (b) the consideration provided by or on behalf of a political party or an election candidate, as the case may be.* *(4) A political party or an election candidate shall be required to prove the value of any donation which is not a cash donation to the Commission by providing supporting documentation as specified by the Commission under section 24 of this Act.*	***PENYUMBANG TIDAK DIKETAHUI IDENTITI (Halaman 41)*** *75. Rajah 17 menunjukkan dapatan terhadap cadangan mengenai kebenaran menerima dana politik daripada penyumbang yang tidak diketahui identiti. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu 1017 orang (65.85%), berpandangan bahawa parti politik wajar dibenarkan menerima sumbangan daripada penyumbang derma yang tidak diketahui identitinya dengan had tertentu, manakala 527 orang (34.15%) berpendapat sebaliknya. Sokongan majoriti terhadap kebenaran sumbangan tanpa identiti ini mencerminkan sumbangan tanpa identiti dilihat sebagai cara untuk melindungi privasi penyumbang atau menggalakkan penyertaan awam tanpa tekanan politik. Sesetengah responden percaya bahawa keperluan mendedahkan identiti boleh menghalang individu atau pihak tertentu untuk menyumbang, terutamanya penyumbang kecil. Sumbangan tanpa identiti dianggap dapat menggalakkan penglibatan awam yang lebih luas tanpa rasa takut atau kerisauan. 76. Walau bagaimanapun, peratusan yang masih signifikan tidak bersetuju menunjukkan keutamaan responden terhadap prinsip ketelusan, kebolehkesanan dan akauntabiliti dalam sistem*	**DAPATAN FGD** ➢ Majoriti informan menyokong penerimaan pelbagai bentuk sumbangan swasta termasuk tunai, pindahan dan in-kind, namun tertakluk kepada prinsip ketelusan, pelaporan rasmi, kebolehauditan, had maksimum dan larangan terhadap sumbangan bersyarat atau yang menjejaskan integriti serta kebebasan parti politik. ➢ Terdapat tiga arus pemikiran yang jelas, iaitu penolakan tegas atas dasar ketelusan dan audit, penerimaan secara bersyarat dengan had dan mekanisme kawalan, serta pandangan bahawa anonymous donation merupakan realiti budaya yang sukar dielakkan. Majoriti informan cenderung menolak atau sekurang-kurangnya menuntut kawalan ketat bagi melindungi integriti sistem pendanaan politik dan kepercayaan awam. ➢ kecenderungan dominan ke arah menyokong penetapan had sumbangan anonymous pada kadar rendah bagi mengawal risiko dan melindungi integriti sistem pendanaan politik, dengan sebahagian menekankan keperluan mekanisme pelaporan dan penguatkuasaan yang lebih kukuh, manakala sebilangan kecil berpandangan had tidak perlu atau terpulang kepada pertimbangan parti dan individu. ➢ fundraising dan crowdfunding diterima sebagai realiti dan kaedah pendanaan yang sah dalam politik, namun majoriti informan menegaskan	RUU hendaklah menyenaraikan secara jelas sumber dana yang dilarang, termasuk dana asing, penderma tanpa nama melebihi had, syarikat yang mempunyai konflik kepentingan atau kontrak kerajaan dan sumber berkaitan jenayah dan pengubahan wang haram.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	(5) In receiving in-kind donation, a political party or an election candidate shall- (a) keep a record of any transfer donations received; and (b) disclose to the Commission the record of transfer donations received by the a political party or an election candidate in the manner as prescribed by the Commission. ***7. Transfer donation*** *(1) For the purposes of transfer donation, a political party or an election candidate shall not receive; (a) from a person in excess of Fifty Thousand Ringgit (RM 50,000.00);* *(b) from a company in excess of One Hundred Thousand Ringgit (RM 100,000.00);* *(c) from a group of companies in excess of Five Hundred Thousand Ringgit (RM500,000); or (d) any amount that is to be prescribed by the Commission.* *(2) A political party shall not receive* ***anonymous donations exceeding 30% of the total amount of donation that the political party receives in that respective year, any excess of which shall be transferred to the Commission, in accordance with s 22(4) of this Act.*** *(3) All donations made by a person or a company, as the case may be, to a political party or an election candidate in the year to which the report or return relates shall be aggregated and treated as a single donation.* *(4) In receiving transfer donation, a political party or an election candidate shall- (a) keep a record of any transfer donations received; and (b) disclose to the Commission the record of transfer donations received by a political party or an election candidate in the manner as prescribed by the Commission.* ***8. Cash donation***	*pendanaan politik, serta kebimbangan terhadap risiko penyamaran sumber dana, pengaruh tidak wajar dan aktiviti kewangan yang meragukan.* ***KAEDAH PENYERAHAN/ PENGURUSAN DANA TIDAK DIKETAHUI IDENTITI PENYUMBANG (Halaman 42)*** *77. Rajah 18 menunjukkan dapatan mengenai pandangan responden mengenai serahan sumbangan yang diterima dari penyumbang yang tidak diketahui identiti kepada entiti tertentu sekiranya kaedah sumbangan sebegini tidak dibenarkan oleh undang-undang. Dapatan menunjukkan majoriti responden iaitu 1065 orang (68.95%) berpendapat bahawa dana yang diterima daripada penyumbang tanpa identiti perlu diserahkan kepada Kumpulan Wang Dana Politik yang diuruskan oleh badan kawal selia dana politik. Peratusan yang tinggi ini mencerminkan kecenderungan responden untuk melihat pengurusan dana politik dilaksanakan melalui saluran khas, bukannya diserap ke dalam dana parti. Ini menunjukkan kesedaran bahawa dana berkaitan politik memerlukan tadbir urus, kawalan, pelaporan yang lebih spesifik, peraturan yang jelas, dan pemantauan khusus sekali gus mengurangkan risiko salah guna atau konflik kepentingan. 78. Peratusan rendah yang memilih Kumpulan Wang Disatukan MOF daripada 176 orang (11.41%) menunjukkan responden kurang bersetuju dana politik terutama yang berunsur tidak sah disatukan dengan hasil kerajaan dan boleh menimbulkan persepsi negatif rakyat. Selain itu, sebilangan kecil responden iaitu 161 orang (10.43%) berpandangan sumbangan tersebut perlu diserahkan kepada Baitulmal/Yayasan/Majlis Amanah Raya. Kelompok ini berpandangan bahawa dana yang tidak sah seharusnya disalurkan kepada tujuan kebajikan atau kepentingan awam. Kategori lain-lain daripada 142 orang (9.20%) menunjukkan masih wujud pandangan berbeza, seperti dana dipulangkan kepada SPR atau SPRM, atau diurus oleh badan bebas lain, namun tanpa satu konsensus yang kukuh.*	keperluan garis panduan yang jelas, had sumbangan, rekod, audit serta pengawasan bagi memastikan ketelusan dan integriti sistem pendanaan politik. ➢ kecenderungan dominan yang jelas menyokong penetapan had maksimum sumbangan bagi memastikan ketelusan, keadilan persaingan dan pengawalan pengaruh kewangan dalam sistem pendanaan politik, dengan sebahagian kecil menekankan keperluan fleksibiliti dan penyesuaian kontekstual. ➢ kecenderungan dominan bahawa sumbangan syarikat dibenarkan, namun kebanyakannya menuntut kawalan ketat, ketelusan, audit dan pengawasan bagi mengelakkan konflik kepentingan, dengan sebahagian kecil mencadangkan larangan atau pengecualian khusus terhadap GLC, syarikat yang mempunyai urusan langsung dengan kerajaan atau yang terlibat dalam tender. ➢ variasi pandangan yang jelas: sebahagian kecil membenarkan semua syarikat tanpa sekatan, majoriti membenarkan dengan kriteria kelayakan dan ketelusan tertentu, manakala sebahagian signifikan mencadangkan larangan khusus terhadap GLC, syarikat berkaitan kerajaan, kontraktor kerajaan, syarikat asing dan sektor sensitif demi melindungi integriti sistem politik. ➢ kecenderungan kuat dalam kalangan informan untuk menolak atau sekurang-kurangnya mengenakan sekatan ketat terhadap sumbangan politik daripada syarikat milikan asing, terutamanya atas dasar menjaga kedaulatan negara, mengelakkan konflik kepentingan dan memudahkan penguatkuasaan sistem pendanaan politik negara. ➢ kecenderungan kuat ke arah larangan penuh atas dasar konflik kepentingan, integriti dan risiko kronisme, dengan sebahagian mencadangkan kawalan ketat atau tempoh bertenang, dan hanya minoriti yang melihatnya sebagai dibenarkan tanpa isu besar. ➢ Bagi perlepasan cukai, perpecahan pandangan dalam kalangan informan, dengan sebahagian bersetuju terutamanya jika disertai had dan kawalan ketat, manakala sebahagian lagi menolak	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	(1) Subject to subsections (2), (3), and (4), a political party or an election candidate shall not accept cash donation. *(2) Notwithstanding subsection (1), a political party or an election candidate may only accept cash donation during political talks ('ceramah') or events of a similar nature.* *(3) In receiving donations during political talks ('ceramah') or events of a similar nature, a political party or an election candidate shall: (a) keep a record of any donation received and the record shall be made available to the Commission; and (b) disclose to the Commission all cash donations within 3 working days after the conclusion of the political talks ('ceramah') or other events of a similar nature.* *(4) Donations received during political talks ('ceramah'), fundraising events or events of a similar nature shall not be accepted by a political party or an election candidate if the said donation is in excess of One Thousand Ringgit (RM 1,000.00).* *(5) The details of the record of donation in subsection (3) shall be prescribed by the Commission in a regulation.* ***9. Donation to an election candidate*** *(1) No person shall make a donation to an election candidate other than during the election campaign period.* *(2)An election candidate shall be required to open a designated account to receive donations and no donation received shall be paid to the personal savings account of an election candidate.* *(3) Subject to the provisions of this Act, the election candidate shall, within 31 days after the end of the election campaign period, prepare and send to the Commission a donation report under this section in respect*	***CROWDFUNDING/ FUNDRAISING (Halaman 43)*** *79. Berdasarkan Rajah 19 di atas, dapatan menunjukkan pandangan penerimaan dana politik melalui kaedah fundraising/crowdfunding. Sebanyak 1,531 peserta (99.16%) responden menyatakan setuju penerimaan dana melalui kaedah fundraising/crowdfunding, manakala hanya 0.84% (13 peserta) menyatakan tidak setuju. Perbezaan peratusan yang sangat ketara ini menggambarkan sokongan hampir sebulat suara dalam kalangan peserta. Berdasarkan sesi perbincangan yang diadakan, majoriti peserta berpandangan tidak wajar ditetapkan had untuk menerima dana melalui kaedah fundraising/crowdfunding. 80. Dapatan ini menunjukkan kaedah fundraising/crowdfunding dilihat sebagai satu mekanisme yang boleh diterima, praktikal dan sah untuk pengumpulan dana politik. Tahap persetujuan yang tinggi didorong oleh persepsi bahawa fundraising/crowdfunding membolehkan penyertaan awam yang lebih luas, meningkatkan ketelusan sekiranya diurus dengan baik, serta mengurangkan kebergantungan kepada penderma berskala besar atau sumber dana yang meragukan namun. 81. Sebaliknya, peratusan kecil yang tidak bersetuju mungkin berpunca daripada kebimbangan terhadap potensi penyalahgunaan, ketelusan pelaporan, atau risiko pengaruh tidak wajar sekiranya aktiviti fundraising/crowdfunding tidak dikawal selia dengan jelas. Namun begitu, bilangan ini terlalu kecil untuk memberi kesan signifikan terhadap keseluruhan dapatan. 82. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa penerimaan dana politik melalui kaedah fundraising/crowdfunding mempunyai legitimasi awam yang sangat kukuh dan berpotensi untuk dipertimbangkan sebagai salah satu mekanisme rasmi dalam kerangka pendanaan politik, tertakluk kepada peraturan, pemantauan dan mekanisme akauntabiliti yang berkesan.* ***DANA SYARIKAT (Halaman 44)***	atas alasan penggunaan hasil negara, keadilan sosial dan risiko penyalahgunaan. **DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)** ➢ Di samping itu, 68.60% menyokong pengenaan had ke atas sumbangan individu atau entiti.	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	of every recordable donation, giving all the details in respect of each donor thereof that are required by this Act. *(4) The provisions of this Act are applicable to all donations made to election candidate and must not circumvent this Act.*	*83. Rajah 20 adalah menunjukkan dapatan pandangan penerimaan dana politik melalui sumbangan syarikat. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden menunjukkan penerimaan yang tinggi terhadap penerimaan dana politik melalui sumbangan syarikat, apabila 1275 orang (82.59%) responden menyatakan setuju, manakala 269 orang (17.41%) tidak setuju. Dapatan ini mencerminkan bahawa sebahagian besar responden melihat sumbangan syarikat sebagai sumber dana yang boleh diterima dalam pendanaan politik. 84. Pemerhatian utama daripada dapatan ini ialah responden cenderung bersikap pragmatik, dengan mengakui peranan syarikat sebagai penyumbang yang berkeupayaan menyokong aktiviti politik, terutamanya dalam konteks kos operasi dan kempen yang semakin meningkat. Namun demikian, peratusan 17.41% yang tidak bersetuju menunjukkan kewujudan kebimbangan yang signifikan dalam kalangan sebahagian responden, khususnya berkaitan risiko pengaruh korporat yang berlebihan, konflik kepentingan, serta kemungkinan berlakunya ketidakseimbangan kuasa antara penyumbang besar dan kepentingan awam.* ***JENIS SYARIKAT (Halaman 45)*** *85. Rajah 21 menunjukkan dapatan jenis syarikat yang boleh memberi sumbangan dana politik. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti besar responden berpandangan bahawa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) wajar dikecualikan daripada memberi sumbangan dana politik, apabila 1,241 orang (80.38%) responden berpandangan pengecualian penerimaan dana politik daripada syarikat GLC. Hanya 303 orang (19.62%) peserta bersetuju bahawa semua jenis syarikat, termasuk GLC, boleh menyumbang dana politik. 86. Ini menunjukkan wujudnya kebimbangan yang jelas dalam kalangan responden terhadap konflik kepentingan dan penyalahgunaan sumber awam sekiranya GLC dibenarkan membuat sumbangan politik. Ini kerana pelantikan ahli lembaga GLC adalah berdasarkan lantikan politik dan perlu*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		mengelakkan sebarang isu conflict of interest. Majoriti responden melihat pengecualian GLC sebagai langkah penting untuk memelihara integriti, neutraliti dan akauntabiliti sektor awam. Sebaliknya, kumpulan minoriti yang bersetuju semua jenis syarikat dibenarkan berpandangan bahawa GLC juga merupakan entiti korporat yang sah dan seharusnya diberi hak yang sama. Namun, peratusan ini jauh lebih kecil dan tidak menjejaskan kecenderungan utama dapatan. 87. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan sokongan yang kukuh terhadap pendekatan pendanaan politik yang berhati-hati dan beretika, khususnya dengan memisahkan dana awam daripada pembiayaan aktiviti politik. Pemerhatian ini mengukuhkan keperluan kepada peruntukan undangundang yang jelas bagi melarang atau mengehadkan sumbangan politik oleh GLC sebagai langkah mencegah salah guna kuasa dan meningkatkan kepercayaan awam terhadap sistem pendanaan politik. ***SYARIKAT MILIKAN ASING (Halaman 47)*** *88. Dapatan mengenai penerimaan dana politik melalui sumbangan syarikat milikan asing ditunjukkan dalam Rajah 22. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti besar responden tidak bersetuju dengan penerimaan dana politik melalui sumbangan syarikat milikan asing, iaitu 1,175 peserta (76.08%), berbanding hanya 369 peserta (23.92%) yang menyatakan setuju. Dapatan ini menunjukkan penolakan yang jelas dan konsisten terhadap penglibatan entiti asing dalam pembiayaan politik. 89. Dapatan ini menunjukkan tahap kepekaan responden yang tinggi terhadap isu kedaulatan negara, keselamatan nasional dan campur tangan asing dalam proses politik. Sumbangan daripada syarikat milikan asing dilihat berpotensi mempengaruhi dasar awam dan keputusan politik negara secara tidak langsung, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap kehilangan autonomi dalam pembuatan dasar. Peratusan kecil yang bersetuju pula mungkin berpandangan bahawa pelabur atau syarikat asing yang beroperasi secara sah di negara ini turut*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		mempunyai kepentingan ekonomi yang sah. Namun, pandangan ini kekal sebagai minoriti dan tidak mengubah kecenderungan utama dapatan. 48 90. Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan sokongan awam yang kuat terhadap prinsip larangan atau sekatan ketat ke atas sumbangan politik oleh entiti asing. Pemerhatian ini mengukuhkan keperluan kepada peruntukan undang-undang yang tegas bagi melindungi integriti sistem politik, mengelakkan pengaruh luar, dan mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap ketelusan serta kebebasan proses demokrasi negara. ***SYARIKAT MILIKAN ASING (halaman 48)*** *91. Rajah 23 menunjukkan dapatan mengenai penerimaan dana politik melalui sumbangan syarikat milikan asing yang beroperasi di Malaysia. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden bersetuju dengan penerimaan dana politik melalui sumbangan syarikat milikan asing yang beroperasi di Malaysia, apabila 975 orang (63.12%) responden menyatakan bersetuju, manakala 569 peserta (36.88%) tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan tahap penerimaan yang sederhana tinggi, namun tidak sebulat suara. 92. Pemerhatian utama daripada dapatan ini ialah wujudnya perbezaan jelas antara pandangan terhadap sumbangan syarikat asing secara umum dan sumbangan syarikat milikan asing yang mempunyai operasi domestik. Responden yang bersetuju melihat syarikat milikan asing yang beroperasi di Malaysia sebagai entiti yang tertakluk kepada undang-undang tempatan kerana berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), menyumbang kepada ekonomi negara, menyediakan peluang pekerjaan serta membayar cukai. Oleh itu, sumbangan mereka dilihat lebih sah dan terkawal berbanding syarikat asing yang tidak mempunyai kehadiran fizikal atau operasi dalam negara. Namun begitu, peratusan 36.88% yang tidak bersetuju masih mencerminkan kebimbangan yang ketara, khususnya berkaitan pengaruh asing terhadap dasar negara, risiko campur tangan tidak langsung, serta isu kesetiaan*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		kepentingan walaupun syarikat tersebut beroperasi secara sah di Malaysia. Kebimbangan ini menunjukkan bahawa faktor pemilikan asing kekal sebagai isu sensitif dalam konteks pendanaan politik. 93. Secara keseluruhan, dapatan ini menggambarkan kecenderungan responden untuk menerima sumbangan syarikat milikan asing secara bersyarat, iaitu dengan keperluan kepada kawal selia yang ketat, ketelusan pendedahan, serta mekanisme pemantauan yang berkesan. Pemerhatian ini menyokong keperluan kepada pendekatan dasar yang seimbang antara realiti ekonomi terbuka dan keperluan melindungi integriti serta kedaulatan sistem politik negara. ***SYARIKAT MENDAPAT PROJEK PEROLEHAN KERAJAAN (Halaman 50)*** *94. Rajah 24 menunjukkan dapatan mengenai penerimaan dana politik melalui sumbangan syarikat yang mendapat projek perolehan dengan Kerajaan. Berdasarkan dapatan di atas, pandangan responden terhadap penerimaan dana politik melalui sumbangan syarikat yang memperoleh projek perolehan dengan Kerajaan adalah berbelah bahagi, namun menunjukkan kecenderungan penolakan. Sebanyak 817 orang (52.90%) responden menyatakan tidak setuju, manakala 727 peserta (47.10%) bersetuju. Perbezaan yang tidak terlalu besar ini menggambarkan isu yang sensitif dan kompleks. 95. Dapatan ini menunjukkan kebimbangan responden terhadap konflik kepentingan, risiko kronisme dan salah guna kuasa sekiranya syarikat yang terlibat secara langsung dengan perolehan kerajaan dibenarkan menyumbang dana politik. Sumbangan sedemikian boleh menimbulkan persepsi bahawa kontrak atau projek kerajaan dipengaruhi oleh sumbangan kewangan, sekali gus menjejaskan prinsip keadilan, persaingan terbuka dan integriti tadbir urus awam. Namun begitu, peratusan yang hampir seimbang bagi responden yang bersetuju, menunjukkan bahawa sebahagian Pihak melihat sumbangan tersebut sebagai hak korporat selagi proses perolehan dilaksanakan*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		secara telus dan berasaskan merit. Pandangan ini adalah kerana mereka berpandangan mekanisme kawal selia terhadap dana politik perlu dilaksanakan dan keperluan praktikal pembiayaan politik. 96. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa penerimaan dana politik daripada syarikat yang mendapat projek perolehan kerajaan adalah isu yang memerlukan kawalan lebih ketat berbanding bentuk sumbangan lain. Responden turut mencadangkan keperluan kepada langkah-langkah seperti larangan bersyarat, tempoh 'cooling-off', had sumbangan yang lebih rendah, pendedahan awam yang terperinci, serta penguatkuasaan yang tegas bagi mengelakkan sebarang persepsi atau amalan quid pro quo dan seterusnya memelihara kepercayaan awam terhadap sistem politik dan perolehan kerajaan. ***HAD SUMBANGAN TERTENTU (Halaman 51)*** *97. Rajah 25 di atas menunjukkan dapatan mengenai pandangan terhadap keperluan penetapan had sumbangan dana politik. Berdasarkan dapatan di atas, pandangan responden mengenai keperluan menetapkan had sumbangan dana politik adalah hampir seimbang, dengan 781 orang (50.55%) responden bersetuju supaya had ditetapkan, manakala 763 orang (49.45%) berpandangan tiada had diperlukan. Perbezaan yang sangat kecil ini menunjukkan isu penetapan had sumbangan merupakan perkara yang belum mencapai konsensus jelas dalam kalangan responden. 98. Dapatan ini menunjukkan kumpulan yang bersetuju menetapkan had didorong oleh keperluan untuk mengawal pengaruh kewangan yang berlebihan, mencegah dominasi penyumbang besar, serta mengurangkan risiko rasuah dan konflik kepentingan. Penetapan had dilihat sebagai instrumen penting untuk memastikan keadilan, ketelusan dan integriti dalam sistem pendanaan politik. Sebaliknya, responden yang berpandangan tiada had perlu ditetapkan mengambil pendekatan fleksibel dan praktikal, dengan melihat keperluan kewangan parti politik yang semakin meningkat. Kumpulan ini*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		berpandangan bahawa fokus utama seharusnya diberikan kepada perekodan pendedahan dan penguatkuasaan, berbanding mengehadkan jumlah sumbangan. 99. Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan bahawa isu penetapan had sumbangan dana politik memerlukan pendekatan dasar yang seimbang dan berhati-hati. Pemerhatian ini mencadangkan keperluan kepada perbincangan lanjut dengan pihak berkepentingan serta kemungkinan mempertimbangkan model hibrid, seperti had berperingkat, had berbeza mengikut jenis penyumbang, atau penetapan had yang disertai mekanisme ketelusan dan pengawasan yang kukuh bagi mengekalkan kepercayaan awam terhadap sistem pendanaan politik. ***PELEPASAN CUKAI (Halaman 53)*** *100. Dapatan mengenai cadangan untuk diberi pelepasan cukai kepada individu yang memberi sumbangan dana politik ditunjukkan dalam Rajah 26 di atas. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden iaitu 917 orang (59.36%) bersetuju dengan cadangan untuk memberi pelepasan cukai kepada individu yang memberi sumbangan dana politik, manakala 627 orang (40.64%) lagi tidak setuju. 101. Dapatan ini menunjukkan bahawa ramai yang berpendapat bahawa memberi pelepasan cukai boleh memberi insentif kepada individu untuk memberi sumbangan kepada parti politik. Selain itu, dengan insentif ini akan menggalakkan lebih ramai individu untuk mengistiharkan sumbangan politik yang akhirnya memperkukuh demokrasi dengan meningkatkan penglibatan politik dalam kalangan rakyat. Manakala kumpulan yang tidak bersetuju adalah disebabkan oleh kebimbangan bahawa memberi pelepasan cukai boleh membawa kepada pengaruh yang berlebihan oleh individu atau kumpulan kaya dalam proses politik. Ini berisiko mencipta ketidakseimbangan dalam pengagihan kuasa politik dan menyebabkan pengaruh yang tidak seimbang dalam keputusan kerajaan. Individu yang memberi sumbangan besar akan mendapat lebih banyak faedah cukai, yang boleh dianggap tidak adil bagi golongan*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		berpendapatan rendah yang tidak mampu memberi sumbangan yang sama. Disamping itu, kumpulan ini juga berpandangan pelepasan cukai ini akan menyebabkan hasil negara akan menurun yang akhirnya akan memberi kesan kepada rakyat keseluruhan.		
9.	***PART III –ESTABLISHMENT AND MANAGEMENT OF POLITICAL PARTY FUND*** ***11. Establishment of Political Party Fund*** *(1)A Political Party Fund is hereby established for the purpose of enhancing Parliamentary democracy by providing for the funding of political parties.* *(2)The Commission must open an account for the Fund with any licensed bank under the Financial Services Act 2013 (Act 758) or any licensed Islamic bank under the Islamic Financial Services Act 2013 (Act 759).* *(3)The Commission must credit the account provided in subsection (2) with— (a) monies appropriated by Parliament; (b) funds provided by private sources who qualify as permissible donors; and (c) interest earned on the money.* ***12. Management and administration of Fund*** *(1) The CEO as appointed under paragraph 24(10)(a) by the Commission, is responsible for the management and administration of the Fund and shall prepare an annual report that is to be submitted to the Commission.* *(2)For each financial year, the CEO must keep records in accordance with the standards of generally recognised accounting practice in respect of each of the Fund, setting out— (a) all money received or accruing to the Fund; (b) all allocations and payments made; (c) all expenditure arising from the allocation of money from the Fund;*	***KEPERLUAN DANA AWAM/ KERAJAAN (Halaman 35)*** *62. Dapatan dalam Rajah 14 menunjukkan bahawa pandangan responden berbelah bahagi secara hampir seimbang berhubung cadangan kerajaan menyediakan dana kepada parti politik secara tahunan. Berdasarkan dapatan menunjukkan sebanyak 766 orang (49.59%) bersetuju dan 778 orang (50.41%) tidak bersetuju. Perbezaan yang sangat kecil ini mencerminkan ketiadaan konsensus awam yang jelas, serta menandakan bahawa isu pembiayaan awam kepada parti politik merupakan perkara yang sensitif dan kompleks dalam persepsi masyarakat. 63. Sokongan terhadap pembiayaan tahunan oleh kerajaan berkemungkinan didorong oleh pandangan bahawa dana awam dapat membantu mewujudkan medan persaingan politik yang lebih adil, mengurangkan kebergantungan parti kepada penderma swasta serta meminimumkan risiko rasuah dan pengaruh tidak wajar. Sebaliknya, penolakan yang hampir sama kuat mencerminkan kebimbangan terhadap penggunaan wang awam untuk tujuan politik, keutamaan perbelanjaan kerajaan, serta persoalan akauntabiliti dan keberkesanan penggunaan dana tersebut. 64. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan keperluan agar sebarang cadangan pembiayaan awam kepada parti politik dipertimbangkan secara berhati-hati, dengan syarat, mekanisme kawalan, dan tahap ketelusan yang jelas, serta disokong oleh penerangan awam yang menyeluruh bagi meningkatkan kefahaman dan penerimaan Masyarakat* ***KELAYAKAN PARTI UNTUK MENERIMA DANA KERAJAAN***	**ANALISIS TRIANGULASI** Aspek yang mempunyai polarisasi pandangan ialah peranan kerajaan dalam menyediakan pendanaan awam (*public funding*). Walaupun terdapat penolakan atas dasar penggunaan wang rakyat, majoriti pakar melihatnya sebagai langkah progresif untuk menyokong fungsi asas parti dan menjamin persaingan sihat, terutamanya bagi parti pembangkang. Pengagihan dana ini dicadangkan berdasarkan formula objektif seperti jumlah undi atau bilangan kerusi yang dimenangi. Selain itu, pemberian pelepasan cukai kepada penderma juga dicadangkan sebagai insentif untuk menggalakkan sumbangan yang direkodkan secara rasmi, namun ia perlu disertakan dengan had maksimum bagi memastikan keadilan sosial. **DAPATAN FGD** ➢ Walaupun terdapat penolakan yang jelas terhadap penggunaan dana awam untuk parti politik, majoriti informan cenderung menyokong peranan kerajaan secara bersyarat dan terhad, dengan penekanan kuat kepada ketelusan, audit, had jumlah, tujuan khusus serta mekanisme semak dan imbang bagi memastikan dana awam tidak disalahgunakan dan tidak menjejaskan prinsip keadilan demokrasi. ➢ Terdapat dua kecenderungan utama, iaitu cadangan pengagihan dana secara objektif dan berasaskan prestasi seperti undi, kerusi atau ambang kelayakan, serta penegasan bahawa kadar dana perlu sederhana, terhad dan berasaskan prinsip keadilan serta kemampuan fiskal negara, dengan had jelas, audit ketat dan formula telus bagi memastikan dana awam digunakan secara berhemah dan tidak disalahgunakan. **DAPATAN TEMU BUAL**	RUU tidak mencadangkan pemberian dana kerajaan kepada parti politik.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	and (d) the current record of the capital and liabilities of the Fund during that year. *(3)The CEO shall, carry forward any money standing to the credit of the Fund at the end of the financial year to the next financial year as a credit balance.* ***13. Allocation of Fund*** *(1) The sum of the allocation payable to the eligible political parties shall be One Hundred and Thirty Million Ringgit (RM 130,000,000.00) per year.* *(2)The sum of the allocation under subsection (1) of this Act shall be divided into the following: —* *(a) One Hundred and Twenty Million Ringgit (RM120,000,000.00) shall be distributed based on the votes gained by the eligible political parties in the Parliamentary election and State elections at which such elections were last so held; and* *(b) Ten Million Ringgit (RM10,000,000.00) shall be distributed proportionally based on the number of women elected representatives of the eligible political parties.* *(3)The sum of the allocation under paragraph (2)(a) of this Act shall be further divided based on Regions, where —* *(a) a sum of Ninety Million Ringgit (RM 90,000,000.00) for the eligible political parties in Peninsular Malaysia;* *(b) a sum of Fifteen Million Ringgit (RM15,000,000.00) for the eligible political parties in Sabah and the Federal Territory of Labuan; and (c) a sum of Fifteen Million Ringgit (RM15,000,000.00) for the eligible political parties in Sarawak.* *(4)The amount specified in paragraphs (3)(a), (b) and (c) shall be reviewed by the Commission and the review reported to the Committee once every five years and may, on the recommendation of the Committee, be amended by a Bill passed by Parliament.*	*65. Dapatan ini menunjukkan bahawa sekiranya pemberian dana awam kepada parti politik dipersetujui, kecenderungan utama responden adalah ke arah mekanisme pengagihan berasaskan prestasi sokongan pengundi, sebanyak 736 orang (47.67%) memilih dana berdasarkan jumlah undi yang diperoleh. Dapatan ini mencerminkan pandangan bahawa dana awam wajar diagihkan secara lebih adil dan objektif, selari dengan tahap sokongan rakyat, serta menggalakkan akauntabiliti dan persaingan politik yang sihat. 66. Sebanyak 376 orang (24.36%) responden menyokong pemberian jumlah yang sama kepada setiap parti, menunjukkan kewujudan pandangan alternatif yang menekankan prinsip kesaksamaan dan peluang yang seimbang, khususnya bagi parti kecil atau baharu. Walau bagaimanapun, sokongan yang lebih rendah berbanding model berasaskan undi menunjukkan bahawa responden lebih cenderung kepada pendekatan yang mengambil kira legitimasi demokratik melalui keputusan pilihan raya. 67. Peratusan yang sangat kecil iaitu sebanyak 32 orang (2.04%) menyatakan tidak bersetuju, selari dengan hakikat bahawa soalan ini bersifat bersyarat (sekiranya dana awam dipersetujui). Sementara itu, peratusan yang agak signifikan bagi kategori lain-lain dengan catatan 400 orang (25.93%) menunjukkan kepelbagaian pandangan awam, yang mencadangkan kriteria tambahan seperti agihan dana berdasarkan jumlah ahli parti, membiayai kempen pilihan raya sahaja, diberikan kepada parti yang menang sahaja dan sebagainya.*	Persoalan sama ada kerajaan harus menyediakan dana kepada parti politik mencetuskan polarisasi pandangan: ● **Menyokong:** Beberapa informan berpendapat dana kerajaan dalam kadar sederhana perlu bagi menyokong fungsi asas parti dan menjamin persaingan sihat, terutamanya bagi parti pembangkang yang kekurangan sumber. ● **Menolak:** Beberapa informan pimpinan politik menentang keras penggunaan wang awam untuk membiayai ahli politik. Mereka berhujah bahawa bajet negara lebih baik disalurkan untuk kebajikan rakyat seperti kesihatan dan pendidikan. **DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)** ➢ sebanyak 44.1% responden menyatakan bahawa parti politik tidak sepatutnya dibiayai oleh kerajaan, manakala 35.3% bersetuju dengan pembiayaan kerajaan. Selebihnya, 20.5% menyatakan tidak pasti. Secara deskriptif, dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan relatif yang lebih tinggi untuk menolak pembiayaan langsung oleh kerajaan berbanding menyokongnya. Walau bagaimanapun, jurang antara kumpulan yang menolak dan yang menyokong tidak terlalu besar (sekitar 9 mata peratus), dan kewujudan peratusan "tidak pasti" yang agak tinggi mencerminkan bahawa isu pembiayaan awam parti politik masih menjadi perdebatan dalam kalangan masyarakat. ➢ Dapatan ini boleh ditafsirkan sebagai wujudnya kebimbangan dalam kalangan sebahagian responden terhadap penggunaan dana awam untuk tujuan politik. Pada masa yang sama, sokongan yang signifikan terhadap pembiayaan kerajaan menunjukkan bahawa sebahagian masyarakat mungkin melihatnya sebagai mekanisme untuk meningkatkan ketelusan dan mengurangkan kebergantungan kepada dana swasta. Oleh itu, pandangan responden terhadap pembiayaan kerajaan kelihatan terbahagi dan belum mencapai konsensus yang jelas.	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	[Rujukan: rujuk Schedule 1] ***14. Allocation based on vote shares*** *(1) A political party is eligible to receive money distributed under the allocation specified in paragraph 13(2)(a) if, on the day of determination, the party –(a) gained at least two per cent (2%) of the total valid votes cast in the Parliamentary election last so held in any Region, or in the State election last so held in any States, as the case may be; (b) has at least one State Legislative Assembly seat; or (c) has at least one Parliament seat.* *(2) The Commission shall first ascertain — (a) the number of votes gained by each political party in the Parliamentary election and State elections last so held on the day of determination; and (b) the number of total valid votes of the Parliamentary election and the State elections last so held on the day of determination, according to Regions and States, and then, identify political parties that are eligible to receive money distributed in accordance with the threshold set under subsection (1).* *(3)The sum of the allocation under subsection 12(3) of this Act for each Region respectively shall be further divided into — (a) one-half of the sum shall be distributed based on a political party's votes gained in the Parliamentary election and credited to the eligible party's national headquarters official account; and (b) one-half of the sum shall be distributed based on a political party's votes gained in the State elections and credited to the eligible party's state headquarters official account.* *(4)The national headquarters political parties shall receive an annual amount based on the formula as stipulated in Schedule 1.*			

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	(5)The state headquarters of political parties shall receive an annual amount based on the method as provided in Schedule 2. ***[Rujukan: rujuk Schedule 2]*** ***15. Allocation to encourage women representation*** *(1) A political party is eligible to receive money distributed under the allocation specified in paragraph 13(2)(b) if there is at least one woman elected representative affiliated to that party on the determination day.* *(2) For the purpose of determining a political party affiliation of a woman elected representative under subsection (1), it shall be her party affiliation at the polling day for the election at which she was last so elected as a woman elected representative.* *(3) The Commission shall first ascertain the number of women elected representatives of each eligible political party on the determination day.* *(4) For the purpose of subsection (1) of this Act, it should be counted as one even though a person is a member of the House of Representatives and a member of the Legislative Assembly of any State on the determination day.* *(5)Eligible political parties shall receive an annual amount based on the formula as provided in Schedule 3.* ***[Rujukan: rujuk Schedule 3]*** ***16. Spending on policy development research*** *(1) A political party shall spend an amount of at least one-quarter of the monies received under this Part on policy development research annually.* *(2) The Commission may make regulation to define the expenses that shall be regarded as*			

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	spending on policy development research, and to provide requirements and procedures of reporting on its spending on policy development research. *(3) If a political party fails to show to the Commission that it has spent an amount as required under subsection (1) within the previous calendar year, the Commission shall deduct from the monies that are payable to the party on the current calendar year such amount that is the differential between the amount required under subsection (1) and the amount spent and shown to the Commission for policy development research. If the party is not entitled to receive monies payable under subsection (1) on the current calendar year, the Commission shall require the party to repay such amount to the Fund.* ***17. Political Party*** *(1) For the purpose of conducting the determination of monies payable and paying such monies to political parties under this Part, unless the Commission is otherwise informed, the identification of political parties shall be based on the party symbol used in the elections.* *(2)Political parties that have contested the elections as a coalition by using the same party symbol shall inform the Commission in accordance with the form and manner as the Commission may by regulation prescribe that the parties should be identified separately based on individual component parties if all the parties in the coalition intend and agree to do so.* *(3)If a political party is dissolved, deregistered or for whatever reason ceases to exist, it shall, from the date of its dissolution, deregistration or cessation, no longer be eligible to receive money under this Part.* *(4)Notwithstanding subsection (1) — (a) in a case of dissolution, deregistration or cessation of a political party which is a*			

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	registered coalition consisting of two or more component parties, such dissolution, deregistration or cessation shall not affect the eligibility of the individual component parties to receive money under this Part if it has informed the Commission in accordance with subsection (2); and (b) if an eligible political party ceases to exist due to merging with another political party, the monies payable to the eligible party shall be paid to, and its eligibility to receive monies under this Part shall be transferred to, the new party formed by such merger. ***18. Purposes for which money from Fund may be used*** *(1) Subject to this Act, the money paid in terms of this Act shall be used by a political party for any purpose compatible with its functioning as a political party in a parliamentary democracy.* *(2)The money paid in terms of this Act may not be used by a political party— (a) directly or indirectly for the purpose of establishing any business, or acquiring or maintaining any right of financial interest whatsoever in any business, or in any immovable property, except where the right or interest in the immovable property is to be used by the party solely for party political purposes; (b) to defray legal costs relating to internal political party disputes; or (c) for a purpose as may be prescribed by the Commission.* ***19. Payment of money to political party*** *(1) Monies payable to political parties from the Fund shall be paid by the Commission on or before the first day of April each year.* *(2)For the calendar year on which this Act comes into force, monies payable to political parties for that calendar year shall be paid within three months from the date this Act comes into force.*			

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
PARAMETER 6: MEKANISME PENERIMAAN SUMBANGAN				
10.	**PART II – REGULATING PRIVATE DONATIONS** **4. Permissible Donors and Recipients** (1) A donation can only be received by a political party or an election candidate. (2) A donation received by a political party or an election candidate may be accepted if– (a) the person by whom the donation would be made is, at the time of its receipt, a permissible donor; and (b) the political party or election candidate is able to ascertain the identity of the donor, with the exception of s8. (3) For the purposes of subsection (2), permissible donors are- (a) an individual who is a citizen of Malaysia and is not below 18 years of age; (b) entities registered under the Societies Act 1966; or (c) a Malaysia-controlled company.	**PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB MENERIMA SUMBANGAN (Halaman 56)** 106. Rajah 29 menunjukkan dapatan pandangan responden mengenai pihak yang bertanggungjawab menerima sumbangan dana politik. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti peserta 960 orang (62.18%) berpandangan semua individu harus dibenarkan untuk menerima sumbangan. Ini menunjukkan bahawa mereka berpendapat bahawa keterbukaan dalam menerima dana adalah penting untuk memperkasa proses politik dengan melibatkan lebih banyak individu atau pihak yang menguruskan dana politik. Ini juga dilihat sebagai langkah untuk memastikan tiada individu atau pihak yang mendapat terlalu banyak kuasa dalam mengawal sumbangan tersebut. 107. Selain itu, terdapat juga sebahagian responden iaitu 310 orang (20.06%) yang berpandangan hanya presiden/ setiausaha/bendahari sahaja yang diberi tanggungjawab tersebut. Manakala, sebanyak 136 orang (8.83%) berpandangan hanya bendahari sahaja yang boleh dibenarkan menerima sumbangan dana politik. Seramai 69 orang (4.46%) berpandangan hanya yang memegang jawatan sahaja, 51 orang (3.28%) berpandangan hanya Bendahari dan pegawai yang dilantik dan hanya sekelompok kecil iaitu 18 orang sahaja (1.19%) yang berpandangan Presiden atau Ketua Cawangan parti sahaja yang dibenarkan menerima sumbangan. 108. Kumpuilan yang menyokong agar semua individu yang menerima dana dibenarkan untuk menerima sumbangan mungkin melihatnya sebagai cara untuk memastikan proses politik lebih terbuka dan telus. Ini juga boleh membantu memastikan tiada penyalahgunaan kuasa atau pengaruh dalam pembahagian dana politik. Ini kerana pemberian kuasa kepada seseorang atau individu tertentu sahaja berisiko mewujudkan ketidakseimbangan dalam pengagihan dana. Ini boleh menyebabkan salah urus atau ketidakterbukaan dalam pengurusan dana, yang dapat mencetuskan masalah integriti dalam	**ANALISIS TRIANGULASI** Bagi memastikan integriti dalam proses penerimaan dana, mekanisme pelaksanaan perlu beralih daripada amalan tidak formal kepada sistem perakaunan institusi yang telus. Analisis operasional menekankan kepentingan penggunaan akaun rasmi parti sebagai saluran tunggal penerimaan dana. Informan bersetuju bahawa tanggungjawab menerima sumbangan mestilah diletakkan di bawah pegawai atau unit kewangan yang dilantik secara rasmi, seperti bendahari. Penggunaan akaun rasmi membolehkan setiap transaksi dijejaki dan diaudit dengan jelas, sekali gus menghapuskan amalan sumbangan tunai yang tidak direkodkan. Walau bagaimanapun, pimpinan politik membangkitkan isu teknikal berkaitan sekatan perbankan terhadap individu politik (*Political Affiliated Person - PIP*) yang menyukarkan pembukaan akaun rasmi. Kerajaan dicadangkan untuk melonggarkan syarat perbankan ini seiring dengan pengenalan akta guna memudahkan pematuhan. Dari sudut penggunaan dana, responden tinjauan paling banyak menyokong dana digunakan untuk program khidmat masyarakat (73.55%), diikuti latihan dan pendidikan politik (63.59%). Pakar menegaskan bahawa penggunaan dana untuk kepentingan peribadi, keluarga, atau pelaburan yang tidak berkaitan dengan fungsi demokrasi parti mestilah dilarang sepenuhnya. Mekanisme kelulusan berganda (*double approval*) juga dicadangkan bagi setiap pengeluaran dana guna memastikan keselamatan dan ketelusan simpanan parti. Keperluan penetapan jumlah minimum sumbangan yang mesti direkodkan juga dibincangkan. Walaupun terdapat pandangan bahawa setiap sen perlu direkodkan (prinsip ketelusan mutlak), sebahagian informan menyokong penetapan ambang (*threshold*) tertentu bagi tujuan kecekapan pentadbiran dan fokus audit. Ini memastikan badan kawal selia dapat menumpukan perhatian kepada sumbangan yang signifikan tanpa membebankan parti kecil dengan birokrasi yang melampau. **DAPATAN FGD**	RUU hendaklah mewujudkan mekanisme penerimaan dana yang berpusat pada kawalan titik masuk, supaya setiap ringgit yang masuk boleh dijejaki, disahkan, direkod dan diaudit. 1. RUU hendaklah menetapkan bahawa hanya pegawai yang diberi kuasa boleh menerima sumbangan atau membuat pinjaman bagi pihak entiti politik, dan penerimaan oleh orang lain adalah tidak sah. 2. RUU hendaklah mewajibkan setiap entiti politik membuka akaun bank khas bagi penerimaan sumbangan, dan semua transaksi penerimaan wang hendaklah dimasukkan ke akaun tersebut, kecuali pengecualian kecil yang ditetapkan secara jelas. 3. RUU hendaklah mewajibkan semakan kelayakan penderma sebelum sumbangan dianggap diterima secara sah, termasuk semakan identiti, status penderma yang dibenarkan, dan semakan sama ada sumbangan itu dilarang atau tidak. 4. RUU hendaklah menghadkan penerimaan tunai kepada jumlah kecil dan mewajibkan kaedah pembayaran yang boleh mengesahkan identiti bagi jumlah yang melebihi ambang. 5. RUU hendaklah mewajibkan pengeluaran resit rasmi dan rekod transaksi bagi semua sumbangan yang melebihi ambang minimum, termasuk rekod acara kutipan dana dan sumbangan bukan kewangan. 6. RUU hendaklah menetapkan tempoh masa wajib untuk memulangkan sumbangan yang tidak sah, termasuk sumbangan tanpa nama melebihi had atau sumbangan daripada sumber yang dilarang, dan menetapkan kaedah pemulangan atau penyerahan kepada pihak berkuasa.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		pengurusan dana politik. 109. Pandangan yang lebih terhad, di mana hanya pemimpin tertinggi atau bendahari sahaja yang dibenarkan menerima sumbangan menunjukkan kecenderungan untuk memberi lebih kuasa kepada beberapa individu yang memegang jawatan tertentu. Kaeda ini dilihat sebagai cara untuk mengawal dan menyekat pelbagai individu dari memberi pengaruh terhadap keputusan parti atau politik. Secara keseluruhan, dapatan ini menggambarkan pelbagai pandangan mengenai pengurusan dana politik, dengan majoriti peserta menyokong pendekatan yang lebih terbuka dan inklusif dalam menerima sumbangan. Namun, terdapat kebimbangan tentang kuasa yang terlalu terpusat kepada individu-individu tertentu. **JENIS PERBELANJAAN YANG BOLEH DIGUNAKAN** 110. Dapatan mengenai jenis perbelanjaan yang boleh digunakan daripada sumbangan dana politik ditunjukkan dalam Rajah 30 di atas. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden bersetuju bahawa dana politik boleh digunakan bagi semua jenis perbelanjaan iaitu seramai 1,309 orang (84.78%) responden. Dapatan ini menunjukkan tahap penerimaan yang sangat tinggi terhadap penggunaan dana politik secara fleksibel, tanpa menghadkan kepada kategori perbelanjaan tertentu sahaja. Pemerhatian utama daripada dapatan ini ialah responden cenderung mempercayai bahawa parti politik memerlukan ruang budi bicara yang luas dalam mengurus perbelanjaan, selagi ia berkaitan dengan fungsi dan kelangsungan organisasi politik. Ini termasuk kos operasi harian, kempen pilihan raya, latihan, serta aktiviti sokongan lain yang dianggap perlu untuk memperkukuh organisasi dan keupayaan parti. 111. Namun begitu, terdapat sebilangan kecil responden berpandangan agar penggunaan yang terhad iaitu hanya kepada kos operasi dan program latihan sahaja daripada 104 orang (6.72%), manakala 79 orang (5.13%) responden berpandangan untuk kos operasi dan kempen pilihan raya daripada, atau hanya digunakan untuk kos operasi parti sahaja daripada 42 orang (2.69%).	➢ dua aliran utama: satu kumpulan menyokong penetapan jumlah minimum bagi tujuan kecekapan dan fokus pemantauan, manakala satu lagi kumpulan menekankan prinsip ketelusan mutlak dengan merekod semua sumbangan tanpa ambang minimum. ➢ kecenderungan yang jelas dalam kalangan informan untuk memastikan penerimaan sumbangan dilakukan oleh pegawai kewangan atau kepimpinan yang dilantik secara rasmi melalui saluran parti yang berstruktur, dengan sistem kawalan dalaman yang jelas bagi mengelakkan salah guna dan memastikan akauntabiliti. ➢ dana sumbangan secara umumnya dibenarkan untuk operasi, kempen dan aktiviti sah parti, namun majoriti informan menekankan keperluan had jelas, garis panduan terperinci, rekod dan audit serta larangan tegas terhadap perbelanjaan peribadi bagi mengelakkan penyalahgunaan. ➢ konsensus yang jelas bahawa sumbangan politik perlu disalurkan melalui akaun rasmi parti atau akaun khas yang berpusat, menggunakan kaedah tanpa tunai dan boleh jejak, serta disokong oleh mekanisme kawal selia, dokumentasi lengkap dan struktur pemantauan yang jelas bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti. ➢ dua komponen utama dalam memastikan dana sumbangan politik disimpan dengan selamat dan telus, iaitu penyimpanan melalui akaun rasmi atau akaun khas yang dipisahkan, serta pelaksanaan mekanisme kawalan, audit, sistem digital dan pengawasan berterusan bagi menjamin akauntabiliti dan integriti pengurusan dana. **DAPATAN TEMU BUAL** ➢ Kesimpulannya, penerimaan dana perlu disalurkan melalui akaun rasmi parti sebagai saluran tunggal untuk jejak audit, dengan tanggungjawab jelas pada pegawai/unit kewangan yang dilantik. Dalam masa sama, isu praktikal seperti kekangan perbankan terhadap entiti politik perlu ditangani untuk mengelakkan kembali kepada akaun peribadi atau tunai tidak telus, dan penggunaan dana perlu dihadkan kepada fungsi parti serta dilarang untuk kepentingan peribadi.	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		Ini menunjukkan terdapat kebimbangan terhadap potensi penyalahgunaan dana sekiranya skop perbelanjaan terlalu luas. Kumpulan ini berpendapat bahawa penetapan kategori perbelanjaan yang jelas boleh meningkatkan ketelusan dan memudahkan pemantauan. Selain itu, terdapat juga sebanyak 10 orang sahaja (0.68%) yang mencadangkan lain-lain perbelanjaan seperti bayaran kos kempen kesedaran, bayaran untuk kos professional seperti audit luar atau kos guaman, kos kempen pilihan raya parti dan sebagainya. 112. Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan kecenderungan kuat responden untuk membenarkan penggunaan dana politik secara menyeluruh, namun ia juga memberi isyarat bahawa kepercayaan tersebut perlu disokong oleh mekanisme kawal selia yang mantap, seperti garis panduan perbelanjaan, perekodan terperinci, audit berkala dan pendedahan awam. Pemerhatian ini menunjukkan bahawa fleksibiliti penggunaan dana politik harus diimbangi dengan keperluan akauntabiliti bagi mengekalkan integriti dan keyakinan awam terhadap sistem pendanaan politik. **MEDIUM PEMBERIAN SUMBANGAN DANA POLITIK (Halaman 60)** 113. Rajah 31 menunjukkan medium penyaluran sumbangan dana politik. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden berpandangan bahawa sumbangan dana politik wajar disalurkan terus ke akaun parti politik atau akaun khas sumbangan dana politik, dengan persetujuan daripada1127 orang (73.02%) responden. Sebaliknya, 417 orang (26.98%) berpendapat bahawa sumbangan boleh disalurkan ke akaun peribadi. Dapatan ini menunjukkan kecenderungan yang jelas ke arah mekanisme penyaluran yang lebih formal dan berinstitusi. 114. Pemerhatian utama daripada dapatan ini ialah tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan responden terhadap kepentingan ketelusan, jejak audit dan akauntabiliti kewangan. Penyaluran sumbangan ke akaun parti politik dilihat lebih mudah dipantau, direkod dan diaudit,	**DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)** ➢ Seiring dengan itu, 82.36% turut bersetuju bahawa undang-undang perlu menentukan siapa yang layak menerima dana berkenaan. ➢ Dari segi tujuan penggunaan dana politik, responden paling banyak menyokong agar dana digunakan untuk program khidmat masyarakat (73.55%), diikuti latihan dan pendidikan (63.59%). Selain itu, sebahagian besar responden juga bersetuju bahawa dana boleh digunakan untuk menjalankan operasi parti (59.99%) dan perbelanjaan kempen pilihan raya (55.84%). ➢ peratusan yang tinggi juga menekankan kepentingan menetapkan siapa yang dibenarkan memberi sumbangan (63.99%) dan had jumlah sumbangan (56.22%).	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		sekali gus mengurangkan risiko salah guna dana, penyelewengan atau kekeliruan antara dana peribadi dan dana parti. 115. Walau bagaimanapun, peratusan yang masih signifikan iaitu hampir satu pertiga responden yang membenarkan penyaluran ke akaun peribadi menunjukkan bahawa masih wujud pandangan yang lebih fleksibel, berpunca daripada realiti operasi politik di lapangan, khususnya bagi aktiviti kempen di peringkat akar umbi atau calon individu. Kumpulan ini beranggapan bahawa penyaluran ke akaun peribadi lebih pantas atau praktikal dalam situasi tertentu. Selain itu, kelompok ini juga berpandangan penyaluran kepada akaun peribadi dibenarkan adalah dengan mengambilkira keperluan sumbangan untuk calon atau wakil rakyat bebas yang tidak bernaung di bawah mana-mana parti politik. 116. Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan sokongan yang kukuh terhadap amalan penyaluran sumbangan melalui akaun parti sebagai saluran utama, namun turut memberi isyarat keperluan untuk memperjelas peraturan berkaitan akaun peribadi. Pemerhatian ini mencadangkan bahawa sekiranya penyaluran ke akaun peribadi dibenarkan, ia perlu disertai dengan syarat yang ketat, seperti pendaftaran akaun khas, pelaporan terperinci dan pengawasan yang berkesan, bagi memastikan integriti dan kepercayaan awam terhadap sistem pendanaan politik terus terpelihara.		
11.	**6. In-kind donation** (1) For the purposes of in-kind donation, a political party and an election candidate shall only accept donation in a value not exceeding what is prescribed by the Commission. (2) The value of donation that is a gift to a political party or an election candidate is the market value of the property in question. (3)Where any donation, being money, shares or property, is transferred to a political party or an election candidate, for a consideration that is less than the value of the money or market value of the property, the value of the	**KEPERLUAN HAD UNTUK CATAT REKOD PENERIMAAN SUMBANGAN (Halaman 54)** 102. Dapatan mengenai pandangan untuk penetapan had jumlah sumbangan untuk catat rekod penerimaan sumbangan adalah sebagaimana dalam Rajah 27 di atas. Dapatan menunjukkan majoriti responden iaitu 1497 orang (96.95%) bersetuju bahawa had jumlah perlu ditetapkan bagi tujuan merekod penerimaan sumbangan, manakala hanya sebahagian kecil responden 47 orang (3.05%) berpendapat tiada keperluan untuk menetapkan had tersebut. Jurang peratusan yang sangat ketara ini mencerminkan konsensus awam yang kukuh mengenai		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	donation is taken to be the difference between— (a) the value of the money, or the market value of the property, in question; and (b) the consideration provided by or on behalf of a political party or an election candidate, as the case may be. (4) A political party or an election candidate shall be required to prove the value of any donation which is not a cash donation to the Commission by providing supporting documentation as specified by the Commission under section 24 of this Act. (5) In receiving in-kind donation, a political party or an election candidate shall- (a) keep a record of any transfer donations received; and (b) disclose to the Commission the record of transfer donations received by the a political party or an election candidate in the manner as prescribed by the Commission. **7. Transfer donation** (1) For the purposes of transfer donation, a political party or an election candidate shall not receive; (a) from a person in excess of Fifty Thousand Ringgit (RM 50,000.00); (b) from a company in excess of One Hundred Thousand Ringgit (RM 100,000.00); (c) from a group of companies in excess of Five Hundred Thousand Ringgit (RM500,000); or (d) any amount that is to be prescribed by the Commission. (2) A political party shall not receive anonymous donations exceeding 30% of the total amount of donation that the political party receives in that respective year, any excess of which shall be transferred to the Commission, in accordance with s 22(4) of this Act.	kepentingan kawal selia dalam aspek perekodan sumbangan politik. 103. Ini mencerminkan konsensus awam yang jelas terhadap keperluan mekanisme kawalan dengan penetapan nilai ambang untuk direkod bagi memastikan ketelusan, kebolehkesanan dan pencegahan salah guna, termasuk amalan pemecahan sumbangan untuk mengelak pengawasan. Justeru, penetapan ambang perekodan dan pelaporan yang munasabah dilihat penting bagi mengimbangi keperluan penguatkuasaan dengan kecekapan pentadbiran dalam sistem pendanaan politik negara. **HAD UNTUK CATAT REKOD PENERIMAAN SUMBANGAN (Halaman 55)** 104. Dapatan Rajah 28 menunjukkan cadangan nilai had untuk rekod penerimaan sumbangan. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden 997 orang (64.55%) berpandangan bahawa had perekodan penerimaan sumbangan wajar ditetapkan pada RM5,000 dan ke atas. Pilihan ini mengatasi dengan ketara semua nilai ambang lain, sekali gus mencerminkan persetujuan jelas bahawa had pada paras sederhana adalah paling sesuai bagi tujuan perekodan sumbangan politik. Responden melihat had ini sebagai cukup signifikan untuk tujuan pengawasan dan ketelusan, tanpa mewujudkan beban perekodan berlebihan terhadap parti politik akibat sumbangan kecil yang kerap. Namun, terdapat juga cadangan daripada 175 orang (11.33%) untuk penetapan nilai ambang pada kadar yang lebih rendah iaitu RM3,000 dan ke atas sebagai had perekodan. 105. Selain itu, sebahagian kecil responden mencadangkan nilai ambang yang lebih besar iaitu RM25,000 dan ke atas daripada 162 orang (10.46%) manakala hanya 83 orang sahaja (5.37%) yang mencadangkan nilai had yang paling sesuai adalah RM250,000 dan ke atas. Ini menunjukkan responden bimbang ambang yang terlalu tinggi boleh mengehadkan keupayaan mengesan sumbangan berskala sederhana, seterusnya mengurangkan tahap akauntabiliti.		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	(3) All donations made by a person or a company, as the case may be, to a political party or an election candidate in the year to which the report or return relates shall be aggregated and treated as a single donation. (4) In receiving transfer donation, a political party or an election candidate shall- (a) keep a record of any transfer donations received; and (b) disclose to the Commission the record of transfer donations received by a political party or an election candidate in the manner as prescribed by the Commission. **8. Cash donation** (1) Subject to subsections (2), (3), and (4), a political party or an election candidate shall not accept cash donation. (2) Notwithstanding subsection (1), a political party or an election candidate may only accept cash donation during political talks ('ceramah') or events of a similar nature. (3) In receiving donations during political talks ('ceramah') or events of a similar nature, a political party or an election candidate shall: (a) keep a record of any donation received and the record shall be made available to the Commission; and (b) disclose to the Commission all cash donations within 3 working days after the conclusion of the political talks ('ceramah') or other events of a similar nature. (4) Donations received during political talks ('ceramah'), fundraising events or events of a similar nature shall not be accepted by a political party or an election candidate if the said donation is in excess of One Thousand Ringgit (RM 1,000.00).	Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian kecil responden iaitu 128 orang (8.28%) responden yang mencadangkan pendekatan tiada had (semua sumbangan direkod). Ini kerana majoriti responden menzahirkan kebimbangan isu praktikaliti iaitu ketidakpatuhan terhadap peraturan untuk merekodkan setiap nilai sumbangan walaupun dalam amaun yang kecil dan menjadi beban pentadbiran, terutamanya kepada parti politik di peringkat akar umbi.		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	(5) The details of the record of donation in subsection (3) shall be prescribed by the Commission in a regulation. **9. Donation to an election candidate** (1) No person shall make a donation to an election candidate other than during the election campaign period. (2)An election candidate shall be required to open a designated account to receive donations and no donation received shall be paid to the personal savings account of an election candidate. (3) Subject to the provisions of this Act, the election candidate shall, within 31 days after the end of the election campaign period, prepare and send to the Commission a donation report under this section in respect of every recordable donation, giving all the details in respect of each donor thereof that are required by this Act. (4) The provisions of this Act are applicable to all donations made to election candidate and must not circumvent this Act.			
PARAMETER 7: MEKANISME PELAPORAN				
12.	***Part IV- RECORD KEEPING AND REPORTING REQUIREMENTS*** ***20. Reporting requirements for parties that receive funding from Political Party Fund*** *Political parties which have received money from the Fund are required to provide the Commission with audited detailed records on the spending and purpose of spending of the money by the end of each financial year.* ***21. Reporting requirements for state headquarters of political parties*** *(1) Each state headquarters shall keep a record of all donations received by the state headquarters in a particular state and shall provide a report of these donations to the*	***TANGGUNGJAWAB PELAPORAN (Halaman 63-65)*** *120. Rajah 33 menunjukkan dapatan pihak yang bertanggungjawab membuat laporan kepada badan kawal selia dana politik. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden berpandangan bahawa tanggungjawab membuat laporan kepada badan kawal selia dana politik wajar dipusatkan kepada jawatan tertentu, khususnya Bendahari parti, yang mencatat peratusan tertinggi iaitu 654 orang (42.36%) responden. Ini diikuti oleh pilihan Presiden, Setiausaha dan Bendahari seramai 603 orang (39.04%). Hanya 287 orang (18.60%) berpendapat bahawa tanggungjawab tersebut perlu melibatkan rangkaian kepimpinan yang lebih luas sehingga ke peringkat bahagian dan cawangan.*	**ANALISIS TRIANGULASI** Pelaporan kewangan yang telus dan berkala merupakan instrumen utama dalam memastikan akauntabiliti parti politik. Hasil kajian menunjukkan 81.89% responden awam bersetuju bahawa parti politik perlu diwajibkan melaporkan semua pendanaan yang melebihi jumlah tertentu. Skop pelaporan mestilah terperinci, merangkumi jumlah sumbangan, sumber mengikut kategori, perincian perbelanjaan, dan baki dana semasa. Mengenai kekerapan pelaporan, laporan tahunan dilihat sebagai keperluan minimum yang perlu diwajibkan. Walau bagaimanapun, informan akademik mencadangkan laporan setiap enam bulan (setengah tahun) atau suku tahunan bagi meningkatkan tahap pemantauan. Selain pelaporan berkala, regim pelaporan yang lebih ketat dan segera (contohnya dalam tempoh 30 hingga 60 hari)	Dalam merangkumkan aspek parameter 7 dan 8, RUU hendaklah mewajibkan pelaporan secara berkala, audit bebas dan berwibawa dan pendedahan awam yang berkesan.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	national headquarters political party at the end of each financial year. *(2)All donations shall be paid to the financial account of the state headquarters of a political party and shall be distributed to each local branch according to the donors' intention.* *(3) Each state headquarters of a political party shall establish transparent mechanisms to facilitate the transfer of donations from state headquarters to local branches.* *(4) At the end of each financial year, each state headquarters of a political party shall submit financial statements and audited financial accounts to the political parties' national headquarters.* *(5) The national headquarters shall collate the reports of all the state headquarters and submit the financial statements and audited financial account to the Commission.* ***22. Reporting requirements for national political parties receiving donations*** *(1)Subject to the provisions of this Act, the Treasurer of a political party, within 31 days after the close of each financial year of a political party, prepare and send to the Commission a donation report under this section in respect of every recordable donation, giving all the details in respect of each donor thereof that are specified in Schedule 4.* *(2)Every donation from a permissible donor to a political party that is received during its financial year and accepted by the political party must be recorded in a donation report under this section for that financial year— (a) if it is a single donation more than One Thousand Ringgit (RM 1,000.00) or any other prescribed sum; or (b) if, when it is added to*	*121. Pemerhatian utama daripada dapatan ini ialah kecenderungan responden untuk menetapkan akauntabiliti yang jelas dan khusus, khususnya kepada jawatan yang mempunyai fungsi langsung dalam pengurusan kewangan. Bendahari dilihat sebagai pihak paling sesuai kerana peranan terasnya dalam mengurus, merekod dan melaporkan aliran kewangan parti, sekali gus memudahkan proses pemantauan dan penguatkuasaan.* *122. Sokongan yang tinggi terhadap gabungan Presiden, Setiausaha dan Bendahari pula mencerminkan keperluan kepada tanggungjawab kolektif di peringkat kepimpinan tertinggi, bagi mengelakkan kebergantungan kepada seorang individu sahaja serta mengukuhkan prinsip semak dan imbang (checks and balances).* *123. Sebaliknya, peratusan yang lebih rendah bagi penglibatan kepimpinan sehingga ke peringkat bahagian dan cawangan menunjukkan kebimbangan terhadap kerumitan pentadbiran, beban pelaporan yang tinggi, serta potensi ketidakseragaman dalam kualiti laporan sekiranya terlalu ramai pihak dipertanggungjawabkan.* *124. Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan keutamaan responden terhadap model pelaporan yang ringkas, jelas dan berakauntabiliti tinggi, dengan penekanan kepada peranan Bendahari dan kepimpinan pusat parti. Pemerhatian ini mencadangkan bahawa kerangka kawal selia dana politik wajar menetapkan tanggungjawab utama kepada Bendahari, disertai tanggungjawab bersama pimpinan tertinggi, bagi memastikan ketelusan, ketepatan laporan dan kemudahan penguatkuasaan.* ***KEKERAPAN PELAPORAN (Halaman 65-66)*** *125. Rajah 34 menunjukkan dapatan mengenai penangan kekerapan mengemukakan laporan kepada badan kawal selia dana politik.*	diperlukan khusus untuk dana sewaktu musim pilihan raya. Pakar menegaskan bahawa laporan kewangan ini wajib diaudit terlebih dahulu bagi memastikan ketepatan data dan mengesan sebarang penyelewengan awal. Majoriti informan menyokong pelaksanaan audit oleh juruaudit luar yang bebas dan profesional bagi memastikan objektiviti laporan. Terdapat juga cadangan penglibatan Jabatan Audit Negara (JAN) memandangkan akta ini melibatkan kepentingan nasional yang tinggi. Bagi mengurangkan beban kos audit kepada parti kecil, kerajaan dicadangkan untuk menyediakan panel syarikat audit terpilih dengan subsidi kos pengauditan. Tanggungjawab menyediakan laporan ini diletakkan secara langsung kepada bendahari parti atau unit kewangan pusat. Struktur pelaporan secara hierarki juga dicadangkan, di mana peringkat bahagian melaporkan kepada pusat sebelum laporan induk dikemukakan kepada badan kawal selia. Hal ini memastikan wujudnya rantaian akauntabiliti yang jelas dalam organisasi politik. **DAPATAN FGD** ➢ Konsensus yang jelas bahawa sistem pendanaan politik memerlukan pelaporan yang terperinci, merangkumi sumber dana, kategori penyumbang, tarikh penerimaan, tujuan penggunaan, rekod perbelanjaan serta penyata kewangan yang boleh diaudit bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti penuh. ➢ kecenderungan jelas bahawa bendahari atau treasury parti merupakan pegawai utama yang diberi kuasa membuat pelaporan, dengan sokongan struktur berlapis, setiausaha, kepimpinan parti serta kemungkinan pelibatan jawatankuasa khas dan juruaudit profesional bagi memastikan laporan kepada badan kawal selia dilaksanakan secara teratur dan berakauntabiliti. ➢ tiga kecenderungan utama dalam kalangan informan, iaitu laporan tahunan sebagai minimum, pelaporan berkala tetap seperti bulanan atau suku tahunan bagi meningkatkan pemantauan, serta pendekatan fleksibel berasaskan keadaan seperti pilihan raya, saiz dan aktiviti kewangan parti bagi	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	any other donation from the same permissible donor, the aggregate amount of the donations is more than One Thousand Ringgit (RM 1,000.00), or any other prescribed sum. *(3)If during any financial year, no donations have been received by a political party that, by virtue of the provisions of this section, are required to be recorded in a donation report for that financial year, the donation report must contain a statement to that effect.* *(4)Subject to the provisions of this Act, where donation is received by a political party or an election candidate in contravention of the provisions of this Act, the following are to be complied with at once or no later than the time of the submission of the statement of accounts for the respective year:* *(a) if the donation was transmitted by a person and that person's identity is apparent, the whole donation must be returned to that person; (b) if paragraph (a) does not apply but it is apparent that the donor has, in connection with the donation, used any facility provided by an identifiable financial institution, the whole donation must be returned to that financial institution; (c) if paragraph (a) and (b) does not apply, the whole donation must be sent to the Commission.*	*Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden berpandangan bahawa laporan dana politik wajar dikemukakan secara tahunan kepada badan kawal selia, dengan persetujuan daripada 1341 orang (86.88%) responden. Pilihan lain mencatat peratusan yang jauh lebih rendah, iaitu bulanan daripada 107 orang (6.92%), 2 atau 3 tahun sekali daripada 89 orang (5.77%), dan hanya kelompok kecil mencadangkan pelaporan setiap hari secara masa nyata iaitu daripada 7 orang (0.43%). Dapatan ini menunjukkan kecenderungan yang jelas ke arah pelaporan yang berkala, praktikal dan realistik.* *126. Pemerhatian utama daripada dapatan ini ialah responden melihat pelaporan tahunan sebagai keseimbangan terbaik antara keperluan ketelusan dan keupayaan pentadbiran parti politik. Pelaporan tahunan dianggap mencukupi untuk tujuan pemantauan, audit dan pendedahan awam, tanpa mewujudkan beban pentadbiran yang berlebihan kepada parti atau badan kawal selia.* *127. Peratusan kecil yang menyokong pelaporan bulanan atau masa nyata mencerminkan segelintir responden yang menekankan tahap ketelusan yang lebih tinggi dan pemantauan berterusan. Namun, pandangan yang rendah terhadap cadangan ini menunjukkan kebimbangan terhadap kerumitan sistem, kos pelaksanaan, serta keperluan infrastruktur teknologi dan sumber manusia yang tinggi. Sebaliknya, cadangan pelaporan 2 atau 3 tahun sekali yang juga menerima sokongan rendah menunjukkan bahawa responden tidak cenderung kepada pelaporan yang terlalu jarang kerana ia boleh melemahkan fungsi pemantauan dan mengurangkan akauntabiliti.* *128. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan persetujuan yang kuat bahawa pelaporan tahunan merupakan pendekatan yang paling sesuai dan diterima secara meluas. Pemerhatian ini mencadangkan bahawa kerangka kawal selia dana politik wajar menetapkan*	memastikan keseimbangan antara ketelusan dan kepraktisan pentadbiran. ➢ konsensus yang kuat bahawa audit merupakan elemen mandatori dalam memastikan ketelusan, integriti dan akauntabiliti sistem pendanaan politik, dengan pelaksanaan yang boleh melibatkan audit dalaman, audit luaran, ROS, Jabatan Audit Negara atau struktur khusus yang ditetapkan bagi menjamin kredibiliti laporan kewangan parti politik. ➢ tiga pendekatan utama dalam kalangan informan iaitu pelibatan Jabatan Audit Negara atau badan audit awam, pelaksanaan audit oleh juruaudit luar yang bebas dan profesional, serta pendekatan gabungan audit dalaman dan luaran dengan pengawasan badan kawal selia bagi memastikan sistem audit yang telus, objektif dan berkesan dalam pendanaan politik. ➢ Tiga pendekatan utama dalam kalangan informan iaitu pelibatan Jabatan Audit Negara atau badan audit awam, pelaksanaan audit oleh juruaudit luar yang bebas dan profesional, serta pendekatan gabungan audit dalaman dan luaran dengan pengawasan badan kawal selia bagi memastikan sistem audit yang telus, objektif dan berkesan dalam pendanaan politik. **<u>DAPATAN TEMU BUAL</u>** ➢ Kesimpulannya, pelaporan sistematik ialah teras keberkesanan akta, dengan kandungan laporan yang menyeluruh (sumbangan, sumber, perbelanjaan, baki, penolakan/pemulangan) dan pilihan kekerapan yang bersesuaian (6 bulan, tahunan, dan rejim khas musim pilihan raya). Keperluan audit profesional oleh juruaudit bebas ditekankan, termasuk cadangan sokongan (panel audit/JAN) supaya parti kecil mampu patuh tanpa beban melampau. **<u>DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)</u>** ➢ Majoriti besar rakyat (87.73%) mahu undang-undang menetapkan jumlah dana yang wajib dilaporkan oleh pihak politik ➢ Majoriti rakyat juga (86.23%) mahukan ketelusan dari segi waktu, di mana undang-undang perlu	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		pelaporan tahunan sebagai keperluan minimum, dengan memperuntukkan pelaporan tambahan atau khas (contohnya semasa tempoh pilihan raya) bagi memperkukuh ketelusan dan pengawasan tanpa membebankan sistem. ***KEPERLUAN AUDIT LAPORAN (Halaman 67-68)*** *129. Rajah 35 menunjukkan dapatan mengenai keperluan audit laporan sebelum dikemukakan kepada badan kawal selia dana politik. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden menegaskan bahawa laporan dana politik perlu diaudit sebelum dikemukakan kepada badan kawal selia, dengan 1,461 orang (94.65%) responden menyatakan perlu audit. Hanya 83 orang (5.35%) berpandangan bahawa tidak perlu diaudit. Dapatan ini menunjukkan konsensus yang amat kukuh terhadap kepentingan audit sebagai sebahagian daripada proses tadbir urus pendanaan politik.* *130. Pemerhatian utama daripada dapatan ini ialah tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan responden terhadap peranan audit dalam memastikan ketepatan, kebolehpercayaan dan integriti laporan kewangan. Keperluan audit oleh firma audit bebas berlesen atau Jabatan Audit Negara mencerminkan keyakinan responden bahawa pengesahan oleh pihak ketiga yang berwibawa adalah penting untuk mengelakkan manipulasi data, salah lapor dan penyelewengan dana. Peratusan kecil responden yang tidak bersetuju pula didorong oleh kebimbangan terhadap kos audit, beban pentadbiran, atau keperluan sumber yang tinggi, terutamanya bagi parti atau organisasi politik berskala kecil. Namun begitu, pandangan ini kekal sebagai minoriti dan tidak menjejaskan pendirian keseluruhan responden.* *131. Secara keseluruhan, dapatan ini mengukuhkan keperluan untuk menjadikan audit sebagai keperluan mandatori dalam kerangka kawal selia dana politik. Pemerhatian ini menyokong cadangan supaya setiap laporan dana politik diwajibkan melalui proses audit bebas*	menetapkan tempoh masa tertentu untuk setiap laporan dana politik dikemukakan. ➢ Majoriti besar responden (81.89%) bersetuju bahawa parti politik perlu diwajibkan melaporkan semua pendanaan yang melebihi jumlah tertentu, menunjukkan keperluan kepada mekanisme pelaporan yang jelas dan teratur. Sokongan ini menjadi lebih kuat apabila 88.16% responden menyatakan bahawa laporan tersebut perlu diaudit, mencerminkan tuntutan terhadap sistem semak dan imbang yang bebas serta berintegriti. ➢ Majoriti besar berpendapat bahawa pengawalseliaan perlu merangkumi kewajipan parti serta ahli politik untuk melaporkan dan mendedahkan sumbangan (72.15%) serta kawalan terhadap bagaimana dana boleh digunakan (72.18%) .	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		sebelum dikemukakan, sebagai langkah penting untuk meningkatkan ketelusan, akauntabiliti serta keyakinan awam terhadap sistem pendanaan politik dan proses demokrasi negara.		
13.	***SCHEDULE 4 (For the purposes of section 22(1) of this Act)*** ***Details to be provided in Donation Reports*** ***Identity of donors*** *1. A donation report must state the following information about the donor of each recordable donation pursuant to the Act: a) in the case of an individual, the report shall state his or her full name, identity card number and the address of his or her residence at the date of receipt of the donation; b) in relation to a donation in the form of a bequest, the report shall state the deceased donor's full name and identity card; and c) in the case of a company, the report shall state — i. the company's registered name; ii. the address of its registered office; and iii. the number with which it is registered.* ***Value of donation*** *2. If the recordable donation was a donation of money (in cash or otherwise), the donation report shall state the amount of the donation, otherwise the donation report shall state the details of the nature of the donation and its value determined in accordance with Section 6.* ***Circumstances in which donation made*** *3. In relation to each recordable donation, a donation report shall — a) state whether the donation was made to the political association or any of its branches or, in the case of a donation to an election candidate, the name of the election candidate; and b) state the date when the donation was received.*	***SKOP PELAPORAN (Halaman 62-63)*** *117. Rajah 32 menunjukkan dapatan mengenai skop hal yang perlu dilaporkan. Berdasarkan dapatan di atas, hampir keseluruhan responden berpandangan bahawa skop pelaporan dana politik perlu bersifat menyeluruh dan terperinci. Sebanyak 1,524 orang (98.73%) responden bersetuju bahawa laporan hendaklah merangkumi nilai sumbangan (sama ada dalam bentuk wang, harta atau sokongan kempen), maklumat penyumbang, tarikh sumbangan, perbelanjaan serta baki dana. Dapatan ini menunjukkan tahap konsensus yang amat tinggi terhadap keperluan ketelusan maksimum dalam pelaporan pendanaan politik. Pemerhatian utama daripada dapatan ini ialah kesedaran yang jelas dalam kalangan responden bahawa ketelusan menyeluruh merupakan asas kepada akauntabiliti, integriti dan kepercayaan awam. Keperluan melaporkan maklumat penyumbang, perbelanjaan dan baki menunjukkan responden bukan sahaja menekankan sumber dana, tetapi juga bagaimana dana tersebut digunakan dan diurus.* *118. Namun, terdapat peratusan yang sangat kecil dikalangan responden yang mencadangkan pengecualian maklumat harta daripada 13 orang (0.84%) atau pengecualian maklumat penyumbang daripada 7 orang (0.43%) yang mencerminkan kebimbangan minoriti terhadap isu seperti privasi atau keselamatan. Namun, jumlah ini terlalu kecil untuk menjejaskan pendirian keseluruhan yang jelas memihak kepada pelaporan yang komprehensif.* *119. Secara keseluruhan, dapatan ini mengukuhkan keperluan kepada rangka pelaporan dana politik yang standard, terperinci dan wajib, merangkumi keseluruhan rantaian aliran dana daripada penerimaan hingga perbelanjaan. Pemerhatian ini menyokong cadangan supaya*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	Aggregate donations *4. In relation to each recordable donation that was made by any person — a) on behalf of the person and one or more other persons; or b) on behalf of one or more other person, a donation report shall state the aggregate value of the donation as well as the value of each separate donation that, by virtue of the Act, is to be regarded as having been made by each of those persons.* ***Other details*** *A donation report shall state any other information as is prescribed by regulations made under Section 27*	*pelaporan sedemikian dijadikan keperluan undang-undang, disertai dengan mekanisme pengesahan dan audit yang berkesan bagi memastikan ketelusan sistem pendanaan politik serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap proses demokrasi.*		
	PARAMETER 8: PENDEDAHAN LAPORAN KEPADA UMUM			
14.	***29. Reporting and disclosure*** *(1) The Commission must for each financial year prepare and submit to the Committee—* *(a) a report in relation to the Fund, setting out— (i) the amounts received by and accrued to the Fund; (ii) the allocations made from the Fund to the political parties; (iii) the amounts spent by each political party in connection with the purpose under the prescribed categories; and (iv) the balance in each of the Fund and any amounts owing to the Fund as at the end of that financial year;* *(b) a report on all donations exceeding RM1,000 made to political parties in that financial year.* *(2)The Commission must for each financial year publish the reports in paragraph (1)(a) and (1) (b) to the public.* *(3)Notwithstanding subsections (1) and (2), only donors whose donations exceed RM10,000 shall be disclosed to the public.*	**PENDEDAHAN LAPORAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PARTI KEPADA UMUM (Halaman 68-69)** 132. Rajah 36 menunjukkan dapatan mengenai pandangan terhadap keperluan pendedahan laporan pendapatan dan perbelanjaan dana politik kepada umum. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden bersetuju bahawa laporan pendapatan dan perbelanjaan dana politik perlu didedahkan kepada umum, dengan rekod sebanyak 1043 orang (67.57%) responden yang bersetuju. Namun begitu, terdapat 501 orang (32.43%) yang tidak bersetuju menunjukkan bahawa isu ini masih mempunyai tahap sensitiviti yang ketara. 133. Pemerhatian utama daripada dapatan ini ialah kecenderungan majoriti responden untuk menyokong ketelusan awam sebagai asas kepada akauntabiliti dan kepercayaan terhadap parti politik. Pendedahan laporan kewangan kepada umum dilihat mampu meningkatkan keyakinan rakyat, membolehkan pemantauan oleh masyarakat sivil dan media, serta mengurangkan risiko salah guna dana dan amalan tidak beretika. Walau bagaimanapun, peratusan yang agak besar	**ANALISIS TRIANGULASI** Persoalan mengenai tahap pendedahan maklumat kepada umum mencetuskan perbezaan pandangan yang signifikan antara aspirasi rakyat dan kebimbangan praktikal ahli politik. Data tinjauan menunjukkan lebih separuh responden (51.72%) mahukan laporan penuh dibuka kepada orang awam, manakala 33.40% menyokong pendedahan dalam bentuk ringkasan. Rakyat berhak mengetahui siapa di belakang sesebuah parti bagi memastikan tiada agenda tersembunyi yang menjejaskan dasar negara. Sebaliknya, pimpinan politik lebih berhati-hati dalam aspek pendedahan identiti penderma secara terperinci. Mereka bimbang penderma mungkin disabotaj atau difitnah oleh pihak lawan jika maklumat tersebut terlalu terbuka. Oleh itu, pakar mencadangkan pendekatan pendedahan "dua lapis" (*two-layer disclosure*) sebagai jalan penyelesaian : **1) Ringkasan Awam**: Dipaparkan melalui portal digital yang mesra pengguna, mengandungi visual grafik dan ringkasan kategori untuk pemahaman pantas masyarakat umum.	Dalam merangkumkan aspek parameter 7 dan 8, RUU hendaklah mewajibkan pelaporan secara berkala, audit bebas dan berwibawa dan pendedahan awam yang berkesan.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	(4) The Commission shall submit its annual financial statement to the Auditor-General and lay the for auditing and the Auditor-General must publish an audit report on the Commission's books and records in respect of the Fund. The audit report shall be laid to the Parliament.	bagi responden yang tidak bersetuju mencerminkan kebimbangan terhadap isu seperti keselamatan penyumbang, kerahsiaan maklumat sensitif, potensi salah tafsir data kewangan, serta kemungkinan laporan tersebut dimanipulasi untuk tujuan politik. Kebimbangan ini menunjukkan bahawa walaupun prinsip ketelusan disokong, terdapat keperluan untuk menetapkan sempadan pendedahan yang munasabah. 134. Secara keseluruhan, dapatan ini menggambarkan sokongan majoriti terhadap pendedahan laporan kewangan parti kepada umum, namun secara bersyarat dan berperingkat. Pemerhatian ini mencadangkan keperluan kepada pendekatan seimbang, seperti pendedahan ringkasan, pengaburan maklumat sensitif tertentu, atau pendedahan selepas tempoh masa tertentu, bagi memastikan ketelusan dapat dicapai tanpa menjejaskan keselamatan, privasi dan kestabilan politik. **<u>KEKERAPAN LAPORAN DIDEDAHKAN KEPADA UMUM (Halaman 70-71)</u>** 135. Dapatan mengenai kekerapan pendedahan laporan pendapatan dan perbelanjaan dana politik kepada umum adalah sebagaimana dalam Rajah 37 di atas. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden iaitu 1317 orang (85.27%) berpandangan bahawa pendedahan laporan pendapatan dan perbelanjaan dana politik kepada umum wajar dilakukan secara tahunan. Hanya 227 responden (14.73%) memilih kaedah lain seperti dua tahun sekali, enam bulan sekali atau mengikut keperluan. Dapatan ini menunjukkan kecenderungan yang jelas terhadap pendedahan yang berkala dan konsisten. 136. Pemerhatian utama daripada dapatan ini ialah responden melihat pendedahan tahunan sebagai pendekatan yang praktikal, munasabah dan mencukupi untuk tujuan ketelusan awam. Kekerapan ini selari dengan amalan pelaporan kewangan konvensional, memudahkan kefahaman orang awam serta membolehkan	**2) Laporan Penuh**: Dokumen lengkap yang tersedia untuk tujuan semakan mendalam oleh badan kawal selia, media berdaftar, dan pertubuhan masyarakat sivil (NGO). Format pendedahan yang mesra pengguna dianggap kritikal bagi memastikan maklumat tersebut benar-benar sampai kepada rakyat dan bukannya sekadar dokumen teknikal yang sukar difahami. Pendidikan politik melalui pendedahan ini dapat membantu rakyat menilai integriti pimpinan mereka secara objektif. Ketelusan berterusan ini juga dilihat sebagai mekanisme untuk mengurangkan persepsi negatif terhadap "politik wang" dan meningkatkan disiplin dalaman parti politik itu sendiri. **<u>DAPATAN FGD</u>** ➢ Sokongan kuat terhadap pendedahan awam sebagai elemen ketelusan dan akauntabiliti, dengan cadangan platform seperti website, portal rasmi dan ROS, namun pada masa yang sama terdapat pandangan bahawa pendedahan perlu dibuat secara berstruktur, berperingkat dan seimbang bagi melindungi maklumat sensitif serta memastikan keberkesanan sistem. **<u>DAPATAN TEMU BUAL</u>** ➢ Kesimpulannya, wujud dua aliran utama: pendedahan penuh untuk hak rakyat mengetahui dan memudahkan semakan melalui portal digital, berbanding pendedahan terhad bagi melindungi penderma daripada sabotaj atau fitnah. Jalan tengah yang muncul ialah pendedahan "dua lapis" melalui ringkasan awam yang mudah difahami dan laporan penuh untuk semakan mendalam oleh pihak berkepentingan. **<u>DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)</u>** ➢ responden menekankan kepentingan laporan terbuka dan ketelusan melalui penerbitan laporan berkala kepada orang awam (47.97%) ➢ Sokongan terhadap prinsip ketelusan amat jelas apabila 78.73% responden bersetuju bahawa dana parti politik perlu diisytiharkan secara terbuka. ➢ Majoriti besar berpendapat bahawa pengawalseliaan perlu merangkumi kewajipan	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		laporan disediakan secara lebih teratur dan diaudit dengan baik sebelum didedahkan. Manakala pandangan kelompok minoriti responden menunjukkan bahawa tiada keperluan untuk pendedahan yang terlalu kerap adalah kerana isu beban pentadbiran dan risiko salah tafsir maklumat oleh umum. 137. Secara keseluruhan, dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa pendedahan tahunan merupakan kekerapan yang paling sesuai dan diterima secara meluas oleh masyarakat. Pemerhatian ini mencadangkan bahawa kerangka kawal selia dana politik wajar menetapkan pendedahan tahunan kepada umum sebagai standard minimum, dengan ruang untuk pendedahan tambahan dalam keadaan tertentu (contohnya semasa tempoh pilihan raya) bagi memperkukuh ketelusan dan kepercayaan awam tanpa membebankan sistem.	parti serta ahli politik untuk melaporkan dan mendedahkan sumbangan (72.15%) serta kawalan terhadap bagaimana dana boleh digunakan (72.18%) .	
PARAMETER 9: KESALAHAN DI BAWAH AKTA				
15.	***10. Penalty for Contravention of Part II*** *Any person or political party that contravenes this Part or provides false information to the Commission, commits an offence punishable by a fine not exceeding 10 times the amount of the prohibited donation and the prohibited donation shall be forfeited.*	***KEPERLUAN MEWUJUDKAN KESALAHAN (Halaman 71-72)*** *138. Rajah 35 menunjukkan dapatan mengenai keperluan untuk mewujudkan peruntukan berkenaan kesalahan di bawah Akta ini. Berdasarkan dapatan di atas, majoriti responden iaitu seramai 1451 orang (93.96%) berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk mewujudkan peruntukan mengenai kesalahan di bawah Akta ini, manakala hanya 93 orang (6.04%) berpendapat sebaliknya.* *139. Peratusan setuju yang tinggi menunjukkan tahap sokongan yang signifikan terhadap cadangan pewujudan peruntukan berkenaan kesalahan di bawah Akta ini. Tahap ketidaksetujuan yang rendah menggambarkan bahawa tahap kebimbangan terhadap pewujudan peruntukan ini adalah minimum dan tidak*	**ANALISIS TRIANGULASI** Pewujudan peruntukan kesalahan undang-undang khusus merupakan prasyarat bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Pendanaan Politik. Sebanyak 86.86% responden tinjauan bersetuju bahawa sesiapa yang melanggar undang-undang ini perlu dihukum. Pakar mencadangkan agar akta ini membezakan antara kesalahan teknikal (*administrative*) dan kesalahan substantif (*criminal*) bagi memastikan hukuman yang setimpal. **DAPATAN FGD** ➢ Sokongan kuat terhadap pewujudan kesalahan undang-undang khusus berkaitan dana politik, dengan cadangan jenis kesalahan yang meliputi salah guna dana, kegagalan pelaporan, pemalsuan rekod dan penerimaan dana terlarang, serta hukuman yang bersifat pencegahan, setimpal dan disokong mekanisme penguatkuasaan yang	RUU hendaklah memperuntukkan kesalahan khusus dan hukuman berperingkat terhadap pelanggaran undang-undang pendanaan politik.

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		menjejaskan konsensus umum dalam kalangan responden. *140. Dapatan ini mencerminkan persepsi responden bahawa kewujudan peruntukan mengenai kesalahan adalah penting bagi memperkukuh pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta. Peruntukan sedemikian dilihat berupaya memastikan pematuhan yang lebih berkesan, selain berfungsi sebagai mekanisme pencegahan terhadap pelanggaran peruntukan undangundang yang telah ditetapkan. Kesalahan-kesalahan yang dicadangkan diletakkan di bawah Akta ini adalah sepertimana berikut: a) Menerima dana daripada penyumbang yang tidak dibenarkan; b) Tidak mengemukakan laporan kepada badan kawal selia dana politik dalam tempoh yang ditetapkan; c) Pemalsuan rekod; dan d) Tidak memberi kerjasama kepada badan kawal selia dana politik untuk soal siasat atau untuk dapatkan maklumat*	konsisten bagi memastikan integriti sistem pendanaan politik. **DAPATAN TEMU BUAL** ➢ Kesimpulannya, kesalahan wajar dibezakan antara teknikal (sesuai dengan pembetulan/penalti pentadbiran) dan substantif (perlukan hukuman lebih berat). Prinsip pertanggungjawaban kolektif pimpinan tertinggi ditekankan, termasuk cadangan liabiliti ketat berasaskan hubungan prinsipal-ejen, dengan bentuk hukuman meliputi denda tinggi, penjara bagi kes serius, penggantungan pendaftaran/sekatan pilihan raya, dan hilang kelayakan bertanding. **DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)** ➢ keperluan kuasa menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pelanggaran peraturan (47.79%).	
16.	***PART VII – ENFORCEMENT*** ***30. Penalty for Contravention of this Act*** *(1) Any person in accordance with this Act who, being required by the Commission to give evidence on affirmation or to produce a document or other thing, refuses to do so and does not excuse such refusal to the satisfaction of the Commission shall be liable to a fine not exceeding Ten Thousand Ringgit (RM 10,000.00) or a term of imprisonment not exceeding 6 months or both.* *(2)Notwithstanding specific provisions of this Act, any person or political parties who contravene this Act shall be liable to a fine not exceeding Ten Thousand Ringgit (RM 10,000.00) or a term of imprisonment not exceeding 6 months or both.* ***31. Liability for offences outside Malaysia*** *The provisions of this Act shall, in relation to citizens, permanent residents of Malaysia and Malaysia-controlled companies, have*	*141. Secara keseluruhannya, dapatan ini menyokong keperluan untuk memasukkan peruntukan kesalahan sebagai elemen penting dalam rangka perundangan Akta ini* ***AKAUNTABILITI KESALAHAN (Halaman 73-74)*** *142. Rajah 36 menunjukkan dapatan mengenai pihak yang memikul akauntabiliti bagi kesalahan di bawah Akta ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu seramai 929 orang (60.16%) berpandangan bahawa pelaku dan sesiapa yang terlibat secara langsung dengan kesalahan wajar dipertanggungjawabkan di bawah Akta ini. Seterusnya, 496 orang (32.11%) responden berpendapat bahawa akauntabiliti perlu dikenakan kepada Presiden, Setiausaha dan Bendahari. Hanya 12 orang (0.79%) menyatakan bahawa tanggungjawab tersebut seharusnya diletakkan kepada Presiden sahaja, manakala 107 orang (6.94%) berpandangan bahawa parti sebagai sebuah entiti perlu dipertanggungjawabkan.* *143. Dapatan ini menunjukkan kecenderungan yang jelas dalam kalangan responden untuk*	**DAPATAN FGD** ➢ Tiga pendekatan utama iaitu liabiliti individu yang mempunyai kawalan langsung terhadap dana, liabiliti parti sebagai entiti, serta pendekatan gabungan yang berasaskan fakta kes dan tahap penglibatan bagi memastikan pertanggungjawaban yang adil, telus dan berkesan dalam penguatkuasaan undang-undang berkaitan dana politik. ➢ dua aliran utama pandangan iaitu pertanggungjawaban parti komponen sebagai entiti yang mempunyai struktur dan autonomi sendiri, serta pertanggungjawaban individu yang memegang kuasa, mengurus dan meluluskan dana, dengan penekanan bahawa tindakan perlu berasaskan penglibatan sebenar dan kejelasan peruntukan undang-undang. **DAPATAN SOAL SELIDIK (*SURVEY*)** ➢ Dari segi penguatkuasaan, sokongan terhadap tindakan tegas adalah amat ketara apabila 86.86% responden bersetuju bahawa sesiapa yang melanggar undang-undang berkaitan pendanaan politik perlu dihukum.	

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
	effect outside as well as within Malaysia, and when an offence under this Act is committed in any place outside Malaysia by any citizen or permanent resident or a Malaysia-controlled company, the citizen or permanent resident or a Malaysia-controlled company may be dealt with in respect of such offence as if it was committed at any place within Malaysia.	*menekankan prinsip akauntabiliti individu, khususnya terhadap pelaku dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kesalahan. Pendekatan ini mencerminkan kepercayaan bahawa tanggungjawab undang-undang perlu dikenakan kepada individu yang mempunyai peranan dan penglibatan sebenar, bagi memastikan keadilan serta keberkesanan penguatkuasaan. Peratusan yang signifikan terhadap Presiden, Setiausaha dan Bendahari pula menunjukkan pengiktirafan terhadap peranan kepimpinan dan tanggungjawab pengurusan dalam sesebuah organisasi. Sebaliknya, sokongan yang sangat rendah terhadap akauntabiliti Presiden sahaja serta parti sebagai entiti mencadangkan bahawa responden kurang bersetuju dengan pendekatan tanggungjawab kolektif atau simbolik semata-mata.* *144. Secara keseluruhan, dapatan ini menyokong keperluan untuk peruntukan undang-undang yang jelas dan terperinci bagi menetapkan pihakpihak yang bertanggungjawab secara langsung terhadap kesalahan di bawah Akta ini.* ***JENIS HUKUMAN YANG SESUAI (Halaman 74-76)*** *145. Rajah 38 menunjukkan dapatan jenis hukuman yang sesuai dikenakan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti relatif responden, iaitu 823 orang (53.27%) berpandangan bahawa pelanggaran terhadap undang-undang ini wajar dikenakan pelbagai bentuk hukuman, termasuk denda, larangan bertanding dalam pilihan raya, pembekuan akaun parti politik, pembatalan pendaftaran parti politik atau hukuman penjara bergantung kepada jenis dan beban kesalahan yang dilakukan. Seterusnya, 340 orang (22.02%) berpendapat bahawa hukuman yang sesuai adalah semua bentuk hukuman kecuali penjara, manakala 187 orang (12.09%) menyatakan bahawa denda sahaja memadai. 195 orang (12.62%) pula mencadangkan pelbagai bentuk hukuman lain yang bersifat terhad atau bersasar.*		

BIL.	RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN [CADANGAN ALL-PARTY PARLIAMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) / KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)]	LAPORAN DAPATAN SESI LIBAT URUS (SLU) BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) [PENETAPAN DASAR RANG UNDANG-UNDANG PENDANAAN POLITIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN]	DAPATAN TRIANGULASI KAJIAN SEDIA ADA	CADANGAN DAN SYOR DASAR DALAM KAJIAN SEDIA ADA
		146. Dapatan ini menunjukkan kecenderungan yang jelas dalam kalangan responden untuk menyokong pendekatan hukuman yang komprehensif dan bersifat berperingkat, bergantung kepada tahap keseriusan pelanggaran yang dilakukan. Sokongan majoriti terhadap kombinasi pelbagai bentuk hukuman, termasuk hukuman berat seperti penjara dan pembatalan pendaftaran parti, mencerminkan keperluan terhadap mekanisme pencegahan yang tegas bagi memastikan pematuhan undang-undang. Pada masa yang sama, peratusan responden yang memilih pengecualian hukuman penjara atau denda sahaja menunjukkan keprihatinan terhadap prinsip kesaksamaan dan kebolehlaksanaan, khususnya bagi kesalahan yang bersifat teknikal atau kurang serius. *147. Secara keseluruhannya, dapatan ini mencadangkan bahawa rangka hukuman di bawah undang-undang ini perlu dirangka secara fleksibel dan seimbang, dengan mengambil kira tahap kesalahan, niat, serta impak pelanggaran terhadap integriti sistem politik.*		

8.4 *FREQUENTLY ASKED QUESTIONS* (FAQs)

8.4.1 SOALAN MENGENAI KAJIAN

8.4.1.1 Apakah reka bentuk metodologi kajian pendanaan politik ini, dan mengapa pendekatan tersebut dipilih?

Kajian ini menggunakan pendekatan pelbagai kaedah (multi-method) yang merangkumi beberapa komponen utama: analisis literatur berparameter, penelitian doktrinal dan semakan kerangka undang-undang sedia ada, kajian penandaarasan terhadap lima negara (Kanada, Sweden, Jerman, New Zealand, dan Korea Selatan), serta pengumpulan data empirik melalui tinjauan awam, Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) dan temu bual separa berstruktur.

Rasional pendekatan ini dipilih adalah untuk memastikan cadangan Rang Undang-Undang (RUU) yang dihasilkan bukan sahaja kukuh dari sudut perundangan, tetapi juga sah dari perspektif awam. Dengan menggabungkan data kualitatif dan kuantitatif, kajian ini bertujuan untuk memahami sejauh mana rakyat menerima mekanisme yang dicadangkan, mengenal pasti kebimbangan terhadap pelaksanaan, serta menyediakan bukti empirik yang boleh menyokong penggubalan dasar yang praktikal dan berintegriti.

8.4.1.2 Apakah justifikasi metodologi pemilihan negara-negara perbandingan dalam kajian ini, dan apakah kriteria yang digunakan bagi memastikan negara tersebut relevan dengan konteks politik, perundangan dan institusi Malaysia?

Negara-negara yang berikut dipilih berdasarkan faktor seperti kedudukan baik dalam Indeks Persepsi Rasuah, pelaksanaan undang-undang pembiayaan politik yang mantap, serta kesesuaian konteks dengan sistem demokrasi Malaysia:

1. Sweden

Rasional pemilihan:

Negara dengan tahap ketelusan politik yang tinggi dan sistem pelaporan kewangan parti yang matang.

Elemen dirujuk:

Had sumbangan, pendedahan awam yang luas, budaya akauntabiliti institusi.

2. South Korea

Rasional pemilihan:

Negara Asia yang melalui reformasi pendanaan politik susulan skandal besar, relevan dengan konteks peralihan kepercayaan awam.

Elemen dirujuk:

Had sumbangan yang ketat, pengharaman penderma tertentu, penguatkuasaan tegas dan hukuman berat.

3. Germany

Rasional pemilihan:

Model campuran pembiayaan parti (awam + swasta) dengan peranan Parlimen yang kuat dalam penyeliaan.

Elemen dirujuk:

Pembiayaan kerajaan bersyarat, audit bebas, peranan Mahkamah Perlembagaan dalam semak imbang.

4. Canada

Rasional pemilihan:

Negara Komanwel dengan kawalan ketat ke atas penderma besar dan larangan hampir menyeluruh ke atas sumbangan korporat.

Elemen dirujuk:

Had sumbangan rendah, pelaporan terperinci, penguatkuasaan pentadbiran yang konsisten.

5. New Zealand

Rasional pemilihan:

Negara kecil dengan sistem pelaporan yang ringkas tetapi berkesan, sesuai sebagai rujukan dari segi kebolehlaksanaan.

Elemen dirujuk:

Takrif jelas sumbangan, ambang pendedahan, keseimbangan ketelusan dan beban pematuhan.

6. Singapore

Rasional pemilihan:

Negara serantau dengan pengawalseliaan ketat terhadap dana asing dan pendekatan berhati-hati terhadap pendanaan politik.

Elemen dirujuk:

Larangan dana asing, kawalan ketat akaun rasmi, peranan institusi negara dalam pemantauan.

7. United Kingdom

Rasional pemilihan:

Model Westminster yang hampir dengan Malaysia dari segi struktur Parlimen dan sistem pilihan raya.

Elemen dirujuk:

Suruhanjaya bebas, pendedahan penderma besar, pelaporan berkala dan penguatkuasaan sivil.

8. South Africa

Rasional pemilihan:

Negara dengan cabaran ketidaksamarataan politik dan pembaharuan undang-undang yang relatif baharu.

Elemen dirujuk:

Pendedahan penderma, kawalan pengaruh ekonomi dalam politik, pendekatan peralihan dan berperingkat.

8.4.1.3 Bagaimanakah responden kajian dipilih, dan sejauh mana sampel kajian ini mewakili demografi Malaysia?

Responden kajian dipilih melalui tiga kaedah utama bagi memastikan liputan yang luas:

i. Tinjauan Awam dilaksanakan secara atas talian (*Google Form*) dan fizikal (*community outreach*) melibatkan 3,422 responden warganegara Malaysia. Responden dipilih melalui pensampelan rawak berstrata (stratified random sampling) mengikut etnik dan lokaliti berdasarkan data DOSM.

ii. Sesi FGD melibatkan pihak berkepentingan yang pelbagai, termasuk wakil ahli politik, tokoh korporat, NGO, pakar perundangan, ahli akademik dan orang awam.

iii. Temu bual separa berstruktur melibatkan individu-individu dalam kalangan ahli politik, akademik, ahli perniagaan, NGO dan pempengaruh (influencer).

Berkenaan sejauh mana sampel mewakili demografi Malaysia, kajian ini dilaksanakan mengikut enam zon utama (Utara, Tengah, Timur, Selatan, Sabah, dan Sarawak) untuk memetakan perbezaan pandangan mengikut wilayah.

8.4.1.4 Apakah langkah yang diambil untuk memastikan soal selidik dan panduan temu bual adalah neutral serta tidak mempengaruhi jawapan responden?

Untuk memastikan kajian ini neutral dan tidak mempengaruhi jawapan responden, langkah-langkah berikut telah diambil:

i. Pasukan kajian ini terdiri daripada gabungan ahli akademik dari pelbagai Universiti Awam (UA) serta wakil NGO seperti C4 dan IDEAS, bagi memastikan keseimbangan antara kepakaran akademik dan sudut pandang masyarakat sivil.

ii. Kajian melibatkan perbincangan kumpulan berfokus bersama pemegang taruh daripada pelbagai latar belakang, termasuk ahli politik daripada pihak kerajaan dan pembangkang, bagi memastikan input yang diterima tidak bersifat satu dimensi,.

iii. Soalan disusun mengikut sembilan parameter objektif yang digunakan oleh BHEUU dalam Sesi Libat Urus yang dijalankan. Soalan-soalan yang dirangka adalah berdasarkan kajian doktrinal (literatur dan penandaarasan) dan juga draf RUU sedia ada untuk memastikan perbincangan secara sistematik dan mengurangkan tafsiran berat sebelah (bias). Ujian kebolehpercayaan (reliability test) dilaksanakan ke atas soalan berstruktur untuk memastikan data adalah konsisten.

iv. Kajian rintis dijalankan bagi menguji kefahaman responden terhadap soalan kajian, menilai kejelasan istilah yang digunakan, serta mengenal pasti sebarang kekaburan atau bias dalam instrumen kajian sebelum pengumpulan data sebenar dilaksanakan. Ia juga bertujuan memastikan tempoh menjawab adalah munasabah dan data yang dikumpulkan boleh dianalisis secara bermakna.

8.4.1.5 Bagaimanakah dapatan kuantitatif dan kualitatif disahkan antara satu sama lain bagi memastikan kebolehpercayaan hasil kajian?

Kebolehpercayaan hasil kajian dipastikan melalui proses triangulasi data, di mana dapatan daripada ketiga-tiga sumber utama dibandingkan dan disahkan antara satu sama lain:

1. Tema-tema utama yang muncul daripada tinjauan awam (kuantitatif) diperincikan melalui konteks dan nuansa pandangan peserta dalam FGD (kualitatif).
2. Dapatan lapangan ini kemudiannya disemak silang dengan analisis dokumen (literatur, kerangka undang-undang sedia ada, dan penandaarasan antarabangsa).

Melalui kaedah ini, pasukan penyelidik dapat mengenal pasti corak kefahaman serta tahap sokongan yang konsisten, sekali gus meminimumkan risiko interpretasi data yang tidak tepat.

8.4.1.6 Apakah batasan utama kajian ini, dan bagaimana batasan tersebut diambil kira dalam merangka syor dasar?

Batasan utama kajian ini ialah **kekangan masa pelaksanaan kajian serta tahap penyertaan yang terhad** daripada responden dan pemegang taruh seperti Ahli Parlimen dan pucuk pimpinan parti politik. Kekangan ini turut disebabkan oleh bencana banjir di lokaliti tertentu PRU Dewan Undangan Sabah. Kekangan ini diambil kira dengan melengkapkan kajian persepsi awam berskala nasional serta kajian kualitatif melibatkan pelbagai pemegang taruh lain bagi memastikan keseimbangan pandangan. Justeru, syor dasar yang dirangka bersifat berhati-hati, berperingkat dan tidak preskriptif secara mutlak, agar ia kekal fleksibel dan boleh diperhalusi melalui proses perundangan dan libat urus lanjut.

8.4.2 SOALAN DASAR & JUSTIFIKASI RUU

8.4.2.1 Apakah keperluan mendesak untuk menggubal Rang Undang-Undang Pendanaan Politik sedangkan telah wujud undang-undang berkaitan pilihan raya, rasuah dan pertubuhan?

Dapatan kajian menunjukkan sokongan awam sangat tinggi bahawa undang-undang khusus pendanaan politik diperlukan dan dipercayai membantu mengurangkan rasuah serta meningkatkan integriti. FGD dan temu bual juga menunjukkan konsensus bahawa tanpa akta khusus, ketelusan dan akauntabiliti pendanaan politik sukar dicapai secara menyeluruh. Namun begitu, tiada garis masa khusus yang dicadangkan dari mana-mana dapatan kajian persepsi awam yang telah dijalankan.[308]

8.4.2.2 Bagaimanakah kajian ini membuktikan bahawa undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk mengawal pendanaan politik secara berkesan?

Kajian mendapati keperluan kawal selia yang meliputi pendapatan dan perbelanjaan politik, mekanisme pelaporan/audit, kawalan sumber dana berisiko, dan penguatkuasaan merentas kitaran pilihan raya di mana unsur ini tidak ditangani secara komprehensif oleh kerangka yang berselerak.

8.4.2.3 Adakah dapatan kajian ini menunjukkan sokongan jelas daripada rakyat terhadap penggubalan undang-undang pendanaan politik? Jika ya, apakah peratusan sokongan tersebut?

Ya. Kajian soal selidik menunjukkan majoriti besar percaya undang-undang ini mengurangkan rasuah (81.16%) dan mahu liputan untuk semua pilihan raya (89.54%).

---

[308] Dapatan daripada Sesi Libat Urus (SLU) yang dijalankan oleh BHEUU telah mencadangkan dua garis masa, iaitu sebelum PRU-16, atau selepas PRU-16. Dapatan SLU BHEUU menunjukkan bahawa sebahagian besar responden, iaitu 1395 orang (90.32%) berpandangan bahawa Akta ini wajar dibentangkan di Parlimen sebelum Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU-16). Sebaliknya, hanya 149 orang (9.68%) berpendapat bahawa pembentangan Akta tersebut boleh dibuat selepas PRU-16.

8.4.2.4 Adakah kajian ini mengambil kira risiko bahawa undang-undang pendanaan politik boleh disalah guna untuk menekan pihak tertentu atau pembangkang?

Kajian kualitatif mengiktiraf kebimbangan "penguatkuasaan adil atau tidak adil". Justeru, dapatan menyokong reka bentuk institusi yang bebas, akauntabiliti kepada Parlimen, kuasa yang jelas, dan mekanisme semak imbang bagi mengurangkan persepsi selective enforcement.

8.4.3 SOALAN SKOP PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

Berdasarkan dapatan kajian:

8.4.3.1 Siapakah pihak yang akan tertakluk di bawah Rang Undang-Undang Pendanaan Politik ini—adakah ia hanya terpakai kepada parti politik atau juga kepada calon individu dan calon bebas?

Majoriti menyokong pemakaian kepada parti politik dan calon individu, termasuk calon bebas, kerana calon bebas tidak wajar menjadi "jalan mengelak kawalan". Sebahagian responden FGD turut menekankan pemakaian RUU kepada pihak ketiga (ejen, NGO, dll)

8.4.3.2 Adakah Rang Undang-Undang ini akan terpakai kepada semua peringkat pilihan raya termasuk PRU, PRN dan PRK?

Ya. Dapatan menyokong liputan untuk semua pilihan raya; pemakaian wajar nasional/persekutuan dan tidak terlalu sempit.

8.4.3.3 Mengapa undang-undang ini dicadangkan untuk berkuat kuasa sebelum, semasa dan selepas pilihan raya, dan bukan terhad kepada tempoh kempen sahaja?

FGD/temu bual menegaskan pemakaian sepanjang kitaran diperlukan untuk menutup kelompongan, termasuk manipulasi dana pra-pilihan raya dan imbuhan/pembayaran tertunda pasca pilihan raya.

8.4.3.4 Bagaimanakah Rang Undang-Undang ini akan mengelakkan pemintasan (circumvention) kawalan melalui pihak ketiga seperti NGO atau entiti proksi yang berkait dengan parti politik dan ahli politik?

Kajian menekankan akta perlu menyeluruh merentas semua pihak yang terlibat, termasuk jentera parti, ejen pilihan raya dan penyumbang; serta pemakaian merentas semua peringkat parti (cawangan hingga pusat) supaya proksi tidak menjadi *loophole*.

8.4.4 SOALAN BADAN KAWAL SELIA & KEBEBASAN INSTITUSI

8.4.4.1 Adakah kajian menyokong penubuhan satu badan kawal selia baharu bagi pendanaan politik, atau sekadar memperkasa agensi sedia ada?

Kajian menunjukkan majoriti responden menyokong penubuhan badan kawal selia khusus dengan syarat struktur badan tersebut mesti jelas, bebas daripada kawalan eksekutif, dan berautoriti.

8.4.4.2 Apakah justifikasi kajian terhadap keperluan badan kawal selia yang bebas dan tidak diletakkan sepenuhnya di bawah kawalan eksekutif?

Kebimbangan utama responden ialah campur tangan eksekutif dan penguatkuasaan terpilih. Maka kebebasan institusi dan akauntabiliti kepada Parlimen dilihat penting untuk legitimasi.

8.4.5 SOALAN KUASA PENYIASATAN & PENGUATKUASAAN

8.4.5.1 Adakah badan kawal selia pendanaan politik akan diberikan kuasa penyiasatan?

Dari segi kuasa, majoriti informan bersetuju bahawa badan kawal selia perlu diberikan kuasa pemantauan dan audit yang kukuh, termasuk kuasa memanggil maklumat dan dokumen daripada parti politik. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan kepada model kolaboratif dalam aspek penguatkuasaan; badan kawal selia bertindak sebagai pemantau dan penyiasat awal, manakala tindakan pendakwaan penuh diserahkan kepada Peguam Negara atau agensi penguatkuasaan jenayah sedia ada guna memastikan keseimbangan sistem dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

8.4.5.2 Adakah kajian mengenal pasti risiko bahawa ketiadaan kuasa penguatkuasaan boleh menyebabkan Rang Undang-Undang ini tidak berfungsi secara efektif?

Ya. Dapatan menyatakan “tanpa badan kawal selia, akta tidak berfungsi” dan badan mesti ada kuasa penguatkuasaan yang berkesan (paling minimum kuasa audit/siasatan awal) supaya tidak menjadi lemah/simbolik.

8.4.6 SOALAN SUMBER DANA & LARANGAN

8.4.6.1 Apakah jenis sumber dana yang dicadangkan untuk dilarang di bawah Rang Undang-Undang ini?

Kajian menunjukkan tentangan jelas terhadap dana asing (64.29% menentang dana kerajaan/syarikat asing) dan kecenderungan mengawal sumbangan tanpa nama serta sumber berisiko (wang haram/rasuah/pengaruh luar).

8.4.6.2 Adakah syarikat yang mempunyai kontrak atau perolehan kerajaan akan dibenarkan untuk menyumbang dana politik, dan apakah justifikasi dasar di sebalik keputusan tersebut?

Kajian menekankan risiko kronisme/quid pro quo dan mencadangkan kawalan ketat terhadap syarikat yang memegang projek kerajaan; sebahagian informan juga bimbang jika amalan itu "dinormalkan", ia boleh menaikkan kos/markup dan menjejaskan kualiti kerja serta membebankan rakyat.

8.4.6.3 Bagaimanakah sumbangan bukan kewangan (in-kind) akan ditaksir dan dikawal di bawah Rang Undang-Undang ini?

Kajian mengenal pasti in-kind, khususnya yang intangible, sebagai antara isu paling sukar diregulasi. Oleh itu, akta perlu menetapkan prinsip taksiran/nilai dan kewajipan rekod, dengan mekanisme audit/pengesahan.

8.4.7 SOALAN HAD SUMBANGAN & ANONYMOUS DONATIONS

8.4.7.1 Apakah rasional penetapan had maksimum sumbangan politik, dan bagaimana amaun had tersebut akan ditentukan?

Kajian menunjukkan sokongan kepada had sumbangan untuk mengurangkan dominasi penderma besar dan risiko pengaruh tidak wajar; 75.80% menyokong had sumbangan.

8.4.7.2 Mengapa kajian mencadangkan supaya had sumbangan ditetapkan secara berhati-hati atau konservatif pada peringkat awal?

Dapatan menunjukkan wujud kebimbangan "adil atau tidak adil" apabila had/pendedahan dilaksanakan. Maka pendekatan berhati-hati/berperingkat membantu penerimaan, pematuhan dan penambahbaikan berdasarkan pengalaman pelaksanaan.

8.4.7.3 Adakah sumbangan tanpa nama akan dilarang sepenuhnya atau dibenarkan dalam keadaan tertentu?

Kajian menunjukkan kecenderungan untuk menolak penderma tanpa nama, kecuali kutipan kecil orang ramai. Pendekatan yang diterima ialah larangan/sekatan kuat bagi jumlah besar, dan jika dibenar, hanya untuk nilai kecil dengan rekod ketat.

8.4.7.4 Bagaimanakah kerajaan akan mengimbangi keperluan ketelusan dengan hak privasi penderma kecil?

Dapatan menyokong ketelusan, tetapi juga mengakui cabaran pendedahan nama. Imbangan praktikal ialah pendedahan identiti bagi sumbangan melebihi ambang/trigger, manakala sumbangan kecil direkod untuk audit tetapi tidak semestinya didedah kepada umum.

8.4.8 SOALAN PELAPORAN, AUDIT & PENDEDAHAN AWAM

8.4.8.1 Berdasarkan kajian, patutkah semua parti politik diwajibkan mengemukakan laporan kewangan, dan siapakah yang bertanggungjawab ke atas pelaporan tersebut?

Ya. Kajian menunjukkan sokongan sangat tinggi terhadap audit (91.50%) dan kewajipan laporan melebihi jumlah tertentu (87.43%). Tanggungjawab utama lazimnya diletakkan pada bendahari/penjaga akaun disokong struktur parti.

8.4.8.2 Berdasarkan kajian, adakah laporan kewangan perlu diodit?

Kajian menekankan audit mesti bebas, berwibawa dan berkelayakan. Opsyen termasuk auditor luar bertauliah atau mekanisme yang ditentukan oleh suruhanjaya/badan bebas; sesetengah cadangan turut menyebut peranan audit negara sebagai pilihan.

8.4.8.3 Berdasarkan kajian, adakah laporan pendanaan politik akan didedahkan kepada orang awam sepenuhnya?

Kajian menunjukkan majoriti mahu laporan diterbitkan terbuka (78.55%) dan ramai menyokong pendedahan identiti penyumbang (64.37%), namun terdapat perbezaan pandangan sama ada pamer terbuka atau akses melalui badan kawal selia.

8.4.9 SOALAN PEMBIAYAAN KERAJAAN KEPADA PARTI POLITIK

8.4.9.1 Berdasarkan kajian, adakah terdapat sokongan untuk kerajaan membiayai parti politik?

Dapatan menunjukkan pandangan awam dan pemegang taruh berbelah bahagi terhadap pembiayaan kerajaan. Ramai melihatnya sebagai potensi mengurangkan kebergantungan kepada penderma besar, tetapi bimbang terhadap implikasi fiskal dan pentadbiran serta menimbulkan kemarahan dan ketidakpuashatian daripada rakyat.

8.4.9.2 Berdasarkan kajian, sekiranya pembiayaan kerajaan diperkenalkan, apakah mekanisme kawalan yang dicadangkan bagi memastikan penggunaan dana tersebut telus dan adil?

Walaupun terdapat penolakan atas dasar penggunaan wang rakyat, majoriti pakar melihatnya sebagai langkah progresif untuk menyokong fungsi asas parti dan menjamin persaingan sihat, terutamanya bagi parti pembangkang.

Pengagihan dana ini dicadangkan berdasarkan formula objektif seperti jumlah undi atau bilangan kerusi yang dimenangi. Selain itu, pemberian pelepasan cukai kepada penderma juga dicadangkan sebagai insentif untuk menggalakkan sumbangan yang direkodkan secara rasmi, namun ia perlu disertakan dengan had maksimum bagi memastikan keadilan sosial.

8.4.10 SOALAN KESALAHAN & HUKUMAN

8.4.10.1 Berdasarkan kajian, adakah terdapat sokongan terhadap pewujudan kesalahan khusus di bawah Rang Undang-Undang Pendanaan Politik ini?

Ya. Majoriti besar responden menyokong pewujudan keslahan khusus di bawah RUU untuk mengenakan hukuman tegas terhadap pelanggaran undang-undang pendanaan politik, terutamanya bagi mencegah rasuah dan pengubahan wang haram.

8.4.10.2 Berdasarkan kajian, adakah terdapat pemertanggungjawaban ke atas parti politik, calon, atau pegawai tertentu seperti bendahari sekiranya berlaku pelanggaran?

Sekiranya berlaku pelanggaran, pemertanggungjawaban ke atas parti politik, calon, atau pegawai tertentu adalah bergantung kepada penglibatan sebenar pihak yang melakukan kesalahan.

SENARAI SUMBER & RUJUKAN LAPORAN

Cabinet Decision. 2007. “Minute of Decision, CAB Min 07: 8/5”; Cabinet Decision. 2007b “Minute of Decision, CAB Min 07: 16/8”.

Canadian Election Foundation. (2024, June 25). *The CCE and Elections Canada: Two distinct organizations*. Retrieved December 31, 2025, from https://www.cef-cce.ca/content.asp?section=abo&dir=tdo&document=index&lang=e

Casas-Zamora, K. (2008). Political finance and State funding systems: An overview. *Washington, DC: International Foundation for Electoral Systems*.

Casas-Zamora, K., & Falguera, E. (2016). Checkbook elections: Political finance in comparative perspective [Policy brief]. International Institute for Democracy and Electoral Assistance (International IDEA). https://arpi.unipi.it/retrieve/e0d6c928-df8d-fcf8-e053-d805fe0aa794/Checkbook_Elections_brief.pdf

Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center). (n.d.). *Money in politics: Why political financing in Malaysia needs reforming*. Retrieved from https://c4center.org/wp-content/uploads/Political-Finance-Booklet.pdf

Coghill, K. (2022, March 23). *Political donations: A problem for our democracy? Counter-measures*. Victorian Branch of the Australian Fabians online event. Accountability Round Table. Retrieved from https://www.accountabilityrt.org/wp-content/uploads/2022/04/Coghill-K-2022-Political-Donations-Counter-Measures.pdf

Edwards, B. (2008). Political finance and inequality in New Zealand. *New Zealand Sociology*, *23*(2), 4-17.

Elections Canada. (2025, October 7). Relationship between the Chief Electoral Officer and the Commissioner of Canada Elections: Key Guiding Principles. https://www.elections.ca/content.aspx?section=abo&dir=cce&document=princip&lang=e

Elections Canada. (n.d.). *Political financing: Search for financial returns*. Retrieved December 31, 2025, from https://www.elections.ca/wpapps/WPF/EN/Home/Index?returntype=1

Electoral Commission. (2009, March 26). *Electoral Finance Act 2007 - detail*. Retrieved December 29, 2025, from https://elections.nz/media-and-news/2009/electoral-finance-act-2007-detail-2

Electoral Commission. (n.d.). About the broadcasting allocation. https://elections.nz/guidance-and-rules/for-parties/about-the-broadcasting-allocation/.

Electoral Commission. (n.d.). *For third party promoters*. Elections.nz. Retrieved December 30, 2025, from https://elections.nz/guidance-and-rules/for-third-party-promoters/

Electoral Commission. (n.d.). *Rules for party donations and loans*. Elections.nz. Retrieved December 30, 2025, from https://elections.nz/guidance-and-rules/donations-and-loans/rules-for-party-donations-and-loans/

Feasby, Colin. "Constitutional Questions about Canada's New Political Finance Regime." Osgoode Hall Law Journal 45.3 (2007) : 519–520.

Financial Conduct Authority. (n.d.). *Smaller business practitioner panel*. Retrieved December 31, 2025, from https://www.fca.org.uk/panels/smaller-business-practitioner-panel

Fisher, J. (1997). Donations to political parties.

France, G. (2023, November 21). *Limits on political donations: Global practices and its effectiveness on political integrity and equality*. Transparency International Anti-Corruption Helpdesk Answer. Berlin: Transparency International. Retrieved from https://knowledgehub.transparency.org/assets/uploads/helpdesk/Limits-on-political-donations_global-practice-and-effectiveness_final.pdf

Geddis, A. (2001). Regulating the funding of election campaigns in New Zealand: a critical overview. *Otago L. Rev.*, *10*, 575.

Geddis, A. (2007). Rethinking the funding of New Zealand's election campaigns. *Policy Quarterly*, *3*(1).

Geddis, A. (2021). "Funding New Zealand's Election Campaigns: recent stress points and potential responses". Policy Quarterly, 17(2), 9-13.

Geddis, Andrew. 2014. Electoral Law in New Zealand: Practice and Policy. 2nd ed. Wellington: LexisNexis; Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2023). Tax credits as a mechanism for political party funding in Aotearoa New Zealand: an exploratory study. *Australian Journal of Political Science*, *58*(2), 192-209.

German Bundestag. (2006, February 8). *State funding of political parties in Germany* [PDF file]. Retrieved December 31, 2025, from https://webarchiv.bundestag.de/archive/2007/0625/htdocs_e/documents/party_funding_05.pdf

Group of States against Corruption. (2009). Third evaluation round: Evaluation report on Sweden on transparency of party funding (Theme II). Council of Europe. https://rm.coe.int/CoERMPublicCommonSearchServices/DisplayDCTMContent?documentId=09000016806ca1b2

Ilham, T., & Sari, A. G. P. (2024). Political party financing regulation and gaps for corporate donations: Case of the developing country. *Journal of Governance and Regulation*, *13*(1).

Jeffrey, G. (n.d.). *Funding scandals, 2005* [Photograph]. Te Ara – the Encyclopedia of New Zealand. Retrieved December 29, 2025, from https://teara.govt.nz/en/photograph/35162/funding-scandals-2005

Jung, Y.-R., & Kim, E. (2003). Reforming Korea's political finance system: What does the official data tell (not tell) us. *Pacific Focus, 18*(2), 133–157.

Kadir, M. Y. A., Shafiya, N., & Kurniasari, E. (2025). Regulating Political Funding in Southeast Asia: A Comparative Legal Analysis of Transparency and Accountability in Malaysia and Indonesia. *Journal of Humanity and Social Justice*, 178-200.

Kang, D. C. (2002). Bad loans to good friends: Money politics and the developmental state in South Korea. *International Organization, 56*(1), 177–207.

Kausch, K. (2013). Foreign funding. *post-revolution Tunisia*, *20*, 2013.

Kim, Joungwon Alexander. 1975. Divided Korea: The Politics of Development. 1945–1972. Cambridge, Mass.: Harvard University Press.

Koß, M. (2025). When (and how) ideas become arguments: The regulation of party donations in Germany. *Italian Political Science Review/Rivista Italiana di Scienza Politica, 55*, 25–38

Leong, S., Hazelton, J., & Townley, C. (2013). Managing the risks of corporate political donations: A utilitarian perspective. *Journal of Business Ethics*, *118*(2), 429-445.

Marriott, L., & Rashbrooke, M. (2025). Motivations for political donations in Aotearoa New Zealand. *International Political Science Review*, *46*(3), 406-421.

Ministry of Justice. (2010, April 29). *Regulatory impact statement: Electoral finance reform* [Regulatory Impact Statement]. Wellington, New Zealand: Author. Retrieved from https://www.regulation.govt.nz/assets/RIS-Documents/ris-justice-efr-apr10.pdf

Molomo, M., & Sebudubudu, D. (2005). Funding of political parties: Levelling the political playing field. *Maundeni, Forty Years of Democracy in Botswana*, 147-162.

National Consultative Committee on Political Financing. (2016, August 29). *Political financing in Malaysia: Reinforcing integrity* [Report]. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/LAPORAN-JKNMPP-ENGLISH.pdf

National Election Commission. (2017). *정치자금의 원활한 조달과 투명성 강화방안에 관한 연구*[Study on measures to facilitate political funds and strengthen transparency].

New Zealand Parliament. (2022). Electoral Amendment Bill. https://www.parliament.nz/en/pb/bills-and-laws/bills-proposed-laws/document/ BILL_125504/electoral-amendment-bill.

New Zealand Parliamentary Counsel Office. (1993). *Electoral Act 1993* (1993 No 87). New Zealand Legislation. Retrieved December 30, 2025, from https://www.legislation.govt.nz/act/public/1993/0087/latest/DLM307519.html

New Zealand Parliamentary Counsel Office. (2001). *Local Electoral Act 2001* (2001 No 35). New Zealand Legislation. Retrieved December 30, 2025, from https://www.legislation.govt.nz/act/public/2001/0035/latest/DLM93301.html

Office of the Auditor-General. (2024, May). *Part 2: The Electoral Commission and the 2023 General Election*. In *General Election 2023: Independent review of counting errors*. Retrieved December 30, 2025, from https://www.oag.parliament.nz/2024/election-2023/part2.html

Ohman, M. (2012). Political finance regulations around the world. *An Overview Of The International IDEA Database. International Institute For Democracy And Electoral Assistance*.

Organisation for Economic Co-operation and Development. (2014). *The governance of regulators* (OECD Best Practice Principles for Regulatory Policy). Paris, France: OECD Publishing. https://www.oecd.org/content/dam/oecd/en/publications/reports/2014/07/the-governance-of-regulators_g1g3fcdb/9789264209015-en.pdf

Phillips, H. (2012). The funding of political parties. *The Political Quarterly*, *83*(2), 318-324.

Piccio, D. R. (2024). Mapping private party funding regulation. Deregulation in sight?. *Italian Political Science Review/Rivista Italiana di Scienza Politica*, 1-13.

Political donations can only go into party's account, integrity minister says. (2015, August 11). *Malay Mail*. Retrieved November 7, 2025, from https://www.malaymail.com/news/malaysia/2015/08/11/political-donations-can-only-go-into-partys-account-integrity-minister-says/949647

Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2022). *Money for something: A report on political party funding in Aotearoa New Zealand*. Wellington, New Zealand: Victoria University of Wellington – Te Herenga Waka. Retrieved from https://www.wgtn.ac.nz/business/research/researchers/more-featured-researchers/supporting-political-party-funding-law-reform/money-for-something-final-report.pdf;

Rashbrooke, M., & Marriott, L. (2023). A reform architecture for political party funding in Aotearoa New Zealand. *Policy Quarterly*, *19*(1), 73-79.

Reed, Q., Jouan Stonestreet, B., Devrim, D., Krieger, T., Kubeková, V., Blomeyer, R., & Heinemann, F. (2021). *Financing of political structures in EU Member States: How funding is provided to national political parties, their foundations and parliamentary political groups, and how the use of funds is controlled* (PE 694.836). European Parliament, Policy Department for Budgetary Affairs; Schmitz, T. (2019). Political parties and their funding in Germany. *Juridiskā zinātne / Law, 12*, 86–95.

Royal Commission on Electoral Reform and Party Financing. (1991). Reforming electoral democracy: Final report (Vol. 1). Canada Communication Group—Publishing.

Sajadi, R. (2025). *Towards Democratic Integrity: A Blueprint for Political Finance Reform in Aotearoa/New Zealand* (Doctoral dissertation, ResearchSpace@ Auckland).

Schiffino, N., & Krieger, K. (2019). Advisory bodies and morality policies: does ethical expertise matter?. *Policy Sciences*, *52*(2), 191-210.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (n.d.). *Sejarah penubuhan Suruhan Jaya Pilihan Raya*. Retrieved December 30, 2025, from https://spr.gov.my/sejarah-penubuhan-suruhan-jaya-pilihan-raya/

Tham, J. C. (2017). Of Aliens, Money and Politics: Should Foreign Political Donations Be Banned?. *King's Law Journal*, *28*(2), 262-278.

The Korea Times. (2015, April 17). *2003 'money-truck' scandal revisited*. https://www.koreatimes.co.kr/southkorea/20150417/2003-money-truck-scandal-revisited

Titl, V., De Witte, K., & Geys, B. (2021). Political donations, public procurement and government efficiency. *World Development*, *148*, 105666.

Transparency International – Malaysia. (2011). *Memorandum on reform of political financing in Malaysia*. Kuala Lumpur: Transparency International – Malaysia. Retrieved from https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/11b.-Crinis-Memo-English.pdf

Van Biezen, I. (2008). State intervention in party politics: The public funding and regulation of political parties. *European Review*, *16*(3), 337-353.

Zainal, S., & Tan, W. Y. (2023, October). *Tax incentives for political donations: Lessons for Malaysia* (Brief IDEAS No. 39). Kuala Lumpur: Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS). Retrieved from https://ideas.org.my/wp-content/uploads/2023/10/B39_Tax_Incentive_PolFin_V4.pdf